
KARYA TERPILIH

SYED HUSSEIN ALATAS



MITOS
PERIBUMI MALAS

Kata Pengantar oleh
SYED FARID ALATAS



MITOS PERIBUMI MALAS

MITOS PERIBUMI MALAS

Imej Orang Jawa, Melayu dan Filipina dalam Kapitalisme Penjajah

SYED HUSSEIN ALATAS

Naib Canselor,
Universiti Malaya.

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR
1989

K.K. 301 – 4021 5101
ISBN 983-62-0765-1

Buku ini diterjemahkan ke bahasa Indonesia daripada karya asal beliau yang berjudul *The Myth of the Lazy Native* oleh Ahmad Rofie dan diubahsuai ke bahasa Malaysia oleh Zainab Kassim.

Cetakan pertama, edisi bahasa Indonesia, 1987
Cetakan pertama, edisi bahasa Malaysia, 1989

Diaturhuruf oleh Pustaka Cipta Sdn Bhd
Muka Taip Teks: Times Roman
Saiz Taip Teks: 10/12

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan
$13.00

kepada kedua-dua orang tua saya
Syed Ali Alatas
dan
Sharifah Raguan Alaydrus

Kandungan

Pengenalan

Buku ini merupakan salah satu daripada siri penerbitan tentang bangsa-bangsa di Asia Tenggara dan sekitarnya. Siri penerbitan ini dimaksudkan sebagai usaha memahami lebih jauh kebudayaan, sejarah, politik dan perubahan bangsa-bangsa yang hidup bertetangga dengan kita, yang selama ini terlepas daripada perhatian. Kesibukan mengejar ketinggalan daripada bangsa-bangsa maju justeru tidak menyisihkan perhatian kepada bangsa-bangsa yang setaraf dan senasib.

Sementara siri penerbitan ini ditaja oleh The Toyota Foundation yang juga melakukan hal yang sama di negara-negara lain di bawah program "Know Our Neighbours" – namun tentu sahaja diharapkan agar bukan yayasan itu yang akan mengambil manfaat daripada penerbitan ini, melainkan bangsa-bangsa yang bersangkutan itu sendiri, memberi penghargaan kepada yayasan itu.

Penerbit

Pendahuluan

Buku ini cuba menganalisis asal usul dan fungsi "mitos tentang peribumi yang malas" dari abad ke-16 hingga abad ke-20 di Malaysia, Filipina dan Indonesia. Pendekatan metodologisnya adalah melalui sosiologi pengetahuan. Fungsi mitos sebagai unsur yang penting dalam ideologi kolonial digambarkan dengan mengambil contoh-contoh sejarah dan sosiologi. Dua konsep yang secara *consistent* digunakan di sini perlu penjelasan: yakni ideologi dan kapitalisme kolonial. Suatu kerancuan telah muncul berkenaan dengan definisi ideologi khususnya di Amerika Syarikat, suatu kerancuan yang sebahagian diakibatkan oleh banyak gejala yang harus dimasukkan ke dalam definisi tersebut, dan sebahagian oleh logik yang rancu daripada beberapa pihak yang cuba mendefinisikannya. Tanpa melibatkan diri dalam perbincangan tersebut, kita hanya sekadar akan menunjukkan bagaimana kita mendefinisikan istilah tersebut di sini. Pilihan kita tentang erti tidaklah sembarangan atau sekadar mencari yang mudah. Terlalu mengandalkan konsep Mannheim tentang ideologi, bererti mewakili dunia pemikiran yang telah menjadi ciri falsafah politik kolonialisme dalam konteks Asia. Ini mewakili suatu kenyataan objektif – ideologi kolonialisme.

Dalam rangka buku ini, ideologi adalah suatu sistem anutan yang dicirikan oleh sifat-sifat seperti yang berikut: (a) untuk mencari bukti suatu tata sosial, ekonomi dan politik tertentu, (b) dalam usaha ini, sistem membelokkan bahagian daripada kenyataan sosial yang kelihatan tidak sesuai dengan anggapan yang utama, (c) sistem wujud terutama dalam bentuk isi fikiran yang tampak (manifest), berbeza daripada isinya yang tersembunyi (latent)[1], (d) bersifat berwibawa, (e) mewakili kepentingan kelompok tertentu, (f) ketika berkuasa sistem mencipta kesedaran palsu bagi kelompok yang diwakili dan kelompok yang dikuasainya, (g) dapat mengambil idea daripada sebarang sumber – ilmu,

agama, kebudayaan, ekonomi, sejarah, dan sebagainya, (h) muncul daripada berbagai-bagai kepentingan yang bertentangan daripada berbagai-bagai kelompok,[2] dalam suatu masyarakat dengan pembahagian kerja dan kelas sosial yang tegas, dan (i) gagasan utama pada akhirnya, sebahagian besar ditentukan oleh pola pengeluaran (mode of production) menurut waktu dan tempat tertentu.

Ada ideologi daripada kelompok yang berkuasa dan ideologi daripada kelompok yang dikuasai; yang disebut Mannheim sebagai ideologi mutlak dan ideologi khusus.[3] Walaupun kajian tentang berbagai-bagai ideologi telah mempengaruhi sejumlah analisis dan kategori. Di sini kita akan mengklasifikasikannya menjadi empat kelompok utama ideologi konservatif, ideologi reformasi, ideologi revolusioner, dan ideologi tandingan.[4] Untuk maksud buku ini, kiranya cukup dengan menggunakan klasifikasi tersebut. Dalam perwujudan sejarah yang empiris, ideologi kolonial memanfaatkan gagasan tentang peribumi malas untuk membenarkan amalan penindasan dan ketidak-adilan dalam mobilisasi tenaga kerja di negeri jajahanya. Ia menggambarkan citra negatif tentang peribumi dan masyarakat mereka untuk membenarkan dan mencari alasan penaklukan dan penguasaan Eropah terhadap wilayah tersebut. Ia juga memesongkan unsur-unsur kenyataan sosial dan manusia ini untuk menjamin bentuk ideologi yang sesuai dengan keperluan mereka. Rangkuman fikiran yang disusun untuk membentuk gambaran tentang masyarakat peribumi akan ditunjukkan dalam bab-bab selanjutnya.

Kapitalisme kolonial pula dicirikan oleh sifat-sifat berikut: (a) penguasaan yang menonjol dan pengerahan modal oleh kekuatan ekonomi asing, (b) penguasaan terhadap jajahan oleh suatu pemerintahan yang dijalankan oleh kelompok kekuatan asing, yang bertindak menurut kepentingannya sendiri, (c) tingkat yang tertinggi daripada unsur perdagangan dan industri, ditangani oleh komuniti penguasa asing, (d) arah perdagangan eksport dan import negara disesuaikan dengan kepentingan penguasa asing, (e) lebih condong terhadap pola pengeluaran pertanian daripada terhadap perusahaan, (f) pengembangan keterampilan teknologi dan ilmu pengetahuan sangat sedikit, (g) organisasi pengeluaran melibatkan tenaga kerja setengah bebas, (h) ketiadaan kesatuan sekerja atau organisasi buruh untuk melakukan tindakan pemerasan, (i) sebahagian besar penduduk tidak terlibat langsung dengan perusahaan kapitalis dan (j) berlakunya

seperangkat pertentangan dalam masyarakat jajahan yang diterangkan dengan istilah dualisme.[5] Tempoh efektif kapitalisme kolonial, dalam buku ini, meliputi abad ke-18 dan ke-19 dan pertengahan pertama abad ke-20. Memang tidak mungkin untuk menyusun suatu benteng yang ketat daripada serangan kapitalisme kolonial, namun cukup bagi kita mengatakan bahawa pada abad ke-18 di Malaysia, Filipina dan Indonesia, kekuatan kapitalisme kolonial berakar dengan kuat. Dalam tempoh tersebut banyak perubahan yang terjadi di dalam struktur masyarakat peribumi.

Tentang kapitalisme sendiri, istilah tersebut tidak mudah diberi definisi. Dengan mengutip Weber, Sombart menulis bahawa organisasi kapitalis moden adalah suatu kosmos yang sangat besar, yang di dalamnya satuan manusia dilahirkan. Sebagaimana penulis-penulis yang lain sebelum dan sesudahnya, Sombart memisahkan semangat kapitalisme daripada hiasan-hiasan kelembagaannya.[6] Penggunaan modal itu sendiri bukan kapitalisme, kerana kapitalisme adalah sistem ekonomi yang dihubungkan dengan suatu pandangan yang tertentu; dicirikan dengan gambaran seperti yang berikut: (a) tujuan dan sasaran akhir kegiatan ekonomi ialah penambahan kekayaan sehingga menjadi lebih besar dan lebih besar lagi, (b) wang menjadi ukuran pokok kekayaan, (c) modal, sebagai sumber meningkatkan kekayaan harus ditingkatkan secara terus-menerus, (d) batas tambahan keuntungan ini harus dikembangkan terus, (e) nilai-nilai yang bukan ekonomi yang lain kurang diutamakan demi kepentingan keuntungan, (f) metode-metode yang rasional digunakan dan dirancang dalam usaha menghasilkan kekayaan dan keuntungan, (g) organisasi yang dilibatkan dalam penguasaan kapitalis harus bebas daripada penguasaan umum; (h) para pemilik dan pengurus kapitalis adalah sekelompok kecil, (i) nilai komoditinya ditentukan oleh pasar, (j) modal dianggap lebih penting daripada tenaga kerja dalam penagihan keuntungan; (k) ada pengakuan hak kelompok yang berbeza untuk bersaing dalam pengeluaran dan penjualan komoditi yang dianggap sebagai sumber kekayaan dan keuntungan, (l) peranan pemodal diakui, (m) ada pilihan bebas untuk mengambil bahgian dalam bidang ekonomi, dan (n) ada pemilikan peribadi terhadap alat-alat pengeluaran.[7]

Sekiranya suatu sistem dikuasai oleh ciri-ciri tersebut, maka dikatakan ciri kapitalis. Faktor-faktor lain yang menyertai perkembangan kapitalisme di Eropah Barat seperti perluasan industri,

sistem perbankan, pertumbuhan ilmu pengetahuan dan teknologi dan penerapannya untuk mencipta keuntungan, merupakan beberapa bahagian daripada fenomena sejarah kapitalisme, yang meskipun tidak dibicarakan secara tegas, termasuk dalam saripatinya. Hal-hal tersebut merupakan cara dan hasil daripada kapitalisme. Perbezaan antara kedua-dua masalah itu diungkap oleh banyak peneliti. Tentang ciri kapitalisme, Weber menekankan pengejaran keuntungan, yang senantiasa diperbaharui dengan berbagai-bagai cara oleh perusahaan kapitalis secara terus-menerus dan rasional. "Dorongan terhadap pendapatan," menurutnya "pengejaran pendapatan, wang dan sebanyak mungkin wang, tidak ada kaitannya dengan kapitalisme. Dorongan ini ada dan telah terjadi di kalangan pelayan, doktor, pelatih, seniman, pelacur, pegawai yang tidak jujur, tentera, bangsawan dan pengemis. Seseorang boleh sahaja mengatakan bahawa hal ini lumrah bagi segala jenis dan keadaan manusia sepanjang masa dan dalam semua negara di dunia, yang kemungkinan objektif untuk itu ada atau diberi. Hal ini seharusnya diajar sejak awal di dalam sejarah kebudayaan bahawa gagasan mudah tentang kapitalisme harus dihentikan sama sekali. Keserakahan akan pendapatan yang tidak terbatas, tidak sedikit pun serupa dengan kapitalisme dan juga dengan semangatnya. Kapitalisme bahkan dianggap serupa dengan pengendalian, atau paling tidak sifat yang rasional daripada dorongan yang tidak rasional ini. Tetapi kapitalisme serupa dengan pengejaran keuntungan, dan keuntungan yang selamanya diperbaharui, dengan berbagai-bagai cara secara terus-menerus dan rasional oleh perusahaan yang berasalkan unsur kapitalis. Baginya harus demikian. Dalam sesuatu tata masyarakat yang sama sekali bersifat kapitalis, perusahaan kapitalis individu yang tidak dapat memanfaatkan kesempatannya untuk mencipta keuntungan, akan membentur kematian."[5] Suatu usaha yang berhasil memisahkan intisari kapitalisme juga telah dilakukan oleh Amintore Fanfani yang membandingkannya dengan semangat prakapitalis. Ia beranggapan bahawa semangat kapitalis tidak menentukan batasan apa pun dalam penggunaan cara yang menurut hukum untuk memperolehi kekayaan, dan tidak ada pengekangan bukan ekonomi yang dibenarkan untuk merintangi perolehan keuntungan. Semangat prakapitalis menilai harga sesuatu barang menurut kos pengeluaran sementara semangat kapitalis menilai suatu barang berdasarkan permintaan umum. Prakapitalis menyesuaikan gaji menurut keperluan pekerja, kapitalis menurut keluarannya. Prakapitalis

mengakui pembatasan yang ditentukan secara sosial dalam menikmati kekayaannya, sementara kapitalis tidak. "Hal ini memang berada dalam perbezaan konsep," menurut Fanfani,

> ...bahawa kita menemui perbezaan asas antara semangat kapitalis dan prakapitalis. Dan perbezaan ini menjangkau lebih daripada institusi-institusi, bentuk ekonomi, yang mengajar kita menganggap apakah suatu sistem itu kapitalis atau bukan. Dalam menetapkan tolok ukur kita untuk membezakan antara suatu abad ekonomi tertentu dengan abad yang lain, kita tidak mengabaikan perbezaan institusi-institusi, bentuk-bentuk dan teknik. Sebaliknya, kita akan menyaksikan bagaimana hal-hal ini sedikit banyak dibatasi secara langsung dan cukup teliti dengan konsep ekonomi yang berlaku. Demikian pula pendekatan kita terhadap masalah tersebut tidak menyangkal apa pun, bahawa keadaan praktis dapat menentukan suatu peralihan daripada satu konsep kepada konsep yang lain.[9]

Keyakinan kita akan konsep kapitalisme seperti itu diarah tidak hanya oleh kesahihannya tetapi juga oleh keperluan sejarah. Tidak ada di mana pun aspek sejarah dan budaya secara relatif suatu konsep tentang kapitalisme yang diungkap dengan lebih jelas, daripada konsep Barat. Suatu penjelasan diperlukan di sini. Konsep Fanfani tentang ciri-ciri pokok kapitalisme berasal daripada sejarah Eropah; ciri-ciri pokok ini muncul di kota-kota Itali pada abad ke-14, jika tidak lebih awal, dan juga di tempat-tempat lain di Eropah. Dalam membincangkan definisi yang lebih saksama daripada para ahli sosiologi dan ahli sejarah, ia mencatat berbagai-bagai definisi yang terbatas tentang kapitalisme,

> Pada hakikatnya, ini adalah pendapat banyak orang yang berbicara tentang kapitalisme dan mengertikannya sekarang sebagai suatu sistem yang modal adalah utama, dan yang dicirikan oleh tenaga kerja bebas, disertai persaingan yang tidak terkendalikan, kredit yang meluas, bank-bank menjadi makmur, industri besar dalam ukuran raksasa, dan pasaran dunia menjadi satu. Bagi yang berpendapat seperti itu kemunculan kapitalisme tergantung pada skala cara pengeluaran; banyaknya cara dalam memutar kekayaan; perluasan peralatan dan perkilangan. Hal ini layak sahaja ditolak; jika kriteria

> seperti itu diterima sebagai tanda kapitalisme, maka sistem kapitalis tidak memiliki gambaran asli dan bukan sesuatu yang baharu. Sesungguhnya bagi orang-orang yang tekun tidak luput untuk memperhatikan bahawa, pada hakikatnya, kapitalisme yang diyakini banyak orang itu telah menampilkan percubaan yang pertama pada abad ke-15 dan tumbuh subur di Florence, atau secara umum di Itali pada abad ke-14. Bahkan yang lain-lain menambah bahawa kapitalisme dapat ditemui di kota-kota Vlaams dan Perancis di sekitar tempoh yang sama, dan pada awal abad ke-11 di Venice.[10]

Weber menganggap organisasi yang rasional tentang tenaga kerja bebas merupakan ciri pokok kapitalisme moden.[11] Untuk ini ia juga mengambil daripada sejarah Eropah, tetapi definisi Fanfani lebih universal dan kurang berkaitan. Kapitalisme Belanda moden pada abad ke-19 di Jawa tidak didasarkan pada tenaga kerja bebas. Dalam definisi Fanfani, tenaga kerja bebas adalah suatu ciri sejarah khusus pada tempoh tertentu daripada sejarah Eropah; sebab itu kapitalisme di Jawa pada abad ke-19, meskipun didasarkan pada tenaga kerja bebas di negeri Belanda, hal yang demikian tidak berlangsung di Jawa. Maka dari sudut pandangan masyarakat Jawa, hal ini dikuasai oleh suatu sistem kapitalisme moden yang tidak didasarkan pada tenaga kerja bebas. Bentuk kapitalisme ini sama dengan yang didefinisikan oleh Fanfani, tetapi kerana konfigurasi sejarah kapitalisme di Asia Tenggara tidak sama dengan di Eropah, maka bentuk yang berbeza ini kita samakan dengan di Eropah, maka bentuk yang berbeza ini kita sebut kapitalisme kolonial. Ini adalah campuran unsur-unsur pokok kapitalisme, seperti yang dipertimbangkan oleh Fanfani, serta faktor-faktor institusi dan sejarah yang muncul di negeri-negeri yang dijajah di Asia Tenggara. Lebih jauh lagi kesan kapitalisme kolonial terhadap masyarakat-masyarakat di bawah penguasaannya, dalam hal ini Malaysia, Indonesia dan Filipina, merupakan kebalikan daripada kapitalisme di Eropah, dan yang terjadi dalam masyarakat-masyarakat Eropah.

Untuk menggambarkan hal tersebut, marilah kita kutip huraian yang berikut yang diberi oleh dua ahli sejarah tentang tahap-tahap kapitalisme yang dilihat menurut pandangan Eropah dan yang diperolehi daripada sejarah Eropah:

> Tahap pertama – kapitalisme dagangan – dihubungkan dengan

> penemuan geografi, penjajahan, dan peningkatan yang mengejutkan dalam perdagangan luar negeri. Dalam keadaan ini, kapitalis-kapitalis yang awal dilindungi oleh kekuasaan pemerintah, diberi subsidi dan monopoli serta membuat keuntungan daripada pengangkutan barang. Bermula sekitar tahun 1750; tahap kedua, kapitalisme industri, wujud dengan penggunaan sumber-sumber tenaga baru dan, mesin-mesin untuk pengolahan, pengembangan sistem perkilangan dan pertumbuhan kekayaan yang cepat. Ciri kapitalisme industri ialah mencipta keuntungan daripada proses pengolahan itu sendiri. Pada pertengahan abad ke-19, tahap ini mencapai puncaknya dengan pertumbuhan kilang yang besar, berbagai-bagai mesin yang cekap, dan pemusatan modal di tangan kelas menengah. Pada akhir dasawarsa abad ke-19, tatkala pengawasan akhir dan arah industri mulai beralih ke tangan pemodal, kapitalisme industri beralih menjadi kapitalisme kewangan sebagai tahap ketiga. Pembentukan perusahaan-perusahaan industri raksasa dan pemilikan serta pengurusan kekayaan mereka oleh kelompok yang benar-benar terpisah daripada pengeluaran, merupakan ciri-ciri yang menonjol dalam tahap yang ketiga ini.[12]

Tahap pertama berlangsung di Asia Tenggara; tahap kedua dan ketiga tidak terjadi dalam masyarakat Asia Tenggara, pengaruh kewangan dalam negeri dan kapitalisme industri yang tumbuh dalam masyarakat Eropah, tidak sama dengan yang tumbuh dalam masyarakat Asia Tenggara, hingga berakhirnya kolonialisme Eropah. Kelas menengah dihancurkan oleh kekuatan penjajah jauh lebih awal dalam abad ke-18 dan ke-19. Tambahan pula, kapitalisme monopoli, yang dianggap Lenin sebagai tahap tertinggi kapitalisme, menuju ke arah perjuangan untuk kerajaan, berlangsung di wilayah ini pada abad ke-17. Orang-orang Belanda, Sepanyol dan Portugis bertanggungjawab terhadap hal ini, tetapi Belandalah yang mendesak pengaruh utamanya di sana. Maka kapitalisme monopoli diterapkan ke dalam wilayah tersebut, berabad-abad sebelum Lenin menduganya,[13] sementara kapitalisme kewangan berlangsung di Indonesia jauh sebelum dikuasai oleh masyarakat Barat. Konfigurasi sejarah yang disebut kapitalisme di Barat, secara asas dibezakan daripada masyarakat penjajah Asia Tenggara. Oleh kerana itu kita dibenarkan menggunakan konsep yang berbeza kapitalisme kolonial. Kita telah mendaftar beberapa unsur dasar daripa-

da konsep tersebut, dan yang lainnya dapat dijumpai dalam data yang ada. Namun, hal ini memerlukan kajian sejarah ekonomi yang tidak dicuba hingga saat ini. Kapitalisme perdagangan di Asia Tenggara sebelum tahun 1600, yakni sebelum kedatangan orang-orang Eropah, harus dibandingkan dengan keadaan yang terdapat di Eropah Barat. Beberapa pertanyaan pokok dapat diajukan dalam perbandingan yang dapat dibuat itu. Bagaimanakah peranan wang dan modal? Bagaimanakah sifat pedagang utama, menetap atau berpindah-pindah?[14] Bagaimanakah pengaruh jarak dan iklim terhadap kegiatan perdagangan dan perkapalan? Bagaimanakah pola pertukarannya? Bagaimanakah hubungan antara kota-kota peniagaan dan pedesaan? Adakah kemunculan kelas-kelas baharu? Semuanya ini merupakan beberapa pertanyaan yang dapat diketengahkan.

Usaha menyusun konsep baru untuk keperluan kajian tentang masyarakat Asia Tenggara disesuaikan dengan penerapan sejati ilmu-ilmu sosial. Konsep universal yang umum dan abstrak daripada ilmu-ilmu sosial moden yang dikembangkan di Barat, tidak harus secara automatis diterapkan ke dalam masyarakat bukan Barat. Unsur-unsur universal dan khusus daripada konsep tersebut harus dipisahkan; kita telah mencubanya dalam hal kapitalisme dan sebaliknya menyarankan konsep kapitalisme kolonial yang berasal daripada ciri khusus daerah tersebut. Hal yang sama dapat dikatakan tentang ideologi, kerana ideologi kolonial, paling tidak dalam satu hal, tidak mewakili ideologi di Barat. Ideologi di Barat dilahirkan daripada konflik antar-kelompok; demikian juga halnya di Asia. Tetapi, ideologi kapitalisme kolonial yang merupakan ideologi menyeluruh daripada kekuasaan Barat yang menguasai jajahannya, tidak lahir kerana konflik antar-kelompok, meskipun berberapa unsur daripada ideologi itu, seperti mitos tentang peribumi yang malas ditonjolkan oleh konflik antar-kelompok. Namun, konflik ini terjadi bukan antara kelompok penguasa dan yang diperintah, melainkan antar-kelompok penguasa itu sendiri, seperti perdebatan orang Belanda tentang orang Jawa pada abad ke-19. Oleh kerana itu, dugaan tentang asal usul konflik daripada ideologi, tidak termasuk ciri universalnya: ideologi dapat wujud dengan konflik atau tanpa konflik.

Ideologi kapitalisme kolonial mencari bukti daripada kaedah Barat dalam tujuannya untuk mengadakan modenisasi dan tamadun masyarakat yang telah menyerah kepada kekuatan Barat. Seorang penganut ideologi yang paling lantang di wilayah ini ialah Thomas Stamford

Raffles, yang membuka Singapura.[15] Apakah ini di Malaysia, Filipina atau Indonesia, atau apakah ini bangsa Inggeris, Sepanyol atau Belanda, berlaku cara penjelasan yang sama. Proses peradaban mempunyai sejarah yang berbeza-beza; doktrin Katolik di Malaysia dan Indonesia, misalnya, tidak dipandang perlu bagi proses peradaban sebagaimana halnya di Filipina. Tetapi tiga negara tersebut bersepakat bahawa kaedah Barat dan kebudayaan Barat unggul; bahawa rakyat Barat seharusnya memimpin dunia; bahawa mereka paling tepat untuk menghisap kesuburan alam Timur; dan bahawa mereka adalah para pentadbir yang terbaik. Kerananya, ideologi kapitalisme kolonial merendahkan kemampuan masyarakat Asia Tenggara. Setiap tindakan yang mungkin dilakukan ditujukan untuk memburukkan masyarakat Asia Tenggara, termasuk ukuran tubuh dan perwatakannya. Maka Geoffrey Gorer, ahli antropologi yang khusus mengkaji tentang watak bangsa, suatu disiplin yang bermaksud membetuli ramalan dan menuntunnya ke arah pengertian yang benar – pada awal kerjaya meneliti orang Jawa,

> Saya sendiri tidak mendapatkan orang Jawa sangat simpatik; di samping kesuburannya, ada semacam kesan yang tampak bahawa mereka merupakan suku yang tua dan rakyat yang kehabisan tenaga, sehingga hanya mampu menahan, setengah perjalanan hidupnya. Kesan ini menurut saya sebahagian disebabkan oleh agama mereka, dan kerena kemiskinan yang mendera sejumlah besar penduduk. Kemiskinan, khususnya kemiskinan yang tidak dapat dihindari dan di luar kemampuannya, mengakibatkan mati kejang dan tergeletak di mana-mana secara menjijikan; dan ajaran Muhammad menjadi penolong yang paling dahsyat daripada semua keyakinan. Adalah semata-mata pandangan peribadi yang mencegah saya menikmati persahabatan mereka, iaitu persoalan tentang ukuran; saya tidak suka berada di antara penduduk yang tampak lebih kecil dan lebih lemah daripada saya, kecuali kalau mereka dari segi lain mempunyai keunggulan yang sama; saya tidak menyukai persahabatan seperti itu yang saya rasai sebagai kelemahan saya.[16]

Pemburukan ideologi peribumi dan sejarahnya serta masyarakat, berkisar daripada khayalan yang tidak senonoh dan kebohongan serta pengetahuan tentang tingkah laku. Suatu khayalan yang tidak senonoh

adalah kesan Jagor bahawa orang Filipina membuat dayung daripada galah buluh dengan tujuan agar lebih sering beristirahat. "Bila dayung mereka kebetulan patah, lebih sering lebih baik, maka ditundanya kerja mendayung yang melelahkan itu sampai dayung tersebut diperbaiki lagi.[17] Jagor, ilmuwan Jerman yang mengenali Rizal, dan pendapat seperti itu berkembang di kalangan ilmuwan dan kaum terpelajar yang lain. Pandangan itu dipertahankan dan diulangi terus menerus selama paling kurang dua abad dalam ribuan buku dan laporan yang ditulis oleh para pentadbir, ilmuwan, pelancong dan wartawan, yang mengungkapkan akar ideologi mereka. Sejak kemerdekaan Malaysia, Indonesia dan Filipina, citra negatif tentang peribumi tidak lagi menyolok mata dalam tulisan-tulisan asing. Banyak karangan yang mencela situasi ekonomi atau politik di negara tersebut, tetapi secara langsung yang menyangkut peribumi, masyarakat dan sejarahnya. Hubungan politik dan ekonomi antara Asia Tenggara dan Barat telah berubah. Demikian juga citra peribumi telah berubah. Unsur-unsur ideologis telah diubah dan telah menyandang wajah yang baru. Citra tentang peribumi yang lamban, dungu, terbelakang dan curang telah berubah menjadi peribumi yang telah bergantung, yang memerlukan bantuan untuk menapak jenjang kemajuan.

Ini bukan maksud kita untuk menelusuri akar ideologi daripada citra sesudah kemerdekaan; kita lebih dipengaruhi oleh citra kolonial. Bahawa terdapat hubungan antara ideologi dan ilmu pengetahuan adalah suatu dalil yang kebenarannya dikuatkan oleh semua zaman. Marx dan Engels, dalam kajian perintisan mereka tentang ideologi kapitalis moden, menyogokkan contoh doktrin tentang pemisahan kekuasaan sebagai misal daripada peranan ideologi. Dalam suatu zaman dan dalam sesebuah negara ketika kekuasaan raja, aristokrasi dan borjuis bersaing untuk memperolehi keunggulan, dan ketika keunggulan itu terbahagi, maka doktrin tentang pemisahan kekuasaan menjadi begitu berpengaruh dan difahami sebagai suatu hukum abadi.[18] Ideologi mencampuri ilmu pengetahuan, tidak hanya dalam pembentukan konsep-konsep, tetapi juga dalam pemilihan berbagai-bagai masalah. Seperti penjelasan Mannheim, seorang pengamat dapat melepaskan diri daripada pengaruh yang menyimpangkannya daripada ideologi, asalkan ia menjadi sedar akan akar-akar sosial daripada cita-citanya dan sikap-sikapnya yang umum.[19] Maka pernyataan bahawa ilmu pengetahuan dikondisikan oleh ideologi seharusnya tidak diambil dalam pengertian yang mutlak;

bahawa masing-masing dan tiap-tiap ilmuwan sudah selayaknya dapat tanpa disedari dipengaruhi oleh ideologinya. Apa yang di katakan adalah bahawa selama masa kolonial dan zaman sesudahnya, kajian tentang orang-orang Malaysia, Jawa dan Filipina benar-benar telah dikuasai kekuatan ideologi daripada jenis tanpa kritik dan dangkal. Seorang ilmuwan yang matang dan objektif akan memberi pertimbangan ideologi dalam pilihannya tentang pokok persoalan, tetapi kajiannya tentang pokok persoalan itu sendiri akan mengikuti tata cara keilmuan yang lazima dan mencari objektiviti.

Pertimbangan ideologi penulis dalam buku ini mempengaruhi pilihan pokok persoalan. Inilah suatu usaha untuk membetuli suatu pandangan kolonial yang berat sebelah tentang peribumi Asia dan masyarakatnya. Saya meyakini pengaruh negatif yang bersumber daripada kolonialisme.[20] Saya percaya akan keperluan membuka topeng ideologi kolonial, yang pengaruhnya masih sangat kuat. Ilmuwan kolonial secara menyeluruh menghindari kajian tentang aspek-aspek negatif daripada kolonialisme; suatu usaha pembetulan ini tidak seharusnya secara automatis dianggap sebagai pembalikan mata wang. Ini adalah fakta-fakta yang dikemukakan, kejadian-kejadian yang disusun, tema yang diajukan, analisis yang meyakinkan, dan sikap ilmuwan yang pada akhirnya harus memutuskan, apakah usaha tersebut semata-mata sebagai pembalikan mata wang atau suatu pengembangan yang nyata dan melengkapi pengetahuan yang ada. Objektiviti dalam ilmu pengetahuan tersebut suatu kemungkinan, meskipun pengaruh ideologi pada pilihan tema – tetapi tidak pada pertimbangan dan analisis – dapat ditunjukkan dengan contoh seorang ilmuwan Burma. U Khin Maung Kyi, profesor di Lembaga Ekonomi, Rangoon, telah meluaskan ruang lingkup dan permasalahan sejarah ekonomi Burma dengan mengajukan pertanyaan, apakah perusahaan kolonial Barat di Burma telah mengembangkan kemajuan teknik dan membangkitkan golongan pengusaha peribumi. Beberapa aspek ekonomi kapitalis kolonial telah diteliti, namun semuanya adalah aspek struktur ekonomi kolonial seperti ketergantungan pada eksport bahan mentah, dan apakah perekonomian jajahan tersebut dapat tumbuh mandiri, kerana "perdagangan bebas" mengakibatkan penyingkiran perusahaan Burma yang tidak mampu bersaing, dengan taktik penanam modal asing yang melalap, dan menguras kembali modal serta berbagai-bagai hal serupa yang menguntungkan. Masalah-masalah yang diketengahkan oleh

U Khin Maung Kyi, didasarkan pada latar belakang ideologinya: ia adalah orang Burma yang memperhatikan pembangunan nasional Burma; kriterianya tentang makna yang penting ketika memilih permasalahannya adalah berdasarkan kepentingan nasional Burma. Ia menulis,

> Kerana kemajuan ekonomi jangka panjang suatu negara hanya dapat berkelanjutan melalui pengembangan kegiatan perusahaan peribumi dan peningkatan teknik, kami mengajukan pertanyaan, sebagai patukan alternatif dalam menilai prestasi perusahaan Barat, apakah hal ini telah mendorong kemajuan teknik dan menghasilkan kemunculan golongan penguasaha tempatan. Kami ingin menanyakan persoalan seperti penyebaran teknologi yang bagaimana yang telah berlangsung dalam masyarakat Burma selama masa kolonial, dan bagaimanakah masa hadapan perkembangan golongan pengusaha peribumi. Mengapa sebenarnya golongan pengusaha Burma gagal berkembang, terlepas daripada penjelasan yang itu-itu sahaja tentang ketiadaan kepintaran berusaha orang Burma atau kurangnya modal? Pertanyaan ini dapat dijawab hanya jika pertumbuhan perusahaan Barat dipertimbangkan dalam hubungan dengan dampaknya terhadap keadaan setempat.[21]

Fakta bahawa motivasi dan perspektif ideologinya telah mempersiapkan arah penelitiannya, tidaklah bererti telah mengurangi nilainya. Penyajiannya yang asli dan mahir itu lebih lanjut meningkatkan pemahaman kita tentang kapitalisme kolonial di Burma. Perspektif ideologi ilmuwan atau siapa pun penulis yang lain, ada di sana, tetapi masalahnya adalah kesedaran tentang hal tersebut dan menghindarinya daripada kelemahan objektiviti sesuatu kajian. Sebaliknya, kecaman Marx dan Engels terhadap ahli sejarah Eropah abad ke-19, seharusnya diakui.

> Sementara dalam kehidupan biasa setiap pemilik toko sangat mampu untuk membezakan antara apa yang dinyatakan seseorang dan apa yang sebenarnya diingini, ahli sejarah kita belum mampu mendapatkannya sekalipun untuk wawasan yang semudah ini. Mereka membahaskan setiap zaman sebagaimana adanya dan percaya bahawa segala yang dikatakannya dan dibayangkan tentang dirinya sendiri adalah benar.[22]

Ilmuwan yang tidak kritis menerima konsep-konsep tradisional tentang zaman, masalah-masalah, dan pola-pola analisis, tanpa sebarang pemikiran dan tanpa ragu-ragu. Lebih daripada pemilik toko, ia dilengkapkan untuk mempercayai tukang propaganda ideologi. Satu contoh yang nyata barangkali mencukupi.

Seorang ahli sejarah Amerika yang menulis tentang Hindia Belanda, Clive Day, dalam perbandingannya terhadap kebaikan pemerintahan Belanda dengan pemerintahan peribumi, cenderung memandang bahawa pemerintahan peribumi hanya sesuai untuk maksud kejahatan. Kesan yang diperolehinya dengan membaca sejarah negara peribumi adalah bahawa penguasa yang baik sangat sedikit, mereka tidak efektif, dan tidak ada pemerintahan peribumi yang baik.[23] Ia menghuraikan sekitar 20 halaman untuk menggambarkan ciri-ciri negatif pemerintahan peribumi, termasuk kezaliman penguasa mereka. Ia melihat bagaimana seorang penguasa memiliki ruangan di istana tempat ia menikmati pertunjukan wanita telanjang bergelut dengan harimau.[24] Ia menghuraikan akibat buruk pemerintahan peribumi tentang kependudukan, walaupun memang ada kesulitan kajian seperti yang diakuinya sendiri.[25] Dalam pengamatannya ia mengungkapkan konsep yang mudah tentang sejarah:

> Nampaknya tidak berlebihan untuk mengatakan bahawa separuh atau lebih daripada peperangan yang benar-benar yang melibatkan negara-negara peribumi, timbul akibat persoalan yang remeh temeh, seperti halnya dua orang yang sama buruknya harus menguasai wilayah tertentu. Saya tidak menemui bukti bahawa para pangeran atau dinasti-dinasti memenangi kecintaan atau kesetiaan rakyatnya dalam masa pemerintahan peribumi. Gabenor Jenderal Belanda menulis pada tahun 1677, pada saat pemberontakan di Mataram oleh orang yang menuntut takhta – merasa hairan jika penduduk yang selama berabad-abad mematuhi para penguasa leluhurnya harus melakukan sumpah setia kepada sang pemberontak dengan segala kejahilanya.[26]

Pandangan tentang masyarakat peribumi dan peribadi serta watak zalim mereka di dalam peperangan peribumi, dihembus-hembuskan secara terus-menerus oleh kapitalisme kolonial. Kata-kata Day yang digunakan untuk menggambarkan ketidakadilan yang berasal daripada kekuasaan Belanda, berbeza dalam sifat huraiannya dengan ketidakadilan

yang berasal daripada para penguasa peribumi atau komuniti Cina. Penguasa Belanda yang bermuka dua dan oportunis dengan politik yang memecah belahkan rakyat, "adalah semboyan dasar yang dianuti ketika berurusan dengan organisasi politik peribumi, dan merupakan prinsip yang menyebabkan sebahagian besar kejayaan Belanda."[27] Kesalahan dan ketidakadilan Belanda merupakan kehormatan sebagaimana yang dihuraikan berikut ini:

> Dalam usaha mereka menggunakan cara untuk menempuh jalan berliku-liku daripada politik peribumi, Belanda membuat kesalahan yang kadang-kadang diikuti oleh hasil yang membawa malapetaka, dan arah yang mereka lalui dalam beberapa hal pasti diragui dari sudut patukan etika moden. Banyak hal yang dapat dikecam, tetapi ada suatu keberanian dan kecerdikan yang membangkitkan kebanggaan dalam aspek dasar Belanda ini.[28]

Demikian pula halnya dengan pemerasan yang tidak terpisahkan dalam sistem kapitalis. Day membela lapisan perantara, dan menganggap fungsinya sebagai hal yang perlu. Tentang orang Cina di Jawa, ia menulis:

> Orang Cina selalu digambarkan sebagai orang yang berdosa besar dalam hubungan mereka dengan peribumi, bertindak melampaui batas dalam berbagai-bagai cara; mereka main curang dalam perdagangan, wang muka dengan bunga yang mencekik, dan kadang-kadang mengeksploitasi korban mereka tanpa ampun. Fakta ini tidak dapat disangkal, barangkali mudah untuk membuat suatu kesimpulan yang keliru tentang mereka. Peribumi dan organisasi peribumi cenderung disalahkan daripada orang Cina. Orang Cina banyak memperolehi kedudukan yang sama di Jawa moden sebagaimana halnya orang Yahudi memperolehi kedudukan seperti itu di Eropah Tengah; mereka memberi beberapa pendidikan dasar ekonomi kepada peribumi, dan mereka dibenci seperti orang-orang Yahudi dibenci.[29]

Korban-korban lebih dipersalahkan daripada yang mengeksploitasinya; eksploitasi diamati sebagai suatu bentuk pendidikan. Namun, keserakahan dan eksploitasi Syarikat Hindia Belanda yang menggunakan perantara Cina, bagaimanapun banyak juga yang dihuraikan sebagai "pasti diragui dari sudut pathokan etika moden." Tidak disebut tentang

pembantaian orang Cina oleh Belanda di Batavia pada tahun 1740, atau tentang kelakuan peribadi beberapa gabenor jenderal Belanda yang kejam. Dalam bukunya, secara curang ia mencela orang Timur. Dengan alasan objektiviti yang tidak memihak, ketidakadilan Belanda dinyatakan dalam kata-kata yang lunak, tetapi tidak demikian halnya dengan para penguasa peribumi. Ia menegaskan bahawa ia tidak dapat menemui suatu dokumen yang menunjukkan kecintaan terhadap penguasa mereka. Apakah ia telah menemuinya untuk Belanda? Day pembela kolonialisme Belanda, meskipun kritis terhadap beberapa aspek. Sikap ideologinya secara nyata mengganggu objektiviti keilmuannya. Masalah lain ialah kebungkamannya terhadap pandangan peribumi. Menguji secara praktis semua bahan sumber pokok yang digunakan Day, saya telah menemui banyak hal yang dapat dipercayai tentang sikap peribumi. Peperangan tidak lagi semata-mata berpunca daripada perselisihan antara individu-individu yang zalim; ketidakadilan sosial mengandungi banyak sekali hal yang harus ditangani. Day juga mengabaikan usaha mengkaji atau menilai peranan Belanda di dalam perang-perang ini dan ketidakstabilan wilayah.

Contoh lain tentang pengaruh negatif ideologi terhadap keilmuan, dilengkapi oleh karya J.S. Furnivall. Seseorang tidak dapat menuduh Furnivall bersikap permusuhan terhadap peribumi:

> ....ia sungguh sangat bersimpati terhadap mereka dan tidak menyembunyikan eksploitasi yang dilakukan oleh kekuasaan kolonial yang memerintah dan berbagai-bagai kelompok yang memperjuangkan kepentingan peribadi. Tetapi motif ideologi sebagai pedoman yang mempengaruhi penelitiannya adalah keraguannya untuk mengakui perlunya kemerdekaan. Menjelang Perang Dunia kedua, ia menerbitkan buku Netherlands India; dalam dua belas halaman dikisahkan tentang sejarah perjuangan peribumi di Indonesia, tetapi tidak satu pun menyebut Sukarno, Hatta, Sjahrir, Tan Malaka, Alimin, atau Muso. Ia benar-benar menyebut dan membahas tentang para pemimpin yang lunak, dan pengabaiannya terhadap Sukarno bukanlah yang sambarangan kekhilafan. Pengadilan Sukarno di Bandung pada tahun 1930 cukup menggemparkan, dan cukup banyak catatan Belanda tentang Sukarno. Begitu pula tentang kegiatan Komunis – Tan Malaka, Alimin dan Muso. Furnivall tidak tertarik pada nasionalisme sebagai dasar status sebuah negara. Ia percaya bahawa nasionalisme dalam apa yang di

> sebutnya masyarakat majmuk adalah suatu kekuatan pengacau yang cenderung menghancurkan daripada menghalang ketenteraman sosial.[30]

Ikatan batin Furnivall pada tahun 1939 memperjelas kebenaran kekuasaan kolonial. Oleh kerana itu ia tidak membicarakan tentang persoalan kemerdekaan yang diingini oleh kaum nasionalis, sebagai alternatif terhadap sistem kolonial. Ia rupa-rupanya menghindari pembicaraan tentang Sukarno dan Hatta, kerana kedua-dua tokoh itu tokoh nasionalisme yang terkenal, yang menuntut kemerdekaan. Ini tidak sesuai dengan ideologi Furnivall. Ideologinya meremehkan nasionalisme menjadi lebih jelas dalam bukunya *Colonial Policy and Practice*. Kata pengantarnya bertarikh Oktober 1947; dua tahun setelah Sukarno dan Hatta mengistiharkan kemerdekaan Republik Indonesia, 17 Ogos 1945, dan menjadi berita utama dunia. Revolusi Indonesia menentang Belanda merupakan peristiwa besar setelah Perang Dunia. Maka tidak mungkin bagi Furnivall mengabaikan Sukarno dan Hatta, namun tidak disebut peranan mereka di dalam politik Indonesia sebelum perang. Ini seperti penulisan politik moden India tanpa menyebut Gandhi dan Nehru, atau Revolusi Rusia tanpa Lenin dan Trostsky.

Pada tahun 1947, ketika kemerdekaan telah menjadi gelombang pasang yang menyapu bersih wilayah jajahan, tatkala pemerintah kolonial mempersiapkan pengunduran dari Asia, Furnivall menyatakan sokongannya terhadap kemerdekaan. Ketidakpercayaannya semula kepada nasionalisme telah diubah. "Tak kurang daripada kemerdekaan dapat mengubah nasionalisme daripada wabak yang merosakkan menjadi kekuatan yang kreatif."[31] Dengan kata lain, ia memandang nasionalisme selama masa sebelum kemerdekaan sebagai kekuatan yang merosakkan. Ini disebabkan pemihakan ideologinya, yang selama masa penjajahan kurang memberi perhatian terhadap gerakan kemerdekaan. Ia menyesali bahawa pada masa yang lalu, lebih banyak yang tidak dikerjakan untuk melengkapi masyarakat dan pemimpin mereka dengan tanggungjawab kemerdekaan.[32] Rakyat yang dijajah itu tidak setia kepada Inggeris sebagaimana Furnivall menyesalinya. "Sungguh sayang kita gagal menangkap khayalan rakyat bagi memberi inspirasi kesetiaan naluriah terhadap jalinan Inggeris, tetapi kita tidak dapat melepaskan akibat-akibat daripada masa lalu."[33] Hanya pada saat jajahan telah siap berada di ambang pintu kemerdekaan, Furnivall mengajukan persoalan

tentang berbagai-bagai kesulitan di sekitar kemerdekaan. Ia berkata:

> Masalah pemberkahan tanah jajahan tropika dengan keinginan sosial yang diatur, supaya dapat antara sikap hormat terhadap bangsa-bangsa yang memiliki banyak kesamaan masalah dengan hal yang lebih sederhana, meskipun belum sepenuhnya diatasi, yang memungkinkan banduan hidup seperti warganegara yang bebas. Seperti banduan yang hukumannya, maka masyarakat telah mengetahui bahawa pokok masalahnya ialah keperluan terhadap bantuan. Rakyat tersebut tidak hanya menyerupai seorang banduan tetapi juga penderita cacat; ia menderita lemah badan sebagai akibat daripada kurungan yang dideritainya. Di bawah tradisi politik dan tentang kekuatan asing yang buruk, kehidupan budaya hancur dan kegiatan ekonomi kehilangan pengertian nasional, kerana semuanya telah diubah untuk memenuhi keperluan kekuasaan penjajah.[34]

Maka kemerdekaan jajahan tersebut disamakan dengan banduan; kedua-duanya memerlukan perawatan. Perawatnya tentu sahaja adalah bekas pegawai penjaranya. Namun ia tegas terhadap kepentingan yang sedang ditujuinya – jika pengakuan kemerdekaan penting bagi kelangsungan hidup peradaban Barat, maka itu harus dianggap suatu kemungkinan.[35] Furnivall menggambarkan ideologi kolonialisme baru suatu ideologi yang mengakui keperluan meningkatkan kesejahteraan peribumi dan pada akhirnya untuk kemerdekaan negara, tetapi hanya setelah dilakukan sejumlah "latihan dan persiapan tertentu". Ini adalah nyanyian yang terkenal selama masa sebelum kemerdekaan, dan Furnivall telah menganalisisnya dalam sebuah buku. Ideologinya mendukung perombakan kapitalisme kolonial, bukan penghapusannya. Ideologi ini menguasai ilmuwan kolonial tetapi bukan dalam pengertian teknik pelaksanaan. Misalnya, cara yang digunakan untuk mengumpulkan dan menggunakan statistik bukan didorong oleh ideologi, melainkan terjadi pada pilihan pokok persoalan dan tafsiran kerana itu, pertumbuhan ekonomi kapitalis kolonial dalam suatu wilayah kolonial disebut "kemajuan ekonomi", sementara perubahan dasar pentadbiran disebut "perombakan", tanpa ada sebarang usaha untuk menilai kembali secara kritis apa sebenarnya erti "kemajuan" dan "perombakan".

Furnivall barangkali paling lantang membahaskan amalan kolonial zaman sekarang, sekalipun orientasi ideologinya yang terakhir ideologi kolonial. Pemerintah yang merdeka, pada pendapatnya harus kehilangan

kemerdekaannya jika pemerintah itu gagal menyesuaikan diri dengan patukan-patukan yang ditentukan oleh dunia (dalam hal ini, tersimpul di dalamnya, dunia Barat).

Kalau suatu pemerintah tidak melengkapi diri untuk membuat kemajuan ekonomi, maka ia tidak akan dapat mempertahankan dirinya sendiri terhadap kekuatan ekonomi luar; ia tidak akan dibiarkan hidup. Dan jika pemerintah tidak mampu mencapai tingkat minimum yang wajar bagi kesejahteraan manusia, khususnya dalam mencegah serbuan wabak yang menyerang manusia, ternakan dan tanaman, maka demi kepentingan kesejahteraan dunia harus dijalankan beberapa tindakan pengawasan. Penduduk tropika kehilangan kemerdekaan mereka kerana – di bawah pimpinan penguasa peribumi mereka tidak dapat memberi sifat sebagai warganegara dunia moden yang tunduk kepada syarat-syaratnya. Kebanyakan pemerintah kolonial yang patuh pada syarat-syarat tersebut, lebih memenuhi syarat daripada para penguasa tropika peribumi yang telah digesar. Pasti kekuatan kolonial, dalam penanganan urusan kolonial, terutama sekali melihat kepentingan mereka sendiri, dan satu sumber kelemahan dalam kekuasaan kolonial adalah perasaan tentang dunia luar, yang tidak memandang kepentingan-kepentingan kekuatan bukan kolonial yang sewajarnya. Sungguhpun pada umumnya benar, paling tidak di tanah jajahan Inggeris dan Belanda, pemerintah, meskipun bertanggungjawab terutama terhadap kekuasaan kolonial – bertindak atas dasar seluruh undang-undang, sebagai pengawas yang mewakili dunia moden.[36]

Lagi-lagi dunia Barat moden dipandang Furnivall sebagai orang tengah tunggal yang menentukan nasib manusia. Ia bahkan membenarkan kolonialisme Barat dengan cara memutarbalikkan sejarah. Apakah motif perluasan kolonial dalam kenyataannya merupakan pencegahan terhadap serangan wabak manusia, ternakan dan tanaman; apakah Belanda, Portugis dan Sepanyol di Asia Tenggara pada abad ke-16, 17 dan 18 digerakkan oleh semacam motif yang membahagiakan orang lain? Menurut kriteria ini Furnivall seharusnya menganjurkan penjajahan republik Sepanyol dan Amerika Latin moden. Kriterianya untuk kemerdekaan diertikan hanya bagi dunia bukan-Barat, dan pemikirannya adalah contoh pengaruh negatif dan tanpa sedar daripada ideologi terhadap ilmu pengetahuan. Inilah jenis pengaruh ideologi yang mengurangi objektiviti dalam ilmu pengetahuan dan perluasan yang rasional skop penyelidikan. Orientasi ini telah memusatkan

perhatian pada satu bidang, iaitu kepentingan kekuasaan kolonial, dan menyembunyikan perhatian yang berhubungan dengan kepentingan penduduk peribumi. Kerana itu, selama masa penjajahan tidak ada sarjana kolonial yang pernah menguji persoalan kemerdekaan dari sudut pandangan peristiwa yang diingini, yang harus dicapai dalam tempoh yang singkat. Kalau ada beberapa di antara mereka yang melakukan, mereka bermaksud untuk mengawasi proses tersebut atau semata-mata menerangkannya, dan tidak bermaksud untuk mengembangkannya sebagai kekuatan sejarah yang sah, sebagaimana cara mereka mengikuti pendidikan Barat di negeri jajahan.

Kita akan mempertimbangkan suatu pengaruh ideologi yang sah dan positif, kalau Furnivall telah mempelajari secara mendalam secara yang tidak memihak, tentang peranan nasionalisme dan begitu pula peranan kolonialisme. Kesimpulannya mungkin menegaskan tentang keperluan kolonialisme.Konsep itu seharusnya dinilai kembali secara kritis; logik seharusnya taakul; perspektifnya tentang suatu masalah seharusnya dilihat daripada beberapa aspek yang penting. Misalnya, ketika ia membuat pencegahan wabak, seharusnya ia juga memasukkan pencegahan kecanduan ubat bius. Tetapi ini yang tidak dapat dilakukan, kerana ia pasti sedar bahawa bahagian terbesar daripada penghasilan pemerintah kolonial Inggeris berasal daripada monopoli candu secara rasmi. Di Malaya (termasuk Brunei) dan Singapura antara tahun 1918 dan 1922, sekitar 30 peratus hasil pemerintah diperolehi daripada penjualan candu. Jika Furnivall menyarankan kesihatan sebagai ukuran pemerintah yang sah dan benar, ia seharusnya menimbang secara jujur dorongan pemerintah kolonial atas pencanduan ubat bius, dan membandingkan ini dengan kebodohan pemerintah peribumi tentang bagaimana memerangi suatu wabak, daripada menyembunyikan aspek kekuasaan kolonial ini dan menyoroti ketidakmampuan penguasa peribumi untuk memerangi wabak.

Dalam pengertian yang meyeluruh dan mendalam, tidak ada ilmu pengetahuan yang bebas daripada ideologi. Pengaruh ideologi tersebut mungkin kasar, mungkin pula halus. Ahli sosiologi yang mempelajari tentang masalah pengangguran secara tidak memihak, tidak menyampaikan pertimbangan nilai apa pun; ia menggunakan teknik penelitian yang bebas daripada pemihakan ideologi, tetapi ini tidak bererti bahawa ideologi tidak mempunyai pengaruh terhadapnya. Sejak awal lagi, hal tersebut mempengaruhi penelitiannya. Apakah penelitian-

nya itu dimaksudkan untuk memahami pengangguran dengan suatu pandangan untuk meningkatkannya atau untuk menguranginya? Apakah ia mempelajari pengaruh pengangguran terhadap para penganggur itu sendiri, terhadap masyarakat, atau terhadap para majikan? Apa pun keputusan yang diambilnya didasarkan pada sistem yang tertentu daripada nilai-nilai yang dihubungkan dengan ideologinya. Pengaruh ideologi pada tahap ini tidak dapat dihindari, tetapi suatu waktu ilmuwan tersebut menyedarinya dan kalau ia benar-benar mencurahkan perhatian kepada objektiviti yang ideal, maka ia dapat meneruskan tanpa membiarkan kesepakatan ideologinya yang kajian awal menyelewengkan analisis dan kesimpulannya. Ini mungkin bagi seorang ilmuwan peribumi yang terikat dengan cita-cita kemerdekaan untuk mengakui kebaikan kolonialisme tanpa memutarbelitkan kesemuanya – demikian juga sebaliknya, seharusnya benar. Apa yang diprihatinkan di sini adalah pengaruh negatif ideologi, penyimpangan, tidak kritis, tidak konsisten, pencorengan dalam penjelasan seorang ilmuwan yang muncul dari lubuk bawah sedar ideologinya.

Pendapat tentang sifat peribumi Asia selama masa kolonial yang dibicarakan dalam buku ini, terjadi di bawah pengaruh negatif ideologi, di kalangan ilmuwan kolonial mahupun orang awam, iaitu mereka dari negara-negara Barat yang menegakkan sistem kolonial, dan yang menguasai fikiran dunia jajahan. Dalam pengertian ini, tidak setiap ilmuwan Inggeris atau Belanda yang tertarik pada jajahan menjadi ilmuwan kolonial; kecuali J.A. Hobson dan ilmuwan Belanda W.F. Wertheim. Seorang ilmuwan, wartawan, atau penulis kolonial adalah seseorang dengan fikiran kolonial, baik halus mahupun kasar. Hasil daripada fikiran semacam itu – yang ada di bawah pengaruh negatif ideologi – sebaiknya dinilai dengan metode sosiologi ilmu pengetahuan. Akar penyimpangan watak peribumi dapat dibuat dalam kerangka ini. Di sini dilakukan suatu usaha untuk membetuli citra tentang peribumi yang dicipta dalam zaman penjajahan oleh mereka yang berkuasa. Untuk Malaysia, hal ini tidaklah semata-mata suatu latihan dalam ilmu pengetahuan sejarah: ada keperluan yang mendesak untuk membetuli citra kolonial tentang orang-orang Melayu, yang untuk citra ini masih mempunyai pengaruh kuat di kalangan segolongan manusia yang berpengaruh daripada orang kalangan bukan Melayu, dan ini juga telah mempengaruhi sebahagian kaum cendekiawan Melayu. Berlarutan citra ini akan menghalangi usaha menuju kesatuan nasional. Hal ini

mengakibatkan amalan diskriminasi tertentu dalam lapangan kerja orang Melayu – sejumlah majikan telah menolak orang Melayu kerana mereka meyakini mereka pemalas. Banyak orang berfikir bahawa pada dasarnya orang-orang Melayu tidak dilengkapi dengan kemampuan menjalankan usaha. Seluruh gagasan ini berasal daripada citra kolonial tentang orang-orang Melayu.

Seseorang tidak perlu menjadi seorang Marxist untuk mengakui bahawa elit yang sangat berkuasa menegakkan tata sosial, ekonomi dan politik tertentu akan menggunakan semua saluran fikiran dan tingkah laku yang berpengaruh, untuk menanamkan ideologinya ke dalam fikiran rakyat. Perguruan tinggi, suratkhabar, gereja, parti, sekolah, buku-buku, semuanya digunakan untuk tujuan itu. Ledakan kolonialisme yang dahsyat pada abad ke-19 diiringi oleh kecenderungan intelektual yang mencari pembenaran gejala tersebut. Kolonialisme, atau dalam skala yang lebih besar, imperialisme, tidak hanya sebuah kesinambungan kedaulatan dan pengawasan oleh suatu bangsa dan pemerintahannya terhadap yang lain, tetapi juga suatu pengawasan terhadap fikiran daripada yang ditakluki atau yang dijajah.[37] Bukan maksud buku ini untuk masuk ke dalam pertentangan yang berkenaan dengan ketepatan sifat dari penyebab dan kekuatan yang bertanggung-jawab terhadap perluasan Barat pada tahun 1900. Bahagian terbesar Asia dan Afrika dijajah pada abad ke-19. Pada tahun 1934, Britian, negara dengan keluasan 95 000 batu persegi dan penduduk berjumlah 46 610 000 jiwa, menguasai wilayah seluas sekitar 5 217 000 batu persegi dengan penduduk 415 595 000 jiwa. Belanda, negara seluas 13 000 batu persegi dan penduduk 8 290 000 jiwa, menguasai wilayah seluas 792 000 batu persegi dengan penduduk 60 971 000 jiwa.[38] Malaysia berada di bawah kekuasaan Inggeris pada abad ke-19, sementara Filipina dan Indonesia dijajah Sepanyol dan Belanda berturut-turut jauh lebih awal. Wilayah Inggeris di Malaysia bermula di Pulau Pinang pada tahun 1786. Melaka diambil alih daripada Belanda pada tahun 1795 dan Singapura diperolehi pada tahun 1819. Kolonialisme dan ideologinya yang membentuk tema pembahasan ini, bermula jauh sebelum ledakan kolonialisme dalam tempoh 1870-1900 yang diikuti industrialisasi Eropah dan munculnya modal kewangan industri.

Tahap kedua daripada perluasan kolonial, tahun 1870-1900, tidak mempengaruhi tema kita. Antara tahun 1819 dan 1942, di Malaysia, ideologi kapitalisme kolonial dengan pencemarannya tentang penduduk

peribumi dan citranya tentang peribumi, pada dasarnya tetap sama. Meskipun dipandang dari segi sejarah ekonomi dan sosial daripada jajahan tersebut, revolusi industri dan teknologi Eropah dalam abad ke-19 tetap berpengaruh, tetapi tidak demikian dengan perihal sejarah ideologinya. Ideologi kapitalisme kolonial yang berleluasa, pada prinsipnya tetap sama, kerana hal ini berkait dengan pola pengeluaran yang tidak mengalami perubahan besar dalam wilayah yang luas. Hingga pecahnya Perang Dunia Kedua, Malaysia, Indonesia, dan Filipina pada dasarnya – dalam kerangka kapitalis kolonial – menjalankan ekonomi pertanian. Perekonomian tersebut berbentuk sara diri, dan sebagaimana akan dilihat kemudian merupakan sebahagian persoalan tenaga kerja yang memberi reaksi kepada citra negatif tentang peribumi dan terhadap ideologi kapitalisme kolonial. Revolusi Industri mempengaruhi jajahan dalam pengertian bahawa mereka menjadi pasar barang-barang industri, di samping menjadi pengeluar bahan mentah dan tanaman wang. Tetapi revolusi itu tidak secara ilmiah dan tidak secara teknologi mengubah masyarakat kolonial dalam pengertian berbentuk institusi dan struktur sebagaimana hal ini berlangsung dalam masyarakat Eropah. Di Eropah, Revolusi Industri mengubah kelas-kelas yang ada, serta pekerjaan dan institusi-institusi yang perlu ke dalam sesuatu yang berbeza dan perbezaan ini adalah perembesan kelas-kelas, pekerjaan dan institusi yang dikaitkan dengan ilmu pengetahuan dan teknologi moden serta seluruh kehidupan industri yang kompleks. Di negeri jajahan, institusi pekerjaan, dan kelas-kelas yang tidak berfungsi terhadap kapitalisme kolonial akan dihapuskan atau dibiarkan begitu saja;[39] dengan pengecualian sedikit, seperti struktur pentadbiran, kesemuanya tidak diubah.

Ini tidaklah bermakna bahawa kolonialisme tidak mengakibatkan perubahan besar dalam masyarakat jajahan; banyak perubahan semacam itu dilakukan oleh kolonialisme melalui sistem kapitalisme kolonialnya, yang berbeza daripada yang dihasilkan oleh kapitalisme di Eropah. Di Eropah, kapitalisme merosak kekuatan feudalisme. Di Asia Tenggara, paling tidak di Filipina dan Indonesia, kapitalisme kolonial menjadi sejenis tata feudal yang diubah dengan nada yang kurang bersifat perkauman. Kekuasaan Eropah terhadap Asia dan Afrika pada abad ke-19 di mana-mana disertai kenaikan status sosial orang kulit putih dan seluruh ciri-ciri lahiriah mereka, seperti bahasa, tingkah laku, pakaian dan warna kulit mereka. Kerana itu, diciptakanlah suatu sistem

status yang dikuasai oleh rasa. Orang-orang Eropah membentuk kelompok yang berkuasa pada puncak hierarki; kemudian menyusul darah campuran Eropah dan pemeluk Kristian, lalu komuniti pendatang Asia asing, dan akhirnya penduduk peribumi. Di Indonesia, hanya penduduk peribumi yang dijadikan tenaga kerja yang utama.

> Diskriminasi terdapat di mana saja dalam bidang pemerintahan, keadilan, dan bagi memenuhi syarat memegang jawatan rasmi serta pengajaran. Ibu peribumi seorang anak daripada ayah berbangsa Eropah tidak memiliki hak-hak perwalian setelah kematian suaminya. Izin ibunya tidak diperlukan sebelum anak tersebut berkahwin. Kedudukan seseorang itu bukan bergantung kepada siapakah ia, tetapi pada kelompok penduduk mana ia tergolong. Tindakan hukum disusun untuk memastikan bahawa jalur warna tidak boleh dilampaui – kerananya dilarang berdan-dan selain cara yang biasa menurut kelompoknya sendiri. Para penguasa kolonial bahkan berhasil secara gemilang untuk memaksakan orang-orang Indonesia sendiri menerima sistem nilai yang didasarkan pada ras. Anggota-anggota kelas penguasa kolonial yang kelahirannya berasal daripada mereka, atau pada saat pendaratan mereka dipantai Hindia, memelihara pola tingkah laku ini dan mengilhami segala stereotaip yang berhubungan dengannya.[40]

Sistem status kolonial merupakan ciptaan baru kapitalisme kolonial. Perinciannya berbeza menurut tempat tertentu dan menurut sistem yang menguasai, tetapi pada umumnya sistem status tersebut sama sahaja. Dalam sistem ekonomi, keadaan Asia asing pada lapisan menengah, dan peribumi di lapisan bawah. Dari segi moral juga ditegakkan hierarki yang sama: orang Eropah paling berbudaya, diikuti oleh orang Asia asing, kemudian peribumi. Dunia sosial kapitalisme kolonial berbeza daripada kapitalisme moden Barat. Di Barat, terdapat jarak perbezaan yang besar antara yang kaya dengan yang miskin, tetapi si kaya dan si miskin di England kedua-duanya adalah orang Inggeris. Di negeri jajahan, tidak ada orang Eropah yang miskin: juga tidak ada kelas kapitalis peribumi yang sangat kaya dan sangat kuat ekonominya. Di England, kaum kapitalis membangun kilang perusahaan di tanah jajahan mereka tidak membangunnya. Mereka menanam tanaman wang dan mendirikan perusahaan yang menerima perlakuan istimewa daripada pemerintah kolonial. Pola kapitalisme ditanah jajahan berbeza dengan

negara-negara penjajah, perlombongan dan pertanian adalah pelaboran utama di tanah jajahan, bukan perniagaan dan industri; industri-industri yang ada di tanah jajahan dapat diabaikan kegiatan dan pembangunannya. Kerana itu, seperti yang dihuraikan sebelum ini, kapitalisme di tanah jajahan tidak menyebarkan ilmu pengetahuan moden dan teknologi kerana tidak ada kaitan dengan industri dan kerana sistem perlombongan dan pertanian tidak memerlukan banyak pengetahuan teknologi dalam proses awal pengeluaran bahan mentah, yang kemudian dikirimi terus ke Eropah. Kerana kegiatan memproses bahan mentah dilakukan di Eropah, tanah jajahan tidak memetik manfaat daripada amalan ilmu pengetahuan moden dan teknologi yang dihubungkan dengan proses tersebut.

Faktor di atas mengakibatkan kemunduran teknologi dan ilmu pengetahuan masyarakat peribumi selama dijajah. Penguasaan kolonial terhadap ekonomi, pengeluaran, sistem pendidikan, hubungan luar negeri, kebudayaan dan sejenisnya, menghilangkan kebebasan masyarakat Malaysia, Indonesia dan Filipina dalam menentukan dorongan mereka sendiri dan reaksi terhadap hal-hal tersebut. Kenyataan ini sangat jelas dibuktikan oleh Rizal dan golongan pembawa pembaharuan Filipina yang lain ketika mereka tinggal di Sepanyol, pada akhir abad ke-19. Mereka mengeluh tentang hal-hal yang tidak diperkenalkan oleh Sepanyol ke Filipina. Ini adalah bahagian dari indoktrinasi kolonial bahawa kolonialisme Barat membawa manfaat peradaban Barat; yang terjadi iaitu kolonialisme Barat menghalang berbagai-bagai manfaat daripada peradaban Barat. Pembangunan setelah kemerdekaan Filipina, Indonesia dan Malaysia membuktikan hal ini. Jumlah sekolah berlipat-ganda, cetak huruf bertambah cepat, suratkhabar muncul seperti cendawan, ribuan gedung baru didirikan, puluhan ribu mahasiswa pergi ke Barat, sejumlah universiti didirikan. Dalam semua aspek kehidupan terdapat ledakan kebudayaan yang membaur dengan berlipat gandanya hasil peradaban Barat. Pengetahuan yang ditanamkan, metode dan buku-buku, semuanya berasal dari Barat. Terangkainya bendungan kebudayaan itu, dinding kolonialisme hancur, bekas tanah jajahan memperolehi jauh lebih banyak peradaban Barat setelah kemerdekaan dibandingkan keadaan sebelum merdeka.Ilmu pengetahuan dan teknologi yang lebih tinggi dan lebih beragam kini telah dibaurkan dari Barat. Namun demikian masyarakat Asia Tenggara menghadapi sejumlah masalah seperti rasuah, pengagihan pendapatan, dan pembangu-

nan ekonomi, atau singkatnya masalah umum keterbelakangan. Sekalipun begitu, negara-negara tersebut jauh lebih maju dibandingkan dengan keadaan semasa dijajah. Hubungan dengan dunia Barat telah meningkat dan menakjubkan, dan kemasukan ilmu pengetahuan dan teknologi begitu pesat.

Kerana itu, sifat masyarakat Asia Tenggara yang relatif statik adalah akibat kekuasaan penjajah. Kolonialisme memisahkan negara ini satu sama lain dan bagi sebahagian besar dari dunia Barat secara keseluruhan. Masyarakat Asia Tenggara telah dikenal sifat pebaurannya, jauh sebelum orang Eropah yang pertama datang pada abad ke-16. Hindu, Buddha, dan Islam bersama-sama dengan ciri-ciri kebudayaannya telah lama diterima oleh orang-orang Asia Tenggara. Sejumlah hasil seni dan proses teknologi telah dibaurkan pada masa lalu dari India, Cina dan wilayah lain.[41] Orang Melayu dan orang Jawa juga telah melancong ke Cina, India, Parsi dan Arab sebelum kedatangan orang Eropah. Kemudian berlangsunglah interaksi kebudayaan antarabangsa dan hubungan dengan dunia Barat, di luar hubungan kolonial, yang mempercepatkan proses tersebut. Pada hakikatnya kolonialismelah yang membatasi dan memperlambat proses ini. Sekalipun tidak ada kolonialisme, pada akhir abad ke-19, ada pejabat perdagangan Melayu dan Jawa di Barat. Dengan adanya kemerdekaan, maka kelompok pedagang yang berpengaruh di Indonesia dan Malaysia, dan mungkin Filipina, menjadi hujung tombak hubungan kebudayaan. Lebih banyak unsur peradaban moden akan dapat dibaurkan melalui kelompok ini. (Sebaliknya, kelompok seperti itu dihancurkan oleh kolonialisme, seperti yang ditunjukkan dalam Bab 12).

Apa yang menyebabkan munculnya kota-kota perdagangan, barangkali dapat dibandingkan keadaan yang ada di Itali pada abad ke-15, dan penempaan bentuk-bentuk baru kehidupan ekonomi dan sosial yang dihalangi oleh perluasan kekuasaan Belanda pada abad ke-17. Maka apa yang mungkin disebut kebangkitan semula Kepulauan Melayu, sebenarnya telah dicekik sebelum semangat itu dilahirkan. Pertanyaan tentang apakah Filipina, Indonesia dan Malaysia akan berkembang kalau imperialisme Barat tidak memaksakan situasi tersebut, mengandungi erti yang penting. Pada tahap ini kita hanya dapat mengajukan kesan bahawa masyarakat asli akan lebih berbaur dengan dunia Barat, dan kerana itu langkah perubahan ekonomi dan sosial saat ini jauh lebih maju. Sektor perlombongan di Malaysia yang tidak

muncul di bawah kekuasaan Inggeris, atau kerana Melaka dikuasai Belanda tidak dapat dihindari akan mendapatkan teknologi perlombongan moden, sebagaimana yang telah memiliki teknologi lain pada masa lalu. Kerana perdagangan Eropah yang meluas di luar tanah jajahan akan menyediakan perangsang yang perlu bagi pertumbuhan dalam hubungan ekonomi bukan penjajah dengan Barat. Ini merupakan pertumbuhan eksport dari wilayah yang menerima imperialisme Barat. Kesedaran terhadap eksport tanaman wang telah lama ada. Di Malaysia, Filipina dan Indonesia, seperti negara lain di Asia Tenggara, terdapat hubungan perdagangan dan kebudayaan antarabangsa yang berjalan baik, paling tidak pada abad ke-15, kalau tidak lebih awal lagi. Sistem monopoli pertama kali diperkenalkan oleh Belanda secara berkesan, beransur-ansur namun pasti, dari abad ke-17 dan selanjutnya.

Proses ini bersangkut-paut dengan pokok pembicaraan kita. Hasil daripada monopoli Belanda yang berkesan mempengaruhi Indonesia dan bahagian-bahagian Malaysia, disertai dasar yang sama oleh Sepanyol di Filipina, sehingga kelompok golongan perniagaan pribumi yang bebas dan berpengaruh dan menjalankan usaha diperingkat antarabangsa disingkir. Hal ini sangat nyata pada abad ke-18, ketika kekosongan tersebut diisi oleh golongan pedagang Cina. Kapitalisme kolonial menegaskan tentang tenaga kerja yang berguna, – buruh kaum pedagang, yang mendatangkan wang melalui perdagangan, menjual barang dengan negara-negara Eropah penjajah, atau kemudian pada abad ke-19 menjalankan pertanian tanaman wang – maka masyarakat yang tidak termasuk kelompok semacam itu dianggap tidak tekun. Salah satu alasan mengapa pada abad ke-15 daŋ awal abad ke-16 pengunjung Eropah pada keseluruhannya tidak mengetengahkan 5443434, adalah kerana terdapat kelompok pedagang peribumi yang berjalan baik, dan penglibatan penduduk peribumi dalam perniagaan perkapalan. Hubungan politik juga berbeza – orang-orang Barat tidak menguasai kepulauan. Kekuasaan Barat yang utama dan berpengaruh di sana, selain di Filipina, dapat dikatakan bermula dengan Belanda. Waktunya yang tepat sukar ditentukan, tetapi tidak salah jika dianggap bahawa pada pertengahan abad ke-18 Belanda merupakan kuasa utama di kepulauan tersebut. Kemudian mulai dikembangkan pokok pembicaraan tentang kemalasan. Tema ini tidak dimaksudkan untuk penduduk peribumi, mereka tidak ditanya tentang pendapat mereka, atau menunjukkan pendapat orang lain terhadap mereka. Mereka dibicarakan

dengan sungguh-sungguh hingga saat sekarang, dengan pengecualian beberapa peribumi yang terpelajar. Kebanyakan penduduk Asia Tenggara tidak sedar bahawa mereka telah menjadi pokok pembicaraan selama berabad-abad. Para penulis, pentadbir, pendeta dan pelancong kolonial Eropah menulis untuk khalayak dalam negeri. Adalah penduduk mereka sendiri yang ingin diyakini tentang kemalasan dan keterbelakangan peribumi.

Letakkan ke dalam konteks sejarah dan sosiologi citra tentang peribumi yang malas akan mengarahkan kita kepada sejumlah fenomena sejarah dan sosiologi. Muncul dan bertahannya gagasan yang menyelimutinya selalu dihubungkan dengan berbagai-bagai kejadian dan keadaan penting dalam konteks sejarah. Gagasan yang menyelimutinya selalu merupakan bahagian daripada pengelompokan yang lebih luas dan pada gagasan; membentuk kelompok dan akarnya untuk memiliki beberapa cabang. Citra tentang peribumi terjalin ke dalam sejarah politik dan ekonomi daerah, peradaban kolonial Barat yang etnosentris, sifat kapitalisme kolonial, tingkat kejernihan penguasa, ideologi kelompok penguasa, dan berbagai-bagai kejadian khusus dalam sejarah yang mempengaruhi kebijaksanaan kolonial seperti timbulnya liberalisme moden. Semuanya itu adalah cabang-cabang yang sekarang merupakan tugas kita untuk cuba memahami dan menganalisisnya. Empat bab yang pertama dan bab ke sepuluh terutamanya merupakan suatu penjelasan yang terperinci tentang berbagai-bagai citra peribumi; sisanya membahas masalah-masalah yang timbul daripada hal tersebut. Jika mengetengahkan pandangan penulis, maka sejauh mungkin diberi kutipan langsung. Metode ini lebih jelas daripada huraian dengan kata-kata kita sendiri, kerana yang ingin dikatakan penulisnya akan berkurang kalau hal tersebut tidak disampaikan dalam kalimatnya sendiri. Pandangan penulis yang dibicarakan cuba disampaikan sejujur mungkin; seluruh karyanya secara hati-hati dibaca dengan teliti bagi mencegah setiap penggambaran yang keliru, di luar sangkut-paut permasalahan. Begitu pula dalam penggunaan dokumen sejarah, ketelitian dilakukan untuk meletakkan isu tersebut dalam konteks yang benar. Maka kutipan yang dipilih untuk menunjukkan bagaimana Belanda menghancurkan pedagang peribumi tidak merupakan suatu hal yang tersendiri; kesemuanya menggambarkan pola umum. Kerana itu tingkah laku para kapten Portugis dari Melaka dalam pemerasan terhadap para pedagang tidak dianggap sebagai faktor penentu kemunduran perdagangan di wilayah

tersebut, sementara Belanda menunjukkan hal itu.

Kerja seorang ilmuwan kadang-kadang sama dengan seorang hakim dan kadangkala mirip peranan wasit. Kedua-duanya memerlukan sikap adil, tetapi wasit menerapkan sejumlah peraturan yang mengatur pertandingan, tanpa kepentingan apa pun, untuk mempertimbangkan soal kebenaran yang didasarkan pada bukti tidak langsung; dan hakim harus menilai bukti tersebut. Menurut sifat fakta-faktanya, hakim harus menjatuhi hukuman tanpa dipengaruhi pihak mana pun. Namun demikian, adalah urusan ilmu pengetahuan untuk menghadapi kerumitan; bila kerumitan dihindari bagi mengatasi hal yang lebih buruk, maka hal ini dapat mengakibatkan suatu penyimpangan kebenaran. Dalam pengetahuan sejarah dan lainnya, proses tersebut kadang-kadang mengorbankan nilai kebenaran. Berbagai-bagai peristiwa dinilai dari sudut pembahagian yang jelas. Motif yang sederhana dan tidak bersangkutan dibicarakan, yang tidak memiliki sangkut-paut dengan peristiwa yang berikutnya; sering perbincangan ini merupakan suatu usaha untuk mengecilkan kesalahan sesuatu kelompok dalam sejarah. Penulisan sejarah kolonial tidak pernah lupa untuk menyebut bahawa kekuasaan kolonial digerakkan untuk mendapatkan berbagai-bagai wilayah menurut keperluan tertentu. (Mereka sebenarnya tertarik pada perdagangan). Pendukung penyederhanaan membawa ini semua pada nilai permukaannya. Masalahnya apakah keperluan itu? Sejumlah keperluan menurunkan keperluan yang lain. Citra tentang peribumi yang malas dan rendah diri juga telah difahami sebagai suatu keperluan.

Maka diperlukan penjelasan seperti di atas, mengingat pernyataan yang selalu diulangi bahawa Belanda membangun kekuasaannya di Indonesia kerana keadaan yang memaksa. Ketika Pemerintah Belanda mengakui anggaran dasar *Vereenigde Oost Indische Compagnie (VOC)* pada tahun 1602, anggaran dasar tersebut juga menggambarkan penaklukan wilayah, meskipun langkah-langkah diplomatik lebih disenangi. Perdagangan dan peperangan telah berada dalam benak VOC sejak awal lagi, dan desakan Belanda terhadap monopoli merupakan faktor yang provokatif. Di Indonesia pada permulaan abad ke-17, pelabuhan dagang peribumi terbuka kepada berbagai-bagai bangsa, termasuk India, Arab, Parsi, Turki, Etiopia, Inggeris, Perancis, Portugis dan Denmark. Selama berabad-abad Nusantara telah mempraktikkan perdagangan antarabangsa bebas. Tiba-tiba muncul sebuah kelompok yang mengambil hak monopoli bagi dirinya sendiri.

Monopoli ini diarahkan tidak hanya kepada Inggeris, Portugis dan Sepanyol, tetapi juga terhadap para pedagang peribumi. Ini bererti pengekangan perdagangan peribumi, dan pemusnahan bangsa merupakan imbalan bagi pertandingan itu. Dalam lingkungan VOC, terdapat perselisihan pendapat tentang penggunaan kekerasan. Salah seorang pemukanya, Laurens Reael, tidak dapat menggabungkan dirinya dengan dasar penumpasan seluruh penduduk, pemutusan penyediaan kemahuan hidup dan komoditi penting lainnya. Dasar ini harus diterapkan ke Banda, di bahagian Timur Indonesia.[42]

Dasar kekuatan dan kekerasan di atas baru dilaksanakan secara terbuka satu dasawarsa setelah pembentukan VOC. Keperluan sejarah apa yang memaksa mereka untuk menakluki wilayah selain hasrat mereka untuk menggunakan kekuatan dengan maksud berdagang? Negara-negara lain telah memetik keuntungan daripada perdagangan Asia Tenggara selama berabad-abad tanpa merasai keperluan akan penaklukkan wilayah. Ini tidak menandakan bahawa para pembangun kekaisaran Belanda seperti Jan Pieterszoon Coen pada permulaan abad ke-17, tidak sungguh-sungguh merasa bahawa mereka seharusnya menggunakan kekuatan dan mendapatkan wilayah; ia dan para pemimpin VOC benar-benar merasakannya bahawa hal itu diperlukan. Tetapi, bagi ahli sejarah untuk menyatakan bahawa apa yang oleh para pembangun kekaisaran dianggap keperluan menjadi suatu keperluan sejarah, ialah menghentikan kemampuan yang kritis. Mereka pantas menerima kecaman Marx dan Engels, yang menerangkan bahawa ahli sejarah seperti itu lebih buruk daripada pemilik perniagaan yang mengetahui perbezaan antara apa yang diminta seseorang dan apa yang sebenarnya diingininya. Tuntutan para pelaku diterima begitu sahaja, dan suasana yang tidak dapat dielakkan diterapkan ke dalam tafsiran peristiwa.

Hal yang sama, keburukan penduduk peribumi dapat dianggap sebagai keperluan sejarah. Begitu negara mereka diambil-alih, dalam segala hal mereka harus menerima tempat di bawah. Mereka harus dihina dan dibuat merasa bodoh dan bersikap tunduk, kerana kalau tidak mereka akan bergerak untuk memberontak. Seperti yang dikatakan Fanon,

> Masyarakat peribumi tidak dengan sederhana digambarkan sebagai masyarakat yang kekurangan nilai. Tidak cukup bagi penjajah untuk menegaskan bahawa nilai-nilai itu telah

> menghilang, bahkan lebih baik tidak pernah ada di dalam dunia kolonial. Peribumi dinyatakan tidak dapat merasakan etika; ia melambangkan tidak hanya tiadanya nilai-nilai, tetapi juga peniadaan nilai-nilai. Biarlah kita berani mengakuinya, bahawa ia adalah musuh nilai-nilai, dan dalam pengertian ini ia benar-benar penjahat. Ia adalah unsur yang merosakkan, menghancurkan apa sahaja yang mendekatinya; ia adalah unsur yang merosakkan bentuk, menodai semuanya yang harus berkenaan dengan keindahan atau kesusilaan; ia adalah tempat penyimpanan kekuatan yang tidak cekap, alat daripada kekuatan gelap yang tidak sedar dan tidak dapat ditebus.[43]

Tetapi para penulis kolonial yang merendahkan peribumi secara langsung atau tidak langsung tidak mengajukan persoalan tentang keperluanya. Dalam kealpaan, mereka bahkan tidak berusaha untuk berhenti sejenak dan berfikir tentang citra yang telah dicipta itu. Apakah mereka telah menyelesaikan apa yang telah ditemui, bahawa citra yang penciptaannya dibantu setiap orang, dikuatkan oleh apa yang dirasai sebagai keperluan kolonial. Contoh yang paling tepat, diberi oleh Sinibaldo de Mas, utusan Raja Sepanyol yang dihantar ke Filipina untuk melaporkan keadaan di sana pada tahun 1842. Laporannya khas dan merupakan penyajian yang lengkap tentang filsafat kekuasaan kolonial dalam seluruh ketelanjangannya. Laporannya jujur; huraian yang tidak memihak dan tidak samar-samar tentang bagaimana menjatuhkan kekuasaan seseorang.

Dalam kewenangan rasminya, Sinibaldo de Mas menulis tentang anggapan bahawa Sepanyol akan tetap menguasai Filipina. Secara peribadi, ia cenderung memberi Filipina kemerdekaan tetapi pandangan-pandangan rasminya menarik perhatian kita di sini. Ia mengamati bahawa undang-undang yang sangat cocok bagi Filipina bergantung pada tujuan dan pandangan pemerintah. Tujuan ini dapat merupakan salah satu daripada beberapa hal yang berikut ini mempertahankan selama-lamanya kepulauan itu sebagai jajahan; menganggap nasib warganegara Sepanyol yang hidup di sana sebagai perkara yang tidak penting apakah kepulauan tersebut dilepaskan atau tidak oleh Sepanyol; atau untuk "menentukan pembebasan mereka dan mempersiapkan kemerdekaan kepulauan tersebut."[44] Jika hal yang kedua lebih disukai, maka kepulauan itu harus ditinggalkan sebagaimana adanya. De Mas cenderung memilih yang pertama, meskipun ia menyetujui cita-cita

kemerdekaan yang dipaksa oleh keadaan sejarah sebagaimana ia melihat keseluruhannya. Untuk mempertahankan kepulauan sebagai tanah jajahan; de Mas mengusulkan tiga dasar pokok: orang Sepanyol yang lahir di Filipina harus dikurangi jumlahnya; pentadbiran harus melalui perbaikan yang cermat; dan yang paling bersangkutan dengan kita, "penduduk kulit berwarna harus dengan sukarela memberi hormat dan setia kepada orang kulit putih."[45] Pengurangan penduduk Sepanyol diusulkan, kerana mereka menjadi beban yang menimbulkan perasaan tidak senang, dan kemudian menyebabkan keinginan untuk merdeka yang timbul daripada kelaziman kepentingan setempat. Orang Filipino-Sepanyol merupakan keturunan yang serba salah.

> Seorang Filipino-Sepanyol, misalnya, sebenarnya disebut orang Sepanyol dan memiliki hak-hak yang luar biasa, tetapi ia belum pernah ke Sepanyol, malah tidak memiliki kawan di sana, begitu juga hubungan peribadi. Ia melalui masa kecilnya di Filipina, di sana ia telah menikmati berbagai-bagai permainan anak-anak dan mengenal kasih-sayangnya yang pertama. Di sana ia mempunyai seluruh sahabatnya; di sana ia telah menempatkan jiwanya. Kalau sesekali ia harus pergi ke Semenanjung, segera ia berkeluh-kesah kepada langit Asia. Filipina adalah tanah asalnya. Jika ia mendengar tentang Manila, tembakau atau wang yang dikirimi kepada pemerintah di Madrid, ia mengalami kemuakan yang sama seperti orang Sepanyolnya atau wangnya dikirimi ke Rusia atau Inggeris sebagai upti. Di samping itu, orang-orang Sepanyol yang lahir di Filipina sebahagian besar adalah anak-cucu pekerja yang mati di tanah jajahan, yang tidak mewariskan apa-apa kepada mereka kecuali sedikit pendidikan, kebiasaan bergaya sebagai majikan, mengendarai kereta kuda, dan kesukaan pada kehidupan yang hingar-bingar – kemalasan dan kesombongan mengilhaminya. Sukar atau tidak mereka sama sekali memiliki kecenderungan terhadap kehidupan beragama, takut akan kekurangan modal dan keadaan kewangan mereka untuk terlibat dalam perniagaan, mahupun perusahaan yang spekulatif di bidang pertanian dan industri, dan banyak lagi kesempatan terbatas yang terdapat dalam kerjaya undang-undang atau perkapalan semata-mata mencuba untuk mendapatkan kedudukan di dalam pemerintahan.[46]

Dalam menyaripatikan hormat orang Filipina kepada orang Eropah,

de Mas menyimpulkan sebagai berikut:

> Untuk mencapainya, kiranya, perlu mempertahankan si peneroka dari segi intelektual dan moral, meskipun urutan kehebatan mereka jika ditimbang, lebih tidak berpolitik daripada orang yang meneruskannya – seperti dalam timbangan longgokan jerami yang lebih ringan daripada sebatang emas. Buruh dan pengembala kambing tidak faham tentang berbagai-bagai ikatan sosial dan begitu pula mereka tidak tahu apa yang terjadi di kota mereka sendiri. Ini bukan sejenis masyarakat yang telah menghancurkan "*absolutions*" di Sepanyol, tetapi merekalah yang telah dididik di perguruan tinggi yang mengetahui nilai kebebasan keperlembagaan dan kerananya berjuang untuk mereka. Kita harus selalu mengingat hal ini jika kita harus berfikir sungguh-sungguh. Ini sangat diperlukan bahawa kita menolak pembentukan kaum liberal, kerana di tanah jajahan, liberal dan suka menentang, mempunyai pengetahuan yang sama.[47]

Dalam bidang ketenteraan, pangkat orang Filipina tidak boleh lebih tinggi daripada kopral.

> Lebih baik mengangkat penternak Sepanyol, sekalipun buta huruf, menjadi pegawai atau sarjan, daripada kebanyakan peribumi yang mampu. Sebaliknya, pengganti yang lebih baik dan cerdas berkemungkinan besar melakukan kesalahan. Di sini seseorang memainkan pertandingan yang kalah menjadi pemenang. Memberi pangkat pegawai kepada yang paling hebat – walaupun secara pengecut dan hina – adalah kurang berbahaya dan lebih dibenarkan.[48]

Agama dipandang oleh de Mas sebagai alat kekuasaan dan cara untuk membangkitkan hormat kepada orang Sepanyol.

> Dengan menetapkan agama sebagai landasan tempat kita mendasarkan kekuasaan, barangkali jelas bahawa segala sesuatu yang akan mengorbankan semangat agama, akan menghancurkan dan meruntuhkan landasan ini. Hal ini menyebabkan tidak ada yang dapat secara langsung lebih merugikan daripada keburukan dan rasuah para pemimpin peribadatan, dan pengalaman telah menunjukkan kebenaran seperti halnya para pengikut pertama Kristian yang secara

> cepat menyebarkan kepercayaan mereka, disebabkan oleh semangat dan keinginan mereka untuk memperolehi kesyahidan. Begitu pula dalam seluruh bahagian kependetaan telah menyampaikannya sendiri mengenai pergunjingan, kesenangan, cita-cita dan sifat buruk, maka kepercayaan masyarakat dengan serta merta berkurangan dan berubah menjadi pengabdian terhadap agama. Kerana itu pemerintah harus menganggap kependetaan sebagai suatu kekuatan; seperti halnya dengan perhatian yang diberikan untuk melarang masalah disiplin tentera dan kemerosotan akhlak, demikian juga harus ada kewaspadaan dalam tingkah laku para pendeta. Biarkan mereka memiliki semua pengaruh yang mungkin di kota-kota, asalkan mereka selalu orang Sepanyol Eropah dan tidak merasa sebarang kepentingan selain kepentingan Sepanyol.[49]

Undang-undang juga harus digunakan untuk membangkitkan hormat dan menghentikan kebanggaan.

> Ini juga perlu untuk menghentikan secara menyeluruh kebanggaan peribumi, sehingga pada semua tempat dan pada setiap waktu mereka harus menganggap orang Sepanyol sebagai majikan mereka dan tidak sedarjat dengan mereka. Undang-undang kita tentang Hindia dibuat dalam semangat yang paling dermawan, tetapi tidak selalu bijaksana, tidak hanya memberi mereka hak-hak yang sama seperti orang Sepanyol, tetapi mereka tampaknya lebih menyukai penggantinya, khususnya dalam pemilikan tanah.[50]

Ia keberatan terhadap anggota kelompok terkemuka Filipina untuk diberi gelar *don*.[51] Orang-orang Filipina tidak boleh diajar bahasa Sepanyol.

> Ini mungkin, untuk mencegah mereka daripada boleh membaca pengedaran surat sebaran dan buku-buku yang tidak menyenangkan bagi mereka ke berbagai-bagai daerah. Pengalaman telah mengajar kita, bahawa mereka yang mengetahui bahasa kita adalah hampir selalu yang paling keras kepala di kota, yang berbisik-bisik, mengecam dan menentang padri pembantu dan para gabenor. [52] Mereka juga tidak boleh diajari mengurus pasukan askar dan membuat senjata api.[53]

Kalau kemerdekaan Filipina menjadi matlamat Sepanyol, maka de

Mas mengusulkan tindakan-tindakan yang bertentangan dengan isu yang di usulkannya untuk mempertahankan tanah jajahan. Secara peribadi ia lebih suka mempersiapkan kemerdekaan tidak untuk alasan yang idealistik, melainkan kerana Filipina tidak berguna kepada Sepanyol. Filipina tidak menambah besar peti simpanan wang orang Sepanyol, tidak menjadi pangkalan keluaran perusahaan Sepanyol kerana Sepanyol kekurangan barang keluaran kilang, dan juga tidak berguna sebagai penampungan kelebihan penduduk kerana Sepanyol tidak memiliki masalah ini.[54]

Ia mengakhiri laporannya dengan kata-kata ramalan ini.

> Kesimpulannya, jika kita mempertahankan kepulauan ini dengan mengasihi peribumi, maka kita membuang waktu dan kebaikan kita; kerana terima kasih didapatkan sesekali, sendiri-sendiri, dan ini tidak pernah diharapkan penduduk; dan kalau untuk kepentingan kita sendiri, kita terperosok ke dalam keganjilan, kerana bagaimana mungkin kita dapat menggabungkan keinginan kemerdekaan untuk kita sendiri bersama-sama dengan hasrat untuk menguatkuasakan undang-undang kita terhadap rakyat yang jauh? Mengapa mengingkari manfaat-manfaat yang lain yang diingini untuk tanah asal kita sendiri? Dari prinsip-prinsip modal dan keadilan secara universal ini, dan kerana saya diyakinkan bahawa ditengah-tengah pergolakan politik Sepanyol, tanah jajahan itu akan diabaikan; tidak satu pun daripada tindakan tersebut (ini adalah keyakinan saya), yang telah saya usulkan untuk dipertahankan akan disetujui; dan Filipina akan dimerdekakan melalui kekerasan, dengan kerugian kekayaan yang banyak dan kehidupan orang-orang Eropah mahupun orang-orang Filipino-Sepanyol. Saya kira hal ini akan sangat memudahkan, lebih bermanfaat dan lebih mulia bagi kita untuk meraih keuntungan daripada pekerjaan, dan mencegahnya melalui kemurahan hati.[55]

Pandangannya tentang masalah Filipina seperti seorang realis. Tetapi de Mas adalah seorang penulis kolonial meskipun kecenderungannya menyediakan Filipina menuju kemerdekaan. Ini merupakan pernyataan terhadap sikap mensia-siakan Filipina yang memaksanya untuk membuang fikiran ini. Ia menganjurkan politik 'pecah dan perintah',[56] dan menganut pandangan bahawa kekuatan adalah kebenaran

yang digunakan untuk mengesahkan kekuasaan Sepanyol di Filipina.

> Saya mencintai kemerdekaan, tetapi saya bukan salah seorang daripada para pengkhayal itu yang menginginkan tujuan tanpa cara. Orang Sepanyol memiliki tanah jajahan yang luar biasa di Filipina, dan mereka berkeinginan untuk mempertahankannya; kerana itu mereka harus menggunakan segala cara dalam jangkaunya guna mencapai kejayaan tersebut. Tentang penduduk kepulauan ini, apakah mereka akan lebih senang jika mereka sendiri dibiarkan bebas berperang antara satu wilayah dengan wilayah yang lain, antara satu desa melawan desa yang lain? Tentu sahaja tidak. Maka demi ketenteraman tanah air, untuk kepentingan penduduk kepulauan ini, orang Sepanyol harus menjalankan semua cara dan tindakan yang bijaksana yang diperlukan untuk memelihara status dan mempertahankan hak-hak mereka. Tetapi, kalau seseorang harus menanyakan, dengan hak apa orang Sepanyol menyatakan tuntutan untuk mempertahankan kedudukan mereka sebagai tuan-tuan dari Filipina, inilah yang harus saya jawab bahawa tanpa membicarakan hak-hak, kiranya perlu untuk menerima kenyataan tersebut. Hal ini ada di mana-mana. Inilah hukum kekuatan yang menjadi kebenaran.[57]

De Mas bersemangat tentang prestasi kependetaan Katolik di Filipina melalui usaha mereka menyelaraskan fikiran patriotisme Sepanyol.

> Filipina adalah sebuah penaklukan agama. Tindakan pertama kerahiban yang datang ke sana ialah menarik masuk orang-orang Hindia, dan perubahan mereka telah berlangsung bahkan sebelum kepulauan tersebut secara pentadbiran diatur. Pengaruh para rahib berkembang terus dan diperkuat oleh sifat pentadbiran yang gabenor-jeneralnya bertempat tinggal di sana sepintas lalu saja, serta sejumlah pegawai pemerintah yang tinggal sebentar, sementara kependetaan terus menetap di negara tersebut memelihara wilayah mereka dan mempergunakannya – dengan cara seperti itu mereka dihargai dan dihormati. Pengaruh kependetaan yang dijalankan terhadap orang-orang Hindia adalah maha kuasa; mereka tidak menyalahgunakan wilayahnya, bahkan justeru harus menjaganya, tetapi paling sedikit mereka telah mengetahui bagaimana menggunakannya demi kepentingan 'negara asal',

sebaik milik mereka sendiri; ini telah dicatat dalam krisis yang besar, yang dari waktu ke waktu mengancam tanah jajahan mereka berbaris melawan musuh di bahagian paling hadapan dari jemaahnya, memberi contoh kepada mereka tentang pengorbanan diri dan kesetiaan, untuk mempertahankan mereka dalam kepatuhan, seorang rahib lebih bernilai daripada tugas satu skuadron tentera berkuda. Satu-satunya kemajuan yang dibuat di Filipina, jalan dan saluran air, pekerjaan umum, lembaga-lembaga sosial, politik dan amal sesuai dengan berbagai-bagai kegiatan mereka; dan mereka telah mengubah ras asli Melayu menjadi rakyat Sepanyol berdasarkan kebiasaan dan kepercayaannya. Penaklukan agama Katolik di Amerika dan Filipina ditandai dengan keagungan yang mengesankan dan menggoncang semua orang yang tidak berprasangka."[58] Ia juga tidak melupakan kesalahan para rahib – mereka menghalangi industrialisasi Filipina.[59]

Laporan Sinibaldo de Mas tentang Filipina yang disampaikan kepada pemerintah Sepanyol di Sepanyol merupakan dokumen yang paling membuka fikiran. Laporan tersebut merupakan pembahasan yang terus terang tentang politik kolonial. Untuk tingkat yang lebih tinggi atau lebih rendah, oran-orang Inggeris, Belanda dan Portugis menjalankan prinsip-prinsipnya tentang kekuasaan. Penghancuran kebanggaan peribumi dipandang sebagai suatu keperluan; kerananya dilakukan pencemaran watak peribumi. Sikapnya terhadap kemerdekaan menyerupai kolonial selepas Perang Dunia Kedua, yang akhirnya bersetuju menerima keinginan akan kemerdekaan, tidak kerana secara moral kolonialisme itu salah, melainkan kerana hal ini telah menjadi tidak praktis bagi berbagai-bagai alasan kekuatan kolonial untuk mempertahankan tanah jajahan. Dalam hal ini, de Mas sudah jauh lebih maju. Fikirannya merupakan bukti yang jelas bahawa persoalan kemerdekaan dapat diajukan dalam masa kolonial, jika seseorang hanya memiliki kepentingan untuk melakukannya juga. Kerana pengaruh ideologi kolonial yang besar sekali, pokok pembicaraan tersebut bahkan tidak diketengahkan oleh hampir seluruh penulis kolonial dan pegawai pemerintah. Bahkan de Mas membicarakan pokok persoalan tersebut dalam konteks ideologi kolonial. Kemerdekaan Filipina akan terjadi akibat hancurnya kekuasaan Sepanyol, bukan suatu tujuan yang timbul dalam dirinya sendiri, iaitu, kemerdekaan rakyat. Inilah ideologi bekas

kolonialisme yang diketahui de Mas lebih dahulu, satu abad sebelum Furnivall dan penulis kolonial yang lain menyatakan pendapatnya tentang hal tersebut.

Sosiologi pengetahuan telah membuktikan bahawa penduduk yang berlainan dan mengembangkan perspektif yang berbeza, tergantung pada tempat mereka dalam struktur kelompok, lapisan intelektual, lingkungan kebudayaan, hierarki kekuasaan dan kelompok kebudayaan. Faktor-faktor ini berfungsi dalam konteks waktu, tempat dan situasi. Stereotaip dan prasangka terhadap kelompok lain telah menjadi perkara biasa dalam sejarah manusia. Unsur-unsur universal dan fakta dalam bentuk stereotaip dan prasangka ini harus dipisahkan bagi mencapai pengertian yang lebih dalam daripada fenomena tersebut. Marilah kita uji stereotaip yang dikembangkan untuk tujuan penguasaan. Kelas kapitalis Inggeris pada abad ke-19 telah melukiskan citra yang merosot tentang kelas pekerja. Banyak perkara daripada citra ini juga ada dalam citra masyarakat Asia Tenggara. Kelas pekerja Inggeris dari segi moral dianggap lebih rendah, enggan bekerja, rendah kecerdasannya, dan sebagainya. Ciri-ciri ini juga dirujuk kepada peribumi di wilayah jajahan. Tetapi terdapat perbezaan besar antara kedua-dua fenomena tersebut. Ketika kapitalis Inggeris mencemuhkan kelas pekerja Inggeris, ia tidak mencemuh seluruh negeri England. Dalam hal ideologi kolonial, seluruh komuniti dan suku bangsa dipengaruhi. Prasangka seperti itu cenderung berlangsung dalam jangka waktu yang sangat lama.[60]

Perbezaan yang lain ialah bahawa prasangka kesukuan kolonial yang digambarkan oleh citranya tentang peribumi diberi oleh segolongan minoriti kepada majoriti. Dalam wilayah yang bukan kolonial, majoriti yang berprasangka terhadap golongan minoriti, misalnya Negro di Amerika Syarikat atau sangkaan buruk terhadap orang-orang Jipsi dan Yahudi di Eropah. Namun, masalah selain perbezaan tersebut adalah bahawa di dalam wilayah yang bukan kolonial di Barat, fungsi stereotaip kesukuan atau ras tersebut berada dalam kerangka interaksi. Orang-orang Negro telah menyedari berbagai-bagai stereotaip yang dilakukan terhadap mereka dan mereka menentangnya. Citra orang kulit putih tentang Negro menjadi bahagian daripada pola interaksi yang disedari oleh kedua-duanya. Dalam hal citra kolonial, ini bukan bahagian daripada pola interaksi yang disedari daripada peribumi tetapi hanya daripada para penguasa Eropah. Tiadanya halangan terhadap

perbuatan golongan minoriti yang berkuasa juga merupakan suatu faktor yang menonjol. Khayalan yang bersimpang-siur dalam membentuk citra peribumi. Huraian yang terperinci diberi dalam bab-bab yang bersangkutan. Tidak adanya rintangan ini, seperti memanggil peribumi sebagai binatang yang bekerja hanya apabila disuruh, memberikan ciri pada para pembangun citra kolonial. Beberapa di antaranya mengkhutbahkan hujah secara terbuka tentang kemiskinan peribumi dengan alasan bahawa penduduk miskin akan lebih mudah diatur. Pandangan ini telah menguasai pentadbiran kolonial selama ber-abad-abad; baru pada awal dasawarsa abad ke-20, di Indonesia dan Malaysia dilakukan suatu usaha yang terang-terangan untuk memperbaiki kesejahteraan peribumi.[61]

Kapitalis Inggeris yang menyukai citra menyimpang tentang kelas pekerja tidak merendahkan agama, budaya, ras, bahasa dan kebiasaan pekerja – ia merasa memiliki bersama dengan mereka. Kerana itu jenis prasangka tersebut dalam lingkungan kolonial tropika berbeza daripada yang ada di Barat. Ini hanyalah salah satu daripada dimensi penelitian yang berhubungan dengan pokok pembicaraan kita, tetapi kita tidak akan mengikutinya kerana kita terutama tidak tertarik pada jenis prasangka yang umum. Begitu pula, kita telah menyisihkan sejumlah pokok penyelidikan tentang sifat dan pengembangan kolonialisme, memilih hanya yang benar-benar berkaitan tentang asal-usul dan fungsi citra kolonial tentang peribumi. Pokok persoalan seperti mengapa orang Belanda menjadi kekuatan kolonial yang paling hebat di Asia Tenggara, kelemahan negara peribumi yang menyebabkan mereka tunduk pada kekuasaan kolonial, sifat setiap kekuasaan kolonial dan dampaknya terhadap masyarakat peribumi, bagaimana sejarah kolonial dihubungkan dengan sejarah Barat, apa yang akan terjadi kalau kolonialisme Barat tidak memasuki babak tersebut, bagaimana kolonialisme memperbesar kemajuan atau kemunduran masyarakat peribumi, semua ini – dan masih banyak lagi yang lain telah diabaikan, meskipun di antaranya telah dibuat beberapa acuan. Pembiusan seluruh penduduk oleh pemerintah kolonial boleh jadi mempunyai kesan terhadap jenis citra peribumi dan orang-orang Asia yang lain yang terlalu bergantung kepada kolonial; ini juga menyatakan pandangan etis tentang pemerintah kolonial. Di sini juga kita mempersilakan para ahli ideologi kolonial mengutarakan fikiran mereka dan kemudian menilai pembelaan terhadap politik candu.[62] Dikatakan bahawa orang-orang

Asia tidak mempunyai inisiatif setelah kelompok usahawan peribumi disisihkan oleh kolonialisme. Aspek kolonialisme ini akan dibicarakan dalam bab terakhir buku ini.

---

1 Tentang isu ini, lihat Robert K. Merton, 1969. *Social Theory and Social Structure*, Bab 1, "Manifest and Latent Functions". New York Free Press. Fikiran yang tampak adalah, misalnya, orang Inggeris mengecilkan hag-orang Melayu untuk menanam getah dan sebaliknya mereka lebih baik menanam padi. Fikiran tersembunyi, atau dorongan, dapat digunakan untuk mengawasi jumlah getah dalam batas-batas yang menguntungkan, atau untuk menghindari import beras kerana semakin banyak orang Melayu yang meninggalkan sawah mereka untuk menanam getah.

2 Harry M. Johnson dengan baik sekali telah mendaftar lima sumber umum ideologi, yakni tekanan sosial, kepentingan peribadi, kebencian terhadap perubahan sosial, pandangan terbatas tentang kedudukan sosial, dan bertahannya kebiasaan pemikiran kuno. Lihat karangannya "Ideology," II, dlm David L. Sills, Amerika Syarikat 1968. *International Encyclopaedia of the Social Sciences*, vol. VII. Macmillan/Free Press.

3 Karl Mannheim, 1948, *Ideology and Utopia*. London: Rouledge-Kegan Paul.

4 Harry M. Hohnson, "Ideology, " *op. cit*, hlm. 81

5 Istilah dualisme telah diperdebatkan secara hangat sejak Boeke mengetengahkannya pada tahun 1930 untuk mencirikan masyarakat Indonesia. Kritik kawannya dari Barat tidak memahami sepenuhnya akan pengertian tipologi Boeke tentang sistem ekonomi dualistik di negeri jajahan. Kapitalisme di negeri jajahan tidak mempunyai kesan yang sama di Barat. Ini adalah satu contoh – "Keluaran perusahaan yang baru besar-besaran di Barat dilemparkan ke pasaran Timur, yang menghanyutkan kerajinan peribumi, dan perdagangan peribumi, dan sistem pengagihan peribumi. Di sana kapitalisme hanya menawarkan berbagai-bagai keluaran baru, dan tidak menyediakan sumber tenaga kerja yang baru. Dari sudut pandangan sosial, akibatnya adalah menghancurkan bukan membina. Bukan memperkaya pola masyarakat Timur, malahan membentuk kegiatan sosial yang berlebih-lebihan. Hasilnya, mematahkan setiap sendi sosial setempat, tetapi tidak membuka kemungkinan bagi hal-hal baru untuk dikembangkan di tempat mereka. Ini memaksa penduduk dengan suatu kenaikan alamiah yang cepat untuk kembali pada pertanian kecil-kecilan, dengan membawa hukum dan tatatertib yang mendorong pertumbuhan penduduk tetapi pada saat yang sama memperlambat perbezaannya." J.H. Boeke, 1961, "Dualistic Economics" dalam *Indonesian Economics*, The Hague: W. Van Hoeve, hlm. 172.

6 Werner Sombart, 1967, *The Quintessence of Capitalism*. New York: Tr. M. Epstein, Howard Fertig. "Untuk memahami semangat yang merembes ke seluruh perekonomian kapitalis, kita harus mengupas tentang peralatan mekanis mereka,

hiasan-hiasan luar mereka, sebagaimana adanya. Dan segala peralatan ini selalu sama, sejak lahirnya kapitalisme hingga saat ini. Sejumlah besar wang diperlukan untuk mengeluarkan komoditi yang laku di pasar; kita menyebutnya modal. Seseorang harus menyediakan wang ini; harus meminjamkannya, sebagaimana biasanya diadakan; secara kebetulan memungkinkan penenun membeli bahan mentahnya, secara kebetulan memberikan wang yang diperlukan untuk memasang pam baru di kawasan lombong; atau, dikawasan perusahaan dan sebagainya. Wang yang diuruskan oleh bank sudah berlangsung sejak dahulu, tersedia oleh adanya simpanan; modal untuk berbagai-bagai urusan perdagangan dan perkapalan yang berasal daripada pemilikkan saham atau melalui perkongsian. Atau, ini mungkin terjadi bahawa seseorang memiliki cukup wang cadangan miliknya sendiri, yang digunakan untuk memulai perusahaan kapitalis. Tetapi cara pengumpulan modal yang lain tidak ada pengaruh terhadap semangat perusahaan itu sendiri. Manusia yang membiayai rancangan tersebut tidak menentukan semangatnya: tetapi ditentukan oleh manusia yang mengunakan modal tersebut." hlm. 63-64.

7 Lihat Zakir Husain, 1967. *Capitalism*. London: Asia Publishing House.

8 Max Weber, 1958. *'The Protestant Ethic and the Spirit of Capitalism'*. New York: Terjemahan Talcott Parsons Charles Scribner, hlm. 17

9 Amintore Fanfani, 1938. *Catholicism, Protestantism and Capitalism*. London: Sheed & Ward, hlm 30-31.

10 *Ibid.*, hlm. 7-8.

11 Max Weber, *op. cit.*, hlm.21

12 Wallbank T.W. dan Taylor A.M., 1961. *Civilization*. Amerika Syarikat:. Scott, Foresman, jilid 2, cetakan keempat, hlm 87.

13 Lihat V.I. Lenin (t.t.) *Imperialism, the Highest Stage of Capitalism*. Moscow: Foreign Languages Publishing House, cetakan kesebelas.

14 Tentang peranan pedagang yang menetap lihat N.S.B. Gras, "Capitalism-Concepts and History," dalam F.C. Lane, J.C. Riemersma (ed), *Enterprise and Secular Change*, Richard D. Irwin, Illinois, 1953.

15 Tentang ini, lihat Syed Hussein Alatas, 1971, *Thomas Stamford Raffles (1781-1826): Schemer or Reformer?* Singapura /Sydney: Angus and Robertson.

16 Geoffrey Gorer, 1936. *Bali and Angkor*. London: Michael Jospeh, hlm. 40.

17 Feodor Jagor, 1916. "Travels in the Philippines," dlm Austin Graig (ed), *The former Philippines Thru Foreign Eyes*. Manila: Philippine Education, hlm. 36.

18 Karl Marx, Frederick Engels, 1970. *The German Ideology*, Bahagian Satu, dipilih dan disunting oleh C.J. Arthur, Lawrence dan Wisehart, London, Berdasarkan edisi lengkap Moskow, 1965.

19 Karl Mannheim 1948. *Ideology and Utopia*, London: Routledge and Kegan Paul, hlm 150, 266.

20 Ini semata-mata merupakan pernyataan keyakinan. Ini memerlukan pembenaran, namun di sini tidak dilakukan, kerana tidak bersangkut-paut dan tidak perlu.

21 U Khim Maung Kyi, 1970. "Western Enterprise and Economic Development in Burma," *Journal of the Burma Research Society*, I4LIII, no. 1, Jun, 1970. hlm. 26.

22 Karl Marx, Frederick Engels, *op. cit.*, hlm. 67.

23 Clive Day, 1904. *The Policy and Administration of the Dutch in Java*, New York: Macmillan, hlm. 17. Diterbitkan semula oleh Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1966, di bawah judul *The Dutch in Java*.

24 *Ibid.*, hlm. 17.

25 *Ibid.*, hlm. 27-28.

26 *Ibid.*, hlm. 19.

27 *Ibid.*, hlm. 49.

28 *Ibid.*, hlm. 49

29 *Ibid.*, hlm. 364.

30 J.S. Furnivall, 1939. *Netherlands India*, hlm. 468, London: Cambridge University Press.

31 J.S. Furnivall, 1948, hlm.18 *Colonial Policy and Practice*, London: hlm .xii. Cambridge University Press.

32 *Ibid.*, hlm. xi.

33 *Ibid.*, hlm. xii.

34 *Ibid.*, hlm. 468.

35 *Ibid.*, hlm. 469. Penalarannya di sini – seperti di kebanyakan tempat lainnya – tidak jelas.

36 *Ibid.*, hlm. 489.

37 Dalam buku ini, kolonialisme dan imperialisme pada dasarnya dianggap sama, dengan satu perbezaan bahawa imperialisme adalah penguasaan wilayah-wilayah asing yang luas oleh satu negara.

38 Angka-angka tersebut dibulatkan kepada angka yang paling dekat dengan ribu. Sumbernya adalah J.A. Hoboson, 1938. *Imperialism*, London: Allen dan Unwin, Lampiran idom 2, hlm. 369.

39 Sebagai contoh, amati perkembangan pacuan kuda di Eropah. Kegiatan ini sudah ada di sana jauh sebelum Revolusi Industri. Pada abad ke 20, pacuan kuda telah diubah menjadi olahraga yang melibatkan pemakaian ilmu pengetahuan moden dan teknologi untuk pengembangannya. Tidak demikian halnya dengan adu ayam jago di Asia Tenggara, yang tetap tradisional. Wilayah masyarakat kolonial yang luas tidak dipengaruhi oleh revolusi ilmu pengetahuan dan teknologi.

40 W.F. Wertheim, 1969. *Indonesian Society in Transition*, The Hague: W. Van Hoeve, hlm. 137-38.

41 M.A.P. Meilink-Roelofsz, 1962. *Asia Trade and European Influence in the Indonesian Archipelago between 1500 and about 1630*. The Hague: Martinus Nijhoff, "Pada abad ke-16 dan awal ke-17, orang-orang Asia sangat dipengaruhi oleh orang Eropah dalam bidang teknik. Pada penggal kedua pertengahan abad ke-16, faktor-faktor ini sudah harus meningkatkan daya tahan Asia dan memungkinkan orang-orang Asia menolak berbagai-bagai usaha Portugis untuk memantapkan monopoli," hlm. 124.

42 M.A.P. Meilink-Roelofsz, *op. cit.*, hlm. 211. "Dalam surat mereka, para pengarah telah membuat rancangan awal untuk memusnahkan rakyat Banda dan mengisi daerah tersebut dengan penduduk yang lain, dan Reael meminta mereka

membangunkan bahawa suatu daerah dalam kenyataannya, tidak bernilai apa pun tanpa penduduknya, kerana kemudian akan ditinggalkan tanpa tenaga kerja yang menanam dan memetik pala. Di tempat lain, akhirnya, terdapat banyak pengalaman buruk akibat pengisian suatu daerah dengan penduduk lain yang bukan penduduk asal." 43 Frantz Fanon, 1965. *The Wretched of the Earth*, terjemahan Farrington C. London: MacGibbon Kee, hlm. 33.

44 Sinibaldo de Mas, 1963. *Report on the Condition of the Philippines in 1842, III, Interior Politics*, terjemah Botor C., diperbaiki A. Felix Jr., J. Palazon, (ed), Manila: Historical Conservation Society hlm. 121. Sinibalo de Mas mendahului para penulis kolonial Belanda dan Inggeris ratusan tahun lamanya dalam mempersoal kemerdekaan.

45 *Ibid.*, hlm. 121.

46 *Ibid.*, hlm. 122.

47 *Ibid.*, hlm. 133.

48 *Ibid.*, hlm. 133-134.

49 *Ibid.*, hlm. 147.

50 *Ibid.*, hlm. 156.

51 *Ibid.*, hlm. 161.

52 *Ibid.*, hlm. 166-167

53 *Ibid.*, hlm. 167.

54 *Ibid.*, hlm. 192.

55 *Ibid.*, hlm. 194.

56 *Ibid.*, hlm. 163.

57 *Ibid.*, hlm. 204, catatan nombor 6.

58 *Ibid.*, hlm. 202-203.

59 *Ibid.*, hlm. 203.

60 Prasangka etnik kolonial terhadap masyarakat peribumi di Filipina dan Indonesia sudah berlangsung lebih daripada tiga abad. Di Malaysia, hal ini berlangsung lebih daripada satu setengah abad.

61 Ketidakacuhan pemerintahan kolonial Belanda selama abad ke-19 disebabkan oleh pandangan ini. Pegawai-pegawai awam Belanda yang sangat terpelajar, para gabenor jenderal dan menteri, mempunyai peranan terhadap ketidakacuhan tersebut. Dalam hal ini, lihat F. de Hann, 1910, *Priangan*. Batavia: Bataviasch Genootschap van Kunsten en Wetenschappen, jilid 1, hlm. 430-31.

62 Dalam hal ini, lihat *Proccedings of the Committee appointed by His Excellency the Governor and High Commissioner to inquire into Matters relating to The use of opium in British Malaya Government Printing Office, Singapore, 1924*. Pendapatan daripada candu antara tahun 1918 sampai 1922 ialah 30 peratus daripada jumlah pendapatan. (Lampiran XVII, B 19). Candu yang disiapkan ini, 703 ton di antaranya dijual kepada penduduk Cina dewasa yang berjumlah 663 030, dan satu ton kepada 9 043 orang antara 1918–1922. Para penagih candu tentulah bukan main banyak.

Bab 1

Imej Orang Melayu hingga Zaman Raffles

Selama empat hingga lima abad yang lalu para pengamat asing telah memiliki pendapat yang pasti tentang masyarakat Melayu. Pendapat ini secara langsung dirumuskan, tanpa erti ganda. Orang-orang Melayu sendiri juga telah memiliki pendapat tentang siapakah mereka, tetapi hal ini tidak dinyatakan secara langsung. Sumber-sumber sejarah Melayu sendiri juga telah dinyatakan secara langsung. Sumber-sumber sejarah Melayu tidak memperhatikan persoalan mereka sendiri. Namun demikian, daripada semuanya itu dapat diambil kesimpulan bagaimana masyarakat Melayu memikirkan diri mereka sendiri, kewajipan, nilai-nilai, dan kebudayaan mereka secara lengkap. Tetapi, sumber-sumber asing penuh dengan laporan tentang orang Melayu. Kita dapat memulai dengan salah satu kisah paling awal, yang dihimpun oleh Tom Pires pada tahun 1512-1515 Masihi. Huraiannya tentang kebiasaan-kebiasaan, undang-undang dan perdagangan Melaka di bawah kesultanan Melayu (dan ditulis di sana), barangkali merupakan sumber tunggal yang paling banyak maklumat, dan tidak dapat ditandingi hingga kini. Sifat tulisannya sederhana dibandingkan dengan kebanyakan penulis sesudahnya. Tentang sifat-sifat orang-orang Melayu, Tom Pires mengatakan sambil lalu bahawa mereka adalah bangsa yang pencemburu, kerana para isteri orang-orang penting tidak pernah terlihat di muka umum. Jika para isteri mereka berniat berpergian, mereka berkeliling dengan kereta yang tertutup, dan kebanyakan mereka melakukannya bersama-sama.[1]

Laporan Tom Pires dari Portugis itu segera disusuli oleh penulis lain sebangsanya, Duarte Barbossa. Laporan Barbossa, yang diselesaikan sekitar tahun 1518 Masihi, menarik dalam pandangannya tentang orang Melayu yang sangat berbeza daripada orang Jawa di Melaka dan Jawa. Ia tiba di Melaka tidak lama setelah daerah ini dikuasai Portugis. Ia mencatat bahawa orang-orang Melayu terkemuka di Melaka adalah

kelompok Muslim yang taat, menjalani kehidupan yang menyenangkan, tinggal di rumah yang besar di luar kota dengan banyak kebun buah-buahan, taman dan kolam air. Mereka memiliki berbagai-bagai pejabat perdagangan di kota, dan mempunyai banyak pelayan dengan isteri dan anak-anaknya. Tentang sifat mereka, Barbossa mengamati, "Mereka halus budi bahasa dan sopan, gemar muzik, dan cenderung saling menyayangi."[2] Tentang orang Jawa di Melaka, yang juga kelompok Muslim, Barbossa mempunyai pendapat seperti yang berikut,

> Mereka sangat terampil dalam segala jenis pekerjaan, terlatih dalam setiap kadar kebencian; walaupun mereka kurang berdisiplin, namun mereka sangat gagah berani (dan siap untuk setiap jenis kejahatan). Mereka memiliki senjata yang baik dan bertempur tanpa takut.[3]

Huraiannya tentang masyarakat Jawa di Jawa sangat komprehensif. Kita akan memetiknya secara utuh kerana bahan ini akan berguna untuk pembahasan selanjutnya. Ia menulis,

> Penduduknya adalah orang-orang tegar berdada bidang dengan muka lebar, sebahagian besar bertelanjang dada, sedangkan yang lain berpakaian baju sutera ke bawah hingga pertengahan paha. Janggut mereka sebagai tanda keningratan, rambut mereka dicukur di bahagian tengah atas, mereka tidak mengusung barang di atas kepala, kerana menurut mereka tidak selayaknya ada barang di atas kepala; penghinaan terbesar di kalangan mereka adalah meletakkan tangan di kepala orang. Mereka pun tidak membina rumah lebih daripada satu tingkat supaya tidak seorang pun dibenarkan berjalan di atas kepala orang lain. Mereka benar-benar bangga, penuh ghairah dan berbahagia: dan lebih daripada itu, mereka sangat cerdik. Mereka sangat pandai membuat perabot rumah. Perdagangan lain yang dikerjakan ialah membuat penutup dan bedil kuno serta segala jenis senjata api yang lain; mereka di mana-mana sering dicari sebagai jaguh tembak. Di samping perahu jung yang telah saya sebutkan, mereka memiliki kapal-kapal layar yang dibuat dengan baik, digerakkan oleh dayung, dan dengan kapal ini ada di antara mereka yang pergi merompak, dan banyak perompak di kalangan mereka. Mereka juga tukang kunci yang sangat pandai, dan mereka membuat berbagai-bagai jenis senjata yang sangat kencang dan kuat daripada besi waja yang dipotong rapi.

> Mereka juga handal dan ahli nujum terkemuka, dan membuat senjata pada jam dan waktu tertentu, dengan mengatakan bahawa barangsiapa membawanya tidak akan mati di hujung pedang, dan bahawa senjata itu membunuh bila sahaja darah keluar, dan tentang yang lain mereka mengatakan bahawa para pemiliknya tidak dapat ditakluki apabila mereka membawa senjata tersebut. Kadang-kadang mereka memerlukan 12 tahun untuk membuat senjata ini, menunggu hari yang baik dan disesuaikan dengan tujuannya. Senjata-senjata inilah yang dinilai sangat mulia dan disimpan sebagai miliknya.
>
> Di antara mereka juga terdapat banyak penunggang kuda dan pemburu yang mahir; mereka banyak memiliki kuda-tunggangan dan kuda tua yang baik, dan sangat banyak burung yang cantik-cantik; Jika mereka pergi berburu, isteri mereka turut serta dalam kereta kuda yang indah, yang diperbuat daripada kayu yang diukir bagus. Wanitanya sangat cantik dengan tubuh yang semampai; wajah mereka lebar dan memelas. Mereka adalah ahli muzik dan ahli menjahit baju, dan sangat terampil melakukan segala jenis pekerjaan, dan cenderung memikat dengan kasih-sayang.[4]

Pada tahun 1613, satu abad setelah Tom Pires dan Duarte Barbossa, maka seorang pegawai Portugis yang terkemuka, Emanuel Godhino de Eredia, menyampaikan tiga risalah kepada Raja Sepanyol. Huraiannya tentang orang Melayu ditulis setelah satu abad kekuasaan Portugis di Melaka, sementara Tom Pires dan Barbossa melihat orang Melayu justeru setelah mereka kehilangan kesultanan terhadap Portugis. Kerana itu pengamatan Eredia terhadap orang Melayu di Melaka berdasarkan jangka waktu ketika mereka menemui pengenalan diri sebagai komuniti sasaran yang telah menjalani satu abad penjajahan yang merosakkan berbagai-bagai aspek kehidupan mereka. Setelah menghuraikan penampilan dan pakaian orang Melayu, Eredia menyatakan bahawa kebanyakan mereka menyenangkan, nakal, dan sangat ceroboh. Mereka juga banyak akal dan cerdas, tetapi sembrono dan mengabaikan pelajaran serta sastera. Mereka menggunakan waktu untuk bersenang-senang. Kerana itu sangat sedikit ilmuwan, ahli matematika, atau peramal bintang yang terdapat di kalangan mereka.[5]

Ia mencatat bahawa para bangsawan mengisi waktu mereka dengan menyabung ayam dan muzik. Eredia menilai lebih baik tentang rakyat biasa.

> Rakyat biasa mempunyai sifat yang lebih baik, mereka biasanya memanfaatkan waktu dengan keterampilan teknik untuk memperolehi pendapatan; banyak di antara mereka adalah ahli ukir yang ulung dan mahir dalam bidang kimia, untuk mengolah dan memperkeras besi dan besi waja dalam pembuatan senjata.[6]

Sekitar 35 tahun setelah pendudukan Belanda di Melaka, seorang pelancong Itali dan doktor falsafah undang-undang, John Francis Gamelli Careri, datang ke Melaka pada 27 Jun 1695. Ia mengeluh kerana Melaka adalah kota yang mahal, dan beliau menulis bahawa orang-orang Melayu (Minangkabau) yang berugama Islam adalah para pencuri yang handal. Mereka musuh Belanda yang garang, yang menolak menjalin hubungan dagang apa saja, dan menurut Careri, mereka penduduk liar yang hidup seperti binatang, yang tidak dapat dengan mudah tunduk kepada Belanda. Kerana itu kekuasaan Belanda mencapai tidak lebih daripada tiga batu sekitar kota.[7]

Pengkaji tentang sifat orang Melayu yang lain adalah Francois Valentyn berbangsa Belanda yang menyelesaikan laporan sejarahnya tentang Melaka pada tahun 1726 Masihi. Kita boleh menganggap Valentyn sebagai salah seorang Eropah paling awal yang menanamkan perhatian ilmiah kepada orang Melayu, kebudayaan dan bahasa mereka. Ia mengenal orang Melayu dan menghadapi kesulitan besar untuk mengumpulkan kesusasteraan Melayu dan berbagai-bagai karya sejarah. Tentang perawakan orang Melayu, ia mencatat bahawa pada dasarnya orang Melayu lincah, lucu, dengan kesombongan-diri yang besar. Mereka penduduk yang paling cerdik, paling berbakat, dan paling sopan santun dari dunia Timur, namun tidak banyak yang dapat dipercayai.[8] Satu zaman dengan Valentyn, seorang Kapten Portugis yang dapat dipercayai, de Vellez Guirreiro, dalam laporannya tentang Johor – sewaktu kunjungan seorang gabenor Portugis di Macao, yang baru diangkat ke Johor dari Goa – mengutarakan pandangan orang Portugis pada umumnya bahawa orang Melayu biadab.[9] Ia menghuraikan masyarakat Melayu di Johor yang telah mempertahankan kemerdekaan mereka daripada kekuasaan kolonial Barat di Melaka. Dalam laporannya tidak disebut tentang kebuasan, kebohongan, atau kelicikan orang Melayu sebagai bangsa. Ia sangat menghargai penguasa Johor, tetapi ia mengutuk orang Melayu pesisir.[10] Ia agak kasar terhadap orang Melayu Bugis yang pernah berselisih dengan gabenor Portugis.[11] Di pihak lain, Raffles, yang kini akan dibahas, cenderung memihak Bugis.

Sir Thomas Stamford Raffles, leftenan Inggeris serta gabenor Jawa dan Bengkulu, menjadi hubungan pertama dengan orang Melayu di Melaka tatkala ia menjadi wakil gabenor jenderal pada tahun 1810 Masihi. Disamping tugas pemerintahan, Raffles benar-benar tertarik pada penyelidikan tentang orang-orang Melayu. Kiranya dapat dianggap bahawa pengamatan tentang perwatakan orang Melayu pada umum yang dilakukan Raffles merupakan satu perintisan yang penting, meskipun ada kelemahan metode dan kesimpulannya, yang diuji dengan ilmu pengetahuan moden. Pengembangan pandangannya tentang pokok masalah tersebut menarik, demikian pula prasangka dan pendiriannya. Penilaian terhadap pandangan Raffles dan yang lainnya yang disebut di atas akan dilakukan kemudian; untuk saat sekarang hanya akan ditampilkan berbagai-bagai pandangannya tentang orang-orang Melayu secara keseluruhan. Raffles menganggap masyarakat Melayu sebagai suatu bangsa dalam konteks yang lebih besar daripada susunan ras dan kesukuan yang mencakupi Indonesia dan Filipina. "Saya tak dapat," tulisnya, "kecuali menganggap bangsa Melayu sebagai segolongan penduduk, yang berbicara satu bahasa, meskipun bertaburan di dalam wilayah yang luas, dan mempertahankan perwatakan dan kebiasaan mereka, di seluruh kepulauan yang terletak antara Laut China Selatan dan Lautan Hindi, dan membujur sampai ke Sumatera dan Irian Barat atau Papua."[12]

Menurut Raffles, orang Melayu tidak memperolehi tingkat pengembangan intelektual yang tinggi.

> Perwatakan bangsa Melayu yang relatif primitif dan tak beradab, tidak didapati dari risalah rasmi yang terdengar, tetapi dari pelbagai gagasan sederhana: yang diutarakan secara sederhana, bahkan dapat menggambarkan karakter mereka lebih baik daripada laporang keilmuan atau karangan yang halus.[13]

Ia secara khusus tertarik kepada aturan kelautan Melayu dan perundangan mereka. Tidak ada sistem undung-undang yang ditetapkan dengan baik dan secara umum diterima, menurut Raffles, merupakan punca utama dalam kemerosotan perwatakan orang Melayu. Ketiadaan sistem hukum yang umum tersebut dihubungkan dengan perubahan anutan orang-orang Melayu terhadap Islam – tetapi hal ini juga akibat daripada pengaruh Hindu sebelumnya – telah mengakibatkan kepelbagaian dalam bidang undang-undang. Tidak adanya penyatuan antara hukum

adat, yang pada umumnya berasal daripada sumber-sumber India, dan hukum Islam, memperbesar kepelbagaian dan penurunan taraf, sebagaimana yang disesalkannya. Lembaga-lembaga yang tidak lazim telah muncul dalam keadaan yang berbeza. Keadaan seperti itu membuka pintu bagi para penguasa Melayu untuk berubah fikiran secara tiba-tiba dan menjadi tirani, sehingga menimbulkan kekecuhan umum, baik terhadap manusia mahupun kekayaan.[14]

Menurut sejarah dan dari segi sosiologi, pandangan Raffles tentang sebab-sebab kepelbagaian tersebut, tidak kuat. Fenomena tersebut wujud lama sebelum kedatangan Islam. Secara logik, hal ini tidak perlu mengikut anggapan bahawa kepelbagaian telah mengakibatkan kebolehan kepada manusia dan kekayaan. Namun, kita ketengahkan fakta ini disebabkan hubungannya dengan tanggapan Raffles terhadap orang-orang Melayu. Menurutnya, orang Melayu mengalami penurunan murtabat ketika orang Inggeris menemui mereka. Sebelum kedatangan Islam, menurut Raffles, masyarakat Melayu secara umum telah membuat kemajuan nyata dari segi peradaban. Pengaruh gabungan Islam dan orang-orang Arab, Belanda, dan Cina mengakibatkan kemerosotan mereka.[15] Sebab-sebab yang menuntun ke arah kemerosotan orang Melayu tersebut dapat disimpulkan seperti berikut:

> Sebab-sebab yang kecenderungannya paling besar mengakibatkan kemunduran orang Melayu, dan kemerosotan perwatakan mereka, adalah: keributan penduduk yang kemungkinan besar timbul pada setiap negara akibat adanya kemahuan kekuatan radikal dalam pemerintahan, dan peperangan terus-menerus antara ketua suku, dan ketua kampung atau daerah; pewarisan takhta yang tidak jelas, yang berasal daripada ajaran tentang hak anak sulung, diakui di negeri Melayu; secara tidak sempurna meratanya perompakan di seluruh laut timur; sistem perbudakan setempat, dengan segenap kejahatannya, seperti peperangan yang bertujuan mendapatkan hamba, dan keperluan terhadap kepercayaan umum antara keluarga dengan keluarga, manusia dengan manusia: keperluan akan suatu sistem undang-undang yang secara umum jitu dan diakui, yang berkenaan dengan seluruh persoalan, penduduk dan penjahat, di negeri Melayu; keperluan akan sistem yang seragam, peraturan perniagaan tentang cukai pelabuhan, bandar pelabuhan, dan berbagai-bagai cukai yang lain, untuk mencegah timbulnya ketetapan-ketetapan yang berubah-ubah di berbagai-bagai pelabuhan Melayu; hilangnya semangat pada perdagangan biasa

berpunca daripada monopoli para raja Melayu; untuk memperbaiki segala kejahatan ini, sebahagian besar berada dalam kekuatan bangsa Inggeris; kiranya patut menjadi sifat umum mereka, dan tidak ada bangsa lain yang memiliki cara-cara dalam darjat yang sebanding, sekalipun ia mempunyai kecenderungannya.[16]

Pada pendapat Raffles, keadaan sejarah dan sosiologi yang mempengaruhi orang Melayu telah mendorong kemunculan berbagai-bagai keganjilan tertentu yang secara umum dirasakan, seperti kecenderungan orang Melayu untuk bertindak terhadap kemahuan perseorangan dan menunjukkan nafsu serakah.[17] Raffles juga mencatat ciri pembawaan orang Melayu yang lain sebagaimana ia memahami mereka. Ia berpendapat, kiranya benar anggapan orang Melayu begitu malas, kerana ketika mereka memiliki beras, lalu tidak ada yang merangsang mereka untuk terus bekerja. Dengan membiasakan diri memanggul senjata sejak kecil dan mempercayai kekuatannya sendiri demi keselamatan, serta mengkhuatirkan teman sejawatnya, maka ia menjadi yang paling beradab daripada seluruh orang biadab. Namun ia sangat peka terhadap hinaan dan benci pada perdamaian yang dipaksakan oleh pihak lain. Kekesalan yang disimpan lama kadang-kadang diungkap sendiri dalam balas-dendam terhadap ketidakberdosaannya.[18] Banyak ciri pembawaan negatif orang Melayu yang diketengahkan oleh Raffles dijelaskan dalam huraian sejarah dan sosiologi. Dalam keadaan sedemikian, cara kerja, atau pendekatannyalah yang menarik perhatian kita, dibandingkan dengan berbagai-bagai kesimpulannya. Meskipun Raffles melihat berbagai-bagai unsur khusus dalam kebudayaan dan masyarakat Melayu yang merupakan pendandanan psikologis orang Melayu sebagai suatu bangsa, ia menganggapnya sebagai akibat daripada faktor-faktor sesaat. Kesiagaan orang Melayu untuk menarik kerisnya dalam bela diri, kepekaannya terhadap hinaan, cara lainnya ke arah perompakan dalam beberapa hal,[19] semuanya dijelaskan oleh Raffles dengan mengingat keadaan darurat sesaat. Dalam suratnya kepada bangsawan di Buckinghamshire, ia mengeluh bahawa sifat penduduk yang mendiami Malaya dan Indonesia tidak dikenal di Eropah.[20]

Raffles memberi penjelasan yang berikut tentang ciri-ciri khusus dalam masyarakat Melayu.

Keris bagi orang Melayu adalah alat perkelahian jika dipandang

> oleh bangsa-bangsa Eropah. Ada hal-hal tertentu dalam susunan setiap fikiran manusia yang tidak dapat diatur oleh pengadilan undang-undang; kekayaan, kehidupan, dan tingkah laku orang Eropah dilindungi undang-undang; tetapi masih ada beberapa hal, dan merupakan hal yang penting tempat seluruh masyarakat bergantung, yang tidak dilindungi. Untuk memperkuatnya ia menyalahkan undang-undang yang menodainya sebagai seorang pembunuh, dan orang yang membuat undang-undang menganggap dirinya benar. Baik kekayaan, kehidupan, mahupun tingkah laku orang Melayu tidak dilindungi undang-undang hingga dengan bangga mereka membela diri dengan tangan mereka sendiri apabila terancam bahaya. Kesiagaan untuk menebus luka mempunyai pengaruh hebat dalam usaha mencegah terjadinya luka-luka tersebut; dan kecuali dalam keadaan yang mudah berselisih, orang Melayu jarang-jarang mudah menarik keris mereka, jika tidak untuk mempertahankan kehormatan. Kepastian dendamnya telah menimbulkan kehalusan budi dan mempertimbangkan perasaan satu sama lain, bahawa kebiasaan mereka adalah sopan, dan jika mereka harus dikatakan orang biadab, tentulah mereka yang paling beradab di antara seluruh kaum biadab; namun sebenarnya mereka sangat jauh daripada menjadi orang biadab.[21]

Akibat daripada penekanan terhadap sifat tersebut juga dicatat olehnya. Pemerasan melalui tenaga kerja paksa dan pajak yang mencekik yang merupakan ciri-ciri kekuasaan Belanda di Jawa, benar-benar dikutuk oleh Raffles. Tentang hal ini ia menulis,

> Pengaruh terkutuk daripada sistem ini bukan sahaja ada, tetapi terang-terangan dikembangkan, sehingga menurunkan nilai fikiran umum dan menimbulkan perasaan yang lesu serta acuh tak acuh, yang kelihatan untuk mencirikan bangsa Jawa. Sementara golongan kaya dan berkuasa hidup dalam kemewahan dan dimanjakan, daerah-daerah miskin didera dengan segenap kengerian akan kelangkaan dan kepapaan; namun diberkati dengan tanah yang subur dan sikap fikiran yang rendah hati, mereka mampu bertahan di bawah perampasan yang menggulung dan kemalangan itu.[22]

Sebelum kita tinggalkan Raffles dan menyemak pandangan pengamat yang lain, kiranya bermanfaat untuk menyebut satu lagi pengamatan Raffles yang, saya yakin, cukup penting. Raffles percaya bahawa bangsa Melayu sekarang lebih kurang adalah ciptaan Islam.

Teori yang paling nyata dan wajar tentang asal-usul orang Melayu bahawa mereka tidak bereksistensi sebagai bangsa yang terpisah dan berbeza, hingga datangnya orang-orang Arab di Laut Timur. Saat ini mereka kelihatan berbeza daripada bangsa yang lebih asli, tempat asal mereka meloncat ke darjat yang sama, seperti halnya orang Culiah dari Keling berbeza daripada bangsa Tamil dan Telinga di pantai Koromandel, atau orang Mapilla dari Malabar berbeza daripada orang Nair, kedua-duanya tempat asal mereka, begitu pula dengan orang-orang Melayu yang secara beransur-ansur dibentuk sebagai bangsa, dan dipisahkan daripada keturunan asli mereka dengan pencampuran darah Arab, serta pengenalan bahasa Arab dan agama Islam.[23]

Gambaran Raffles tentang bangsa Melayu sama seperti yang ditegaskan dalam perlembagaan Malaysia sekarang. Penilaian kita terhadap pengamatan Raffles tentang orang Melayu, akan dimasukkan dalam pembahasan umum nanti.

Orang berikutnya yang menarik perhatian ialah John Crawfurd, Residen Inggeris di istana Sultan Jawa. Ia menulis tentang tingkah laku sastera, bahasa, agama, lembaga, dan perdagangan di Kepulauan Hindia Timur. Ia memberi kesan bahawa di wilayah tersebut tidak ada orang yang cerdas dan peristiwa besar. Keadaan geografi negara tersebut menghalang pemupukan bakat-bakat tentera yang hebat. Ada sedikit pengecualian untuk ini, yakni seperti Sultan Agung dari Mataram dan Laksamana Melaka menghadapi serbuan Portugis yang menyerang Kesultanannya. Seperti Raffles, ia mengakui penjelasan sosiologi tentang apa yang dianggapnya sebagai keterbelakangan intelektual penduduk Melayu dan Indonesia. Ia berkata,

Kelemahan intelektual seperti itu adalah akibat dari keadaan masyarakat dan iklimnya, yang selalu kita anggap bahawa kekuatan terbesar akal peribumi akan sukar sekali untuk dibandingkan – dalam hal kekuatan dan sumber daya dengan pengaruh lumrah tentang pemahaman manusia dalam tingkat peradaban tertinggi, meskipun mereka mungkin akan lebih sesuai untuk membezakannya dalam keadaan yang luar biasa apabila mereka dikehendaki bertindak.[24]

1 Tom Pires, 1944. *The Suma Oriental of Tom Piers*, diterjemah dan disunting oleh Armando Cortesao, Hakluyt Society, jil. 2, siri kedua, no. 90, hlm. 268.

2 Duarte Barbossa, 1921. *The Book of Duarte Barbossa*, diterjemah dan disunting oleh M.L. Dames, Hakluyt Society, jil 2, siri kedua, no. 49, hlm. 176.

3 Duarte Barbossa, *ibid.* hlm. 177. Saya kira Barbossa merujuk orang Jawa sebagai penduduk Jawa, tidak harus sebagai kelompok etno-linguistik yang menghuni bahagian tengah dan timur pulau tersebut.

4 Duarte Barbossa, *ibid.*, hlm. 191–94.

5 E.G de Eredia, "Description of Malacca and Meridonial India and Cathay," diterjemah daripada bahasa Portugis oleh J.V. Mills, *JMBRAS*, jil. VIII, bhg 1, April, 1930, hlm. 31.

6 E.G. de Eredia, *ibid.*, hlm. 39.

7 J.F.G. Careri, *A Voyage Round the World*, hlm. 272 (Tidak diketahui penterjemah dan penerbitnya).

8 F. Valentyn, "Description of Malacca," hlm. 52–53. Terjemahan D.F.A. Hervery, *JSBRAS*, no. 18, Jun, 1884.

9 J.T. de Vellez Guerreiro, "A Portuguese account of Johore," Terjemahan. T.D. Hughes, *JMBRAS*, jil. XIII, bahagian 2, Oktober, 1935.

10 J.T. de Vellez Guerreiro, *ibid.*

11 J.T. de Vellez Guerriero, *ibid*, hlm. 127.

12 T.S. Raffles, 1835. *Memoir*, Sophia Raffles, (ed) London: James Duncan, jil. hlm. 29.

13 T.S. Raffles, *ibid.*, hlm. 30.

14 T.S. Raffles, *ibid.*, hlm. 98–99.

15 Karakteristik orang Belanda dan Cina adalah dapat disuap dan mempunyai keahlian. Orang Arab keadaannya jauh lebih buruk. Lihat Raffles, *ibid.*, hlm. 80–83.

16 T.S. Raffles, *ibid.*, hlm. 91–92.

17 T.S. Raffles, *ibid.*, hlm. 41.

18 T.S. Raffles, *ibid.*, hlm. 258–259

19 T.S. Raffles, *ibid.*, hlm. 91–93.

20 T.S. Raffles, *ibid.*, hlm. 287.

21 T.S. Raffles, *ibid.*, hlm. 288–89.

22 T.S. Raffles, *ibid.*, hlm. 244.

23 T.S. Raffles, *ibid.*, hlm. 40.

24 J. Crawfurd, 1820. *History of the Indian Archipelago*, jil. II, Edinburg: Archibald Constable, hlm. 287.

Bab 2

Imej Orang Melayu di Mata Inggeris pada Akhir Abad ke-19 dan Abad ke-20

Selama abad ke-19, perhatian pada masyarakat Melayu mengambil bentuk dan arah yang pasti. Jumlah penerbitan dan jurnal telah meningkat begitu pesat. Dua penulis pada masa itu, Hugh Clifford dan Frank Swettenham, secara khusus menarik perhatian. Kedua-duanya sezaman dan sama-sama menjadi residen Inggeris ketika karangan mereka diterbitkan. Mereka menyedari ada berbagai-bagai perubahan besar yang mempengaruhi masyarakat Melayu. Orang Melayu benar-benar berubah dengan kedatangan kekuasaan Inggeris di Malaya. Baik Swettenham mahupun Clifford menyambut perubahan tersebut dan menganggapnya sebagai kemajuan penting, paling tidak sepanjang menyangkut sistem pemerintah dan berbagai-bagai tindakan yang tertentu. Swettenham telah menulis banyak sekali tentang perwatakan orang Melayu, melebihi penulis tunggal mana pun. Bukunya yang awal tentang masyarakat Melayu diselesaikan pada tahun 1885 dan 1899.[1] Bukunya yang pertama kali diterbitkan pada tahun 1906, mengandungi satu bab tentang masyarakat Melayu. Berikut adalah gambarannya tentang orang Melayu.

> Orang Melayu berkulit sawo matang, agak pendek, gempal dan kuat, dan ketahanan mereka tinggi. Wajahnya, biasanya jujur dan menyenangkan; ia tersenyum kepada orang lain yang menyapanya sebagai orang yang sedarjat. Rambutnya hitam, lebat dan lurus. Hidungnya cenderung agak datar dan lebar pada cupingnya, mulut besar; biji matanya hitam pekat dan cerah, bahagian putihnya sedikit kebiruan; tulang pipinya biasanya agak menonjol, dagunya persegi, dan giginya semasa muda sangat putih. Ia dicipta dengan baik dan bersih, berdiri gagah tangkas menggunakan senjata, terampil membuat jala, mengayuh basikal, dan menguasai perahu;

biasanya ia perenang dan penyelam yang ahli. Keberaniannya yang baik merata hampir pada semua laki-laki, dan tidak ada sikap hamba di antara mereka, hal yang tidak biasa di Timur. Di pihak lain, ia cenderung bersikap angkuh, khususnya terhadap orang asing.[2]

Seorang Melayu daripada keluarga miskin setelah memperolehi pendidikan tradisional harus bekerja, membantu ayahnya menanam padi, berternak ikan di sungai, menggembala kambing, atau mengumpulkan hasil hutan. "Raja-raja muda dan anak bangsawan yang lain bermain gasing, menyabung ayam, berjudi, menghisap candu, bercinta-cintaan, dan beberapa di antaranya merompak, berkelahi, dan membunuh". Huraian Swettenham menunjukkan masyarakat Melayu tahun 1874 di Malaya. Ia memberi ciri lain, sifat khas yang utama setiap golongan orang Melayu adalah keengganan untuk bekerja."[3]

Swettenham juga memberi kesan bahawa orang Melayu adalah Muslim fatalis, dan sangat mempercayai tahayul. Berkenaan penguasa dan tradisinya, orang Melayu, menurut Swettenham, memiliki pandangan yang berikut:

> Di atas segalanya, ia sedikit banyak konservatif, bangga dan cinta tanah air dan rakyatnya, memuliakan kebiasaan dan tradisi nenek moyangnya, mengkuatirkan rajanya, dan menaruh hormat dengan sepantasnya pada wilayah kekuasaan – sementara ia kelihatan tidak setuju dengan segala perubahan, dan akan menentang pengenalan hal-hal yang mendadak itu. Namun jika ia diberi waktu untuk menilai semuanya secara hati-hati, dan tidak ditimpakan secara paksa kepadanya, ia bersedia untuk yakin akan manfaatnya. Pada masa yang sama, ia pelajar yang mencontohi dengan baik, dan apabila ia telah cukup memiliki kekuatan dan keinginan untuk suatu tugas, maka ia dapat menjadi mekanik yang baik.[4]

Gambaran Swettenham tentang perwatakan orang Melayu benar-benar berubah dibandingkan dengan beberapa penulis yang lebih awal. Ia tidak sependapat dengan penggolongan orang Melayu yang khianat. "Orang Melayu sering dikatakan curang. Saya bertanya apakah ia dapat menerima celaan melebihi orang lain."[5] Lebih jauh ia mengutarakan ciri-ciri kesetiaan, ramah-tamah, kemurahan hati, dan keborosan yang merupakan sifat orang Melayu. Sebagai tambahan, disebutkan adanya kecenderungan orang Melayu untuk meminjam wang jika mengetahui

seseorang berada dalam keadaan baik, meskipun sulit memastikan kemungkinan membayar kembali hutang tersebut. Tetapi ia, orang Melayu, akan melakukan apa sahaja kerja untuk kepentingan pemberi pinjaman hingga ia selesai menunaikan kewajipannya sendiri.[6]

Seperti halnya Raffles dan beberapa orang yang lain, Swettenham mencuba pendekatan sosiologi dan sejarah untuk menjelaskan ciri-ciri negatif tertentu yang diyakininya ada dalam karakter orang Melayu. Ciri-ciri yang perlu dipersoalkan tanggapan tentang kebencian orang Melayu terhadap kerja keras dan terus-menerus, baik dengan otak mahupun dengan tangan, dan tidak adanya inisiatif. Berkenaan dengan yang pertama disebutkan telah dijelaskan oleh Swettenham sebagaimana kenyataan yang ada, bahawa perhatian pada tenaga kerja kasar dan intelektual tidak diberi pada tempatnya. "Apa pun sebabnya," ia menjelaskan,

> Orang Melayu Semenanjung memang demikian, dan tidak dapat disangsikan bahawa mereka menentang pekerjaan yang terus menerus. Dan sekalipun demikian, jika anda hanya dapat mendorong minatnya dalam pekerjaan, ia akan menunjukkan keajaiban; ia akan bekerja keras, dan bertahan, dan gembira serta teguh, sepandai orang lain. Tempatkan dia disela-sela peperangan atau jenis pemburuan apa sahaja, atau bahkan dalam ekspedisi yang membosankan yang melibatkan perjalanan sungai, atau laut, atau hutan, yang kerananya mengandungi bahaya; maka orang Melayu itu benar-benar waspada, dan anda tidak memerlukan pembantu yang lebih baik, yang lebih menyenangkan atau sahabat yang ceria. Barangkali inilah sifat-sifat yang, sejak ratusan tahun yang lalu, menjadikannya sebagai perompak yang menakutkan, suatu kehidupan yang digerakkan oleh cara kerja yang tiada ampun daripada para *sarjana* dan petualang Eropah yang awal, khususnya orang Portugis dan orang Belanda.[7]

Tentang tidak adanya inisiatif, atau rangsangan untuk memperolehi kekayaan, ia memberi penjelasan yang berikut:

> Pada 1874, ada hubungan yang sangat luas antara kelompok penguasa di Malaya dan rakyat. Rakyat tidak memiliki inisiatif apa pun; mereka di sana mengerjakan apa yang diperintahkan oleh para pemimpin mereka, tidak kurang, tidak lebih. Mereka tidak pernah berfikir apakah itu benar atau salah, bermanfaat bagi mereka secara peribadi atau sebaliknya: halnya sederhana saja,

'Bagaimana perintah raja?' Di mana sahaja perintah raja bersetempat menentang atau membantah wewenang raja dan memberi tahu penduduk bahawa mereka hanya menerima perintah daripadanya. Peristiwa semacam itu dapat terjadi tetapi jarang.[8]

Selain daripada faktor yang terdahulu, faktor geografi juga dicatat oleh Swettenham.

Kurang daripada satu bulan melalui usaha yang dilakukan dua belas orang, menjerat sekeranjang ikan di sungai atau di rawa, dan satu jam dengan jala yang ditebarkan pada malam hari, dapat memberi sumber makanan kepada manusia. Jika pendapatan lebih sedikit maka ia akan menjualnya. Mungkin itu yang menyebabkan kemalasan, yang menjadi sifat orang Melayu; di samping iklim yang menyebabkan badan enak dan tidur, juga mengelamun dibandingkan dengan usaha gigih yang dilakukan terus-menerus. Namun, ini sangat mungkin bahawa keengganan orang Melayu untuk mendesak dirinya sendiri, juga disebabkan oleh kenyataan, bahawa dalam banyak generasi, selama ratusan tahun, ia telah mempelajari bahawa ketika ia benar-benar mengatur fikirannya dan dirinya bekerja, dan kerananya memperolehi wang atau barang-barang yang berharga, maka kekayaan ini segera menarik perhatian mereka, yang merasa bahawa mereka dapat memanfaatkan kesemuanya itu dengan lebih baik daripada pemiliknya.[9]

Pandangan terdahulu dan pada berbagai-bagai penjelasan tentang perwatakan orang Melayu sejak abad ke-16 ke hadapan, kiranya cukup beraneka ragam dan provokatif yang selayaknya diselidiki lebih lanjut. Melalui Hugh Clifford, telah diketengahkan dimensi yang lebih jauh tentang persoalan tersebut. Seperti Swettenham, Clifford juga menyangkutkan melangggarnya terhadap masyarakat Melayu tradisi dan sifat pengenalan kekuasaan Inggeris di Malaya. Hingga Pemerintah Inggeris mencampuri pemerintahan negeri Malaya pada tahun 1874, masyarakat Melayu Semenanjung, praktis, hidup dalam Abad Pertengahan. Berlangsungnya kekuasaan Inggeris telah melepaskan sejumlah reaksi yang mengubah masyarakat Melayu. Clifford sendiri menyedari akan adanya suatu alat perubahan yang cepat ini, ketika ia mengutarakan tugasnya pada tahun 1896 sebagai "menimbulkan beberapa revolusi itu dalam kenyataan, dan dalam gagasan yang kita maksudkan untuk kebajikan bangsa tersebut."[10]

Tidak seperti penulis terdahulu yang lain, ia membuat perbezaan antara masyarakat Melayu di Pantai Timur dengan di Pantai Barat. Mereka yang di Pantai Barat, "telah menjadi bodoh sekali, lemah, dan beradab."[11] Masyarakat Melayu Pantai Timur, Melayu, yang kurang lebih tidak beradab, dan yang kebiasaannya tak tercela menurut ketidaksopanan Eropah, berdasarkan kata-katanya sendiri, kelihatan baginya lebih menarik sebagai contoh.[12] Baik Clifford mahupun Swettenham menyesali ketidaktahuan orang-orang Eropah tentang berbagai-bagai persoalan berhubung dengan masyarakat Melayu. Pada tahun 1874, Malaya dibayangkan sebagai negeri yang tidak dikenali, penuh misteri, dan biadab. Kesan yang berlaku bahawa beberapa jenis pertempuran untuk merebut kuasa di antara mereka berlangsung semata-mata keråna gemar berkelahi.[13] Sifat masyarakat Malaya dan perubahannya yang terjadi kerana dampak pengaruh Inggeris tidak difahami sebagaimana yang semestinya. Clifford melebihi yang lain dengan menyentuh intisari permasalahan tersebut, ketika ia menekankan erti penting kekuasaan Inggeris sebagai alat perubahan.

Dalam tulisannya pada tahun 1896, ia memberi kesan yang berikut:

> Namun, apa yang kita usahakan sebenarnya tidak kurang daripada melumatkan gagasan dan kenyataan revolusi dalam waktu duapuluh tahun, padahal di Eropah yang penuh semangat sahaja untuk melaksanakannya diperlukan waktu enam abad. Tentu sahaja tidak seorang pun akan ditemui untuk membantah, bahawa langkah-langkah yang dibuat dalam pengetahuan kita tentang seni pemerintahan, sejak abad ke-13, adalah luar biasa dan luas, begitu juga bahawa keadaan umum penduduk Eropah bertambah ketika itu; tetapi sekalipun demikian, seseorang tidak dapat berbuat apa-apa kecuali bersimpati kepada masyarakat Melayu, yang secara tiba-tiba dan dengan keras mewujudkannya pada saat suku bangsa mereka telah mencapai perkembangan alamiah, dan diharuskan berbuat sesuai dengan norma penduduk yang berada enam abad di hadapan mereka dalam kemajuan bangsanya. Jika tumbuh-tumbuhan ditanam untuk berbunga atau menghasilkan buah tiga bulan sebelum waktunya, maka hal ini dianggap sebagai keberhasilan kerja tukang kebun; tetapi apa yang kemudian kita katakan tentang sistem pemaksaan moral besar-besaran ini yang kita sebut 'perlindungan'? Tanaman yang dipaksakan, kita tahu, menderita dalam prosesnya; dan orang Melayu, yang sebenarnya berada di tengah-tengah keadaan abad ke-13, secara moral condong

untuk lemah dan luruh, dan kehilangan sesuatu daripada kehormatan dirinya yang kuat, ketika ia dipaksa menerima keadaan abad ke-19.[14]

Dampak kekuasaan Inggeris terhadap masyarakat Melayu tradisional, dengan ciri-ciri negatif dan positifnya, sebagai penjelasan perubahan dalam perwatakan Melayu, merupakan satu hal yang memperolehi, banyak dukungan daripada analisis ahli sosiologi dan antropologi. Sebagai tambahan dalam menyebutkan kejadian ini Clifford menekankan keperluan memahami masyarakat Melayu dengan memandang persoalan daripada pendirian mereka, suatu sikap yang dianggapnya sebagai "ketidakmampuan orang Eropah umumnya."[15] Baik Swettenham mahupun Clifford, menekankan prinsip metodologi tentang pemahaman berbagai-bagai peristiwa dari dalam, sebagaimana yang dirasai oleh para pesertanya. Mereka menekankan keperluan mengenal bahasa Melayu, hidup bersahabat dengan orang Melayu, dan mempelajari mereka dengan sikap yang simpati. Prinsip metodologi yang masuk akal ini tidak selalu diterapkan oleh para penulis yang berikut, sehingga gambaran yang diperolehinya tentang sasaran yang diteliti menjadi menyimpang.

Clifford, seperti yang dicatat, membezakan antara masyarakat Melayu pantai timur daripada mereka di pantai barat. Rupanya ia bermaksud membezakannya menjadi kepada kategori. Pertama, antara orang-orang Melayu sebelum kekuasaan Inggeris pada tahun 1874, dan yang lainnya setelah tahun 1874. Kategori lain daripada perbezaan itu menunjukkan masyarakat Melayu sebelum kedatangan orang Inggeris, dan saya menduga orang-orang Eropah yang lain. Clifford melihat perbezaan sifat antara masyarakat Melayu Trengganu dan Pahang sahaja. Menurut Clifford, orang Melayu Pahang berfikiran maju tentang ketenteraan, permainan cinta gelap, dan olahraga yang dilarang oleh agamanya. Mereka dungu, tidak beragama, tidak intelek dan angkuh. Sifat kebajikan mereka adalah kejantanan dan kenekadan mereka. Mereka sanggup memberi kesetiaan yang luar biasa kepada para pemimpin mereka.[16]

Tentang sikap mereka terhadap kerja, Clifford mengatakan sebagai berikut:

> Ia tidak pernah bekerja walaupun dapat menolongnya, dan sering tidak mahu menyiksa dirinya sendiri untuk dipujuk atau digoda bagi

> melakukannya meski dengan tawaran upah yang sangat menggiurkan. Namun, jika janji dan pujukan gagal, bisikkanlah kata bertuah kerah ke telinganya, dan ia akan datang tanpa berisik, dan benar-benar bekerja keras tanpa upah, membawa serta makanan untuknya. Kerah, sebagaimana setiap orang tahu, ialah sistem kerja paksa yang merupakan keuntungan negara di negeri Melayu yang tidak dilindungi. Negeri-negeri Melayu, merupakan suatu naluri keturunan yang diwarisi daripada datuk neneknya, yang kelihatan mendorong dia mematuhi dengan senang hati kebiasaan ini, yang sehingga tidak ada syarat-syarat lain, ia akan mengizinkan dirinya sendiri melakukan kerja keras. Apabila diminta, ia akan bekerja hal-hal yang tidak dilakukan orang lain. Saya mendapati orang Melayu Pahang bekerja terus-menerus selama 60 jam tanpa istirahat, yang untuk itu hanya untuk seorang yang mereka ketahui, yang mereka akui sebagai pemimpin mereka, dan pada pandangannya mereka dapat merasa malu jika mengeluh kerana bekerja teruk, atau menyerah ketika semuanya membahagi beban dalam takaran yang sama.[17]

Tentang masyarakat Melayu Trengganu, Clifford mengakui mereka sebagai jenis yang benar-benar berbeza. Pertama dan terpenting, mereka adalah manusia yang damai. Satu-satunya kepentingan mereka ialah perdagangan dan pekerjaan. Mereka tidak memiliki kebanggaan bangsa dan negara yang juga menandai kalangan masyarakat Melayu Pahang. Mereka tidak memiliki "nafsu setia" kepada para penguasa mereka yang melewati batas.[18] Sebagai bangsa yang rajin mereka jauh mengungguli orang Melayu yang lain. Tentang masyarakat Melayu Kelantan, Clifford mendapatkan banyak hal yang tidak menyenangkan untuk dikatakan. Mereka tidak mempunyai harga diri, mudah tersinggung, perasa; dan jika menentang, mereka melakukannya dengan cara yang bodoh. Mereka unggul dalam kebolehan mencuri, memperolehi sanjungan pencuri diantara pencuri.[19]

Sebelum beralih kepada pengamatan yang berikutnya, masih ada satu lagi pengamatan yang patut dicatat, yang dibuat oleh Clifford tentang psikologi masyarakat Melayu. Ia menyatakan bahawa masyarakat Melayu, pada keseluruhannya, mampu mengembangkan kelainan psiko-patologi yang disebut latah. Dalam keadaan latah, yang keluar apa sahaja bunyi mendadak kejutan, atau perintah yang mengkagetkan, sang pelaku kelihatan tidak mampu menyedari identitinya sendiri, atau melakukan apa saja kecuali meniru, sering disertai dengan ucapan

bahasa yang tidak sopan. Sesiapa sahaja yang menarik perhatiannya dapat membuatnya melakukan gerak dengan berpura-pura sungguh menirunya. Keadaan ini dapat berlangsung selama berjam-jam hingga sang pelaku berhenti dalam keadaan lelah; setelah kesembuhan menuju kesedaran normal. Hanya orang dewasa yang diketahui memiliki kelainan semacam itu.

Menurut Clifford, setiap orang Melayu dapat menjadi latah yang unik itu jika dianiaya, diperolok-olokan, dan digoda beberapa lama. Perbezaan antara ia dan peristiwa lanjutan hanyalah persoalan darjat.[20] Ditambahnya ke dalam teori tersebut bahawa orang Melayu mundur dan merosot akhlaknya ketika orang Inggeris menemui mereka, iaitu teori bahawa mereka merupakan suatu bangsa, korban yang paling berpotensi terhadap kelainan fikiran yang bersifat patologi, benih yang sudah ada di dalam susunan rohaniah mereka. Aspek dari pencirian Clifford tentang orang Melayu ini dapat dipermudahkan tanpa sebarang masalah. Hal ini tidak mempunyai sebarang landasan empiris. Jika teori tersebut harus diterima, maka tidak ada alasan bagi kita untuk tidak mengakui bangsa lain mana pun yang juga secara potensial patologi. Kita boleh, misalnya, memberi kesan bahawa rakyat Amerika secara potensial patologi suka menunjuk-nunjuk, kerana banyak tukang peraga di kalangan masyarakat Amerika.

Kira-kira empat dasawarsa setelah Inggeris berkuasa di Tanah Melayu, pertimbangan tentang masyarakat Melayu bersifat lebih bijaksana. Maka Wright dan Reid mempermudah beberapa acuan terdahulu tentang kemalasan dan pengkhianatan Melayu. Mereka berkata,

> Alangkah tidak adilnya pandangan ini yang telah dibuktikan secara menyolok oleh sejarah Melayu kemudian, yang – dengan satu atau dua pengecualian menunjukkan bahawa di bawah perlakuan yang benar orang Melayu akan sesetia dan sejujur bangsa turunan raja.[21]

Menurut mereka bagi yang mengenal baik orang Melayu akan menganut pendapat berikut tentang perwatakan orang Melayu:

> Mereka mengakui dalam dirinya satu daripada sifat laki-laki, dan sering bersemangat dalam kesaksian mereka terhadap pemilikan naluri dan kebiasaan fikiran, yang menandainya di luar bangsa Timur yang lain, yang ada hubungan dengan mereka. Namun demikian, kawan-kawan baik orang Melayu dipaksa mengakui bahawa ia tidak senang memilih kerja kasar. Seleranya condong terhadap

> olahraga – menurut pilihannya adu ayam – dan ini bertentangan dengan kehidupan yang sibuk. Ia memboroskan kehidupan dengan takdir kemujuran yang mudah, daripada pengalaman selama berabad-abad dalam seni mendapatkan segala sesuatu yang terbaik dengan usaha yang paling kecil. Sejak bertahun-tahun yang lalu tidak dibiasakan untuk menyelang-nyeli kegiatan hariannya dalam menghabiskan waktu dengan kegiatan merompak kecil-kecilan, tanpa pandang bulu.[22]

Dua puluh enam tahun setelah penyelidikan di atas, Wheeler, dalam usaha yang jauh lebih bersemangat sejalan dengan watak nasional, masih membentuk pendapat yang lain tentang orang Melayu. Ciri-ciri yang khususnya mengesankan dirinya berbeza, kepatuhan dan keramah-tamahan. Ketika membincangkan masalah pencapaian keselarasan antara kestabilan dan tata tradisional serta perubahan yang diperkenalkan oleh yang baru lainnya, ia menyampaikan pandangan berikut berhubungan dengan masyarakat Melayu:

> Hanya sedikit bangsa yang memberikan kesempatan lebih baik untuk penyelidikan masalah ini dibandingkan dengan masyarakat Melayu. Tradisi kuno dan kepercayaan mereka tidak mendapat kerosakan yang berat; kepatuhan dan keramahtamahan mereka menciptakan suasana yang menyenangkan bagi kemajuan itu yang tentu saja perlu dan yang telah nyata membuat langkah besar. Tetapi di lain pihak, kelesuan dan kepasifan tertentu, sebahagian kerana iklim, kerana kelahiran Islam, cocok untuk keadaan stagnasi, yang kalau tidak dijadikan sesuatu yang vital oleh zaman baru, hanya dapat berakhir dalam kerosakan.[23]

Untuk mengakhiri penyajian tentang berbagai-bagai pandangan asing tentang masyarakat Melayu, dapat dicatat satu hal yang disampaikan oleh salah seorang ilmuwan Inggeris yang paling tekun, Sir Richard Windstedt. Beberapa petikan daripada beberapa karyanya yang mutakhir dibuatkan di sini. Antara beberapa ciri yang disebut Windstedt meliputi ketidakaslian di kalangan masyarakat Melayu, kebanggaan terhadap bangsa mereka, kemampuan menyesuaikan diri mereka, dan julukan kemalasan yang semestinya tidak diberi. Inilah beberapa penyelidikannya:

> Orang Melayu memiliki kebanggaan yang besar terhadap bangsanya – barangkali sebesar kemegahan agama Muhammadnya

pada masa lalu yang telah dilupai. Ia memiliki, sebagaimana Sir Frank Swettenham pernah menulis, 'sebaik keberanian hampir semua manusia,' dan perasaan yang lebih baik tentang sebarang nilai yang diberi oleh kehidupan, daripada yang pada umumnya didapati daripada buku filsafat. Bahkan peribumi asli Malaya memiliki kelakuan yang menarik, dan orang Melayu tidak hanya telah menjalani ketertiban tatacara Hindu, tetapi telah dipengaruhi oleh ajaran Islam seperti halnya anak-anak Inggeris yang dipengaruhi oleh sekolah umum, mencapai keseimbangan dan kepercayaan. Kerana ia petani bebas yang tidak perlu menyewakan tenaganya, orang Melayu telah memperolehi julukan malas yang tidak semestinya diberi, yang didukung oleh para saingannya dari Asia. Dalam berbagai-bagai keadaan, ia tidak hanya diplomatik tetapi juga cerdas dan seperti negarawan yang mempunyai kemampuan alamiah dalam menimbang kedua-dua aspek persoalan.[24]

Tentang kesusasteraan Melayu ia menulis:

Kesusasteraan Melayu, sampai sekarang masih merupakan hasil terjemahan. Orang Melayu keadaannya masih anak-anak dalam dunia yang canggih, yang menunggu penyelidikannya. Kalau seorang Melayu harus mengembangkan bakat kesusasteraan asli, maka dorongan yang lebih mungkin akan datang dari Jawa yang padat penduduk atau bahkan dari Sumatera daripada dari dua setengah juta orang Melayu semenanjung, meskipun hal ini tidak selalu mungkin terjadi.[25]

Pendapat yang sama dinyatakan dalam karya lainnya. "Setiap orang yang menyelidiki kesusasteraan Melayu akan terbentur pada melimpahnya sumber-sumber asing dan jarang menemukan kesusasteraan asli."[26]

---

1 F.A. Swettenham, 1907. *The Real Malay*. London dan New York: John Lane, 1913. *Malay Sketches*. London dan New York: John Lane.

2 F.A. Swettenham, 1955, *British Malaya*. London: Allen and Unwin, hlm. 131

3 F.A. Swettenham, *ibid*., hlm. 136.

4 F.A. Swettenham, *Malay Sketches*. *ibid*., hlm. 3.

5 F.A. Swettenham, *ibid*., hlm. 4.

6 F.A. Swettenham, *British Malaya*, hlm. 140.

7 F.A. Swettenham, *ibid*., hlm. 139–140.

8 F.A. Swettenham, *ibid.*, hlm. 141.

9 F.A. Swettenham, *ibid.*, hlm. 137.

10 Hugh Clifford, 1927. *In Court and Kampong*. London: The Richards Press, hlm. 53.

11 Hugh Clifford, *ibid.*, hlm. 6.

12 Hugh Clifford, *ibid.*, hlm. 7, lihat juga hlm. 20.

13 F.A. Swettenham, *The Real Malay*, hlm. 7–8.

14 Hugh Clifford, *ibid.*, hlm. 3.

15 H. Clifford, *ibid.*, hlm. 2.

16 H. Clifford, *ibid.*, hlm. 17–18.

17 H. Clifford, *ibid.*, hlm. 19.

18 H. Clifford, *ibid.*, hlm. 20.

19 H. Clifford, *ibid.*, hlm. 25.

20 H. Clifford, 1895. *Studies in Brown Humanity*. London: Grant Richards, hlm. 195–96.

21 A. Wright, T.H. Reid, 1912. *The Malay Peninsula*. London: Fisher Unwin, hlm. 314.

22 *Ibid.*, hlm. 315.

23 L.R. Wheeler, 1928. *The Modern Malay*. London: Allen and Unwin, hlm. 23.

24 Sir Richard Windstedt, 1956. *Malaya and Its History*. London: Hutchinson University Library, hlm. 17.

25 Sir Richard Windstedt, 1956. The Malays: A Cultural History. London Routledge and Kegan Paul, hlm. 181.

26 Sir Richard Windstedt, 1958. A "History of Classical Malay Literature", Monograf tentang persoalan Melayu no. 5, *JMBRAS*, XXXI, bhg.3, hlm. 5.

Bab 3

Imej Orang Filipina antara Abad ke-17 hingga Abad ke-19

Orang Filipina juga telah digambarkan secara negatif oleh orang Sepanyol dan para pelancong Eropah yang lain. Careri, menulis tentang masyarakat Filipina setelah mengunjungi Filipina pada tahun 1696, memberi kesan bahawa mereka menyerupai masyarakat Melayu dari segi kedangkalan pandangan mereka. Tentang orang Bisayans ia berpendapat, bahawa mereka menjadi malas sejak orang Sepanyol menguasai mereka. Katanya, "kemalasan merekalah yang membuat mereka tampak tidak banyak akal; dan mereka sepenuhnya kecanduan terhadap hal ini, yang jika dalam perjalanan mereka menemukan duri terkena kaki mereka, mereka tidak membongkok untuk membuangnya ke luar jalan, agar orang lain tidak menginjaknya."[1] Paderi Sebastian Manrique, mengunjungi Manila dalam perjalanannya ke dunia sebelah sini (1629–1634) menulis tentang orang Cina di Manila sebagai kelompok yang sumber hidup mereka ialah *dollar* Sepanyol. Bau *dollar* Sepanyol akan menarik orang Cina "dengan sungguh hebat yang jikalau hal ini mungkin, mereka akan turun ke neraka untuk membuat barang-barang baru untuk dijual, agar dapat merenggut perak yang didambakan dan rangkaian delapan *riyal* yang dirindunya."[2]

Sarjana Perancis, Le Gentil, dalam catatannya yang berharga dan menarik tentang kunjungannya ke Filipina dalam pertengahan kedua abad ke-18, memberi kesan bahawa orang Filipina suka bermalas-malas, bersenang-senang dan tidak bercita-cita tinggi. Ia juga merupakan salah seorang pengamat awal yang menyalahkan penduduk tropika ke atas sifat buruk tuan-tuan kolonial mereka, sebagaimana banyak diberi contohnya. Ia menyebutkan turun-naiknya kekayaan peribadi yang mengakibatkan pemiskinan banyak keluarga orang Sepanyol. Ia juga mencatat bahawa wanita Sepanyol di Manila terbiasa menerima kunjungan ketika

suami mereka tidak ada, begitu sering sehingga di Manila ia merasa sangat senang seperti di Perancis.[3] Ia menemui kesulitan untuk menunjukkan sebuah kota yang moralnya lebih rosak daripada yang terdapat di Manila. Orang Filipina harus dipersalahkan kerana mencetuskan suasana kejatuhan moral. Laki-laki dan perempuannya mandi bersama-sama, mereka bercumbu-cumbuan di jalan. Tidaklah menghairankan apabila pendeta yang bujang memiliki anak-anak.[4]

Perlukisan perwatakan orang Filipina yang agak bersemangat disajikan oleh paderi Gaspar de San Agustin dalam suratnya kepada seorang rakannya di Sepanyol (1720), khususnya yang ditulis untuk maksud ini. Suratnya merupakan pernyataan yang paling jauh jangkauannya yang pernah dibuat tentang perwatakan bangsa ini. Lebih daripada 30 ciri-ciri negatif telah didaftarkan. Ia memulai dengan mempertahankan penyamarataannya. Jika satu diketahui, semuanya akan diketahui. Masyarakat Filipina hampir sama dengan penduduk lain dari Hindia Timur. Mereka berdolak-dalik, curang, dan pendusta. Ilmu firasat mereka dingin dan lembab, kerana pengaruh kuat dari bulan.

Mereka tidak dapat dipercayai, dungu, dan malas, gemar melancong melalui sungai, laut, dan danau. Mereka luar biasa untuk tidak merasa berterima-kasih, tidak pernah membayar kembali wang pinjaman kepada rahib, tidak menghadiri misa, malah menghalanginya. Barang yang dipinjam tidak pernah dikembalikan kecuali diminta, dengan alasan bahawa mereka tidak pernah meminjam sebelumnya. "Kemalasan mereka sedemikian rupa sehingga kalau mereka membuka pintu, mereka tidak pernah menutupnya; dan kalau mereka mengambil alat apa sahaja untuk digunakan, seperti pisau, gunting, pemukul, dan lain-lain, mereka tidak pernah mengembalikannya ke tempat asal, tetapi menjatuhkannya begitu sahaja di lantai kerja."[5] Kalau menerima bayaran awal, mereka akan meninggalkan pekerjaannya dan menyimpan upah tersebut. Mereka juga suka mencampuri urusan orang lain dan ingin tahu, hingga bila sahaja seseorang akan mengurus keperluan jasmaninya maka datanglah seorang Filipina di depan atau di belakangnya. Mereka pada dasarnya kasar. Bila berbincang dengan seorang rahib atau orang Sepanyol, mereka pertama-tama akan mencoret sendiri pelipisnya; jika perempuan, di pahanya; tetapi coretan yang lebih mengilat ada di kepala mereka.[6] Mereka menyimpan kotoran dalam lipatan jubah. Mereka berjalan di hadapan isteri mereka. Mereka selalu ingin tahu setiap gerakan pendeta. Mereka selalu hairan melihat isi surat dan

mendengarkan percakapan peribadi yang tidak ada sangkut-paut dengan mereka.

Mereka masuk rumah dan biara orang-orang Sepanyol tanpa diundang, mencari-cari lubang untuk mengintip ke dalam kalau pintunya dikunci. Namun kesopanan dijalankan di rumah mereka sendiri. Di rumah mereka sendiri mereka bangun pagi tetapi bersama majikannya mereka ikut bangun siang. Sewaktu dalam biara, kegembiraan mereka tertumpah di dapur. Kerusi rosak kerana cara mereka duduk dengan memiringkan badan dan kaki terjulur, sehingga mereka dapat melihat perempuan. Pada malam hari mereka melemparkan obor yang menyala bila-bila masa yang mereka suka. Dalam rumah atau biara yang tidak ada bau perempuan, mereka enggan menempatinya.

San Agustin banyak sekali mengetahui tentang orang Filipina. Kita dapat mencatatnya sebagai berikut:

> Adalah menggelikan menyaksikan mereka membangunkan kawannya yang sedang tidur seperti batu, ketika mereka muncul tanpa berisik dan menyentuh kawannya sangat perlahan dengan hujung jari akan memakan waktu selama dua jam, hingga yang tidur sedar dan terbangun. Hal yang sama dilakukan ketika mereka memanggil seseorang untuk turun ke bawah, atau ketika pintu ditutup; mereka terus memanggilnya dengan nada yang sangat rendah selama dua jam, hingga yang dipanggil menjawab sambil lalu dan membuka pintu untuk mereka.[7]

Semua ungkapan sedemikian jauh telah diletakkan pada ciri negatif, tetapi dalam bahagian penutup suratnya ia memetik seorang penulis mistik, "kita tidak harus memiliki sifat langau yang selalu pergi ke timbunan kotoran, namun seperti lebah yang selalu mencari yang manis-manis dan menyenangkan".

San Agustin kemudian menyebut ciri positif orang-orang Filipina. Mereka bagus dalam kerajinan tangan, mereka membuat perahu dan bertindak sebagai pelaut, askar dan penyelam. Mereka membuat mesin, bedil meriam dan loceng. Mereka menghasilkan makanan utama dan perkhidmatan bagi orang-orang Sepanyol. Hasil pertanian mereka amat menguntungkan Sepanyol di Manila. San Agustin tidak ingin melebih-lebihkan, memburu menokok tambah tentang kemalasan mereka. Kalaupun dilakukan, hal ini benar-benar akan merupakan rasa tidak berterima kasih. Dengan telah dikuasainya tanah mereka, maka mereka

melayani orang Sepanyol hampir seperti hamba. Mereka membela orang-orang Sepanyol terhadap musuh mereka. Banyaknya huru-hara yang terjadi, menurut pendapatnya, disebabkan oleh kekuasaan dan kecongkakan yang menyertai setiap orang Sepanyol sejak kedatangan mereka di Filipina. Beberapa pegawai pentadbiran dan pengadilan, serta orang Sepanyol lain, "telah diangkat daripada golongan pangkat rendah, berusaha menjadi dewa dan raja di wilayah yang berleluasa atas orang-orang Hindia dan kekayaan mereka." Hal inilah yang sering menjadi punca berbagai-bagai keributan.[8]

Suatu fakta menarik yang dicatat dalam hubungan dengan Filipina ialah bahawa permasalahan perwatakan bangsa merupakan pokok perbincangan dan pandangan serius di kalangan orang-orang Sepanyol sendiri. Baik orang Inggeris mahupun Belanda tidak membincangkan pokok masalah tersebut menurut cara penulis Sepanyol. Kerana itu, Juan Jose Delgado – yang mengunjungi Filipina pada tahun 1711, dan *Historia*nya, yang ditulis dalam tahun 1751-54 dan Sinibaldo de Mas dalam *Informe de las Islas Filipinos*-nya (1842), mengulas dan membantah beberapa penelitian yang diajukan oleh San Agustin. Delgado berkeberatan terhadap kecenderungan San Agustin yang menyamaratakan sikap masyarakat Filipina dalam soal pinjam-meminjam. Tentang tingkah laku anak-anak muda yang mengabdi dalam biara, ia berpendapat, orang Sepanyol sendiri juga melakukannya di negeri mereka sendiri, ketika mereka masih muda, seperti orang Filipina yang bekerja di biara tersebut. Hal yang sama juga terjadi dalam hal menutup pintu.

Tentang cara membangunkan orang tidur, Delgado menyangkal kesamaannya yang berlaku di mana-mana. Ia telah melihat orang Filipina membangunkan dengan cara lain. Ia juga menerima kesan kejujuran dan perasaan dosa kerana mencuri, seperti yang diungkap oleh orang Filipina. Tipu muslihat mereka terhadap orang Sepanyol sebahagiannya disebabkan orang Sepanyol sering menipu mereka dan mengajar hal-hal yang tidak senonoh.[9] Mas menolak pencirian secara umum masyarakat Filipina sebagai sebuah komuniti yang cenderung mencuri, meskipun mencuri kejadian jenayah yang utama di kepulauan tersebut. Sistem pentadbiran Sepanyol dapat menjadi salah satu puncanya.[10] Berbagai-bagai contoh diberi oleh penulis seperti Delgado dan Mas menunjukkan bahawa permasalahan tersebut dibicarakan secara lebih serius dalam lingkungan orang Sepanyol daripada dalam lingkungan orang Belanda atau Inggeris. Ilmuwan Jerman Feodor Jagor, yang menu-

lis pada pertengahan kedua abad ke-19, banyak sekali mengemukakan pandangan awal tentang masyarakat Filipina. Ia mendapati mereka gemar bermalas-malasan dan boros. Di Manila ia mencatat kegemaran menyabung ayam.[11] Peribumi Filipina dianggap oleh Jagor sebagai tukang tiru yang amat menjemukan. "Mereka meniru segala-gala yang melintas di hadapan mata tanpa menggunakan akal untuk mengapresiasikannya".[12] Tidak ada rangsangan dalam kerja mereka. Dayung yang digunakan di Filipina biasanya dibuat daripada buluh, dengan papan yang dihujungnya diikat dengan seutas rotan. Sekiranya dayung mereka patah, lebih selalu patah lebih baik, maka ditundanya kerja mendayung yang melelahkan itu sampai dayung tersebut diperbaikki lagi."[13] Sepanjang Sungai Pasig, seseorang boleh jadi terlihat sedang tidur di atas tumpukan kelapa. "Jika kelapa tersebut menggelinding jatuh, orang yang tidur itu dengan sendirinya bangun, menolaknya dengan galah, dan dengan puas kembali berdengkur seperti rakit reotnya yang mengikuti arus sungai."[14]

Pendeta Sepanyol Zuniga, yang karyanya pertama kali diterbitkan pada tahun 1803, menghubungkan orang-orang Filipina yang gemarkan ikan dengan hal kemalasan mereka. Tanaman keperluan makanan dengan mudah tumbuh di negeri itu lebih disesuaikan dengan kebiasaan santainya. Tentang kegemaran orang Filipina memancing ikan, Zuniga berpendapat,

> Dalam pekerjaan ini, penduduk kepulauan tersebut merasa lebih senang dibandingkan dengan pekerjaan apa pun, kerana ini merupakan mata pencarian yang pada suatu ketika sesuai dengan sikap malas mereka dan mereka lebih puas memilih ikan daripada haiwan ternak. Di seluruh negeri tersebut ditemui banyak keluaran yang lain untuk menyara hidup, dan yang – meskipun tidak begitu disukai seperti yang dihuraikan di atas – lebih sesuai dengan kebiasaan santai mereka; serta saripati kelapa, pucuk tebu, sayur-sayuran hijau, dan berbagai-bagai keluaran yang mengandungi air yang lain, tersedia sebagai keperluan mereka yang tidak mempunyai hasrat untuk bekerja demi kecukupan diri.[15]

Penulis yang luar biasa menulis hal yang menarik tentang masyarakat Filipina Sinibaldo de Mas, yang disebutkan sebelum ini. Pada tahun 1843, laporannya tentang Kepulauan Filipina diterbitkan di Madrid. Ia dikirimi ke Timur sebagai atase diplomatik bagi mengumpulkan maklumat tentang berbagai-bagai masalah ilmu pengetahuan,

politik dan perdagangan. Pandangannya tentang Filipina hampir selalu ideologis sesuai dengan wataknya. Ia melihat pergerakan kemerdekaan di Filipina. Dalam laporannya, de Mas menyarankan beberapa langkah tegas yang perlu diambil bagi mempertahankan Filipina sebagai tanah jajahan Sepanyol. Peribumi harus diajar hormat dan setia kepada orang Sepanyol.

> Untuk mencapai ini, kiranya perlu mempertahankan peribumi dari segi intelektual dan moral, meskipun urutan kehebatan mereka jika ditimbang lebih tidak berpolitik daripada orang yang kemudian – seperti dalam timbangan longgokan jerami yang lebih ringan daripada sebatang emas. Golongan buruh, pengembala kambing tidak faham akan berbagai-bagai ikatan sosial dan begitu pula mereka tidak tahu apa yang terjadi di kota mereka sendiri. Ini bukan sejenis masyarakat yang telah menghancurkan *absolutism* di Sepanyol, melainkan orang yang telah dididik di institusi pengajian tinggi, yang mengetahui nilai kebebasan perlembagaan dan kerana hal ini berjuang untuk mereka. Kita harus selalu mengingati akan hal ini jika kita terpaksa berfikir sungguh-sungguh. Ini sangat perlu bahawa kita menolak pembentukan kaum liberal, kerana ditanah jajahan, liberal dan suka menentang mengandungi erti yang sama.[16]

Mematahkan kebanggaan masyarakat Filipina menurut de Mas adalah suatu keperluan. Orang Sepanyol harus dibezakan daripada pakaian khusus yang terlarang bagi peribumi.[17] Peribumi harus diperlakukan lain.

Ketika orang Filipina atau orang berdarah campuran bertemu orang Sepanyol, ia diwajibkan berhenti (kecuali di Manila) dan memberi hormat kepadanya. Jika ia sedang duduk, ia harus berdiri apabila orang Sepanyol berbicara dengannya atau di hadapannya. Sesiapa sahaja harus mengangkat tangannya kepada orang Sepanyol, bahkan dalam pembelaan hidupnya, harus taat bekerja keras sepanjang hidup; kalau pelanggaran dilakukan sama ada dengan ucapan atau perkataan, maka hukuman yang setimpal hendaklah dikenakan kepada mereka. Orang Sepanyol tidak boleh menyediakan tempat duduk bagi orang Filipina atau orang berdarah campuran di rumahnya, tidak sering makan dengannya dan sesiapa yang melanggar adat kebiasaan dalam pergaulan ini, akan dihukum; untuk sekali dan dua kali dengan denda, dan bagi kesalahan yang ketiga ia akan dibuang dari tanah jajahan. Tidak ada

dalih yang mengizinkan orang Sepanyol menikahi gadis Filipina atau wanita berdarah campuran. Orang-orang Filipina atau orang-orang berdarah campuran yang ingin menggunakan kereta atau menunggang kuda harus mendapatkan izin melalui pajak tahunan, sehinggakan – sedikit sekali orang yang mampu menyediakan kemewahan ini.[18]

Masyarakat Filipina tidak diajari Bahasa Sepanyol. Dalam ketenteraan, mereka tidak boleh mempunyai pangkat yang lebih tinggi daripada kopral.[19] Ia menganggap mereka tidak sopan, malas, dan suka menentang.

> Seringkali di jalan raya yang penuh lumpur, yang jika hanya terdapat satu jalan bersih tempat orang-orang Filipina dari kelas paling rendah berhenti, menunggu saya masuk ke dalam lumpur untuk mempersilakan mereka lewat, dan jika saya menyentuh kepala kuda mereka dengan cemeti saya untuk membuka jalan, mereka berbisik-bisik. Beberapa orang di antaranya tertawa, boleh saya katakan, tepat di hadapan hidung saya, melihat saya, saya yakin, dengan kacamata. Suatu ketika di sekitar kota, saya ingin membeli beberapa biji mangga dan jagung bakar daripada penjual yang menjajakannya disamping dagangan makanan yang lain, dan mereka tidak mahu menjual dengan alasan yang tidak jelas sama sekali, maka saya bertanya kepada pembantu saya "apa ertinya ini" lalu dijawabnya: 'Tuan, orang itu pasti gila.' Akhirnya, beberapa kali saya harus keperadilan di kota untuk minta petunjuk atau yang semacamnya (tentu sahaja dengan membayar hanya perkhidmatan mereka), meskipun pasport saya sebagai kapten, mereka memperlakukan saya dengan kurang rasa hormat dan kepatuhan, dua atau tiga kali saya harus mencium bau yang keluar dari sesuatu – kerana kesusilan tidak mengizinkan saya menyebutkannya – yang terjadi ketika saya ada, mengakibatkan orang di sekitar tempat itu kurang selesa. Saya, dalam semuanya ini tidak melihat adanya bukti keamanan dan penjagaan peraturan kita; bagi saya, tampaknya kita lebih aman apabila peribumi bersimpuh manakala seorang Sepanyol lewat.[20]

Laporan de Mas merupakan perwujudan ideologi imperialisme dalam seluruh ketelanjangannya. Ia melihat agama Katolik sebagai landasan kekuasaan Sepanyol. Kerana itu kependetaan harus tetap orang Sepanyol.[21] Politik memecah-belah harus diterapkan pada orang Cina dan orang Filipina. "Kecekapan pemerintah," kata de Mas,

> ...akan terletak pada kemampuan membuat mereka tetap terpisah dan berselisih terus, sehingga mereka tidak pernah dapat membentuk satu massa dan tidak memiliki semangat umum bersama, sebaliknya seseorang harus bertindak sebagai alat untuk membuat yang lain sebagai sasaran.[22]

Laporan tersebut mengungkapkan pandangannya yang rasmi. Sebagai orang Sepanyol, de Mas bersetuju mempersiapkan Filipina untuk mencipta kemerdekaan, kerana pada pendapatnya Filipina agak tidak berguna bagi Sepanyol.[23]

Pengamat tentang masyarakat Filipina yang lain menarik perhatian adalah pedagang Inggeris, Robert MacMicking. Bukunya tentang Filipina diterbitkan di London pada tahun 1951. Ia cukup kritis terhadap kekuasaan Sepanyol di Filipina. Ia juga kritis terhadap berbagai-bagai tulisan orang Sepanyol tentang orang Filipina. Ia berpendapat:

> Dalam perwatakan peribumi Hindia, terdapat begitu banyak hal yang baik, meskipun mereka telah lama memiliki nama yang buruk, tentang perwatakan dan gambaran mereka yang berasal dari mulut orang Sepanyol, yang sangat malas menyelidikinya di luar rumahtangga mereka, atau paling jauh melewati batas kota mereka; seperti sangat sedikitnya orang-orang Sepanyol yang saya temui, yang pernah hidup di desa yang cukup jauh dari Manila, kecuali mereka yang kerana tugas terpaksa berjalan jauh, sebagai seorang pegawai pentadbir dan pengadilan wilayah atau sebagai seorang perajurit komando yang merata di kepulauan itu – sangat ramai daripada kalangan mereka yang tinggal tetap di rumah atau di asrama mereka, merokok, atau minum coklat dan meratapi nasib mereka yang malang yang telah memencilkan mereka begitu jauh dari Manila, dari dunia pertunjukan dan masyarakat. Mereka datang dan pergi tanpa kepastian, atau mahu tahu apa sahaja tentang penduduk di sekitar mereka, kecuali apabila hari besar tiba, tatkala mereka bersiap mengunjungi rumah mereka, berdansa dengan wanita cantik, dan menikmati makan malam mereka.[24]

Dalam menilai masyarakat Filipina yang malas, MacMicking sering mendapat kecaman kerana pandangannya yang menentang orang Sepanyol. Ia menggolongkan ketahanan peribadi dan kegiatan rohaniah masyarakat Filipina lebih tinggi daripada orang-orang Melayu yang disaksikannya di Jawa atau Singapura.[25] Namun ia menjelaskan bahawa kemalasan orang Filipina disebabkan oleh iklim yang panas.

Dalam iklim tropika, unsur masyarakat adalah beragam, dan sangat berlainan dengan orang-orang yang berasal dari suatu negeri dengan iklim seperti Britain. Peribumi Hindia, di bawah matahari tropika, tidak mungkin menyangga cara kerja yang benar-benar teruk selama enam hari dalam seminggu untuk jangka waktu lama; dan kebiasaan malas mereka masih dalam batas yang mungkin bagi kewujudan mereka, barangkali sebanyak istirahat malamnya seorang pekerja Inggeris; tanpa hari-hari santai untuk menjaga daya tahan tubuh yang bekerja keras dibakar terik matahari, maka jelaslah bahawa mereka akan begitu terbakar, dan lelah, yang setelah beberapa tahun kemudian akan memukul mereka sendiri dan menjadi tidak kuat untuk bekerja, dengan demikian mengubah mereka menjadi kelompok yang tidak produktif dan menyusahkan kawan-kawan dan masyarakat mereka.[26]

Sir John Bowring, bekas gabenor Hong Kong, mengunjungi Filipina dan menulis buku tentang negeri tersebut. Ia tidak sependapat dengan penulis Eropah yang menganggap masyarakat Filipina rajin. Ia mengecam orang Filipina dan menganggap bahawa kemunduran negerinya itu akibat kemalasan mereka.[27] Sebagai tambahan Bowring mencatat ketidakacuhan dan kelunakan masyarakat Filipina: Ia meniru cara seorang pendeta yang berkata,

Wahai seluruh umat manusia, berpeganglah pada pasak satu-satu, dan pasak itu diingin oleh orang Hindia untuk topinya, ia akan mengorbankan seluruh umat manusia. Mereka tidak takut mati, tetapi ini adalah suatu rahmat yang tiada terbatas tentang makhluk hebat, yang tahu betapa rapuhnya mereka; mereka berbicara tentang kematian, bahkan di hadapan kematiannya, tanpa keprihatian apa pun. Jika dihukum ke tempat penggantungan, mereka memperlihatkan ketidakacuhan yang sama, dan menghisap cerutu mereka dengan tenang. Jawapan mereka kepada pendeta pembantu selalu begini, 'Saya tahu saya akan mati. Saya tidak dapat menolongnya. Saya telah berbuat jahat' – ini adalah kemahuan Tuhan, – ini adalah takdir saya.' Tetapi datangnya kematian tersebut tidak mengganggu tidur atau makan mereka.[28]

Bowring sendiri memiliki keterangan berikut tentang masyarakat Filipina:

Telah dikatakan tentang orang Hindia bahawa mereka lebih menyerupai makhluk berkaki empat daripada berkaki dua. Tangan-

nya besar, dan jari-jari kakinya lentur, mahir memanjat pokok, dan bermacam-macam fungsi aktif lainnya. Ia hampir bersifat amfibia, menghabiskan banyak waktunya di dalam air. Ia tidak dapat merasakan matahari yang membakar dan hujan yang membasahi. Kesan yang diperolehi pada diri tidak kekal, dan lemah ingatan tentang berbagai-bagai kejadian yang lalu. Tanyakan tentang umurnya, ia tidak akan dapat menjawab: siapakah nenek-moyangnya? Ia tidak tahu dan tidak peduli. Ia tidak mendapatkan kemurahan hati, dan kerananya, ia tidak dapat berterima kasih; tidak bercita-cita besar, dan kerana itu ia tidak begitu gelisah; sedikit keinginan, dan kerana itu ia tidak iri hati atau dengki; tidak menjaga tepi kain orang dan begitu pula tidak benar-benar menaruh perhatian terhadap miliknya. Sifat paling buruk ialah malas, yang menjadi kesenangannya. Pekerjaan yang memerlukannya, ditanggapinya dengan keengganan. Kesihatannya pada umumnya baik, dan apabila fikirannya kacau ia menghilangkannya dengan ramuan herba, yang pernah dicubanya. Ia tidak memakai sabun untuk mencuci, mencukur tanpa pisau cukur; sungai tempat mandinya, dan ia mencabuti rambut di mukanya dengan menggunakan tempurung yang tajam; ia tidak memerlukan jam untuk melihat waktu – tanpa meja, atau kerusi, tanpa piring dan peralatan hidangan, sebilah camca, atau pisau besar, dan beg biasanya tergantung di pinggangnya; ia berfikir tidak ada muzik yang semerdu kokok ayam, dan menganggap sepatu tidak berguna, begitu juga sarung tangan atau tali leher.[29]

Itulah pandangan tentang masyarakat Filipina yang diketengahkan oleh berbagai-bagai penulis sejak abad ke-17. Pada umumnya pandangan mereka menyerupai pandangan tentang masyarakat Jawa dan Melayu yang dibuat oleh orang Belanda, Inggeris, dan para pengamat Eropah lainnya. Ada satu karya yang menyolok tentang Filipina dan masyarakatnya yang tidak diungkapkan di sini, yakni buku yang ditulis oleh Antonio de Morga, leftenan gabenor Filipina, yang pertama kali diterbitkan di Mexico pada tahun 1609. Laporan Morga tentang masyarakat Filipina sangat berbeza daripada karya orang Sepanyol yang lain. Pandangan Morga akan dibicarakan bersama-sama pandangan Rizal dalam bab yang lain. Tugas kita di sini ialah menunjukkan kelaziman citra tentang peribumi yang malas dan tinjauan kembali terhadap citra ini akan dilakukan kemudian.

1 J.F.G. 'Careri, 1963 *A Voyage to the Philippines*. Manila: Filipiniana Book Guild, hlm 65, 71.

2 *The Travels of Fray Sebastian Manrique*, dalam Careri, *ibid*., hlm 202 (lampiran).

3 Le Gentil de la Galaisiere, G.J.H.J.B. *A Voyage to the Indian Seas*. Manila: Filipiniana Book Guild, hlm 19, 79. Tentang orang Tagalog, ia berpendapat bahawa mereka tidak kreatif, sangat malas, tidak bercita-cita tinggi, bersifat sedang-sedang saja, yang tidak akan berhenti menari dan menggesek biola hingga mereka menghabiskan *centavo* mereka yang penghabisan. Setelah itu, baharulah mereka bekerja lagi. Keterangan di atas juga dikatakan oleh para pengamat Belanda tentang masyarakat Jawa, kecuali tarian dan gesekan biolanya.

4 Le Gentil, *ibid*., hlm 87–88. Menurutnya penyakit jiwa muncul menyerang banyak orang Sepanyol di Manila, khususnya para pendeta dan kaum wanita. Orang Sepanyol memperkenalkan *siesta*, tidur sebentar di siang hari antara pukul dua belas hingga satu tengahari. Ia curiga bahawa para pengawal di gerbang kota gemar begini, kerana di pintu gerbangnya ditutup selama waktu ini kerana takut sebarang serangan yang tidak diduga.

5 Gaspar de San Agustin, (t.t.). "Letter on the Filipinos," hlm E.H. Blair, A. Robertson (ed). *The Philippine Islands 1493–1898*, jil. XL, 1690–1691, Cleveland Ohio: Arthur H. Clark.

6 *Ibid*., hlm 211.

7 *Ibid*., hlm 199.

8 *Ibid*., hlm 294–95.

9 *Ibid*., hlm 214, catatan.

10 *Ibid*., hlm 215, catatan.

11 Feodor Jagor, 1916. Travels in the Philippines," dlm Austin Graig (ed), *The Former Philippines thru Foreign Eyes*. Manila: Philippine Education Co, hlm 26–27.

12 *Ibid*., hlm 35.

13 *Ibid*., hlm 36. Juga dikutip dalam Pendahuluan hlm 13 buku ini.

14 *Ibid*., hlm 40.

15 Fr. Jaoquin Martinez de Zuniga, 1966. *An Histoical View of the Philippine Islands*, terjemahan J. Mavei. Manila: Eilipiniana Book Guild, hlm 7.

16 Sinibaldo de Mas, 1963. *Report on the Condition of the Philippines in 1842*. Diterjemahkan daripada bahasa Sepanyol oleh Carlos Botor, Manila: Historical Conservation Society,. Juga dikutip dalam Pendahuluan buku ini (dengan tambahan daripada penyunting).

17 *Ibid*., hlm 160.

18 *Ibid*., hlm 160–161.

19 *Ibid*., hlm 133.

20 *Ibid*., 159–160.

21 *Ibid*., hlm 156.

22 *Ibid*., hlm 163.

23 *Ibid*., hlm 192.

24 Robert MacMicking, 1957. *Recollection of Manila and the Philippines*, Manila: Filipiniana Book Guild, hlm 94. Buku tersebut meliput tahun 1848–1850.

25 *Ibid.*, hlm 95.

26 *Ibid.*, hlm 99–100.

27 Sir John Bowring, 1859. *A Visit to the Philippine Islands*, London: Smith, Elder, hlm 93–94.

28 *Ibid.*, hlm 138–139.

29 *Ibid.*, hlm 140–141.

Bab 4

Imej Orang Jawa sejak Abad ke-18 hingga Abad ke-20

Sebagaimana halnya tentang masyarakat Melayu dan Filipina, pandangan tentang masyarakat Jawa yang malas menjadi semakin kuat dan meluas sejak kekuasaan kolonial Belanda di pulau itu berkembang. Menjelang abad ke-19, khususnya setelah diterapkannya sistem tanaman paksa oleh van den Bosch, gagasan tentang masyarakat Jawa yang malas tampil dengan lebih menyolok dalam perdebatan antara golongan liberal dan golongan konservatif dikalangan orang Belanda. Namun persoalan tersebut pada mulanya muncul pada akhir abad ke-18.[1] Meskipun dalam hal masa ini terjadi perbezaan pendapat, mitos tentang masyarakat Jawa yang malaslah yang menonjol. Sistem VOC *(Vereenigde Oost Indische compagnie)* tentang jual paksa dan kemudian sistem van den Bosch tentang tanaman paksa, memerlukan pengabsahan moral dan mitos tentang masyarakat Jawa yang malas telah melengkapi hal ini. Dokumen Belanda yang awal tentang Jawa (abad ke-17 – hingga awal abad ke-18) sangat sedikit acuannya tentang kemalasan. Selama waktu itu orang Belanda tidak secara langsung mengatur tenaga kerja orang Jawa. Setelah diterap sistem tanaman paksa untuk tanaman niaga, khususnya pada tahun 1830 oleh van den Bosch, pendapat negatif tentang sifat orang Jawa menjadi lebih sering dikemukakan. Van den Bosch sendiri menganggap masyarakat Jawa sebagai sebuah bangsa yang sedikit dapat dibandingkan dalam perkembangan intelektualnya dengan anak-anak Belanda yang berumur 12 atau 13 tahun.[2]

Citra tentang masyarakat Jawa yang malas tetap hidup sesudah itu dalam fikiran para penulis lain. Maka pada tahun 1904, ahli sejarah ekonomi Clive Day, yang mengkritik suasana pada akhir abad ke-19, memberikan kesan seperti yang berikut:

Golongan peribumi yang tidak memiliki tanah mahupun perdagangan yang mendukung mereka, dan yang menyewakannya kepada pihak-pihak lain tidak memiliki tanah tidak banyak jumlahnya, dan banyak sekali diserap ke dalam organisasi desa tempatan. Tingkat hidup rata-rata petani kelihatan rendah sekali jika diukur menurut standard Barat; seluruh kekayaan peribadi keluarga, termasuk rumah, perabot rumah, pakaian, dan berbagai-bagai peralatan lain mungkin bernilai hanya beberapa dollar sahaja, katakanlah lima atau sepuluh ringgit dalam mata wang kita. Namun, kerana keperluannya kecil, maka tingkat hidup yang rendah pun mencukupi, dan pada hakikatnya di kalangan masyarakat Jawa makin rendah tingkat kehidupan, maka lebih memungkinkan mereka mencapai kepuasan dalam jangka panjang kerana mereka benar-benar tidak menderita kelaparan. Pada praktisnya tidak mungkin memantapkan berbagai-bagai pekerjaan yang berguna dari penduduk peribumi, sesuai dengan sebarang seruan bagi memenuhi cita-cita memperbaiki diri sendiri dan meningkatkan standard mereka. Tidak kurang daripada kesenangan kebendaan yang cukup akan menggerakkan mereka daripada kebiasaan malas mereka. Hasilnya, menjadi kenyataan umum dikalangan majikan untuk memberi sebahagian besar gaji lebih dahulu bila-bila sahaja; kalau peribumi tersebut diumpan, maka ia terikat untuk bekerja (dari segi teori, paling tidak) hingga ia melunasi segala hutangnya. Sistem wang muka untuk memantapkan perkhidmatan buruh tersebut digambarkan berlaku di mana-mana hingga kini. Para majikan dan pegawai menyesali akan hal ini, tetapi mengakui keperluannya: bahkan pemerintah memberikan wang muka apabila perintah memerlukan perkhidmatan daripada tenaga kerja upahan.[3]

Tema tentang masyarakat Jawa yang malas dalam lingkungan kolonial Belanda berfungsi sebagai unsur utama ideologi kolonial. Dalam hal Filipina dan Malaysia, tema tentang peribumi yang malas sebagaimana akan digambarkan nanti, berfungsi sebagai landasan ideologi dalam ideologi secara keseluruhan dari imperialisme Barat. Di Jawa, hal itu lebih-lebih lagi. Tema tersebut menjadi terjerat dalam pertentangan ideologi dua kelompok yang bertanding dalam lingkungan kolonial Belanda, yakni golongan konservatif dan liberal. Masa dari akhir abad ke-18 hingga tahun 1830, penerapan sistem tanaman paksa ditandai dengan perbezaan pendapat tentang bagaimana pemerintah Hindia Belanda seharusnya dikendalikan. Bagaimana tanah jajahan harus diatur untuk keuntungan Belanda yang sebesar-besarnya, yang kemudian

memerlukan bantuan kewangan yang besar kerana peperangan? Baik golongan liberal mahupun konservatif bersetuju untuk memasukkan kepentingan Belanda, tetapi mereka berbeza pendapat dari segi eksploitasi ekonomi. Pada tahun 1830, golongan konservatif berjaya dalam pertentangan itu melalui pengenalan sistem tanaman paksa oleh Gabenor Jenderal Van den Bosch.

Sarjana Belanda memberi huraian tentang sistem tanaman paksa dan alasan-alasannya sebagai:

> Penghentian antara dua pendapat ini mengakibatkan bentuk pentadbiran kolonial selama tiga puluh tahun pertama abad ke-19 dilaksanakan dengan cepat hingga selesai ketika keperluan wang yang mendesak, yang mengakibatkan keputusan yang berdasarkan garis konservatif, dengan menerapkan sistem tanaman paksa. Kerana defisit terus-menerus yang dialami oleh pemerintah Hindia setelah kejatuhan VOC dan dalam hubungannya dengan biaya besar yang dikeluarkan pada akhir Perang Jawa (tahun 1825-1830), maka tidak kurang daripada 38 juta *gulden* telah dipinjamkan oleh negeri induk untuk tanah jajahan tersebut. Di Belanda sendiri, keadaan kewangannya juga buruk sebagai akibat lanjutan dari kekuasaan Napoleon, dan disebabkan pengurusan kewangan yang buruk. Dengan alasan ini, maka dasar yang menjanjikan penambahan dana umum dengan segera – bahkan jika ini dilengkapi dengan biaya kesejahteraan penduduk peribumi di Hindia – disambut dengan baik. Jelaslah bahawa perancang program ini, yang mentafsir untuk mengisi kewangan yang kosong, bermaksud meningkatkan produktiviti tanah Hindia, dengan kegiatan pertanian yang luas untuk memenuhi pasaran Eropah. Namun sebagai cara untuk mencapai tujuan ini, ia menolak saranan yang mendorong usaha pertanian swasta, kerana kesulitan bersaing dengan tenaga kerja murah daripada hamba abdi di Amerika, yang memasarkan pengeluaran sama. Cadangan asal ialah untuk menyusun berbagai-bagai kontrak sukarela antara pemerintah dan penduduk desa – mereka harus bersetuju menanam maksimum satu perlima daripada petak sawah dengan tanaman niaga sebagai sumber pendapatan. Penanaman ini – dilaksanakan di bawah pengawasan pegawai Eropah dan pengelolaan ketua peribumi – tidak memerlukan banyak waktu seperti yang diperlukan untuk penanaman pada mereka sendiri di atas tanah yang sama. Di pihak lain, pemerintah akan mengambil semua risiko sebagai tanggungannya, memberi pembebasan pajak tanah, sementara taksiran atas semua pengeluaran

yang ditawarkan di atas jumlah yang dibebaskan pajaknya harus dibayar kepada pengeluar tersebut.[4]

. Sistem tanaman paksa tersebut pada praktisnya mengakibatkan beberapa perlakuan kejam. Dua puluh tahun pertama ditandai dengan meningkatnya pemerasan terhadap penduduk peribumi oleh para pegawai peribumi yang ditugaskan mengumpulkan keluaran tersebut. Persyaratan bahawa hanya satu perlima daripada petak sawah di desa harus digunakan untuk menanam tanaman wang, jarang diselidiki. Keperluan terhadap buruh paksa, sebagai ganti 66 hari setahun, masa kerja asal yang normal, diperluas menjadi 240 hari untuk jenis tanaman tertentu milik pemerintah. Sistem tanaman paksa tidak jauh berbeza daripada sistem pajak tanah. Pajak masih juga dipungut.

> Sebagai tambahan terhadap pemerasan yang disengajakan itu, meskipun secara praktis seluruh prinsip dasar sistem tersebut oleh penciptanya dimasukkan dalam 'Lembaran Negara' (No. 22 Tahun 1834), masih terdapat berbagai-bagai amalan yang tidak adil dan sewenang-wenang. Tentang hal ini dapat disebut: buruh paksa yang tidak dibayar itu tidak hanya diperas secara berlebihan untuk membina jalan raya dan jambatan, mengangkut berbagai hasil keluaran untuk keperluan kerja pembinaan (kayu, batu, ubin) dan membuat bangunan yang penting tertentu, tetapi juga buruh paksa yang tidak dibayar itu digunakan untuk memproses tanaman yang diperlukan oleh pemerintah. Kejahatan lainnya ialah meletakkan semua tanggung jawab pada petani Jawa; tidak hanya untuk kegagalan, tetapi juga untuk seluruh faktor alam dan ekonomi yang berpengaruh merugikan pendapatan wangnya. Upah yang hanya sedikit itu tidak didasarkan pada perkhidmatan yang diberi, tetapi atas nilai pasaran keluaran yang ditawarkan dan dengan itu kenyataken mereka tidak memperolehinya sama sekali. Ini semua menjadi lebih tidak adil lagi, kerana penduduk itu sendiri tidak dapat bersuara tentang pilihannya akan tanaman atau tanahnya; sering dipaksa – selama bertahun-tahun – untuk menggarap tanaman yang sesungguhnya tidak sesuai dengan daerahnya, sehingga memberi hasil yang sangat sedikit. Keadaan ini bertambah buruk apabila tanaman tersebut memerlukan perhatian yang lebih besar, dan disiapkan di tempat-tempat terpencil.[5]

Pengaruh sistem tanaman paksa yang merosak masyarakat Jawa, menyebabkan penghapusan sejumlah tanaman wajib pada tahun

1860-an. Selama masa ini para penegak sistem tanaman paksa mendasarkan pembelaan mereka pada dua alasan yang utama. Pertama, tanpa sistem tanaman paksa, pemerintah tidak dapat mengirimi keuntungan yang besar ke Belanda. Kedua, bahawa masyarakat Jawa tidak mampu kerja bebas. Pekerjaan di Jawa selalu harus dipaksakan.[6] Berlakunya sistem tanaman paksa itu menarik dalam sejarah Jawa. Kaum liberal mempertimbangkan sifat manusia berasaskan prinsip keadilan, manakala kaum liberal menaruh perhatian pada pengenalan industri, modal Eropah dan pengurusan. Mereka memerlukan tenaga kerja bebas. Kerana itu mereka menentang sistem tanaman paksa. Di sana juga ada perhatian yang sungguh-sungguh terhadap nasib masyarakat Jawa. Untuk melihat hal ini dalam kerangka sejarah, kita perlu merujuk pendapat pengkritik terkenal tentang politik kolonial Belanda pada waktu itu, Dirk van Hogendorp.

Pada tahun 1791, Hogendorp mengusulkan serangkaian perombakan kepada suruhanjaya tinggi yang dibentuk untuk mengawasi berbagai-bagai hal tentang Hindia Belanda. Ia mendesak agar dihapuskan kerja yang utama, perhambaan dan mengeksploitasi hasil bumi, penerapan perdagangan bebas dan tenaga kerja bebas, serta ganti rugi yang sah kepada penduduk asli. Van Hogendorp mendahului Raffles dalam mengusulkan pajak tetap dan perisytiharan harta tanah peribadi atau pemilikan tanah secara turun-temurun. Ia juga dengan bersemangat menentang rasuah. Di Jawa, ia diseksa oleh pentadbiran kolonial. Ia kemudian mengambil langkah seribu ke Belanda mencari keadilan dan menyerang pentadbiran kolonial Hindia Belanda. Dalam kata-katanya sendiri, "Seluruh pendapatan gabenor, para pemimpin tertinggi, residen dan pegawai VOC lainnya di Jawa, tidak dapat dipandang lain, kecuali pencurian, perompakan, perampasan dan monopoli."[7]

Di sekitar abad ke-19, gerakan liberal di Eropah telah menjadi kekuatan yang layak diperhitungkan. Ingatan akan Revolusi Perancis masih segar. Gerakan berbau falsafah itu mulai mempengaruhi pandangan kolonial. Kerana hal ini tidak mungkin bagi musuh liberal dan para perombak sebagaimana van Hogendorp untuk menyangkal prinsip-prinsip keadilan sosial yang dipinta, dan dalam pengutukan terhadap kolonial, maka orang-orang ini harus menggunakan dalih yang pragmatis. Gabenor Jenderal J. Siberg, dalam sanggahannya terhadap Van Hogendorp – dikirim dari Betawi pada 19 Mei 1802 memberi enam alasan utama mengapa pembahagian perlahan dan jual paksa tidak

dihapuskan: (1) Orang Jawa sangat malas dan terlalu lamban untuk mendapatkan lebih daripada apa yang diperlukan. (2) Melalui pelaksanaan sistem jual paksa, ia dipaksa bekerja dan menghasilkan lebih banyak. (3) Dengan mengharuskannya membuat keuntungan yang lebih besar dalam sistem kapitalis liberal, ia akan meninggalkan pekerjaannya hingga keuntungannya habis dipakainya. (4) Akibatnya, lahan yang dibagikan tersebut akan menjadi terlantar dan rosak. (5) Kerana itu lahannya akan dijual kepada orang Cina atau pembeli dari Eropah dengan harga yang asal laku. Para pembeli ini dapat berubah menjadi raja kecil yang akhirnya mengeksploitasi mereka. (6) Kalau program van Hogendorp dilaksanakan, bagaimana caranya memaksa para penguasa Jawa menerima kesemuanya itu? Kepentingan sulit mereka akan terancam oleh program ini.[8]

Perombakan yang diusul oleh van Hogendorp menimbulkan tentangan yang sangat kuat daripada penguasa kolonial – ada juga beberapa sokongan. W.H. van Ijsseldijk dalam surat rasmi bertarikh 31 Ogos 1802, mengakui wujud penyelewengan dan keadaan yang merugikan. Ia menyokong perombakan yang digambarkan oleh van Hogendorp, tetapi ia lebih menyukainya untuk dibatasi pada daerah yang secara langsung berada di bawah kekuasaan hukum VOC. Ia terutama sekali menaruh perhatian pada penghapusan kerja paksa, penerapan perdagangan bebas, dan penghapusan berbagai-bagai perlakuan kejam. Merupakan hal yang luar biasa bahawa Ijsseldijk tidak membuat acuan tentang masyarakat Jawa yang malas.[9] Di pihak lain, H.W. Muntinghe, dalam saranannya kepada Raffles, 27 Mei 1812, mencatat kemalasan masyarakat Jawa, meskipun puncanya – seperti yang dikatakan – bukan kerana keturunan tetapi lingkungan.[10] Ia tidak sepenuhnya bersetuju dengan penghapusan kerja paksa, meskipun ia bersetuju bahawa keadaan sebelumnya di Jawa tidak menyenangkan. Falsafah politiknya, gambarannya tentang perombakan, didasarkan pada prinsip bahawa "setiap tanah jajah ada, atau harus ada untuk keuntungan negeri induknya."[11]

Seperti yang ditunjukkan terdahulu, selama abad ke-19 khususnya tahun 1860-an, ada kritik yang terus-menerus terhadap sistem tanaman paksa dan kerja paksa, *(herendienst)*. Terdapat semacam tentangan penjajah. Isu kerja paksa dan kemalasan peribumi amat hangat diperkatakan. Seperti dicatat terdahulu, orang-orang yang menyetujui perombakan menolak teori kemalasan peribumi dan kecekapan kerja paksa. Mereka yang bersetuju *status quo* berfikir sebaliknya. Pada suatu ketika pernah

dikemukakan oleh seorang menteri dari tanah jajahan bahawa masyarakat Jawa lebih menyukai kerja paksa daripada kerja bebas.[12] Ini disangkal oleh seorang penulis yang menghuraikan seluruh latar belakang dalam konteksnya dengan isu tersebut. Erti penting dari isu tentang kerja paksa dan tanaman paksa untuk tanaman wang tersebut, lebih lanjut ditampakkan melalui langkah-langkah menghukum, yang dilakukan oleh pemerintah kolonial Belanda terhadap orang-orang terkemuka peribumi. Pada tahun 1917, dua orang Raden (anggota keningratan Jawa) dibuang ke Edam selama setahun kerana mengabaikan penanaman kopi. Pada tahun 1706, seorang pemimpin Jawa untuk beberapa lamanya dibuang ke pulau Buru dengan alasan "malas"! (kurang berjaya untuk memaksa penduduk di daerahnya menghasilkan sejumlah tanaman yang telah ditentukan dengan jumlah yang cukup). Pada tahun 1747, pegawai daerah Tjiblagoeng dihukum kerana "kelambanannya". Pada tahun 1788, seorang patih diancam akan dikirimi ke Betawi "*zorda hij weder dan iuijaart speelt*" (ketika ia lagi-lagi bersikap malas). Para pegawai daerah juga diancam dengan pembuangan ke Ceylon (Sri Lanka) dan Tanjung Pengharapan. Seorang pemimpin Sumedang dicambuk dengan rotan dan dihukum hingga lima tahun kerja paksa pada tahun 1805, kerana melalaikan pengurusan ladang Belanda. Pada tahun 1800, seorang pemimpin Krawang dirantai kakinya. Di beberapa desa di Krawang, mandor diseksa dengan rantai kerana malas.[13]

Novelis terkenal dan pengkritik sistem tanaman paksa, Edward Douwes Dekker (Max Havelaar, 1860) dengan nama samaran Multatuli telah menulis tentang masalah kerja paksa. Seperti kaum pembaru liberal yang lain dan musuh-musuh sistem kolonial Belanda, Douwes Dekker menentang tema tentang peribumi yang malas. Inilah situasi umum, penindasan dan perlakuan buruk terhadap penduduk peribumi, yang mengakibatkan mereka menjadi lesu ketika melakukan hal-hal yang dipaksakan. Seperti yang dikatakan Douwes Dekker, ketika pemerintah kolonial Belanda mengatakan bahawa mereka memerlukan kopi, orang Jawa tidak menjawab, kerana mereka tidak mempunyai kopi. Ia kemudian dipaksa menanamnya tanpa imbalan atas jerih payahnya. Reaksi masyarakat Jawa yang acuh tak acuh terhadap kerja paksa merupakan protes diam-diam terhadap politik pemerintah Belanda, yang memaksa mereka menanam berbagai tanaman wang.[14] Pemaksaan dengan cara lain tersebut dibuat kerana penduduk Eropah ditanah jajahan

tidak bersedia bekerja sebagai pekerja ladang. Apa pun alasannya, masyarakat Eropah di tanah jajahan tidak termasuk buruh kasar. Muntinghe menegaskan bahawa orang-orang Eropah dengan dalih apa pun tidak cekap untuk bercucuk tanam dibawah iklim tropika.[15] Ketidaksediaan penduduk Eropah inilah yang membuat pemerintah kolonial mengerah tenaga kerja peribumi yang enggan diajak; dan keengganan inilah yang dipandang sebagai kemalasan. Sebagaimana pengamatan Muntinghe, kemalasan peribumi merupakan salah satu keberatan utama terhadap penerapan perdagang bebas dan perusahaan ladang bebas di Jawa.[16]

Kiranya jelas, bagaimana mitos tentang peribumi yang malas muncul dalam perjuangan ideologi pada masa itu di Jawa. Para penganjurnya jauh lebih banyak dan lebih kuat daripada penentangan liberalnya – seperti van Hogendorp, Douwes Dekker, dan yang lain. Tempoh mitos tersebut disebarkan dan diperdebatkan, dimulai pada sekitar awal abad ke-19. Mitos ini dicipta untuk menghapuskan sistem jual paksa dan kerja paksa. Kemudian hal ini berlanjutan dalam abad ke-20, yang berfungsi sebagai alasan kapitalis untuk mempertahankan upah yang rendah. Kiranya tidak perlu disebutkan di sini sejumlah acuan dalam penerbitan pada abad ke-19 dan awal ke-20, yang mengungkapkan dengan sangat jelas bagaimana gagasan tentang peribumi yang malas berfungsi dalam struktur ideologi imperialisme Eropah. Terdapat banyak sekali contoh untuk dicatat semuanya, tetapi masih ada satu masalah yang harus diselesaikan. Dapatkah kesahihan tesis kita ini dibatasi hanya untuk Jawa dan kolonialisme Belanda sahaja? Raffles mencuba menghapuskan sistem kerja paksa. Bagaimana ini sebenarnya, padahal ada perbezaan pandangan antara Raffles dan banyak lagi yang lain dalam mempertahankan citra tentang peribumi yang malas? Jawapannya jelas. Pada dasarnya bangsa Inggeris dihadapkan dengan masalah yang sama, bahawa penduduk peribumi tetap di luar jaringan kapitalisme kolonial Inggeris, perlombongan dan perusahaan tanaman wang. Kita harus sangat berhati-hati tidak mengelirukan situasi yang sebenarnya di Malaya dan Singapura di bawah kekuasaan Inggeris, dan pandangan peribadi Raffles tentang isu yang tertentu seperti kerja paksa. Kita juga harus berhati-hati untuk tidak salah menilai keberkesanan perundangan Inggeris. Monopoli dan kerja paksa berlangsung di bawah kekuasaan Inggeris, tetapi dalam aspek yang berbeza. "Kita dapat menyebutnya kerja paksa tidak langsung" dan "monopoli tidak langsung". Monopoli tidak

langsung terletak dalam penguasaan Inggeris atas import dan eksport, dan perladangan tanaman wang, separuh pertama abad ke-19. Penyelidikan ekonomi tentang Malaysia dan Singapura tidak selalu menyertakan perincian penanaman modal berdasarkan kesukuan di kalangan kelompok Eropah. Namun daripada nama-nama perusahaan yang menonjol, sejak abad ke-19, kita memperolehi gambaran sekilas tentang kebangsaan mereka. Catatan yang ada di England memberi data yang diperlukan. Pada masa berlakunya Perang Dunia Pertama (1914-1918), seluruh penanaman modal dunia di berbagai-bagai wilayah tanah jajahan berjumlah sekitar US$200 juta, yang 150 juta di antaranya berasal dari England. Penanaman modal Perancis, Jerman, dan Amerika Syarikat dapat diabaikan. Menjelang Perang Dunia Kedua (1942-1945), penanaman modal Inggeris di Malaya berjumlah sekitar US$400 juta daripada US$700 penanaman modal dunia di Malaysia.[17] Penguasaan Inggeris terhadap ekonomi Malaya jauh lebih besar dibandingkan dalam dasawarsa sebelumnya.[18] Ketika Raffles berbicara menentang monopoli, yang dimaksudkannya monopoli perusahaan bukan Inggeris, atau pemerintah bukan Inggeris. Ia sependapat dengan penguasaan ekonomi sesebuah negeri oleh Inggeris secara keseluruhan, meskipun secara khusus tidak ada perusahaan Inggeris. Falsafah politiknya memberi kesaksian akan hal ini.[19]

Jelaslah, Raffles menggunakan patokan ganda dalam hubungan monopoli pemerintah dan perusahaan. Kita hanya akan mengambil perjanjian yang dipaksakannya terhadap raja-raja Jawa. Dalam perjanjiannya (1811) dengan Sultan Mataram, Raffles meminta agar Wilayah sarang burung yang dapat dimakan dipindahkan kepada pemerintah Inggeris dengan penguasaan serta pengelolaan tunggal atas pajak perdagangannya, sebagai imbalan atas *hibbah* tahunan yang tetap terhadap Sultan. Sultan juga dipinta mengabaikan perjanjian yang terdahulu yang pernah dibuat dengan pemerintah Eropah yang lain, yang memaksa Sultan menjual berbagai-bagai mata dagangan pada harga yang ditekan dan tidak memadai.[20] Hal ini dimaksudkan agar perdagangan mengarus ke pihak Inggeris. Dasar seperti itu merupakan dasar bagi falsafah politiknya. Dalam suratnya kepada Lord Minto, dari Melaka (1811), Raffles mengutuk monopoli kasar yang dipaksakan oleh Belanda terhadap negeri-negeri Melayu, tetapi secara prinsip ia bersetuju dengan monopoli oleh pemerintah Inggeris asalkan tidak bertentangan dengan pengembangan perdagangan dan industri dalam negeri.[21] Meskipun demikian,

Raffles menolak prinsip kesempatan yang sama. Politik perdagangannya sama sekali tidak liberal. Tetapi imperialisme, untuk kepentingan Inggeris.[22]

---

1 F. de Haan, 1912. *Priangan, Batavial's- Gravenhage*, "Ordeal over den Inlander" (Pendapat tentang Peribumi), jil 4, hlm. 725–29.

2 J. Van den Bosch, 1864. *"Memories van den Commissaris* – General J.van den Bosch," BTLVNI, Amsterdam, jil. 7, no. 11, hlm. 373.

3 Clive Day, 1966. *The Dutch in Java*. Oxford University Press, London, hlm. 355 -356 (dicetak ulang dari edisi Amerika, 1904).

4 G.H. van der Kolff, 1929. "European Influence on Native Agriculture," dlm B. Schrieke (ed), *The Effect of Western Influence on Native Civilisations in the Malay Archipelago*. Betawi: Kolff, 1929. hlm. 107–108.

5 *Ibid.*, hlm. 110.

6 G. Gonggrijp, 1928. *Schets eener Economische Geschiedemis van Nederlandsch Indie*. Haarlem: Bohn, hlm. 149–150.

7 E. du Perron – de Roos, 1943 *"Correspondentie van Dirk van Hogendorp met Zijn Broeder Gijsdert Karel," VTLVNI*, jil. 102 hlm. 264. Saya yang menterjemahkannya.

8 "Korte Vertoog van den Gouv. Gen. Siberg, Omtrent het Bericht van D. Van Hogendorp," dlm J.K.J. de Jonge (ed), *De Opkomst van het Nederlandsch Gezag over Java*. The Hague: Nijhoff, hlm. 40.

9 *Ibid.*, hlm. 109–112.

10 H.R.C. Wright, "Mungtinghe's advice to Raffles on the land question in Java, *"BTLVNI*. The Hague, *deel* 108, hlm. 231.

11 H.W. Muntinghe, "Rapport van H.W. Muntinghe, van July 28, 1813. *"Tijdschrift voor Nederlandsch Indie," deek* 2, Zalt Bommell, hlm. 267–78.

12 Ini didasarkan kepada laporan Residen Surabaya, dikemukakan dalam pidato kementerian pada bulan Mac, 1868. Lihat *TNI*, hlm. 332–333. 1868, *op. cit.*

13 Tentang pokok masalah ini dan data lebih lanjut, lihat F. de Haan, Priangan, jil. 3, hlm. 630–633, Kolff, Batavia, 1912. Lihat juga hlm. 538, 706; jil. 1, hlm 160–162; jil.4 hlm. 296.

14 Periksa Multatuli (Douwes Dekker) 1914. *Over Vryen Arbeid in Nederlandsch Indie*, (penerbit tidak diketahui); dan juga Multatuli, *Nog-eens Vrye-Arbeid*, Cohen, Amsterdam.

15 H.R.C. Wright, *op. cit.*, hlm. 234. Juga terdapat akar ideologi di sini. Meskipun bersetuju dengan perombakan, Muntinghe yakin bahawa beban penanaman harus diserahkan kepada orang-orang Jawa. Alasannya, ketidakcekapan orang-orang Eropah untuk bercucuk tanam di wilayah tropika. Kita hairan, mengapa kalau orang-orang Eropah layak menjadi pentadbir, doktor, pengurus, pembuat roti, ibu rumah tangga, pelacur, tentera dan sebagainya, tidak layak untuk mengolah

tanah. Jika kita mempertimbangkan kerja keras dan penyakit sebagai ukuran, kehidupan tentera Belanda jauh lebih berat dan sulit dibandingkan dengan pekerja ladang.

16 Bahawa isu kemalasan tersebut muncul secara mendadak dalam perjuangan ideologi antara penentang liberal dan pemerintah kolonial, tampak nyata dalam perdebatan politik pada tahun 1860-an dan selepas itu. Ketekunan orang Jawa adalah dalil yang harus dimantapkan. Lihat misalnya, "Een Boorbeeld van Javaansche Luiheid,' dlm. TNI, bahagian 3, 1869.

17 W. Woodruff, 1966. *Impact of Western Man*. Lihat jadual IV, 3 dan 4. New York: Macmillan, hlm 154–60. Pembulatannya mendekati 50 juta.

18 Penyelidikan yang bermanfaat dari J.J. Puthucheary, 1960. *Ownership and Control in the Malayan Economy*, Singapura: Eastern University Press; tidak memberi latar belakang kesukuan bagi kelompok Eropah, kecuali untuk orang Asia. Statistik tentang pengelompokan kebangsaan tidak memberi catatan tentang Malaysia. Jelaslah bahawa majoriti, adalah Inggeris. Untuk penjelasan lebih lanjut, lihat Lim Chong-Yah, 1967. *Economic Development of Modern Malaya*. Kuala Lumpur Oxford University Press, dan G.C. Allen, A.G. Donnothorne, *Western Enterprise in Indonesia dan Malaya*, Allen and Unwin, London,.

19 M.L. van Deventer, 1891. Het Nederlandsch *Gezag over Java*, The Hague: Nijhoff, hlm. 318–19.

20 Lihat suratnya kepada Thomas Murdoch, tentang keperluan mengatur dan mengarahkan pembangunan ekonomi di daerah tropika, *Memoir*, vol. 2, *op. cit.*, hlm. 160–68.

21 James Brooke, 1948. Raja Sarawak dan gabenor Labuan, juga mendukung monopoli Inggeris. Lihat bukunya *Narrative of Events in Borneo and Celebes*. London: John Murray, jil I, hlm. 339.

22 T.S Raffles, *Memoirs*, jil. II, hlm. 54–109. Pengutukannya yang celupar tentang orang-orang Cina dan Arab menjadikan Raffles sebagai salah seorang penemu ulung tentang prasangka kaum di bahagian dunia ini. Lihat Syed Hussein Alatas, 1971. *Thomas Stamford Raffles – Schemer or* Reformer? Singapura: Angus dan Robertson.

Bab 5

Imej tentang Kemalasan dan Hakikat Kemalasan

Dalam bab-bab yang terdahulu dihuraikan citra tentang peribumi, masyarakat Melayu, Jawa dan Filipina, yang digembarkan-gemburkan oleh para pengamat asing Eropah selama masa kolonial. Citra yang menonjol ialah tentang peribumi yang malas. Kita telah menunjukkannya dalam kes Jawa, bagaimana tema tentang peribumi yang malas itu dihubungkan dengan perjuangan ideologi konservatif dan liberal pada abad ke-19. Merupakan tesis buku ini bahawa citra tentang peribumi yang malas adalah hasil daripada kekuasaan kolonial yang pada umumnya terjadi pada abad ke-19, ketika kekuasaan terhadap tanah jajahan mencapai puncaknya dan tatkala eksploitasi kapitalis kolonial memerlukan penguasaan yang meluas terhadap daerah tersebut. Citra tentang peribumi berfungsi dalam eksploitasi yang kompleks pada masa-masa kolonial. Inilah saat konsepsi kapitalis tentang kerja mencapai keunggulan. Jenis kerja apa pun yang tidak sesuai dengan konsepsi ini akan ditolak sebagai penyimpangan. Suatu komuniti yang tidak penuh semangat dan berkemahuan mengguna konsep kerja ini akan dianggap pemalas.

Untuk menggambarkan masalah di atas, pertama dibicarakan bahawa peribumi tersebut benar-benar malas. Mula-mula kita akan mendefinasikan 'kemalasan', bagaimana konsep kapitalis tentang kerja pada abad ke-19, dan apa ciri sikap komuniti peribumi yang diertikan sebagai kemalasan menurut para pengamat asing, yang mencerminkan *trend* kemunculan kapitalis borjuis. Pertama, kita akan mendefinasi kemalasan, kemudian kita perlihatkan bahawa masyarakat peribumi tidak malas, dan akhirnya kita jelaskan mengapa hal ini digolongkan malas. Dalam membahaskan masalah ini, kita tidak memasukkan Filipina. Tema tentang kemalasan di kalangan masyarakat Filipina akan dibicarakan secara terpisah dalam hubungannya dengan tulisan Rizal tentang masalah tersebut. Ada juga beberapa masalah khas yang berhubungan

dengan Filipina yang timbul dari pensepanyolan dan pengkristianan masyarakat Filipina. Oleh kerana itu, barangkali perlu huraian yang terpisah tentang masalah tersebut. Menurut pandangan kapitalisme moden, kolonialisme Sepanyol di Filipina mundur. Politik kolonial orang Sepanyol sangat berbeza dengan orang-orang Belanda dan Inggeris; tidak seperti masyarakat Sepanyol di Filipina, orang Belanda dan Inggeris menyerahkan agama dan kebudayaan peribumi kepada mereka sendiri.[1]

Para pengamat asing menilai bahawa peribumi tidak pernah menghiraukan untuk memberi tafsiran kemalasan itu. Rizal, dalam huraiannya yang terkenal tentang masyarakat Filipina, mendefinisikan kemalasan sebagai "kecintaan terhadap kerja yang kecil, kurang kegiatan."[2] Kemalasan konsep relatif, yang lebih dicirikan tanpa menjelaskan unsur penting daripada adanya unsur penting.

Tidak ada hasrat dan kekuatan untuk bekerja dalam keadaan yang diperlukan, seperti keadaan seseorang yang harus memperoleh pendapatan. Oleh kerana itu berbagai-bagai unsur pokok daripada konsep tersebut adalah: (a) tidak ada kecintaan bekerja; (b) tidak ada kemahuan bekerja; (c) tidak ada kekuatan atau semangat yang ditunjukkan dalam usaha; (d) tidak ada perhatian terhadap akibat daripada usahanya; (e) tidak ada perhatian pada perolehan daripada usahanya; dan (f) tidak ada perhatian pada keperluan yang mendorong usaha tersebut.

Secara operasional, kemalasan yang didefinisikan seperti itu dapat mengambil banyak bentuk. Kita ambil satu contoh yang penulis ketahui daripada pengalaman tangan pertama. Yakni tentang seorang ketua keluarga yang terdiri daripada lima orang. Ketua keluarga, yang umurnya memasuki 40 tahun, dipecat dari tempat kerjanya. Setelah itu ia menolak untuk bekerja, menggunakan waktunya dengan tidur sepanjang hari, berjalan-jalan atau mengunjungi teman. Kadang-kadang ia melakukan beberapa pekerjaan sambilan, beberapa jam dalam seminggu. Pendapatannya kecil, hampir tidak cukup untuk keperluan rumahtangga. Dengan demikian, kita dapat menegaskan bahawa orang ini malas. Ada keperluan baginya untuk meningkatkan penghasilan keluarganya. Ia tidak memperhatikan akibat daripada penolakannya untuk bekerja. Ia pun tidak ada perhatian terhadap perolehan yang dapat bertambah hasil pekerjaannya. Jika seorang Jika seorang nelayan menunjukkan ciri-ciri seperti itu, maka ia dikatakan malas. Sama halnya dengan petani dan berbagai-bagai kelompok penduduk yang lain.

Seseorang digolongkan malas kalau ia berkebiasaan dan terus-menerus mengambil sikap itu. Ledakan pengangguran yang berada di luar kekuasaan dari seorang ke seorang bukanlah kemalasan; demikian pula seorang penjaga kedai yang berdiri di belakang meja perhiasan atau bermalas-malas di kedai jika tidak ada pembeli, tidak dapat disebut sebagai pemalas.

Dengan demikian, kemalasan dicirikan oleh tanggapan yang mengelak daripada keadaan yang memerlukan kerja keras dan usaha. Orang yang memilih pekerjaannya kerana ia mampu, maka ia tidak malas. Ia pemalas jika ia menolak segala jenis pekerjaan. Mempertimbangkan definisi operasional di atas tanpa memperluas imaginasi dapat memberi penilaian bahawa masyarakat Melayu, Filipina dan Jawa malas. Bahagian terbesar masyarakat Melayu, Jawa dan Filipina bekerja dengan tetap setiap hari. Kalau mereka tidak melakukannya, mereka tidak dapat hidup. Banyak orang asing yang telah menyelidiki bahawa jutaan orang Jawa, Melayu, dan Filipina bekerja keras. Mereka bercucuk tanam, menjala ikan, mendirikan rumah, memelihara ternakan, pendek kata mereka bekerja setiap hari. Bagaimana kemudian dikembangkan citra tentang peribumi yang malas? Petunjuknya ada dalam ucapan Windstedt. Ia berpendapat bahawa kerana ia adalah seorang petani bebas yang tidak perlu menyewakan tenaganya, orang Melayu telah memperolehi julukan malas yang tidak semestinya diberikan, yang didukung oleh para saingannya dari Asia.[3] Ini merupakan sikap tidak sedia mereka menjadi alat dalam sistem pengeluar kapitalisme kolonial, yang memberi kepada masyarakat Melayu imej malas. Ini adalah suatu faktor yang mencipta citra tentang orang Melayu yang malas.

Aspek lain adalah berhubung dengan kenyataan bahawa masyarakat Melayu tidak mewarisi hubungan fungsional yang dekat dengan orang Eropah, yang sangat memusatkan perhatian pada wilayah kota. Masyarakat Eropah di sana memiliki pengalaman yang sangat sedikit tentang masyarakat Melayu yang mengabdi kepada mereka. Orang Melayu bukan tiang penyangga kesenangan mereka. Di bar, rumah peristirahatan, hotel, gedung perniagaan orang Melayu tidak melayani orang Eropah. Yang paling banyak dilakukan ialah menjadi pemandu kereta dan tukang kebun. Masyarakat Melayu juga tidak berkecimpung dalam kerja pembinaan, pembuatan jalan raya, bahagian pentadbiran ladang, pendeknya dalam sektor ekonomi kapitalis swasta moden. Kapitalisme kolonial, sebagai sistem pertandingan sempurna yang

berjalan baik, tidak dibatasi oleh wilayah ekonomi yang ketat. Ini mencakup seluruh sistem pentadbiran, sekolah, dan semua kegiatan yang berhubungan dengannya. Kalau pemerintah membina landasan keretapi, maka para pekerja pembinaan landasan itu, dan semua yagn mendukungnya, memasuki jaringan kapitalisme kolonial. Masyarakat Melayu memasuki jaringan ini secara tidak langsung dalam pamong praja. Mereka menjalankan pentadbiran negara yang dikuasai kapitalisme kolonial. Oleh kerana hal ini tidak membawa orang-orang Melayu ke dalam hubungan langsung dan teratur dengan masyarakat kolonial Eropah, maka layanan mereka tidak dihargai. Masyarakat Melayu tidak berfungsi dalam seluruh pola kehidupan kapitalisme kolonial.

Salah satu petunjuk dapat ditemui dalam penyelidikan yang dilakukan oleh Thomson, pelancong di wilayah tersebut. Berikut ini pandangannya tentang Pulau Pinang:

> Terhadap orang Cina, penghuni asing benar-benar merasa berhutang budi untuk hampir seluruh kenyamanannya, dan atas berlimpahnya kemewahan yang mengelilingi rumahnya yang bergaya Eropah yang megah di atas pulau yang jauh ini. Atas izin majikannya, Ahong, ketua pelayan Cina, setiap hari memenuhi meja dengan makanan yang banyak, dengan buah-buahan pilihan dan bunga yang elok – sifat ramah-tamah yang berlebih-lebihan itu merupakaan kebanggaan para pedagang kita yang menghuni seperempat bola dunia.[4]

Persetujuannya tentang orang Cina tersebut menyebabkan mereka dilindungi oleh undang-undang Inggeris. Ia berkata:

> Di Pulau Pinang terdapat sangat sedikit atau hampir tidak ada saingan dalam berbagai-bagai pekerjaan seperti yang dilakukan oleh orang-orang Cina, dan di mana sifat buruk mereka berkobar-kobar dalam bentuk yang lebih lunak, maka kesulitan untuk menekan menjadi lebih ringan. Di sana orang Cina, apabila dikendalikan dengan betul merupakan anggota masyarakat yang paling berguna dan paling diperlukan. Benar, mereka mengisap candu, menipu tanpa pandang bulu, serta – bila sahaja ada kesempatan – tidak jujur, licik, dan curang; tetapi untuk itu semua, di antara mereka yang telah mencapai tahap kepercayaan akan meninggalkan sama sekali sifat buruk mereka, atau – apa yang lebih mungkin – menyembunyikan kesemuanya dengan kelicikan orang Cina.[5]

Berbeza dengan huraian tentang orang Cina, kadang-kadang digambarkan licik, tidak jujur dan curang, yang menyediakan berbagai-bagai keperluan masyarakat Eropah, Thomson mengakui keterbatasan pengetahuannya tentang kegiatan orang Melayu, namun ia menduganya sebagai berikut:

> Di pulau itu terdapat sejumlah besar orang Melayu yang lebih banyak daripada orang Cina. Namun, untuk menjelaskan pekerjaan mereka merupakan tugas yang jauh lebih sulit, kerana mereka tidak melakukan perdagangan apa pun atau pekerjaan tertentu, dan tidak terdapat saudagar di kalangan mereka. Beberapa di antaranya bekerja di ladang, menangkap kumbang, memangkas pohon, dan bercucuk-tanam; tetapi secara keseluruhan, masyarakat Melayu bekerja sedikit mungkin; beberapa di antaranya memiliki kebun yang sempit, dan menanam buah-buahan; yang lain sebagai pelaut, dan mempunyai perahu, sementara orang-orang Cina berdagang. Tetapi saya tidak ingat lagi, apakah ada pedagang tunggal Melayu yang sejati. Banyak sekali kampung Melayu tersebar di pulau tersebut, berupa pondok-pondok buluh yang sangat sederhana, dan dua atau tiga kelompok pohon buah-buahan. Tetapi banyak di antara perkampungan ini berada di pinggir pantai, dan di sana mereka tinggal, mencari ikan sekadarnya, banyak tidur, namun selalu mengunyah campuran buah pinang, kapur dan sirih, bangun atau tidur seperti yang saya saksikan, yang menggembungkan mulut, membuat merah bibir, dan merapatkan gigi dengan lapisan kerak hitam yang keras.[6]

Tentang masyarakat Melayu di Province Wellesley ia menulis sebagai berikut:

> Banyak terdapat orang Melayu di Province Wellesley, tetapi mereka tidak bekerja dalam perkebunan, dan ini benar-benar hampir tidak mungkin untuk mengatakan bagaimana 1/20 (seperduapuluh) bahagian daripada penduduk Melayu bekerja sendiri. Sebagai Muslim mereka bersunat (berkhatan), dan melakukan solat dengan teratur. Sisa hidup mereka tampaknya digunakan untuk mematangkan keluarga besar, mengikuti contoh para orang tua mereka, dan bermalas-malas menunggu nafkah kehidupan sebagai kurnia alam yang menyediakannya. Pemuda Melayu, di negerinya sendiri adalah sejenis orang terhormat yang menjauhkan diri daripada perdagangan, yang kebanggaannya ada pada kerisnya yang senantiasa siap, dengan pegangannya yang digosok indah, dan

bilah tajam yang beracun.[7]

Huraian di atas lumrah, agak sensasi, dan merupakan ciri masyarakat Melayu yang berlangsung masa itu. Penilaian tentang kemalasan mereka sama sekali tidak ditemui. Tidak ada penelitian nyata yang dilakukan tentang masalah tersebut, dan para pengamat tidak hidup atau bercampur dengan masyarakat Melayu. Tetapi citra tersebut tetap dikembangkan. Sebab-musabab daripada citra ini adalah reaksi orang Melayu terhadap pertanian tanaman wang dan terhadap kerja di ladang kapitalis kolonial. Mereka menghindari jenis kerja yang sangat menghisap darah dalam berbagai-bagai usaha kapitalis kolonial abad ke-19. Namun pekerja Melayu dalam sektor kapitalis seperti perlombongan bukan bererti tidak ada sama sekali. Seorang penulis Inggeris yang melibatkan diri dalam perlombongan memuji pekerja Melayu. "Sebagai peraturan umum," ia berkata:

> Orang Melayu tidak diambil bekerja di sektor perlombongan yang sesungguhnya; tetapi ada pengecualian khusus dalam perusahaan timah Bundi, Trengganu – orang-orang Melayu Jawa disuruh memegang mesin bor, untuk mengebor granit batu yang kuat dan sangat keras, dan selalu melakukannya dengan memuaskan, mereka jauh lebih hati-hati memegang mesin dibandingkan dengan orang Cina, pesaingnya. Contoh lain di Malaya, meskipun tidak di Semenanjung, ialah perlombongan arang batu di Labuan, Kalimantan; mereka melakukan hampir seluruh penggalian terowongan pada hari-hari yang awal tidak hanya lubang yang dangkal, tetapi terowong yang sebenarnya, di bawah pengurusan orang Eropah.[8]

Orang Melayu juga pengawas yang sangat baik, ahli bomba, ahli lempeng baja, dan ahli bor. Mereka juga pengendali mesin yang sangat pandai.

> Sebagai pengendali mesin, yang menguasai tenaga derek dan keretapi, orang Melayu, khususnya orang Melayu Jawa, merupakan ahli terbaik. Selama sekitar 15 tahun di Raub, tidak kurang lima terowong yang dibor dalam pekerjaan yang dilakukan oleh para pengendali Melayu, tidak pernah ada kecelakaan kerana kesembronoan mereka. Dan bengkel kereta Pahang berkesimpulan, bahawa tidak salah jika orang-orang Melayu menggantikan orang-orang Eropah yang terlatih dan bergaji lima kali dalam tugas-tugasnya, meskipun jalan di Pahang merupakan salah satu yang paling sulit

di dunia untuk kereta. Banyak pemandu kereta Melayu kini dapat dilihat di jalan-jalan raya di Singapura.[9]

Pekerjaan lain yang juga ditangani dengan baik oleh orang Melayu adalah sebagai berikut:

> Untuk penebangan hutan, semua pekerjaan sungai, dan kerja ukur serta tugas pencarian pada umumnya, orang Melayu sangat diperlukan, sebagai seorang yang ahli dalam kerajinan kayu, ahli perahu yang berketerampilan tinggi, dan terlahir sebagai perenang; keberanian yang tak putus, penuh sumber daya, dan dapat melakukan usaha yang luar biasa dan ketahanan yang tinggi. Dan jika ia disuruh menganggur padahal ia mampu melakukannya, ia tidak pernah menjadi pemabuk (berkat ketentuan agamanya yang mulia – Islam); ia tidak pernah mengemis; ia selalu bersih dan rapi pakaiannya, dan tingkah lakunya memiliki martabat dan sopan-santun; dan, pendek kata, ia sangat berbeza dengan orang Australia yang "gelandangan" dan "sundal" – yang mengganggu dan mengotori teman-teman di Sydney dan Melbourne, membakar gudang, serta menakut-nakuti perempuan dan anak-anak – dapatlah hal ini dibayangkan.[10]

Tentang hal yang tidak mampu dilakukan oleh orang Melayu menurut pandangan para penegak kapitalisme kolonial Eropah abad ke-19, pengamat yang sama memberi petunjuk kepada kita. Ia berkata:

> Tetapi untuk pekerjaan melombong yang membosankan – keras, tidak menarik, itu-itu saja, kerja keras tanpa akhir dengan pemukul dan bor, beliung dan sekop, atau cangkul dan keranjang – yang berlangsung hingga belakangan ini, hanya satu suku bangsa yang perlu dipertimbangkan, yakni orang Cina yang sabar, lamban, hemat, dan ulet.[11]

Orang Cina dianggap ulet kerana mereka melakukan bentuk kerja yang paling rendah. Masyarakat Melayu, walaupun ada sumbangan positif mereka terhadap jenis pekerjaan yang dicatat oleh penulis tersebut, dianggap malas, bukan kerana mereka benar-benar malas, menurut definisi, tetapi kerana mereka menghindari jenis kerja budak yang dilakukan orang-orang Cina dan Hindia kerana terpaksa mengingat status imigran mereka. Sistem tersebut, yang akan dihuraikan kemudian, menjebak mereka ke dalam jenis kerja paling rendah dari perlombongan dan perladangan. Inilah asal-muasal sosiologis dan ideo-

logis dari citra tentang masyarakat Melayu yang malas. Orang-orang Melayu juga menanam pohon getah dalam ladang kecil dan mereka pergi ke pertambangan.[12] Penulis ini juga memuji masyarakat Melayu dalam bidang yang lain.

> Orang-orang Melayu adalah penjebak yang ulung, dan mereka memborong hadiah yang dibayar oleh pemerintah untuk pembasmian hama. Pada tahun 1904, dibayar sekitar lima ringgit atas hasil jeratan termasuk 45 ekor harimau, 20 ekor harimau tutul, dan 13 ekor harimau kumbang, di samping 989 ekor ular, 1.130 ekor buaya, dan 1.732 butir telur buaya.[13]

Walaupun demikian, dengarlah apa yang dikatakan olehnya tentang masyarakat tersebut:

> Dari sudut pandangan tenaga kerja, secara praktikal ada tiga suku bangsa, Melayu (termasuk masyarakat Jawa), Cina, dan Tamil (yang secara umum di kenal sebagai Keling). Pada dasarnya, orang Melayu adalah pemalas, orang Cina itu pencuri, dan orang Keling pemabuk; namun masing-masing dalam kelompok pekerjaan khususnya, murah dan cekap apabila betul-betul diawasi.[14]

Tentang kuli Cina yang dipuji oleh penulis tersebut sebagai orang ulet, ia cukup jujur menyatakan pendapat yang berikut:

> Tanpa kebengisan atau kezaliman; tanpa kekejaman yang tak berperasaan daripada pekerja lombong berkulit putih terhadap si Negro, yang telah mengakibatkan banyak kekacauan di Rhodesia; tanpa keributan yang terus-menerus dan bahasa kotor; kuli Cina harus dibuat sedar bahawa ia tidak sedarjat dengan orang Eropah. Ia adalah keldai di antara bangsa-bangsa – mampu melakukan tugas yang paling keras di dalam keadaan yang paling berat; tolak ansur terhadap segala jenis cuaca dan serangan penyakit; makan sedikit dan kurang minum; bandel dan tidak berperasaan; tanpa kasih sayang dan berguna dalam darjat tertinggi. Tetapi tidak pernah – dalam keadaan apa sahaja yang mungkin – dipercayai atau diperlakukan sebagai teman.[15]

Lebih jauh ia melanjutkan:

> Dalam seluruh falsafah kuli Cina, tidak ada unsur rasa setia-kawan – setiap manusia berjuang untuk kepentingannya sendiri. Ia tidak lebih simpati daripada haiwan rendahan, dan kebaikan jauh tidak

dihargai olehnya. Jika tidak didorong secara paksa ia akan menolak untuk membantu menyelamatkan seorang teman daripada kematian, meskipun dirinya sendiri dapat mati atau luka-luka akibat sebab yang sama setiap jam di tempat kerjanya. Bagi penduduk seperti itu, kesatuan tindakan untuk kebaikan atau kejahatan tidak mungkin. Saya jauh lebih senang mengurus ribuan kuli Cina daripada sepuluh orang peribumi Itali Selatan. Yang pertama tidak akan pernah melakukan pembunuhan balas dendam, atau mengacungkan tangan menentang penguasa, tanpa merasakan ketidakadilan yang sangat menyolok, meskipun mereka tidak berfikir apa-apa tentang membangunkan kawan yang sedang tidur atau memperlakukan kasar perempuan yang tidak berdaya demi satu dua dollar.[16]

Kiranya jelas dari kajian falsafah kapitalisme kolonial bahawa bagi seorang pekerja, untuk disebut ulet, ia harus menjadi "keldai di antara bangsa-bangsa – mampu melakukan tugas terberat dalam keadaan yang paling sulit; toleran terhadap segala jenis cuaca dan serangan penyakit; makan sedikit dan kurang minum; bandel dan tidak berperasaan; tanpa kasih sayang dan berguna dalam darjat yang tertinggi". Pemenuhan dengan berbagai jenis kerja lainnya yang diluar kelompok "keldai di antara bangsa-bangsa" digolongkan menganggur atau malas. Menjadi barang bergerak dari kapitalisme agraria adalah syarat untuk dianggap ulet. Para penegak sistem tersebut mengharapkan para pekerja agar mengerjakan hal-hal yang dia sendiri tidak menyukainya. Mereka bukan hanya dapat makan dan minum sedikit. Mereka bukan keldai tetapi ratu di antara bangsa-bangsa. Tugas-tugas yang "berat, tidak menyenangkan, membosankan, kerja keras tanpa henti dengan pemukul dan bor, beliung dan sekop" biarlah dikerjakan oleh orang lain. Oleh kerana itu gabungan konsepsi antara keuletan dan kerja kapitalis yang menindas menjadi jelas. Orang akan sia-sia untuk melihat bukti yang terjadi tentang kemalasan orang Melayu. Tidak ada hal yang kongkrit dan empiris yang dapat dikemukakan untuk menggambarkan konsep tentang kemalasan orang Melayu. Jika kita menerapkan definisi kita tentang "kurang suka bekerja, kurang kegiatan" bagi masyarakat Melayu secara keseluruhan, maka hal ini belum pernah terbukti. Namun jika kita menerapkan definisi tersebut untuk sikap orang Melayu terhadap kegiatan ladang kapitalis penjajah, tepat sekali. Di kalangan masyarakat Melayu, memang terdapat rasa kurang senang bekerja di

ladang orang Eropah kolonial.

Cahaya redup dari hubungan kerja kuli dan keuletan tampak jelas dalam huraian Windstedt, dalam bukunya tentang zaman kolonial, ia berkata:

> Orang Melayu memiliki tahap kelambanan yang luar biasa. Iklim tropika yang basah, malaria, tanah yang mempermainkan tanaman, tata-cara kemewahan para pemimpinnya, yang membuat rumah bagus dan pakaian bagus yang merbahaya bagi petani – semuanya telah menuntun pilihannya untuk bersikap diam, kehidupan tanpa cita-cita. Tetapi pandangan tentang kemalasan tersebut tidak sepenuhnya dapat diterima. Ia telah melompat lima puluh tahun dari abad pendusunan ke abad kapal wap, keretapi dan kenderaan bermotor, dari abad *patriarcal* kepada pergaulan pencari nafkah dan kapitalis asing. Ia menyesuaikan diri terhadap perubahan, tetapi tidak lebih cepat daripada perjuangan untuk hidup. Ia lebih senang mengharungi jalan di sungai atau bekerja dalam lumpur sawah daripada menjadi budak yang dikendalikan oleh jam dalam ruang kerja atau pejabat. Tetapi ia tekun ketika minatnya timbul."[17]

Apakah sifat aneh ini merupakan kemalasan? Windstedt mengatakan orang Melayu rajin apabila minatnya timbul. Apakah itu tidak sama bagi semua orang? Jika masyarakat Melayu lebih senang sebagai petani bebas, apakah ini membuat mereka malas? Tidakkah masyarakat Eropah dalam daerah jajahan menghindari kerja kasar? Apakah mereka tidak menjauhi kerja kuli? Mengapa mereka tidak dikatakan malas? Maka jelaslah – melalui catatan yang ada bahawa keuletan diertikan sebagai kemahuan bekerja pada tingkat yang tidak manusiawi dalam lingkungan kapitalis kolonial. Misteri kemalasan tersebut lebih jauh ditunjukkan dengan jelas dalam buku karangan seorang wanita Inggeris, yang telah selesai melakukan suatu tugas besar, dan berkunjung ke Malaya selama lima minggu pada tahun 1879. Dalam pendapatnya, masyarakat Melayu cukup tekun sebagai ahli perahu, nelayan, dan polis. Orang-orang Hindia "menjadikan dirinya secara umum berguna berkat kemampuan mereka yang sedang-sedang saja". Mereka adalah penduduk yang tidak merbahaya; "tetapi mereka bertengkar dengan keras dan hiruk-pikuk, dan kekayaan kata makian mereka dikeluarkan tanpa sudahnya".[18] Masyarakat Melayu konon "dilambangkan oleh senjata tajam yang disebut keris, untuk menarik perhatian penduduk secara umum dan oleh bentuk kegila-gilaan khas

yang menimbulkan ungkapan 'mengamuk'."[19] Masyarakat Melayu menempuh kehidupan yang aneh dan tidak macam-macam. "Kaum lakilaki tidak cenderung untuk banyak berusaha kecuali mencari ikan atau berburu, dan membajak sawah bila mereka memiliki tanah."[20] Sikap mereka dingin dan menyendiri, baik lelaki mahupun perempuan benar-benar jelek.[21] Dalam suatu kunjungan ke rumah seorang Melayu di Melaka, penulis ini menilai kaum perempuan sebagai berikut: "Kaum wanitanya bermalas-malasan di rumah, beberapa di antaranya membersihkan ikan, yang lain menumbuk padi; tetapi mereka tidak bekerja, dan wang yang diperlukan untuk membeli baju dapat dicari dengan menjual pengesat kaki atau buah-buahan hutan."[22] Dapat kita tanyakan kepada penulis tersebut, apakah yang diertikan dengan kerja di sini? Apakah membersihkan ikan dan menumbuk padi bukan kerja? Bekerja di sini bererti mencari nafkah di luar rumah. Apakah membuat pengesat kaki dan menjual buah-buahan bukan kerja? Jelas kiranya bahawa bekerja di sini bererti kegiatan yang diterapkan oleh kapitalisme penjajah. Ia menganggap mereka bekerja jika kaum wanita menjadi kuli atau pembantu pemilik ladang Inggeris atau pegawai di pejabat.

Kalau masyarakat Melayu yang dijumpai kebanyakan para pengamat asing, bekerja sebagai nelayan dan petani padi, atau pemilik tanah sempit yang bebas yang tidak menunjukkan ketamakannya akan wang, apakah mereka harus digolongkan malas? Jika demikian halnya, maka orang yang malas seharusnya para mubaligh Eropah yang bekerja tanpa mengharapkan imbalan wang. Demikian pula pegawai awam Eropah yang keinginannya atas keuntungan lebih banyak dikekang dibandingkan dengan para pemilik kebun dan pedagang. Namun penulis lain yang benar-benar menaruh simpati terhadap masyarakat Melayu, menilai mereka tidak ulet. Alasannya jelas, kurangnya minat masyarakat Melayu untuk bekerja didasarkan pada norma-norma kapitalisme kolonial. Ia berkata:

> Dengan banyak keutamaan, masyarakat Melayu saat ini tidak ulet. Ini ditegaskan untuk masyarakat Dayak Kalimantan, bahawa mereka orang yang baik budi, kerana mereka tidak pernah menangguh-nangguhkan kerjanya; dikatakannya, mereka akan bekerja dengan semangat sehari atau boleh jadi seminggu; tetapi apabila mereka telah mencapai maksud yang diingini sewaktu meninggalkan kerja kerasnya, penerimaan yang tidak mencukupi akan membuat mereka berhenti untuk menikmati kesenangan mereka –

> kesemuanya itu menunjukkan bahawa desakan segera untuk keperluan adalah di atas segalanya. Menurut teori ini, yang tidak saya bantah, masyarakat Melayu pada dasarnya baik budi juga; mereka tidak berjiwa tamak, dan bila mereka dapat puas dengan keperluan pada saat itu maka mereka bahagia – mereka sangat percaya pada pepatah bahawa kecukupan pada hari ini merupakan pengganti kemalangan. Dalam iklim yang tidak ramah, dan dengan penduduk yang lebih memikirkan dirinya sendiri, falsafah demikian akan menjadi tidak baik; tetapi di sini, yang alamnya begitu ramah, dan kedermawanan merupakan ciri khas asli, maka hal ini kiranya cukup masuk akal.[23]

Gambaran tentang masyarakat Melayu di atas yang bekerja hanya untuk memuaskan keperluan sesaat adalah penyelewengan fakta yang kurang manis. Hal ini memang benar hanya untuk sebahagian pekerja Melayu, seperti beberapa di antaranya yang bekerja di ladang orang Eropah. Masyarakat Melayu memiliki martabat tidak dapat bekerja untuk jangka waktu yang lama. Ini memang betul hanya di ladang kapitalis penjajah. Para pengamat asing sendiri mengakui bahawa masyarakat Melayu mampu bertahan dalam pekerjaan yang terus-menerus dalam waktu lama dalam berbagai-bagai pekerjaan lain, seperti pamong praja, polis, menjadi pemandu, berkebun, doktor, mengurus kuda, dan lain-lain. Mereka tidak mampu, atau lebih tepatnya tidak berhasrat untuk bekerja, di ladang milik orang lain. Ketidaksudian masyarakat Melayu untuk bekerja sebagai kuli ladang diertikan sebagai kelemahan suku bangsa. Berikut adalah satu contoh.

> Satu faktor penting dalam penanaman getah dan kelapa di Malaya adalah tenaga kerja. Penduduk asli Malaya tidak cukup jumlahnya, dan tidak sesuai dalam banyak hal lapangan kerja di ladang besar, orang Melayu membenci pekerjaan rutin. Di ladang orang Eropah, tenaga kerja terdiri kebanyakan para imigran Tamil, Cina dan Jawa.[24]

Penulis yang sama meneruskan huraiannya tentang pertanian Melayu.

> Para petani Melayu tempatan baik sebagai penanam padi mahupun pemilik tanah mempunyai tanah beberapa ekar – pohon buah-buahan kelapa dan getah tumbuh tidak teratur pada umumnya tidak di jaga – bersama-sama dengan tanaman sampingan seperti sayur-

mayur, kacang tanah, nenas, pisang dan lain-lain, yang hasil panennya tidaklah begitu besar. Sebagai penanam padi, orang Melayu agak berhasil, meski terbatas dalam pengetahuan pertaniannya.[25]

Kalau masyarakat Melayu tidak menyenangi pekerjaan yang lazim itu, maka mereka tidak akan dapat hidup sebagai manusia. Mereka menghindari kerja tersebut yang tetap ada di lombong dan ladang milik orang lain yang mengeksploitasinya. Pengamat mana pun dapat melihat bagaimana rapinya petak sawah dijaga. Begitu pula kebun buah-buahan di perkarangan rumah. Semuanya ini memerlukan kerja terus-menerus dan tetap. Kenyataan bahawa masyarakat Melayu berpindah ke pekerjaan biasa yang lain di luar ladang dan lombong telah diabaikan oleh para penulis tersebut. Apa yang benar-benar sihat, normal dan merupakan reaksi manusiawi dipandang sebagai kelemahan yang aneh. Para pekerja Melayu menolak untuk meninggalkan keluarga dan desa mereka. Dalam beberapa hal, di kawasan lombong timah, upah orang Melayu lebih rendah daripada upah yang diterima oleh orang Cina.[26] Amalan pembezaan ini masih berlangsung di beberapa tempat di Malaysia saat ini.

Tuduhan kemalasan terhadap masyarakat Melayu bukan disebabkan oleh kemalasan yang sebenarnya, sebaliknya disebabkan penolakan mereka untuk bekerja sebagai buruh ladang. Sikap masyarakat Melayu ini mengakibatkan masalah serius bagi para pemilik ladang kolonial Inggeris, dalam persaingan mereka dengan pemilik Cina, yang mendapatkan pekerja Cina dari negeri Cina melalui berbagai-bagai cara tipu-daya. Para pemilik ladang Inggeris pada tahun 1880-an dan 1890-an mengalami kekurangan tenaga kerja, kerana penolakan masyarakat Melayu untuk bekerja di ladang mereka. Laporan Sungei Ujong pada tahun 1882 menyatakan permintaan tenaga Tamil untuk mengganti orang Melayu. Laporan tersebut menyatakan:

> Tidak ada yang dicari kecuali tenaga orang Tamil. Persetujuan besar telah dilakukan di sini oleh para pemilik ladang terhadap penggunaan tenaga kerja Melayu, dan sejumlah besar kuli didatangkan dari ladang kecil yang berdekatan bagi memperolehi pekerjaan, baik di pantai mahupun di rantau. Tetapi tenaga ini terlalu mahal, dan sangat tidak menentu, yang seringkali dalam waktu singkat dapat diperolehi sebanyak mungkin namun kadang-kadang ketika pemilik ladang memerlukannya, ia mendapatkan dirinya sendiri tanpa seorang pun mengerjakan sesuatu di ladangnya,

> seluruh pegawainya telah pergi untuk menghamburkan tabungan kecil mereka di desanya sendiri. Begitu tabungannya habis orang-orang tersebut akan kembali lagi, tetapi pada saat itu kejahatan telah berlangsung.[27]

Hal yang sama terjadi di Perak, yang dalam laporan tahunan 1889 dijelaskan bahawa seorang Melayu:

> ...benar-benar menolak untuk menjadi pekerja dengan syarat apa pun yang dapat diterima oleh pemilik ladang. Perlombongan menarik perhatian orang Cina, yang tidak menyukai pekerjaan dan upah yang tetap di ladang, sehingga satu-satunya kesempatan pemilik ladang untuk mengandalkan tenaga kerjanya tergantung pada peribumi dari India Selatan, yang harus didatangkannya dengan syarat-syarat tertentu untuk jangka waktu bulanan.[28]

Selama kunjungannya di Taiping pada bulan Februari, 1879, seorang penulis wanita, Isabella Bird, dikunjungi oleh seorang pemilik ladang Sri Langka Inggeris yang menemui kesulitan tenaga kerja untuk ladang kopinya di Perak. Bird melahirkan pendapatnya:

> Kesulitan tentang tenaga kerja ini barangkali harus diatasi dengan mengambil kuli dari India, kerana orang Melayu tidak mahu bekerja kecuali untuk dirinya sendiri; dan orang Cina tidak hanya lebih menyukai hiruk-pikuknya dilombong dan keriuhan senja kota dikawasan lombong, tetapi juga kerana di tempat yang sepi mereka tidak selalu mudah diatur oleh orang, hal yang tidak biasa bagi mereka.[29]

Kiranya jelas bahawa asal-muasal sosiologis tentang mitos masyarakat Melayu yang malas, didasarkan pada penolakan mereka untuk bekerja di ladang dan ketidakterlibatan mereka dalam kegiatan ekonomi kapitalis kota yang dikuasai kolonial. Hal yang sama juga berlaku bagi masyarakat Jawa di Jawa. Mereka tidak menanggapi dengan penuh semangat terhadap ladang tanaman wang; mereka harus dipaksa. Oleh kerana itu, mereka juga dituduh malas. Di Eropah dan Amerika, pada abad ke-19 dan selepas itu, terdapat banyak penduduk yang bekerja di berbagai-bagai tempat yang berlainan untuk jangka waktu pendek. Masyarakat ini tidak dituduh malas. Hal ini bersumber daripada reaksi para pemilik kebun terhadap sikap orang Melayu, yang memberi citra tentang orang Melayu yang malas, dan citra ini seterusnya mempenga-

ruhi yang lain-lain. Sekali disebarkan, agar sejarahnya segera dilupai, dan jadilah teori yang dominan. Teori ini merasuki fikiran para wartawan, guru sekolah, penulis tamu seperti Isabella Bird, pamong praja, pedagang, usahawan, dan sebagainya.

Masyarakat Melayu seperti kebanyakan masyarakat lain dalam sejarah bukan kaum pemalas. Kegiatan mereka dalam pertanian, industri, perdagangan, perang, dan pemerintahan dicatat dalam sejarah. Hanya setelah kedatangan orang Portugis kelompok pedagang Melayu menurun.

Para imigran India dan Cina terjerat dalam kegiatan pengeluaran kapitalis kolonial; sejumlah besar mereka tetap menjadi kuli. Hanya sedikit daripada mereka seperti Yap Ah Loi menjadi kapitalis yang jaya. Kuli-kuli imigran tersebut ditinggalkan dalam keadaan buta huruf dan mundur. Mereka dimanfaatkan semata-mata sebagai alat, "seekor keldai di antara bangsa-bangsa" merupakan tanggapan yang masuk akal. Mereka datang ke tempat kerja mereka sendiri juga. Tuduhan tentang kemalasan semata-mata merupakan kebencian yang terselubung terhadap sikap tidak sudi orang Melayu untuk menjadi alat yang memperkaya para pemilik ladang kolonial.

---

1 Tentang aspek penaklukan Sepanyol ini, lihat J.L. Phelan, 1959. *The Hispanization of the Philippines*. Madison: University of Wisconsin Press.

2 Jose Rizal, 1964. "The Indolence of the Filipinos," dlm. E. Alzona (penterjemah dan penyunting), *Selected Essays and Letrters of Jose Rizal*. Manila: Rangel and Sons, hlm. 182.

3 Sir Richard Windstedt, *Malaya and Its History*, hlm. 17, *op. cit.*

4 J. Thomson, 1875. *The Straits of Malacca, Indochina and China*. London: Low, Marston and Searle, hlm. 17

5 *Ibid.*, hlm. 16–17.

6 *Ibid.*, hlm. 18–19.

7 *Ibid.*, hlm. 33.

8 C.G. Warnford-Lock, 1970. *Mining in Malaya for Gold and Tin*. London: Crowther and Goodman, hlm. 31–32.

9 *Ibid.*, hlm. 32.

10 *Ibid.*, hlm. 32.

11 *Ibid.*, 32–33.

12 Ada kepentingan Melayu tertentu dalam perlombongan sebelum meluasnya kepentingan Cina dalam perlombongan. Orang Melayu sudah mengusahakan sejak sebelum Portugis. Di Kinta sendiri, pada awal tahun 1890-an terdapat 350 lombong

Melayu swasta. Lihat J.B. Scrivenor, "Mining," hlm. 186, dlm. R.O. Windtedt (penyunting), *Malaya*, Constable, London, 1923.

13 C.G. Warnford-Lock, *op. cit.*, hlm. 3.

14 *Ibid.*, hlm. 31. Pandangan tentang kerja tersebut adalah sistem kapitalis kolonial, murah dan cekap.

15 *Ibid.*, hlm. 38.

16 *Ibid.*, hlm. 39–40.

17 R.O. Windstedt (penyunting), *Malaya*, hlm. 89–90, *op. cit.* Windsted memberi kesan bahawa pendidikan Inggeris akan merosakkan masyarakat Melayu.

18 Isabella L. Bird. 1967. *The Golden Chersonese*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, (Dicetak-ulang dari terbitan 1883). Pengamatannya merujuk pada orang yang ada di Singapura.

19 *Ibid.*, hlm. 137.

20 *Ibid.*, hlm. 138.

21 *Ibid.*, hlm. 138. Ia mengunjungi suatu keluarga Melayu dan ini rupanya sudah cukup baginya untuk membentuk pendapat tentang masyarakat Melayu.

22 *Ibid.*, hlm. 138–139.

23 John Cameron, 1865. *Our Tropical Possessions in Malayan India*, hlm. 133–134. London: Smith, Elder.

24 B.J. Eaton, "Agriculture," dlm Windtedt (penyunting), *Malaya*, hlm. 198.

25 *Ibid.*, hlm. 199.

26 T.T. Newbold, 1839. *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*. London: John Murray, jil.2, hlm. 97.

27 *Straits Settlements Gazettes 1883*, hlm. 1180. Juga dipetik dalam R.N. Jackson, 1961 *Immigrant Labour and the Development of Malaya*, hlm. 92–93. Persekutuan Tanah Melayu: Government Printing Press.

28 *Straits Settlements Gazette 1890*, hlm. 1474. Dikutip oleh R.N. Jackson, *ibid.*, hlm. 95.

29 Isabella L. Bird, *op. cit.* hlm. 357.

Bab 6

Kapitalisme Penjajah dan Sikapnya terhadap Tenaga Kerja pada Abad ke-19 dan Awal Abad ke-20

Pada tahun 1846, Karl Marx dan Friedrich Engels menulis karya bersama yang memberi petunjuk penting tentang pemahaman sejarah. Hal ini sangat sesuai dengan tema kita. Mereka mengamati sebagai berikut:

> Gagasan daripada kelas penguasa adalah gagasan yang menguasai dalam setiap zaman: yakni kelas yang mempunyai kekuatan kebendaan untuk menguasai masyarakat, pada saat yang sama menguasai kekuatan intelektual. Kelas yang memiliki sarana kebendaan yang siap digunakan, pada saat yang sama mengendalikan sarjana mental sehingga dengan demikian secara umum dapat dikatakan bahawa gagasan orang yang tidak memiliki sarana mental tunduk pada kelas tersebut.[1]

Mereka lebih lanjut meneruskan: Para individu yang menyusun kelas yang berkuasa tersebut memiliki kesedaran di antara hal-hal lainnya, dan kerana itu berfikir. Sebegitu jauh, maka sebagaimana mereka berkuasa sebagai kelas dan menentukan luas serta batas suatu zaman merupakan kejelasan bagi dirinya sendiri, bahawa mereka mengerjakannya dalam seluruh kemampuan mereka, sehingga dalam bidang-bidang yang lain juga mereka menguasai, sebagai pemikir, penggali gagasan, serta mengatur pengeluaran dan pengagihan berbagai-bagai gagasan pada zamannya: kerana itu gagasan mereka adalah gagasan yang menguasai pada zamannya.[2]

Kerana kapitalisme penjajah yang disandarkan pada ladang merupakan ideologi utama kekuatan yang berkuasa pada abad ke-19,

maka gagasan mereka mengenai peribumi dan berbagai-bagai komuniti yang berbeza, konsep mereka tentang kemalasan dan klasifikasi mereka tentang tenaga kerja yang berguna dan yang kurang bererti, menjadi gagasan utama pada saat itu. Di Filipina, Indonesia dan Malaysia, penduduk peribuminya dituduh malas. Sumber sosiologis yang sangat lazim daripada tuduhan, tersebut adalah tanggapan peribumi terhadap tenaga kerja ladang. Di Indonesia, kerja berat dipaksakan secara langsung terhadap penduduk peribumi selama masa berlakunya sistem tanaman paksa. Di Filipina, orang Sepanyol juga telah mengandalkan kerja paksa. Di Malaysia, meskipun secara langsung tidak dijumpai kerja paksa, secara tidak langsung ada juga. Sistem kerja paksa, di Filipina dan Indonesia telah memungkinkan pemerintah penjajah Belanda dan Sepanyol menyalurkan tenaga kerja imigran. Di Jawa, selama masa kolonial tidak ada tenaga kerja Cina atau India, meskipun terdapat pedagang Cina dan India. Di Sumatera ada beberapa orang Cina sebagai pekerja ladang.

Gagasan kapitalis penjajah tentang pembangunan, sebahagian besar didasarkan pada keserakahan untuk memperoleh keuntungan yang tidak terhingga dan menangguhkan seluruh kepentingan yang lain. Baik kapitalis Cina mahupun Inggeris pada abad ke-19 sangat jelas memperlihatkan ciri-ciri ini. Kehidupan manusia dan kesihatan dianggap sebagai hal yang kedua penting, dinilai dari jenis dan cara penyalahgunaannya, begitu banyak terjadi sehingga pemerintah kolonial menganggapnya penting untuk mengatur penyalahgunaan tertentu. Semuanya itu terutama dihubungkan dengan pengerahan dan lapangan kerja selanjutnya berupa tenaga kerja kontrak dari Cina dan India. Penyuburan kapitalis di Malaya tercapai atas beban tenaga kerja yang dikontrak ini. Pada saat kuli-kuli Cina dipuji ulet, mereka mendapatkan dirinya dihisap dalam keadaan yang tidak dapat dihindari. Sejumlah langkah perundangan ditempuhi; berakhir pada tahun 1912, yang menghapuskan tenaga kerja kontrak. Pada tahun 1823, Raffles mengeluarkan peraturan yang berikut:

> Kerana seringkali terjadi tenaga kerja bebas dan lain-lainnya dibawa dari Cina dan kerana para penumpang tidak mempunyai cara untuk membayar tambang mereka, serta dengan harapan, setiap rakyat di Singapura akan memberi sejumlah wang muka dengan syarat menerima pelayanan daripada kelompok tersebut untuk jangka waktu yang terbatas sebagai imbalan jasanya, – maka penetapan

> tersebut dapat dipersetujui, dengan ketentuan kelompok tersebut didaratkan sebagai orang-orang bebas, tetapi jumlah wang tambang tersebut atau yang lainnya, dibatasi sampai 20 ringgit dan jangka waktu pelayanan sebagai imbalannya tidak melebihi dua tahun, serta dalam setiap perjanjian dimasukkan persetujuan tentang kebebasan kelompok tersebut di hadapan seorang hakim, dan didaftar sebagaimana mestinya.[3]

Peraturan Raffles tidak mempertimbangkan apa yang terjadi sebelum kedatangannya di Singapura, keadaan kerja selama dua tahun, dan apa yang terjadi setelah dua tahun. Beberapa orang pendatang memiliki cara yang memadai untuk membayar tambang mereka sendiri. Namun, keperluan tenaga kerja yang begitu besar telah mendorong adanya sistem tambang hutang. Para perantara kuli di Cina Selatan, Hong Kong dan Singapura, mengatur pengapalan sejumlah kuli ke Pulau Pinang dan Singapura. Sesampainya di sana, para perantara tersebut mendapatkan pekerjaan untuk kuli-kuli imigran tersebut. Para perantara ini pada umumnya jahat. Para majikan membayar mereka menurut harga pasar untuk setiap pekerja.

Para pekerja yang didatangkan dengan sistem ini disebut "anak babi" dan orang yang menguasai rumah penginapan mereka disebut "pimpinan anak babi" (Chu Tsai Thau).[4] Mereka dirayu di desanya di Cina Selatan dengan berbagai-bagai kisah kemakmuran yang dapat diraih, atau mereka akan diajak ke kota, dilibatkan dalam perjudian – mereka kehabisan wang, lalu kemudian si pencari tenaga atau pemilik rumah penginapan akan membujuk atau memaksa mereka berhijrah bagi membayar hutang judinya. Upah yang ditawarkan di luar negeri lebih tinggi, tetapi para pekerja jarang menerima sepenuhnya. Cara pengangkatannya tidak manusiawi, bahkan menurut patokan abad ke-19.

> Pada hakikatnya kuli-kuli tersebut diperlakukan seperti lembu atau babi, dan banyak peristiwa yang dapat dibuktikan dengan baik, terjadinya ratusan kuli yang mati selama belayar, atau hanyut seperti tikus tanpa kesempatan menyelamatkan diri ketika kapal mereka tenggelam. Perlakuan kejam yang lebih hebat berlangsung bukan dalam perjalanan pendek ke Malaya, tetapi semasa mengharungi Lautan Pasifik yang memakan waktu yang lama. Kenyataan yang menghairankan adalah bahawa, meskipun berlangsung ketidakmanusiawian dalam perdagangan, semakin banyak kuli yang terkena umpan. Orang-orang yang berwenang di berbagai-bagai

pelabuhan Cina sesungguhnya melarang lalu-lintas tersebut, kerana banyaknya penyelewengan. Pada tahun 1888, tercatat bahawa seorang perantara kuli di Swatow dipenggal lehernya kerana telah menipu kuli-kuli berhijrah. Tetapi, meskipun berbagai-bagai peringatan keras seperti ini dilaksanakan terus bagi mengawasi penghijrahan, usaha pencarian kuli tersebut masih sangat menguntungkan dan ruang untuk melakukan rasuah begitu luas, sehingga penghijrah dengan sistem lama yang sama berterusan, dan tidak ada tindakan yang berbeza yang diambil di Cina untuk memperbaiki nasib rombongan besar penghijrah yang malang di bawah sistem tambang hutang.[5]

Begitu pula tidak dilakukan tindakan yang berkesan di Singapura atau di Negeri-negeri Selat. Peraturan Raffles tidak mencakup perlengkapan yang berkesan untuk melaksanakan ini selain kehakiman.[6] Setelah lepas dari tangan perantara, kuli tersebut jatuh ke dalam genggaman kontraktor ladang. Di sinilah, kejahatan sistem yang khas tersebut mengekalkan dirinya sendiri. Baik perusahaan Eropah mahupun Cina ikut bersalah. Huraian yang berikut menjelaskan sistem tersebut.

Misalnya dalam sistem lapangan kerja yang biasa diladang gula di Province Wellesley, yang dimiliki Cina mahupun Eropah adalah sistem 'rumah kecil'. Dengan sistem ini, pemilik ladang membahagi ladang mereka kepada bahagian-bahagian, yang salah satunya dikuasai oleh kontraktor Cina. Pemilik mengatur pembelian kuli, kemudian menyerahkannya kepada kontraktor dengan membebankan pengeluarannya keakaun kontraktor. Para kontraktor menguasai sepenuhnya kuli-kuli tersebut, menyediakan rumah (rumah kecil) dan membuat seluruh penetapan upah, pangan, dan sebagainya. Kuli-kuli tersebut tidak diizinkan meninggalkan rumah kecil kecuali ketika bekerja di ladang dengan pengawasan, dan terjadilah perlakuan buruk yang meluas. Kuli dicambuk, makanannya buruk, dan dikurung pada malam hari bagi mencegah mereka daripada lari. Pada umumnya tidak ada pengubatan moden, dan banyak penyakit. Kontraktor menyediakan candu untuk kuli dengan harga yang tinggi dan mendorong penggunaannya untuk meningkatkan keuntungan mereka sendiri. Mereka atau pimpinan mereka, berjudi secara 'tidak jujur', dan kerana itu merampas sisa upahnya yang kecil yang sebenarnya dapat ditabung. Sesungguhnyalah kuli tersebut tidak menerima upah kontan apapun. Upahnya dimasukkan ke dalam akaunnya, sedangkan candu hutang judi dan

berbagai-bagai pembelian yang lain dibebankan kepada akaunnya. Ia selalu berhutang. Keadaan yang serupa terjadi apabila kuli-kuli yang bekerja terikat dalam sistem tambung hutangan.[7]

Sistem di atas telah berlangsung selama lebih setengah abad, yang menyediakan tenaga kerja bagi perusahaan kapitalis Eropah dan Cina. Penyelewengan yang melekat dalam sistem tersebut tetap tidak dicegah dengan adanya kerja sama diam-diam dari penguasa penjajah. Pada tahun 1871, para pedagang Cina dan penduduk memprotes gabenor tentang kehilangan para pekerja yang baru datang. Pada tahun 1873, rayuan lebih lanjut diterima oleh gabenor daripada orang-orang Cina tempatan, yang memohon adanya peraturan yang melarang pencolekan yang memalukan atas pendatang baru tersebut, penentuan para petugas yang memeriksa, dan pembinaan pangkalan untuk pencatatan dan penginapan.

> Pada tahun 1873, rang undang-undang tentang imigrasi telah diperkenalkan. Hal ini sangat ditentang oleh anggota Dewan yang tidak rasmi, yang menganggap bahawa kejahatan telah dibesar-besarkan dan bahawa tidak ada yang perlu dilakukan untuk mencampuri kemasukan tenaga kerja bebas (*sic*), kerana jika imigrasi dihentikan akan diganggu 'perusahaan yang kini berkembang dengan baik menjadi layu dan jatuh! Rang undang-undang ditetapkan menjadi undang-undang sebagai Ordinan X Tahun 1873, tetapi undang-undang itu tidak pernah dikuatkuasakan.[8]

Berbagai-bagai peraturan yang menggantikan – seperti yang satu ini – bertujuan memperbaiki sistem dan pengambilan khususnya nasib para pekerja setelah kedatangannya, namun keseluruhannya tetap merupakan langkah-langkah yang tinggal kertas. Pada tahun 1890, pembela orang-orang Cina mencatat bahawa tidak ada pangkalan pemeriksaan swasta yang memperolehi izin pemerintah. Suatu suruhanjaya yang dibentuk pada tahun 1890 mencatat beberapa penyelewengan yang sudah lazim, termasuk kenyataan bahawa para kuli dipaksa pergi ke Sumatera yang bertentangan dengan kemahuan mereka.

Di Pulau Pinang pembela orang-orang Cina mencatat beberapa penyelewengan yang serius. Dengan paksa, beberapa pekerja membanting tulang di sebuah ladang Cina. Beberapa di antaranya yang telah menyelesaikan kontrak mereka tiga atau empat tahun sebelumnya, terus-menerus terjerumus dalam hutang, dan dipaksa untuk bekerja di

sana. Orang yang bekerja bertentangan dengan kemahuannya selama sembilan tahun masih juga dijerat hutang. Mereka tidak dapat keluar dari pulau tersebut kerana para pengawas di feri akan menahannya, dan tidak ada perahu yang bersedia menerima mereka sebagai penumpang. Suasana sekitar kedatangan mereka penuh dengan peringatan. Perahu-perahu Eropah yang digunakan untuk mengangkut mereka ke Negeri-negeri Selat, tidak seperti perahu Cina yang digunakan pada kurun sebelumnya. Kuli-kuli tersebut diturunkan dan ditahan selama sepuluh hari, kebanyakan di pangkalan yang tidak ada peluang untuk bergerak bebas. Para penjaga pangkalan membawa mereka dari kapal, mengawal mereka di pangkalan, dan akhirnya mereka diizinkan bekerja setelah dibayar. Mereka diperlakukan seperti binatang. Ada kesepakatan di kalangan pengamat selama kurun waktu itu bahawa para penjaga pangkalan seluruhnya jahat. Keadaan kacau-bilau, nyaris menimbulkan rusuhan, kadang-kadang berlangsung di atas kapal. Orang-orang yang kasar dari pantai merampas anting-anting dan gelang para penumpang wanita, dan menghasut "para penumpang yang belum dibayar" supaya melarikan diri.[9]

Laporan Suruhanjaya tahun 1890 untuk menyelidiki keadaan tenaga kerja di Negeri-negeri Selat, yang disampaikan kepada pemerintah tahun 1891, memasukkan keterangan tentang syarat-syarat kontrak yang biasa dibuat untuk para pendatang baru di sana. Untuk pekerjaan pertanian di Negeri-negeri Selat dan di Negeri-negeri Melayu hari kerjanya dalam setahun 360 hari. Upahnya $30 setahun, sekitar 8.5 sen sehari. Daripada jumlah itu dipotong $19.50 untuk tambang dari negeri Cina. Makanan dan beberapa helai pakaian disediakan oleh majikan. Jika pekerja pada akhir tahun pertamanya terjerat hutang dan masih dipakai, upahnya tiga ringgit sebulan dan diberi makanan. Bahagian yang menarik daripada kontrak tersebut adalah antisipasi terhadap hutang. Ada perbezaan kecil dalam tarif upah dan tambang bagi pekerja lombong di Perak dan Pahang. Berhubung dengan kerja kontrak diladang Eropah menggunakan sistem Cina. Pengurus ladang membayar kontrak pengurus dan sebagai imbalannya ia membayar upah pekerjanya.

> Cara yang biasa dalam mengambil orang Cina bekerja di ladang Eropah adalah sebagai berikut. Kuli-kuli didapatkan melalui ketua kampung. Ikatan kerja biasa dengan majikan ditandatangani di Daerah Perlindungan, tetapi ini tidak mempunyai erti praktis, orang-orang tersebut tidak pernah dibayar langsung oleh pengurus,

begitu pula dalam banyak hal, nama mereka pun tidak dikenalinya. Semua yang dikerjakan majikan adalah menandatangani ikatan kerja dan membayar berbagai pengeluaran yang perlu kepada ketua kampung yang membantu mendapatkan mereka. Tugas berikut yang mereka lakukan adalah pembayaran sesuai dengan perjanjian kontrak melalui ketua kampung, yang perhitungannya dengan kuli-kulinya tidak pernah diperiksa. Oleh kerana itu pengawasan terhadap kuli-kulinya tersebut dipasrahkan sepenuhnya kepada ketua kampung, yang menguasai mereka. Rumah-kongsi tempat mereka tinggal pada umumnya dibina di sekitar ladang dengan jarak yang jauh dari gedung utamanya dan jarak antara satu sama lain berjauhan dan bebas daripada pengawasan. Keadaan seperti ini dimaksudkan untuk mengelabui pihak Tyndal (kepala kampung), dan amalan semacam itu memang ada. Bahkan kita tidak melihat atau mendengar sebuah ladang tunggal yang mengambil orang Eropah yang berbicara bahasa Cina, kecuali melalui ketua kampung atau barangkali jurutulis orang Cina, tidak ada saluran yang dapat digunakan majikan untuk bertanya kepada kuli-kulinya atau mengajukan keluhan.[10]

Beberapa contoh kekejaman dikawasan ladang tersebut cukup berharga diketengahkan. Di Pulau Pinang seorang kuli mati kelaparan dalam gudang kecil rumah sakit di halaman rumah majikan, 50 ela dari pondok polis. Suruhanjaya tidak meragui bahawa didalam ladang Cina dan Eropah para pekerjanya tidak jarang dipukul oleh ketua kampung. Biasanya mereka cukup makan sepanjang mereka mampu bekerja, tetapi suruhanjaya tidak begitu percaya tentang sakit dan tidak sihat. Ia kurang memberikan perhatian terhadap tenaga kerja dilombong timah. Hal ini disebabkan pada waktu itu kegiatan Eropah dilombong diabaikan. Kiranya masuk akal bahawa kegiatan perlombongan di Malaya bukan usaha yang menguntungkan orang Eropah. Oleh kerana itu, pemerintah kapitalis penjajah tidak begitu tertarik pada masalah tenaga kerja perlombongan. Sementara tenaga kerja untuk perlombongan tidak ada kekurangan yang mengkhuatirkan, bagi ladang Eropah hal itu merupakan masalah. Tahun 1880-an merupakan masa perluasan modal Eropah di sektor pertanian. Pada akhir tahun 1912, tenaga kerja kontrak dihapuskan kerana mereka sering melarikan diri, dengan kata lain hal ini menimbulkan masalah di ladang Eropah. Meningkatnya jumlah tenaga kerja bebas dan berbagai-bagai penyelewengan di ladang mendorong tenaga kerja kontrak melarikan diri setelah habis masa kerja mereka.

Di beberapa buah ladang, para pekerja dikurung antara pukul enam petang hingga pukul enam pagi. Hal ini berlangsung di tempat-tempat yang terpencil. Suruhanjaya memberikan penjelasan tentang ketiadaan rawatan penyakit dan pekerja yang menderita sakit, adanya berbagai-bagai pungutan liar yang dibebankan kepada para kuli, akaun, dan pengadaan candu bagi kuli-kuli dengan harga mencekik yang dibayarkan lebih dahulu daripada gaji mereka, dalam cara yang kejam dan ganas.[11] Risiko kesihatan bagi kuli-kuli tersebut dapat dinilai dari suatu peristiwa pada tahun 1873. Menteri Larut yang mendapat $200 setahun daripada lombongnya, menyatakan bahawa imigrasi tahunan tenaga kerja Cina ke Larut, berkisar antara dua ribu hingga tiga ribu orang. Sekitar sepuluh peratus hingga 30 peratus di antaranya mati kerana demam ketika menebas hutan. Tatkala lombong itu pertama kali dibuka, 50 peratus tenaga kerja tewas. Pada pembukaan lombong timah di Ampang, Kuala Lumpur tahun 1857 pada mulanya terdapat 87 orang kuli. Setelah dua bulan, kerana serangan demam dan harimau, hanya tinggal 18 orang sahaja.[12] Peristiwa kekejaman yang paling hebat dicatat oleh Suruhanjaya pada tahun 1910 tentang sebuah ladang di Sungai Kurau. Tiga orang dijatuhi hukuman kurungan yang keras dan pemiliknya didenda $50 kerana kelambatan mengirim seorang singkek yang sakit (datang dari Cina menjalani tahun pertamanya) ke rumah sakit. Ia dimasukkan ke rumah sakit pada pukul enam petang dan mati pada pukul enam pagi yang berikutnya.

> Diagnosa punca kematiannya berdasarkan pemeriksaan mayat adalah disentri. Penyelidikan pada tanggal 25 Februari telah menyodorkan kenyataan bahawa singkek ini dipaksa makan kotoran manusia sehari sebelum dikirimi ke rumah sakit, di samping tindakan kejam yang berpanjangan, kerana ia terlalu sakit untuk mandi. Ketua kampung memaksa kuli ini makan kotoran manusia. Ia menggosokkan kotoran tersebut pada gigi kuli tersebut. Kong Thau ini adalah salah satu daripada tiga orang ketua kampung yang dijatuhi hukuman penjara dengan sukarela kerana menyakiti singkek lain seperti dihuraikan di atas.[13]

Tidak ada laporan lanjut yang diperolehi berhubung dengan kejadian ini kerana petugas kesihatan mengatakan bahawa kotoran yang dijejalkan kepada si korban tidak dapat dibuktikan menular. Di ladang yang lain di daerah Krian, para pekerjanya disiksa oleh ketua kampung yang akhirnya dihukum. Ia memperkosa para pekerja. Homoseksual

bukan hal yang luar biasa di ladang tersebut.

Kelompok tenaga kerja pendatang kontrak yang lain adalah orang-orang India dari India Selatan. Mereka diambil bekerja di ladang Eropah. Hingga tahun 1857, migrasi orang India ke Pulau Pinang berjalan spontan, dengan kapal peribumi. Kerana berlebihan, pemerintah India pada tahun 1857 dan tahun 1859 menetapkan undang-undang yang mengatur lalu-lintas dan menetapkan luas geladak bagi setiap penumpang dan beban. Kesannya adalah menaikkan pengeluaran dan menurunkan jumlah pendatang yang tambangnya dibayar dahulu oleh pemilik kapal. Para majikan kemudian mengirimi agen ke India untuk membuat kerahan. Tenaga kerja bahkan telah menjadi komoditi eksport yang besar. Hasilnya sama dengan peristiwa Cina, tenaga kerja kontrak terus-menerus menderita kerana cengkaman hutang, dengan segenap tindakan kejam yang menyertainya. Meskipun ada perbezaan dalam ciri-ciri tersebut kerana faktor kebudayaan, pada dasarnya pola eksploitasi itu sama. Pada tahun 1873, beberapa ladang di Province Wellesley melalaikan tenaga kerja India mereka secara memalukan. Mereka yang sakit dihantar ke rumah sakit pemerintah pada saat akan mati.[14]

Kerangka perlembagaan pada waktu itu, tahun 1876, diwujudkan dalam *Indian Immigrant Protection Ordinance*, yang diterima dengan gembira oleh pemilik ladang di Province Wellesley. Ini merupakan suatu pemihakan yang menyolok mata terhadap pihak pemerintah penjajah, bahawa dalam beberapa suruhanjaya yang dibentuk, perwakilan tenaga kerja tidak ada, sementara ada wakil dari para pemilik ladang. Peraturan tersebut menetapkan jumlah tahun yang disetujui bagi pembayaran tambang dan hitungan lain yang dibayar terlebih dahulu oleh majikan yang harus dihabiskan. Upah bulanan diperhitungkan 12 sen sehari untuk regu kelompok pertama dan sepuluh sen sehari bagi regu kelompok kedua. Potongan maksimum oleh majikan ialah seringgit sebulan. Seorang pekerja yang membolos, mengabaikan atau menolak arahan untuk bekerja, didenda 50 sen setiap hari. Jika hal ini berlangsung selama lebih tujuh hari, majikan dapat mengajukannya ke hukuman penjara yang keras selama empat belas hari. Apabila ia belot dihukum penjara yang keras selama satu bulan atas pelanggaran yang pertama; dua dan tiga bulan untuk pelanggaran kedua dan ketiga. Hukuman tidak membebaskan pekerja daripada kewajipannya.[15]

Tanggungan sangat diberatkan kepada para pekerja tersebut. Kalau

untuk membuktikan pelanggaran hukum oleh para pekerja selalu ada kemungkinan, tidak demikian halnya untuk membuktikan peristiwa yang sama pada majikan. Berbagai-bagai tindakan kejam digali secara berkala setiap beberapa tahun, lima atau sepuluh atau bahkan lebih, ketika berbagai-bagai suruhanjaya penyiasatan dibentuk. Selama paling kurang satu abad, berlangsung penyalahgunaan dan kekejaman terhadap tenaga kerja. Para pegawai pemerintah yang memperhatikannya mengeluh tentang kurangnya pegawai untuk melindungi tenaga kerja secara berkesan. Banyak diantara perundangan ini sesuai hanya di atas kertas, sepanjang perlindungan tenaga kerjanya diperhatikan.

Keadaan tenaga kerja India dibicarakan pada tahun 1879. Seorang pemilik ladang Eropah menjelaskan bahawa wang $3.60 sebulan yang diperolehi oleh kuli India sudah cukup. Beras harus dianggarkan $1.20 sebulan. Oleh kerana itu ia masih memiliki $1.40 untuk disimpan, menurut pemilik ladang ini. Penginapan percuma; minyak diperoleh; apabila sakit ia mendapat makanan dan pengubatan percuma. Tetapi ketua pegawai kesihatan Negeri-negeri Selat yang telah mengunjungi ladang melaporkan keadaan yang berbeza. Petugas tersebut mengatakan bahawa hal itu tidak mencerminkan keadaan yang sebenarnya. Pada akhir bulan, kemungkinan besar kuli-kuli tidak memiliki apa-apa untuk ditabung.

> Ia menjadi mangsa orang yang lebih dahulu berada di ladang dan peminjam wang, terjerat hutang dan ditimpa berbagai-bagai kesusahan dalam segala hal, serta pemilik ladang mana pun yang mengurus sendiri pembayaran kuli-kulinya – akan berceritera kepada anda bahawa kenyataannya wang $1.40 ini biasanya, setelah lima minit diambil oleh para pemberi hutang secara terbuka, di depan mata juru bayar sendiri. Para perkebunan seharusnya mengawasi peminjam wang ini yang memaksa kuli-kuli yang baru tiba menurut cara mereka. Minum arak di kalangan mereka, juga sudah pasti mengantarkan ke setumpuk kesengsaraan dan penyakit, tetapi saya berpendapat jika makanan mereka diurus dengan lebih baik, maka amalan ini tidak akan terjadi. Ini merupakan perasaan mereka tentang keadaan buruk yang menuntun mereka ke dalamnya.[16]

Akibat keadaan di atas, seorang pekerja jarang menemukan dirinya bebas setelah tiga tahun. Laporan Suruhanjaya Tenaga Kerja tahun 1890 mencatat bahawa "rata-rata orang tidak mahu, dan tidak akan

bekerja lebih daripada dua puluh hari dalam sebulan".[17] Hubungan kerja yang sah mengharuskan pekerja bekerja selama 36 bulan, enam hari seminggu, sembilan jam sehari. Wang muka daripada majikan, hari-hari yang dihabiskan dipenjara atau menghadiri sidang, ponteng kerja, cuti sakit yang melebihi 30 hari, semuanya menjerat pekerja. "Hanya sejumlah kecil pekerja yang kenyataannya dibebaskan pada akhir tiga tahun."[18]

Banyak laporan pemerintah menyalahkan penyelewengan para pengawas tempatan – ketua kampung – daripada para pemilik ladang Eropah. Kita tidak habis berfikir bahawa para pemilik Eropah tidak menyedari akan penyelewengan yang telah berlangsung selama satu abad. Kebanyakan mereka benar-benar tidak berkepentingan dengan nasib para pekerja mereka. Mereka sedar tentang cengkaman hutang; mereka menyedari masalah penghisapan candu di ladang; kemudian mereka sedar akan minuman keras dan perjudian. Pemerintah kolonial pada waktu itu menikmati penghasilan yang menggiurkan daripada berbagai-bagai kegiatan tersebut. Sementara perhatian ditunjukkan oleh pemerintah dalam soal kesihatan individu, pekerja ladang, namun tidak ada upaya apa pun untuk menghilangkan punca masalah kesihatan yang buruk, penghisapan candu, minum minuman keras, yang diterima oleh pemerintah. Penuturan yang jelas sekali diberi pada tahun 1879 oleh Isabella Bird pada suatu kunjungan ke sebuah perkampungan Cina di Seremban.

> Di tengah desa itu ada bangunan besar, tertutup, tetapi sisinya terbuka seperti sebuah pasar, yang dipenuhi sepanjang hari – dan sepanjang malam juga oleh ratusan kaum miskin, makhluk-makhluk setengah telanjang berdiri mengelilingi meja-meja permainan, hening, bernafsu, gelisah, mempertaruhkan setiap sen yang diperolehi dengan bergantung kepada putaran dadu, hidup dengan kegembiraan atas perolehan mereka – tontonan yang benar-benar menyedihkan. Mungkin kami adalah perempuan Eropah pertama yang pernah menyusuri rumah perjudian, tetapi para petaruhnya begitu asyik bahkan tak sempat untuk memalingkan kepala mereka. Di sana mereka juga selalu minum teh. Beberapa gagasan tentang keuntungan tersebut, yang dibuat oleh orang-orang yang 'menternakkan' izin judi tersebut dapat diperolehi dari kenyataan bahawa penghasilan yang dipetik oleh pemerintah dari 'ladang' judi melebihi £900 setahun.[19]

Berjudi, menghisap candu dan minum tuak adalah tiga hal yang membuat ketagihan, yang dipersetujui oleh pemerintah kolonial, meskipun ada tentangan daripada individu menyangkut sifat-sifat kemanusiaan pada waktu itu, yang beberapa di antaranya adalah pegawai pemerintah. Tiga hal yang membuat ketagihan inilah yang membuat kapitalisme penjajah dapat mengikat para pekerja kepada majikannya dalam jangka waktu lebih lama daripada yang ditentukan dalam perjanjian. Betapa kecil pun mereka menghabiskan tabungannya yang secara teori di miliki pada akhir bulan, hutang tersebut berkembang dengan adanya pembelian candu dan tuak. Tambahan pula, itu semua merupakan sumber penghasilan. Sebahagian besar pendatang baru dari Cina tidak menghisap candu.

The Straits Settlements and Federated Malay States Opium Committee Report 1908, memberi kesan bahawa sebahagian besar tenaga kerja Cina belajar menghisap candu setelah mereka datang ke Malaya. Pusat permulaannya di rumah-rumah pelacuran. Beberapa di antara mereka percaya bahawa candu baik bagi kesihatan dan memperkuat nafsu seks. Seorang kakitangan kesihatan, pemilik lombong dan ladang Eropah – menunjuk tahun 1904 atau sekitarnya – melindungi penghisapan candu ketika ia menjawat pengarah eksekutif sebuah lombong besar di Kinta. Lima puluh peratus daripada kulinya yang berjumlah lebih dari 2 000 orang menghisap candu. Dijelaskannya berbagai-bagai manfaat menghisap candu. Dikatakan bahawa menghisap candu mencegah malaria dan diyakini memiliki kesan yang bermanfaat pada penyakit batuk kering. Pemilik ladang ini berkata:

> Saya tidak yakin negeri ini dapat maju tanpa paip candu. Mereka menggunakan candu sebagai ubat perangsang ketika lelah, mereka dapat pergi tanpa makanan dalam jangka waktu yang lama, mereka mengatakannya mencegah cirit-birit dan berak berdarah. Itulah keyakinan kuat kuli-kuli Cina, dan mereka tidak berani masuk ke daerah pedalaman tanpa pipa candu.[20]

Barangkali keadaan kerja memaksa para kuli menghisap candu. Seorang pemilik lombong timah dan ladang Cina, yang juga menghisap candu, menceriterakan kepada jawatankuasa tersebut pada tahun 1924 sebagai berikut:

> Rata-rata kuli lombong menghisap candu lebih dimaksudkan untuk melindungi hidupnya dan bukan sekadar bermain-main. Di

> Persekutuan Melayu, terdapat hutan belantara, kerja primitif dan iklim yang tidak dapat diubah. Tujuh puluh peratus dari para penebang kayu penghisap candu. Tanpa candu, saya sangsi mereka dapat bertahan terhadap berbagai-bagai keadaan.[21]

Para penegak kapitalisme kolonial memberi penilaian lebih jauh kepada para pengisap candu. Mereka patuh pada hukum. Mereka takut tidak memperolehi candu didalam penjara. Seorang tauke tua meringkaskan gambarannya sebagai berikut:

> Saya mengurutkan empat kejahatan yang kita kenal sebagai berikut: kewanitaan adalah yang terburuk, kemudian berjudi, lalu minum-minum dan, paling akhir, menghisap candu. Penyakit orang banci dijauhi anak-anak dan keluarganya; penjudi menghamburkan warisan ayahnya; pemabuk bertindak dan berkelakuan serampangan; di pihak lain, penghisap candu tetap mantap. Ia berfikir hati-hati sebelum bertindak.[22]

Inilah suatu usaha untuk mempertahankan penggunaan candu kerana bermanfaat bagi kapitalisme kolonial, meringankan beban kerja yang amat berat, serta memperkaya pengedar candu dan pemerintah kolonial. Ini adalah umpan untuk menarik perhatian dan memaksa kuli-kuli Cina. Bahagian yang terbesar daripada penerimaan Malaya dibawah Inggeris bersumber daripada candu. Antara tahun 1896 dan 1906, paling rendah 43.3 peratus, pada tahun 1904 iaitu 59.1 peratus.[23] Sejak 1 Januari 1910, Pemerintah Inggeris menasionalisasikan dan memonopoli perusahaan, penjualan dan pengedaran candu. Laporan tahunan atau Buku Biru untuk Negeri-negeri Selat memberi angka seperti yang berikut:[24]

	Pendapatan S$	Pengeluaran S$	Pendapatan candu S$	Peratus pendapatan
1918	23,262,015	15,966,145	15,706,741	60
1919	34,108,465	34,901,233	17,511,229	51
1920	42,469,620	39,260,318	19,983,054	47
1921	39,545,735	35,430,899	15,236,538	38

Penghasilan Malaya di bawah Inggeris yang lain sebahagian besar berasal daripada pajak candu, daripada kesengsaraan dan keburukan

manusia. Ini merupakan contoh yang paling jelas diketahui dalam sejarah politik yang diambil dan diorganisasi dalam cakupan yang luas, tanpa keberatan moral apa pun, sesuai dengan kepentingan penguasa kolonial dan kapitalisme. Peracunan seluruh negeri oleh para penguasa kolonial Inggeris telah berlangsung selama lebih daripada satu abad, meskipun ada tentangan daripada bahagian negeri, baik di dalam mahupun di luar masyarakat Inggeris. Orang-orang Belanda dan Sepanyol melakukan juga tetapi tidak setamak Inggeris pada abad ke-19 dan dalam dasawarsa pertama abad ke-20. Pada tahun 1918, 46 peratus pendapatan negeri Johor berasal daripada candu. Ini meliputi 72 peratus daripada seluruh pengeluaran. Oleh kerana itu, selama lebih daripada 100 tahun, pegawai pemerintah tanah jajahan daripada protektorat Inggeris digaji sebahagian daripada candu, daripada hasil kesengsaraan dan keburukan manusia.

Ucapan La Motte cukup berharga untuk dikutip:

> Hal yang terpenting daripada perdagangan candu terdapat di Timur Jauh. Selama lebih daripada satu abad, candu digunakan sebagai sumber wang untuk menggelembungkan penghasilan negeri-negeri Eropah tertentu dengan pemilikan di Timur. Individu telah menjadi kaya atas hasil tersebut. Tanah jajahan menjadi makmur. Tenaga kerja, buruh murah dan berlimpah dari Cina, telah dipikat candu ke tanah jajahan yang tertentu kerana tenaga kerja peribumi tidak diperolehi; namun kebanyakan individu telah dirosak oleh dasar yang pincang ini yang tidak menghiraukan kesejahteraan jutaan mereka untuk dimanfaatkan. Kehidupan manusia sama sekali telah diabaikan. Pertimbangan terhadap kesihatan masyarakat, membangun masyarakat yang mundur dan sederhana tidak pernah diajukan. Tidak ada yang begitu mudah dapat diganti. Candu telah didatangkan untuk menyia-nyiakan kehidupan manusia ini, dengan menghancurkan nilai dan kecekapan mereka, semata-mata untuk memakmurkan bangsa Eropah.[25]

Bagi tenaga kerja imigran India, minuman keras merupakan umpan. Di samping itu di ladang ada masalah penyakit seperti cirit birit, berak berdarah dan malaria. Gambaran umum tentang keadaan tersebut diambil daripada laporan penyelidikan tentang masalah tuak di ladang di daerah pesisir Selangor. Di sana terdapat 38 buah ladang. Waktu itu antara tahun 1911 dan tahun 1916. Pada tahun 1916, jumlah tenaga kerja daripada 38 buah ladang ini 48 408 orang. Sebahagian besar

buruh India. Dari jumlah ini, 22 343 orang dimasukkan ke rumah sakit dalam tahun tersebut, 2 354 orang menghidap cirit birit dan berak berdarah, dan 9 786 orang mengidap malaria. 20.2 peratus tenaga kerja menderita malaria, tidak termasuk yang terkorban dalam tahun-tahun sebelumnya. Pada tahun 1911, 10.1 peratus daripada tenaga kerja yang berjumlah 41 897 orang dimasukkan ke rumah sakit kerana malaria. Jumlah kematian untuk tahun 1916 daripada segala penyakit itu 1 064.[26]

Penggunaan ubat bius seperti jua candu dilaksanakan oleh pemerintah bagi meningkatkan pendapatan telah mendorong kebiasaan dalam berbagai-bagai bentuk yang lain. Pada tahun 1936, tampaknya tidak mungkin untuk menghapuskan minuman keras di ladang getah kerana kemungkinan pengacuan daripada para peminum minuman keras yang lebih berbahaya iaitu samsu. Hasilnya, semua pihak bersetuju mempertahankan tuak atas beban tenaga kerja India. Sastri, anggota Badan Legislatif India, yang dikirimi oleh pemerintah India untuk menyelidiki tentang tenaga kerja India di Malaya, pada tahun 1936, mencatat sebagai berikut:

> Saya teringat bahawa di suatu negeri seperti Malaya dimana anggaran belanjanya selalu berlebihan, dan pajak tidak menjadi bahagian utama daripada pendapatan, keadaannya sangat menguntungkan untuk menyerahkan kebijaksanaan pada larangan yang pokok, dan saya berusaha keras untuk menyelidiki bagaimana pendapat orang yang mengetahui persoalan ini tentang sejauh mana hal ini mempengaruhi tenaga kerja India. Sejumlah pengurus cenderung mengakui minuman keras sebagai minuman yang tidak berbahaya jika masih dalam batas, dan sebagai cara membuat tenaga kerja mereka tetap puas dan senang.
>
> Di pihak lain – yang barangkali merupakan kelompok besar bersetuju bahawa minuman keras sama sekali bukan suatu keperluan dan tidak keberatan untuk menindas kebiasaan minum minuman keras. Tanpa ini, para pekerja nescaya akan dapat menyimpan wang yang lebih banyak, dan kecekapan mereka setidak-tidaknya tidak terganggu, sementara para pengurus itu sendiri akan terhindar daripada kesulitan untuk mengawasi perusahaan dan akaunnya serta hanya sesekali menyelesaikan percekcokan akibat mabuk. Namun pada amalannya, mereka hampir bersuara bulat dalam menyatakan bahawa ini hanyalah nasihat kesempurnaan. Di Malaya ada minuman keras dan sangat merosak yang dikenal dengan samsu yang dengan mudah dan murah disuling daripada beras. Hampir di

seluruh Malaya saya diberitahu – tidak hanya oleh para pemilik ladang, tetapi juga oleh pegawai pemerintah bahawa penyulingan gelap minuman keras oleh Cina ini: maharajalela. Ini tampak bahawa peralatan yang digunakan begitu sederhana susunannya dan murah unuk dipasang yang kerananya pengawasan yang berkesan merupakan persoalan yang sangat pelik. Di Johor saya diberitahu bahawa denda yang paling berat telah dijalankan, tetapi kejahatan tersebut tetap tidak dapat diawasi. Samsu dikatakan jauh lebih merosak secara fisik dan mental daripada tuak, dan kebanyakan pemilik ladang mengatakan kepada saya bahawa mereka tidak berani memusnahkan kilang tuak kerana akibat jangka pendeknya ladang mereka akan dikerubuti dengan sejumlah samsu buatan penyuling gelap. Kekhuatiran akan samsu juga menghalangi mereka daripada usaha mengurangi pemakaian tuak dengan menaikkan harganya. Bukti tentang penyulingan gelap samsu tersebar secara meluas dan kerananya tidak mungkin untuk mengesampingkannya.[27]

Sikap kapitalisme penjajah terhadap tenaga kerja pada abad ke-19 dan awal abad ke-20 membantu menjelaskan tanggapan orang Melayu terhadap tenaga kerja dalam perusahaan ekonomi penjajah. Syarat dan keadaan tenaga kerja dengan demikian jauh daripada menggembirakan. Masyarakat Melayu lebih baik tinggal di desa mereka dengan pekerjaan tradisional. Mereka dapat menjauhi keadaan tenaga kerja yang tidak manusiawi. Mereka tidak menjadi alat yang menuruti perintah para pemilik ladang dan lombong yang serakah. Kerana inilah mereka dituduh malas, meskipun ada pengakuan daripada mereka yang menuduhanya, bahawa mereka mengerjakan tugas dengan baik dalam beberapa bidang pekerjaan. Tetapi bidang kerja Melayu ini tidak secara langsung melayani kapitalisme penjajah. Misalnya, orang-orang Melayu menanam padi. Tetapi penerimaan pemerintah daripada beras tidak ada ertinya dibandingkan dengan candu, getah dan timah. Kerana itu, masyarakat Melayu tidak dianggap produktif dalam pengertian kapitalis kolonial. Berbagai-bagai kegiatan yang secara positif menambah seluruh pengembangan sosial tidak dinilai semestinya kerana kriteria yang terbatas dan keliru digunakan. Sumbangan orang Melayu dalam menyelenggarakan pentadbiran diabaikan. Kenyataan bahawa negeri tersebut milik masyarakat Melayu, tidak diperdulikan. Kerja di petak sawah tidaklah ringan, lebih-lebih lagi ini memiliki manfaat sosialnya sendiri, seperti yang diamati Baumgarten.

Petak padi yang luas memberi pemandangan elok, dan membuat udara tetap bersih, yang kerana alasan inilah seharusnya lebih dipilih daripada jenis-jenis tanaman lainnya; tetapi jika pemilik ladang berfikiran untuk mengolah sendiri rawa, ia tidak mampu. Saya kira menanam padi, kerana tenaga kerjanya besar dan ia akan memerlukan sejumlah tangan yang harus dibayar mahal, maka kalau padi tersebut harus ada, kemungkinan dirosakkan.[28]

Contoh yang jelas tentang gabungan ketekunan dengan kerja ladang diberi oleh seorang penulis pada masa itu, Owen Rutter. Ia sangat kagum terhadap pergunungan Dusan. Itu adalah "tulang punggung tenaga kerja ladang" yang bekerja dengan baik di bawah perintah orang-orang Eropah yang memahami keistimewaan mereka.[29] Hal ini tidak hanya persoalan tenaga kerja yang dihubungkan dengan ideologi kapitalis penjajah, tetapi konsep kemanusiaan menyeluruh yang berasal daripada kepentingan kapitalisme penjajah. Perjudian, candu, keadaan kerja yang tidak manusiawi, perundangan yang pincang, pendapatan daripada hak-hak persewaan milik rakyat, kerja paksa, semuanya berada dalam satu jalur atau yang lain terjalin menjadi cita-cita ideologi penjajah dan memberi pancaran kemuliaan. Mereka yang ada di luarnya akan dicemuh.

---

1 Karl Marx dan Friedrich Engels, 1938. *The German Ideology*, 1938 penyunting R. Pascal. London: Lawrence and Wishart.

2 *Ibid.*

3 Dipetik dari W.L. Blyther, "Historical Sketch of Chinese Labour in Malaya," dlm *JMBRAS*, Jun, 1947. jil. XX, bhg. 1, hlm 68.

4 *Ibid.*, hlm. 69.

5 *Ibid.*, hlm. 70.

6 *Ibid.*, hlm. 71.

7 *Ibid.*, hlm. 70-71.

8 *Ibid.*, hlm. 74-75.

9 *Ibid.*, hlm. 78-79.

10 Dari *Straits Settlements Labour Commission Report 1890*, dipetik oleh Blythe, *ibid.*, 80-81. Suruhanjaya tersebut memberi saranan kepada pemerintah tentang pengawasan tenaga kerja Cina dan pemusnahan deport swasta untuk diganti dengan deport pemerintah.

11 Dipetik daripada Blythe, *ibid.*, hlm. 91.

12 *Ibid.*, hlm. 111.

13 *Federated Malay States Labour Commission Report 1910*, dipetik dari R.N. Jackson, 1961 *Immigrant Labour and the Development of Malaya*. Kuala Lumpur: Government Printing Press, hlm 152.

14 R.H. Vetch, 1905. *Life of the Hon. Lieut-General Sir Andrew Clarke*. hlm. 126. London: John Murray.

15 R.N. Jackson, *op. cit.*, hlm. 62.

16 Dipetik daripada R.N. Jackson, *ibid.*, hlm. 63-64.

17 Dipetik daripada R.N. Jackson, *ibid.*, hlm. 68-69.

18 *Ibid.*, hlm. 69.

19 Isabella L. Bird, *The Golden Cheronese*, hlm. 189, *op. cit.*

20 *British Malaya Opium Committee Report 1924- C.224*, dipetik daripada R.N. Jackson, *op. cit.*, hlm. 55.

21 *Ibid.*, C. 194 daripada laporan, R.N. Jackson, *ibid.*, hlm. 55.

22 *Ibid.*

23 Ellen N. La Motte, 1920. *The Opium Monopoly*, New York: Macmillan, hlm. 240.

24 Ellen N.La Motte, 1924. *The Ethics of Opium*. New York: Century, hlm. 53.

25 *Ibid.*, hlm. 12-13. Di England candu dilarang oleh undang-undang, pada saat yang sama candu dibenarkan di Malaya.

26 *1917 Proceeding and Reports of the Commission appointed to inquire into certain matters affecting the good Government of the State of Selangor in relation to the alleged misuse and abuse of toddy in the coast districts of Selangor*. Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Press, hlm. 323-24.

27 V.S. Srinivasi Sastri, 1937. *Report on the Conditions of Indian Labour in Malaya*, hlm II, para 16. New Delhi: Government of India Press.

28 F.L. Baumgarten, 1849. "Agriculture in Malacca," *JIAEA*, jil 3, hlm. 716-17.

29 Owen Rutter, 1922. *British North Borneo*. London: Constable, hlm. 64.

Bab 7

Kemalasan Masyarakat Filipina

Judul bab ini dimaksudkan untuk menghormati karya Rizal tentang pokok masalah tersebut yang mempunyai judul yang sama. Karyanya mungkin merupakan analisis sosiologi sejarah yang pertama tentang pokok masalah tersebut, diterbitkan dalam *La Solidaridad*, di Madrid, dalam lima kisah bersambung, dari 15 Julai hingga 15 September 1890. Ia memberi reaksi terhadap tulisan Sancianco, doktor undang-undang Filipina, yang membahaskan pokok masalah kemalasan tersebut dan membantahnya. Rizal membelanya dalam laporan yang tidak memihak tentang pokok masalah tersebut. Istilah kemalasan, menurut pendapatnya telah diselewengkan dan disalahgunakan. Namun ini tidak menyangkal keberadaannya. Ia yakin ada sesuatu yang tersembunyi di sebalik kemalasan yang banyak dibicarakan itu. Seperti yang disebut sebelum ini, definisi Rizal tentang kemalasan ialah "kurang mencintai pekerjaan, kurang kegiatan". Ini menurutnya adalah suatu masalah di Filipina.

> Dengan menganalisis secara hati-hati seluruh peristiwa dan seluruh manusia yang diketahui semenjak masa kanak-kanak dan kehidupan di negeri kita, maka kita yakin bahawa kemalasan memang ada di sana. Masyarakat Filipina yang dapat berdiri di sisi laki-laki yang paling aktif di dunia pasti akan meragui pengakuan ini. Memang benar bahawa mereka harus bekerja dan berjuang keras terhadap iklim, alam, dan manusia; tetapi kita tidak seharusnya mengecualikan kebiasaan umum dan kita seharusnya mencari kesejahteraan negeri kita dengan menyatakan apa yang kita yakini benar. Kita harus mengakui bahawa di sana kemalasan benar-benar positif ada; tetapi bukannya mengakuinya sebagai punca keterbelakangan dan kekacauan, melainkan kita seharusnya mengakuinya sebagai akibat daripada kekacauan dan keterbelakangan yang mendorong pertumbuhan suatu kecenderungan yang membawa malapetaka.[1]

Kecenderungan terhadap kemalasan tidak dibatasi kepada masyarakat Filipina sendiri. Hal ini berlaku juga dalam masyarakat Eropah di daerah tropika. Iklim yang panas memerlukan istirahat, seperti iklim yang dingin mendorong kerja dan gerak. Dengan alasan ini, menurut Rizal, orang Sepanyol lebih malas daripada orang Perancis, dan orang Perancis lebih malas daripada orang Jerman. Kemalasan kerananya bukan suatu ciri khas masyarakat Filipina. Orang Eropah di daerah tropika bahkan lebih malas. Masyarakat Eropah asli yang menuduh penduduk tanah jajahannya malas (dan saya tidak lagi menunjuk orang-orang Sepanyol, begitu pula orang Jerman dan Inggeris), bagaimanakah mereka hidup di negeri-negeri tropika? Mereka dikelilingi oleh banyak pembantu, tidak pernah berjalan-jalan melainkan menaiki kenderaan, memerlukan pembantu tidak hanya untuk melucut sepatu, juga untuk mengipasnya! Dan meskipun begitu mereka hidup dan makan lebih baik, bekerja untuk dirinya sendiri dan memperkaya diri sendiri, mempunyai harapan masa depan, bebas, dan dihormati,; sementara sang terjajah – yang miskin, malas, kurang zat dan hidup tanpa harapan – bekerja keras untuk orang lain, ditekan dan dipaksa untuk kerja! Apa? Orang-orang kulit putih barangkali akan menjawab bahawa mereka tidak dibuat untuk menderita kekerasan iklim tropika. Suatu kesalahan! Manusia dapat hidup dalam iklim apa sahaja jika mereka mahu menyesuaikan diri dengan syarat dan keadaannya. Apa yang membunuh orang Eropah di negeri yang hangat itu adalah penyalahgunaan alkohol, keinginan untuk hidup seperti di negerinya sendiri dengan langit dan matahari yang lain. Kita, penduduk negeri tropika, hidup dengan baik di Eropah bahagian utara jika kita melakukan tindakan pencegahan yang sama dengan apa yang dilakukan penduduk di sana. Orang-orang Eropah juga dapat hidup dengan baik di wilayah yang panas terik kalau mereka membuang berbagai-bagai prasangkanya.[2]

Kerja keras bukanlah hal yang baik di tengah udara panas yang membakar di daerah tropika. Satu jam kerja di bawah terik matahari sebanding dengan kerja satu hari dalam iklim yang hangat. Kerana itu wajarlah apabila negeri tersebut menghasilkan seratus kali lipat. Lihatlah cara penduduk Eropah bereaksi terhadap musim panas yang menggigit. Mereka meninggalkan kerja selama beberapa hari di musim panas, menuju tempat-tempat berair, duduk di warung, mundar-mandir. Rizal membandingkan kemalasan masyarakat Filipina dengan para

pegawai Sepanyol dan pendeta di Filipina.

> Siapakah yang malas di pejabat di Manila? Apakah jurutulis miskin yang masuk pada jam lapan pagi dan pulang jam satu tengahari hanya dengan payungnya, dan menyalin, menulis dan bekerja sendiri untuk pegawai atasannya, ataukah pegawai atasannya yang datang naik kereta pada jam sepuluh, pulang sebelum jam dua belas, membawa suratkhabar sambil merokok dengan kakinya terjulur di atas kerusi atau meja, atau berbicara tentang segala hal yang tidak berguna dengan kawan-kawannya? Siapakah yang malas, seorang pembantu Hindia, yang diberi upah rendah dan diperlakukan buruk, yang harus mengunjungi semua fakir miskin yang sakit, yang hidup di perkampungan; ataukah ketua paderi yang sangat kaya, bersiar-siar dengan kereta, makan dan minum enak, dan tidak usah bersusah-payah jika tidak dapat mengumpulkan wang yang banyak?[3]

Rizal mengajukan pertanyaan yang sama tentang orang Cina di Filipina. Kerja keras apa yang mereka lakukan? Hampir semuanya berdagang. Sangat jarang mereka mengurus pertanian dan mereka yang bekerja di tanah jajahan yang lain diarah bersara beberapa tahun kemudian. Rizal menutup percakapannya mengenai apa yang saya istilahkan "kemalasan fisiologi" dengan cara berikut:

> Kita fahami kemudian bahawa kecenderungan malas sangatlah universal, kita harus menerimanya dan menyenanginya kerana kita tidak dapat mengubah hukum alam, dan tanpa ini bangsa tersebut akan musnah. Manusia bukanlah makhluk kasar, ia tidak juga sebuah mesin. Keinginannya tidak hanya menciptakan, meskipun ada tuntutan beberapa orang Kristian berkulit putih yang berkeinginan menjadikan orang Kristian berkulit berwarna sebagai mesin penggerak yang agak cerdas dan lebih murah dibandingkan tenaga wap. Tujuannya bukan untuk memuaskan nafsu manusia yang lain. Keinginannya adalah mencari kebahagiaan bagi dirinya sendiri dan kawan-kerabatnya dengan mengikuti jalan menuju kemajuan dan kesempurnaan.[4]

Sejauh ini ia menunjuk kemalasan sebagai reaksi fisiologi terhadap panas. Dalam musim dingin orang gemar berjalan di atas salju. Di bawah terik matahari orang lebih senang berteduh, tidak mundar-mandir di tengah jalan. Gejala ini hakikat. Beban kerja mental di daerah tropika harus dibahagi-bahagi dalam suatu masa tertentu daripada

dikerahkan sekaligus. Oleh kerana itu, apabila seseorang harus mengerjakan kerja mental yang keras selama empat jam dalam sehari, maka sangat baik baginya untuk membahaginya sepanjang hari, sebahagian pada pagi hari, sebahagian lagi pada waktu senja. Begitu pula halnya dengan kerja fisikal. Dalam iklim yang dingin, sangatlah mungkin untuk melakukannya sekaligus. Saya menunjuk hal ini sebagai suatu pola kerja, bukan sebagai contoh satu-satu yang jarang terjadi. Namun ini hanyalah penyesuaian yang diingini. Aspek daripada konsep Rizal tentang kemalasan ini sesungguhnya tidak termasuk dalam definisinya. Mungkin saja ada kecintaan yang besar untuk bekerja tetapi disesuaikan dengan iklim dalam cara pelaksanaannya. Namun Rizal menunjuk pada sesuatu yang lebih penting lagi. Ia berkata:

> Kejahatan bukanlah disebabkan adanya kemalasan yang tersembunyi, melainkan kerana hal ini dipupuk dan dibesar-besarkan. Diantara manusia, dan diantara bangsa, terdapat tidak hanya kecerdasan tetapi juga kecenderungan terhadap kebaikan dan kejahatan. Untuk memupuk yang baik dan mengembangkannya juga memperbaiki yang buruk dan menekannya, seharusnyalah menjadi kewajipan masyarakat atau pemerintah, jika fikiran yang tidak semulia itu tidak menyerap perhatian mereka. Kejahatan tersebut adalah bahawa kemalasan di Filipina adalah kemalasan yang dibesar-besarkan, – bola salju kemalasan kalau kita boleh mengungkapkannya suatu kejahatan yang muncul sebagai bahagian yang langsung pada masa tersebut, suatu akibat daripada pemerintahan yang salah dan keterbelakangan seperti yang kita katakan dan bukan sebagai puncanya. Sedangkan yang lain akan berfikir sebaliknya, khususnya mereka yang memegang tanggungjawab pemerintahan yang salah, tetapi tidak peduli; kita telah menegaskan satu hal dan kita akan membuktikannya.[5]

Kerana ia menganggap kemalasan masyarakat Filipina adalah kesan dan bukan punca utama keterbelakangan mereka, maka Rizal tidak menganggapnya turun-temurun. Ini merupakan pengalaman sosial dan sejarah masyarakat Filipina di bawah kekuasaan Sepanyol yang menciptakan gejala kemalasan. Ia menceritakan masa silam masyarakat Filipina yang jelas. Sebelum kedatangan orang-orang Eropah, masyarakat Filipina melakukan perdagangan aktif dengan Cina. Catatan Cina abad ke-13 melaporkan kejujuran para pedagang dari Luzon. Pigafetta yang berdagang dengan Magellan pada tahun 1521, setibanya

di Samar sangat terkesan dengan sopan-santun dan kebaikan budi penduduknya. Ia menyebutkan kapal dan perkakas dari emas tulen didapati di Butuan, tempat penduduk bekerja di lombong. Mereka memakai baju sutera, belati dengan pangkal emasnya yang panjang dan sarung pedang daripada kayu ukiran, gigi emas, serta sejumlah benda lainnya. Beras, padi-padian lain, jeruk, sitrun, dan jagung India ditanam. Cebu mempunyai hubungan dagang dengan Siam. Para pejuang Luzon turut bertempur dalam peperangan melawan Aceh di Sumatera pada tahun 1539. Laut kepulauan yang membentang di mana-mana menyangga perdagangan, industri dan pertanian, lewat ayunan dayung daripada ratusan perahu. Kemakmuran berlimpah di kepulauan tersebut

> Sepanjang sejarah dalam tahun-tahun yang awal itu, pendek kata, melingkup kisah panjang tentang industri dan pertanian penduduk – lombong, pendulang emas, mesin tenun, bercucuk-tanam, tukar-menukar, pembuatan kapal, pemeliharaan unggas dan ternak, pertenunan sutera dan kapas, perusahaan penyulingan, pembuatan senjata, perusahaan mutiara kultur, industri pewangian, tanduk dan kulit, dan sebagainya. Semuanya ini dapat ditemui pada setiap langkah dan mengingat waktu serta keadaan kepulauan tersebut, mereka membuktikan bahawa disana ada kehidupan, ada kegiatan, dan ada gerakan.[6]

Rizal membuktikan kebenaran pengamatannya daripada sumber-sumber yang terdahulu yang terkenal seperti Morga, Chirino, Colin, Argensola dan lainnya. Pertanyaan yang diajukannya apakah yang membuat orang Filipina yang aktif dan penyembah berhala itu menjadi orang Kristian yang malas dan lamban seperti dinyatakan oleh para penulis sezaman? Bagaimana masyarakat Filipina meninggalkan industri mereka yang terdahulu perdagangan, perikanan dan perusahaan mereka, sampai batas yang benar-benar melupakan kesemuanya itu? Hal ini disebabkan oleh gabungan berbagai-bagai keadaan, sebahagian disebabkan kebebasan kemahuan dan upaya manusia, sebahagian lagi disebabkan oleh ketidaktahuan dan kebodohan. Penaklukan Sepanyol dan hasil kekuasaan Sepanyol menimbulkan berbagai-bagai keadaan yang mengakibatkan kemerosotan masyarakat Filipina.

> Pertama-tama muncul perang, kerusuhan dalam negeri, yang tentu sahaja diakibatkan oleh pemerintahan baharu. Kiranya perlu menundukkan rakyat, baik dengan bujukan ataupun dengan paksaan;

ada perkelahian, ada kematian; mereka yang telah menyerah secara damai tampak menyesalinya; huru-hara dicurigai dan beberapa di antaranya terjadi; tentu ada alasan dan banyak pekerja yang mahir tewas. Kekacauan ini menambah penyusupan Li Ma Hong, menambah peperangan yang terus-menerus penduduk Filipina dipaksa menjaga kehormatan Sepanyol, memperlama kibaran benderanya di Kalimantan, Kepulauan Moluku, dan Indo Cina. Untuk memukul mundur musuh Belanda, merupakan perang yang mahal; dalam ekspedisi yang sia-sia, diketahui bahawa ribuan pemanah dan pendayung Filipina telah dikirim, tetapi tidak dilaporkan bahawa mereka tidak pernah pulang kembali ke rumah. Seperti persembahan, di mana pada suatu saat orang Yunani dikirimkan kepada makhluk berkepala kerbau dari kereta, maka pemuda Filipina yang bergabung dalam ekspedisi tersebut telah berpamit kepada negerinya untuk selama-lamanya. Sebelumnya, dalam wawasan mereka laut mengamuk, peperangan tanpa akhir, ekspedisi yang penuh bahaya.[7]

Rizal kemudian mengutip kata-kata San Agustin tentang pengurangan penduduk seluruh daerah yang peribuminya adalah para pelaut ulung dan pendayung yang sangat mahir. Di Pulau Panay, selama setengah abad lebih daripada 50 000 keluarga pembayar pajak dikurangi menjadi 14 000 orang. Dari daerah inilah para gabenor mendapatkan sebahagian awak-awak kapalnya yang dikirimi keluar. Ditambah lagi penghancuran yang sangat menakutkan daripada serangan perompak dari selatan. Pelayaran perompak dari selatan tersebut lebih lanjut mengurangi penduduk Filipina. Menurut Rizal, alasan mereka adalah untuk memperlemah kekuasaan Sepanyol dengan menghancurkan daerah-daerah tersebut yang membantu orang-orang Sepanyol atau yang berada di bawah kekuasaan Sepanyol. Hal ini pada gilirannya mengakibatkan orang Sepanyol menyusun pertahanan mereka terhadap para perompak. Mereka juga ingin membebaskan diri daripada tetangga mereka orang-orang Belanda yang suka menganggu. Mereka memerlukan kapal-kapal baru dan besar. Untuk ini, orang-orang Filipina dimanfaatkan lagi. Kapal yang begitu besar menimbulkan masalah untuk mendapatkan kayu yang diperlukan. Tiang-tiang kapal layar tersebut telah menyiksa tenaga 6 000 orang Filipina selama tiga bulan, untuk menghelanya sepanjang 21 batu melintasi pergunungan yang amat sukar ditempuhi. San Agustin menyelidiki pada tahun 1690, bahawa ada pemberontakan di wilayah itu, kerana penerbangan kayu

yang terus-menerus untuk galangan kapal menghalangi penduduk untuk menanam dikawasan yang sangat subur.

Terjadilah kemudian penghisapan oleh *encomenderos*, yakni orang-orang Sepanyol yang memiliki sehamparan tanah luas dengan hak memungut pajak dan upti. Beberapa orang Filipina yang dijual ke lembah perhambaan harus membayar pajak yang dikenakan terhadapnya. Beberapa orang Filipina digantung. Sebahagian lagi melarikan diri ke gunung meninggalkan isteri dan anak mereka. Banyak wanita yang terlindas oleh beban yang berat hingga tewas, tidur di ladang dan melahirkan anak, merawatnya dan mati digigit serangga beracun.

> Maka anehkah jika penduduk Filipina berputus asa ketika dihadapkan dengan begitu banyak bencana; mereka tidak dapat berbuat apa-apa, ketika menyaksikan tanamannya yang sudah bertunas, atau ladang mereka yang bakal menjadi kuburannya, atau ketika hasil panenan mereka disantap algojo mereka? Sungguh suatu hal yang aneh ketika pada waktu itu kita menyaksikan rahib-rahib yang salih – namun tidak berdaya – memberi nasihat kepada jemaah gereja mereka yang malang, guna membebaskan mereka daripada kezaliman *encomenderos*, berhenti kerja di lombong mengabaikan industri mereka, memusnahkan mesin, dan menunjukkan kepada mereka syurga sebagai satu-satunya harapan, menghadapi kematian mereka sebagai satu-satunya hiburan.[8]

Rizal mencatat berbagai-bagai penghisapan dan penindasan hasil kekuasaan Sepanyol. Berbagai-bagai peristiwa dan keadaan yang dikemukakan oleh Rizal dibuktikan dengan baik oleh kebenaran sejarah, dan mereka yang mengetahui sejarah Filipina tidak memerlukan gambaran yang lebih jauh. Masalah penting yang perlu dicatat adalah jalan lain ke arah mentode-metode penghisapan ini, untuk menjelaskan faktor tunggal yang paling penting yang menghasilkan apa yang dikatakan sebagai kemalasan, khususnya tidak adanya dorongan untuk bekerja.

> Manusia bekerja untuk suatu tujuan; ubahlah tujuannya, dan anda membuatnya menjadi lamban. Manusia yang paling tekun di dunia sekalipun akan melipat tangannya ketika ia mengetahui bahawa hal yang dilakukannya adalah kebodohan, dan pekerjaannya akan menjadi punca kesulitannya, sehingga ia akan menjadi sasaran kekesalan di rumah dan keserakahan perompak dari luar. Tampaknya

hal ini tidak pernah terlintas dalam fikiran orang-orang yang berteriak menentang kemalasan orang-orang Filipina.[9]

Kelompok dan lembaga tetap yang membantu mengikis dorongan bekerja adalah *encomendia* dan *encomenderos*.

Keuntungan kecil yang dipetik oleh orang Filipina dengan tenaganya, pada akhirnya akan mengecilkan hatinya. Melalui ahli sejarah, kita mengenal bahawa *encomenderos*, setelah membiarkan banyak orang ke dalam perhambaan dan memaksa mereka bekerja bagi keuntungan majikan – menyuruh yang lain menjual berbagai-bagai keluaran mereka dengan harga yang tidak bererti, atau tidak berbuat apa-apa atau mempermain-mainkan mereka dengan berbagai-bagai tindakan yang palsu.[10]

San Agustin melaporkan suatu daerah di Panay yang penduduknya lebih menyukai hidup dalam kemiskinan daripada harus hidup makmur, untuk menghindari datangnya kesusahan daripada para gabenor wilayah. Nafsu serakah *encomenderos* berlangsung lama. Meskipun asal keturunan *encomenderos* telah punah, sifat-sifat buruknya masih tetap ada.

Rizal mencatat faktor lain yang telah menghancurkan motivasi masyarakat Filipina.

Kesulitan besar yang dihadapi oleh setiap perusahaan berkaitan dengan aspek pentadbiran juga tidak kecil peranannya dalam membunuh setiap gerak perdagangan atau industri. Semua orang Filipina dan mereka yang tinggal di Filipina yang berpengharapan menjalankan usaha, harus mengetahui selok-belok pengurusan, berbagai-bagai dokumen, berapa banyak kemasukan dan pengeluaran, berapa banyak kertas yang dicap, dan seberapa besar kesabaran yang perlukan untuk mendapatkan izin daripada pemerintah. Untuk ini seseorang harus memperhitungkan niat baik orang lain dengan memberi wang sogok untuk mempengaruhi petugas sehingga ia tidak membakul sampahkan permohonan tersebut, dengan demikian ia berkenan mengajukanya kepada ketuanya. Orang harus berdoa kepada Tuhan agar tidak mendapat kesukaran dan ada waktu yang baik untuk menyiasatnya; memberi bakat lain yang cukup untuk meneliti kelayakannya; lebih daripada itu semoga ia cukup bodoh agar tidak mencurigainya mempunyai maksud revolusioner di sebalik usaha tersebut; dan semoga mereka tidak membuang waktunya dengan mandi-mandi, berburu, atau

bermain terup dengan rahib yang terhormat dalam biara mereka atau di rumah-rumah mereka di desa. Dan lebih daripada itu mereka harus banyak sabar, mempunyai pengetahuan yang luas tentang cara untuk maju, banyak wang, banyak berpolitik, banyak sumber penghasilan, dan penuh tawakal. Aneh, Filipina tetap miskin meskipun tanahnya sangat subur, padahal sejarah memberitahu kita bahawa negeri-negeri yang paling maju saat ini mencatat pembangunan dan kesejahteraan mereka sejak mereka mendapatkan kemerdekaan dan hak-hak sivil mereka? Negeri-negeri yang paling komersial dan paling ulet adalah negeri yang paling bebas. Perancis, Inggeris, dan Amerika Syarikat buktinya. Hong Kong yang menyia-nyiakan kepulauan Filipina yang sangat tidak bererti – memiliki kegiatan perdagangan yang melebihi gabungan seluruh pulau kita kerana negeri tersebut bebas dan dikelola dengan baik.[11]

Para penguasa memberi contoh yang buruk dengan memandang rendah pekerjaan yang kasar.

Pengaruh yang merosakkan dari para penguasa tersebut, yang dikelilingi oleh para pembantunya, namun merendahkan kerja kasar sebagai tidak sesuai bagi kaum bangsawan dan kebanggaan aristokrat para pahlawan selama berabad-abad; kelakuan yang mulia itu yang diterjemahkan orang Filipina Tila ka Kastila (Kamu seperti orang Sepanyol); dan keinginan rakyat yang terjajah untuk menjadi sama dengan penguasa mereka, kalau tidak sepenuhnya, paling kurang dalam tingkah-lakunya – seluruhnya secara alamiah mengakibatkan keengganan untuk bergiat diri dan rasa benci atau kekhuatiran terhadap pekerjaan.[12]

Hal ini dan seluruh faktor yang sebelumnya dikutip, menyebabkan hilangnya motivasi. Ada juga desakan perjudian oleh orang-orang Sepanyol. Biaya berbagai-bagai upacara keagamaan; pembatasan kebebasan individu; ketakutan dituduh sebagai pemberontak; sistem sosial menyeluruh dengan rasuah dan ketidakadilannya, menghilangkan motivasi apa pun untuk mengungguli, atau untuk menjadi kaya. Kekayaan telah menarik perhatian para pegawai dan penipu yang ganas. Lebih daripada itu, kegiatan-kegiatan lain semacam itu, tidak didorong: Ketidakacuhan pemerintah terhadap perdagangan dan pertanian, sebahagian membantu berkembangnya kemalasan.

Tidak ada Dorongan pada semua pengilang atau petani; pemerintah tidak memberi bantuan kecuali penghasilan buruk, ketika belalang

menyerang petak sawah, atau ketika angin taufan merosakkan kesuburan tanah; tidak juga ambil peduli mencari pasar bagi keluaran hasil tanah jajahannya. Mengapa hal itu dilakukan apabila keluaran yang sama ini dipersulit dengan cukai dan tidak bebas masuk ke pelabuhan negeri induk, atau mengapa penggunaan mereka di sana tidak dirangsang? Sementara kita meyaksikan seluruh dinding di London ditempel berbagai-bagai iklan keluaran tanah jajahannya, sementara orang Inggeris berupaya sengit untuk menggantikan teh Cina dengan teh Sri Lanka, mereka sendiri mengorbankan selera dan perut mereka di Sepanyol dengan pengecualian tembakau – sehingga tidak ada lagi yang berasal dari Filipina – baik gula, kopi, rami, tekstil, ataupun selimut *ilocanonya*.[13]

Di samping kurangnya bujukan material juga kurang sokongan moral oleh pemerintah untuk memberi harapan kepada masyarakat Filipina. Ada peristiwa tentang seorang ahli kimia. Filipina yang memenangi suatu perlumbaan. Setelah ia berjaya, tidak ada kelanjutannya! Dalam keadaan seperti itu, "orang yang tidak malas tampaknya harus selalu bodoh atau paling tidak menjadi orang yang orang yang dungu".[14] Pendidikan masyarakat Filipina di bawah pemerintah Sepanyol kasar dan mematahkan semangat. Selama pendidikan dasarnya, orang Filipina terus ditahan sebagai korbannya, dan mengetahui bahasa Sepanyol merupakan kejahatan, sehingga ia harus tidak memiliki cita-cita yang tinggi:

Jadi, pada satu pihak mereka mencuba membuat orang Filipina menjadi sejenis binatang, pada pihak lain mereka mengharapkan daripada berbagai-bagai tindakan yang hebat. Kita katakan tindakan yang hebat, kerana ia seharusnya seorang dewa yang tidak menjadi malas dengan iklim itu dan berbagai-bagai keadaan yang telah disebutkan. Cabutlah martabat seseorang, maka tidak sahaja anda menghilangkan stamina moralnya tetapi juga membuatnya tidak berguna, bahkan bagi mereka yang berkeinginan menggunakan mereka. Setiap makhluk memiliki pacunya sendiri dalam mencipta, sebagai dorongan utamanya; milik manusia adalah kehormatan dirinya sendiri; ambillah hal itu daripadanya maka ia akan menjadi mayat; dan orang yang mencari apa yang berlaku di dalam mayat tersebut hanya akan menemui cacing-cacing.[15]

Rizal juga menunjukkan amalan keagamaan dari gereja Katholik di

bawah orang-orang Sepanyol di Filipina.

> Mereka telah menyilaukannya dengan perhiasan daripada kertas perak emas dan timah, dengan tali-tali tasbih kaca berwarna warni, dengan bunyi-bunyian yang membisingkan, cermin yang berkilat dan seribu perhiasan kecil yang lain; dan sebagai tukarannya ia memberi emas, suara hati, bahkan kebebasannya. Ia menukar agamanya dengan peribadatan agama lain; pendirian dan kebiasaan yang mengikuti iklim dan keperluannya diganti dengan pendirian dan kebiasaan lain yang berkembang di bawah langit lain dan ilham yang berbeza. Semangatnya, yang diatur sedemikian rupa yang kelihatannya baik, kemudian diubah menurut selera negeri tersebut yang mengganggu dirinya, Tuhannya dan hukum-hukumnya; dan sebagai pedagang yang berurusan dengannya, ia tidak membawa peralatan besi yang bermanfaat, dan cangkul untuk bercucuk tanam, melainkan kertas bermeterai, salib dengan patung Kristian, bualan kosong dan buku-buku doa; kerana ia tidak memiliki tenaga kerja yang ideal dan dalam bentuk asli yang tegap dan kuat – melainkan raja bangsawan, diusung dalam tandu yang empuk – maka hasilnya adalah penduduk tiruan tersebut menjadi kerani, salih, taat berdoa, meraih cita-cita kehidupan yang mewah dan berlagak, tanpa meningkatkan cara-cara penghidupan mereka yang sesuai.[16]

Secara keseluruhan, pertimbangan Rizal terhadap faktor-faktor sejarah dan sosiologi untuk menjelaskan tidak adanya motivasi di kalangan penduduk, kemungkinan boleh dipercayai. Tesisnya bahawa sifat masyarakat Filipina telah mengalami perubahan yang dahsyat akibat kekuasaan Sepanyol, juga boleh dipercayai. Ilmu pengetahuan sejarah sezaman memperkuat hal itu. Namun kita berbeza pendapat dengan Rizal tentang tingkat kemalasan di Filipina dan tentang gejala yang dibincangkannya, yang dapat dikatakan sebagai kemalasan. Tiadanya kemahuan untuk bekerja yang disebabkan oleh beberapa keadaan tidak perlu dikatakan malas. Semasa peperangan terakhir, kita telah memiliki banyak tawanan yang ditahan oleh orang Jepun – yakni perajurit Inggeris yang tidak bersemangat kerja bagi orang Jepun. Reaksi mereka sulit disebut "malas". Meskipun kita tidak menyangkal bahawa ada orang Filipina yang malas, daripada kalangan atasan dan menengah, sesuai dengan definisi kita tentang kemalasan,, namun kiranya tidak perlu menganggap bahawa sebahagian besar masyarakat

Filipina malas, hanya kerana mereka memberi reaksi terhadap berbagai-bagai keadaan yang menekan motivasi dan ghairah bagi upaya yang penuh semangat. Pemberontakan yang terus-menerus menentang orang-orang Sepanyol, peperangan dengan penduduk selatan, bahkan Revolusi Filipina itu sendiri, kegiatan Katipunan, kekacauan massa yang disaksikan sendiri oleh Rizal sebelum ia ditembak mati oleh orang-orang Sepanyol – dengan kata lain semangat perlawanan yang membakar, yang tidak pernah padam sejak penaklukan Sepanyol jelas memberi petujuk bahawa kemalasan, menurut pengertian Rizal, tidak sepenuhnya melumpuhkan masyarakat Filipina.

Penilaian Rizal terhadap tingkat kemalasan tersebut lebih jauh diperlemah oleh pembatasan yang lain. Ia tidak menjelaskan secara meluas seluruh Filipina. Perubahan yang ditempa oleh kekuasaan Sepanyol memperbesar kemalasan yang terutama mempengaruhi pusat-pusat perkotaan. Masyarakat Sepanyol tidak pernah menguasai sepenuhnya seluruh pendesaan di Kepulauan Filipina. Tetapi Rizal harus dipuji atas usahanya mengemukakan hal tersebut sebagai suatu masalah dan upayanya untuk menjelaskannya. Ia berjaya, paling tidak dalam menunjukkan bahawa masalah tersebut lebih serius terjadi di Filipina dibandingkan dengan tempat lain, di mana-mana pun. Namun, terdapat satu kelemahan utama dalam laporannya. Ia menerima gejala tersebut dan menjelaskannya menurut aspek sejarah dan sosiologi. Kenyataan yang dipetiknya dapat diandalkan. Penalarannya masuk akal. Tetapi ia mengabaikan sumbangan Sepanyol dalam membesarkan erti penting dari tema tersebut. Rizal tidak menyedari sosiologi ilmu pengetahuan. Kenyataan bahawa pertentangan kepentingan yang mempersiapkan munculnya tema tersebut telah mengalihkan perhatian Rizal. Faktor tersebut adalah pertentangan antara orang-orang Sepanyol sendiri, sama seperti pertentangan antara berbagai-bagai kelompok Belanda di sekitar tema masyarakat Jawa yang malas. Kita akan segera kembali kepada persoalan ini, tetapi sebelumnya diperlukan suatu acuan terhadap karya yang terdahulu tentang orang-orang Filipina, yang banyak sejalan dengan huraian Rizal tetapi dengan penekanan falsafah yang berbeza.

Seorang bangsa Inggeris, yang tidak menyebutkan namanya, menulis buku tentang Kepulauan Filipina.[17] Ia membuat alasan yang pada dasarnya sama dengan pendapat Rizal. Ia menganggap orang Sepanyol malas, menindas, dan tidak adil. Ia menelusuri akibat daripada sistem tersebut terhadap pembangunan masyarakat Filipina pada

umumnya. Pengamatan tentang sifat negatif masyarakat Filipina didasarkan pada mereka yang hidup di Manila, yang meniru keperluan dan contoh masyarakat Sepanyol, yang mengembangkan sifat-sifat negatif itu.[18] Ia menjumpai masyarakat Filipina di berbagai-bagai wilayah berwatak lembut, tekun, ramah, baik hati, dan banyak akal. Tetapi selama 300 tahun mereka telah ditekan. Negeri itu sendiri pada dasarnya sangat menyenangkan namun tetap merupakan hutan yang tidak dikembangkan. Keadaan ini dikaitkan dengan kemalasan orang-orang Sepanyol dan Filipina. "Puncanya," kata penulis tersebut,

> ...lebih mendalam, kerana manusia tentu sahaja tidak malas. Bila keperluannya disediakan ia akan mencarinya lebih banyak jika ia dapat menikmati hasilnya dengan aman dan damai; namun – jika tidak – apabila cengkaman besi kezaliman (tidak peduli dalam bentuk apa, atau melalui cara apa) siap merenggut penghasilannya, tanpa memberi kepadanya imbalan yang setara – maka ia benar-benar menjadi malas, yakni, ia semata-mata berusaha mencukupi keperluan hari ini. Kelesuan ini dikekalkan dalam beberapa generasi hingga menjadi kebiasaan nasional, dan kemudian secara keliru kita mengatakannya kerana alam. Tidak perlu terlalu sering diulangi, bahawa dari kutub hingga Khatulistiwa, manusia adalah hamba kebiasaan dirinya, dan aktif dalam bahagian kemerdekaannya yang dinikmatinya.[19]

Kiranya menarik bahawa di sini kita temui rumusan yang jarang – jelas – tentang konsep kapitalis tentang kemalasan, yakni ketetapan untuk keperluan hari ini belaka. Ini bukanlah kemalasan fisiologi, melainkan tidak adanya motivasi bekerja untuk hari esok.

Ia menghuraikan eksploitasi terhadap penduduk oleh *alcaldes mayores;* dan menunjuk Comyn sebagai sumbernya. Tentang pokok masalah kependetaan ia mengisyaratkan terdapat 250 orang pendeta Sepanyol di kepulauan tersebut dan antara 800 hingga 1 000 pendeta Filipina. Kebanyakan mereka, menurutnya mempunyai tingkahlaku yang kurang baik. Tidak sampai satu minggu berlalu, atau paling banyak satu bulan, ada di antara mereka dibawa ke pengadilan gereja. Faktor yang menyebabkan mereka berkelakukan tidak senonoh adalah kurangnya latihan, dan tidak meletakkan mereka dalam jawatan kegerejaan yang tinggi.

> Kecemburuan yang sengit dan mematikan ada di antara mereka dan

> ahli ilmu jiwa Sepanyol, pada satu pihak lebih disebabkan oleh kebencian, dan kehinaan pada pihak lain. Kependetaan Hindia menuduh golongan yang terakhir ini disebabkan mereka mengabaikan tugas-tugas kegerejaan, penumpukan kekayaan berupa tanah dan sebagainya, yang kata mereka, 'milik kami orang-orang Hindia.' Hasilnya, orang-orang Sepanyol memperlakukan mereka dengan penghinaan secara diam-diam, terus menikmati derma yang paling baik, dan hidup tenang dalam biara. Daripada apa yang telah dikatakan, akan terlihat dengan mudah, bahawa banyak hal dapat dikatakan tentang kedua sisi tersebut; tetapi tuduh-menuduh ini memiliki kesan yang buruk dengan saling merendahkan darjat kedua-dua belah pihak di mata peribumi, dan merupakan kuman perpecahan yang suatu saat dapat melibatkan negeri ini dalam perpecahan agama yang mengerikan.[20]

Inilah pertentangan pokok antara kegerejaan Sepanyol dan Filipina yang menimbulkan percekcokan yang didasarkan pada tema kemalasan Filipina. Kebanyakan mereka yang telah menulis tentang Filipina pernah menjadi pendeta. Faktor daripada pengaduan San Agustin tentang masyarakat Filipina ialah dorongannya utnuk merendahkan kegerejaan Filipina.[21] Persoalan ini memiliki cabang-cabang penting yang lebih jauh. Hal ini tidak sahaja merupakan pertentangan antara dua kelompok pendeta yang bersaing. Hal ini juga merupakan masalah kelangsungan hidup pemerintahan Sepanyol. Pernyataan yang jelas tentang hal ini diungkapkan oleh kapten jenderal dan gabenor Filipina, Don Pedro Sarrio, dalam suratnya kepada raja Sepanyol, bertarikh 22 Disember 1707. Alasan pertama mengapa ia lebih menyukai pendeta Sepanyol ialah kerana keadaan mereka yang meningkat, yang diperlihatkan di kota-kota dan dalam jemaah gereja. Alasan kedua yang paling membuka fikiran, yang merupakan kecenderungan kuat daripada pemikiran Sepanyol tentang pokok masalah tersebut, ialah bahawa kata-kata Don Pedro Sarrio:

> Dorongan kedua saya untuk tidak memisahkan keteraturan daripada jemaah gereja mereka ialah bahawa sekalipun seandainya masyarakat India dan orang-orang berdarah campuran Cina memiliki seluruh ketangkasan dan kecerdasan yang diperlukan, namun ini tidak pernah sesuai dengan keperluan dan dengan kehendak yang mulia, untuk meletakkan seluruh jemaah gereja ke dalam tangan mereka. Pengalaman selama lebih daripada 200 tahun mengajar

kita bahawa dalam segala peperangan, hasutan dan pemberontakan, keteraturan seperti pendeta jemaah mempunyai pengaruh yang besar untuk menyabarkan kaum yang gelisah. Dapat diyakini bahawa bagi setiap pendeta Eropah, yang mulia menegaskan bahawa pengawal yang mengamati seluruh tindakan dan gerakan orang Hindia untuk memberitahu pemerintah sebarang kejadian yang berlaku. Sebaliknya, kerana hampir seluruh orang Sepanyol tinggal di Manila dan di daerah sekitarnya, jika semua jemaah gereja berada di tangan kependetaan, baik peribumi mahupun darah campuran Cina, maka pemerintah akan kekurangan sarana utuk menerima berita dan maklumat yang diperlukan. Menjadi pendeta tidak menutup mata mereka terhadap kenyataan bahawa mereka memiliki penduduk yang ditundukkan, atau memiliki kasih-sayang yang universal terhadap kaum sebangsa dan sedarjat. Meskipun kebajikan undang-undang membuat penaklukan yang jelas, sedikit meditasi oleh beberapa orang untuk beberapa saat akan menimbulkan beban yang berat. Bahkan jika kependetaan peribumi tidak secara positif mendorong pemberontakan, selalu akan ada kecurigaan bahawa mereka lalai untuk memadamkan setiap percikan api pemberontakan tepat pada saat mulai dan menyampaikan maklumat untuk menanggulanginya tepat pada waktunya kepada kepala biara mereka. Tentang ini, kita memiliki contoh yang terjadi dalam peristiwa Februari yang lalu di wilayah Bataan, di sana sudah pasti bahawa dua orang pendeta jemaah mengetahui bahawa wilayah tersebut resah, dan bahawa pemberontakan tengah disiapkan untuk menentang pentadbiran monopoli tembakau seorang penolong inspektor dan 17 orang pengawal tewas, dan sekalipun demikian mereka tidak memberitahu paderi agung mahupun pemerintah. Dalam peristiwa sebutan musuh, seperti serangan Inggeris pada tahun '62, orang Sepanyol tidak akan memperolehi keamanan yang memadai dalam penerbangan ke suatu wilayah, begitu pula dalam mengirimi pesanan ke berbagai-bagai tempat yang jauh jika tidak ada seorang Eropah pun yang ada di kota-kota yang mnghalangi untuk menggunakannya.[22]

Itulah pandangan yang menonjol tentang peranan kependetaan Sepanyol di Filipina. Serangan terhadap sifat orang Filipina dalam tulisan-tulisan kegerejaan, benar-benar suatu upaya untuk menundukkan para pendeta Filipina, dengan kekuasaan wewenang kegerejaan Sepanyol di Filipina. Mereka memperrtahankan kedudukannya terhadap kecenderungan individu Filipina di Gereja, meskipun lemah.

> Sikap keteraturan Sepanyol yang bermusuhan ini, bersandar pada hawa nafsu yang mementingkan diri sendiri, bagi mempertahankan kehormatan mereka dan keberatan hati yang mendalam. Sejumlah pendeta Filipina dengan jelas akan meruntuhkan keteraturan Sepanyol yang menonjol tersebut.[23]

Perbincangan tentang masalah ini sangat ditegaskan selama separuh abad ke-18 hingga ke-19. Jelaslah bahawa pertentangan antara pendeta Filipina dan pendeta Sepanyol itu berkaitan dengan yang lain. Motivasi yang mendasarinya adalah penguasaan jemaah gereja dengan kekuatan politik yang dimilikinya dan martabat sosial.[24] Ada dimensi lain tentang perdebatan ini, yang diajukan oleh Majul. Kebanyakan calon pendeta berasal daripada golongan *principalia*, iaitu warga utama kota, kelompok orang Filipina yang mempunyai kehormatan. Pada tahun 1872, Pemberontakan Cavita berkobar-kobar dan tiga orang pendeta peribumi dihukum mati. Pengendalian berbagai-bagai peristiwa di Filipina telah dimulai puluhan tahun sebelumnya. Terdapat perjuangan tidak langsung kaum *principalia* melalui kependetaan peribumi.

> Dalam beberapa hal yang penting, pertentangan sekularisasi – sejauh hal ini menggambarkan suatu upaya pendeta peribumi bagi meningkatkan pengaruh jemaah gereja mereka, serta kekuatan politik yang dimilikinya dan manfaat sosialnya – merupakan suatu fungsi perjuangan umum *principalia* bagi pengaruh yang lebih aktif daripada kehidupan sosial tanah jajahan. Untuk memahami secara jelas tentang hukuman mati bagi tiga orang pendeta, harus ditinjau dengan latar belakang ini.[25]

Rizal tidak mempertimbangkan seluruh faktor ini dalam analisisnya tentang kemalasan masyarakat Filipina. Tema tersebut dibesar-besarkan melebihi ukurannya, kerana ini merupakan hasil daripada pertentangan ideologi yang dimulai pada sekitar satu setengah abad sebelumnya. Terlepas daripada kejadian yang sungguh-sungguh tentang kemalasan yang terdapat di kalangan sebahagian masyarakat Filipina, kebanyakan masyarakat Filipina tidaklah malas, sebagaimana yang dibuktikan oleh beberapa orang saksi. Orang-orang yang menolak untuk menghasilkan lebih banyak menurut cara ini disebabkan oleh sistem sosial yang menghisap dan melenyapkan motivasi untuk kerja produktif. Melebihi hal-hal lain, tema tentang kemalasan orang-orang Filipina tersebut begitu menonjol, akibat daripada pertentangan ideologi antara rahib

Sepanyol dan pendeta Filipina peribumi, yang didahului oleh perbezaan pendapat di kalangan pendeta Sepanyol tentang persoalan kependetaan Filipina. Kelompok yang menonjol di Filipina hingga saat Rizal menulis akan hal ini, adalah para paderi Sepanyol, kerana gagasan mereka yang lazim itu. Kelompok yang benar-benar malas – golongan penguasa Sepanyol di Filipina – tidak pernah menjadi pokok persoalan penelitian yang cermat. Orang-orang Filipinalah yang bekerja membanting tulang, memeras keringat dan mati demi orang Sepanyol. Penolakan seorang budak untuk bekerja dengan semangat besar adalah hal yang biasa. Tetapi keinginan seseorang untuk menyerahkan tugasnya kepada orang lain dengan paksaan, adalah kemalasan yang sebenarnya.

---

1 Jose Rizal, 1964. "The Indolence of the Filipinos," dlm E. Alzona (penterjemah, penyunting), *Selected Essays and Letters of Jose Rizal*. Manila: Rangel and Sons, hlm. 182–183.

2 *Ibid.*, hlm. 183–84.

3 *Ibid.*, hlm. 184–85.

4 *Ibid.*, hlm. 185.

5 *Ibid.*, hlm. 185–86.

6 *Ibid.*, hlm. 190.

7 *Ibid.*, hlm. 192–93.

8 *Ibid.*, hlm. 196.

9 *Ibid.*

10 *Ibid.*, hlm. 200.

11 *Ibid.*, hlm. 201–202

12 *Ibid.*, 202–03.

13 *Ibid.*, hlm. 205–06

14 *Ibid.*, hlm. 207.

15 *Ibid.*, hlm. 209.

16 *Ibid.*, hlm. 213–214.

17 *Remarks on the Philippine Islands and on their capital Manila*, 1819–1822. Oleh seorang Inggeris, W. Tacker, St. Andrew's Library, Calcutta, 1828. Ini dicetak ulang, berjilid, dalam E.H. Blair, J.H. Robertson (penyunting), The *Philippine Islands* 1493–1898, jil. LI1901-1840, hlm. 73–181, *op. cit.* Semua petikan yang digunakan di sini berasal daripada sumber ini.

18 E.H. Blair, J.H. Robertson, *Ibid.*, hlm. 89.

19 *Ibid.*, hlm. 91.

20 *Ibid.*, hlm. 117.

21 San Agustin menghuraikan apa yang akan terjadi kalau para pendeta

Filipina harus mengganti kependetaan Sepanyol. "Bagi orang Hindia yang ditakdirkan tidak menjadi pendeta, bukan kerana hal ini merupakan pekerjaan yang menghasilkan ladang yang paling sempurna, tetapi kerana keuntungan yang besar dan hampir tidak terbatas yang diperolehinya melalui ladang baru yang dipilihnya. Betapa berbezanya antara menjadi seorang bapa yang tercela, daripada menjadi seorang *baguntao* atau penjaga gereja! Antara membayar upti dengan menerima gaji! Antara (keharusan) menebang kayu dengan dilayani keperluan! Antara mendayung *banca* dengan duduk di dayungnya! Itu tidak termasuk orang Sepanyol yang bila menjadi seorang juru tulis, ia sering menganggap dirinya di pejabat sebagai *alcalde- mayor*, kapten, atau jenderal, dengan kenikmatan lainnya yang melebihi di tempat asalnya, sementara di rumahnya dimuliakan melebihi semua bangsa Hindia. Marilah kita bezakan hal ini dengan kesombongan seseorang yang setelah terbebas daripada mendayung, atau daripada kapak untuk menebang pohon kayu, kemudian memberi tangannya untuk dicium! Apa yang membebani desa dapat berupa ayah, dan ibu, anak dan kemenakan yang digolongkan perempuan, pada saat banyak wanita yang lebih baik lainnya sedang menumbuk padi! Jika orang Hindia kurang ajar dan tidak termaafkan kerana kecilnya kekuatan, apa yang akan terjadi dengan keunggulannya yang begitu banyak?" Gaspar de San Agustin, "Letter on the Filipinos," hlm. 207–271, dalam E.H. Blair, J.A. Robertson (ed), *The Philippine Islands* 1493–1898, jil. xl-1690–1691, *op. cit.*

22 Sinibaldo de Mas, *Report on the Condition of the Philippines in 1842*, III, hlm. 144–145, *op. cit.*

23 J.L. Phelan, *op. cit.*, hlm. 84–85.

24 Cesar A. Majul, 1971, "Social Background of Revolution," *Asian Studies*, jil. IX, no. 1, April, hlm. 8.

25 Cesar A. Majul, *ibid.*, hlm. 9.

Bab 8

Imej Penjajah dan Kajian tentang Watak Nasional

Sebelum meneruskan lebih jauh, kita dapat menilai bukti yang telah dijumpai dalam bab-bab terdahulu. Citra yang negatif tentang penduduk yang ditundukkan oleh kekuasaan kolonial Barat, yang menguasai ideologi kolonial, digambarkan berdasarkan pengamatan sepintas lalu kadang-kadang dengan ramalan buatan yang kuat, atau salah pengertian dan metodologi yang keliru. Citra negatif yang umum bukanlah karya ilmu pengetahuan. Mereka yang mengumumkan penduduk di daerah tersebut sebagai malas, bodoh, licik, dan keanak-anakan, biasanya bukan ilmuwan. Mereka adalah rahib, pegawai pemerintah, pemilik ladang, pelaut, tentera, penulis perjalanan popular, dan pelancong. Mereka membangkitkan citra peribumi. Sesudah itu beberapa orang ilmuwan seperti Clive Day terpengaruh dengan tulisan mereka. Hal ini tampak daripada kelemahan mereka yang berasal daripada lima sumber utama, iaitu (a) kekeliruan penyamarataan, (b) pentafsiran peristiwa di luar konteks yang sesungguhnya, (c) tidak ada ketegasan, (d) prasangka yang dikuatkan oleh rasa fanatik, congkak dan angkuh, serta (e) dominasi yang tidak sedar daripada kelompok tertentu dalam fikiran kapitalis kolonial Barat. Jumlah hasil kerjanya dapat digambarkan dalam satu kata popular – penghinaan. Penilaian mereka terhadap keseluruhan hal tersebut dapat dianggap menghina penduduk yang bersangkutan. Kekuasaan Eropah memaksakan dirinya terhadap penduduk daerah tersebut, dan kemudian menghina mereka dalam tulisan dan perilaku mereka guna lebih menghisap mereka. Hal ini berlangsung baru setelah dasawarsa pertama abad ke-20, bahawa berbagai-bagai upaya yang telah ditempuh dimaksudkan untuk memasukkan pengaruh yang mengandungi manfaat tertentu dari Barat, sebagai akibat daripada kecenderungan liberal dan *humanitarian* yang berlangsung di Eropah

Barat. Akhir tahun 1924, Inggeris dan Belanda memperkenalkan candu kepada penduduk Malaya dan Indonesia. Kebajikan yang diberi itu diimbangi dengan perbuatan jahat. Hal ini memerlukan suatu penyelidikan istimewa yang tidak akan dilakukan di sini.

Berbagai-bagai kajian moden dan ilmiah tentang watak nasional adalah perkembangan pada saat ini, yang berhubung dengan masalah kebudayaan dan keperibadian yang disebabkan oleh keadaan perang. Kajian tentang watak nasional mempunyai sejarah yang panjang merentang sejak zaman purbakala. Namun, dalam situasi politik dunia selepas tahun 1939, kajian tentang watak nasional mengandungi erti penting yang baru, khususnya di bawah pengaruh ahli antropologi seperti Ruth Benedict, G. Gorer, Margaret Mead, G. Bateson, Ralph Linton, dan ahli psikoanalis seperti Abram Kardiner, untuk menyebutkan sedikitnya penyumbang utama. Dalam masa yang menentukan ini kita akan mengajukan huraian yang luas tentang kajian watak nasional dengan memetik Margaret Mead.

> Berbagai-bagai kajian watak nasional, seperti halnya semua kajian tentang kebudayaan dan keperibadian, dipusatkan pada cara manusia mewujudkan kebudayaan tempat mereka dibesarkan di dalamnya atau tempat kepindahannya. Kajian ini cuba menggambarkan bagaimana sifat-sifat lahiriah manusia, unsur-unsur istimewa pada setiap diri manusia, dan pola individu mahupun pola umum pendewasaan manusia dipadukan di dalam tradisi sosial, yang dengan cara itu keteraturan tampak dalam tingkah laku segenap manusia yang dapat digambarkan sebagai keteraturan watak yang berbudaya.[1]

Salah satu kajian yang paling mengesankan tentang watak nasional pada masa lalu, ditulis oleh Abdul Rahman Ibnu Khaldun, ahli sejarah dan ahli sosiologi Muslim Afrika Utara, pada separuh kedua abad ke-14. Kajiannya menyangkut watak nasional masyarakat Arab dan Barbar. Ada beberapa kesimpulan penting yang ditarik oleh Ibnu Khaldun, salah satu di antaranya adalah kesulitan orang Arab untuk membentuk pemerintah yang stabil kerana faktor-faktor yang menjadi sifat kebudayaan dan pemikiran mereka.[2] Sehabis Perang Dunia Pertama, sebuah kajian tentang orang Inggeris, Perancis dan Sepanyol dibuat oleh Salvador de Madariaga yang diterbitkan pada tahun 1928. Tujuan kajian tentang watak nasional adalah untuk mengetahui sejauh mana watak dalam

berbagai-bagai negeri yang berbeza, ditentukan oleh kebudayaan mereka. Di sini kita amat perlu membuat perbezaan antara kebudayaan negeri yang tertentu dan watak nasionalnya.[3] Kebudayaan suatu negeri, menurut Tylor, menunjukkan sebagai "suatu hal kompleks, termasuk pengetahuan, kepercayaan kesenian, akhlak, hukum, adat-istiadat, dan berbagai-bagai kemampuan serta kebiasaan lain yang didapati oleh manusia sebagai anggota masyarakat."[4] Kebudayaan adalah suatu cara hidup, cara mengatur kehidupan seperti yang diperlihatkan oleh suatu kelompok tertentu dalam masyarakat.

Selama dasawarsa terakhir, konsep kebudayaan telah tunduk pada analisis yang sudah mapan, sehingga untuk mendapat huraian yang memadai tentang kebudayaan akan memerlukan berjilid-jilid buku. Namun, cukup kiranya bagi tujuan kita sekarang untuk menunjuk tanda-tanda persetujuan tentang definisi kebudayaan yang dirumuskan sebagai berikut:

> Kebudayaan tercapai kerana cara-cara berfikir, merasakan, dan bereaksi yang dicontohkan, yang diperolehi dan diteruskan terutama melalui simbol-simbol, yang merupakan jangkauan tersendiri berbagai-bagai kelompok manusia, termasuk kewujudan mereka dalam berbagai-bagai kerekayasaan; inti kebudayaan yang penting terdiri daripada gagasan tradisional (yakni berasal dari sejarah yang terpilih) dan khususnya niali-nilai mereka yang masih dipegang.[5]

Tema pokok yang dipilih dalam kajian tentang watak nasional berbeza dengan berbagai-bagai kajian lain tentang kebudayan -- adalah perilaku cara bereaksi berbagai-bagai kelompok nasional terhadap keadaan dan permasalahan yang khas, atau terhadap negeri-negeri lain. Tujuannya tidak hanya menyelidiki penataan kebudayaan, yang dapat dijelaskan dalam bentuk berbagai-bagai perilaku dan reaksi, tetapi juga meramalkan bentuk perilaku reaksi pada masa hadapan terhadap masalah yang khusus.[6]

Dalam kajian tersebut, perhatian diberi kepada berbagai-bagai faktor, seperti anak yang memancarkan amalan kebudayaan yang tertentu, nilai-nilai yang menguatkan kebudayaan, kepentingan yang diperjuangkannya, sentimen dan perangai yang ditanamkan olehnya, dan sebagainya. Berbagai-bagai anggapan dasar dan cara yang digunakan itu bergantung pada pusat perhatian. Kiranya harus dijelaskan di sini

bahawa dalam hal Malaysia, Indonesia dan Filipina, atau sebenarnya Asia Tengara, kajian tentang watak nasional benar-benar merupakan suatu bidang yang belum banyak dikupas. Tanpa kebudayaan yang maju dan kajian tentang keperibadian penduduk tersebut, maka sulit untuk melakukan kajian watak nasional dengan landasan yang wajar. Oleh kerana itu, berbagai-bagai pendapat yang berkembang tentang watak masyarakat Melayu, Jawa dan Filipina paling laju masih merupakan usaha yang dangkal. Banyak penerbitan tentang orang-orang Melayu, Jawa dan Filipina yang sebenarnya tidak sesuai dengan analisis psikologis dan sosiologis. Meskipun banyak tema – seperti keghaiban, kebudayaan, agama, adat-istiadat, tahyul, pengamukan, keagresifan, perompakan, kesetiaan, dan sebagainya telah disentuh, semuanya itu dari segi sosiologi dan psikologi jarang dikaji dengan landasan yang benar. Burma dikecualikan. Ada beberapa kajian tentang agama orang Burma – misalnya kehidupan orang dewasa, pembentukan watak, kepercayaan pada takdir, sikap terhadap kejahatan dan hukuman, terhadap wang, perjudian, pemalsuan, kekerasan dan kekejaman; sikap yang dibuat-buat, kecongkakan kaum laki-laki, dan dominasi wanita – didahului oleh latar belakang sejarah Burma. Terdapat juga beberapa kajian tentang Thailand dan Bali.

Karya para penulis asing yang telah di perkenalkan itu tidak berasaskan keilmuan di samping kelihatan memihak. Mereka telah membentuk suatu gambaran yang sama sekali tidak seimbang tentang watak masyarakat. Misalnya kita dapat mengambil karya mereka tentang masyarakat Melayu, yang pada dasarnya sama – dengan beberapa perbezaan kecil – seperti karya mereka tentang masyarakat Jawa dan Filipina. Dalam hal masyarakat Jawa, perbezaan tersebut ditekankan pada sikap mereka terhadap kerja. Dalam hal masyarakat Filipina ada kesukaan meniru mereka. Pada dasarnya gambaran yang ditutur itu sama. Gambaran yang diberi oleh para penulis asing tentang masyarakat Melayu pada masa kolonial menyimpulkan, bahawa masyarakat Melayu tidak suka susah; mudah tersinggung, cenderung bertindak kasar secara beramai-ramai, penjiplak yang baik, tidak ada keaslian dalam fikiran dan kebudayaan; gemar menganggur; tetapi setia terhadap pemimpin dan raja; bersopan-santun; mempunyai moral yang lemah tetapi kekurangan dorongan untuk mendapatkan kekayaan; dan bahawa mereka curang dan pintar. Ciri-ciri ini telah diketengahkan oleh beberapa orang penulis selama kurang lebih empat abad.

Secara keseluruhan, gambaran asing tentang watak Melayu semata-mata telah menitikberatkan ciri-ciri yang dianggap negatif oleh pengkaji. Dinilai dengan ukuran ilmiah moden, perlukisan tersebut tidak kuat. Hal ini lebih banyak menggambarkan tentang pengkaji sendiri daripada perkara yang diamatinya. Metode dan berbagai-bagai andaian dasar yang digunakan dalam kajian tersebut kasar dan amatur. Kajian tentang watak Melayu bukan disiplin yang penting. Maka Clifford – yang bukan seorang psikologi, bahkan pasti tidak mengetahui psikologi pada zamannya – merasa tidak ragu untuk menyatakan bahawa orang Melayu sebagai suatu bangsa merupakan korban yang potensial daripada penyakit kekacauan fikiran. Disiplin utama dalam kajian watak nasional seperti sejarah, antropologi, psikoanalisis dan sosiologi, belum pernah diterapkan oleh para pentadbir dan pelancong ilmuwan. Kesimpulan mereka tentang watak Melayu tidak memenuhi syarat sebagai hipotesis ilmiah. Namun demikian, gagasan yang diberi menarik perhatian kita. Tulisan mereka telah mencipta citra tentang masyarakat Melayu, atau untuk menggunakan istilah tekniknya, "suatu stereotaip" – yang telah mempengaruhi sejumlah besar penduduk di Malaysia dan Singapura. Mereka paling gigih dan menjadi sumber salah faham umum yang tersebar luas. Hal ini tidak hanya tentang "orang Melayu yang malas" yang difikirkan, tetapi juga tentang orang Cina yang "dapat disogok" dan orang India yang "penakut dan suka menipu." Dari sudut pandangan yang objektif ilmiah, stereotaip tersebut bukan kesimpulan yang tepat yang berasal daripada metode yang kuat. Dari sudut pandangan agama moden atau falsafah kemanusiaan, yang menetapkan cita-cita dan nilai-nilai nasional, stereotaip ini sangat berbahaya, kerana di Malaysia hal ini telah mempengaruhi amalan politik.

Sangkalan ilmiah terhadap stereotaip ini memerlukan analisis secara lebih mendalam. Oleh kerana itu kita beralih ketema sosiologi pengetahuan. Persoalan yang timbul ialah kesahihan citra tentang masyarakat Melayu ini. Dalam pengertian sosiologi, kata ideologi seperti yang telah diperlihatkan pada permulaan buku ini – tidak semata-mata sistem ilmu pengetahuan dan kepercayaan. Ideologi adalah gaya berfikir kelompok penguasa yang cemas sewaktu memelihara kekuasaannya. Ketegori dasar yang membentuk pandangan seseorang terhadap kenyataan sosial, pandangan masa lalu dan masa hadapan, khususnya konsep tentang sifat manusia dan kebebasan manusia,

dibatasi dengan pendirian politik dan identifikasi kelompok pemikir. Bahkan ketika pengkaji berhati-hati untuk mengendalikan prasangka peribadinya, maka latar belakang sosial dan sejarahnya akan mempengaruhi cara ia berfikir.

Citra tentang masyarakat Melayu yang dibentuk oleh para pengkaji Eropah dapat ditelusuri daripada sejarah penulis tersebut. Dalam laporan penjelajah yang terdahulu, terdapat banyak sekali minat pada flora dan fauna wilayah tersebut serta pada perdagangan dan kebiasaan penduduknya. Perdagangan rempah-ratus merupakan pusat daya tarikan mereka. Pertimbangan terhadap penduduk tempatan tergantung pada penerima mereka terhadap pengunjung Eropah. Oleh kerana itu, Bowrey, selama kunjungannya ke Kedah (sekitar tahun 1677) sangat dihormati oleh negeri dan penduduk negeri yang berkenaan. Ia mencatat kemakmuran Kedah, memuji sultan Kedah sebagai penguasa yang paling adil, jujur, dan beradab, cinta perdamaian dan suka bersahabat dengan Inggeris.[7] Pada pihak lain, ia tidak menyukai orang-orang India Keling. "Orang yang licik dan jahat" yang melancong ke seluruh negeri dan kerajaan Asia. Suatu peristiwa ketika beberapa orang Siam dan Melayu menentang orang-orang Keling yang ditempatkan pada suatu kedudukan yang tinggi oleh seorang raja Melayu – yang mengakibatkan pembantaian 70 hingga 75 orang di antaranya – telah disambut dengan baik oleh Bowrey. Dalam kenyataan, ia berharap hendaknya timbul juga kebencian yang sama terhadap mereka di Banten, Aceh, Kedah, Johor, Siam dan beberapa tempat lain yang disusuri.

Pujian Raffles terhadap orang Bugis dari Sulawesi sangat dikenali. Alasannya, yang dinyatakan secara jelas oleh Raffles, adalah penghargaan mereka terhadap orang Inggeris, dan kemampuan berperang mereka yang dapat membantu Inggeris dalam membangun kekaisaran. Menurut Raffles, orang-orang Bugis adalah bangsa sebelah timur yang paling berani, berjiwa petualang dan giat, dan mereka sangat menggemari kehidupan ala tentera. Mereka setia dan berani. Dengan alasan di atas seperti jua orang Swiss di Eropah, mereka diambil bekerja sebagai tentera Siam, Kemboja, dan berbagai-bagai negeri lain, dan juga sebagai pengawal pangeran mereka.[8] Kepentingan perdagangan dan politik Inggeris merupakan kriteria yang menjadi dasar penilaian Raffles. Ia menggambarkan orang-orang Amerika sebagai,

...kelompok penyeludup perdagangan lain yang menuntut

kewaspadaan kita, bila sahaja mereka pergi, mereka menyebarkan penjualan senjata api, komoditi yang memiliki permintaan tertinggi. Petualangan perdagangan seperti itu akan membahayakan kepentingan politik dan perdagangan Inggeris.[9]

Daripada sumber yang ada, diketahui bahawa citra tentang masyarakat Melayu menjadi lebih negatif selama abad ke-19. Ini dapat difahami melalui kenyataan bahawa Inggeris berhubungan dengan orang-orang Melayu telah meningkat secara cepat, dan berupaya campur tangan dalam segala urusan negara Melayu, menampakkan hasil. Ajaran ganda – keuntungan perdagangan bagi negeri induk dan peradaban bagi peribumi – yang memasukkan agama Kristian Eropah Barat, menjadi ideologi yang berkuasa. Oleh kerana hubungan Eropah dengan daerah yang tersebut selalu disertai perlawanan dan serangan balas pertentangan muncul sejak abad ke-16, selama abad-abad ke-17, 18 dan 19. Stereotaip musuhnya atau persaingan yang berat merupakan sebahagian daripada keadaan ini. Secara fungsional semuanya itu bermanfaat untuk mengabsahkan penaklukan Inggeris pada abad ke-19 tampil dalam kancah, masyarakat Melayu dan masyarakat lain di wilayah tersebut telah melewati lebih daripada tiga abad serangan politik, ekonomi, sosial dan tentera yang berterusan oleh kekuatan Eropah yang ganas yang menguasai mereka dengan tidak terduga tatkala mereka pertama kali tiba. Banyak ciri negatif yang dihuraikan oleh para pengamat pada abad ke-19 merupakan ciptaan orang-orang Eropah pada abad-abad sebelumnya.

Pertama-tama marilah kita membahaskan tentang citra orang Melayu yang malas itu. Ini menghadapkan kita pada hal yang aneh, bahawa penduduk yang - dalam kata-kata Raffles – "begitu malas, yang kalau sudah memiliki beras tidak ada lagi yang mendorongnya untuk bekerja," dapat terus-menerus terlibat dalam perang dan perompakan menentang lawan-lawannya yang kuat. Sejarah Melayu daripada abad ke-16 dan seterusnya penuh dengan pertentangan di dalam dan di luar. Kenyataannya, masyarakat Melayu adalah penduduk yang paling banyak melalui serangan. Tidak ada wilayah di Asia Tenggara yang telah diserang dan dikuasai oleh begitu banyak kekuatan, dari begitu banyak bahagian dunia ini. Orang Portugis, Belanda, Siam, semuanya telah menyerbu dan menguasai bahagian-bahagian tertentu Semenanjung Malaya. Kita juga dapat menyebutkan serangan Aceh dan Bugis. Kalau

masyarakat Melayu benar-benar malas maka mereka akan kehilangan kemerdekaannya sejak dahulu lagi. Kenyataan bahawa Inggeris berjaya menguasai Malaya melalui diplomasi, sementara mereka yang menggunakan kekuatan gagal, adalah sebahagian hasil dari kegiatan dan kewaspadaan orang Melayu.

Sebagaimana yang saya catat pada bab yang awal, citra tentang bangsa Melayu yang malas tidak memiliki landasan ilmiah yang benar. Citra ini muncul kerana masyarakat Melayu menghindari kerja di ladang milik kapitalis penjajah. Tidak dapat disangkal bahawa sebahagian orang Melayu memang malas, tetapi yang mempunyai sifat ini biasanya golongan atasan. Sama halnya dengan orang-orang Melayu yang cerdik dan curang, tetapi kecerdikan dan kecurangan mereka berhubungan dengan profesion dan situasi. Apa yang dapat mereka harapkan kalau kehidupan dan mata pencarian mereka bergantung pada kejayaan mereka menentang musuh yang juga sama-sama cerdik dan curang? Kecerdikan dan kecurangan orang-orang Melayu itu – dalam permusuhannya dengan orang-orang Belanda dan Portugis merupakan bahagian daripada tanggapan terhadap berbagai-bagai kelompok yang sama-sama cerdik dan curang.

Raffles sendiri, setelah kurang-lebih 17 tahun menetap dan mengelilingi bahagian dunia ini, tidak dapt menghilangkan kebiasaan penyamarataan. Kesedaran tertinggi yang pernah dicapainya, diluahkan di dalam surat kepada Duchess Somerset, bertarikh 12 Jun 1821, tujuh belas tahun setelah kedatangannya ke Pulau Pinang, September 1905. Ia menulis:

> Sangat pasti bahawa ketika pertama kali ditemui apa yang di katakan bangsa biadab, para ahli falsafah menyelidiki seluruh alasan dan kebenaran untuk mendapatkan alasan kebahagiaan yang biadab; tetapi belum pasti bahawa pada tahun-tahun akhir, angin prasangka berlangsung sekeras arah yang berlawanan; dan inilah zamannya untuk menganggap mereka yang belum menerima pengaruh persenjataan dan hukum Eropah – dan sinar tanda – kerana mereka sama sekali tidak memiliki perasaan dan landasan yang dapat mewujudkan kebahagiaan, atau menghasilkan kebaikan moral. Kebenaran, sangat mungkin, sebagai hal yang umum, terletak antara dua ekstrim, dan sudah pasti terdapat banyak perbezaan sesuai dengan keadaan, tempat penduduk tersebut berada. Di beberapa kepulauan di Laut Selatan, kita temui penduduk yang

biasanya jahat, cenderung mencuri, malas, dan keras kepala; yang lainnya kita dapati sifat-sifat sebaliknya; dan para ahli falsafah, yang berspekulasi dengan data pertama yang dihasilkannya – tanpa keterangan yang lengkap dan umum – dapat menuntun ke arah yang salah.[10]

Jelaslah bahawa daripada keterangan yang di atas, Raffles masih memikirkan tentang ciri seluruh kelompok, meskipun tidak seluruh daerah dan kumpulan etnik. Namun tidak cukup alasan apabila ciri-ciri negatif yang ditolaknya itu dihubungkan dengan pendiriannya, seperti saranan Abdul Rahman Ibnu Khaldun.[11] Alasannya bahawa faktor-faktor itu terdapat dalam seluruh masyarakat dan golongan dengan tingkat yang beragam, bergantung pada latar belakang sosiologi dan sejarah. Meskipun hal ini memungkinkan untuk membantah teori tentang watak nasional, hampir tidak mungkin untuk menggambarkan watak semacam itu dalam istilah seperti kemalasan, kepintaran, kelicikan, keganasan, dan sebagainya. Bahkan dalam hubungan masyarakat primitif yang kecil, sifat-sifat lainlah yang biasanya menggambarkan watak nasional. Jika kita menghubungkannya dengan struktur golongan, pekerjaan dan keadaan, maka akan kita memperolehi gambaran yang berbeza. Maka ketika Vaughan menulis pada tahun 1857, yang mencuba untuk memperbaiki kesan tertentu yang keliru tentang masyarakat Melayu, ia dihargai oleh sejumlah besar orang Eropah pada zamannya. Ia sedar untuk tidak menyamaratakan kesan yang dikumpulkannya dari kota-kota pelabuhan sebagai cerminan seluruh negeri. Ia mempertimbangkan keistimewaan yang menyolok, yang sebenarnya tentang masyarakat Melayu, dan juga tidak ada kecabulan dalam bahasa mereka ketika mereka marah. Mereka menjadi awak-awak kapal yang luar biasa. Pertentangan yang berlangsung antara para pelaut Eropah dan orang Melayu sering disebabkan oleh salah faham. Seperti yang dikatakannya,

> Para pegawai Eropah terbiasa memperlakukan para pelaut India dengan kasar, dan membiarkan berbagai-bagai prasangka Melayu di kepalanya, memperlakukan mereka sama seperti layanan terhadap orang Benggala atau peribumi lain, menyalahgunakan dan menyerang mereka tanpa memandang bulu. Akibatnya, meledaklah amarah orang Melayu yang sangat menakutkan, dan dalam pembalasan dendamnya mereka melampiaskannya sebagai balasan terhadap para penindas mereka. Di pihak lain, ketika orang

> Melayu diperlakukan sebagai manusia – dan bukan sebagai manusia yang kejam dan kasar – maka ia ternyata patuh, jujur, dan tekun, dan tanpa kecuali bahkan lebih unggul dibandingkan para pelaut dari timur.[12]

Baik dari segi budaya mahupun agama, masyarakat Melayu tidak membina sikap malas. Kita akan membahasnya nanti. Sesiapa sahaja yang mengetahui nelayan dan petani padi Melayu secara langsung akan merasakan alangkah mustahilnya anggapan tersebut. Orang-orang Eropah yang menyelidiki masyarakat Melayu di kota-kota pelabuhan tidak menggagas apa yang terjadi di pedalaman, tentang para petani padi yang mulai bekerja pada waktu subuh dan pulang ke rumah ketika menjelang malam, tentang kaum nelayan yang berlayar pada malam hari dan melepaskan jalanya hingga siang hari; atau tentang kerja gotong-royong di desa. Raffles hanya mengetahui masyarakat Melayu di kota-kota pelabuhan. Bahawa orang-orang Melayu yang diketahuinya tidak menunjukkan semangat kapitalis yang agresif – sudah tentu itu perihal lain. Oleh kerana itu tidak ada golongan menengah Melayu yang kehidupannya bergantung pada perdagangan. Sejumlah besar orang Melayu nelayan dan petani padi. Di Eropah pada zamannya, perdagangan dan pemerintahan beraja merupakan kegiatan mulia, baik di kalangan kaum bangsawan mahupun para kapitalis yang semangatnya memompa VOC. Maka suatu kelompok yang tidak digerakkan oleh semangat yang sama ini dianggap malas. Ketekunan disamakan dengan keserakahan.

Untuk menilai tingkat kepercayaan terhadap citra tersebut, kita telah memperluas wilayah kajian kita. Citra ini adalah benar-benar sebahagian dari citra orang Eropah umum tentang orang Timur. Seperti yang telah kita tunjukkan, tidak hanya orang Inggeris, tetapi juga Belanda dan Sepanyol, membenarkan citra yang sama tentang mereka yang dijajah. Hal ini merupakan hasil daripada pandangan yang berasaskan ras dan keangkuhan. Kesombongan, kekejaman dan kelurusan pandangan ini lebih jauh disifatkan oleh tidak adanya penahanan diri dan kehalusan budi dalam cara ungkapan mereka. Raffles mengatakan Islam adalah agama perompak.[13] Sir William Norris, ketika menjatuhkan hukum terhadap seorang Melayu, menghukumnya kerana pembunuhan yang mata-gelap – di Pulau Pinang, 13 Julai 1846 – sambil menggunakannya sebagai kesempatan untuk menghasut dengan cercaan menentang Islam, dengan alasan bahawa hanya orang Melayu yang melakukan

amukan, dan bahawa mereka adalah para muslim yang,

> bersendirian di antara seluruh umat manusia, yang dapat menimbulkan berbagai-bagai pembunuhan yang dilakukan secara berceloteh dan pengecut, dan tidak ada gagasan seperti itu kecuali iblis itu sendiri, bapaknya kebohongan, yang dapat memberi ilham.[14]

Gonggrijp, dalam suatu karangannya di *Bataviaasch Handelsflad*, 17 Julai 1911, menyebut, bahawa alangkah perlu baginya menyalakan sebatang cerutu terlebih dahulu sebelum berbicara dengan sekumpulan orang Jawa, dengan harapan bahawa bau cerutu akan menghilangkan bau busuk pakaian mereka.[15] Mitos tentang orang Jawa yang malas dan setengah beradab telah disebarkan sebagaimana halnya cerita tentang orang Melayu yang malas.

Seperti yang telah dibahas di muka, citra tentang masyarakat Melayu menyerupai masyarakat Filipina dan Jawa. Citra ini telah dihembus di antara ribuan fikiran yang tidak terhitung lagi selama lebih daripada empat abad, oleh ratusan buku dan komunikasi lisan yang terus-menerus. Maka agak menghairankan bahawa tidak dilakukan usaha yang serius untuk mengkaji akar dan dampak daripada citra tersebut. Daripada penelitian yang telah kita rampungkan, dapat ditarik kesimpulan bahawa: citra masyarakat Melayu telah menjadi sebahagian daripada citra yang sama dan lebih luas dari seluruh wilayah tersebut, yang semata-mata dicipta oleh orang Eropah pada zaman kolonial. Lebih lanjut, citra ini lebih didasarkan kepada penyamarataan yang melulu daripada metodologi yang masuk akal dan pengetahuan yang baku. Hal ini sebahagian disebabkan oleh kesalahfahaman budaya atau tidak ada kesungguhan, tetapi yang utama adalah masalah ideologis, suatu pembenaran kekuasaan kolonial.

Untuk menjelaskan hal tersebut dengan cara yang lebih analitis dan memuaskan, marilah kita mulai dengan persoalan kesalahfahaman budaya dan tidak adanya kesungguhan. Sudah lama diketahui bahawa dalam kajian tentang tingkah laku pemahaman terhadap pembawaan yang tampak ini adalah kesulitan untuk menjelaskan dan menafsirkan budayanya. Sama halnya, jika tidak kita memahami kedalaman budayanya, maka kita akan terjebak dalam penafsiran yang keliru tentang persoalan tingkah laku tersebut. Idealnya, pengarang tersebut seharusnya menempatkan dirinya dalam kedudukan peserta yang

memberi reaksi dalam percaturan kebudayaan khusus. Kita harus mencuba untuk merasakan dorongan emosi dan logik seperti yang mereka alami. Kemudian kita boleh menilai dan menafsirkan tingkah laku tersebut dalam kerangka acuan yang lebih luas.

Proses pemahaman secara bersungguh-sungguh ini tidak selalu dikerjakan. Syarat mestilah ada. Pertama, sikap objektif di dalam pengertian yang luas daripada kata tersebut. Kedua, pengetahuan tentang ilmu yang diperlukan untuk menjelaskan tingkah laku tersebut. Ketiga, pengetahuan tentang data yang konkrit dan tepat yang menyinggung dan berhubungan dengan persoalan tingkah laku tersebut. Mari kita kutip gambaran yang berikut:

> Seperti seluruh orang Timur, orang Jawa memiliki suatu rahsia yang kita tidak miliki; itulah rahsia ketenangan yang sebenarnya. Tidak seperti masyarakat Eropah, ia merasa tidak perlu untuk memenuhi waktu luangnya dengan hiburan (meskipun ia benar-benar menyenanginya kerana memenuhi seleranya), ia tahu bagaimana caranya bermalas-malas sebagaimana halnya ia harus bekerja. Ia tidak melakukan satu dan lain hal dengan pantas seperti yang kita lakukan, dan kerana itu tidak merasakan 'kegelisahan' yang memaksa kita tergesa-gesa untuk bergerak terus. Ia bekerja begitu keras, begitu teratur, dan begitu lama; ketika ia berhenti, satu-satunya keinginan adalah beristirahat, dan yang dimintanya tidak lebih daripada diperkenankannya untuk tidak mengerjakan apa-apa. Inilah saat yang benar-benar istirahatnya, yang menyebabkan para pengunjung dari Eropah dengan begitu menggelikan tersesat dalam pendapat yang dangkal tentang peribumi yang malas.[16]

Dalam gambaran di atas, diungkapkan seluruh keadaan. Tingkah laku ditafsirkan dalam konteks yang semestinya. Pada saat kita menggunakan metode yang benar dan mendapatkan data yang diperlukan, kita akan memperolehi berbagai-bagai gambaran. Masyarakat Jawa, Melayu dan Filipina pada umumnya pekerja Eropah. Sebahagian besar tidak memiliki apa yang kemudian menjadi pola kerja Barat yang tetap, seperti pekerja lombong atau pekerja kilang. Mereka tidak memiliki waktu kerja yang pasti. Contoh terbaik menurut fikiran saya adalah tentang apa yang pernah saya lihat sendiri sebelum dan ketika Perang Dunia Kedua di Jawa Barat. Di sana ada sekumpulan penjaja yang disebut tukang arang. Arang dijual di kedai runcit atau oleh tukang

arang. Setiap penjaja ini memikul dua keranjang arang yang besar dipundaknya. Untuk membawa beban seperti itu diperlukan kekuatan khusus. Subuh hari, para penjaja ini meninggalkan rumah mereka di desa, yang jauh dari kota. Pengangkutan keranjang arang yang berat di atas pundak selama beberapa kilometer terus-menerus, memerlukan pengerahan tenaga fizikal melebihi kemampuan biasa. Sesampainya di kota, penjual arang tersebut harus berjalan dari rumah ke rumah hingga mendapatkan pembeli dengan harga yang sesuai. Saya juga sering menyaksikan para penjaja ini pada senja hari dengan wajah murung kerana putus asa, arangnya tidak terjual. Jika salah seorang penjaja tersebut sedang mujur, tengah hari barang dagangannya telah laku. Setelah itu ia akan beristirahat, pergi ke warung makanan, untuk menikmati makanannya atau menghisap rokok, lalu pulang ke rumah. Kalau seorang kolonial Belanda seperti Gonggrijp melihat penjaja tersebut merokok dan bercanda di warung, maka ia akan mengutukinya sebagai pemalas. Kenyataan yang mengelilingi kerjanya tidak akan difahami, begitu juga pengertian istirahat itu tidak dirasai, dan kehadirannya selama membuat kerja normal Eropah di luar tempat kerja pada waktu sambilan akan disalahertikan.

Dikatakan bahawa tukang arang seperti itu tidak memiliki semangat untuk meraih pendapatan yang lebih banyak. Mengapa ia tidak menjual lebih banyak? Penjelasannya terletak dalam sistem pengeluaran yang tidak dimekanisasikan. Arang tersebut dibuat dengan peralatan tradisional, tidak dikumpulkan terlebih dahulu, melainkan begitu siap, begitu dijual. Diperlukan upaya yang luar biasa bagi tukang arang tersebut untuk pulang ke desanya dan untuk membawa lagi beban yang berat di atas pundaknya beberapa kilometer, dan sampai di kota pada siang hari; ia akan bekerja sendiri hingga mati. Oleh kerana itu ia puas dengan penjualan yang satu hari sekali, sesuai dengan kemampuannya. Di Indonesia, terdapat ribuan penduduk yang bekerja dalam kesibukan yang tidak dimekanisasikan tersebut sebelum adanya perang. Dalam masyarakat seperti itu, dikerah sejumlah tenaga kerja fizikal yang luar biasa melebihi masyarakat yang kehidupannya telah dimekanisasikan. Dengan mengesampingkan persoalan produktiviti menurut pengertian norma-norma kapitalis, maka tuduhan tentang kemalasan dalam masyarakat yang mencurahkan kerja fizikal yang luar biasa itu merupakan – untuk mengatakan paling sedikit – pemutarbalikan yang paling kurang ajar.

Pemutarbalikan tersebut terjadi kerana prasangka mahupun kerana

pengaruh fikiran kapitalis. Sebagai gambaran, kita akan menggunakan pertimbangan berikut tentang orang Jawa:

> Dalam melihat orang Jawa mencurahkan sejumlah besar tenaga fizikal, dalam suhu yang tetap di atas 80 darjah Fahrenheit, untuk menggali parit yang tidak terhitung banyaknya yang diperlukan untuk menanam pokok tebu di ladang, dan segalanya untuk hasil yang sedikit sekali, orang cenderung membandingkannya dengan lebah yang sibuk. Seseorang memperolehi kesan yang sama bahkan lebih sungguh-sungguh sewaktu melihat seorang peribumi yang menempuh jalan panjang demi perolehan wang yang sedikit. Di pihak lain, dalam melihat bagaimana seorang peribumi dapat bersantai berhari-hari secara terus-menerus tanpa kelihatan rasa cemas apa pun, menghabiskan waktunya dalam keadaan setengah bangun dan setengah mimpi, tanpa keinginan untuk melakukan suatu pekerjaan sedikit pun, bahkan untuk urusan yang paling remeh, apabila sewaktu-waktu ada hal yang luar biasa terjadi kerana ia tidak kekurangan wang, dan oleh kerana itu tidak ada dorongan untuk bekerja, maka seseorang akan menemukan dia sebagai makhluk yang malas dengan sepenuh hatinya. Orang Jawa tidak mempunyai dorongan batin terhadap pekerjaan tetap yang pada umumnya terdapat di negeri-negeri Eropah bahagian utara. Tetapi, keadaan hidupnya selalu mencegahnya untuk memperkuat kehendaknya. Oleh kerana itu secara khas sikapnya terletak antara pengerahan tenaga yang keras dan kemalasan yang luar biasa.[17]

Faktor yang menggolongkan orang Jawa malas adalah kehendaknya "untuk bersantai berhari-hari secara terus-menerus tanpa memperlihatkan rasa cemas." Kerja keras sebelum itu telah diabaikan. Pada pihak lain, kalau para pekerja Eropah bersantai dan tidak mengerjakan apa-apa dalam jangka waktu yang panjang, maka hal ini tidak dikatakan malas; inilah liburan sihat yang diatur menurut waktu dan dilakukan untuk manfaat kilang. Maka dalam menilai erti istirahat, Schmalhausen menggunakan kelompok pemikiran kapitalis. Setiap istirahat atau pelalaian terhadap pekerjaan di luar norma kapitalis kolonial Barat, dikatakan malas dan mensia-siakan waktu. Memperhatikan pendapatannya bahawa orang Jawa tidak mempunyai keinginan untuk bekerja tetap juga merupakan suatu pemutarbalikan. Orang Jawa yang diambil bekerja dalam pentadbiran kolonial bekerja secara tetap. Perajurit Jawa dalam ketenteraan Belanda bekerja secara tetap. Bagaimana dengan

tukang delman di Jawa Barat dan bahagian lain dari pulau tersebut? Delman di Jawa Barat ialah kenderaan berkuda beroda dua yang digunakan sebagai pengangkutan umum. Kenderaan tersebut merupakan teksi kota pada masa sebelum perang dalam jangkauan jarak sepuluh hingga lima belas batu. Setiap hari selama bertahun-tahun, seperti hal yang memang sudah selayaknya selama hidup, banyak pemandu teksi meninggalkan rumah mereka di desa pada waktu subuh dan baru pulang sekitar pukul sepuluh malam. Apa yang dapat lebih tetap daripada ini? Tetapi kegiatan ini berada di luar sistem ekonomi kapitalis yang sebenarnya, dan kerana itu hal ini diabaikan.

Apa yang dimaksudkan oleh Schmalhausen ialah pekerja tetap diladang Belanda atau kilang di kota yang bekerja dalam sistem kapitalis penjajah. Kerja tetap ada dalam masyarakat tradisional. Tidak ada masyarakat yang dapat hidup tanpa pekerjaan tetap. Para pekebun sayur, penjual di pasar, tentera, pegawai pemerintah, guru sekolah desa, tukang arang dan ratusan penjaja yang lain, penjaja di warung, dan tukang delman, semuanya bekerja secara tetap. Mereka sama sekali tidak dapat luput daripada perhatian penjajah Belanda. Kenyataannya, untuk memandang hal yang sama, Schmalhausen dan yang pengkaji lain telah memaksudkan proletariat Barat moden; oleh kerana itu pembicaraan berkisar tentang kemalasan dan ketidakmampuan peribumi untuk bekerja secara tetap. Yang benar adalah bahawa banyak orang Jawa tidak tertarik untuk bekerja diladang dan dikilang. Menurut sejarah, kapitalisme seluruh dunia telah mendapatkan sumber-sumber tenaga murah di atas dasar penindasan dan ketidakadilan. Di Eropah, budak yang melarikan diri ke kota merupakan korban eksploitasi. Di Malaya, tenaga kerja didapati melalui pengerahan yang memperdayakan, lalu mereka dirosakkan oleh candu dan perjudian, dan tempat kerjanya dibatasi. Di Jawa dan Filipina pada abad ke-19, ketika tidak ada tenaga kerja pendatang yang cukup besar, penduduk dipaksa bekerja. Dengan penghapusan kerja paksa, candu diedarkan dan diusahakan oleh pemerintah Belanda. Pada tahun 1920-an, pemerintah mengolah dan menjual candu secara langsung.

Kita dapat mencatat contoh penafsiran yang lain di luar konteks Filipina, salah satunya ialah keluhan San Agustin terhadap anjing-anjing dan anak-anak Filipina, dalam suratnya pada tahun 1720. Ia berkata:

... menghairankan, bahawa anjing-anjing sekalipun memiliki watak yang lain, dan tidak menerima orang Sepanyol. Ketika melihat orang Sepanyol, orang-orang itu mundur sambil menyalak. Dan ketika kanak-kanak melihat seorang paderi, mereka serta-merta menangis, dan kerana itu sejak dari buaian lagi mereka sudah mulai merasa seram terhadap wajah orang kulit putih.[18]

Ini merupakan penafsiran di luar konteks. Sinibaldo de Mas memberi komentar tentang hal ini:

Ketika seorang paderi berjalan-jalan, ia akan tahu bahawa anjing-anjing menggonggong kepada sesiapa sahaja yang pakaiannya tidak dikenal oleh mereka. Dalam hal ketakutan mereka terhadap wajah orang kulit putih, ia setidak-tidaknya melebih-lebihkan. Ini sama sekali tidak aneh bahawa seorang anak harus menangis kerana sesuatu yang ada di hadapannya belum pernah dilihat sebelumnya. Saya telah melihat dari balik kacamata saya, serombongan anak tiba-tiba tersedu-sedan. Inilah kenyataan bahawa beberapa orang di antara mereka berusaha sesedikit mungkin untuk bekerja bersama kita, baik kerana jijik, malu, atau kerana benci; namun terdapat sejumlah besar yang menyatakan rasa kasih sayangnya terhadap kita.[19]

San Agustin juga mengeluh tentang para pekerja yang meminta wang muka upahnya, dan tidak melaksanakan tugasnya, tetapi mengambil wang itu. "Ini", kata Delgado, yang sezaman dengan San Agustin, "hanya khusus untuk beberapa orang pekerja, dan hal yang sama juga terjadi di negeri kita sendiri diantara tukang sepatu, tukang jahit, dan para pekerja yang curang dan licik yang lain."[20] Tentang permintaan wang muka, de Mas memberi penjelasan:

Tidak ada tukang jahit, tukang sepatu, atau pekerja jenis apa pun. Jika ia seorang tukang kayu, ia memerlukan wang untuk membeli kayu; jika seorang tukang dobi, ia perlu membeli sabun. Ini bukan kerana tidak adanya kepercayaan dalam penerimaan upah mereka; hal yang sama terjadi pada orang-orang yang sudah mempunyai nama baik, kutu kampung dan bahkan kapten malah jeneral juga. Hal ini terjadi, pertama, kerana kenyataan bahawa sebahagian besar mereka tidak mempunyai wang akibat pemborosan; dan kedua, kerana mereka yakin bahawa setelah mereka menerima sebahagian daripada tarif, pelanggan mereka tidak akan pergi ke tempat lain, dan pelanggan akan menunggu pekerja tersebut

mengikut pesanannya (yang biasanya selama yang dijanjikannya hingga saat terakhir), kemudian pelanggan tersebut akan menerima hasil pekerjaannya dalam keadaan seperti yang dijanjikan kepadanya.[21]

Contoh lain adalah pendapat Morga bahawa masyarakat Filipina tidak menyenangi kerja kasar, sehubungan dengan perubahan sistem upti kepada *encomenderos*. Mereka juga diperkenankan membayar dengan wang sebagai ganti daripada semata-mata hasil bumi. Perubahan ini didesak oleh kelompok beragama, yang menyaksikan bahawa kaum *encomenderos* menindas penduduk, dengan memancangkan nilai yang berubah-ubah bagi upti tersebut yang dijual dengan harga yang jauh lebih tinggi, menerapkan berbagai-bagai ukuran yang keliru, dan memaksakan keluaran tertentu yang menguntungkan, hanya sebagai upti yang dapat diterima. Menurut Morga, hasil daripada perubahan ini ialah, mereka tidak menaruh perhatian lagi terhadap kerja pertanian.

> Mereka pasti tidak menyukai kerja, mereka tidak menaburkan benih, memintal, menggali emas, membesarkan unggas, atau meningkatkan keperluan makanan yang lain, seperti yang dilakukan sebelumnya, apabila mereka harus membayar upti dalam bentuk barang-barang tersebut. Mereka dengan mudah mendapatkan – tanpa bekerja keras – sejumlah wang *peso* yang merupakan upti penduduk. Oleh kerana itu peribumi tidak memiliki modal dan kekayaan yang mencukupi dengan sangat baik dan tersedia berbagai-bagai keluaran yang bagus, yang kini mengalami kelangkaan dan perampasan. Para pemilik *encomenderos*, baik dikalangan pangeran mahupun orang swasta yang berkuasa atas kesemuanya itu, telah menyebabkan kerugian yang besar dan pengurangan nilai *encomiendas* tersebut.[22]

Keengganan masyarakat Filipina untuk bercucuk tanam telah ditafsirkan di luar konteks. Hal ini dikaitkan dengan sifat mereka kemudian. Tetapi berikut ini Rizal menegaskan penjelasan yang berhubungan dengan konteks sebenarnya

> Ini tidak tepat, kerana mereka bekerja lebih keras dan mereka memiliki kerajinan yang lebih besar apabila tidak ada *encomenderos*, yakni, ketika mereka menyembah berhala seperti yang ditegaskan sendiri oleh Morga (hlm 229, 358, dan lain-lain). Apa yang terjadi – dan inilah yang tidak difahami oleh orang-orang

> Sepanyol, meskipun hal ini jelas tampak dalam berbagai-bagai kejadian dan beberapa ahli sejarah telah menyatakannya bahawa orang-orang Hindia – mengingat mereka telah disakiti hatinya dan dihisap oleh encomenderos terhadap hasil-hasil industrinya, dan tidak menganggap mereka sendiri sebagai kuda beban atau sejenisnya – mulai merosakkan mesin, mengabaikan kerja dilombong, sawah, dan sebagainya; dengan keyakinan bahawa para penguasa mereka akan meninggalkan mereka sendirian dengan menyaksikan mereka miskin, malang, dan tidak dapat diperas. Maka mereka turun darjat; industri serta pertanian berjalan begitu baik – sebelum kedatangan orang-orang Sepanyol telah musnah, seperti yang dibuktikan oleh berbagai-bagai usaha mereka sendiri yang berhubungan dengan tidak putus-putusnya kelimpahan bahan makanan, pendulangan emas, tekstil, selimut, dan lain-lain. Sebagai tambahan terhadap hal ini, tidak sedikit berlaku pengurangan penduduk kepulauan tersebut akibat peperangan, penjelajahan, huru-hara, penebangan kayu hutan, pembangunan kapal, dan sebagainya, yang merosak atau selalu membuat sibuk para pekerja pertanian dan industri. Bahkan pada zaman kita sendiri, kita sering mendengar di dalam gubuk-gubuk, keinginan anak-anak yang menyedihkan tanpa harapan, yang pada suatu saat mengharapkan sekeping duit sen yang tidak ada di Filipina, agar mereka dapat bebas daripada segala wabak.[23]

Keengganan beberapa orang Filipina untuk memaksa bergiat dalam pertanian seperti yang dicatat oleh Morga kemudian dikemukakan oleh Rizal dalam konteks yang benar. Seorang pengamat yang menggunakan pendekatan hubungan ialah Laksamana Muda Belanda Stavorinus. Pemahamannya tentang masalah tersebut jarang terdapat pada masa itu. Ia berada di Jawa pada tahun 1777, dan membincangkan tentang kemalasan masyarakat Jawa. Ia menghubungkannya dengan akibat sistem penindasan yang dilakukan oleh VOC dan para penguasa peribumi. Jawa, katanya, dapat berkembang dan menjadi makmur hanya dengan perubahan keadaan, "dengan menghentikan penekanan dan masalah kemiskinan peribumi kerana ketidakadilan yang tetap dan pemerasan yang terus-menerus, dan dengan mencegah, pada masa hadapan, setiap jenis peperangan", yang lebih jauh akan mengurangi penduduk negeri tersebut dan menghancurkan VOC.[24] Ini merupakan tekanan yang berlebihan daripada VOC Belanda melalui pengikut

mereka, para penguasa peribumi, yang melumpuhkan semangat industri. Masyarakt Jawa, seperti umat manusia lain akan menyukai kebebasan memiliki dan memberi kekayaan mereka sendiri.

> Tetapi sekarang, hilang harapan, dan tidak didorong oleh harapan apa pun untuk memperbaiki keadaan mereka; mereka duduk merengut puas sebagaimana adanya, dengan sedikit yang tertinggal padanya, yagn diambil oleh tuan mereka yang zalim dan tamak; yang dengan kebodohan ini, tanpa perasaan, perilaku, memadamkan setiap percikan industri, dan menjerumuskan pokok persoalan mereka ke dalam kegelapan kemalasan tanpa harapan.[25]

Stavorinus menolak penjelasan yang berkaitan dengan iklim tentang kurangnya semangat menghasilkan pengeluaran. Ia menunjuk akan orang Cina di Jawa yang bekerja di bawah iklim yang sama namun di berkati dengan keghairahan. Alasan yang diberinya adalah kedudukan mereka dalam sistem penjajah.

> Tetapi mereka termasuk tidak terkekang, dan merupakan majikan yang bebas daripada apa yang dapat diperolehi dengan berdagang, atau apa yang didapati lewat pertanian, melebihi segala yang berkaitan dengan kenangan atau penaksiran lain yang dikenakan terhadapnya oleh pemerintah. Ini dengan mudah mendorong mereka melakukan pekerjaan yang paling sulit dan bergiat diri dengan gigih, sambil mendambakan suatu harapan yang masuk akal untuk mendapatkan – pada waktu yang tepat – imbalan atas usaha mereka.[26]

Kedudukan orang Jawa sebagai sasaran eksploitasi kolonial, ketidaktentuan disekitar hak pemilikannya, membuatnya puas dengan kekayaan sedikit. Dari sini dan pengamatan yang serupa oleh Rizal dan yang lain, gejala tersebut digolongkan sebagai kemalasan dikalangan sebahagian penduduk peribumi, yang pada hakikatnya dapat ditafsirkan sebagai protes diam-diam. Inilah suatu bentuk pemogokan, rahsia, bersama-sama, dan kukuh. Itu merupakan satu-satunya cara perlawanan mereka; sungguh, hal ini adalah perlawanan yang tersembunyi. Orang Jawa diangkut ke Malaya untuk bekerja di ladang orang Eropah, bermula pada akhir abad ke-19. Para penguasa Inggeris sangat memuji mereka. Mereka tidak dapat terkena penyakit; mereka diperlakukan dengan baik oleh majikannya. Seorang pekerja Jawa cenderung berang terhadap

perlakuan yang tidak wajar dan kiranya "tidak mungkin untuk memperhambakannya,"[27] Sebagai tambahan kepada alasan di atas, mereka tidak ditakluki candu, judi dan tuak. Dalam keadaan yang berbeza, orang Jawa tidak digolongkan malas.

Penafsiran di luar konteks telah menyebabkan beberapa ciri negatif terpilin ke dalam citra peribumi. Bowring yang memuji akan kebaikan dan keramahtamahan orang Filipina terhadap para pelancong, suatu ciri positif yang jarang didapati apabila dibandingkan dengan ciri negatif yang dicatatnya, menyatakan suatu kekasaran yang nyata dan tidak adanya kehalusan budi bahasa ketika ia mengatakan, bahawa orang Filipina lebih menyerupai binatang berkaki empat daripada berkaki dua.[28] Sifat penduduk peribumi dalam istilah yang negatif dan tidak sebaiknya diucapkan seperti itu adalah hal yang biasa dalam masa penjajah. Semuanya itu tidak boleh ditanggapi dengan serius. Itu semua harus dibongkar dan ditolak kepalsuannya. Semuanya telah menyulam citra peribumi yang sama sekali tanpa kesusilaan, kemanusiaan, realisme, dan kejujuran. Citra peribumi dibawah kekuasaan kolonial merupakan prasangka yang paling tidak beralasan yang dipertontonkan oleh golongan penguasa terhadap penduduk yang menjadi sasaran. Orang-orang Melayu menyerahkan tanah dan kekuasaan politik mereka kepada bangsa Inggeris. Mereka dipindahkan dari kawasan lombong. Mereka menerima keadaan dimana kemakmuran negeri tersebut dikuras ke England dan negeri lainnya. Mereka menjadi si miskin di negeri sendiri. Mereka harus berkongsi dengan kaum pendatang yang jumlahnya cukup besar yang didatangkan untuk kepentingan kapitalisme kolonial. Sekalipun mereka menyambut semuanya ini mereka tetap dituduh malas, curang, mata gelap dan lain-lain.

Orang Belanda mengubah Jawa menjadi kawasan ladang untuk tanaman wang. Orang Jawa yang bekerja dan memeras keringat untuk mereka dikatakan malas dan keanak-anakan. Orang Sepanyol di Filipina bergantung sepenuhnya pada orang Filipina untuk memperolehi pendapatan dan penghidupan mereka, demi kepentingkan pertempuran mereka melawan negeri lain. Namun demikian, orang Filipina dituduh tidak mahu berterima kasih, angkuh, kasar dan fanatisme yang melahirkan citra ini agak luar biasa, dalam pengertian bahawa itu semua tidak timbul sebagai akibat daripada keadaan yang bertentangan, tetapi suatu penghasutan yang berlangsung lama. Penghinaan demi

penghinaan dilempari kepada penduduk yang menjalani hidup sederhana, bekerja, mengurus usahanya sendiri, menerima nasib sebagai golongan terjajah, melayani kepentingan kapitalis penjajah Eropah hingga batas harus menjalani kerja paksa, tidak mengganggu kekuasaan kolonial, tidak kasar terhadap masyarakat Eropah, dan secara umum berperilaku seperti kebanyakan masyarakat yang berbudaya lain, baik di Eropah mahupun yang lain. Kiranya jelas bahawa asal-usul citra tersebut terletak pada keperluan untuk membenarkan penguasaan atau politik khusus, seperti yang ditunjukkan dalam perdebatan Belanda tentang tenaga kerja Jawa. Sebab-musababnya adalah pertentangan ideologi dan rasionalisasi. Meskipun citra tersebut merupakan perlukisan tentang watak nasional yang sama sekali tidak dapat dipercayai, berbagai-bagai citra ini, seperti yang akan kita lihat dalam bab yang berikut, masih memiliki pengaruh yang besar setelah kemerdekaan tanah jajahan tersebut.

---

1 Margaret Mead, 1953. "National Character," dlm A.L. Kroeber, (ed) *Anthropology Today*. Chicago: University of Chicago Press, hlm. 642.

2 Ibn Khaldun, 1958. *The Muqaddimah*, diterjemahkan dan disunting oleh F. Rosenthal. London: Routledge and Kegan Paul, jil 1–3.

3 Margaret Mead, *op. cit.*, hlm. 657. Perbezaan ini sepatutnya dicatat oleh Mead, bersama-sama dengan pandangan bahawa suatu telaah watak nasional merupakan turunan daripada lazim kebudayaan dan keperibadian.

4 M.J. Herskovits, 1955. *Cultural Anthropology*. New York: A.A. Knopf, hlm. 306.

5 C. Kluckhohn, 1951. "The Study of Culture," dlm. D. Lerner dan H.D. Lasswell (ed), *The Policy Sciences*. California: Stanford University Press, hlm. 86, dikutip daripada A.L. Kroeber, C. Kluckhohn, *The Concept of Culture: A Critical Review of Definitions*, makalah dari the Peabody Museum, jil XI.I, 1950, Harvard University.

6 Selanjutnya, lihat M. Mead, "The Study of National Character," dlm. *The Policy Sciences*, *op. cit.*

7 Thomas Bowrey, 1905. *A Geographical Account of Countries round the Bay of Bengal*, 1669 to 1679. R.C. Temple (ed), Hakluyt Society: Cambridge: hlm. 265, 267. Tentang alasan ketidaksukaannya terhadap Keling, ia menulis, "Mereka juga sebagai penghalang utama bagi kita, di mana sahaja bajingan ini ada, kita tidak dapat menjual barang-barang kepada peribumi negeri tersebut, tetapi mereka menyelinap bersama-sama peribumi, dan berkata kepada mereka sendirian berapa harga barang-barang kita di sepanjang pantai, di Surat, atau Benggala, atau di mana sahaja, yang membuat banyak orang Kristian berprasangka." (hlm. 258).

8 T.S. Raffles, *Memoir*, jil 1, hlm. 67, *op. cit.* (Suratnya kepada Lord Minto, Melaka, 10 Jun 1811). (Juga lihat Syed Hussein Alatas, *Thomas Stamford Raffles – Schemer or Reformer) op. cit.*

9 *Ibid.*, hlm. 86.

10 T.S. Raffles, *Memoir*, jil. 2, hlm. 193, *op. cit.*

11 Para pedagang kota lebih cenderung tidak jujur daripada petani, kerana caranya mendapatkan penghasilan. Keberanian lebih berkembang pada masyarakat pengembara daripada dalam masyarakat yang menetap. Pendekatan Ibnu Khadlun cukup moden meskipun ia hidup dalam abad ke-14 dan 15. Lihat Ibnu Khaldun, *The Muqaddimah*, jil. 1–3, *op. cit.*

12 J.D. Vaughan, 1857. "Notes on the Malays of Pinang and Province Wellesley," *JIAEA*, Seri Baru, jil. 11, no. 2 hlm. 125.

13 *Memoir*, jil. 1, hlm. 94, *op. cit.* Ia berfikiran salah bahawa Islam memuja pembunuhan dan merampas harta orang kafir. Serangan yang fanatik tentang Islam lebih banyak disebabkan oleh faktor politik daripada pemihakan terhadap agama.

14 Sir William Noris, 1849. "Malay Amok referred to Mohammedanism," *JIAEA*, jil. III, hlm. 460–63. Hukumannya berakhir sebagai berikut: "Tubuh anda kemudian diserahkan kepada pakar bedah untuk dipotong-potong, dan anggota badan anda yagn telah rosak akan dibuang ke lautan, dilempar ke dalam selokan, atau disebar di atas bumi menurut kehendak polis. Dan mudah-mudahan Tuhan yang Maha Kuasa mengampuni ruh anda yang malang itu." (hlm. 463). Orang hairan, dalam contoh tersebut seorang pembunuh Inggeris tidak akan dimakamkan secara layak menurut agamanya. Hukuman Sir William tentang pembuangan mayat tersebut merupakan pelanggaran yagn menyolok daripada ajaran Islam, yang menganjurkan semua jenazah harus dikubur dengan layak dan menurut tatacara agama.

15 G.L. Gonggrijp, 1944. *Brieven van Opheffer*, Maastrich: Leiter-Nypels, hlm. 71. Buku ini terdiri daripada beberapa edisi.

16 H.W. Ponder, 1942. *Javanese* Panorama. London: Seeley, Service, hlm. 17. Buku tersebut pasti ditulis sebelum Perang Dunia Kedua. Cetakan tahun 1942, tetapi tidak disebut tahun penerbitannya.

17. H.E.B. Schmalhausen, 1909. *Over en de Javanen*, Amsterdam,. Dikutip dlm. G.Gonggrijp, 1964. "Value Curves and the Lowest Level of the Indies Economy," dlm. W.F. Wertheim dan kawan-kawan (ed), *Indonesian Economics*. the Hague: W. Van Hoeve hlm. 104.

18 Gasper de San Agustin. "Letter on the Filipinos," *op. cit.*, hlm. 249.

19 *Ibid.*, hlm. 249, catatan kaki.

20 *Ibid.*, hlm. 198, catatan kaki.

21 *Ibid.*

22 Antonio de Morga, 1907. *History of the Philippine Islands*, E.H. Blair, J.A. Robertson (pent. ed.) Cleveland, Ohio: A.H. Clark, hlm. 159–60. cetak ulang New York: Klaus Reprint, 1970.

23 Antonio de Morga, 1962. Historical Events of the Philippine Islands, Jose Rizal, (peny) Manila: Jose Rizal National Centernnial Commission, hlm. 317. Acuan halaman dalam petikan tersebut menunjuk karya ini. Terjemahan Inggeris oleh E. Alzona. Berbagai-bagai terjemahan dan terbitan lain tentang Sucesos de las *Islas*

Filipinas-nya Morga dikerjakan oleh Blair dan Robertson, dan J.S. Cummins.

24 J.S. Stavorinus, 1978. *Voyages to the East-Indies*, S.H. Wilcocke (pent.). London: Robinson, Pater-Noster-Row, jil III, hlm. 362–63.

25 *Ibid.*, hlm. 369–370.

26 *Ibid.*, hlm. 370.

27 R.N. Jackson, *Immigrant Labour and the Development of Malaya*, hlm. 128, *op. cit.*

28 John Bowring, *A Visit to the Philippine Islands*, hlm. 140, *op. cit.*

Bab 9

Konsep Kerajinan dan Kemalasan di Kalangan Orang Melayu

Para penulis kolonial Eropah, pentadbir amatur, senang sekali membicarakan peristiwa sensasi tentang kehidupan peribumi sebagai sebahagian daripada berbagai-bagai usaha mereka untuk menggambarkan sifat masyarakat peribumi. Perompakan, ketidakadilan, kekacauan, peperangan dan kezaliman, yang ada dalam tempoh itu, dibesar-besarkan bagi mengabsahkan kekuasaan kolonial yang diyakini telah menimbulkan keadaan yang berlawanan. Ratusan kejadian sensasi telah diumumkan. Salah satu contoh adalah laporan Swettenham tentang peristiwa Raja Alang, yang tinggal antara Kuala Kangsar dan Larut.

Pada suatu hari, seorang lelaki Melayu dari Patani bersama isteri dan dua orang anaknya berjalan melintas di hadapan rumah raja tersebut. Raja Alang yang berada di dalam rumah, dengan penuh perhatian mengamati pelancong Melayu tersebut. Seketika pelancong tersebut melewati rumah Raja Alang, ia menyingsing seluarnya untuk mengelakkan lumpur yang melekat di seluarnya . Raja Alang menganggap sikap orang itu tidak sopan terhadapnya. Ia memanggil orang itu dan menuntut denda sebesar seratus ringgit – pelancong tersebut tidak dapat membayar wang sejumlah itu. Sebagai akibatnya, Raja Alang menahan orang itu bersama isteri dan dua anaknya, di dalam rumahnya. Mereka tidak diberi makan selama beberapa hari. Raja Alang mengancam akan menjual isteri dan anak pelancong tersebut untuk mendapatkan denda. Pagi berikutnya, sebelum fajar menyingsing, orang Melayu dari Patani itu mengamuk, membunuh sembilan orang dan melukai tiga yang lain. Isterinya dan Raja Alang terluka sementara dua orang anaknya terbunuh.[1]

Swettenham, yang menjadi gabenor Inggeris di Negeri-negeri Selat dan pesuruhnya tinggi Negeri-negeri Melayu pada tahun 1901M,

mengambil beberapa kejadian sensasi dalam tulisannya yang awal tentang masyarakat Melayu. Misalnya, ia menyebut pemuda Melayu, antara lain, sebagai orang yang suka melarikan isteri tetangganya.[2] Berapa orang pemuda Melayu yang berani melakukan itu? Sebilangan kecil orang, melakukan hal ini tidak boleh dijadikan ciri penting sifat pemuda Melayu secara umum.

Di samping hal yang sensasi, ilmuwan kolonial amatur juga cenderung membuat berbagai-bagai penilaian yang tidak berasas tentang masyarakat peribumi, sejarah, kebudayaan dan agamanya. Contohnya adalah pernyataan Raffles yang tanpa bukti menganggap Islam alat pemecah-belah persatuan suku Melayu. Ia menganggap masyarakat Melayu dahulu tentulah satu bangsa, berbicara satu bahasa, memelihara watak dan adat-istiadat mereka di semua negara kepuluan yang mencakupi Filipina, Sumatera, dan Irian Barat.[3] Kedatangan agama Hindu dan Islam menurut Raffles menyebabkan kepelbagaian yang lebih jauh. Ini mengakibatkan tidak ada sistem undang-undang yang ditetapkan dengan baik dan seragam. Jika Raffles benar-benar seorang ilmuwan sejati, seharusnya ia tahu bahawa perbezaan suku, bahasa, politik dan agama masyarakat Melayu telah ada jauh sebelum pengislaman daerah tersebut. Sebaliknya, Islam melakukan penyatuan yang menakjubkan, baik secara politik mahupun menurut hukum. Di Indonesia, Malaysia dan Filipina, Islam telah berfungsi sebagai alat yang menyatukan masyarakat di wilayah tersebut yang sebelumnya telah terbahagi menjadi beberapa golongan.[4] Kenyataannya, Islamlah yang pertama kali menerapkan sistem undang-undang bersama. Penilaian Raffles terhadap Islam dibuat berdasarkan ketidaktahuan tentang kenyataan dan sikap antipati terhadapnya. Antara abad ke-16 dan ke-19, Islam merupakan satu-satunya musuh yang berat bagi imperialisme Barat, yang memiliki himbauan politik melebihi batas penggolongan geografi dan kesukuan. Orang-orang Belanda, Portugis dan Sepanyol semuanya terlibat dalam peperangan melawan kaum Muslim di wilayah tersebut.

Keasyikan para ilmuwan Eropah kolonial yang lain adalah penonjolan sifat buruk di kalangan penguasa peribumi. Terdapat beberapa raja yang zalim di daerah tersebut dan demikian pula di kalangan penguasa Eropah. Ahli sejarah kolonial Belanda tidak pernah lupa menyebut Susuhunan Mataram, Amangkurat I, yang ketika ia menggantikan ayahnya pada tahun 1646, menghukum mati komandan pengawal ayahnya dan seluruh keluarganya. Untuk menyatakan rasa

sedih atas kematian seorang gundik yang dikasihi, ia menyebabkan kematian seratus orang wanita kerana dibiarkan kelaparan ketika disuruh mengerubungi kubur gundik tersebut.[5] Marsden mengisahkan kekejaman Iskandar Muda, Sultan Aceh yang mangkat pada tahun 1636, dan yang menyumbat ibunya sendiri ke dalam penjara dengan tuduhan berkomplot, dan menganiayainya. Ia membunuh anak saudaranya, putera raja Johor, dan kerabatnya, seorang putera raja Pahang dan seorang putera raja Banten.[6] Semua peristiwa ini dicatat. Tetapi, apa yang tidak dikerjakan oleh para ilmuwan kolonial Eropah adalah penggambaran yang seimbang tentang para penguasa peribumi secara keseluruhan dan juga gambaran yang sama tentang para penguasa kolonial mereka sendiri (gabenor, pegawai daerah, *alcalde mayors*). Kezaliman, penindasan dan ketidakadilan beberapa penguasa ini disembunyikan daripada pembahasan mereka, sedangkan hal penguasa peribumi digembar-gemburkan. Kekejaman beberapa *encomenderos* di Filipina sangat terkenal.[7] Sejarah wilayah ini telah dikacaukan oleh para ahli sejarah kolonial, kadang-kadang secara sedar ataupun tidak. Semua peristiwa diungkap dalam penafsiran yang berat sebelah. Misalnya, Furnivall menggemakan pandangan umum Eropah yang berasal daripada tulisan sejarah kolonial, bahawa VOC "hanya kerana berat hati dan agar menguasai perdagangan, ia memperluas kekuasaannya."[8] Furnival tahu bahawa Belanda di bawah Coen menakluki Jakarta. Tetapi, perluasan kekuasaan mereka yang sedikit demi sedikit telah ditafsirkan sebagai suatu kejahatan yang perlu dan dilakukan dengan perasaan yang berat.[9]

Dalam laporan parlimen Belanda *(Staten-General)* 29 November 1609, yang bertujuan memangku kedaulatan atas harta milik Belanda di Hindia Belanda, dan membentuk Dewan Hindia *(Raad van Indie)* untuk memberi saranan kepada gabenor jeneral, keterangan yang dibuat menyatakan "wilayah kita telah tersedia di sana atau yang akan kita kuasai selanjutnya."[10] Gabenor jeneral diberi kuasa menerapkan apa yang dipandang perlu untuk meningkatkan kepentingan Belanda. Alangkah mudahnya untuk mempercayai bahawa penaklukan wilayah tidak ada dalam khayalan pemerintah Belanda pada waktu itu, ketika usaha yang berat itu merupakan keharusan pada zaman itu di antara berbagai-bagai kekuatan Eropah. Penerapan dasar dan pengaturan waktu dianggap sebagai keperluan, bukan sebagai tujuan. Oleh kerana itu agak menyimpang barangkali untuk menjelaskan kelahiran kolonialisme Belanda di Indonesia sebagai suatu kejadian yang tidak diingini oleh

orang-orang Belanda. Para pelaku kolonial dalam sejarah masa itu seluruhnya bersemangat untuk mengadakan perluasan kuasa; kuasa mereka sudah tentu tidak menunjukkan tanda-tanda keengganan.

Ada kecenderungan umum untuk mengubah peristiwa yang berlaku dalam seluruh bidang keilmuan sejarah kolonial atau kajian tentang politik, masyarakat, agama dan kebudayaan. Sebagaimana halnya hasil ilmu pengetahuan kolonial yang lain telah mempengaruhi penduduk asli, maka demikian pula halnya dengan citra tentang peribumi yang malas. Rizal mengakui bahawa terdapat beberapa kebenaran dalam tuduhan tentang kekuasaan Sepanyol. Di pihak lain, Mabini menganggap mitos tentang orang Filipina yang malas, sebagai isapan hebat sekali.[11] Dalam memperbincangkan citra yang melibatkan penduduk peribumi, kita harus mengingat kembali bahawa sejumlah orang pada abad ke-20 masuk ke dalam aspek ideologi kolonial ini yang berlangsung di kalangan penduduk asli. Suatu ideologi tidak pernah meninggalkan kelompoknya yang awal. Ini juga bahagian mereka dikuasai oleh sistem ketika ideologi merupakan rasionalisasi. Pada saat berlangsung perhambaan, terdapat banyak hamba yang mempercayainya. Mereka turut sama dalam kesedaran yang keliru yang ada dalam ideologi tersebut.[12]

Gambaran tentang masyarakat peribumi dan para penguasanya yang dicipta oleh ahli sejarahan dan pengamat kolonial dapat dianggap kezaliman, ketidakstabilan, anarki, keterbelakangan, dan ketidaan undang-undang. Ada suatu unsur kebenaran di dalamnya, tetapi tidak mewakili seluruh gambaran. Lagi pula, kolonialisme Barat juga memperkenalkan bentuknya sendiri tentang kezaliman, ketidakstabilan, anarki, kemunduran, dan tidak ada undang-undang. Dalam masyarakat peribumi, undang-undang sedikit sebanyak dikuatkuasa ada bagi sebahagian besar penduduk, meskipun kadang-kadang ada penguasa yang zalim atau bermaharajalela. Hal yang sama terjadi di bawah kekuasaan kolonial Eropah. Terdapat banyak peristiwa orang-orang jahat mempamerkan kejahatan mereka yang tidak wajar dengan mengorbankan penduduk tempatan. Salah seorang yang buruk sifatnya tentu sahaja Tuan Bean, seorang pegawai kanan Inggeris yang dikirim ke Melaka sebagai komandan pasukan tentera India. Kejadian ini berlangsung pada waktu Farquhar menjadi residen di Melaka, mungkin setelah ia menghancurkan kubu pertahanan, pada tahun 1807. Tuan Bean biasa menempatkan dua askar pengawal di hadapan pintu rumahnya. Tugas

mereka menculik kanak-kanak yang lalu-lalang di jalan pada malam hari, kemudian mereka dikurung di dalam kem berpagar. Mereka yang cuba melarikan diri akan dikejar oleh dua ekor anjing. Setelah mengumpulkan banyak kanak-kanak untuk jadikan penculikan itu yang lebih hebat, Bean membawa mereka berpasang-pasang dan memaksa mereka bergaduh dan bertumbuk hingga mereka kesakitan. Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi (1797-1854) menyebut tentang peristiwa ini dalam autobiografinya.

Tuan Bean teramat gembira menyaksikan wajah dan hidung para peninju muda yang memar itu. Ia berjingkrak dan terbahak-bahak, dan menghadiahi orang-orang yang banyak mengalirkan darah daripada yang tidak. Lalu ia memanggil pasangan yang lain. "Maka ia menghabiskan waktunya dengan menyaksikan aliran darah manusia."[13] Tempat tersebut segera menjadi gelangang tinju. Penduduk yang baik tidak berani mengizinkan anak mereka berjalan melewati jalan itu. Tidak lama ia pun bosan terhadap kanak-kanak, dan mulai membayar perkelahian orang dewasa. Sejumlah penduduk miskin memperolehi wang hasil bertinju demi Tuan Bean. Setelah beberapa lama merasa jemu, ia beralih kepada laga ayam. Banyak ayam mati setiap hari. Ketika ia menghentikannya, ia segera berpindah kepada laga itik. Ia melepaskannya di hadapan rumah dan menaruh dua tiga ekor anjing galak mengejar itik itu.

> Ia biasa bersuka-ria dengan pertunjukan ini, mengundang banyak penonton menyaksikannya. Ia akan mengangkat bedilnya dan menembak setiap itik yang lolos daripada serangan anjing. Semua itik itu dibunuh, beberapa di antaranya dikoyak anjing, yang lain ditusuk peluru, sementara Tuan Bean melonjak-lonjak kesukaan. Beberapa hari kemudian ia membawa sejumlah monyet, lalu membiarkan monyet memanjat hingga mencapai puncak pohon angsana di hadapan rumahnya. Kemudian ia menembak semua monyet itu dan berjatuhanlah monyet tersebut, mati. Setiap hari pegawai kanan ini berkelakuan seperti itu, melakukan segala jenis pekerjaan jahat dan tidak menyenangkan, yang membahayakan kehidupan binatang dan mengakibatkan banyak orang kesakitan. Saya tidak tahu berapa banyak wang yang telah dihamburkannya dengan cara yang sia-sia ini. Selama ia tinggal di rumah tersebut, tidak ada perempuan yang berani melewati kawasan sekelilingnya kerana takut diganggunya.[14]

Kebiadaban orang yang sesat ini mencakup ragam yang luas,

daripada kanak-kanak dan monyet, hingga ayam dan merpati. Abdullah cukup bistari dan menyaring penilaiannya tentang watak orang Inggeris ini, dan tidak menganggapnya sebagai watak seluruh orang Inggeris, suatu sikap yang tidak muncul di antara kelompok penguasa kolonial pada zamannya. "Saya hairan", katanya,

> ... bahawa Tuan Farquhar yang menjadi gabenor Melaka pada waktu itu tidak mengambil tindakan apa-apa terhadap tingkah laku pegawai ini, yang bagi bangsa lain memandang rendah hal-hal yang telah saya sebut itu, yang dapat menilainya sebagai perilaku khas semua orang Inggeris, sesuai dengan pepatah Melayu 'seekor kerbau yang membawa lumpur semuanya akan terpalit. Perbuatan dan kelakuan seperti itu akan dikenang lama oleh orang lain, dan cerita tersebut beredar luas hingga benar-benar tersemat di dalam fikiran penduduk.[15]

Ia juga mencatat tentang kelakuan para pelaut Inggeris yang mabuk, yang memburu penduduk, hingga mereka yang tercebur ke dalam sungai dan tenggelam dirompak wangnya. Mereka merompak kedai di pasar.

> Sesiapa sahaja yang kebetulan bertemu orang Inggeris maka serentak akan mengambil langkah seribu menjauhi. Kaum wanita tidak dapat berjalan-jalan jika ada kapal Inggeris berlabuh di pelabuhan. Bahkan budak-budak, untuk tidak mengatakan apa-apa tentang penduduk yang terpandang, tidak dibenarkan terlihat, takut kalau-kalau diserang. Semuanya yang telah saya sebut itu membuat penduduk cemas, dan marah terhadap kelakuan para pegawai yang telah saya huraikan, yang menyebabkan bertambah kegusaran mereka.[16]

Abdullah bersimpati dengan orang Inggeris, khususnya Raffles. Ia sangat memuji pemerintahan Inggeris. Inilah barangkali sebabnya mengapa para ilmuwan kolonial Inggeris menyebarkan karyanya.

Pendirian saya ialah bahawa sifat-sifat seperti malas, kejam, zalim, ketiadaan undang-undang, perompakan, pembunuhan, dan perampokan terdapat dalam kelompok penguasa kolonial, begitu juga halnya di kalangan kelompok penguasa peribumi. Sebagaimana kita memiliki kita pun memiliki penguasa dan gabenor kolonial Eropah yang penuh tipu-daya dan zalim seperti gabenor jeneral Belanda Valckenier dan para anggota majlis Hindia Timur, termasuk penggantinya, van Imhoff. Pada bulan Oktober 1740, orang Cina di Betawi dibantai dan diporakperanda-

kan selama lebih daripada sepuluh hari, termasuk mereka yang di penjara dan di rumah sakit. Ada ancaman memberontak daripada kalangan kaum Cina bersenjata di luar kota. Mereka yang berada di dalam pagar kota dibunuh secara besar-besaran. Peristiwa ini merupakan histeria masyarakat yang hebat. "Darah menetes di sepanjang jalan, baik wanita mahupun kanak-kanak tidak dikecualikan, bahkan orang Cina yang tidak dapat bergerak – di dalam penjara dan rumah sakit – disembelih begitu sahaja."[17] Meskipun ada alasan bagi Belanda untuk khuatir, pembunuhan tersebut tidak mempunyai alasan. Orang Cina di luar kota Betawi sama takutnya terhadap orang Belanda. Mereka mengeluh tentang penindasan; sebaliknya orang Belanda mengeluh bahawa mereka – orang Cina, adalah unsur buruk yang cenderung merosakkan kota mereka. Hal ini tidak dimaksudkan untuk memberi gambaran yang terperinci dan disesuaikan dengan kejadian tersebut, tetapi semata-mata untuk menunjukkan beberapa contoh kebiadaban yang dilakukan oleh orang Eropah, dengan bantuan talibarut peribumi mereka selama masa kolonial.[18] Banyak sekali contoh tentang kebengisan yang dilakukan oleh orang Eropah dalam masa kolonial. Namun demikian, ini tidak bererti kita boleh menyamaratakannya. Masyarakat Belanda, Portugis, Sepanyol, dan Inggeris secara keseluruhan tidak kejam dan licik hanya kerana ada beberapa orang kejam, maka seluruh bangsa dianggap kejam. Jika beberapa orang malas, maka seluruh bangsa dituduh malas.

Dari sudut sejarah, tirani, penindasan dan eksploitasi, tidak pernah dianggap ciri seluruh masyarakat yang bermusuhan antara satu sama lain. Hal ini selalu merupakan perbuatan sekelompok kecil masyarakat tertentu yang berkuasa, yang memaksa kemahuannya terhadap diri sendiri, atau masyarakat lain, atau kedua-duanya, seperti dalam masa kolonial. Oleh kerana itu kelompok penguasa Belanda terlibat dalam pengaturan VOC pada awal abad ke-17, yang tidak sahaja menghisap masyarakat Jawa tetapi juga bangsanya sendiri. Seorang Belanda awam yang mendaftarkan diri sebagai perajurit pada perusahaan tersebut, harus membeli pakaian seragamnya sendiri, membayar biaya rumah sakit, dan juga harus menyuap kaptennya. Pada saat-saat mengadakan upacara, perusahaan meminjamkannya pakaian seragam yang indah, tetapi pada hari-hari lain banyak perajurit yang harus berkeliling tanpa sepatu. Pada sekitar awal abad ke-19, para perajurit Eropah umumnya memakai sepatu. Sejak tahun 1695, bekalan keperluan perajurit termasuk sepatu

yang harus dibeli daripada kedai syarikat itu.[19] Sepatu-sepatu tersebut dipakai baik untuk ke gereja mahupun ke upacara lain, kerana kos dipotong daripada upah perajurit yang kecil itu. Seperti halnya para kuli Cina dan India, pada awalnya banyak perajurit ini yang diambil bekerja dengan tipu muslihat. Kisah yang gemerlapan tentang mutiara dan berlian, yang berlimpah-ruah di kepulauan Hindia, dikaitkan dengan muslihat tersebut; sedangkan pada hakikatnya banyak yang mati dalam pelayaran di laut justeru kerana diserang penyakit dan tempat tinggal yang buruk.[20]

Suatu kehidupan yang santai dan hanya menggunakan tenaga fizikal sekadarnya, berlangsung di kalangan kelompok penguasa, baik di kalangan penguasa peribumi mahupun kolonial. Tuduhan malas bagi penduduk peribumi oleh orang Belanda, Sepanyol dan Inggeris, seperti yang telah diperlihatkan itu tidak mempunyai alasan yang nyata. Para penguasa peribumi tidak pernah mencap malas masyarakat mereka, sekalipun beberapa di antaranya hanya *conquistadores* kolonial. Alasannya adalah bahawa mereka sedar akan sistem nilai-nilai peribumi, yang sangat menghargai ketekunan dan kerja. Catatan sejarah yang menekankan nilai kerja dan ketekunan jarang ditemui, kerana kebanyakan nilai ini disebarkan secara lisan, dan kerana kemalasan belum pernah dirasai sebagai suatu masalah dalam masyarakat peribumi sebelum kolonial. Namun demikian, terdapat beberapa catatan yang ditemui pada akhir-akhir ini. Satu di antaranya ialah *Undang-undang Sungai Ujong*. Undang-undang ini merupakan intisari hukum adat Sungai Ujong Negeri Sembilan, yang penduduknya berasal dari masyarakat Minangkabau di Sumatera.

Daripada 113 fasal undang-undang tersebut, tujuh fasal menekankan nilai kerja dan ketekunan. Fasal 99 menggolongkan akar kejahatan ke dalam: adu ayam dan perjudian, minum-minum, menghisap candu, kemalasan, dan menghindari pekerjaan.[21] Landasan falsafah daripada intisari ini merupakan perpaduan antara Islam dan adat – hukum adat, sebelum abad ke-16, jika tidak lebih awal lagi. Naskhah yang ditulis itu mungkin bermula dari abad ke-18. Apa yang di luar dugaan adalah bahawa naskhah tersebut dirumuskan dalam tempoh sebelum kedatangan kolonial. Undang-undang itu mengungkapkan falsafah peribumi tentang nilai-nilai dan kehidupan sosial masyarakat sebelum kolonial. Syarat utama untuk membuka pengolahan tanah adalah: usaha dan penjagaan yang sungguh-sungguh, kekuatan, penanaman yang bersemangat,

penjagaan yang giat, benar-benar berhemat, berhati-hati dalam pembelian, tahu apa yang harus dibeli, cerdas, faham harga dan nilai, serta dermawan terhadap kawan-kawan.[22] Syarat utama bagi pedagang yang berjaya juga serupa: memahami cara menentukan harga, dan menilai kembali secara benar; cerdas, ekonomis, tahu cara berpakaian, cekap menjalankan usaha yang besar, berkemampuan menunggu saat yang menguntungkan, dapat mengingat perundingan, mengurus keuntungan dan kerugian, menjual ketika harga tinggi dan membeli ketika harga murah.[23] Ketekunan lebih lanjut ditekankan dalam memperolehi pengetahuan, dalam mengamalkan kerajinan, serta dalam mengembangkan ternak dan unggas.[24] Syarat menjadi pemimpin dalam penggarapan tanah ialah: fasih berbicara, mengatakan hal-hal yang menyenangkan kepada segenap kawannya, sedia berkorban, menunjukkan ketekunan yang lebih hebat, berfikiran luas, dan kewaspadaan yang besar.[25] Pada dasarnya, nilai-nilai yang ditegakkan oleh undang-undang tersebut adalah hal yang biasa bagi dunia Melayu. Masyarakat Melayu sangat mencela kemalasan. Dalam masyarakat Melayu adalah suatu aib bila dikatakan pemalas. Penghukuman atas kemalasan dapat ditemui lebih lanjut dalam *Hikayat Abdullah* karya Abdullah, yang sebahagian merupakan autobiografi dan sebahagian lagi kisah berbagai-bagai peristiwa pada waktu itu. Ia mulai menulisnya pada tahun 1840. Ia mencatat hukuman berat yang diberi kerana kemalasan di sekolah Islam miliknya.[26] Kira-kira dua tahun sebelum 1838, ia berkesempatan merenung lebih jauh tentang kemalasan sebahagian masyarakat Melayu di Pahang, Trengganu dan Kelantan, dalam catatan perjalanannya ke Kelantan. Ia mengutuk beberapa orang lelaki Melayu yang berkeliaran di jalan-jalan mempamerkan senjatanya, sementara kaum wanitanya mencari nafkah. Perbuatan ini menurutnya bukanlah kejantanan. Orang yang dapat menundukkan kegemaran malasnya adalah seorang yang berani.[27]

Pandangan Abdullah tentang punca kemalasan di kalangan sebahagian penduduk laki-laki di Pahang dan Kelantan menyerupai apa yang ditutur oleh Rizal setengah abad kemudian. Ia mohon penjelasan lingkungan, iaitu sistem sosial dan penyalahgunaannya oleh elit yang berkuasa. Satu-satunya perbezaan adalah bahawa Rizal mengaitkannya dengan orang-orang Sepanyol, sedangkan Abdullah menghubungkannya dengan para penguasa Melayu dan hamba-raja. Ia mencatat bahawa kaum lelaki Trengganu juga membuang-buang waktu mereka. Di Pahang, Kelantan dan Trengganu, kaum lelaki hidup ketakutan terhadap

para penguasa mereka. Ketiadaan undang-undang dari majlis pemerintah membuahkan kemalasan, dan menghilangkan dorongan untuk bekerja serta mengumpulkan kekayaan. Celaannya terhadap penghancuran dan kemiskinan Pahang, di maksudkan juga berlaku di Trengganu dan Kelantan. Mengapa negeri yang pernah terkenal itu terperosok ke kancah kemiskinan dan kehancuran? Ia tidak ditindas musuh atau ditakluki oleh negeri lain, juga bukan kerana perompakan, atau kerana ketandusan tanah.

> Tidak pula kerana semata-mata kemalasan penduduk, dan belum pernah ada negara di mana-mana pun di dunia ini yang seluruh penduduknya malas; jika seseorang berhasrat memaksa diri untuk mencari keberuntungan, tahu bahawa kenikmatannya atas keberuntungannya itu tidak akan terganggu, bahkan kemudian jika hanya sebahagian daripada penduduk bekerja untuk kehidupannya dengan kekuatan dan kesetiaan, negara mereka berjaya diperluaskan dan makmur.
>
> Tidak, menurut pendapat saya, sebab kemiskinan Pahang yang ditemui dalam kenyataannya, adalah bahawa penduduknya hidup dalam ketakutan yang terus-menerus kerana tekanan dan kekejaman para raja dan tokoh lain. Tentu sahaja mereka merasa tidak ada gunanya berusaha, jika sudah pasti setiap keuntungan yang diraih itu akan dirampas oleh orang yang penting itu. Kerananya mereka tetap miskin dan kehidupannya menyedihkan.[28]

Puncanya adalah tekanan dan kekejaman para raja dan tokoh penting itu. Penduduk merasa tidak berguna untuk bekerja keras dan memupuk keuntungan yang kemudian akan dirampas. Sebaliknya mereka lebih senang tinggal miskin dan menderita.

Abdullah menghuraikan mekanisme aniaya secara terperinci. Jika seseorang memperolehi rumah yang bagus, ladang atau tanah beberapa petak sahaja, seorang raja pasti menghubunginya. Ia meminta pinjaman atau pemberian; dan jika orang tersebut menolak maka raja akan merampas kekayaan tersebut. Pinjaman tersebut tidak pernah dibayar kembali. Kalau orang itu melawan, ia dan seluruh keluarganya akan dibunuh atau didenda. Raja-raja muda diajar menyabung ayam, menghisap candu, berjudi, rakus dan bernafsu gila. Mereka tetap tidak berubah hingga ayah mereka meninggal, dan mereka seperti harimau lepas di kalangan penduduk. Perayaan pernikahan raja, majlis khatan anak lelakinya, atau penindikan cuping anak perempuannya merupakan

kesempatan bagi pemadat, penjudi dan pengadu ayam berkumpul. Banyak penduduk yang dirosakkan, di antaranya menjadi pencuri dan yang lain ditangkap dalam suasana bertikam-tikaman.[29] Ketika penduduk diperintah bekerja untuk raja, mereka tidak dibayar. Mereka bahkan harus membawa makanan dan peralatan sendiri. Abdullah sangat terkejut oleh keadaan yang disaksikannya di negeri Melayu buat pertama kali dalam hidupnya itu. Ia dibesarkan di Melaka dan Singapura di bawah kekuasaan Inggeris. Ia berumur 42 tahun ketika pertama kali ia mengunjungi negeri-negeri Melayu. Undang-undang dan peraturan berkuatkuasa bahawa kekuasaan Inggeris di Melaka dan Singapuralah yang menjadikan penduduknya berkemahuan untuk bekerja dan mencari keuntungan. Ada keamanan hidup dan kekayaan.[30]

Pengamatan Abdullah terhadap kemalasan dibatasi pada laki-laki, bukan wanita di negeri yang dikunjunginya. Tidak seperti penulis Inggeris sezamannya, ia tidak menyamaratakan hal tersebut. Ia sangat menyedari kenyataan bahawa gejala kemalasan yang dihuraikannya adalah sebahagian daripada penyakit sistem sosial. Hal tersebut tidak memberi ciri pada seluruh masyarakat Melayu. Ia menyedari sistem Islam Melayu tentang nilai-nilai yang mengutuk kemalasan dan ketidakadilan. Namun demikian sikap Abdullah berat sebelah, kerana pandangannya merupakan fikiran yang terjebak dalam dunia kolonialisme. Sebelum meninggalkan Kelantan, Abdullah menjelaskan keburukan menghisap candu kepada Tengku Temena, raja Sabak, dan perlunya menghentikan tabiat buruk itu. Ia berkata kepada raja bahawa ada tujuh kejahatan daripada menghisap candu, iaitu: dilarang oleh Islam, merosakkan badan, menghamburkan wang, mengakibatkan malas, membuang waktu, menghancurkan nama baik, dan dipandang rendah oleh penduduk yang menyandang nama baik.[31] Kalau menghisap candu itu baik mengapa dijauhi masyarakat Eropah yang terhormat dan kaya? Abdullah menutup mata terhadap kenyataan bahawa orang-orang Eropah yang baik dan bergengsi, seperti tuannya, Raffles mengembangkan dan memanfaatkan perdagangan candu dalam jangkauan yang hingga sekarang tidak diketahui. Mereka tidak menghisapnya sendiri, tetapi memperdagangkannya dan menyebarluaskan penggunaannya. Mereka melarang beredarnya candu di negeri mereka sendiri. Tambahan pula minuman mereka itu alkohol. Di Melaka, menjelang penyerbuan Inggeris ke Jawa, Raffles memberi dua kotak candu kepada utusannya, Tengku Penglima Besar dan Pangeran. Abdullah mencatatnya sambil

lalu, tanpa komentar.[32] Apa maksud percakapan moralnya yang terdahulu dengan Tengku Temena? Apakah orang Inggeris terhormat tidak menghisap candu, tetapi mendorong penggunaannya dan memetik keuntungan daripadanya tidak sama salahnya dengan yang disebutkan tentang tujuh kejahatan itu?

Setelah tahun 1843, ketika Abdullah menyelesaikan *Hikayat Abdullah* jilid yang pertama, ia menggambarkan lebih jauh tentang berbagai-bagai keadaan masyarakat Melayu. Ia tidak optimis. Gambarannya menyinggung masalah kemalasan.

> Saya secara khusus tidak menyukai kehidupan yang ditunjukkan oleh masyarakat Melayu dan berbagai-bagai keadaan mereka yang telah difahami. Saya telah mengamati kelakuan, tindak-tanduk dan kebiasaan mereka sejak zaman muda saya hingga saat ini, dan telah menemui bahawa – sementara waktu berjalan terus – mereka begitu jauh untuk menjadi lebih pandai dan justeru mereka semakin bodoh. Saya mempertimbangkan hal tersebut dengan fikiran yang teliti, dan sampai pada kesimpulan bahawa terdapat beberapa faktor yang menyebab keadaan ini, dan yang paling utama ialah kebengisan dan kekejaman para penguasa Melayu yang menindas, khususnya terhadap rakyat mereka sendiri. Sikap tersebut baru dicapai ketika hati mereka telah meyerupai tanah yang tidak subur lagi, dan kerana itu tidak ada yang dapat tumbuh di atasnya. Kerajinan, kepandaian dan pengetahuan tidak dapat tumbuh subur di kalangan mereka dan mereka benar-benar seperti pohon di hutan yang tumbang apabila sahaja angin bertiup. Saya melihat bahawa mereka selalu diperintah oleh orang-orang bangsa lain, seperti ikan kecil yang satu-satunya nilai yang dimilikinya menjadi makanan ikan besar.[33]

Penguasa Melayu memandang rendah terhadap rakyatnya. Ketika seseorang bertemu penguasanya, maka ia diwajibkan bersimpuh di bawah gelimang lumpur dan kotoran. Penguasa merampas anak-anak perempuan dan hartalih milik rakyat, tanpa rasa takut pada Tuhan dan rasa kasihan terhadap kaum miskin. Undang-undang dan hukuman daripadanya bergantung pada selera peribadinya. Ia mengampuni tingkah laku jahat sanak-saudara dan handai-taulannya, atau tanggungannya, yang menyerang penduduk biasa. Ia menahan ratusan hamba yang berhutang yang menyebabkan kebangkrupan rakyat merampas kekayaan mereka dan kadangkala membunuh mereka. Penguasa tidak melakukan

upaya untuk melindungi rakyatnya.

Catatan terbesar penguasa Melayu dan masyarakat adalah pengabdian pendidikan. Penguasa membesarkan anaknya dengan sifat-sifat buruk, yang dicontoh daripada mereka. Kebodohan, kemalasan, dan keengganan untuk mengubah masyarakat yang lumpuh, serta buta huruf dan pelajaran bahasa telah diabaikan. Pemadaman kemahuan untuk belajar, bekerja keras, dan mengumpulkan kekayaan, oleh Abdullah dikaitkan dengan kekuatan penguasa yang menonjol. Ia menyimpulkan pandangannya sebagai berikut:

> Begitulah adanya, di bawah kekuasaan Melayu rakyat awam tidak dapat menengadahkan kepala mereka dan bersenang-senang, serta tidak berani menunjukkan keaslian apa pun kerana hal ini dilarang oleh penguasa. Mereka juga takut untuk membina sendiri rumah batu yang dihias indah. Mereka takut memakai baju yang indah, sepatu dan payung kerana ini semua merupakan kepantangan. Bahkan mereka takut menyimpan pakaian yang elok di rumah mereka, kerana konon benda seperti itu hanya kekayaan bagi keluarga raja. Orang-orang kaya khususnya yang hidup dalam ketakutan terus-menerus akan bernasib baik jika hanya rugi kekayaannya. Sesungguhnyalah, kehidupan mereka dalam bahaya. Banyak cara ditempuh untuk mendenda dan menghembur kekayaan orang tersebut. Jika orang enggan meminjamkan kekayaan mereka yang paling disayangi, maka hal ini dianggap sebagai kejahatan besar. Dan sekali ia melepaskannya, maka ia akan kehilangan buat selama-lamanya; ia tidak pernah melihatnya lagi. Seorang perawan yang rupawan dapat menjadi racun yang berbisa di rumahnya, kerana penguasa akan mengambilnya sebagai salah seorang isterinya dengan izin atau tanpa izin walinya. Amalan ini melebihi yang lain, yang menimbulkan rasa benci umat Islam. Saya mendengar tentang seorang yang berani menentang untuk dipisahkan daripada anak perempuannya. Penguasa memerintahkan dia dibunuh dengan beberapa dalih, lalu membawa pergi anak perempuan tersebut. Seluruh tindakan tersebut diharamkan olah Allah dan Rasul-Nya dan mengundang celaan umat manusia di seluruh dunia.[34]

Abdullah merasa bebas untuk mempermasalahkan kekuatan penguasa Melayu pada zamannya, kerana ia tidak hidup di bawah mereka. Ia cukup cerdas memahami pengaruh mereka dan berharap akan ada perubahan dalam masyarakat Melayu. Abdullah merupakan orang Melayu pertama yang dikenal memperbincangkan modenisasi, dan

kemajuan masyarakatnya yang didasarkan atas nilai-nilai Melayu asli dan Islam. Ketidakadilan penguasa Melayu dan berbagai-bagai kemerosotan yang diciptakannya, merupakan suatu penyimpangan daripada kebenaran.

Tema tentang kerja, pendidikan dan kemajuan sesudah itu dihidupkan lagi oleh para pembaharu Islam di sekitar zaman peralihan abad ke-20, oleh tokoh seperti Syed Syaikh Alhadi, Syaikh Mohd. Tahir bin Mohd. Taha.[35] Sebelum Perang Dunia Kedua, Zainal Abidin bin Ahmad (ZA'BA) menerbitkan beberapa karangan dalam akhbar tentang isu kemajuan Melayu. Tema kemalasan tidak menjadi pokok masalah yang dibincangkan dengan panjang lebar seperti di Filipina. Namun pada tahun 1992, Majlis Ugama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan menerbitkan brosur menarik, edisi kedua yang berjudul *Semangat Kehidupan*, disusun oleh Haji Wan Mohammed bin Haji Wan Daud Patani. Majlis tersebut menyetujui isinya pada bulan Januari 1918. Brosur ini ditujukan ke sekolah-sekolah agama di bawah pengurusan Majlis. Setiausaha Majlis, melalui pengantarnya dalam brosur tersebut menekankan perlunya menyelidiki perintah suci yang disampaikan di situ "yang perlunya kita akan dinaikkan ke darjat bangsa-bangsa yang telah mencapai kedewasaan bangsa untuk hidup di segala zaman."[36] Terdapat banyak sekali tekanan pada tugas, kerja keras, dan pemanfaatan waktu dan tenaga yang pada tempatnya. Kelambanan dikutuk. Orang yang tidak mengerjakan apa-apa dianggap tiang batu.

> Kewajipan manusia untuk bekerja adalah kerana kerja merupakan cara terbaik untuk membersihkan diri daripada kebiasaan yang lemah dan jahat. Bukankah kerja merupakan faktor yang mendorong manusia ke arah percubaan dan usaha yang menuju kepada keadaan yang sebenarnya?[37]

Malas, membuang-buang waktu dan tidak menepati waktu dikutuk. Kesabaran dan kecermatan ditekankan dalam pelaksanaan tugas, dan pencapaian ilmu pengetahuan, begitu pula kecermatan penelitian dan penyelidikan. Permainan dan latihan dianjur sebagai alternatif kerja. Jika orang tidak bekerja, ia disarankan bergiat dalam permainan atau latihan, untuk menjamin kesihatan yang baik. Seluruh isi risalah setebal 46 halaman itu merupakan falsafah yang lengkap tentang kerja, yang ditulis menggunakan bahasa yang sederhana. Inilah usaha untuk

menetapkan nilai kerja dan menolak kemalasan. Ini merupakan sebahagian reaksi terhadap sikap kelompok yang berkuasa terhadap kerja. Bukanlah kejadian yang kebetulan, jika risalah tersebut ditulis di Kelantan sebagai pegangan generasi yang akan datang, yang menghasilkan fikiran tentang keadaan di Kelantan yang digambarkan oleh Abdullah. Isi dan semangat falsafah dalam risalah tersebut asli. Ini merupakan penonjolan sikap Islam Melayu terhadap kerja. Al Quran, Nabi Muhammad s.a.w. dan para khalifahnya yang setia, semuanya menekankan nilai tentang kerja keras dan usaha yang sungguh-sungguh. Tidak ada yang memikul beban orang lain. Manusia hanya dapat memiliki apa yang di perjuangnya.[38] Tema tentang kerja keras, pengorbanan, dan keseriusan tujuan diulang dalam karya zaman sekarang oleh pemimpin Muslim yang terkenal, ilmuwan dan pembaharu, Shakib Arsalan, ketika menganalisis sebab-sebab kemunduran kaum Muslim, sebagai jawapan kepada persoalan yang disampaikan kepadanya oleh Imam Kerajaan Sambas di Kalimantan (Indonesia), seorang Melayu bernama Syaikh Basyuni Imran.[39]

Barangkali cukup diperlihatkan bahawa ketekunan dan kerja keras menyinggung sistem nilai-nilai orang Melayu. Sama halnya dengan sistem nilai-nilai orang Jawa dan Filipina. Bahkan nilai-nilai ini tidak benar-benar diungkapkan dalam dokumen tertulis oleh seluruh masyarakat di daerah tersebut, baik bahasa, mitos, cerita rakyat mahupun keasyikan mereka sehari-hari secara eksplisit atau implisit yang menegakkan nilai kerja keras. Sengaja pula di sini saya tidak memasukkan pendapat Islam tentang kemalasan, yang secara langsung tidak bertalian dengan wilayah tersebut. Para pembaru Muslim seperti al-Afghani, pada akhir abad ke-19 telah mengutarakan berbagai-bagai hubungan yang kuat tentang konsep Islam terhadap kemajuan, termasuk kutukan terhadap kemalasan. Sikap masyarakat Melayu terhadap kemalasan jelas. Sekarang kita akan memalingkan perhatian kita kepada golongan elit Melayu kini di Malaysia, yang telah tunduk pada ideologi kolonial dalam mempersoalkan ketekunan masyarakat mereka. Dua buah karya mutakhir akan diperbincangkan. Yang satu adalah terbitan parti Melayu yang sangat berkuasa, The United Malay National Organization, UMNO. Satunya lagi adalah karya seorang doktor Melayu, Mahathir bin Mohammad, yang ditulis sekaligus pada saat ia berada di luar parti, dan kini ia telah bergabung semula. Kedua-duanya merupakan keluaran ideologi kolonial. Kedua-duanya merupakan reaksi

terhadap tesis kolonial yang nyata-nyata memepersiapkan tanggapan dan sikap yang diutarakan dalam penerbitan tersebut. Citra tentang orang Melayu yang suka mengambil mudah masalah, tidak ulet, malas, tampak menyolok dalam karya mereka. Tidak seperti laporan Rizal tentang kemalasan masyarakat Filipina, dua karya Melayu mutakhir tersebut tidak tajam, tidak analitis, dan tidak ilmiah. Kedua-duanya menyerupai nenek-moyang mereka, ideologi kapitalisme kolonial.

---

1 Frank Swettenhham, 1967. *Stories and Sketches by Sir Frank Swettenham.* Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 91. Buku ini merupakan kumpulan daripada berbagai-bagai buku karya Swettenham, dipilih dan diberi pengantar oleh William R. Roff. Kejadian di atas berlalu pada bulan November 1895.

2 *Ibid.*, hlm. 19. Daripada bukunya *The Real Malay.*

3 T.S. Raffles, *Memoir*, hlm. 29, jil, *op. cit.*

4 Catatan para pelancong Eropah yang terdahulu yang menunjukkan kepelbagaian bahasa, politik dan undang-undang di daerah-daerah yang tidak disentuh oleh Islam. Daerah yang sangat didesentralisasikan seperti Filipina sebelum Sepanyol, sebahagian disentralisasikan oleh Islam, yang kerana itu mampu memberi tentangan terhadap kekuasaan Sepanyol. Seperti penyelidikan Phelan. "Dalam hal masyarakat Moro, faktor silang-kebudayaan kelihatannya amat penting. Keyakinan Islam memberi mereka kepercayaan agama, yakni yang selama berabad-abad secara meluas telah memperlihat kekuatan dinamik untuk melawan, bahkan dalam banyak hal, menggulung agama Kristian. semenjak nasionalisme Sepanyol telah lahir usaha *reconquista* dalam memberantas suku Moro, sehingga pertentangan antara orang-orang Sepanyol dan Moro di Mindanao telah menjadi persengketaan antara Salib dan Sabit. Peperangan tersebut tampaknya adil dan dapat dimengerti oleh kedua-dua belah pihak yang bersengketa. Kekuasaan Islam terhadap Filipina selatan telah memberi suku Moro alat politik untuk mengatur tentangan yang berjaya, yang bagi pengaruh kebudayaan Muslim telah memasukkan kesatuan pertalian keluarga yang luar biasa dari negara tersebut. Lembaga-lembaga baru tentang raja dan kesultanan telah dilapisi kesatuan pertalian keluarga pra-Muslim, yang tidak kehilangan kekuatan apa pun. Kekuasaan politik tentera telah dipusatkan secukupnya bagi mengatur pertahanan yang berkesan, tetapi tidak pernah mencapai sasarannya – orang-orang Sepanyol dapat memukul dan merebutnya. Apa yang menjadikan masyarakat Moro tidak dapat ditakluki adalah keseimbangan yang wajar dalam organisasi politik tentang mereka, antara desentralisasi para-Muslim dan sentralisasi penyokong Muslim." J.L. Phelan, *op. cit.*, hlm. 142–143.

5 F.W. Stapel, 1936. *Cornelis Janszoon Speelman*, Nijhoff, s'-Gravenhage. hlm. 84. Tetapi Belanda mendukung Amangkurat melawan pemberontakan pangeran Trunojoyo dari Madura. Mereka memelihara persekutuan dengan Amangkurat.

6 William Marsden, 1966. *The History of Sumatra.* London: Oxford University

Press, hlm. 446 (dicetak ulang daripada penerbitan tahun 1811).

7 Pada tahun 1573, tujuh tahun setelah kedatangan Sepanyol di Filipina, Paderi Diego de Herrera mengadu kepada raja Sepanyol, Philip II, tentang kekejaman para penguasa Sepanyol terhadap peribumi. Desa-desa dibakar dan dirampok, tidak hanya kerana penolakan membayar upti tetapi juga kerana perselisihan pendapat tentang jumlah bayaran itu. Orang-orang Sepanyol di daerah-daerah terpencil melakukan pembunuhan. Kapten, perajurit dan para pemimpin lain bertindak kejam terhadap peribumi. "Tidak ada hukuman yang dijatuhi keatas mereka yang sangat terkenal dan menjijikan itu. Oleh kerana itu keresahan yang luar biasa telah bermaharajelala, dan saya yakin bahawa hanya sedikit sekali yang bersih dari kejahatan ini." Fray Diego de Herrera, "Memoranda," hlm. 231, dlm. *The Colonization and Conquest of the Philippines by Spain*, 1965. Manila: Filipiniana Book Guild. Lihat juga surat Herrera tahun 1570 kepada Philip II, hlm 179–182. Indeks buku ini membuka fikiran. Kekejaman orang Sepanyol digambarkan sebagai "ketidakadilan" dan "penyelewengan". Pada tahun 1573, Rahib Fransesco de Ortega dalam suratnya kepada raja muda Sepanyol baru, melukiskan bagaimana orang-orang Sepanyol memaksa kaum wanita peribumi menyerahkan kalung dan gelang mereka. "Ketika penyelewengan yang sangat jahat ini diperlakukan terhadap mereka, sebahagian mereka enggan memberi upti atau tidak memberikannya sejumlah yang diminta itu. Sebahagian lagi, kerana terpaksa harus memberikannya, dan kerana ketakutan, mereka menyaksikan suku bangsa baru yang aneh dan bersenjata meninggalkan rumah mereka dan melarikan diri ke bukit dan pergunungan. Apabila orang Sepanyol melihat ini, mereka mengikutinya, menembak ke arah mereka, dan membunuh sesuka mereka tanpa ampun. Lalu mereka pulang ke desa dan membunuh semua unggas dan babi di sana, dan membawa kabur semua padi penyangga hidup milik kaum miskin yang malang itu. Setelah itu mereka merampok semua benda-benda yang terdapat di dalam rumah yang kelihatan menyedihkan itu, mereka segera membakar semuanya. Dengan cara inilah mereka membakar dan menghancurkan lebih daripada 4 000 buah rumah dalam ekspedisi ke Ylocos, dan membunuh lebih dari 500 orang Hindia, sementara mereka sendiri mengakui bahawa mereka telah melakukan eksploitasi. Paduka yang mulia boleh mengambil kesimpulan alangkah sedihnya kerosakan ini, dan kerosakan ini, yang dilakukan oleh orang tersebut – menyebabkan negara tidak akan kembali pulih dalam waktu enam tahun, dan yang lain mengatakan tidak akan pulih seumur hidup," hlm. 214–15.

8 J.S. Furnival, 1930. *Netherlands India*. 1930. London: Cambridge University Press, hlm. 34.

9 Menurut Furnivall, perintah kepada gabenor jeneral yang pertama pada tahun 1609 tidak menganjurkan perluasan wilayah, *ibid.*, hlm. 26.

10 J.K.L. de Jonge, 1865. *De Opkomst van het Nederlandsch Gezag in Oost-Indie* (1595–1610) ('s-Gravenhage, Amsterdam: Nijhoff, Muller, jil.3, hlm. 130-31.

11 Apolinario Mabini, 1969. *The Philippine Revolution*, L.M. Gurrero (pent.) Manila: National Historical Commission. Terjemahan berasal daripada terbitan berbahasa Sepanyol tahun 1931. Mabini berkata, "Oleh kerana para *encomenderos*, mahu memperkaya diri sendiri secara lebih cepat, memerlukan budak mereka untuk memungut upti yang setimpal dibayar oleh setiap industri, dan kerana seorang budak

hanya memiliki sedikit sahaja baki memenuhi keperluan setelah membayar upti, maka ia harus menyerahkan hasil kerajinan yang telah dipelajarinya daripada nenek-moyangnya atau daripada orang Cina, Jepun dan suku bangsa lain yang telah menjalin perdagangan dengan masyarakat Filipina sebelum penaklukan, dan membuat hidupnya hanya cukup dengan buah-buahan yang tumbuh berkat, penduduk yang tidak begitu ramai. Begitu banyak ocehan tentang kemalasan masyarakat Filipina," hlm. 19.

12 Untuk pembahasan lebih jauh tentang masalah kesedaran yang keliru tersebut, lihat Karl Mannheim, *Ideology and Utopia*, hlm. 62–3, 66, 68, 84–47, *op. cit.* Lihat juga Karl Marx, *The German Ideology*, hlm. 19–21, 39–40, *op. cit.* Penyajian yabg berupa panduan dan ringkas tentang pandangan-pandangan Marx dan Engels tentang kesedaran yang keliru, lihat pilihan karya David Caute, *Essential Writings of Karl Marx*, 1967. London: MacGibbon and Kee.

13 A.H. Hill, "The Hikayat Abdullah," hlm. 70, *JMBRAS*, jil XXVIII, bhg 3, Jun 1955. Ini adalah terjemahan beranotasi ke dalam bahasa Inggeris, dan diterbitan teks Melayu dalam Rumi (naskhah Latin), daripada autobiografi Abdullah.

14 *Ibid.*, hlm. 71.

15 *Ibid.*, hlm. 71–72.

16 *Ibid.*, hlm. 71.

17 J.K.J. de Jonge, 1877, *op. cit.* jil.9, hlm. LXIII. Terjemahannya milik saya. Latar belakang pembantaian ini adalah permusuhan yang berkembang dan timbulnya saling curiga antara satu sama lain, dari desas-desus yang berbahaya. Dari segi sejarahnya agak rumit. Meskipun sesudah itu pemerintah Belanda merasa gelisah dengan hal yang tersebut. Valckenier kemudian ditangkap dan diadili, tetapi lebih disebabkan oleh pertentangannya dengan beberapa orang anggota Dewan terhadap kewenangannya, daripada disebabkan oleh pembantaian itu. Orang yang menuduh juga sama-sama bertanggung jawab.

18 Kebiadaban beberapa orang panglima Sepanyol selama Revolusi Filipina sangat dikenal. Pada tahun 1897, jeneral Sepanyol, Monet, membunuh setiap orang termasuk wanita dan anak-anak di Zambales. Di San Fernando, La Union, tiga pendeta disiksa dengan batang besi panas yang ditempelkan ke badan mereka, untuk memaksa mereka mengakui bahawa mereka adalah *homosipean*. Lihat Teodoro A. Agoncillo, 1960. *Mololos*. Quezon City: University of the Philippines, hlm. 10.

19 D. de Iongh, 1950. *Het Krijgswezen onder de Oostindische Compagnie*, 's-Gravenhage: Stockum en Zoon, hlm. 83. Ini adalah buku tentang tentera VOC. Selanjutnya lihat Bab V, "De Europeesche Troepen" "(Pasukan Eropah)," hlm. 79–101.

20 *Ibid.*, hlm. 79–80.

21 Sir Richard Windstedt, P.E. de Josselin de Jong," A Digest of the Customary Law of Sungai Ujong," hlm. 68. (teks Melayu), *JMBRAS*, jil. 35. Teks Melayu *Undang-undang Sungai Ujong* mahupun terjemahan bahasa Inggerisnya termasuk di dalamnya.

22 *Ibid.*, hlm. 69, pasal 102 (teks Melayu). Terjemahannya milik saya dalam terjemahan bahasa Inggeris, ada beberapa hal yang tidak tepat.

23 *Ibid.*, hlm. 69, pasal 104 (teks Melayu). Terjemahannya milik saya.

24 *Ibid.*, hlm. 69, fasal 103, 105; hlm. 71, fasal 110.

25 *Ibid.*, hlm. 71, fasal 112 (teks Melayu). Terjemahannya milik saya.

26 A.H. Hill, "The Hikayat Abdullah," *op. cit.* Tentang ini Abdullah berkata, "Ada hukuman bagi murid yahg malas belajar. Si anak harus berdiri mengangkangi asap yang dihasilkan daripada gulungan sabut kelapa kering. Kadang-kadang lada kering dimasukkan ke dalam api. Bau asapnya sangat menyengat dan menyebabkan keluar air dari mata dan hidung," hlm. 46.

27 R. Brons Middel, 1893. *Kesah Pelajaran Abdollah bin Abdoelkadir Moensji dari Singapoera sampai ke Negeri Kelantan*, hlm 43 Leiden: Brill, Ini adalah penyalinan dari huruf Jawi (naskah Melayu dalam bahasa Arab) ke Rumi Inaskah Melayu dalam bahasa Latin) dalam ejaan Melayu Indonesia. Lihat juga A.E. Coope, 1949. *The Voyage of Abdullah*. (Singapura: Malaya Publishing House hlm. 22. Ini adalah tejemahan bahasa Inggeris dengan catatan dan lampiran.

28 A.E. Coope, *The Voyage of Abdullah*, hlm. 15, *ibid.*

29 R. Brown Middel, *Kesah Pelajaran Abdoellah*, hlm. 124, *op. cit.*

30 Banyak ketidakadilan sosial yang ditimbulkan oleh kapitalisme kolonial Inggeris di Malaya yang berlangsung setelah kematian Abdullah. Keterkejutannya menyaksikan keadaan negeri Melayu, menjadikan Abdullah sangat kagum akan kekuasaan Inggeris, sampai tingkat yang tidak disedarinya tentang tanggungjawab Inggeris terhadap kesengsaraan dan kekejaman yang berlangsung di Singapura. Dalam *Hikayat*nya, ia memberi huraian yang jelas tentang kekejaman perdagangan perhambaan yang terjadi di Singapura Inggeris. "Orang yang mempunyai hamba abdi ini bertingkahlaku seperti jahanam, tidak tahu malu dan tidak takut pada Allah. Gadis-gadis muda berkeliaran di sekitarnya, sementara ia berkelakuan sedemikian rupa yang tidak patut bagi saya menghuraikan dalam buku ini. Bagi siapa pun yang ingin membeli hamba abdi perempuan ini, ia akan membuka pakaian mereka dengan segala cara yang saya malu menuliskannya. Para pedagang hamba abdi bertingkahlaku dengan cara yang sangat biadab, tanpa cetusan perasaan apa pun; yang saya perhatikan ketika anak-anak kecil hamba abdi tersebut meraung, mereka menendangnya dengan keras dan memukul ibunya dengan tongkat, hingga badannya babak-belur. Bagi gadis-gadis muda yang banyak menuntut, mereka memberinya sepasang gaun, tetapi mereka tidak memperhatikan usia dan sakitnya. Ketiadaan rasa peri kemanusiaan terbesar yang saya perhatikan adalah penjualan seorang wanita kepada seorang lelaki, dan anaknya kepada orang lain. Sang ibu menangis dan si anak menjerit, ketika ia menyaksikan ibunya dibawa pergi. Perasaan saya begitu tersayat oleh tragidi ini; jika saya memiliki kekuasaan, sudah pasti akan saya menghukum orang jahat yang harus bertanggungjawab terhadap hal ini. Selanjutnya mereka yang menguasai hamba abdi lelaki, mengikat pinggang mereka seperti monyet, masing-masing dengan seutas tali, ditambatkan ke sisi perahu. Mereka berak di tempat itu, dan bau di perahu membuat masing-masing menutup hidungnya, *The Hikayat Abdullah* hlm.162, *op. cit.* Ratusan orang Cina datang untuk membeli hamba abdi itu, yang sebahagian besar dari Bali dan Sulawesi. Abdullah melaporkan apa yang dilihatnya kepada Raffles, yang mengatakan bahawa kegiatan perdagangan seperti itu juga terdapat di Eropah, dan bahawa orang Inggeris pada suatu hari akan menghentikan kejahatan ini. Tetapi, persoalannya di Singapura ia tidak berbuat

apa-apa untuk melaksanakan janjinya tersebut, sementara sistem tersebut masih dibenarkan. Raffles dapat mencegah pemisahan ibu dan anak, dan berbagai-bagai perlakuan lain yang tidak manusiawi, setidak-tidaknya di Singapura. Ia sangat baik dalam mengucapkan kata-kata bijak. Abdullah gagal melihat tanggungjawab Inggeris justeru kerana keadaan tersebut.

31 *Kisah Pelayaran Abdullah*, hlm. 97, *op.cit. The Voyage of Abdullah*, hlm. 54, op. cit.

32 "The Hikayat Abdullah," hlm. 80, *op. cit.*

33 *Ibid.*, hlm. 269.

34 *Ibid.*, hlm. 271.

35 Sebagai catatan sejarah tentang usaha-usaha pembaharuan dan pendidikan masyarakat Melayu menuju modenisasi, lihat W.R. Roff, 1967. *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur/New Haven: University of Malaya Press/Yale University Press.

36 *Semangat Penghidupan*, 1922. Kelantan: Majelis Ugama Islam dan Istiadat Melayu. (dalam naskhah Arab Melayu).

37 *Ibid.*, hlm. 4 Terjemahannya milik saya.

38 Abdullah Yusuf Ali, 1946. *The Holy Quran*, Surah LIII, 38–41, jil. 2. New York: Khalil al-Rawaf. Ini adalah teksnya, terjemahan, dan komentar tentang Quran dalam bahasa Inggeris yang dianggap sahih oleh kaum Muslim. Terdapat banyak ayat Quran yang menekankan tentang kerja dan keadilan.

39 Shahkib Arsalan, 1952. *Our Decline and Its Causes*, M.A. Shakoor (pent.) Lahore: Muhammad Ashraf. Terjemahan Melayu daripada analisis Shakib Arsalan dalam bahasa Arab, naskhah asal dicetak oleh penerbitan Islam yang terkenal, al-Manar, Kahirah di sekitar tahun 1930, terbit tahun 1954. Lihat al-Amier Shakib Arsalan, 1967. *Mengapa Kaum Muslimin Mundur dan Mengapa Kaum Selain Mereka Maju?* H. Moenawar Chalil (pent. Jakarta: Bulan Bintang, cetakan ketiga.

Bab 10

Revolusi Mental dan Kemalasan Orang Melayu

Pada tahun 1971, parti Melayu yang sangat berkuasa di Malaysia, The United National Organization (UMNO) menerbitkan buku dalam bahasa Melayu berjudul *Revolusi Mental*. Buku ini merupakan karya empat belas penulis, tiga bergelar doktor, tujuh bergelar sarjana, seorang berdiploma dan tiga yang lain tanpa gelaran. Pimpinan penyusun adalah Senu bin Abdul Rahman, setiausaha agung parti, bekas Menteri Penerangan, dan bekas duta besar Malaysia ke Indonesia. Tidak usah dikatakan, ia mengambil judul buku tersebut daripada istilah yang dicipta oleh Sukarno. Terlepas daripada gagasan yang umum dikenal sahih dan sederhana, konsep revolusi mental tetap tidak jelas. Revolusi mental didefinisikan sebagai suatu perubahan sikap, nilai dan falsafah sosial masyarakat tertentu.[1] Tujuan revolusi mental adalah "*untuk merobah cara berfikir, pandangan dan sikap anggota masyarakat bagi menyesuaikan diri dengan kehendak masa untuk mendorong mereka lebih giat lagi untuk merebut kemajuan dalam segala bidang hidup*".[2] Apa yang menarik perhatian kita di sini ialah pandangan para penulis tersebut tentang masyarakat yang harus diubah melalui revolusi mental. Kita akan menghindari pembicaraan tentang ketidaktelitian yang terdapat dalam buku tersebut, kurangnya kedalaman intelektual, kesimpulannya yang menggelikan dalam beberapa contoh, pandangannya sederhana tentang proses pembangunan, pernyataan yang bertentangan, dan sikap mengabaikan berbagai-bagai karya dan pendapat terdahulu tentang masalah yang sama oleh masyarakat Melayu sendiri di sekitar satu abad.

Masyarakat Melayu di Malaysia menurut buku tersebut, secara umum dicirikan oleh beberapa sifat yang berikut: masyarakat Melayu tidak jujur terhadap diri sendiri dan mereka tidak melihat kesalahannya sendiri. Oleh kerana itu punca keterbelakangan mereka yang nyata ten-

tulah kolonialisme, eksploitasi oleh masyarakat lain, sistem kapitalis, agama, dan sejumlah faktor lain. Masyarakat Melayu secara keseluruhan kurang keberanian untuk berjuang demi kebenaran. Penindasan yang tidak tertahankan, yang sering berlangsung dalam sejarah Melayu dijadikan bukti. Pada keseluruhannya masyarakat Melayu tahu bagaimana mengambil tanggungjawab, tetapi banyak orang Melayu yang tidak memiliki sifat ini. Masyarakat Melayu bersedia berkorban di bawah kepemimpinan yang baik. Mereka patuh pada undang-undang, selagi agama mereka tidak diganggu dan mereka tidak dihina, mereka bertolak ansur terhadap masyarakat lain. Masyarakat Melayu menekankan keselamatan umum tetapi mereka fatalis, dan ini merupakan faktor utama kemunduran mereka. "Ini adalah suatu sikap yang menjadikan orang Melayu kurang mahu berusaha, dan kalau berusaha pun lekas mengaku kalah bila berhadapan dengan rintangan walau sedikit pun".[3] Sikap ini bertentangan dengan ajaran Islam. Quran mengatakan Tuhan tidak akan mengubah nasib suatu kaum sampai mereka mengubah apa yang ada pada dirinya sendiri.

Pada umumnya masyarakat Melayu tidak berfikir secara rasional. Mereka lebih sering mengikut perasaan.[4] Pada masa lalu, masyarakat Melayu tidak menunjukkan disiplin atau ketepatan waktu. Tentu sahaja tidak ada perkataan tersebut dalam kosakata masyarakat Melayu, menunjukkan tidak adanya konsep tersebut, dan kerana itu juga timbul gejala tersebut. Ungkapan "janji Melayu" biasa digunakan untuk menggambarkan ketidaktepatan masyarakat Melayu.[5] Rajin ada dalam kosakata. Masyarakat Melayu tidak menunjukkan semangat kekerasan hati sewaktu berada di tengah-tengah kegentingan. Ungkapan Melayu "hangat-hangat tahi ayam" diajukan sebagai bukti – kehangatan tahi ayam tidak lama.

"Masyarakat Melayu ingin kaya tetapi upaya mereka untuk mencapainya tidak memadai." Mereka tidak hemat dan senang menghamburkan wang secara tidak perlu dengan berpesta, menyambut perayaan, dan membeli perabot rumah yang jauh melebihi kemampuannya.[6] Banyak orang Melayu tidak memikirkan masa depan mereka. Mereka tidak menabung untuk masa depan. Hingga sekarang masyarakat Melayu kurang menunjukkan minat terhadap ilmu pengetahuan dan teknologi dibandingkan dengan ilmu sastera sebagai suatu pekerjaan akademik. Mereka seharusnya memodenisasikan pekerjaan tradisi. Sebilangan orang Melayu menganggap orang kulit putih unggul. Naluri serakah

Melayu menganggap orang kulit putih unggul. Naluri serakah yang tidak biasa dikenal dalam masyarakat Melayu.[7] Masyarakat Melayu juga kekurangan keaslian dalam pemikiran,[8] khayalan dan semangat untuk membuat penyelidikan. Mereka kurang realistik, dan kurang berusaha. Mereka tidak menganggap kehidupan dunia ini cukup penting; mereka tidak menghargai waktu, dan tidak serius. Mereka tidak mempunyai keberanian mengambil risiko,[9] dan inilah kemiskinan jiwa mereka, bukan kerana wang yang menyebabkan mereka terkebelakang.[10] Sebagai bangsa mereka tidak jujur dan bersikap berdolak-dalik. Mereka menyembunyikan perasaan agar tidak menyakiti orang lain.[11] Seperti yang diusulkan oleh para penulis tersebut semua ini selanjutnya menjadi ciri-ciri yang membentuk watak Melayu tradisi. Implikasi daripada fikiran keempat-empat belas penulis tersebut ialah modenisasi dan progresif. Watak Melayu yang sangat negatif merupakan sasaran transformasi. Sistem ekonominya kapitalisme liberal dan berfalsafah individualisme. Penekanan diberi kepada kemampuan masyarakat Melayu secara khusus untuk meraih kekayaan, status sosial, dan kemajuan profesional, menandingi masyarakat Jepun, Amerika, Jerman, Yahudi dan Cina. "Kejayaan penduduk ini dalam dunia pertanian, perdagangan dan industri, membuktikan bahawa metode 'bagi diri-sendiri' dalam menangani berbagai-bagai persoalan ekonomi adalah lebih unggul daripada 'metode bersama', dan kedudukan ekonomi kita yang paling rendah di negeri kita menunjukkan hal tersebut."[12]

Masyarakat Cina yang disebut itu bukanlah berasal dari tanah besar China. Orang Jerman tidak pelak lagi dari Jerman Barat. Ketua negara, para pengurus perusahaan, ahli falsafah, kapitalis dari dunia kapitalis Barat disanjung dalam banyak halaman buku itu. Begitu pula beberapa ilmuwan sosial Barat yang menegakkan sistem kapitalis. Pandangan mereka banyak dikutip. Perwujudan akal budi dan kebijaksanaan ditampilkan daripada beberapa jutawan Cina Malaysia, Ford, Rockefeller, Rothschild, dan Krupp.[13] Pahlawan moden ialah pengurus perusahaan yang berpendapatan melebihi $2 000 (Malaysia), berpakaian rapi, dengan tali leher, menjinjing bag James Bond, menaiki kereta Jaguar, dan bekerja di bilik berhawa dingin. Pahlawan yang paling hebat tentu saja John Paul Getty, jutawan Amerika.[14]

Buku itu yang merupakan penggabungan yang kacau-bilau daripada pengetahuan biasa tanpa kedalaman, dan benar-benar kesimpulan yang

menggelikan, boleh jadi merupakan buku yang paling mudah, sederhana, dan setidak-tidaknya mengandungi falsafah kapitalisme yang didefinisikan dengan baik, sambil menegaskan gambaran falsafah moden dan asli daripada masyarakat Melayu. Pengaruh kapitalisme kolonial kuat. Sebaliknya buku tersebut menghindari isu kemalasan masyarakat Melayu. Sikapnya terhadap masalah ini berbelah-bahagi tetapi pasti cenderung kepada pandangan bahawa masyarakat Melayu malas. Tidak seperti Rizal, ia menyebut tuduhan Inggeris bahawa masyarakat Melayu itu malas tanpa menyetujuinya atau menyangkalnya.[15] Tulisan itu memberi kesan sikap orang Melayu menjalani nasib lebih kuat daripada sikap mereka terhadap usaha dan ketekunan.[16] Penulis menyiratkan masyarakat Melayu kurang usaha dan inisiatif, menyebut para petani dan nelayan Melayu didakwa malas dan kurang inisiatif tanpa menyangkal atau menerimanya,[17] dan menyimpulkan bahawa kemunduran masyarakat Melayu bukan disebabkan eksploitasi pihak lain, tetapi kerana tidak ada usaha mereka sendiri.[18] Dalam pendidikan, masyarakat Melayu tidak dianggap malas tetapi kurang berusaha.[19] Setiausaha agung UMNO, Datuk Senu bin Abdul Rahman, dalam pengantarnya pada buku tersebut mencatat citra negatif tentang masyarakat Melayu yang dilukis oleh para pengkaji asing, sejak abad ke-16, masih berlaku di kalangan masyarakat bukan-Melayu saat ini. Citra ini melukiskan masyarakat Melayu yang malas, tidak berkeinginan untuk bekerja seperti bangsa lain, puas dengan keadaan yang ada, dan bersikap acuh tak acuh terhadap kerja. Citra ini lalu menyebabkan kerajaan tidak berpuas hati, lalu mengambil langkah khusus bagi memajukan masyarakat Melayu. Bagaimana reaksi Datuk Senu? Inilah yang dikatakannya: "Sebaliknya pendapat-pendapat ini tidaklah mustahak dipersoalkan, tetapi masanya sudah tiba bagi orang Melayu mengkaji semula latar belakang dan sifat mereka pada masa lampau itu."[20] Lebih lanjut ia berkata bahawa jika ciri-ciri negatif ini benar, maka hal itu harus ditinggalkan dan disingkirkan. Tidak guna kita menafikan atau menunjukkan kemarahan kita terhadap pendapat dan tuduhan demikian. Sebaliknya biarlah pendapat demikian mendorong kita mencari apakah sifat yang akan membolehkan kita bertanding dengan orang lain.[21]

Tidak menghairankan buku tersebut tampil untuk memberi ciri-ciri masyarakat Melayu dalam pengertian negatif, yang belum ada duanya dalam sejarah kolonialisme. Meskipun banyak penulis kolonial Inggeris menekankan kemalasan masyarakat Melayu, mereka tidak mengupas

tentang begitu banyak sifat masyarakat Melayu yang lain, seperti huraian dalam *Revolusi Mental*. Tidak ada buku Inggeris kolonial yang pernah mencatat begitu banyak sifat negatif yang berhubungan dengan masyarakat Melayu, atau menganggapnya sebagai pengaruh yang kuat dalam pembentukan watak Melayu. Di bahagian lain buku tersebut, terdapat acuan tentang kenyataan bahawa tidak semua ciri Melayu itu buruk. Tetapi penulis berkata:

> Bagaimanapun, pandangan yang dibuat oleh penulis itu harus menjadi satu cabaran bagi kita untuk menambah kualiti yang baik bagi membolehkan kita bergerak kehadapan supaya setimbal dengan bangsa-bangsa lain yang telah maju.[22]

Ciri-ciri negatif yang disebut dalam buku tersebut mempengaruhi sebahagian besar masyarakat Melayu. Ada segolongan kecil, yang disebut dalam buku tersebut tidak memiliki ciri-ciri ini.[23] Oleh kerana itu *Revolusi Mental* merupakan penegasan ideologi kapitalisme kolonial, sejauh masyarakat Melayu terkait di dalamnya. Ia menggambarkan citra masyarakat Melayu yang bahkan lebih negatif jangkauannya daripada kapitalisme kolonial itu sendiri. Inilah citra negatif yang menguasai kehidupan orang Melayu. Tujuan penulisan *Revolusi Mental* adalah untuk mengubah citra itu. Banyak saranan untuk kemajuan dalam *Revolusi Mental* yang masuk akal. Kesemuanya adalah pengetahuan umum yang telah diketahui kaum intelektual dan tidak memerlukan pemerasan otak. Ironisnya ciri tentang sifat orang Melayu yang digambarkan oleh para penulis tersebut, seperti mudah puas, tidak cekap, kurang inisiatif, kurang imaginasi dan usaha, diperlihatkan dalam buku tersebut. Kita akan membincangkannya kemudian. Untuk mengupas ideologi *Revolusi Mental*, kita harus menunjukkan kekurangannya, kelemahan metodologi, dan afiliasi kelas para penulisnya. *Revolusi Mental* merupakan ideologi politik *par excellence* daripada golongan penguasa yang konservatif dihadapkan dengan beberapa masalah politik yang tertentu.

Tentang masalah kesedaran yang keliru dan ideologi, Mannheim mengetengahkan sebagai berikut:

> Dalam pengembangan pandangan yang baru, satu kelompok menjalankan tugas perintisan, sementara kelompok-kelompok lain, bermaksud menguasai keuntungan lawan mereka dalam perjuangan yang kompetitif, keharusan untuk memenuhi keperluan

dengan sendirinya memakai pandangan ini.[24]

Pandangan baru tersebut dikembangkan oleh kapitalisme kolonial. Kapitalisme koloniallah yang menimbang nilai komuniti menurut tingkat manfaatnya bagi kepentingan kelompok. Dalam kapitalisme kolonial, komuniti Eropah adalah yang paling dihargai, kemudian penduduk imigran, dan paling akhir penduduk asli. Sekitar 70 tahun yang lalu, pentadbir kolonial Inggeris yang terkenal, Clifford, menyatakan orang Melayu telah menjadi "anggota komuniti yang tidak menguntungkan dan tidak memuaskan" kerana kaum Melayu tidak menyediakan tenaga kerja yang diperlukan untuk mengembangkan sumber negeri tersebut.[25] *Revolusi Mental* tunduk kepada gagasan ini. Sementara menyebutkan sumbangan para imigran Cina terhadap kemakmuran negeri yang meningkat, buku itu, tidak menyebut sumbangan orang Melayu.[26] Buku ini menganalisis masa lalu dengan menggunakan kategori fikiran kapitalis kolonial. Dalam ideologi kapitalis kolonial, hanya orang-orang yang secara langsung melabur dianggap pelaku pembangunan, atau orang yang secara langsung terlibat dalam ekonomi kapitalis kolonial. Sumbangan orang Melayu terhadap pembangunan dikecilkan pengertiannya. Orang Melayulah yang mengurus negeri. Kaum Melayulah yang menjadi anggota polis. Mereka pengeluar bahan makanan utama negeri tersebut, khususnya pada zaman kolonial. Bahkan dalam konsep kapitalis tentang pembangunan, apabila bahagian terbesar daripada keuntungan masuk ke kantung segelintir orang, hal seperti itu dianggap bahagian *integral* daripada proses tersebut. Perkhidmatan orang Melayu dalam aspek undang-undang tatatertib merupakan hal yang penting. Namun ideologi kapitalisme kolonial hanya menegaskan keterlibatan langsung dalam perusahaan kapitalis. Erti undang-undang dan tatatertib bagi pembangunan ternyata di luar dugaan. Para pentadbir Inggeris yang sukar diatur itu tidak dapat menyempurnakan tugas ini tanpa sokongan para pemimpin Melayu dan pentadbir negeri tersebut. Tidak terhitung banyaknya sumbangan orang Melayu terhadap penyelenggaraan pemerintahan yang diatur dengan baik, begitu mudah diabaikan. Masyarakat Melayu telah memberi banyak sumbangan untuk mencipta keadaan yang memungkinkan perkembangan kapitalis. Oleh itu tidak perlulah *Revolusi Mental* menerima sistem kasta kapitalisme kolonial yang menyebabkan kaum Melayu diletakkan pada kedudukan yang

paling rendah.

Catatan yang sedikit bertentangan diungkap dalam dua bahagian buku tersebut. Orang Inggeris dituduh melumpuhkan semangat masyarakat Melayu dengan berbagai-bagai cara, satu di antaranya menyebutkan kaum Melayu itu malas, sementara mereka mengangkut para pendatang dari Cina dan India, untuk mengeksploit berbagai-bagai sumber alam yang kaya di negeri tersebut bagi keuntungan kekuasaan kolonial dan kaum pendatangan. Masyarakat Melayu menjadi miskin di negerinya sendiri.[27]

> Orang-orang asing pula digalakkan beramai-ramai masuk ke Tanah Melayu untuk menjadi pekerja di ladang getah dan lombong bijih. Dengan masuknya beramai-ramai kaum pendatang seperti orang Cina dan India ke Tanah Melayu, perniagaan kecil di bawah orang Barat telah dimonopoli oleh orang-orang ini dan apabila orang Melayu hendak memasuki lapangan itu kemudiannya, mereka tidak diberi peluang langsung oleh kaum yang telah menguasai perniagaan itu. Kerana sebab-sebab yang disebutkan di atas ini peringkat kemajuan yang dicapai oleh orang Melayu tidak lagi seperti yang dahulunya.[28]

Catatan yang penuh pertentangan ini tidak mempengaruhi seluruh maksud *Revolusi Mental*. Semuanya itu mungkin ditulis oleh dua daripada 14 penulis tersebut. Inilah suatu contoh yang jarang ditemui dalam buku – suatu keadaan sosiologi yang tidak ada hubungannya, didesak untuk menjelaskan keterbelakangan. Hal ini bertentangan dengan semangat mencela diri sendiri dan pemerosotan diri sendiri yang memberi ciri *Revolusi Mental*. Buku *Revolusi Mental* merupakan ideologi yang menyimpang daripada parti Melayu yang berkuasa, yang turut memberi kesedaran yang keliru tentang kapitalisme kolonial. Kesedaran yang keliru tersebut merosak kenyataan. Parti Melayu yang berkuasa telah mewarisi kekuasaan daripada orang Inggeris, tanpa suatu perjuangan untuk kemerdekaan sebagaimana halnya yang terjadi di Indonesia, India dan Filipina. Demikian juga tidak ada perjuangan ideologi Inggeris secara lebih mendalam. Kepemimpinan parti ini diambil daripada jenjang para pentadbir tertinggi yang dilatih oleh orang Inggeris, serta guru-guru sekolah Melayu kelas menengah dan pegawai negeri yang lain. Dalam pola tersebut tidak berlangsung keterlibatan beberapa orang ahli.

Penekanan mereka terhadap individu sebagai alat perubahan yang menentukan tanpa pertimbangan sistem yang cukup telah mencerminkan kedudukan mereka yang sangat kuat. Selama lebih kurang 15 tahun melalui pemerintahan yang dikuasainya, parti tersebut telah melaksanakan beberapa buah projek, untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat Melayu di luar bandar. Kebanyakan projek ini tidak sepenuhnya berjaya dan banyak kritik yang dilontarkan terhadapnya. Untuk membebaskan diri daripada tanggungjawab, parti menyalahkan masyarakat Melayu sendiri. Sikap ini diungkapkan oleh ramai pemimpin mereka sebelum pilihanraya umum tahun 1969. Buku yang menghuraikan usaha yang ditempuhi pemerintah dalam berbagai-bagai bidang itu mengisyaratkan, bahawa berbagai-bagai usaha individu pada akhirnya harus lebih dipercayai daripada langkah-langkah pemerintah.[29] Buku tersebut juga menuding kekeliruan pemerintah yang melaksanakan perancangan sebagai akibat janji manis para pegawai pemerintah tertentu.[30] Ia menyesali sikap masyarakat Melayu luar bandar yang mengharapkan para pemimpin pemerintah dan parti untuk memecahkan persoalan mereka. Ia menegaskan bahawa kemampuan pemerintah untuk membantu ada batasnya, dan menyatakan bahawa Tuhan akan menolong mereka yang menolong dirinya sendiri. Tidak adanya syarikat yang gigih untuk mengumpulkan kekayaan dan mencapai kedudukan profesional, kelemahan individualisme yang berlawanan dengan kolektivisme, serta ketergantungan pada pemerintah dan para pemimpin menyebabkan masyarakat Melayu mundur.[31] Inilah kemudian yang menjadi latar belakang individualisme dan kapitalisme semangat *Revolusi Mental*.

Selain itu, banyak pemimpin parti dan orang yang terkemuka terlibat dalam usaha besar-besaran atau usaha yang dikuasai oleh para usahawan Cina. Banyak orang terkemuka parti duduk dalam dewan perniagaan yang penting, meskipun tidak secara langsung menjadi pemilik dan pengurus, mereka terlibat dalam sistem kapitalis. Oleh kerana itu semangat mereka tertuju pada kapitalisme. Pesanan bahawa masyarakat Melayu melalui kegiatan perseorangan harus menjadi kaya adalah ungkapan pola hidup mereka sendiri. Seperti yang telah dicatat dalam pengantara, suatu ideologi mengandung unsur penyimpangan. Menurut sejarah, ideologi kelas yang berkuasa di seluruh dunia mengandung unsur yang kuat tentang penonjolan diri, kebanggaan terhadap golongannya dan prestasinya. Pencemuhan terhadap diri sendiri

dan rendah diri mencerminkan kedudukan mereka sendiri dalam sistem ekonomi yang diwarisi daripada kapitalisme kolonial. Mereka merasa rendah kerana kriteria ukuran berasaskan kapitalisme kolonial. Oleh kerana itu pujian mereka tertuju kepada kapitalisme, kepada Krupp, Rothschild, Rockefeller, John Paul Getty, dan beberapa orang jutawan Cina Malaysia. Maka merataplah mereka bahawa tidak ada orang seperti itu di kalangan masyarakat Melayu.

Jenis penyimpangan dalam *Revolusi Mental* tentang watak Melayu tersebut dapat dijelaskan dengan kemiskinan intelektual para penulisnya. Kelompok yang secara intelektual lebih berkembang, dapat membangun ideologi kapitalisme yang lebih canggih dikurangi unsur pemerosotan. Penyimpangan tersebut merupakan hasil daripada penalaran yang keliru. Tiga puluh atau lebih ciri-ciri negatif yang dituduh itu, yang secara kuat membentuk watak Melayu merupakan kesimpulan yang diambil daripada dasar fikiran yang salah. Semuanya itu tidak didasari penelitian atau pengamatan yang bijaksana. Memang benar, mungkin dengan satu atau dua pengecualian, para penulisnya sendiri tidak bekerja di dalam perusahaan besar. Tetapi, sudah menjadi sifat para ideologi, mereka tidak perlu dikaitkan secara langsung dengan seluruh unsur utama sistem yang sedang ditegakkan. Hegel, pembawa ideologi agung dari negeri Prusia tanpa harus menjadi pegawai kerajaan atau ahli politik bebas mengkhutbahkan berita negeri tersebut. Ia profesor universiti.

Kategori pemikiran utama yang tertentu menguasai suatu zaman. Satu di antaranya adalah citra negatif tentang masyarakat Melayu. Baik yang diucap oleh pemimpin UMNO atau pentadbnir Inggeris, tidak banyak perbezaannya sepanjang tentang keunggulan gagasan tersebut. Ia milik suatu zaman yang khusus. Malaysia kini sedang mengalami suatu peralihan daripada kapitalisme kolonial kepada suatu bentuk kapitalisme yang lebih nasional. Dalam suatu masa peralihan, sering terjadi fikiran yang menguasai pada zaman sebelumnya memaksakan diri dengan kekuatan yang lebih besar. Menjelang akhir kekuasaan Sepanyol di Filipina, fikiran yang menguasai zaman kolonial Sepanyol, kemalasan masyarakat Filipina memaksakan diri dengan kekuatan yang lebih besar, seperti yang ditunjukkan oleh tulisan orang Eropah dan Sepanyol tentang masyarakat Filipina, pada separuh kedua abad ke-19. Oleh kerana itu, menurut *Revolusi Mental*, pemerosotan masyarakat Melayu yang berterusan bukan suatu petunjuk tentang munculnya citra baru tentang kaum Melayu. Kelas penguasa yang ada di Malaysia memben-

tuk rentetan yang tidak putus dengan masa lalu kolonial. Mereka bekerja dengan kategori-kategori pemikiran kolonial, meskipun ada juga pernyataan anti-kolonial mereka. Tanggapan mereka tentang kekayaan, cukai pendapatan, agensi negara, masih dikuasai oleh kategori kolonial. Misalnya, pemerintah tidak akan pernah menyetujui pembebasan cukai bagi menanggung ibu bapa. Begitu pula mengenai pembatasan pendapatan dan keuntungan, mereka lebih menyukai gagasan untuk mengendalikan upah.

Masalah yang timbul daripada *Revolusi Mental* ialah mengapa parti Melayu yang berkuasa membangun ideologi kapitalis yang menyangkut soal kemerosotan kaum Melayu yang tidak bertanggungjawab dibandingkan dengan pada masa kolonial? Apakah kepentingan peribadinya, sehingga menyamarkan proses pemerosotan tersebut? Ada tiga penjelasan pokok untuk persoalan ini. Pertama, kepercayaan yang sungguh-sungguh di kalangan beberapa anggota parti yang berkuasa bahawa masyarakat Melayu berada dalam keadaan yang buruk, yang dikaitkan dengan watak Melayu. Kedua, keinginan untuk menghindari tanggungjawab terhadap kesalahan pemerintah dalam usaha memajukan masyarakat Melayu, relatif sama dengan kemajuan yang dicapai oleh pihak lain. Ketiga, keperluan akan pembenaran bagi berbagai-bagai perencanaan yang pasti, untuk meningkatkan taraf ekonomi masyarakat Melayu secara umum, yang pada tahap awal memperbesar kekuasaan beberapa kelompok masyarakat Melayu dan usahawan Cina. Dengan penekanan terhadap masalah masyarakat Melayu, dana yang ada dicipta untuk berbagai-bagai projek yang berkaitan dengan kepentingan beberapa golongan masyarakat Melayu yang berkuasa. Sesungguhnyalah semua itu dapat dilakukan tanpa unsur pemaksaan pemerosotan, tetapi disebabkan hal yang kebetulan dan berbagai-bagai keadaan.

Para perumus ideologi tersebut masih di bawah pesona citra kolonial tentang masyarakat Melayu. Masih kurang penduduk dengan kaliber intelektual yang tinggi yang mampu merumuskan suatu ideologi yang lebih mantap. Orang-orang yang sedar akan sosiologi pengetahuan tidak hanya kritis terhadap berbagai-bagai pandangan dan pendapat mutakhir, tetapi juga mempunyai kategori pemikiran yang menjadi asas pandangan dan pendapat tersebut. Intelektual mereka itu akan ditinjau dalam bab yang berikut dan citra mereka tentang masyarakat Melayu akan dinilai secara kritis. Sekarang kita akan beralih kepada pandangan lain, yang dalam banyak hal mirip *Revolusi*

Mental tetapi dengan suatu hal yang lebih ekstrim, yakni pemerosotan masyarakat Melayu.

Mahathir bin Mohamad, doktor dan ahli politik Melayu dari Kedah mencetuskan pemikirannya tentang masalah Melayu pada tahun 1970, pada saat ia masih berada di luar parti. Ia sekarang kembali menganggotai parti. Mahathir menambah ukuran yang turun-temurun terhadap masalah Melayu. Mahathir menggunakan lingkungan untuk menjelaskan asal kejadian dan terus menerus menyebarkan apa yang dianggapnya menjadi ciri-ciri bangsa yang turun-temurun. *Pertama*, ia melukiskan kehebatan orang Cina.

> Sejarah Cina dikotori dengan bencana, baik bencana alam mahupun buatan manusia. Empat ribu tahun yang lalu tercatat banjir yang luar biasa, dan sesudah itu diganti dengan kelaparan, sementara gelombang penyerbu, kaisar dan pejuang yang ganas memporakperandakan negeri tersebut. Bagi penduduk Cina, hidup merupakan satu perjuangan yang terus-menurus untuk kelangsungan hidup. Dalam proses itu fikiran dan badan yang lemah akan dikalahkan oleh yang kuat dan banyak akal. Generasi demi generasi, menempuh empat ribu tahun atau lebih, proses ini menyingkirkan hal-hal yang tidak layak, menyokong dan bersekongkol dengan batasan yang ketat tentang kelangsungan hidup hanya bagi yang layak sahaja. Hal ini seolah-olah tidak cukup untuk mencipta suatu bangsa yang tabah, adat Cina menetapkan bahawa perkahwinan tidak seharusnya di antara kaum yang sama. Sikap ini lebih banyak menghasilkan keturunan-silang daripada keturunan-asal, hal yang secara langsung bertentangan dengan pemihakan Melayu terhadap keturunan asal. Akibat dari adat Cina ini adalah keharusan untuk beranak-pinak yang dapat menghasilkan keturunan dengan sifat yang paling baik, yang memudahkan kelangsungan hidup dan menonjolkan pengaruh persekitaran terhadap orang Cina.[32]

Berhubung dengan masyarakat Melayu, lingkungan geografi mereka mendorong perkembangan sifat-sifat "bangsa" yang lemah. Orang Melayu tinggal di pedalaman dan di lembah sungai, kerana di daerah itu tanaman mudah hidup. Terdapat banyak tanah bagi setiap orang dan bukit-bukit tidak pernah dijadikan tempat bercucuk-tanam atau perkampungan yang tetap. Berbagai-bagai dataran tropika yang subur dengan sumber makanannya yang berlimpah-ruah, mampu menampung

sejumlah penduduk yang dahulu relatif sedikit di Tanah Melayu. Tidak diperlukan pengerahan tenaga yang besar atau kecerdikan untuk mendapatkan makanan. Sepanjang tahun banyak persediaan untuk sesiapa pun. Kelaparan dan kesengsaraan yang merupakan gambaran yang lumrah di negeri seperti Cina, tidak ditemui di Tanah Melayu. Dengan keadaan ini, setiap orang bertahan hidup. Bahkan dengan ketekunan yang paling lemah dan paling rendah pun, masih dapat hidup dengan relatif selesa berumahtangga dan beranak-pinak. Suatu pengamatan bahawa hanya orang yang paling kuat yang akan bertahan, tidak dapat diterapkan, kerana makanan yang berlebihan mampu menunjang kehidupan bahkan bagi yang paling lemah sekalipun.[33] Tanaman yang diusahakan juga berpengaruh terhadap watak orang Melayu.

> Penanaman padi, yang dilakukan oleh sejumlah besar masyarakat Melayu merupakan pekerjaan bermusim. Pekerjaan tersebut sebenarnya hanya memakan waktu dua bulan, tetapi hasilnya cukup untuk setahun penuh. Ini terjadi terutama pada zaman penduduk sedikit dan tanah masih luas. Waktu luang banyak. Bahkan setelah mengumpulkan berbagai-bagai bahan makanan yang lain, masih juga tersisa banyak waktu istirahat. Tanah yang panas, iklim yang lembab, tidak baik untuk kerja keras bahkan untuk kegiatan mental. Oleh kerana itu, terkecuali untuk sejumlah kecil orang, penduduk puas menggunakan waktu luang mereka yang tidak terbatas itu dengan hanya beristirahat atau dengan berbual-bual di sana-sini bersama tetangga dan sahabat.[34]

Ketidakcocokan secara turun-temurun antara kaum Melayu dan orang Cina merugikan masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu yang dipengaruhi lingkungannya secara turun-temurun telah begitu lemah sehingga tidak dapat berbuat apa-apa kecuali mundur sebelum adanya serangan gencar para imigran Cina. Apa pun yang dilakukan oleh kaum Melayu, orang-orang Cina dapat mengerjakannya dengan lebih baik dan lebih murah. Jauh sebelum para imigran yang rajin dan tekun itu menggeser kaum Melayu dalam perdagangan kecil-kecilan dan semua cabang yang berkeahlian. Begitu kekayaan mereka bertambah, jalur hubungan mereka pun semakin luas. Dilihat daripada pengalaman mereka sebelum itu sebagai pegawai di tanah air mereka sendiri, para imigran Cina segera membangun model hubungan antara petugas dan pedagang yang ada di Cina.[35] Pengalaman orang Cina dalam permainan

sogok dan suap di negerinya bermanfaat sekali bagi mereka di Tanah Melayu.

> Kepuasan, kelas penguasa yang terbuka dan diatur, serta-merta memperkuat penyerobotan orang-orang di kota dan membantu mereka menyusun kekuasaan ekonomi yang sempurna. Kota-kota berubah peranannya. Toko-toko kecil Melayu memberi jalan bagi berkembangnya toko-toko Cina. Begitu orang Cina meningkat jumlahnya dan berbagai-bagai kegiatan usahanya berkembang, harga tanah di kota melejit. Digoda oleh harga tinggi yang ditawarkan untuk tanahnya, maka orang-orang Melayu menjual tanah miliknya dan mulai pindah ke pinggir kota. Pola ini telah diatur ketika Inggeris memulai kekuasaannya. Orang Ingeris pada mulanya mengakui perusahaan Cina, dan menyedari bahawa penduduk Cina yang kaya akan bermanfaat bagi perdagangan Inggeris. Orang Cina tidak hanya menyediakan prasarana untuk kemanfaatan gudang-gudang eksport import Inggeris yang besar, tetapi juga kekayaan yang begitu mudah mereka raih juga menjadikan Cina sebagai langganan Inggeris yang baik. Imigrasi orang Cina didukung, dan segera beberapa kota mulai mengambil sifat kota Tanah Melayu seperti sekarang.[36]

Orang-orang Cina menghancurkan kepercayaan diri masyarakat Melayu dalam hal kerajinan, keterampilan dan perniagaan. Kaum Melayu benar-benar digeser dari bidang tersebut sebagai akibat dukungan Inggeris terhadap imigrasi. Orang-orang Melayu kota dianjurkan untuk bertahan bekerja dalam pemerintahan.[37] Kemerdekaan Malaya pada tahun 1957 tidak banyak mengubah keadaan umum masyarakat Melayu, meskipun telah ada kenaikan jumlah orang Melayu dalam pekerjaan dan perdagangan.

> Meskipun ada kemajuan, dilema ekonomi kaum Melayu masih ada. Dan tetap ada, kerana untuk setiap langkah maju yang dibuat oleh orang Melayu dalam bidang ekonomi, suku bangsa yang lain melangkah sepuluh kali. Tetap ada, kerana dasar kerajaan Malaysia yang bebas mengimbangi dasar yang bertujuan membantu masyarakat Melayu. Tetap ada, kerana konsep usaha telah berubah dan berubah terus, bahkan di saat kaum Melayu mulai memahami metode-metode ortodoks yang pada awalnya menundukkan mereka.[38]

Keadaan selepas masa kemerdekaan diwarisi dari masa yang lalu. Keadaannya yang timbul dari masa lalu ini telah menguntungkan imigran Cina.

> Orang Cina tahu bahasa tempatan dan telah mempunyai segala hubungan dan aturan yang di perlukan, bagi memungkinkan para pedagang Eropah memeras susu kesultanan Melayu hingga kering. Dengan sangat cepat, hubungan intim yang sempurna dibangun antara para pedagang Cina dan saudagar penakluk dari Barat. Kerja sama ini berkembang dan perpaduan kaum Cina membuktikan faedah yang berulang-ulang, migrasi orang-orang Cina ke Malaysia didorong dan dipacu. Maka didapatlah keuntungan tambahan bagi orang-orang Inggeris sebagai penerus kaum Portugis dan Belanda di Malaya. Orang Cina yang menjadi kaya di bawah perlindungan Inggeris, menjadikan dirinya sebagai langganan yang baik bagi orang Inggeris. Pasar untuk barang-barang Inggeris di Malaya meluas dan sangat menguntungkan. Dengan kedatangan para pedagang Cina, muncullah pekerja-pekerja terampil dan akhirnya kuli-kuli yang tidak mahir. Bagi para penguasa Inggeris di negeri tersebut, gelombang orang Cina dari segala peringkat dan golongan bererti timbulnya masyarakat yang lebih mapan dan terorganisasi, yang memberikan banyak kemudahan bagi usaha pelaksanaan pentadbiran mereka. Tetapi bagi kaum Melayu, gelombang tersebut bererti suatu penggusuran. Mula-mula penggusuran dalam perdagangan dan perniagaan, kemudian dalam ketenangan yang terampil, bahkan akhirnya tenaga yang tidak mahir. Di sana terjadi juga penggusuran tempat, orang-orang Melayu harus minggir dari kota, yang jika tidak diambil oleh kerajaan maka tidak ada alasan bagi mereka untuk tetap tinggal di kota. Tentu saja, nilai tanah yang meningkat di kota serta berbagai-bagai pungutan dan cukai telah memaksa mereka menjual tanah miliknya dan membeli tanah desa yang lebih murah.[39]

Kemunduran orang Melayu di belakang penduduk pendatang yang disebabkan oleh pemerintahan kolonial, sebahagian disebabkan kebaikan dan perasaan rendah diri orang Melayu.

> Orang Cina dan India yang datang dari negeri yang berpenduduk padat tidak mempedulikan tabiat baik dan sopan santun. Dalam

> kehidupan mereka, keluhuran budi yang selalu dihubungkan dengan pendidikan, benar-benar tidak ada. Mereka hanya menghormati zaman dan kekayaan. Orang Cina dan India tidak memahami kebiasaan orang Melayu untuk mengalah. Mereka tidak melihat hal-hal yang di dalamnya memperlihatkan didikan yang baik. Mereka tidak mengaguminya dan mereka merasa tidak perlu menirunya tetapi sudah pasti mereka merasakan manfaatnya. Mereka merasa mereka tidak harus menyesuaikan diri, dan mereka dapat berlalu tanpa sebarang gangguan. Mereka merasakan keuntungannya bahawa mereka dapat mengerjakan hal-hal yang tidak dapat dilakukan orang Melayu. Mereka melihat kenyataan di bumi orang Melayu, mereka mempunyai hak-hak istimewa.[40]

Kebiasaan kaum Melayu untuk bersopan-santun dan merendah diri ini memaksakan pengekangan dalam berbagai-bagai hal. Selalu ada peperangan di dalam dirinya – suatu konflik – dan pertentangan ini terungkap dalam aneka cara. Akibat pertama dan yang paling penting ialah kembali kepada diri sendiri dan suku bangsanya. Ia tidak pernah berterus terang, kecuali dengan orang yang benar-benar dapat dipercayai. Dan ia benar-benar percaya hanya kepada bangsanya sendiri. Oleh kerana itu fikirannya yang diutarakan kepada orang-orang yang tidak sejenis dengannya akan berbeza dengan yang disampaikannya kepada suku yang sejenis dengannya. Tentu sahaja perbezaan hanya terjadi apabila apa yang harus diungkapkan kepada orang lain itu tidak menyenangkan atau tidak mengenakkan. Jika fikirannya yang benar tidak akan menyebabkan ketidakenakan atau kebencian, maka ia tidak ragu-ragu menyampaikannya kepada masyarakatnya sendiri dan masyarakat lain. Oleh kerana itu, kelirulah jika menilai orang Melayu hanya dari wajah luarnya saja. Dalam hal ini jauh lebih baik jika kesopanan dan kebenciannya terhadap persengketaan tersebut difahami daripada hal yang sebenarnya. Pertentangan dalam dirinya berkemungkinan besar berbahaya. Ia terus mencari-cari cara untuk melampiaskannya.[41]

Mahathir kemudian menyatakan *amuk* (mengamuk) adalah bahagian penting perwatakan orang Melayu.

> Amukan melambangkan ungkapan fizikal luar dari pertentangan dalam tubuh orang Melayu yang disebabkan oleh ketaatannya yang kekal terhadap peraturan dan tatacara

> kehidupan. Ini merupakan suatu tumpahan, suatu luapan daripada kepahitan dirinya. Inilah saat terputusnya tali yang mengikat dirinya. Inilah pelarian terakhir daripada penalaran dan pengalamannya. Ketegangan dan pengekangan dirinya tercabut. Tanggungjawabnya hilang. Tidak ada yang difikirkannya lagi. Ia kini bebas. Hubungan dengan masa lalu terputus, masa depan tidak memberi sebarang harapan. Yang penting hanyalah sekarang. Untuk menggunakan ungkapan yang sudah usang, "ia naik darah". Dalam keadaan tidak sedarkan diri ia menyerang tanpa pandang bulu. keraguannya, kerendahhatiannya hilang dengan sendirinya. Ia sekarang adalah Tuan Hyde, kejam, tidak berperasaan dan cenderung merosak. Tetapi, perubahan daripada orang Melayu yang sopan-santun, rendah-diri, menjadi pengamuk selalu merupakan proses yang lambat. Begitu lambat sehingga hal ini mungkin tidak terjadi sama sekali.[42]
>
> Tinjauan singkat mengenai aspek tertentu perwatakan orang Melayu, semata-mata untuk menggambarkan bahawa persoalan orang Melayu adalah lebih menonjol daripada fakta-fakta yang seakan-akan memberi petunjuk. Hal ini dimaksudkan untuk memusatkan perhatian kepada keanihan orang Melayu memendam rasa tidak senang mereka. Kita sekarang dapat memahami mengapa sepanjang sejarah, orang Melayu kelihatan memuaskan dirinya dengan mengungkit-ungkit tentang masa lalu. Mereka benar-benar menyerah dengan sopan, hampir setiap sisa kekuatan dan kekuasaanya di bumi mereka sendiri.[43]

Ada pengerahan daya intelektual yang lebih besar yang diperlihatkan dalam buku Mahathir daripada dalam *Revolusi Mental*. Walaupun digunakan alasan tentang keturunan, Mahathir menggunakan sejumlah alasan lingkungan dan sosiologi. Meskipun terdapat ketidaktelitian sejarah di sana sini, buku tersebut secara keseluruhan merupakan pembelaan yang beralasan tentang perlindungan konstitusional orang Melayu.

Di sini kita tertarik pada konsep watak orang Melayu, yang dalam banyak hal sama dengan konsep yang dihuraikan dalam buku *Revolusi Mental*, yang bagi Mahathir mengikuti kecenderungan berfikir yang sama. Ia mendapati masyarakat Melayu sebagai fatalistik. Orang Melayu tidak memiliki bentuk keberanian yang positif.

> Keteguhan kemahuannya dalam penyerbuan, dalam pengunduran diri atau dalam ketahanan yang diarahkan oleh wawasan yang sejati terhadap sesuatu keadaan, seperti yang dihuraikan oleh Plato, bukan sebahagian daripada tatacara orang Melayu. Keteguhan, sesungguhnya bukan sifat orang Melayu sahaja. Bentuk keberanian yang memerlukan keteguhan dan ketaatan kepada suatu prinsip, yang tidak lazim di kalangan orang Melayu.
>
> Keberanian dalam banyak hal disamakan dengan keinginan untuk menghadapi keadaan tanpa harapan. Ia menghadapi rintangan yang besar sekali – yang pasti dapat menuju kepada kekalahan dan kehancuran. Menghadapi lawan yang tampaknya di luar jangkauan kemampuan seseorang, maka ia disebut berani. Untuk memperhitungkan dan menaksir kekuatan seseorang, pertama sekali adalah menunjukkan sikap takut. Waktu dan sekali lagi ketidakmampuan atau keengganan untuk mengukur lawan mereka menyebabkan kekalahan dan malapetaka menimpa orang Melayu. Orang Melayu yang berani biasanya membabi-buta, dan oleh kerana ia mungkin berbuat banyak hal tanpa memikirkan akibatnya, rata-rata orang Melayu memperlakukannya dengan rasa takut dan hormat. Orang awam tahu bahawa hal ini tidak bermanfaat untuk menimbulkan rasa tidak senangnya, dan akan lebih selamat membiarkannya menggunakan caranya sendiri. Oleh kerana itu, orang awam mewakili ekstrim yang lain, apabila prinsip dikesampingkan demi keselamatan.[44]

Meskipun ada berbagai-bagai pengecualian terhadap hal ini, ini bukan kebiasaan umum. "Hal ini menjelaskan mengapa kaum Melayu terampil mengatasi musuh dengan diam-diam dan kecerdikan, dan jarangnya serangan berhadapan dalam sebarang keadaan."[45] Masyarakat Melayu memiliki cara membuat keputusan yang khusus.

Keperluan untuk mengendalikan keinginan dan mengarahkan kemahuan yang keras diakui, tetapi kearifan dipandang terutama sebagai kemampuan untuk mengelakkan keadaan. Hal ini bukanlah pengekangan atau penjarahan yang dipandang tinggi, melainkan kemampuan untuk menghindari keputusan yang jelas dan dapat membuat perbaikan pada kemudian hari. Orang Melyu tidak pernah terikat dengan apa pun; selalu ada jalan keluar bagi keadaan yang dihadapi, pembuatan keputusan sering merupakan proses yang memakan

waktu dan membosankan. Tentu saja, di mana memungkinkan, suatu keputusan sama sekali dihindari, sebaliknya, persiapan asas di buat agar kemudian dapat kembali ke pangkal jalan dan pembenaran.[46]

Orang Melayu tidak menghargai waktu.

> Sikap acuh tak acuh terhadap waktu terlihat dalam caranya yang sembrono dalam memanfaatkan waktu. Bermalas-malas, atau menghirup kopi, atau bersembang-sembang dapat dikatakan kebiasaan orang Melayu pada umumnya Undangan menghadiri kenduri di kampung selalu dalam waktu untuk yang tidak dapat ditentukan. Orang boleh datang bila-bila sahaja, makan sembarang waktu dan berpamit setiap saat. Tidak seorang pun datang tepat pada waktunya untuk suatu pertemuan; tetapi sekali dimulai tidak ada batas waktu bila pertemuan itu berakhir. Oleh kerana itu, pertemuan bermula lambat dan berakhir lebih lambat lagi, tidak peduli berapa lama waktu diatur bagi menyesuaikan kepentingan setiap orang.[47]

Sikap tidak menghargai waktu tersebut mempunyai akibat terhadap kemajuan orang Melayu. Kerja dan perancangan tidak pernah dapat dipegang.

> Jadual waktu merupakan bahagian penting kehidupan manusia moden. Pasti, semakin teknologi memajukan manusia, semakin terikat ia kepada waktu. Penghitungan kejaran waktu melambangkan ketergantungan teknologi moden secara sungguh-sungguh terhadap waktu. Tanpa jadual yang tepat, manusia tidak akan pernah menakluki angkasa. Masyarakat yang tidak sedar akan waktu seharusnya dicap sebagai masyarakat yang sangat mundur. Lebih-lebih lagi, ia akan tetap sebagai masyarakat yang sangat terbelakang. Ia tidak pernah dapat meraih apa-apa sebagai miliknya sendiri, dan ia tidak dapat diharapkan untuk maju dan menyusul peradaban yang sangat mementingkan waktu. Tidak dapat disangkal bahawa kesalahan orang Melayu dalam menghargai waktu adalah salah satu penghalang yang paling penting kemajuan mereka.[48]

Berhubung dengan tema kemalasan, Mahathir tidak menjelaskannya secara pasti tetapi pandangannya boleh jadi lebih cenderung menganggap kaum Melayu tidak mampu bekerja keras. Suatu kelesuan yang hebat telah menghinggapi masyarakat Melayu dalam sektor perdagangan dan

industri. Kekuatan dalam sektor ini tidak dikembangkan.

> Orang-orang Melayu kecuali mereka yang di Kelantan, mungkin tidak mampu membina rumah batu sendiri dengan sungguh-sungguh, tetapi para arkitek Melayu dapat merancang dan melakukan seluruh pekerjaan yang rumit. Para jurutera Melayu dapat merancangkan dan mengatur kerja pembinaan jambatan yang paling moden. Ahli-ahli pertanian Melayu dapat memimpin berbagai-bagai percubaan dan mengawasi penanaman tanaman apa sahaja. Para doktor dan peguam Melayu dengan baik menyamai kemampuan bangsa apa pun. Para pentadbir Melayu jauh lebih baik daripada pentadbir bangsa-bangsa lain. Kekuatan tersebut ada di sana, tetapi hanya dikembangkan dalam bidang yang terbatas. Antara ahli pertanian Melayu tradisional dan elit terpelajar terdapat kekosongan yang besar yang di kalangan mereka tidak ditemui orang Melayu. Kekuatan mereka dalam bidang ini belum dikembangkan. Hal ini sebahagian disebabkan oleh sikap tidak peduli mereka, dan sebahagian disebabkan pandangan pendek dan ketidakacuhan terhadap para pemimpin mereka. Sesungguhnyalah, para pemimpin mereka yang bertanggungjawab pun menderita kelesuan yang merembas masyarakat mereka.[49]

Tentang kemampuan untuk kerja keras, ia berkata:

> Telah banyak diketahui, bahawa para pemimpin Melayu akan mengatakan bahawa orang Melayu tidak sesuai menceburi pekerjaan yang memerlukan kemahiran. Mereka adalah petani. Wang bagi mereka tidak sama ertinya seperti orang Cina. Mereka tidak mempunyai hasrat atau kemampuan untuk bekerja keras. Dan melebihi semuanya, mereka tidak mampu berubah.[50]

Mahathir tidak menyangkal ada ucapan tentang keinginan dan kemampuan bekerja keras, tetapi ia benar-benar menyangkal bahawa mereka tidak dapat diubah. Pembandingannya antara orang-orang Melayu dan Cina adalah petunjuk lebih jauh mengenai konsepnya tentang kemampuan orang Melayu untuk berkerja keras.

> Bukanlah pilihan masyarakat Melayu untuk menjadi orang desa dan miskin. Ini adalah akibat ketidakserasian sifat-sifat bangsa. Mereka suka mengambil mudah akan persoalan dan bertolak ansur. Orang Cina khususnya bekerja keras dan licik

> dalam perniagaan. Apabila dua suku bangsa berhubungan, akibatnya tidak dapat dihindari. Sebelum serangan hebat orang Cina, orang Melayu mundur ke daerah yang tidak menarik. Pemerintah yang merasakan akibat daripada pertentangan sifat-sifat bangsa ini segera membuat undang-undang Tanah Simpanan Melayu, yang – kononnya membantu orang Melayu, juga mengekalkan mereka di desa.[51]

Namun pandangan yang lebih tajam diberi dalam hubungannya dengan kesihatan di kalangan masyarakat Melayu luar bandar.

> Tanah Melayu penuh dengan berbagai-bagai penyakit yang melemahkan, endemis, seperti malaria dan puru. Tambahan lagi, wabak taun dan cirit-birit yang berjangkit yang silih berganti. Seperti yang sering terjadi pada masyarakat yang menjadi sasaran serangan berbagai-bagai penyakit yang berterusan, masyarakat Melayu desa disuntik dengan sejumlah daya tahan tertentu. Mereka bertahan hidup, tetapi seluruh tenaga terjejas. Malaria, misalnya, benar-benar mempengaruhi kehidupan seluruh masyarakat Melayu desa. Mereka menjadi lemah dan bodoh kerana kurang darah dan diserang demam berkali-kali, sehingga mereka enggan bekerja melebihi keupayaan. Jerih-payah menanam dan menuai padi, yang mengambil waktu dua bulan setiap tahun telah menganggu kekuatan mereka. Mereka tidak mempunyai kekuatan yang tersisa untuk meraih kehidupan yang lebih baik, atau mencari pengalaman keterampilan baru.[52]

Secara keseluruhan, komentarnya yang dicurahkan dalam buku tersebut mendorong kita menganggap pandangan Mahathir tentang kemampuan orang Melayu untuk bekerja keras sebagai hal yang negatif. Pandangannya terhadap kaum Melayu, seperti yang dihuraikan dalam *Revolusi Mental*, dikuasai oleh kapitalisme kolonial. Walaupun ada kemunduran masyarakat Melayu yang disebabkan oleh kekuatan Inggeris yang dihuraikannya dengan jelas dalam bukunya, Mahathir menghargai beberapa pandangan yang baik tentang orang Inggeris. Ia berkata:

> Sebelum kemerdekaan, orang Inggeris memerintah negeri ini dengan baik. Mereka tidak boleh memberi yang terbaik daripada segalanya kepada penduduk bukan-Inggeris, tetapi tentu mereka adalah para pentadbir yang ahli. Mereka menja-

> lankan tugas dengan cekap. Mereka mempunyai residen yang cekap dan badan pelaksana undang-undang yang benar-benar berkesan. Mereka menerapkan undang-undang dan tata tertib ke kawasan lombong timah yang menghapuskan perselisihan di Perak dan Selangor, menamatkan peperangan kecil raja-raja Melayu, dan menumpas perompakan. Mereka membina jalan raya dan jalan keretapi serta memungut berbagai-bagai sewa yang benar-benar masuk perbendaharaan dan dibelanjakan untuk berbagai-bagai perkhidmatan awam. Mereka tentu sahaja orang-orang yang sangat sesuai mengurus.[53]

Jelas dalam dunia mentalnya tidak ada perubahan tuntas daripada pemikiran kolonial. Tentang kemampuan masyarakat Melayu untuk bekerja keras, pendapatnya ringkas. Inilah contohnya.

> Kedai runcit biasa dapat diuruskan oleh peniaga Melayu. Mereka tidak sebaik orang Cina, tetapi pasti tidak akan pernah baik sampai mereka memiliki kesempatan untuk belajar. Di situ akan banyak yang menyerah, mungkin pada peringkat permulaan. Namun kiranya beralasan untuk mengharapkan bilangan yang sedikit itu dapat bertahan dan berhasil. Di berbagai-bagai perusahaan dan bank Cina yang lebih besar – yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai pengantar perniagaan kiranya tidak ada alasan yang sahih mengapa bangsa Melayu tidak dapat diambil bekerja. Boleh jadi mereka tidak bekerja sekeras orang bukan-Melayu. Tampaknya ada beberapa asas terhadap tuduhan ini, tetapi sekali lagi hal ini tidak seburuk yang dibayangkan. Berbagai-bagai jabatan kerajaan dan sejumlah perusahaan Inggeris dapat bertahan dengan barisan majikan Melayu. Kiranya tidak beralasan untuk mengelompokkan seluruh orang Melayu ke dalam suatu golongan dan mencapnya malas. Diperlukan sikap dan tafsiran yang lebih liberal.[54]

Sama halnya dengan peningkatan individu Melayu ke jenjang kekayaan, Mahathir menunjukkan sikap yang sama dengan *Revolusi Mental*. Ia memperdebatkan keuntungan yang dihasilkan daripada promosi sejumlah kecil orang Melayu ke tahap pengarah perusahaan. Pemikirannya tentang perombakan Melayu harus dilihat dalam percaturan kapitalisme. Ia tidak mempersoalkan sistem kapitalis. Saranannya untuk perombakan harus dibatasi dengan sikap dan nilai

orang Melayu yang dianggap pada dasarnya negatif dalam percaturan perundangan Malaysia dan sistem kapitalis. Penyesuaian undang-undang tercurah di dalam pemikirannya, tetapi ini mengacu sebahagian daripada sistem itu daripada menunjukkan seluruh perubahan ideologi. Ia malahan menghargai feudalisme. "Dalam dirinya sendiri", katanya,

> Kecenderungan kaum feudal Melayu tidak rosak. Hal ini menuju kepada masyarakat yang mematuhi undang-undang. Penduduk yang dapat mengikuti dan menjalankan kaedah tidak bertulis tentang tingkah laku, dengan mudah didorong untuk melaksanakan status sesebuah negeri. Penduduk yang menyetujui bahawa suatu masyarakat harus terdiri daripada penduduk yang beragam tingkat wewenang dan hak-haknya, dengan mudah mencipta masyarakat dan bangsa yang stabil. Revolusi dalam masyarakat seperti itu tidak mungkin wujud kecuali dirancang dari atas. Oleh kerana itu masyarakat feudal tidak semestinya masyarakat yang tidur atau merosot. Ia dapat menjadi masyarakat yang dinamis jika ada dinamisme di kalangan orang atasan. Tetapi apabila kalangan atasan gagal atau asyik dengan kekayaannya sendiri, maka masyarakat tidak didorong ke arah kemajuan.[55]

Di sini ia berhenti. Tidak seperti Abdullah, 120 tahun sebelumnya, ia tidak membincangkan sifat kepemimpinan feudal dalam masyarakat Melayu. Kelemahan *Revolusi Mental* dan buku Mahathir ialah bahawa terjadinya ekspolitasi ke atas masyarakat Melayu disebabkan kesalahan perwatakan mereka, kekuasaan Inggeris, dan kejayaan perniagaan kaum pendatang, bukan disebabkan golongan penguasa Melayu yang mendapat keuntungan daripada kolonialisme. Jika mereka mengatakan bahawa kaum Melayu tidak jujur, hal ini juga bererti mereka tidak jujur. Dalam hal ini, kebisuan mereka tentang peranan kelompok penguasa Melayu terhadap kemerosotan keadaan masyarakat Melayu adalah satu gambaran sifat mereka. Tidak seperti Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, mereka sendiri tidak mahu berterus-terang. Kajian kritis terhadap kedua-dua buku tersebut terdapat dalam bab selanjutnya. Kedua-dua karya ini secara umum menuangkan falsafah kaum elit yang berpengaruh itu. Sementara mereka mencuba mengupas dengan terperinci tentang masyarakat Melayu, mereka menghindari kajian terperinci yang serupa tentang kaum elit yang berkuasa. Satu atau dua acuan singkat dibuat sekilas, tetapi mereka tidak pernah menyatakannya

sebagai tema suatu bab atau perenggan sekalipun. Inilah gambaran kedudukan mereka dalam struktur kekuasaan kerana mereka membentuk sebahagian daripada *status quo*.

---

1 Senu Abdul Rahman, 1971. *Revolusi Mental.* Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu, hlm. 87.

2 *Ibid.*, hlm. 89.

3 *Ibid.*, hlm. 158.

4 Di sini buku tersebut mengungkapkan penalaran yang tidak masuk akal yang mengantar pada kesimpulan yang menggelikan. Pada masa lalu, masyarakat Melayu tidak mampu berdikari kerana tidak ada kamusnya dalam bahasa Melayu. Kata untuk "berdikari" (berdiri atas kaki sendiri) adalah kata baru. Begitu pula "inisiatif" dan "ketepatan waktu." Ini menunjukkan tidak ada gejala tersebut di kalangan masyarakat Melayu pada zaman dahulu. *Ibid.*, hlm. 62, 159. Kegelapan dalam penalaran tersebut digunakan untuk menyimpulkan bahawa tidak ada kata-kata itu pada masa lalu menunjukkan tidak ada gejala tersebut. Ini merupakan kenyataan yang menyolok kerana "inisiatif" dan "berdikari" ditunjukkan oleh kaum Melayu sepanjang sejarah. Pengharungan laut, kegiatan pertanian, pertempuran, perompakan, diplomasi, perdagangan, dan organisasi sosial, mungkinkah terjadi tanpa rasa kepercayaan diri dan inisiatif? Penalaran yang *absurd*, paling banter dapat dikembangkan untuk menarik kesimpulan yang paling *absurd* pula. Kalau begitu, sebelum datangnya Islam, masyarakat Melayu tidak berfikir sama sekali, kerana tidak ada kata Melayu untuk "fikir". Kata Melayu "fikir" sekarang ini berasal daripada bahasa Arab!

5 *Ibid.*, hlm. 159. Nombor 10 hilang daripada daftar. Judul perenggan ialah "Industriousness and Effort the Ladder to Wealth". Tidak disebut dalam perenggan ini bahawa orang Melayu itu rajin. Sebaliknya mereka dituduhkan tidak berdisiplin atau tidak menepati waktu.

6 *Ibid.*, hlm. 161–62.

7 *Ibid.*, hlm. 119.

8 *Ibid.*, hlm. 75. Dalam bahagian buku ini, didaftar 17 ciri negatif, yang didasarkan pada peribahasa Melayu, yang diyakini telah membentuk watak Melayu tradisional. Beberapa di antaranya diulangi di tempat lain.

9 *Ibid.*, hlm. 76.

10 *Ibid.*, hlm. 351.

11 *Ibid.*, hlm. 442.

12 Terjemahannya secara *harfiah* tidak lengkap kerana kerosakan sintaksis bahagian tersebut. *Ibid.*, hlm. 122.

13 *Ibid.*, hlm. 99.

14 *Ibid.*, hlm. 172.

15 *Ibid.*, hlm. 41.

16 *Ibid.*, hlm. 71.

17 *Ibid.*, hlm. 115.

18 *Ibid.*, hlm. 214.
19 *Ibid.*, hlm. 316.
20 Untuk menjaga ketelitian, terjemahannya dilakukan sebebarapa mungkin tanpa memikirkan gaya, *Ibid.*. hlm. 13.
21 *Ibid.*, hlm. 13.
22 *Ibid.*, hlm. 61.
23 *Ibid.*, hlm. 154.
24 Karl Mannheim, *Ideology and Utopia*, hlm. 67, *op. cit.*
25 Hugh Clifford, 1903. "Rival Systems and the Malayan Peoples," *North American Review*. jil. 177, hlm. 407–8.
26 *Revolusi Mental*, hlm. 103
27 *Ibid.*, hlm. 40–1
28 *Ibid.*, hlm. 53. Bahagian ini memuatkan latar belakang sejarah.
29 *Ibid.*, hlm. 99, 100, 105, 111.
30 *Ibid.*, hlm. 115.
31 *Ibid.*, hlm. 118–20.
32 Mahathir Bin Mohamad, 1970. *The Malay Dilemma*. Singapura: Asia Pacific Press, hlm. 24. Mahathir tidak mengaku untuk melakukan kajian ilmiah. "Paling jauh hanya merupakan dugaan yang cerdas." Tujuanya untuk menggugah kepentingan pokok persoalan tersebut.
33 *Ibid.*, hlm. 21.
34 *Ibid.*, hlm. 21–2.
35 *Ibid.*, hlm. 25.
36 *Ibid.*, hlm. 25.
37 *Ibid.*, hlm. 27.
38 *Ibid.*, hlm. 47.
39 *Ibid.*, hlm. 35–6.
40 *Ibid.*, hlm. 117.
41 *Ibid.*, hlm. 117.
42 *Ibid.*, hlm. 118.
43 *Ibid.*, hlm. 118.
44 *Ibid.*, hlm. 160–1.
45 *Ibid.*, hlm. 161.
46 *Ibid.*, hlm. 161.
47 *Ibid.*, hlm. 163.
48 *Ibid.*, hlm. 163.
49 *Ibid.*, hlm. 58–9.
50 *Ibid.*, hlm. 59.
51 *Ibid.*, hlm. 85.
52 *Ibid.*, hlm. 28.
53 *Ibid.*, hlm. 76.
54 *Ibid.*, hlm. 83.
55 *Ibid.*, hlm. 170–1.

Bab 11

Penyimpangan Watak Orang Melayu

Penyimpangan watak orang Melayu menurut para penulis *Revolusi Mental* dan sedikit sebanyak juga menurut Mahathir, disebabkan oleh kurangnya wawasan mereka tentang ilmu kemasyarakatan, penalaran bebas mereka,dan ketidakkenalan mereka dengan sejarah Melayu. Mereka mirip orang-orang Negro Amerika yang meyakini apa yang dikatakan tentang mereka. Pada zaman kolonial ada tokoh-tokoh peribumi yang menonjol, yang percaya pada misi moral dan peradaban dari kekuatan kolonial. Dalam masyarakat kuno ada hamba yang tidak mempersoalkan amalan perhambaan. Seperti yang telah dijelaskan, hal itu suatu ideologi yang disanjung, maka pada darjat tertentu ia diterima oleh kelompok yang dikuasai. Disebabkan oleh ketiadaan perjuangan politik yang panjang dan besar untuk kemerdekaan di Malaysia dan kesinambungan kelas penguasa, maka tidak terjadi perubahan tajam dalam kesedaran ideologi kaum elit Melayu. Oleh kerana itu ada kemiripan antara *Revolusi Mental* dan ideologi kolonial. Ini berkat pengaruh tetap ideologi kolonial yang dirangkaikan dengan kelemahan ilmiah dan intelektual yang memberi ciri *Revolusi Mental*. Kritik pertama kita ialah ketidakacuhannya atau kurangnya kesedaran tentang pemikiran sebelumnya berkaitan dengan masalah kemunduran orang Melayu.

Sebagaimana yang telah kita lihat, pokok persoalan kemunduran orang Melayu yang berterusan, telah menarik perhatian sejak Abdullah menulis laporan perjalanannya ke Kelantan di Singapura pada tahun 1838. Sebelum Perang Dunia Kedua, Dato Setia Raja Abdullah mengulas tentang perlunya mengadakan perubahan pandangan di kalangan masyarakat Melayu. Ia mendapati amalan tahayul dan kuasa ghaib di antara beberapa petani Melayu yang bertentangan dengan kemajuan.[1] Buku kecil dari Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu, Kelantan, dirancang pada tahun 1918, yang dikaji terdahulu,

adalah contoh lain tentang hal ini. Setelah Perang Dunia Kedua, para pemimpin Melayu seperti Dato' Onn bin Jaafar dan Burhanuddin al-Helmi memperhatikan keterbelakangan orang Melayu. Pandangan mereka tersebar di antara sejumlah laporan pidato dan suratkhabar. Setelah kemerdekaan tahun 1957, tema ini sering mendapat perhatian. Ungku Aziz menulis tentang kemiskinan orang Melayu. Saya turut menyumbang tulisan berhubung dengan pokok persoalan ini sejak tahun 1959. Pada masa itu perancangan pemerintah dan perubahan pelembagaan luar diyakini telah memadai. Gagasan tentang revolusi mental, suatu perubahan radikal dalam wawasan diusulkan penulis dalam rencana yang tersiar di surat khabar Melayu yang diterbitkan pada tahun 1959, mengandungi persoalan tentang perubahan dan peranan ideologi.[2] Sama halnya pada tahun 1960, penulis mencatat tiga persoalan utama yang merintangi masyarakat Melayu di Malaysia: menaikkan taraf hidup rakyat, mempertahankan bahasa dan kebudayaan Melayu, dan "menyempurnakan revolusi fikiran dan sikap, membuang segala hal yang merintangi kemajuan, berjuang keras untuk yang baik."[3] Pada tahun 1965, dalam suatu ceramah umum di Kota Baharu, Kelantan, yang diselenggarakan oleh Parti Islam Semalaya, penulis menekankan hal yang berikut : "Orang Muslim diminta oleh agamanya untuk menunjukkan perbuatan yang baik dan jujur dan membasmi kejahatan. Seperti dicontohkan oleh Nabi Muhammad S.A.W., perubahan yang pertama-tama diupayakan adalah perubahan dalam fikiran dan perasaan. Baru kemudian terjadi perubahan dalam tindakan luar."[4] Konsep tentang *revolusi mental* berkenaan dengan masyarakat Melayu dianjurkan di sini. Penolakan terhadap nilai dan gagasan feudal dan mempertahankan hal-hal yang berharga dalam kebudayaan Melayu harus "memberi ilham revolusi rohani dan perjuangan kita di masa depan, bukan suatu ketergantungan kepada hal yang basi dan tercemar."[5]

Pada tahun 1965, saya menerbitkan suatu makalah penilitian tentang pengaruh perwakilan bersama (jenis keyakinan yang dikonsepsikan menurut sosiologi Perancis) terhadap pembangunan ekonomi masyarakat Melayu. Malah saya menggunakan istilah *revolusi mental.*[6] Pada tahun 1963 dan 1970, dua makalah penelitian diterbitkan di Paris, menyentuh persoalan pengembangan orang Melayu. Para penulis *Revolusi Mental* dengan sengaja mengabaikan karya-karya ini, yang sangat berkaitan dengan tema mereka, atau mereka tidak menyedari akan hal ini. Jika yang terakhir adalah persoalannya, maka ini meng-

gambarkan kesedaran intelektual dan ilmiah mereka. Kesalahan besar pertama yang dibuat oleh *Revolusi Mental* adalah cara memandang sistem nilai Melayu sebagaimana yang dipraktiskan oleh komuniti dalam bentuk tunggal, seragam dan serba sama. Tiga puluh atau lebih ciri negatif yang mereka hubungkan dengan watak orang Melayu lebih terpantul pada kelas penguasa Melayu daripada komuniti Melayu secara keseluruhan.[7] Kemalasan lebih merata di kalangan kelas penguasa dalam masyarakat Melayu tradisional daripada di kalangan rakyatnya. Sejumlah tertentu orang yang malas selalu ada di seluruh masyarakat. Dalam masyarakat Melayu, mereka ditemukan dalam jumlah yang lebih besar di antara kelas penguasa.

Menurut definisi kita, sifat kemalasan dalam seluruh individu harus dibezakan daripada keputusan untuk menghindari pekerjaan tertentu kerana hasil yang berhubungan dengan wang. Seseorang yang lebih suka menjadi tukang kebun dan memperolehi hasil yang lebih sedikit daripada menjadi pelayan, tidak perlu dikatakan malas, selama ia bekerja keras sebagai tukang kebun. Oleh kerana itu pilihan orang Melayu untuk jenis-jenis pekerjaan tertentu tidak dapat dengan sendirinya dianggap bukti kemalasan; misalnya pertanian padi yang dipertentangkan dengan perniagaan. Kecenderungan *Revolusi Mental* untuk menganggap masyarakat Melayu itu malas, tanpa disedari sebenarnya telah dipengaruhi oleh kapitalisme kolonial. Seperti telah diperlihatkan, kapitalisme kolonial mempertimbangkan ketekunan dari sudut pandangan sistem pemerasan kapitalis. Hal yang menakjubkan adalah bahawa baik kapitalisme kolonial mahupun *Revolusi Mental* tidak pernah menyebut orang Cina yang malas. Dalam pandangan mereka, seluruh orang Cina bekerja keras. Meskipun ada benarnya bahawa pada umumnya orang Cina penduduk yang rajin, yang dipertentangkan dengan komuniti Melayu yang seluruhnya malas adalah ciptaan kapitalisme kolonial. Di kalangan masyarakat Cina terdapat jumlah yang sebanding tentang anggota yang malas, yang lebih besar di kalangan kelas atas. Anak-anak jutawan penjudi, perayu wanita, gundik, banyak di antara mereka yang malas. Terdapat banyak tuan tanah Cina yang malas, yang hanya menunggu akhir bulan untuk mengumpulkan wang sewa mereka. Banyak pemilik tanah yang malas, yang membeli sejumlah bidang tanah dan menjaganya, tanpa mengerjakan apa-apa di atasnya, semata-mata menanti harganya naik.

Kekeliruan *Revolusi Mental* adalah menyamaratakan berbagai-bagai

peristiwa khusus yang dijelaskan oleh para penulisnya. Ada orang Melayu tanpa inisiatif, kaum Melayu yang malas, masyarakat Melayu yang tidak serius, dan yang tidak memikirkan masa hadapan. Semua sifat negatif yang didaftar oleh *Revolusi Mental* memang ada di kalangan beberapa orang Melayu. Tetapi agak tidak kena pada tempatnya untuk menyamaratakannya. Godaan untuk memukul-rata itu didasarkan pada ceritera rakyat dan pepatah. Premis pokok dalam penalaran tersebut adalah apabila satu kata tidak ada dalam bahasa Melayu, maka gejala tersebut juga tidak ada. Premis pokok kedua ialah apabila sejumlah pepatah ada dalam catatan sastera Melayu melebihi yang lain, maka gagasan pokoknya menguasai wawasan orang Melayu. Hal ini hanya memerlukan sedikit kecerdikan untuk menyingkap kekeliruan tersebut. *Revolusi Mental* memanfaatkan sejumlah pepatah Melayu yang mengutarakan sifat-sifat negatif, yang kemudian diakui sebagai unsur yang menentukan watak orang Melayu. Maka pepatah "hangat-hangat tahi ayam" digunakan untuk membuktikan orang Melayu tidak memiliki semangat dan kekerasan hati dalam suatu usaha. Kehangatan tahi ayam hanya sebentar. Kesalahan besar mendasari hal yang pertama dari *Revolusi Mental* adalah penulis tidak menggolongkan pepatah tersebut ke dalam jenis-jenisnya. Pepatah ini dapat digolongkan secara umum dalam tiga jenis, meskipun kadang-kadang batas pemisahnya sulit dilukiskan. Kita biasa menyebut nasihat, larangan dan gambaran. Pepatah anjuran adalah yang menganjurkan sesuatu yang diingini atau baik, sesuatu yang harus dilaksanakan. Pepatah larangan berisi unsur penolakan, ketidaksetujuan, sebagai penghindaran. Pepatah gambaran semata-mata melukiskan suatu keadaan, yang termasuk salah satu daripada dua jenis tersebut. Satu contoh pepatah nasihat ialah "tangan mencincang bahu memikul", untuk menggambarkan kerajinan. Pepatah berikut menunjukkan kecekalan hati untuk menyelesaikan sesuatu tugas, "genggam bara api, biar jadi arang". Satu contoh pepatah larangan "jangan nantikan nasi disajikan di lutut" (duduk bersila adalah cara makan orang Melayu). Ini melarang mengharapkan sesuatu tanpa usaha. Pepatah gambaran adalah sebagai berikut: "retak menanti belah". Ini menggambarkan persahabatan yang renggang yang hampir putus.

Oleh kerana itu, pepatah dalam bahasa Melayu menurut apa adanya tidak dapat digunakan untuk membuat ciri suatu watak. Ini merupakan tanggapan masyarakat terhadap keadaan yang khusus. Suatu gambaran

tentang sistem nilai dapat dilihat dalam daftar pepatah anjuran dan larangan. Pepatah "hangat-hangat tahi ayam" adalah larangan. Bila orang Melayu mengatakannya, bererti dengan unsur ketidaksetujuan, suatu cemuhan. Ini bukan anjuran. *Revolusi Mental* menganggap bahawa masyarakat Melayu menganjurkannya. Lebih jauh lagi buku itu beranggapan sudah tersimpul di dalamnya, sebahagian besar masyarakat Melayu dipengaruhi oleh wawasan ini. Ia mempermainkan pepatah Melayu yang bertentangan dengan bunyinya, yang di salah-tafsirkan. Misalnya mereka mengatakan bahawa orang Melayu fatalis. Misalnya mereka bahawa orang Melayu fatalis, dengan mengutip pepatah yang berikut, "rezeki secupak tidak boleh jadi segantang".[8] Ini diduga untuk menunjukkan orang Melayu menyerah bulat-bulat pada takdir. Padahal sesungguhnya seorang fatalis adalah seseorang yang tidak percaya bahawa usaha dapat mempengaruhi tindakan manusia. Menurut definisi ini, masyarakat Melayu bukan fatalis kerana mereka meyakini kehendak yang bebas. Mereka percaya, tindakan manusia dapat mempengaruhi nasib manusia. Ada beberapa pepatah, dalam catatan sepanjang satu abad yang lalu, yang menekankan nilai upaya manusia. Berikut ini adalah beberapa di antaranya: "tanam lalang tidak akan tumbuh padi"; "malu berdayung perahu hanyut"; dan "malu bertanya, sesat di jalan." Semuanya ini menunjukkan keyakinan orang Melayu bahawa manusia adalah makhluk yang bebas. Apa yang dianggap "takdir" oleh kaum Melayu, yang tidak dapat dihindari, ialah penerimaan sesuatu yang kejadiannya tidak dapat dihindari.

Pilihan pepatah dalam *Revolusi Mental* dibuat berat sebelah dan ditafsirkan untuk menyesuaikan citranya tentang masyarakat Melayu. Tambahan pula penalaran itu mengelirukan. Penulis menuduh bahawa kata-kata prakarsa, "berdikari" (berdiri di atas kaki sendiri), tepat waktu, dan disiplin tidak ada dalam kosakata Melayu dahulu. Kekeliruannya terletak pada gambaran mengenai sifat kosakata. Tidak ada kamus suatu penduduk yang seluruhnya mengutarakan segenap fikiran dan perasaan yang ada pada penduduk tersebut. Suatu gagasan atau konsep yang tidak dirumuskan dalam suatu kata, seperti prakarsa, masih tetap ada dan menampilkan diri dalam bentuk yang berbeza. Masyarakat Melayu benar-benar menyedari konsep tersebut kerana kata Melayu "cergas" termasuk prakarsa. Jika benar bahawa tidak adanya suatu kata bererti pula tidak ada gejala tersebut, maka kita akan mengarah pada kesimpulan yang menggelikan, iaitu bahawa sebelum kedatangan Islam,

tidak pernah ada orang Melayu yang berfikir kerana kata "fikir" itu kata Arab; hingga sekarang tidak ada kata Melayu asli untuk kata "fikir". *Revolusi Mental* lebih keliru lagi ketika ia mengatakan bahawa kaum Melayu pada zaman dahulu tidak mengenal "disiplin" kerana tidak ada kata untuk "disiplin". Padahal, sesungguhnya ada kata Melayu "patuh" untuk menunjukkan disiplin. Lebih jauh lagi gejala tertentu tidak akan pernah terjadi dalam sejarah Melayu tanpa disiplin. Organisasi tentera negeri Melayu pada masa lalu, perang, serbuan, pentadbir, bahkan perompakan tidak akan pernah terjadi tanpa disiplin. Kerajaan Melaka pada abad ke-15 adalah negara yang penting. Alangkah menakjubkan *Revolusi Mental* mengabaikan seluruh faktor ini dalam kajiannya tentang disiplin Melayu.

Gambaran salah yang lain ialah tentang sifat rasional. Bahawa masyarakat Melayu menghargai tindakan rasional jelas meskipun rasional berdampingan dengan hal yang ghaib dan tahyul. Ini adalah keadaan yang berlaku di seluruh dunia. Hanya dalam masyarakat moden yang berindustri tinggi, unsur rasional tersebut menonjol. Namun tidaklah benar tanggapan bahawa pada masa lalu masyarakat Melayu tidak menghargai rasional. Inilah beberapa pepatah yang diabaikan oleh *Revolusi Mental*, "ikut hati mati, ikut rasa binasa". Maxwell memberi komennya seperti yang berikut, "Suatu pepatah yang menunjukkan kebodohan dan ketidaksopanan dengan menuruti berbagai-bagai keinginan dan perasaan seseorang, sebagai petujuk satu-satunya dari tindakan seseorang, yang tidak menghormati hukum dan kewajipan sosial."[9] "Turutkan gatal sampai ke tulang" menyatakan mengalah kepada nafsu sampai habis-habisan, untuk menurutkan hati dalam amarah yang tidak beralasan yang mengakibatkan bencana. Jika rasional bererti membenarkan tujuan dengan cara-cara tersebut, maka masyarakat Melayu benar-benar memiliki mutu seperti itu. Keterampilan, kegiatan pertanian, perikanan, perdagangan dan perniagaan mereka selama abad ke-17, semuanya menunjukkan adanya wawasan yang rasional. Namun jika pengertian rasional termasuk berbagai-bagai amalan kegiatan moden, perusahaan industri dan perdagangan, hal ini benarlah tidak ada. Tetapi, orang nyaris tidak dapat menyalahkan masyarakat Melayu pada masa lalu, kerana tidak adanya kebiasaan yang baru dicipta pada abad ke-19 dan ke-20 di Asia Tenggara oleh kekuatan kolonial. Ini seperti menyalahkan masyarakat Melayu pada masa lalu kerana ketidaktahuannya menggunakan elektrik, pada saat yang sama tenaga

elektrik belum ditemui.

Hal yang sama boleh dikatakan tentang ketepatan waktu di kalangan masyarakat Melayu pada masa lalu. Ketepatan waktu mekanis yang ditentukan oleh jam tidak ada, kerana sifat masyarakat tersebut dan tidak ada jam ketika itu. Berbagai-bagai proses produktif masyarakat tidak dimekanisasikan, kerana keperluan terhadap perbezaan moden atas ketepatan waktu tidak ada. Ambillah misalnya pelayaran: mengingat kenyataan bahawa gerakan perahu bergantung pada angin dan tenaga manusia, maka keberangkatan atau kedatangan perahu tidak dapat ditegaskan menurut jangkaan waktu yang dapat diukur. Keperluan akan ketepatan waktu yang dimekanisasikan tidak ada; dan kerana itu juga terjadi dalam hampir setiap kegiatan kehidupan sosial. Tidak ada keperluan bagi para petani dan nelayan untuk bekerja menurut jam. Meskipun ada faktor-faktor ini, tidaklah bererti masyarakat Melayu tidak mengenal sama sekali ketepatan waktu, yang berhubungan dengan agama. Kaum Melayu pada zaman sebelum kolonial begitu pula pada masa-masa sesudahnya hingga sekarang, selalu tepat dalam beribadah, khususnya solat subuh dan maghrib. Mereka memperhatikan waktu dengan sangat saksama. Seluruh masyarakat sesebuah daerah bersama-sama berbuka puasa di bulan Ramadan hingga ke saatnya. Mereka benar-benar memperhatikan ketetapan waktu memenuhi azan dari masjid. Oleh kerana itu, agak menyesatkan apabila mereka menuduh bahawa pengertian tentang ketepatan waktu tidak ada pada masyarakat Melayu, tetapi semata-mata kerana hal tersebut tidak dihubungkan dengan jam. Ilmu pengetahuan moden dan teknologi, sejauh itu mempengaruhi berbagai-bagai sektor kehidupan Melayu moden, telah memperluas lingkaran ketepatan waktu yang perlu dan memperkenalkan ukuran waktu yang bererti jam. Masyarakat Melayu seperti kebanyakan penduduk lain telah menjawab ini dengan sangat mudah. Mereka memperhatikan jam apabila masuk kerja di pejabat, ketika naik keretapi, dan pergi ke sekolah. Ada jutaan orang Melayu yang memperhatikan jam dalam berbagai-bagai kegiatan sehari-hari mereka, dan yang telah mematuhi ketepatan waktu selama paling kurang 50 tahun yang lalu.[10]

Di pihak lain, pada saat kepatuhan yang benar-benar terhadap jam diperlukan, masyarakat Melayu tidak memperhatikan ketepatan waktu satu jam atau setengah jam, seperti dalam suatu pesta di desa. Namun hal ini juga terjadi dalam masyarakat moden yang sangat maju.

Padanannya adalah pesta terbuka hingga larut malam. Demikian pula pesta *cocktail* memakan waktu antara dua hingga tiga jam, tetamu berdatangan di antara waktu tersebut, menyerupai perayaan di pedesaan Melayu. Dalam setiap masyarakat, terdapat daerah-daerah kehidupan yang ketepatan waktunya menurut ukuran waktu dikendurkan. Bar dan klub yang ramai pengunjungnya adalah contoh lain. Di kampung Melayu tidak ada bar atau klub, tetapi gejolak ini muncul pada pesta-pesta di pedesaan. *Revolusi Mental* dan Mahathir keliru menuduh masyarakat Melayu yang tidak mempunyai penghargaan terhadap waktu dan ketetapan, dengan memilih contoh tersebut dalam kehidupan mereka yang tidak memerlukan ketepatan waktu, dan mereka mengabaikan contoh kehidupan orang Melayu yang menunjukkan penghargaan mereka terhadap waktu dan ketepatan. Pemilihan mereka atas contoh tersebut benar-benar berat sebelah tetapi apa yang membuat mereka sengaja menyimpangkan citra tentang masyarakat Melayu? Sebelum kita menjawab ini, marilah kita lihat penyimpangan citra tentang petani padi Melayu oleh Mahathir. Ia menyimpulkan bahawa petani padi Melayu benar-benar bekerja dua bulan dalam setahun. Di luar kelompok yang jumlahnya sangat sedikit, penduduk suka membuang waktu luang mereka dengan istirahat atau terus berbual kosong. Ini merupakan gambaran menyimpang daripada petani padi Melayu.

Mungkin di daerah-daerah tertentu, seperti Kedah dan Perlis, para petani padi bekerja setengah menganggur sebelum masa penanaman dua kali. Ini disebabkan oleh kurangnya secara relatif lapangan kerja sekunder seperti menoreh getah, membina jalan, pekerjaan saluran dan pengairan, penangkapan ikan dan pembuatan tikar. Tetapi ini tentu saja tidak benar bagi seluruh Malaya. Penelitian di daerah Kemubu, Kelantan, yang melibatkan 1 157 penanam padi, menunjukkan bahawa rata-rata hari kerja seorang petani 123 hari, di luar waktu yang digunakan untuk mengurus ternak.[11] Selama musim tumbuhan petani tidak bekerja di ladangnya, ia harus menggunakan sebahagian besar waktunya memberi makan ternakan di kandangnya. Laporan penelitian tersebut menyimpulkan bahawa petani bekerja 180 hari setahun; 94 hari bekerja secara langsung yang berhubung dengan bercucuk tanam padi, sekali setahun. Beberapa di antara petani tersebut menanam tembakau selama di luar musim. Pada tahun 1967, kira-kira 13 000 petani di Kelantan telah terdaftar sebagi penanam tembakau, daripada 60 000 keluarga tani yang dianggarkan. Mereka juga menanam tanaman

sampingan. Beberapa lagi menanam getah. Oleh kerana itu gambaran bahawa petani padi Melayu bekerja selama dua bulan dalam setahun merupakan penyimpangan yang kasar. Di daerah Kuala Selangor, petani bekerja rata-rata selama 131 hari untuk menanam padi sahaja.[12] Dalam pertanian dua kali di Bachang, Melaka, para petani bekerja sepenuh masa. Daripada 150 hari kerja (enam bulan tidak termasuk hari perayaan) para petani bekerja selama 134 hari, iaitu 42 harinya digunakan untuk menanam padi. Daerah tersebut hampir dengan Melaka yang menawarkan lapangan kerja untuk pekerjaan bukan pertanian. Para petani kadangkala bekerja mengayuh beca, memandu teksi, atau berniaga atau terlibat dengan perusahaan kecil-kecilan. Mereka juga bekerja di berbagai-bagai industri rakyat, membuat tali, tikar, beg dan mengukir kayu.[13]

Mahathir, dalam menaksir rata-rata hari kerja petani tidak membandingkan jumlah mereka yang bekerja di jabatan kerajaan dan di sektor swasta. Pekerja yang berpangkat tinggi di jabatan kerajaan, perusahaan dan industri, bekerja rata-rata 185 hari setahun. Marilah kita ambil misalan pekerjaan di jabatan kerajaan dan anggap hari kerja lapan jam, kerana hari kerja petani sudah tertentu. Daripada 365 hari dalam setahun, 78 daripadanya hari Minggu dan Sabtu, sekitar 30 hari cuti, 27 hari cuti umum dan izin sakit. Bakinya 230 hari kerja. Oleh kerana tempoh kerja sehari di jabatan begitu adalah enam setengah jam, maka ada pengurangan sebanyak 43 hari, ditambah lima hari kerja dalam bulan puasa Ramadan (hingga tahun 1972). Selama bulan ini, pejabat-pejabat hanya bekerja enam jam sehari, daripada pukul lapan pagi hingga pukul dua petang. Maka jumlah keseluruhan hari kerja lapan jam adalah 230 dikurangi 48 atau 182 hari dalam setahun. Bandingkanlah ini dengan petani padi di Kelantan. Laporan penelitian tentang Kelantan menyatakan sebagai berikut:

> Mengenai petani, ia bekerja untuk jumlah yang sama dengan 123 hari dan daripadanya lebih daripada setengah waktu kerjanya (68 hari kerja) bekerja di luar sektor pertanian. Barangkali penting untuk dicatat bahawa petani bekerja tidak sepenuh masa selama 180 hari dalam setahun yang lebih daripada satu setengah waktu kerjanya.[14]

Tidak seorang pun bercakap tentang kurang semangat bekerja pegawai kerajaan tersebut atau kemalasannya. Perbezaan antara

peringkat yang lebih rendah dan peringkat yang lebih tinggi ialah tujuh hingga empat belas hari. Tentang kegemaran memfitnah yang tidak ada ertinya, bermalas-malas dan menyambut perayaan, pegawai kerajaan juga tidak ketinggalan. Para pamong praja menggunakan waktu luang mereka, yang kira-kira lapan jam setiap hari kerja dan 16 jam selama cuti rehat, dengan bermalas-malasan, berbual, menonton televisyen, mendengar radio, menonton wayang, kelab malam, atau berjudi. Tambahan pula, sekelompok kecil menggunakan waktu luangnya untuk berolahraga, membaca, atau membuat kerja-kerja kegemarannya. Bagaimana mungkin penduduk bandar dari seluruh masyarakat, para pekerja pejabat yang tidak menjadi korban malaria, tidak dianggap terkuras tenaganya, sebagai penduduk yang "tidak mahu bekerja melebihi daripada yang diperlukan", oleh Mahathir?

Mahathir dan *Revolusi Mental* tidak memandang persoalan tersebut dalam konteks yang benar. Penduduk pedesaan Melayu bekerja sekeras penduduk kota; hanya semata-mata pendapatan dan kesempatan merekalah yang lebih terbatas. Ciri-ciri negatif tentang watak Melayu yang dikaji oleh Mahathir merupakan penilaian yang salah tafsir. Misalnya, ia menganggap bahawa masyarakat Melayu berterus terang hanya kepada orang-orang yang benar-benar dan dipercayai, dan ini hanyalah di antara mereka sendiri. Ini bukan sesuatu yang aneh; dalam hal ini, setiap masyarakat memiliki sikap ini. Siapa yang akan mengutarakan hal-hal yang tidak menyenangkan dan tidak berkenan tentang masyarakat lain kepada anggota masyarakat itu, kecuali mereka yang tidak bermoral baik seperti kaum Nazi dan kaum Amerika berkulit putih? Kebanyakan masyarakat, baik di Asia mahupun Barat, memiliki rasa kesopanan, atau pengendalian. Ini tidak aneh bagi masyarakat Melayu. Pendapat yang berlebih-lebihan atau salah tafsir yang lain adalah penilaian Mahathir tentang *amuk* dalam susunan kejiwaan masyarakat Melayu. Pertama, gejala yang digambarkan sebagai *amuk* tidak terbatas pada masyarakat Melayu. Orang-orang Cina dan India telah dikenali sebagai pembunuh anggota keluarga mereka dalam keadaan sakit jiwa. Lebih jauh lagi, gejala ini merosot di kalangan masyarakat Melayu kerana perubahan sejarah. Situasi tekanan jiwa yang hebat sekali yang dilakukan terhadap seseorang, seperti misalnya seorang budak Bugis, yang diperlakukan secara kejam dalam sebuah rumah Belanda pada abad ke-18 di Betawi, bukanlah suatu hal yang biasa. Lagi pula, Mahathir salah bila menganggap gejala tertentu yang menyentuh beberapa individu sebagai

hal yang menunjukkan watak keseluruhan. Tentera Jepun selama Perang Dunia Kedua sangat jarang tertangkap. Mereka lebih senang melakukan bunuh diri daripada menyerah. Tetapi bangsa Jepun benar-benar menyerah dan tidak melakukan bunuh diri. Rasa kehormatan yang menguasai tingkah laku tentera Jepun yang mendorong mereka melakukan bunuh diri daripada menyerah, tidak berpengaruh pada sifat bangsa Jepun. Oleh kerana itu kita tidak dapat mengatakan bahawa bunuh diri menjelang kekalahan adalah ciri pokok dalam watak bangsa Jepun.

Kalau kita menyamaratakan watak sesuatu masyarakat berdasarkan tindakan segelintir orang, maka kita sungguh-sungguh berada dalam kekacauan. Masyarakat Melayu cenderung mencuri kerana beberapa orang di antaranya mencuri; orang-orang Melayu malas kerana sebahagian mereka memang demikian; kaum wanita Melayu tidak setia kepada suami mereka kerana begitulah sifat sebahagian daripada mereka; masyarakat Melayu gila sebab beberapa di antara mereka gila; kaum Melayu penghisap ganja kerana sebahagian kecil melakukannya. Maka kita dapat menghitung terus-menerus ciri-ciri negatif masyarakat Melayu, yang didasarkan pada kenyataan, bahawa beberapa orang Melayu, kadang-kadang memperlihatkan ciri-ciri ini. Meskipun kekacauan jiwa ada di kalangan komuniti khusus, itu tidak secara automatis dapat dianggap sebagai bahagian daripada susunan kejiwaan komuniti yang khusus. Di kalangan orang Cina di Singapura dan Malaysia, terdapat kekacauan jiwa yang disebut *koro*, yakni berkurangnya kemampuan seksual, terutama di kalangan kaum lelaki. Hanya kerana terbatas terutama pada komuniti Cina, dapatkah kita mengatakan bahawa kehilangan daya seksual, mengecilnya alat vital, merupakan bahagian daripada susunan kejiwaan pokok masyarakat Cina? Kesimpulan seperti itu benar-benar menggelikan dan kacau-bilau. *Koro* tidak ada bersangkut-paut dengan watak orang Cina atau "dilema" Cina. Semua yang dijelaskan ialah bahawa sejumlah kecil kaum lelaki Cina mudah untuk demikian. Faktor-faktor budaya dan kejiwaan dapat menjelaskannya meskipun faktor budaya mungkin tidak berpengaruh langsung. Hal ini bagaimanapun tidak bersangkut-paut dengan watak seluruh komuniti.

Apa yang cuba dilakukan oleh Mahathir dan *Revolusi Mental* sesungguhnya adalah kajian tentang watak nasional. Ada berbagai-bagai masalah serius berhubungan dengan kajian watak nasional yang membingungkan para pemikir terbaik dalam ilmu-ilmu sosial; salah

satu di antaranya adalah definisi tentang watak nasional.

Kesulitan mendefinisikan watak nasional tersebut disebabkan ada kenyataan bahawa terdapat banyak golongan dalam masyarakat dengan sub-budaya mereka, juga terdapat perbezaan kelompok umur, laki-laki dan perempuan, dan berbagai-bagai tanggapan yang muncul daripada watak nasional tersebut dalam keadaan yang disuguhkan, atau reaksi yang timbul daripada keadaan yang ada, tanpa pengaruh kuat watak nasional. Hal ini telah digambarkan dengan begitu baik oleh Ruth Benedict, bahawa masyarakat Jepun misalnya, sangat dirasuki psikologi hierarki.

> Dalam keluarga dan dalam hubungan individu, umur, keturunan, jenis kelamin, dan golongan mengatur tingkah laku yang semestinya. Di dalam pemerintahan, agama, ketenteraan, dan industri, merupakan wilayah yang dengan teliti dibahagi ke dalam jenjang kekuasaan; baik jenjang yang tinggi mahupun yang rendah tidak dapat melampaui hak-hak istimewa mereka tanpa hukuman. Sepanjang dipertahankan 'lingkungan yang tepat', orang Jepun bertindak tanpa protes. Mereka merasa aman. Mereka tentu saja sering tidak 'aman' dalam pengertian bahawa kebaikan mereka dilindungi, sebaliknya mereka merasa 'aman' kerana mereka telah menerima jenjang kekuasaan sebagai hal yang sah. Ini merupakan ciri penilaian mereka tentang hidup sebagai kepercayaan dalam kesamaan, dan perusahaan bebas adalah cara hidup orang Amerika.[15]

Di sini penulis tersebut memisahkan satu ciri dalam watak nasional Jepun yang menguasai tingkah laku orang Jepun. Ia mencatatkan bahawa kesalahan Jepunlah yang mencuba dan menerapkannya di luar, ke wilayah yang dikuasainya. Bangsa-bangsa yang ditaklukinya diharapkan menerima penetapan mereka yang menghina dalam segala hal. Tentu saja ini dibenci. Penulis menyaksikan nafsu terhadap jenjang kekuasaan dan organisasi ini di Jawa pada masa penjajahan Jepun (tahun 1942–1945). Konsep 'Asia untuk orang-orang Asia' yang dicanangkan oleh orang Jepun , "saudara tua", pada dasarnya adalah perwujudan hierarki. Kawasaki mencatat bahawa orang Jepun menjalankan tugas sebagai suatu kelompok. Segala keputusan dalam perusahaan biasanya merupakan kesepakatan.[16] Ini adalah beberapa contoh yang dapat dianggap sebagai unsur pokok yang menyusun sebuah watak nasional. Kesemuanya itu menguasai psikologi seluruh bangsa. Segalanya

diteruskan melalui proses sosialisasi; difahami dan diterima sahaja.; kemerataannya tidak dibatasi pada segolongan komuniti, tetapi secara umum merata. Namun, hal ini tidak selalu tepat menggambarkan watak nasional setiap bangsa atau komuniti.

Hal yang ingin ditekankan adalah bahawa kiranya mungkin dalam beberapa contoh membicarakan tentang watak nasional, tetapi persoalannya besar. Kita tidak akan mengingkari kemungkinan masyarakat Melayu memiliki watak nasional, tetapi unsur pokoknya dengan kemungkinan satu atau dua pengecualian sudah pasti bukan yang dikutip oleh Mahathir dan *Revolusi Mental*. Banyak sekali penelitian yang saksama diperlukan untuk menetapkan ciri demi ciri watak nasional masyarakat Melayu disebalik apa yang nyata, tanpa akibat yang besar. Misalnya, kaum Melayu secara keseluruhan berbicara sopan, menolak berbicara kasar dalam percakapan. Perselisihan yang panas dan terang-terangan antara individu atau di kalangan kelompok, sering dihindari meskipun bukan perselisihan itu sendiri. Ada cara Melayu menyalurkan dan mengatasi perselisihan, meskipun ini tidak seratus peratus benar. Pada masa lalu, para penguasa Melayu bertempur antara satu sama lain secara langsung dan panas. Perselisihan dalam agama juga diatasi dengan cara ini. Tanpa mengabaikan kemungkinan tentang watak nasional Melayu, kita ingin menunjukkan di sini bahawa ciri-ciri yang terpilih oleh Mahathir dan *Revolusi Mental* sama sekali bukan watak nasional. Sejarah dan keadaan kaum Melayu sekarang bertentangan dengan penonjolan bahawa mereka tidak mampu bekerja keras, tidak memiliki disiplin, dan tepat waktu, malah senang berbual-bual kosong dan sebagainya. Para penulis tersebut salah duga tindakan masyarakat Melayu tertentu sebagai cerminan umum masyarakat Melayu. Merujuk pada watak nasional Jepun, Hasegawa memberi kesan bahawa hal tersebut merupakan sifat yang kurang terdapat dalam golongan khusus dibandingkan dengan seluruh bangsa. Suatu nilai, seperti sopan-santun dalam mengerjakan segala hal, dapat berasal dari kelas atas, tetapi apabila hal ini meluas ke seluruh bangsa, maka sifat tersebut menjadi sebahagian watak nasional.[17] Nilai-nilai malas, tidak berdisiplin dan tidak menepati waktu, tidak ditegakkan oleh masyarakat Melayu. Begitu pula tindakan mengamuk merupakan cara memberi reaksi yang dianut bersama untuk menghadapi keadaan yang sulit. Hal ini hanya merupakan bukti kejadian gangguan mental yang mempengaruhi beberapa orang Melayu. Ini tidak dapat dianggap seba-

gai sebahagian watak nasional Melayu. Kesan adanya kekacauan penyakit jiwa sebagai satu daripada kecenderungan umum orang Melayu, merupakan kelanjutan daripada pemikiran kolonial. Seperti yang telah dicatat terdahulu, pentadbir Inggeris, Cliffordlah, yang menuduh bahawa gangguan jiwa yang disebut latah sudah menjadi sifat psikologi Melayu.[18] Apa yang disampaikan Mahathir adalah menggunakan istilah *amuk* sebagai ganti latah, yang merupakan unsur dalam susunan psikologi komuniti Melayu, sejalan dengan pemikiran kolonial.

Di catatkan sebelum ini tentang kemustahilan untuk menganggap kelainan tersebut sebagai satu daripada watak nasional setiap masyarakat. Beberapa alasannya adalah seperti yang berikut: ini tidak dikaitkan dengan maksud tertentu oleh komuniti tersebut; ini tidak menentukan tanggapan bersama terhadap berbagai-bagai masalah nasional; ini tidak merata dilakukan oleh mejoriti dan ini tidak merupakan cara yang diakui atau diterima secara diam-diam untuk memberi reaksi. Melainkan nilai-nilai, sikap, dan pola bereaksi seperti itu yang sesuai dengan syarat-syarat positif di atas dapat dianggap sebagai unsur pokok perwatakan nasional.

Kalau banyak orang Inggeris mabuk dan terhuyung-huyung di jalan, membuat banyak pergaduhan, maka ini sendiri tidak mewakili watak nasional Inggeris. Hanya jika dapat ditunjukkan bahawa hal ini adalah reaksi serempak orang Inggeris terhadap krisis nasional yang agak ditentukan melalui gejala khas kemabukan, maka gejala ini adalah perasaan nasional yang mendalam yang meliputi kehidupan orang Inggeris. Dapatlah dianggap bahawa bentuk khusus kemabukan menjadi satu daripada watak nasional orang Inggeris. Orang Inggeris secara individu mungkin menjadi pemabuk yang seluruh kehidupannya bergantung kepada botol. Tetapi seseorang tidak dapat menyimpulkan bahawa ini merupakan ciri pokok dalam watak orang Inggeris. Ketidaktahuan Mahathir tentang ilmu sosial telah mendorongnya menganggap *amuk* sebagai sifat utama psikologi orang Melayu.

Satu kata terakhir tentang watak nasional. Ini tidak boleh dikacaukan dengan agama, kebudayaan, upacara agama, adat-kebiasaan, berbagai-bagai perbuatan atau keadaan sahaja, meskipun seluruhnya atau beberapa di antaranya dapat memiliki andil dalam pembentukan watak nasional pada batas yang ada dalam sejarah suatu bangsa atau masyarakat. Salvador de Madariaga menekankan keunggulan unsur

intelektual dalam kehidupan masyarakat Perancis apabila masyarakat itu dibandingkan dengan orang Inggeris. Negara Perancis, pada pendapatnya, memperhatikan upaya untuk memaksakan suatu tata intelektual.

> Kalau dalam masyarakat Inggeris, suatu persoalan dipecahkan pada saat persoalan tersebut muncul dan berdasarkan naluri yang sangat penting yang menyebabkannya muncul, maka di Perancis, segenap kehidupan masyarakatnya diatur sebelumnya dan seluruh masalah diramalkan. Jam ini pada dasarnya harus ada pembuatnya (tukang jam). Keadaan tersebut adalah di Perancis yang tukang jamnya memegang kendali mekanisme sosial. Maka merupakan kecenderungan orang Perancis yang khas, yang memusatkan seluruh fungsi umum di negara tersebut, yang muncul sebagai akibat yang wajar dari intelektualisme Perancis. Marilah kita ingat sambil lalu bahawa golongan intelektuallah yang memulai dan menyelesaikan pemusatan wewenang di Perancis.[19]

Tidak sangsi lagi, kebudayaan dan sejarah Perancis telah mempunyai bahagian dalam peranan intelektualisme Perancis, tetapi hal ini menjadi bahagian daripada watak nasional hanya setelah hal itu benar-benar mempengaruhi kehidupan Perancis. Semata-mata adanya unsur intelektual dalam suatu komuniti tidak membuat unsur itu murni dalam kehidupan nasional komuniti tersebut. Lebih-lebih lagi kekacauan penyakit jiwa seperti *amuk*.

Terdapat sejumlah kelemahan dalam *Revolusi Mental* dan buku Mahathir. Saya telah menerbitkan kritik terperinci dan terpisah tentang *Revolusi Mental* di Malaya.[20] Kiranya akan sangat menyimpang daripada tema pokok buku ini jika seluruh pernyataan yang salah daripada dua karya tersebut dikaji. Namun anggapan Mahathir tentang rendahnya mutu suku bangsa Melayu memerlukan komentar. Apa yang dikatakannya tentang ini semuanya samar-samar. Pada bahagian lain bukunya, ia menyebut beberapa pengaruh lingkungan. Ia meyakini rendahnya mutu suku bangsa Melayu tanpa benar-benar menetapkan secara terperinci di mana letaknya kerendahan mutu tersebut. Ia tidak mengatakan bahawa kaum Melayu tidak mampu menjadi usahawan yang baik atau ahli, tetapi ia meminta penjelasan tentang suku bangsa umum berkenaan dengan keburukan dalam pengembangan kapitalis di kalangan masyarakat Melayu. Penggunaan hipotesis "yang paling kuatlah yang bertahan" menjadi tidak konsisten. Ia menerapkan hipotesis

ini untuk menjelaskan kemunculan para individu yang tabah di antara orang Cina tanah besar, tetapi ia tidak menerapkannya untuk masyarakat Melayu. Di kalangan masyarakat Melayu juga ada perjuangan berat untuk bertahan. Penangkapan ikan dan pertanian padi Melayu tidaklah semudah yang dianggap Mahathir. Masyarakat desa Melayu tidak harus berjuang jauh lebih keras terhadap penyakit pada zaman sebelum kemerdekaan. Haynes, seorang anggota pamong praja Malaya, dalam notanya kepada Jawatankuasa Penanaman Padi, 1931, menulis:

> Saya berbicara daripada pengalaman peribadi yang sungguh-sungguh, ketika saya mengatakan bahawa terdapat banyak kematian anak-anak kecil di antara penduduk ini yang terjadi kerana berbagai-bagai sebab yang dapat dihindari. Baru-baru ini ketika saya melewati petak-petak sawah, yang penduduknya segar-bugar, saya bertanya hanya kepada dua keluarga Melayu yang saya temui, berapa anak yang telah dipunyainya dan berapa orang yang telah meninggal. Yang satu menjawab, bahawa ia mempunyai lima orang anak, tiga di antaranya meninggal; dan yang lain menjawab, bahawa ia memiliki lapan anak, lima orang di antaranya meninggal. Kedua-dua ayah tersebut petani padi, orang yang sihat kuat. Ini hanyalah contoh daripada banyak hal yang tercakup dalam pemerhatian hati peribadi saya di tempat-tempat yang terpencil, jauh dari doktor dan petugas kesihatan."[21]

Mahathir juga menyedari tingkat kematian yang tinggi, khususnya di antara bayi. Mengapa teori "yang terkuat dan tetap hidup", tidak berlaku di kalangan masyarakat Melayu, sebagaimana yang berlaku dalam masyarakat Cina? Penjelasan tentang gejala kebudayaan yang berkenaan dengan suku bunga dan teori evolusi dari Darwin telah lama tidak dipercayai dalam ilmu-ilmu sosial. Hal ini juga tidak berlaku di Cina. Selama ribuan tahun, para petani Cina harus mengatasi kesulitan demi kesulitan. Hanya baru-baru ini sajalah tampak berbagai-bagai kemajuan sosial dan ekonomi mereka.

Kiranya benar bahawa tanahnya subur untuk ditanami, tidaklah bererti bahawa itu suatu kehidupan yang mudah bagi para petani. Petani-petani tersebut harus terus-menerus bertempur melawan belalang, serangga dan benah. Kebanyakan mereka juga terpaksa melawan hutang. Pada akhir tahun 1966, ketika pemerintah menaruh perhatian yang semakin besar dalam membantu para petani padi, penanaman yang dilapor di mana-mana telah diserang tikus dan benah lain. Di sebuah

daerah, sekitar 25 peratus tanaman telah dirosakkan oleh benah, [22] dan pada masa-masa sebelumnya kerosakan lebih besar lagi. Sekitar 50 hingga 60 peratus daripada kerosakan tersebut disebabkan tikus, burung dan banjir.

Pada tahun 1931, ditemui bahawa hutang para petani di berbagai-bagai wilayah yang berlainan beragam antara 40 dan 90 peratus.

> Hutang terdapat dalam dua bentuk, yakni kepada 'lintah darat untuk menggadaikan tanah, dan kepada para pemilik kedai Cina, baik untuk memperolehi wang muka tunai mahupun berupa barang-barang keperluan selama masa tumbuhnya tanaman. Di antara kedua-dua bentuk hutang itu yang terakhir yang jauh lebih meluas dan merosak. Pada umumnya, didapati bahawa dengan cara ini para petani mendapatkan barang-barang pada saat tanaman tumbuh dan pembayaran kembali dibuat pada waktu menuai, harga yang diterima mengakibatkan petani dibayar harga yang jauh dibawah harga pasar tanaman itu yang sebenarnya.[23]

Keadaan ini berlangsung selama paling kurang setengah abad; dan sejak tahun 1966 keadaan semakin buruk. Di suatu daerah di mana kesempatan kerja di luar pertanian menguntungkan seperti di Melaka, penghasilan petani rara-rata setahun dianggarkan $1 628, pengeluaran untuk keluarga $1 561 dan tabungan bersih $66. Namun, pinjaman purata tahunan adalah $963. Sekitar 83 peratus petani di daerah ini meminjaman dan sekitar 66 peratus pinjaman tersebut untuk tujuan penggunaan makan dan pakai. Sebahagian besar pinjaman dalam bentuk barang dari perniaga runcit. Pinjaman ini sendiri merupakan 68.5 peratus pinjaman untuk wilayah Melaka.

Tingkat keuntungan tidak langsung per tahun yang dikenakan oleh kedai runcit tersebut dalam bentuk harga yang lebih tinggi terhadap wang muka barang-barang, diperkirakan sebesar 205 peratus. Pada umumnya petani mampu membayar sekitar 70 peratus daripada hutangnya pada akhir tahun. Semua faktor ini menunjukkan bahawa kehidupan petani padi Melayu tidak semudah dan sesederhana yang dikira Mahathir. Lebih jauh lagi, seandainya mereka mempermudahkan persoalan, mereka tidak akan menjadi sasaran yang menguntungkan bagi para pemberi pinjaman. Inilah dorongan lain bagi petani Melayu bekerja keras untuk membayar hutang. "Hal ini harus diselidiki bahawa meskipun kedai runcit menyediakan lebih daripada 80 peratus jumlah

pinjaman yang diperlukan oleh petani, sejumlah kecil peratus hutang tersebut tetap tidak terbayar dan tertanggung pada tahun yang berikutnya. Hampir semua hutang daripada kedai runcit dibayar kembali pada akhir tahun; bagi para petani ada kekhuatiran: jika hutang-hutang tersebut tetap tidak terbayar pada setiap akhir bulan, maka para pemilik kedai tidak akan memberi mereka pinjaman baru."[24] Jawatankuasa Penanam Padi pada tahun 1956 mendaftarkan berbagai-bagai keadaan berhubung penghasilan petani padi yang terlalu kecil, sebagai berikut: hutang yang berleluasa dan berat serta tarif bunga yang mencekik yang dibayarkan oleh petani; tidak ada kemudahan kredit yang sistematik, belanja dan batas pemasaran yang berlebihan, dan kesalahan tindakan para pelaksana dan agen pemasaran; tidak ada pembakuan mutu yang diakui; kemudahan pergudangan yang tidak memadai dan tidak sempurna; tidak adanya organisasi pengeluaran untuk permodalan, pemerosesan, penyimpanan dan pengedaran, serta perhubungan yang miskin di daerah desa.[25] Inilah faktor-faktor yang menjelaskan perkembangan masyarakat Melayu yang lamban, yang muncul daripada masyarakat petani, daripada ciri-ciri negatif seperti dugaan orang mengenai watak asli mereka atau sebarang sifat yang menurun.

Untuk menyimpulkan pendapat ini nyatalah bahawa baik *Revolusi Mental* mahupun Mahathir telah melukiskan gambaran yang keliru tentang masyarakat Melayu. Paling hebat gambaran ini mencerminkan kehidupan kaum elit yang berkuasa, dan sama sekali bukan cerminan masyarakat Melayu. Landasan penalaran mereka goyah dan pengetahuan mereka tentang berbagai-bagai kenyataan terbatas. Penafsiran mereka keliru dan pemikiran mereka merupakan kepanjangan ideologi kolonial. Mereka telah mengabaikan banyak unsur kebudayaan dan sejarah Melayu yang menekankan nilai-nilai kemajuan. Mereka juga telah kebingungan: yang mana kebudayaan dan yang mana sejarah. Untuk hal ini kita akan membicarakannya dalam bab yang berikut. Tidak adanya golongan pedagang Melayu di Malaysia sekarang adalah akibat dari faktor-faktor sejarah, bukan sebagai akibat dari sistem nilai orang Melayu.

Rancangan Malaysia Kedua 1971–1975, bertujuan mencipta golongan usahawan dalam 20 tahun, ketika 30 peratus daripada perdagangan dan perusahaan negara sudah harus dimiliki dan dijalankan oleh kaum Melayu.[26] Rancangan itu secara tidak langsung merupakan pengakuan atas kekeliruan perancang sebelumnya. Setelah 14 tahun

kemerdekaan, penyertaan orang Melayu dalam perdagangan dan perusahaan diabaikan. *Revolusi Mental* mempersiapkan suasana atas kekeliruan *Second Malaysia Plan* pada akhirnya. Kalau ini gagal mencapai tujuannya maka sikap masyarakat Melayu harus dipersalahkan. Di sini kita tidak menilai hasil nyata pemerintah Malaysia; kita hanya menelusuri sumber dorongan ideologis *Revolusi Mental*. Berbagai penerbitan pemerintah dan pernyataan pemimpin, belum pernah membuat acuan apa pun bagi kekeliruan atau kelemahan yang parah. Isu ini memerlukan kajian tersendiri. Cukup dikatakan ada kegelisahan yang semakin bertambah di kalangan para pemimpin Melayu yang berkuasa, terhadap keadaan masyarakat Melayu yang tidak meningkat secara meyakinkan. Sebahagian besar berpunca daripada rasuah, nepotisme, tindakan yang kurang berkesan perancangannya dan tidak ada pembaruan kelembagaan. Pernyataan mereka sepanjang tahun bahawa penduduk harus tanggap, menunjukkan kegelisahan mereka bahawa penduduk tidak tanggap. Tentu sahaja untuk menilai ini kita harus mengetahui berbagai-bagai isu, kemudian baru kita dapat mempertalikan tanggungjawab, baik terhadap rakyat mahupun terhadap kerajaan. Penulis dalam buku ini, mengetahui semata-mata usaha untuk membuktikan adanya kegelisahan ini, dan fungsinya sebagai sumber pendorong untuk melukiskan masyarakat Melayu dalam warna-warni yang negatif, kerana itu yang terakhir dapat menjaga tanggungjawab kalau parti yang berkuasa gagal mencapai tujuannya yang telah ditetapkan.

---

1 Dato Setia Raja Abdullah, 1927. "The Origin of Pawang and Berpuar Ceremony," JMBRAS, jil. V, bhg. 2, November 1927. Berhubungan dengan amalan ghaib dan tahyul dalam pertanian, ia berkata: "Kesimpulannya, saya tidak dapat menghentikan anggapan, sebegitu jauh tidak ada gunanya untuk mengharapkan kemajuan ekonomi masyarakat Melayu kerana ini dan berbagai-bagai keyakinan yang serupa berlaku di kalangan mereka. Keyakinan itu berakar umbi, ilmu pengetahuan tidak dapat berdampingan. Agak sulit, malahan mustahil untuk menanggulangi hama secara ilmiah kalau kerosakan tanaman diyakini disebabkan oleh amukan roh jahat," hlm.313.

2 Syed Hussein Alatas, "Erti kemajuan masyarakat," *Utusan Melayu*, 7 Oktober 1959, Kuala Lumpur. Di sini disebutkan "Setiap perubahan besar dalam sejarah, setiap revolusi yang terjadi, selalu didahului oleh perubahan psikologis yang besar. Tidak ada perubahan dalam sejarah yang tidak dimulai dengan

perubahan pandangan manusia terhadap kehidupan". Tema pokok *Revolusi Mental* terdapat dalam karangan ini, dikurangi pembicara tentang watak Melayu. Ini menyangkut konsep tentang kemajuan, sikap yang diingini, dan cara-cara untuk meraihnya. Meskipun perubahan ekonomi merupakan tujuan utama, tetapi ekonomisme tidak harus menjadi metode analisis yang utama.

3 Syed Hussein Alatas, 1960. "Sekitar Bahasa dan Kebudayaan Melayu," *Dewan Bahasa*, IV, no. 2. hlm. 82. Februari, 1960, Kuala Lumpur.

4 Syed Hussein Alatas, 1965. "Sejarah Melayu Berisi Unsur-unsur yang tidak Sehat dari Segi Falsafah Perjuangan Islam," *Angkatan Baru*, Oktober 1965, Kuala Lumpur. Ceramah tersebut dimuat dalam bulanan ini.

5 *Ibid.*

6 Syed Hussein Alatas, 1965. "Collective Representations and Economic Development," *Kajian Ekonomi Malaysia*, jil. II, no.1, Jun, 1965. Kuala Lumpur. Berikut adalah yang disarankan. "Perwakilan bersama dalam dunia politik, kedoktoran, teknologi, pertanian, perikanan, penggarapan tanah, bangunan, perhubungan, dan sebagainya. Penglibatan mistik mereka, pada pendapat saya, merupakan salah satu pengaruh kuat yang menyebabkan kebekuan dan keterbelakangan masyarakat Asia Tenggara. Mereka memiliki erti penting yang terbesar dalam kehidupan penduduk sehari-hari. Sebelum kita dapat berharap mencapai perubahan keadaan sosial dan ekonomi penduduk Asia Tenggara yang bercakupan luas dan positif, kita harus mengadakan perubahan pandangan, suatu revolusi mental," hlm. 106–107. Dibincangkan bagaimana keyakinan ghaib dan tahyul itu mempengaruhi pembangunan.

7 Periksa Syed Hussein Alatas, "Feudalism in Malaysian Society: A Study in Historical Continuity," dlm. *Civilizations*, jil. XVIII, no. 4, 1969.

8 Rezeki berasal dari bahasa Arab. Ini bererti makanan, kurnia, nafkah. *Revolusi Mental* mencatat tujuh pepatah untuk menunjukkan bahawa kaum Melayu mempercayai nasib. Periksa *op.cit.*, hlm. 69. Maxwell, penghimpun terkaya peribahasa Melayu, tidak melihat kepasrahan di dalamnya. Peribahasa itu, katanya, melukiskan "seseorang yang jujur dapat menghidupi dirinya, yang penghasilan hariannya memungkinkan dia hidup tetapi tidak menabung". Periksa W.E. Maxwell, "Malay Proverbs, 4" hlm. 150, JSBRAS, no. 2, 1878.

9 W.E. Maxwell, "Malay Proverbs," hlm. 90, JSBRAS, no. 1, Julai 1878.

10 Saya telah membincangkan sebelum ini bahawa ketepatan waktu sebagai nilai dalam beberapa masyarakat tradisional sebagai sangkalan terhadap penyamarataan Herskovits tentang Sudan. Periksa sumbangan tulisan saya 1969, "Modernizations dan National Consciousness," dlm Ooi Jin Bee, Chiang Hai Ding (ed). *Modern Singapore*, University of Singapore, Singapura.

11 S. Selvadurai, Ani bin Arope, Nik, Hassani bin Mohammad, *Socio-Economic Study of Padi Farms in the Kemubu Area of Kelantan*, 1968, hlm. 91, Kementerian Pertanian dan dan Koperasi, Kuala Lumpur, 1969.

12 Udhis Narkswasdi, *S. Economic Survey of Padi Production in West Malaysia, Report no. 1, Selangor*, hlm. 143, tabel 37, Kementerian Pertanian dan Koperasi, Kuala Lumpur, 1967.

13 Udhis Narkswasdi, S. Selvadurai, 1967. *Economic Survey of Padi Production in West Malaysia, Report no. 2, Collective Padi Cultivation in Bachang Malacca*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Koperasi, hlm. 144–46

14 S. Salvadurai, Ani bin Arope, Nik Hassani bin Mohammad, 1968. *Socio-Economic Study of Padi Farms in the Kemubu Area of Kelantan, op. cit.* hlm.91.

15 Ruth Benedict, *The Chrysanthemum and, the Sword*, hlm. 66–67, Routledge and Kegan Paul, London, 1967.

16 Ichiro Kawasaki, *Japan Unmasked*, hlm. 188, Charles E. Tuttle, Tokyo, 1970.

17 Nyozekan Hasegawa, 1965. *The Japanese Character*, John Bester, Tokyo: Kodansha International.

18 Hugh Clifford, *Studies in Brown Humanity, op. cit.* hlm.195–96.

19 Salvador de Madariaga, 1949. *Englishmen, Frenchmen, Spaniards*. London: Oxford University Press, hlm. 37.

20 Syed Hussein Alatas, 1972, *Siapa yang Salah*. Singapura: Pustaka Nasional. 21 Malaya, 1931. *Report of the Rice Cultivation Committee*, jil. 1, hlm. 53. Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Press.

22 Udhis Narkswasdi, Servadurai, 1967. *Economic Survey of Padi Production in West Malaysia, Report no. 3*, Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Koperasi, hlm. 35.

23 *Report of the Rice Cultivation Committee*, jil. 1, hlm. 40, *op. cit.*

24 Udhis Narkswasdi S. Selvadurai, *Report no. 3, Malacca* hlm. 147, *op. cit.* Di Melaka kadar bunga purata kedai runcit adalah 267.5 peratus periksa hlm. 157.

25 Malaya, 1956. *Final Report of the Rice Committee*. Kuala Lumpur: Government Press.

26 Untuk analisis tajam, periksa Syed Hussein Alatas, 1972. *The Second Malaysia Plan 1971–1975: A Critique*. Occasional paper no. 15, Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.

Bab 12

Kehilangan Golongan Pedagang Peribumi

Menurut sejarah, masyarakat Filipina, Jawa dan Melayu mempunyai golongan pedagang. Apa yang terjadi dengan golongan pedagang ini? Ini telah dihancurkan oleh kolonialisme Eropah. Proses pemusnahan tersebut bermula pada awal abad ke 16 dengan kedatangan orang Portugis. Dengan tertakluknya Filipina oleh Sepanyol, perdagangan orang Filipina semakin terbatas kepada perdagangan kecil-kecilan antara pulau. Pedro Chirino, pendeta Jesuit yang bersimpati pada orang Filipina, menulis tentang perdagangan orang Filipina yang berkembang baik di sekitar tahun 1600, lima tahun setelah kedatangan orang Sepanyol pada tahun 1565. Ia mengatakan bahawa orang Filipina adalah penduduk yang paling cerdas dan cekap dalam hal berdagang.[1] Kira-kira setengah abad setelah penaklukan Sepanyol, Morga melihat beberapa akibat penaklukan tersebut terhadap masyarakat Filipina. Saya telah mencatatkan tentang kerja paksa dan pembayaran upti, tetapi saya belum mengetengahkan faktor baru yang membatasi perdagangan. Masyarakat peribumi tidak dibenarkan meninggalkan kota mereka untuk misi dagang kecuali dengan izin penguasa Sepanyol.[2] Oleh kerana itu dalam perjalanan waktu, perdagangan yang semakin penting jatuh ke tangan Sepanyol. Dalam bab ini kita akan lebih menumpukan perhatian kepada golongan pedagang Melayu dan Jawa. Kegiatan dagang mereka lebih luas dan lebih besar daripada kegiatan masyarakat Filipina. Para pedagang Melayu dan Jawa pada abad ke-15 dan ke-16 benar-benar berpengaruh. Wilayah kegiatan mereka antara India dan Kepulauan Maluku. Para pelaut Jawa diyakini mencapai Madagaskar. Masyarakat Jawa juga mempunyai golongan pelaut dan pedagang adalah kenyataan yang jelas. Lebih daripada 50 tahun yang silam, Schrieke bertanya mengapa golongan dari Jawa ini musnah. Jawapannya hanya sebahagian yang benar, yakni bahawa penguasa Mataram telah melarang orang Jawa

berdagang di Jawa.[3]

Hal yang sama berlaku dalam masyarakat Melayu. Dengan tertakluknya Melaka oleh Portugis, dan berkembangnya kekuasaan Belanda, golongan pedagang Melayu juga hilang. Ketika orang Inggeris datang ke Malaya pada akhir abad ke-18, mereka tidak menemui golongan pedagang Melayu dalam kedudukan yang sebanding dengan mereka. Ini terjadi setelah kira-kira tiga abad penindasan orang Portugis dan Belanda. Dengan kata lain, golongan pedagang Melayu dan Jawa disisihkan selama tiga abad itu. Penyisihan golongan pedagang itu bukan merupakan proses yang sama dan sekaligus. Di Jawa, penyisihan terasa pada abad ke-17, di Kepulauan Maluku dan Sumatera hal ini berlangsung jauh sesudah itu, dan di Patani (Thailand) beberapa waktu kemudian. Sebelum kita mengkaji lebih jauh, kita harus menentukan apa yang dimaksudkan dengan "golongan pedagang". Golongan pedagang bermaksud komuniti pedagang yang mengimport dan mengeksport komoditi atas dasar *mandiri*, menyediakan modal sendiri, membiayai urusniaga, mengatur pengapalan secara besar-besaran, dan menggunakan kapal yang paling maju pada waktu itu untuk ketempat-tempat yang jauh. Ketika orang Eropah datang pada abad ke-16 dan ke-17, mereka merupakan salah satu kelompok di antara sekian pedagang bebas. Keunggulan orang Eropah dalam perdagangan belum mulai terasakan. Kekuasaan Belanda atas daerah tersebut menjadi lebih berkesan pada abad ke-18. Pada akhir abad ke-19, khususnya setelah kedatangan kapal wap, penguasaan orang Eropah atas perdagangan di daerah ini menjadi lengkap. Sesudah itu, Inggeris tampil dalam kancah politik.

Penjelasan konseptual berkenaan dengan istilah "orang Melayu" dan "orang Jawa" perlu diketengahkan di sini. Orang Melayu dimaksudkan suku bangsa yang berasal dari Sumatera, yang menggunakan bahasa ibunda mereka yang sekarang dianggap sebagai bahasa Melayu dan bahasa Indonesia. Orang Jawa merujuk suku bangsa dari pulau Jawa, yang bahasa ibunda adalah bahasa Jawa. Ini tidak termasuk penduduk Jawa Barat dan daerah Sunda, yang bahasa ibunda bahasa Sunda. Sumber sejarah kita menunjukkan pada kegiatan dagang yang besar dari dua kelompok ini, orang-orang Melayu dan Jawa. Kelompok ketiga orang Aceh. Terdapat suku bangsa lain yang terlibat, tetapi kebanyakan dalam perdagangan antara pulau setempat. Orang-orang Melayu dan Jawa terlibat dalam perdagangan antarabangsa, menurut komoditi, pembeli dan penjualnya, serta menurut letak geografinya. dan penjualnya, serta

menurut letak geografinya. Para pedagang Melayu dan Jawa diketahui pernah sampai ke Surat. Pada tahun 1604, seorang duta besar Melayu dari Johor berada di Belanda. Ia kembali dari Belanda ke Johor dengan Matelief pada tahun 1606.[4] Perjalanannya mungkin merupakan sebahagian daripada persiapan fakta persekutuan antara Johor dan Belanda, untuk melawan orang Portugis dan Sepanyol.[5] Ia mungkin orang Asia yang pertama mengunjungi Eropah Barat. De Jonge mengisyaratkan bahawa perdagangan yang luas telah dilakukan oleh orang Melayu sejak pertengahan abad ke-16.[6] Ini ditunjukkan oleh meluasnya penggunaan bahasa Melayu. Kita akan mengetengahkan di sini terutama disekitar abad ke-17 dan ke-18.

Dalam laporan Belanda yang ada pada tahun 1603, penulisnya, mungkin Mr. Stalpaert van der Wiele, yang membincangkan tempat-tempat yang berbeza dan berbagai-bagai peluang perdagangan bagi orang Belanda, menyebut Kedah sebagai kota dagang yang baik sekali. Johor dan Patani ditunjuk sebagai kota-kota dagang, dan penduduk Johor banyak berdagang di Banda, Maluku. Perdagangan orang Melayu yang meningkat di Makasar, disebabkan berbagai-bagai tindakan Portugis di Melaka yang merintangi perdagangan di sana. Laporan menyebutkan bahawa kaum Melayu di Makasar melakukan usaha besar. Mereka mengeksport muatan penuh sekapal ke Cina.[7] Sekitar pertengahan abad ke-17, para pengkaji melihat akan pertumbuhan perdagangan di Banten, Jawa. Penduduk Banten menyelenggarakan perdagangan yang sibuk dan banyak – dengan bantuan orang Inggeris dan Denmark – dengan Parsi, Surat, Arab; Koramandel, Benggala, Tonkin, Siam, Cina, Manila, dan Jepun.[8] Janvan Gorcum, gabenor Belanda di Ambon, dalam suratnya kepada gabenor jenderal Carpentier pada tahun 1626 – yang merupakan pandangan penguasa setempat – menyatakan bahawa orang Melayu dan Jawa telah berdagang di Makasar satu abad sebelum orang Belanda. Ini sebagai jawapan kepada usaha Belanda untuk menyuruh panguasa tempatan tidak melakukan perdagangan.[9] Dalam surat yang serupa pada tahun 1927, ia melaporkan keuntungan yang besar yang didapat, oleh kaum Melayu dan para pedagang Makasar dari perdagangan rempah-ratus.[10] Dalam suatu laporan tentang keadaan Makasar pada tahun 1637, pedagang besar Belanda, Hendrik Kerckringh, berpendapat, "Masyarakat Melayu di sana sangat dihormati. Mereka penduduk yang sangat kaya dan rumah mereka dibangun di antara rumah-rumah orang Makasar di desa."[11]

Kemudian ia menyebut tentang perdagangan mereka iaitu beras, pakaian, porselin dan rempah-ratus, serta pelayaran musiman dengan perahu mereka.

Dalam suratnya pada tahun 1638 kepada para orang atasnya di Belanda, gabenor jeneral Belanda di Jawa, Antonio van Diemen, menyebut, betapa besarnya kapal orang-orang Melayu dan Jawa dari Banten dan Mataram yang mampu meloloskan diri dari blokiran Hindia Belanda di Indonesia Timur.[12] Ia juga menyebut Kedah dan Perak sebagai tempat-tempat yang sering dikunjungi. Para pedagang Bugis, Melayu dan Jawa telah mengeksport sejumlah besar timah dari tempat-tempat ini. Pada tahun 1649, gabenor jenderal Van der Lijn melaporkan berbagai-bagai kejadian di daerahnya. Ia mencatat bahawa Belanda telah memperolehi persetujuan daripada penguasa Aceh melarang para pedagang Jawa, Cina, Melayu dan yang lain melakukan kegiatan dagang di Perak dan seluruh pantai Barat Sumatera.[13] Dalam sejumlah catatan sejarah pada abad ke-16, 17, dan 18, kita temui bahawa para pedagang Jawa dan Melayu melakukan usaha di atas dasar yang sama. Satu setengah abad sebelumnya, Tom Pires mengungkapkan tentang para pedagang Melayu dan Jawa di tempat-tempat yang telah dikunjunginya. Ia berkata bahawa penduduk Inderagiri di Sumatera, biasa berdagang. Selama kunjungannya, Inderagiri, Kampar dan Jambi merupakan tujuan berbagai-bagai kegiatan perdagangan yang berpusat di Melaka. Ketiga tempat ini berada di bawah Melaka.[14] Dalam masa yang hampir sama, tahun 1518, Duarte Barbosa berkata bahawa kota Melaka adalah pelabuhan laut yang terkaya, dengan jumlah pedagang besar yang terbanyak dan penuh kegiatan perkapalan dan perdagangan di seluruh dunia.[15] Ia menyebut di antaranya para pedagang Melayu dan Jawa. Kegiatan dagang orang Jawa menurut Barbosa meluas dari kepulauan Maluku ke Benggala, Malabar, Pegu dan Cambay. Perahu-perahu dari Jawa berbeza daripada perahu Portugis yang dibuat daripada kayu tebal.

Dalam perahu inilah mereka membawa beras, lembu, domba, babi, rusa, daging pilihan, burung, bawang putih, bawang merah, senjata, tombak, belati dan benda-benda kecil lainnya. Ke Kepulauan Indonesia, mereka membawa segala keluaran daripada kapas, air raksa, tembaga yang ditempa, loceng dan kuali, porselin, dan mata wang Cina. Barbosa mengatakan tentang para pedagang Melayu, bahasa dan adat-istiadat mereka. De Barros, seorang penyokong Portugis, dalam waktu yang

sama, mencatat keadaan orang Melayu setelah dihalau oleh orang Portugis pada tahun 1511, mereka mencari perkampungan baru di sepanjang pantai, menilih pelabuhan yang terbaik untuk kegiatan perdagangan dan pelayaran, yang tidak digunakan oleh peribumi tempatan dan melantik diri sendiri sebagai tuan.[16] Beberapa pedagang Melayu tetap tinggal di Melaka, tetapi banyak di antaranya yang meninggalkan kota; yang lain menetap di Makasar. Laporan Belanda tentang kegiatan orang Melayu dan Jawa di Indonesia Timur satu abad setelahnya menunjukkan kenyataan, bahawa mereka beransur-ansur bertambah kuat daripada abad sebelumnya. Begitu kekuasaan Portugis sekitar Melaka semakin berkesan, pusat kegiatan berpindah ke Indonesia Timur. Kemunduran dan tersisihnya golongan pedagang Melayu dan Jawa untuk melakukan perdagangan antarabangsa secara mandiri ada korelasinya dengan kekuatan Eropah di tempat yang bersangkutan. Pada akhir abad ke-18, baik di Malaya mahupun di Indonesia, golongan pedagang peribumi – di antara para pedagang besar antarabangsa yang mandiri – yang membiayai kegiatan dan mengatur perkapalan sendiri – dengan syarat-syarat yang sama dengan pedagang lain pada waktu itu – telah musnah. Sebab-musababnya akan dibahaskan kemudian.

Schrieke mengulas tingkat perdagangan orang Jawa sebagai berikut: "Perdagangan laut orang Jawa meliputi kepulauan Indonesia termasuk India Jauh, dan sarat sekali. Bukti untuk itu terdapat dalam timbunan kepustakaan Portugis dan berbagai-bagai dokumen Perusahaan Belanda pada abad ke-17".[17] Tentang pelabuhan Jawa di Jaratan pada tahun 1600, Laksamana Belanda, Van Heemskerck, mengamati bahawa pelabuhan tersebut paling baik dan paling berkesan di seluruh Jawa. Bahasa yang digunakan dalam kontrak usaha ialah bahasa Melayu. Orang Jawa, orang Melayu, Arab, Portugis dan Gujarat sibuk dengan perdagangan Banda.[18] Berhubung dengan Jepara, Gresik dan Surabaya,

> Kisah tentang beberapa peperangan di Wilayah Hindia tahun 1622, dilapor sebagai berikut: 'Dari tempat-tempat yang disebutkan di atas, yakni Gresik, Jaratan, dan Sedayu, dilangsungkan perdagangan besar di laut meliputi seluruh bahagian wilayah Hindia, dan mereka banyak sekali memiliki kapal. Di tempat-tempat itulah terdapat 1000 buah kapal atau lebih yang bermuatan 20, 50 hingga 200 ton, yang kerananya dengan mantap mereka melakukan perdagangan; dan harus di-ingat bahawa tidak seorang pun pernah melihat separuh daripada jumlah kapal tersebut

> berlabuh terus di tempat itu, kerana mereka belayar mengikut angin monsun. Bersama angin monsun timur, mereka ke Selat Melaka, Sumatera, Palembang, Kalimantan, Patani, Siam, dan seratus tempat lainnya yang terlalu banyak untuk disebut. Bersama angin monsun barat mereka ke Bali, Bantam, Bima, Solor, Timor, Alor, Selayar, Buton, Buru, Banggai, Mindanao, kepulauan Maluku, Ambon, dan Banda, yang kini telah diambil-alih dari mereka. Juga ke kepulauan Kai, Aru, Seram, dan tempat lain yang begitu banyak, sehubungan dengan usaha mereka dalam menukar barang dan memetik keuntungan paling sedikit 200 atau 300 peratus sebelum mereka pulang ke rumah.[19]

Mengenai Tuban, catatan pelayaran Belanda yang kedua ke Hindia (tahun 1601) melapor seperti yang berikut:

> Kota ini banyak dihuni bangsawan yang melakukan perdagangan besar dengan membeli dan menjual sutera, camlet, pakaian dari katun, dan juga beberapa pasang gaun yang dipakai, yang beberapa di antaranya dibuat di sana. Mereka memiliki kapal yang disebut perahu, yang dimuati lada dan diangkut ke Bali dan mereka menukar barang tersebut dengan beberapa potong kain kapas yang sederhana, yang dibuat di sana berkodi-kodi, dan ketika mereka menukarkan lada dengan kain itu, mereka membawa barang yang sama ke Banda, Ternate, kepulauan Filipina, dan ke kepulauan di sekitarnya yang lain, dan menukar kain tersebut dengan pala fuli, pala, dan cengkeh, dan dimuat ke kapal, kemudian di bawah pulang. Orang awam sibuk dengan memancing dan memelihara binatang, kerananya di situ terdapat banyak ternakan.[20]

Keberkesanan perdagangan orang Jawa dan Melayu dapat dinilai daripada kenyataan bahawa para pedagang asing 'bergantung kepada mereka untuk pengapalannya. Petunjuk lain adalah kedudukan para pedagang Cina sebelum kolonial ini. Mereka tidak menempati kedudukan perantara yang kuat dalam struktur perdagangan pada masa itu; mereka hanya salah satu di antara para pedagang sahaja. Kedudukan tersebut kemudian berbalik. Tentang perdagangan Cina, Schrieke melapor seperti yang berikut:

> Sebahagian sebagai akibat daripada permintaan orang Gujarat yang dilayani oleh orang Jepun, perdagangan langsung orang Cina di kepulauan Maluku, seperti yang dikatakan Barros, yang menilai dari apa yang dapat disimpulkan daripada catatan Cina pada tahun

1349, tahun 1425-1432 dan tahun 1436 tentunya telah dikembangkan selama abad ke-14 dan mungkin dilanjutkan hingga penggal pertama abad ke-15, tidak dapat mempertahankan dirinya dalam persaingannya dengan para pedagang Jawa dan Melayu, yang juga mengangkut rempah-ratus ke Melaka, dan sudah menjadi komoditi pada masa lalu, jauh sebelum kedatangan Portugis pada tahun 1511. Pada waktu itu jangkauan orang Cina tidak lebih jauh dari Yunani, yang telah membuat mereka bersyukur atas kebangkitannya sekitar tahun 1400. [21]

Oleh kerana itu, orang Melayu dan Jawa pada masa itu telah memiliki golongan pedagang yang kuat, dan sangat menguasai pelayaran. Pada tahun 1625, seorang pedagang besar Inggeris, Sihordt, mengamati:

> Orang-orang yang medayung perahu ini (dari Makasar ke Kepulauan Maluku) hampir semuanya orang Melayu dari Patani, Johor, dan tempat lain yang ribuan jumlahnya, tinggal di Makasar, serta menguasai sebahagian besar pelayaran di segala penjuru; sedikit orang Makasar yang berpergian ikut jalan laut ke tempat-tempat yang jauh, sibuk belayar dengan perahu-perahu kecil menuju berbagai-bagai tempat yang terletak di sekitar Sulawesi.[22]

Perpindahan para pedagang Melayu ke Makasar, seperti yang disebut sebelum ini, di sebabkan oleh gangguan orang Eropah.

> Sewaktu kedatangan orang Portugis pada permulaan abad ke-16, tatkala orang Melayu dari Melaka dan kemudian Johor, dan orang Jawa menguasai perdagangan rempah-ratus, Makasar belum memainkan peranan penting apa pun di kepulauan Indonesia. Sebagai hasil daripada apa yang di alami di Melaka, beberapa orang Melayu selama waktu itu berpindah ke Makasar, yang menjadi pangkalan pelayaran di kepulauan Maluku. Imigrasi masyarakat Melayu meningkat, setelah orang Cina dalam sejumlah jelajahannya telah menghancurkan Johor dan tampaknya seperti menundukkan Melaka. Akhirnya, pemblokiran Melaka oleh perusahaan Belanda juga merupakan salah satu faktor. [23]

Gabenor Jenderal Belanda Hendrik Brouwer, pada tahun 1634 melaporkan tentang perpindahan para pedagang Melayu dan Jawa ke Makasar. Kaum Melayu itu berasal dari Johor, Pahang dan Lingga, manakala orang Jawa berasal dari Gresik, Giri, Jaratan, Sedayu dan

tempat lain.[24] Hubungan antara Belanda dan Sultan Makasar tegang, kerana politik dagang yang liberal yang dianuti oleh Sultan. Gabenor Jenderal Belanda, Specx, menganggap Makasar dan Banten sebagai penghalang pemantapan kekuasaan Belanda dan pengembangan perdagangannya di Kepulauan Melayu, kerana mereka menarik seluruh bangsa asing dan Muslim di negeri mereka berdågang. Makasar dilukiskan sebagai sebuah negeri yang mengizinkan perdagangan bebas dan terbuka, yang memberi layanan baik dan memungut cukai kecil.[25] Oleh kerana itu, gagasan tentang politik dagang yang liberal, bukanlah hal yang baru. Raffles hanya mengulangi dasar yang telah dilakukan berabad-abad sebelumnya oleh para penguasa peribumi. Lebih daripada satu abad sebelum penaklukan Portugis, Melaka juga mengamalkan politik perdagangan liberal yang sama. Kiranya merupakan usaha yang keras untuk meningkatkan kecekapan dan mengatasi berbagai-bagai tuntutan perdagangan. Huraian yang berikut menggambarkan hal tersebut:

> Barang-barang diangkut pada harga yang telah disetujui dan kemudian dibahagi di antara kelompok pembeli menurut bahagiannya masing-masing. Oleh kerana itu, di Melaka, penetapan harga tidak sepenuhnya bebas, sebagaimana berlangsung dikebanyakan bahagian lain di Asia, tetapi ditentukan oleh sultan. Cara Melaka itu bererti bahawa, urusan diselesaikan dengan cepat sesuai syarat-syaratnya yang sangat menguntungkan para pedagang besar Melaka, sebaliknya peniaga runcit tidak mempunyai alasan untuk tidak berpuas hati. Ini merupakan kebiasaan yang mapan bahawa kapal pertama yang datang juga yang pertama dibongkar. Dengan cara ini para penjual menyelesaikan barang dagangannya dengan cepat, dan – kerana harga secara umum telah diketahui dengan baik di Melaka mereka pun tidak mendapat bayaran yang kurang. Seluruh sistem tersebut dimaksudkan untuk menekan hingga sesingkat mungkin waktu yang diperlukan dalam menyelesaikan urusan. Para pedagang besar setempat memainkan sendiri peranannya dalam organisasi ini, dan ikut serta dalam penghitungan bea-cukai, yang untuk itu sudah ada aturan yang pasti dan tarif yang tegas. Di sini kita juga melihat berbagai-bagai usaha yang ditempuh untuk mengembangkan penyelesaian yang tangkas dan cekap. Sebuah suruhanjaya pedagang selalu waspada terhadap inflasi. Oleh kerana itu, dapat dikatakan bahawa di Melaka para pedagang benar-benar mempero-

lehi manfaat selama berdagang.[26]

Willem Lodewyckst, penulis kisah pelayaran Belanda yang pertama ke wilayah Hindia Timur di bawah Cornelis de Houtman pada tahun 1595-1597, menyebut bahawa untuk belayar dan menyewa kapal, orang Melayu dan orang Keling di Banten merupakan pedagang yang meminjamkan wangnya dengan bunga. Orang-orang India Gujarat biasanya dimanfaatkan sebagai awak-awak kapal, kerana mereka miskin dan merupakan kelompok peminjam wang untuk berdagang.[27] Peranan orang-orang Jawa dan orang Melayu dalam perdagangan pada masa itu jelas. Bahawa bahasa Melayu bahasa pengantar, bahasa rasmi dalam urusniaga dan surat-menyurat diplomatik, jelas menunjukkan luasnya pengaruh Melayu dalam perdagangan dan perniagaan. Namun, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa yang berpengaruh tidak ditentukan oleh Negara Melaka pada abad ke-15. Dua abad lebih setelah kehilangan kesultanan Melayu di Melaka, bahasa Melayu masih menjadi bahasa perdagangan dan diplomasi yang kuat. Alasannya - keunggulan Melayu dalam bidang pelayaraan pengaruh kuat para pedagang Melayu, pengaruh kuat pelabuhan dagang pesisir yang orang-orangnya berbicara dalam bahasa Melayu; dan kecenderungan masyarakat Melayu untuk berpindah. Tanpa kekuatan yang memadai dalam keadaan ekonomi dan politik yang sesungguhnya pada waktu itu, agak mustahil bagi bahasa Melayu untuk mencapai kedudukan yang berpengaruh itu.

Penyingkiran golongan pedagang Melayu dan Jawa merupakan proses yang bertahap bermula pada abad ke-17, oleh Belanda di Indonesia, kehadiran orang Portugis di Malaya dan hingga ke suatu tingkat tertentu oleh penguasa tempatan di Jawa. Menjelang akhir abad ke-18 makin sedikit pusat perdagangan, dan golongan pedagang pun berkurang. Pada abad ke-18, perdagangan Melayu dan Jawa yang melepaskan diri daripada kekuasaan Belanda berpusat di Riau. Di tempat inilah para pedagang Cina dan Inggeris berdatangan untuk menukar barang. Gabenor Belanda di Melaka, P.G. de Bruijn, memohon kepada gabenor jenderal di Betawi agar mengizinkannya membina pelabuhan di Melaka, agar orang Bugis tidak seenaknya membina pelabuhan dagang di tempat lain setelah Belanda mengusir mereka dari Riau pada tahun 1784.[28] Riau barangkali merupakan pusat perdagangan dan pelabuhan dagang penting yang terakhir yang diurus oleh para penguasa peribumi dan para pedagang Melayu yang mandiri. Mulai saat itu arena

perdagangan seluruh dunia telah berubah. Tidak ada lagi pedagang Denmark, Parsi, Gujarat, Portugis, Jepun, Arab, Inggeris, Belanda, Jawa Melayu, Cina dan yang lain yang datang berkerumun di pelabuhan Banten pada abad ke-16 sebagai kelompok. Jangkauan wilayah perdagangan peribumi yang langsung, terbatas pada daerah kepulauan. Para pedagang Jawa dan Melayu tidak lagi secara langsung membeli dari India. Mereka tidak lagi sampai ke India. Peristiwa apa lagi yang menyusutkan jumlah kelompok tersebut, yang mengubah fungsi mereka, dan pada akhirnya memusnahkan mereka sebagai suatu golongan?

Untuk ini kita harus meninjau kembali politik Belanda pada abad ke-17 dan sesudahnya. Jika Portugis sendirian di wilayah ini, maka mereka akan masuk ke Melaka, Timur dan satu atau dua tempat lain. Orang Portugis tidak berada dalam kedudukan untuk meluaskan dan memaksakan kekuasaan mereka di seluruh Kepulauan Melayu. Agaknya Belandalah yang melakukannya.[29] Kekuasaan Portugis terbatas pada Melaka dan daerah yang berdekatan. Tidaklah mungkin untuk menakluki Johor, kecuali merompaknya. Portugis tidak pernah menguasai Riau atau Sumatera. Tanpa Belanda, negara Melayu dan Jawa akan tetap ada dan golongan pedagang tidak akan pernah musnah.[30]

Modus operandi tersebut menyolok mata penguasa di Jawa pada abad ke-17 yang waktu itu berada di bawah negara Mataram yang berpengaruh. Tetapi, sebelum ini marilah kita catat peristiwa pendahulunya yang diselidiki satu abad sebelumnya oleh Tom Pires. Merupakan hal yang lumrah jika suatu pertentangan kepentingan terjadi antara masyarakat pedagang di daerah pesisir dan para bangsawan serta usahawan di pedalaman. Oleh kerana itu, Pires melaporkan bahawa kerajaan Pasai di Sumatera memiliki kota-kota besar, yang penduduk kotanya banyak tinggal di pedalaman, orang yang penting hidup terjamin. Kadang-kadang terjadi perselisihan dengan Pasai kerana lada, sutera dan kapur barus, tetapi kehendak Pasailah yang menang.[31] Begitu pula, antara tahun 1512 dan 1515 Tom Pires mengamati kekuatan para penguasa Muslim pesisir yang sangat kuat di Jawa dan menguasai seluruh perdagangan, kerana mereka raja kapal dan rakyatnya.[32] Kekuasaan Muslim juga dihuraikan oleh Tom Pires,

> Pada saat masih ada para penyembah berhala sepanjang pantai Jawa, banyak pedagang besar yang biasa datang, orang-orang

> Parsi, Arab, Gujarat, Benggala, Melayu dan bangsa lain, di antaranya banyak orang Morocco. Mereka mulai berdagang di negeri tersebut dan menjadi kaya. Mereka berjaya membina masjid, dan para mullah datang dari luar, yang jumlah mereka bertambah terus, dan anak-anak ini, yang dikatakan orang Morocco, telah menjadi masyarakat Jawa dan kaya sekitar 70 tahun. Di beberapa tempat, raja-raja Jawa yang kafir atas kemahuannya sendiri kemudian menjadi umat Muhammad, dan mullah-mullah serta para pedagang Morocco itu menguasai tempat-tempat tersebut.[33]

Negara dagang pesisir kemudian dihancurkan oleh Belanda sewaktu Perang Mataram pada abad ke-17. Penentu dalam sejarah kolonial Belanda berlangsung pada tahun 1676 dengan campur tangan Laksamana Cornelis Speelman dalam perang saudara di Jawa, iaitu ketika Mataram melawan Trunojoyo, pangeran dari Madura. Trunojoyo, dan sekutunya berjaya mematahkan kekuatan Mataram. Sedikit demi sedikit wilayahnya jatuh ke tangan mereka. Pada mulanya Belanda kelihatan bersikap neutral. Ibukota Mataram sendiri digasak. Pada akhirnya, pada bulan Disember 1679, Trunojoyo menyerah kepada Belanda. Ia diserah kepada Raja Muda Mataram, Amangkurat II, yang menikam sendiri Trunojoyo hingga mati. Seluruh peristiwa ini memperluas kekuasaan Belanda di Jawa. Sesudah itu, negara Mataram yang kuat bergantung pada Belanda. Speelman menyerap habis-habisan berbagai-bagai kelonggaran dari penguasa Mataram sebagai imbalan atas bantuannya menyelamatkan takhtanya. Selain tagihan yang sangat besar terhadap apa yang diberikan, Speelman menuntut hartanah atas seluruh pelabuhan di Jawa Timur dan mengatur stategi agar pendapatan mereka jatuh pada VOC (Vereenigde Oost Indische Compagnie). Para residen Mataram dan daerah di bawah kekuasaannya tidak dibenarkan menjual beras kecuali kepada syarikat tersebut atau kepada mereka yang diarahkan. Penguasa Mataram juga dilarang mengimport dan menjual barang-barang Hindia dan Parsi, termasuk candu, atau dari sesiapa saja, kecuali VOC. "Dengan peraturan ini", kata de Jonge, "seluruh pantai timur Jawa digarap dengan kekuasaan sistem monopoli syarikat tersebut."[34] Dengan hanya menggunakan paksaan, syarikat Hindia Belanda memantapkan sendiri kedudukan yang menguntungkan. Para pedagang dan pemodal Jawa yang *mandiri* tidak dapat bekerja dengan keadaan seperti itu. Golongan pedagang Jawa tidak dapat maju dengan

pesat.

Jauh sebelumnya, Amangkurat I, Penguasa Mataram telah membatasi kegiatan perdagangan rakyatnya. Ia melarang rakyat Jawa berlayar ke luar negeri, dan menguasai sendiri usaha eksport dan import yang besar. Seperti laporan van Goens, ia mengingini yang lain-lain mendatanginya.[35] Ia menguasai penjualan beras. Tetapi monopoli ini mungkin merupakan reaksi terhadap Belanda di Batavia. Dengan memusatkan kegiatan yang dilakukannya sendiri tetapi bukan urusan dagang orang Jawa, maka secara ekonomi ia merasa sangat kuat. Ini merupakan salah satu sebab mengapa para pedagang Jawa semakin banyak meninggalkan Mataram, daerah yang cukup besar di Jawa, dan meliputi beberapa daerah lain. Monopoli Belanda yang berikutnya dan penguasaan atas daerah tersebut mempercepat proses penyingkiran.

Kemudian telah berlangsung beberapa peperangan di pulau Jawa satu pihak memaksakan tiga perempat Jawa menjadi miliknya, misalnya Perang Mataram pada abad ke-17. Peperangan ini menyebabkan kehancuran kota dan desa, kelaparan, kerosakan tanaman, perpindahan penduduk secara paksa, pajak yang berat, kematian, penyakit, dan kemerosotan perdagangan. *Dagh Register* (1627) mencatat sebagai berikut:

> Kerana peperangan di dalam negeri dan begitu banyak jiwa yang melayang, bahagian Jawa yang tunduk kepada (penguasa) Mataram banyak berkurang, banyak kota dagang yang baik di daerah pesisir ditinggalkan, pertanian diabaikan, dan kebanyakan penduduk dibiarkan hidup melarat, dengan itu, perdagangan Mataram pada tahun tersebut tidak mempunyai erti. Dalam tempoh sepuluh bulan sejak Januari, di Batavia, hanya diterima beras di bawah 1200 ton dan beberapa keperluan lain yang berasal dari sana.[36] Kerosakan dan kehancuran berlangsung dalam abad ke-18. Menurut Schrieke perang secara besar-besaran itu bagi orang Jawa merupakan malapetaka ekonomi.[37]

Inilah peristiwa di dalam negeri yang memperbesar pemusnahan golongan pedagang Jawa di samping politik penguasa Jawa dan Syarikat Hindia Belanda. Sekarang kita akan membincangkan asal-usulnya. Petunjuk terbaiknya adalah syarat yang diatur oleh Belanda dengan para penguasa tempatan.

Syarat pertama, yang dibuat dengan negara Melayu di Semenanjung yang mempengaruhi golongan pedagang Melayu, adalah antara Johor

dan Syarikat Hindia Belanda pada bulan April 1685. Syarat tersebut mengizinkan Belanda melakukan monopoli dagang untuk berbagai-bagai komoditi penting sepanjang pantai Siak, dengan jumlah perahu tanpa batas, tanpa membayar cukai. Monopoli ini termasuk timah dan emas. Syarat tersebut menyebutkan peranan rakyat Johor. Mereka bebas berdagang sepanjang sungai dengan syarat, garam ikan, beras dan dagangan orang Jawa lainnya dijual di sana.[38] Pada bulan April 1689, syarat tersebut lebih diperketatkan. Bangsa Eropah yang lain dan bangsa Morocco (Arab, India, Turki dan Parsi) tidak diizinkan berdagang di Johor dan Pahang. Bangsa Morocco dituduh mengaut keuntungan yang seharusnya menjadi milik rakyat Johor.[39] Pada abad ke-18, setelah Belanda menjajah Melaka, perjanjian dengan Perak diperbaharui pada bulan Mac 1753. Hanya Syarikat Hindia Belanda yang dapat membeli timah dari Perak. Sultan Perak memerintahkan semua perahu meninggalkan kerajaannya untuk menghubungi terlebih dahulu pos-pos Belanda untuk pemeriksaan.[40] Pada bulan November 1754, syarat dengan Johor yang memasukkan Padang dan Trengganu menetapkan Melaka sebagai satu-satunya sumber untuk import benang bulu dan sutera. [41] Perusahaan tersebut amat penting untuk memenuhi kemahuannya. Dalam dua syarat yang pertama dengan negara Melayu, Johor, pada bulan Mei dan September 1606, Melaka perlu dikembalikan kepada sultan Johor setelah kekalahan Portugis tahun 1641, Belanda masih terus menjajah Melaka.

Johor tidak dianggap negara boneka. Negeri itu melakukan berbagai-bagai perundingan langsung dengan pemerintah Belanda di negeri Belanda, seperti yang ditunjukkan oleh kedutaan besar yang ada di Belanda pada tahun 1604. Duta besar, Megat Mansur, meninggal dalam perjalanan tetapi ia ditemani oleh Encik Kamar.[42] Encik Kamar orang Asia Tenggara yang pertama, jika bukan orang Asia pertama, yang mengunjungi Eropah Barat. Ia kembali ke Johor pada tahun 1606, dengan Laksamana Matalief. Seratus lima puluh tahun kemudian seluruh kepulauan telah berubah. Monopoli Belanda memperluas kekuasaan Belanda. Pada akhir abad ke-18, keruntuhan Mataram, Melaka, Banten dan negara pesisiran yang lain serta beberapa kesultanan di Sumatera mengakibatkan berbagai-bagai perubahan struktur yang penting di dunia Melayu dan Indonesia, yang akan kita bincangkan kemudian. Punca utama perubahan struktur yang penting ini penerusan kekuasaan Belanda atas perdagangan di kepulauan, seperti yang

digambarkan dalam banyak rangkaian persetujuan. Pada dasarnya sama dengan seluruh negara di kepulauan, sifat dan kandungan persetujuan itu bergantung pada ukuran dan kekuatan pihak lain. Maka perjanjian dengan Yang Dipertuan Trusan di pantai barat Sumatera, yang diperbaiki dan diperketat pada bulan Februari 1755, Yang Dipertuan Trusan diperbuat agar benar-benar patuh kepada Syarikat, tentang kewajipannya untuk mengembangkan tanaman lada, menjual segala hasil bumi raja kepada Syarikat, dan meminta izin daripada panglima di Padang, jika Yang Dipertuan berniat mengutus armada perahunya melewati Pulau Chingkuk.[43]

Pada penggal akhir abad ke-18, perjanjian Belanda dengan negara Melayu seperti Selangor dan Pahang, memasukkan ketentuan yang melarang kemasukan perahu Cina di negara-negara ini, selain hak-hak monopoli yang biasa. Dalam perjanjian dengan Johor pada bulan November 1784, Johor, Pahang dan Riau dibuat semakin tunduk kepada Belanda. Orang Bugis menyusun kekuatan di Riau dan berperang melawan Belanda. Riau ditinggalkan orang Bugis pada bulan Oktober 1784. Belanda mengambilnya dan memaksakan syarat penyerahan terhadap Sultan Johor dan Riau, Sultan Mahmud. Bahagian yang menggelikan dari syarat tersebut ialah ganti rugi wang untuk panglima Belanda agar tidak merampas dan membakar Riau. Sultan harus menanggung sebahagian biaya perang tersebut.[44] Setelah satu setengah abad sebelum Mataram yang perkasa itu menyerah, nasib yang sama menimpa Riau. Riau jatuh ke tangan Belanda. Pada bulan Disember 1749, penguasa Mataram yang sekarat, yang dirapuhkan oleh perang saudara, menyerahkan wilayahnya tanpa syarat kepada Syarikat Belanda, lima hari sebelum ia mangkat. Untuk memenuhi tuntutan saingan dan untuk memelihara kebolehannya, Belanda pada akhirnya membahagikan Mataram menjadi tiga kesultanan. Di mana-mana terjadi pertikaian di dalam, antara negara atau individu yang kuat di negara tersebut yang memberi angin kepada Belanda menjalankan dasar politik pecah belah, politik mengikut syarikat, seperti yang dikatakan van Deventer.[45]

Dalam perjanjian yang dibuat pada bulan Februari 1755 dengan Sultan Hamengku Buwono dari Yogyakarta, pecahan negara Mataram dulu, telah dipersetujui oleh Sultan untuk menjual segala benda bergerak kepada syarikat dengan harga tertentu. Ia juga berjanji untuk mengurus pengiriman dan penanaman tanaman yang ditentukan.[46] Perjanjian yang dibuat oleh Belanda di Melaka dengan kerajaan yang

berdekatan Rembau dan Klang menetapkan bahawa seluruh hasil timah dari Linggi, Rembau dan Klang harus dijual kepada Syarikat tersebut dengan harga tertentu. Jika tidak ada perahu walau siapa pemiliknya dibenarkan berlayar dari utara ke selatan atau jalan lain yang melewati Melaka, tanpa meminta izin sendiri ke Melaka dalam perjalanan itu. Ada larangan untuk berdagang dengan bangsa Eropah yang lain. Perjanjian tersebut juga menetapkan bahawa menjadi kewajipan penduduk mematuhi undang-undang dan mencegah perompakan, sebagai imbalannya Syarikat akan memberi "perlindungan yang menyenangkan dan kebapakan".[47] Termasuk dalam laporan Gabenor Belanda di Melaka, Balthasar Bort, kepada penggantinya, Jacob Jorisz Pits, pada bulan Oktober 1678, adalah perjanjian yang dipaksakan terhadap Naning dan desa di sekitarnya. Daerah ini harus membayar zakat tahunan hasil sawah dan buah-buahan, sirih dan lada. Ada pajak penjualan sebesar sepuluh peratus daripada jumlah urusniaga antara penduduk. Jika penduduk Minangkabau di Naning meninggal tanpa ahli waris, syarikat akan mengambil separuh kekayaan tersebut dan setengah lagi kepada pemimpin Naning. Kalau ia mempunyai ahli waris, syarikat akan mengambil satu persepuluh, dan sebahagian kekayaan terserah kepada pemimpin.[48] Ini merupakan cara yang pasti untuk memiskinkan para pemilik kekayaan Minangkabau sambil memperkaya pemimpin mereka dan syarikat Belanda.

Bahkan unggas di Naning diincar oleh syarikat – "Kalau penduduk Naning ingin meninggalkan tempat tinggal mereka dan pergi ke tempat lain, mereka harus memperlihatkan kepada pengumpul yang ditentukan izin bertulis daripada pemimpin dan dicap dengan stem syarikat, bersama-sama dengan ternakan sebagai pemberian setiap orang untuk keuntungan syarikat yang terhormat tadi."[49] Penduduk tidak diizinkan berdagang dengan bangsa asing baik secara langsung atau secara tidak langsung. Mereka dibatasi membawa barang-barang hanya melalui sungai Melaka.[50] Pada abad ke-17 dan 18, Belanda berjaya mengadakan ratusan persetujuan yang bersifat membatasi seperti itu dengan para pemimpin dan penguasa peribumi di seluruh wilayah, dari Melaka hingga Ternate. Dalam tempuh tersebut, syarikat Hindia Belanda muncul sebagai kekuatan tunggal yang paling hebat. Ia bertempur dan memenangkan sejumlah perang terbesar dengan kekuatan tunggal. Ia mencipta pertentangan di beberapa daerah dan perdamaian di wilayah lain. Pada akhir abad ke-18 dan awal abad ke-19, kemunculan kekuatan

Belanda di Indonesia telah menimbulkan sejumlah perubahan struktur baru dalam masyarakat dan daerah tersebut, terdapat kekuatan yang cukup kuat untuk menguasai seluruh kepulauan. Kekuatan ini sangat terpusat dan mempertahankan kepaduan yang hebat sekali selama lebih daripada dua abad hingga pecah Perang Dunia Kedua.

Perubahan penting yang pertama adalah dalam struktur golongan di daerah tersebut. Golongan pedagang mandiri yang bergerak pada tingkat usaha tertinggi disingkirkan. Penyingkiran itu bukan disebabkan kejatuhan sebuah negara seperti Melaka atau Mataram. Golongan pedagang dan pusat-pusat perdagangan bergeseran. Penyingkiran tersebut disebabkan kekuatan Belanda yang meluas dan terus-menerus menindas yang pada akhirnya membinasakan sejumlah negara di Indonesia, dan mempertahankan beberapa di antaranya utuh sebagai alat pentadbiran Belanda. Monopoli Belanda untuk membeli dan menjual berbagai-bagai komoditi penting, mengakibatkan golongan pedagang peribumi yang mandiri, bertingkat tinggi, bertaraf antarabangsa menjadi tidak berguna. Fungsinya diambil alih oleh syarikat Belanda. Para pedagang peribumi diperosokkan ke dalam perdagangan dalam negeri yang terbatas. Perubahan besar yang lain yang dilakukan oleh Belanda - yang bertentangan dengan pengembangan golongan pedagang peribumi yang kuat - ialah perubahan para penguasa dan pemimpin peribumi menjadi pengawas syarikat Belanda. Para penguasa dan bangsawan dijadikan alat Syarikat Belanda. Mereka mengawasi penanaman tanaman wang dan perlombongan dan mereka melayani Syarikat dengan berbagai-bagai keluaran. Mereka telah menjadi sebahagian daripada persekongkolan yang mempunyai kepentingan dalam Syarikat Belanda. Beberapa orang di antara mereka, seperti yang ditunjukkan oleh sejumlah laporan abad ke-19 bertindak sewenang-wenang terhadap rakyat mereka. Kelembagaan para penguasa dan bangsawan seperti inilah yang dijadikan alat kegiatan Syarikat Belanda, bersama-sama dengan monopoli dan pembatasan, yang telah memusnahkan dan mencegah kebangkitan semula golongan pedagang yang mandiri dan tabah.

Mekanisme sosiologi yang mencegah kebangkitan golongan pedagang seperti ini digambarkan oleh Kesultanan Banten dan ketergantungan Lampung kepadanya pada akhir abad ke-18. Laporan kita didasarkan pada riwayat hidup Nakoda Muda, orang pedagang lada Melayu, yang ditulis oleh anaknya, kira-kira tahun 1788. Nakoda Muda dan keluarganya memberontak dan membunuh tentera Belanda yang

menangkap mereka atas tuduhan yang tidak berdasar, bahawa Nakoda Muda berdagang dengan orang Inggeris. Setelah memperolehi penghargaan Sultan, Nakoda Muda itu diberi malu oleh Belanda. Ia dan keluarganya ditipu di atas kapal laut Belanda dan setelah itu ditahan. Mereka melarikan diri dan membunuh perajurit Belanda kemudian terus ke permukiman orang Inggeris di Bengkulu bagi mencari kediaman yang diperuntukkan mereka. Dalam riwayat hidup ini, kita memperolehi pandangan sepintas lalu tentang peranan Sultan Banten. Para pedagang Melayu di Lampung dapat membeli lada tujuh *rial* satu *bara*. Mereka menjualnya kepada Sultan Banteng dengan hanya 12 *rial* dan Sultan menjualnya kepada Belanda dengan 20 *rial*. Berapa pun jumlah lada yang diangkut ke Banten, Sultan akan membelinya semua. Para pedagang tidak diizinkan menjualnya terus kepada syarikat. Hukuman untuk pelanggaran tersebut adalah kematian.[51] Syarikat sebenarnya lebih beruntung berurusan dengan Sultan. Keputusan tentang harga selalu datang dari atas. Sultan pedagang perantara yang terbesar di negara tersebut. Dengan berurusan terus dengan para pedagang kecil yang berada di bawah kekuasaannya ia tidak memerlukan pedagang besar yang lain di negaranya. Di daerah lain yang tidak mempunyai sultan atau raja, Belanda memindahkan fungsi tersebut kepada Pegawai daerah suatu wilayah.

Berhubungan dengan import berbagai-bagai komoditi utama, ini juga terus dikuasai oleh Belanda. Mereka adalah satu-satunya pengimport utama di situ. Setiap orang harus membeli daripada syarikat. Oleh kerana itu, dalam kegiatan mengimport tidak ada tempat bagi golongan pedagang peribumi untuk bangkit. Pedagang apa pun selalu bergerak ketinggalan pada tingkat terendah dalam hal bekalan dan pengedaran. Pemandangan di Banten telah berubah secara menyolok dari keadaan yang telah berlangsung pada abad ke-16 dan sebahagian abad ke-17, tatkala Banten merupakan pusat perdagangan antarbangsa yang berjalan baik. Tidak ada lagi pedagang dari berbagai-bagai bangsa yang berkumpul di Banten. Di sana tidak ada lagi pedagang Jawa dan Melayu yang menjalankan kegiatan import dan eksport dengan negeri-negeri yang jauh, membiayai pengiriman, menguruskan pengapalan mereka sendiri dan bertindak sebagai pedagang yang bebas, melayani para langganan dan membeli barang daripada sumber-sumber pilihan mereka. Inilah Banten yang diselidiki oleh Tom Pieres pada permulaan abad ke-16. Pada waktu itu peranan Sultan berbeza. Pendapatan mereka

berasal daripada pajak; mereka tidak memonopoli perusahan. Mereka sangat tahu bahawa jika mereka melakukannya, maka para pedagang akan berpindah ke tempat lain. Ini merupakan kepentingan merekalah untuk menarik simpati para pedagang. Itulah sebabnya mengapa sebahagian besar negara di daerah tersebut tidak memaksakan politik monopoli dan pengendalian harga seperti yang dilakukan Belanda. Lebih jauh lagi, pada abad ke-15 tidak ada sebuah negara pun yang cukup kuat untuk menguasai seluruh wilayah seperti yang pada akhirnya dilakukan oleh syarikat Belanda, yang politik monopoli hanya dapat berlaku kalau kebanyakan wilayah tersebut tunduk pada kekuasaan yang mengamalkan monopoli.

Faktor penting yang muncul daripada kajian sejarah kita adalah peristiwa yang mengubah sejarah di kepulauan tersebut. Pertumbuhan dan perluasan kekuasaan Belanda pada abad ke-17 dan 18 menahan perkembangan proses yang telah nyata pada abad ke-15, yakni kemunculan negara-negara perniagaan pesisir. Pada abad ke-15 dan 16, sejumlah negara-pesisir Muslim yang berusaha dalam bidang perniagaan ialah Melaka, Banten dan Demak, didahului oleh Pasai dan Perak. Aceh pada abad ke-16 merupakan negara yang berpengaruh, di sepanjang pantai barat Sumatera dan beberapa bahagian Semenanjung Malaya. Dengan negara sendiri yang merdeka untuk menopang mereka, masyarakat Melayu diberi kesempatan menunjukkan kemampuan mereka, yang kemudian dikekang oleh kekuatan Portugis dan Belanda. Tingkat keterlibatan mereka dicerminkan dalam laporan berikut:

> Kapal-kapal Aceh berlayar ke India, bahkan pergi sejauh Laut Merah, dan tidak sahaja kapal dagang orang Gujarat, tetapi juga kapal Turki dari Mesir datang ke Aceh. Sesungguhnya kita tahu bahawa pada permulaan tahun 1346, Ibnu Batutah, yang kembali dari Zaitun (Chuanchow), pergi ke Sumatera dengan perahu yang disertai awak-awak kapal orang Melayu, dan ia menyebut kaum Melayu ada di antara para pedagang yang sering mengunjungi Calicut, di Pantai Malabar, pada zaman itu. Ia juga mendapati orang Melayu di sepanjang pantai Benggala, tempat mereka tinggal. Pada tahun 1440, Abdul Razak bahkan bertemu dengan orang Melayu di Hormuz. Jauh sebelumnya, Idris, yang menulis pada tahun 1154, telah menyatakan bahawa kapal-kapal orang Melayu – atau paling tidak kapal dari 'Kepulauan Zabag' – secara tetap mengambil besi dari Pantai Sofala di Afrika bahagian barat.[52]

Pada akhir abad ke-18, seluruh wilayah Indonesia telah dijelmakan lewat Aceh sebagai benteng pertahanan terakhir terhadap kekuatan Belanda yang berterusan, hingga kekuatan Aceh dipatahkan pada akhir abad ke-19.[53]

Hilangnya kemerdekaan, justeru pada saat negara pesisir perniagaan bangkit, telah menyingkirkan sejumlah kegiatan yang berhubungan dengan negara-negara ini, dan bersama-sama merekalah berbagai-bagai golongan dan kelompok pekerjaan bergabung. Dari tinjauan terhadap perkembangan daerah ini, peristiwa tersebut merupakan kemunduran yang sangat hebat. Marilah kita mengambil suatu contoh. Kehilangan negara bererti kehilangan tentera milik negara tersebut. Ini bererti kehilangan kesempatan bagi perusahaan senjata peribumi. Ini kemudian mengakibatkan kehilangan ahli pembuat senjata sebagai kelompok. Pada abad ke-15, Jawa mengeksport senjata. Menjelang abad ke-19, bekas industri eksport ini tiada lagi. Satu-satunya industri eksport yang tumbuh dan berkembang perusahaan memproses tanaman wang kerana ini diperlukan oleh kerajaan kolonial. Oleh kerana itu, ada pengembangan kaum tani dan penyusutan kelompok yang lain. Kekuasaan kolonial telah mengakibatkan perubahan susunan ekonomi peribumi jauh sebelum kedatangan kapitalisme moden pada abad ke-19. Perubahan susunan ekonomi ini diikuti oleh penghancuran golongan pedagang dan sejumlah mata pencarian. Proses tersebut berjalan tahap demi tahap, dan mempengaruhi setiap daerah. Pada akhir abad ke-17, pengaruh kegiatan kelautan masyarakat Jawa Mataram yang pernah ada, tidak terasa lagi di Jawa. Dalam kesuratanya pada tahun 1657, Bupati Jepara meminta gabenor jenderal Belanda untuk membantu penguasa Mataram meminjamkan mualim Belanda, bagi kapal-kapal dagangnya yang berlayar sepanjang pantai Jawa. Ia berkata "laut demikian luas dan orang Jawa tidak dapat mengharunginya."[54] Dagh-Register tahun 1677, dua puluh tahun kemudian membandingkan penduduk Banten dan orang Jawa bahagian timur di Mataram. Orang Jawa Mataram "di samping mereka sama sekali mengabaikan laut, juga sekarang benar-benar tidak ada kapal di kota mereka, sekalipun untuk digunakan dalam hal-hal yang penting."[55]

Kiranya benar bahawa perpindahan orang Jawa pelaut ke Makasar adalah sebagai akibat politik penguasa Mataram, Amangkurat I. Tetapi bukanlah kerana Belanda turut campur tangan terhadap kepentingan Mataram, dalam perang saudara antara kerajaan pesisir niaga dan

Mataram pedalaman yang agraria, yang berkeinginan memaksakan kekuasaannya dengan melumpuhkan kota-kota pelabuhan, maka pelabuhan pun akan terpukul seperti peristiwa yang ditunjukkan sesudah itu. Hal ini akan menjadi contoh yang berulang terus tentang pembentukan sebuah negara yang diganti oleh yang lain, yang semuanya peribumi tanpa sebarang penghancuran golongan dan kelompok pekerjaan.

Tanpa Belanda di Betawi, unsur-unsur kelautan orang Jawa akan berakar umbi sendiri sepanjang pantai, dan berhasil dalam merobohkan kekuatan Mataram. Apa yang terjadi sesudah itu memperkuat penyingkiran golongan pedagang Jawa dan komuniti kelautannya. Kali ini syarikat Belandalah yang menggantikan Mataram. "Dinasti Mataram, yang dikoyak oleh pertentangan di dalam, telah diselamatkan dari keruntuhan tertentu, tetapi dengan pengorbanan penguasaan wilayah penting bagi syarikat tersebut pada tahun 1677 dan 1678. Sejak itu terjadi perubahan dalam hubungan antara susuhunan dan gabenor jeneral, yang kini disebut 'pelindung', 'bapak', sekarang 'kakek' penguasa Jawa, sedangkan sebelumnya ia dipanggil 'saudara' bahkan oleh para pesisir yang mempunyai wewenang untuk menetapkan. Pada saat yang sama, wang Belanda diiktiraf sebagai mata wang yang sah; dan syarikat diberi hak monopoli menjual pakaian dan candu di berbagai pelabuhan Mataram, yang terakhir sebahagiannya untuk memenuhi perintah tegas para pengarah Syarikat pada tahun 1676 bagi meningkatkan monopoli."[56]

Kekuasaan yang jatuh ke tangan Belanda berbeza dengan kekuasaan yang jatuh ke tangan rakyat peribumi. Kekuasaan peribumi pada umumnya lebih liberal dalam perdagangan. Ia tidak menghancurkan golongan pedagangnya sendiri yang meliputi seluruh daerah, dan tetap menggunakan berbagai-bagai hasil perindustrian sendiri. Ia membina kapalnya sendiri, dan tidak kalah pentingnya adalah ketidakmampuan memaksakan monopoli di seluruh bahagian penting Indonesia. Ia mengembangkan kemampuan penduduknya sendiri meskipun berada di bawah kekuasaan seorang yang kejam. Penguasaan perdagangan yang dipaksa oleh beberapa penguasa peribumi yang kuat, berbeza daripada yang dilakukan oleh Belanda. Pada abad ke-17, salah seorang penguasa yang paling cerewet, Sultan Iskandar Muda dari Aceh, di puncak kekuasaannya, meminta seperempat daripada harga lada yang dijual oleh rakyatnya setelah harga tersebut ditetapkan. Kecenderungannya menaik-

kan harga jual kepada orang asing. Pada tahun 1615, orang Inggeris memperolehi monopoli untuk membeli lada di Aceh selama dua tahun. Persetujuan ini tidak diperpanjang kerana tentangan daripada para pemimpin dan pedagang.[57] Ini tidak mungkin terjadi di bawah kekuasaan Belanda. Jika Belanda menguasai Aceh sebagai pengganti Iskandar Muda, maka para pemimpin dan pedagang akan diturunkan fungsinya, dan kemungkinan besar menjadi pengumpul lada berdasarkan komisyen, atau Sultan akan menjadi perantara utama seperti peristiwa Sultan Banten pada akhir abad ke-18.

Bahaya berdagang dengan para penguasa yang melibatkan diri secara langsung di dalamnya, dihuraikan oleh Ibnu Khaldun dalam bukunya yang ditulis pada tahun 1377. Penglibatan penguasa merugikan rakyat, kerana ia dalam kedudukan merendahkan harga ketika ia membeli dan menaikkannya apabila ia menjual. Tidak mungkin bagi penguasa untuk mencukupi keperluan diri sendiri, maka negara akan kehilangan pendapatan; para saingannya yang lain akan terkena pajak dan membuat mereka tidak mampu bersaing. Akhirnya ia akan menghilangkan semangat untuk berdagang dan mengurangkan golongan pedagang itu sendiri.[58] Ini sama seperti yang dilakukan VOC di Indonesia. Para pemimpin dan penguasa yang bersikap bebas beransur-ansur diubah menjadi alat yang melayani syarikat Belanda itu. Golongan pedagang peribumi yang mandiri yang bergerak pada tingkat usaha tertinggi, disingkirkan. Suatu kesenjangan muncul dalam struktur golongan masyarakat peribumi. Kemudian kesenjangan ini menuntun ke arah pemikiran ideologi kolonial. Masyarakat peribumi dianggap asing terhadap perusahaan dan perniagaan. Perusahaan dan perniagaan membentuk konsep kapitalis kolonial yang menyangkut ketekunan – masyarakat yang tidak memiliki golongan tersebut dianggap malas. Penghancuran golongan pedagang tersebut juga terjadi di Filipina oleh orang Sepanyol. Perincian prosesnya berbeza tetapi pola pokoknya sama , iaitu mencekik golongan pedagang peribumi yang terkemuka dan mandiri. Ini merupakan unsur pokok dalam sistem kolonial yang tidak membahagi kekuasaan dengan peribumi dalam hal kepentingan sosial yang besar, seperti kekuatan ekonomi.

1 Pedro Chirino, S.J., 1969. *The Philippines in 1600*, Penterjemah Ramon Echevarria. Manila: Historical Conservation Society XV, hlm. 240.

2 Antonio de Morga, *Sucesos de Las Islas Filipinas*, hlm. 247. Penterjemah J.S. Cummins, *op. cit.*

3 B. SCHRIEKE, 1919. *"Javanen als Zee-en-Handelsvolk,"* hlm. 427, TITLV, jil. LVIII, 1919.

4 P. Tiele, "De Europeers in den Maleischen Archipel," hlm. 61, Zevende Gedeelte, 1606–1610, BTLVNI, hlm. 49–118, vol. VIII, 1884. Periksa juga Hendrik P.N. Muller, "The Malay Peninsula in the Past," hlm. 59. Disarikan dan diterjemahkan dari bahasa Belanda, P.C.H. van Papendrecht, JSBRAS, hlm. 57–84, no. 67, Disember, 1914.

5 Naskah dua syarat dalam bahasa Belanda ada dalam J.K.L. de Jonge, *De Opkomst van Nederlandsch Gezag in Oost-Indie* (1595–1610), jil. 3, 1865, *op. cit.*

6 *Ibid.*, hlm. 115, (1595–1610), jil. 2, 1864.

7 J.K.J. de Jonge, *op. cit.* jil. 3, hlm. 149–163.

8 *Ibid.*, jil. 6, hlm LXXVII–LXXVIII, 1872.

9 P.A. Tiele, J.E. Heeres, 1890. *Bouwstoffen voor de Geschiedenis der Nederlanders in den Indischen Archipel*, Gravenhaguw: Martinus Nijhoff, jil. 2 hlm. 109.

10 *Ibid.*, hlm. 113.

11 *Ibid.*, hlm. 336.

12 *Ibid.*, hlm. 339.

13 P.A. Tiele, J.E. Heeres, 1895 *Bouwstoffen voor de Geschiedenis der Nederlanders in den Maleischen Archipel*, 'S-Gravenhage: Martinus Nijhoff, jil. 3, hlm. 469.

14 Tom Pires, 1974. *The Suma Oriental*, A. Cortesao (pent). London: Hakluyt Society, Siri kedua jil.1.

15 Duarte Barbosa, *op. cit.*, hlm. 175.

16 Dalam lampiran 1, Duarte Barbosa, *Ibid.*, hlm. 243. Saripati dari Joao de Barros, "Decadas, 4" Buku IX, bab 3.

17 B. Schrieke, 1955. "Javanese Trade and the Rise of Islam in the Archipelago," dlm. B. Schrieke, *Indonesian Sociological Studies*, the Hague: W. van Hoeve. Bahagian 1, hlm. 19.

18 J.K.J. de Jonge, 1864, *op.cit.* (1595–1610), jil. 2, hlm. 448–54.

19 Dikutip dan diterjemahkan dalam B. Schrieke, *op.cit.*, hlm. 20.

20 *Ibid.*, hlm. 20. Dikutip dan diterjemah.

21 B. Schrieke, *Ibid.*, hlm. 25.

22 B. Schrieke, 162, *Ibid.*, hlm. 66. Dikutip dan diterjemahkan dari Daghregister, hlm. 125.

23 *Ibid.*, hlm. 66–67.

24 P.A. Tiele, J.E. Heeres, *op.cit.*, jil.II, hlm.260.

25 *Ibid.*, hlm. XLVIII.

26 M.A.P. Meilink-Poelofsz, 1962. *Asian Trade and European Influence in the Indonesian Archipelago between 1500 and about 1630*. The Hague: Martinus Nijhoff. hlm. 45.

27 Willem Lodewycksz. 1915. "D'Eerste Boeck," dlm. G.P. Rouffaer, J.W.

Ijzerman (ed.), *De Eerste Schipvaart der Nederlanders naar Oost-Indie onder Cornelis de Houtman 1595–1597*, S-Gravenhage: Martinus Nijhoff, jil. 1, hlm. 121.

28 "Trade in the Straits of Malacca in 1785. A Memorandum by P.G. de Bruijn, Governor of Malacca." Brian Harrison, (pent). JMBRAS, jil. XXVI, bhg 1, Julai, 1953.

29 Sebab kemenangan Belanda terhadap Portugis sumber daya ekonomi yang unggul, tenaga manusianya dan kekuatan laut. "Penduduk kedua-dua negara tersebut kemungkinan besar sama (masing-masing 1,500,000 dan 1,250,000); barangkali Portugis harus menyediakan tentera meriam dalam jabatan Sepanyol sebelum tahun 1640, dan melawannya kemudian sesudah itu, maka Belanda dapat dan benar-benar memanfaatkan secara luas tenaga manusia Jerman dan Scandinavia, yang berdekatan dalam ketenteraan dan armada mereka. Perbezaan dari segi kekuatan laut bahkan lebih ketara, dan diungkap secara meyakinkan oleh Jesuit Portugis agung, Antoinio Vierira, pada tahun 1649. Ia menganggarkan bahawa Belanda memiliki lebih daripada 14 000 kapal yang dapat digunakan sebagai kapal perang, sementara 13 kapal yang setaraf, Portugis tidak memilikinya. Belanda, katanya,memiliki seperempat juta pelaut yang siap untuk menjadi awak-awak kapal mereka, sedangkan Portugis tidak. Vieira jelas melebih-lebihkan. Suatu kajian yang dibuat di Lisbon tentang pelaut yang siap menjadi awak kapal armada pada tahun 1620 mendapati mereka itu 6 260 orang untuk seluruh negeri. Dalam pertemuan Dewan penasihatnya, Viceroy di Goa pada bulan November 1643, dinyatakan bahawa mualim andalan di Lisbon untuk mengemudikan kapal ke India tidak mencukupi, kerana mereka yang benar-benar memenuhi syarat (kurang daripada sepuluh orang) yang kemudian tinggal tiga orang India ditahan oleh pemblokiran Belanda di Goa." C.R. Boxer, *The Portuguese Seaborne Empire*, hlm. 114, Hutchison, London, 1969.

30 Dalam hal ini, diperlukan ketelitian. Golongan pedagang yang dimaksudkan adalah pemodal, pengeksport dan pengimport, serta pengedar mandiri yang mencurahkan waktu yang banyak, bukan penjaja, pedagang keliling, dan pemilik kedai di desa yang bergerak di pinggir saluran pemasaran.

31 Tom Piers,*The Suma Oriental of Tom Pires*, jil.1 hlm. 143,*op. cit.*

32 *Ibid.*, hlm. 182.

33 *Ibid.*, hlm. 182.

34 J.K.J. de Jonge, 1873,*op. cit.*, jil.7, hlm. XXXV, 1873 (terjemahan saya).

35 Ryckloff V. van Goens, 1856. "Corte Beschrijvinge van 't Eijland Java's BTLVNI, jil. 4, hlm. 366 1957.

36 Dikutip dan diterjemahkan dalam B. Schrieke, 1957. *Indonesian Sociological Studies*, the Hague: W. van Hoeve, Bhg II, hlm. 149.

37 *Ibid.*, hlm. 143.

38 E. Netscher, 187. *De Nederlanders in Djohor en Siak*, Batavia: Bruining en Wijt. hlm. v.

39 *Ibid.*, Bijlagen hlm. IX.

40 F.W. Stapel, 1955. *Corpus Diplomaticum Neerlando-Indicum*.'S-Gravenhage: Martinus Nijhoff. jil 6, hlm. 1–2.

41 *Ibid.*, hlm. 23.

42 E. Netscher,*op. cit.*, hlm. 8–9.

43 F.W. Stapel, *op. cit.*, hlm. 30–31.

44 *Ibid.*, hlm. 549–51.

45 M.L. van Deventer, 1887. *Geschiedehis de Nederlanders op Java*, Haarlem: Tjeenk Willink, jil.2, hlm. 188.

46 F.W. Stapel, *op. cit.*, hlm. 41–45. Harga untuk berbagai-bagai komoditi ditentukan oleh perjajian tersebut.

47 *Ibid.*, hlm. 187.

48 C.O. Glagden, 1927. "Report of Governor Balthasar Bart on Malacca 1678," JMBRAS, jil. v, hlm. 56, Ogos, 1927.

49 *Ibid.*, hlm. 58.

50 *Ibid.*, hlm. 59.

51 G.W.J. Drewes, 1961. De Biografie van Een Minangkabause Peperhadelaar in de Lampongs, naskah Melayu, VKITLV, 'S-Gravenhage: Martinus Nijhoff, naskah Melayu VKITLV, jil. 36, hlm. 105. Ini memuat terjemahan bahasa Belanda dan naskhah Melayu.

52 B. Schrieke, 1957. *Indonesian Sociological Studies*, The Hague: W. van Hoeve, bhg II, hlm. 244–45.

53 Untuk laporan yang mengandungi pelajaran, lihat Anthony Reed, 1969. *The Contest for North Sumatera*. Kuala Lumpur: Oxford University Press/ University of Malaya Press.

54 *Dagh-Register 1637*, hlm. 198. Dikutip dlm B. Schrieke, *Indonesian Sociological Studies*, Bhg. 1, hlm. 78, *op. cit.*

55 *Dagh-Register 1677*, hlm. 436. Petikan *Ibid.*, hlm. 79.

56 B. Schrieke, *ibid.*, hlm. 78.

57 P.A. Tiele, 1887. De Europeers in den Maleischen Archipel," BTLVNI, jil. XXXVI, hlm. 243.

58 Ibnu Khaldn, *The Muqaddimah*, hlm. 93–95, jil. 2, *op. cit.*

Penutup

Dalam dua belas bab terdahulu telah dibincangkan citra tentang masyarakat Melayu, Filipina dan Jawa yang berkembang dari abad ke-16 hingga abad ke-20. Ciri yang paling menyolok tentang citra itu ialah kemalasan yang dituduh terhadap peribumi. Kita telah berusaha membuktikan bahawa kemalasan bukanlah merupakan ciri komuniti tersebut. Kita juga cuba menjelaskan bagaimana gagasan tersebut muncul dan fungsinya dalam ideologi kolonial. Namun masih ada satu hal lagi yang harus disebut. Suatu citra atau prasangka yang tidak harus dilempar sama sekali tanpa kebenaran. Citra kolonial Eropah mengenai peribumi yang malas, tidak cekap, khianat, dan penuh tipu daya, sebahagiannya memang benar-benar mencerminkan sebahagian daripada masyarakat peribumi. Peribumi yang berhubungan dekat dengan orang Eropah pada abad ke-19, yang terutama berasal daripada golongan yang berkuasa. Pada waktu itu kelas yang berkuasa atau kelas utama masyarakat peribumi, telah mengalami suatu transformasi. Mereka tidak mampu berperang antara satu sama lain pada tingkat yang memadai – yang memerlukan banyak kecerdikan, keberanian dan kepemimpinan. Mereka tidak menguasai pelabuhan dagang utama yang menuntut perhatian dan kewaspadaan dalam perdagangan antarabangsa. Mereka tidak lagi memiliki kedaulatan terhadap negerinya yang memerlukan bakat diplomasi dan kenegarawanan. Mereka tidak menggunakan pengaruh kegiatan ekonomi atas barang mereka yang akan menuntut perhatian sungguh-sungguh dalam pertumbuhan ekonomi. Oleh kerana itu, daerah kepentingan dan cakupan tindakan kelas utama peribumi telah merosot kepada suatu keadaan, bahawa yang tertinggal hanyalah kepentingan mereka terhadap tanah dan menerima keuntungan daripada para penguasa kolonial.

Jumlah penguasa peribumi dan pemimpin yang mandiri dan kuat,

benar-benar telah pupus pada akhir abad ke-19. Pada pertengahan abad ke-18, sebahagian besar mereka telah menghilang daripada percaturan. Pemberontakan sekali-sekala berlangsung di sana-sini, seperti perjuangan Pangeran Diponegoro di Jawa dari tahun 1825 hingga 1830. Semua pemimpin dan penguasa yang menentang pemerintah kolonial dipukul mundur. Tidak satu pun pemberontakan tersebut berjaya. Ini bererti bahawa generasi pemimpin peribumi yang berikutnya di wilayah pengawasan kolonial yang berkesan, menjadi golongan yang pasif atau patuh. Dalam bidang lain, seperti perdagangan dan pentadbiran perkhidmatan, golongan yang pasif dan patuh itu diberi kesempatan berkembang. Perusahaan besar dan pejabat yang penting dikendalikan oleh orang Eropah yang berkuasa.

Proses penggeseran peribumi dari kedudukan yang tinggi dalam jenjang politik, ekonomi dan pentadbiran, telah dilancarkan di seluruh kepulauan tersebut pada abad ke-19, kecuali di tempat-tempat yang pemerintah kolonial mengingini agar mereka harus ada; seperti para bupati di Jawa, yang bertindak sebagai orang bawah penguasa Belanda. Semua kedudukan yang tinggi dalam jenjang politik, ekonomi dan pentadbiran, dicadangkan untuk anggota elit kolonial yang berkuasa. Akibatnya wujud rintangan mobiliti ke atas di kalangan calon peribumi. Oleh kerana itu, peraturan kolonial telah menghalangi mobiliti sosial masyarakat peribumi. Peraturan tersebut telah menahan peningkatan, motivasi di kalangan peribumi untuk meraih cita-cita kedudukan yang lebih baik dalam kehidupan. Gejala ini sebaliknya dimanfaatkan oleh elit kolonial sebagai dalih untuk menegakkan anggapan bahawa peribumi tidak memiliki kecekapan dan cita-cita. Mereka mempertalikannya dengan ciri-ciri peribumi yang di cipta sendiri. Setelah kekuatan kolonial melindas golongan pedagang peribumi terkemuka, peribumi dituduh tidak berminat dalam perdagangan. Apa akibat daripada kekuasaan kolonial yang dihasilkan berpuluh-puluh tahun atau berabad-abad sebelumnya itu oleh para peneliti kolonial pada abad ke-19 dan 20 ditafsirkan sebagai sifat masyarakat peribumi. Penalaran ini sesuai dengan apa yang disebut sebagai asas tanggunjawab yang salah kaprah.

Asas tanggungjawab yang salah kaprah itu didasarkan pada suatu keadaan yang dicipta oleh aturan kolonial. Keadaan ini mempengaruhi perubahan dalam masyarakat peribumi, dan masyarakat peribumi kemudian dipersalahkan atas keadaan yang terhasil itu. Contoh terbaik adalah pengedaran candu di kalangan peribumi. Candu digunakan

sebelum kedatangan kekuatan kolonial Barat. Penggunaannya dibatasi pada penguasa dan pemimpin peribumi dan juga penduduk kota pesisir. Setelah penaklukan Belanda atas Melaka pada tahun 1641, Belanda lebih mudah mengedarkannya lewat bekalan dari Benggala. Sembilan puluh tahun kemudian, Baud melaporkan bahawa penggunaan candu di Betawi telah menjadi sifat buruk umum yang biasa.[1] Perusahaan Hindia Belanda beransur-ansur mendapat monopoli perdagangan candu. Pada tahun 1808, para penguasa tempatan diperalat oleh Gabenor Jeneral Daendels untuk menjual candu yang disediakan bagi mereka oleh pemerintah. Candu disebarluaskan ke seluruh penjuru Jawa oleh pemerintah. Ini dilakukan untuk mencegah para penyeludup dan agen yang tidak sah, berkesempatan mengeruk keuntungan yang menurut pemerintah seharusnya diperolehinya, dan juga untuk menjamin bahawa seluruh masyarakat Jawa mendapatkan bekalannya. Daendels, dalam suratnya kepada Menteri Koloni Belanda menjelaskan bahawa candu telah menjadi keperluan tetap masyarakat Jawa, betapa pun berbahaya ubat itu.[2] Kiranya merupakan kenyataan yang tidak diragu bahawa kekuatan Eropah sangat mempengaruhi pengunaan ubat tersebut, dengan perahu mereka yang lebih besar dan organisasi yang lebih cekap. Mereka sendiri tidak menanamkan kebiasaan tersebut, tetapi mereka mengutuknya sebagai kejahatan, sementara mereka terus mengedarnya. Tanggungjawab atas meluasnya kebiasaan tersebut ditimpakan kesalahannya kepada pengguna yang menjadi korban permainan kolonial.

Seorang cendekiawan Belanda yang tidak mengutuk penghisapan candu, bahkan menyuarakan alasan maaf terhadap amalan tersebut mengakui bahawa VOClah yang meningkatkan import bahan itu ke Jawa.[3] Pada tahun 1914, pendapatan pemerintah Hindia Belanda berjumlah 281.4 juta *gulden*, iaitu 34.9 juta (12.4 peratus) berasal daripada penjualan candu oleh pemerintah.[4] Pendapatan tersebut turun naik; tetapi sebagai komoditi tunggal, candu tetap penting sejak abad ke-17. Namun, Inggerislah yang mendorong menyebarluasnya candu di seluruh Asia melebihi kekuatan mana pun yang dikenal dalam sejarah. Peristiwa ini mengakibatkan perang dengan China yang akhirnya berjaya memaksa China mengizinkan penjualan candu India oleh para pedagang Inggeris. Pada tahun 1729, eksport candu dari India ke China berjumlah 200 peti, tiap-tiap peti berisi sekitar 140lb. candu. Pada tahun 1773, Syarikat Hindia Belanda membuat urusniaga yang pertama memperdagangkan candu dengan China dengan kapal yang sarat muatan

senjata. Sehingga tahun 1800, candu dianggap sebagai ubat di China dan pemasukannya tidak banyak menarik perhatian. Setelah itu pemerintah China melarang pengimportan candu setelah menyedari akibat moral dan kewangan daripada pengedaran candu yang disalahgunakan itu. Namun, pada tahun 1860, ia menghapus larangan itu sebagai masalah yang semakin penting, kerana penyeludupan intensif yang dilakukan oleh orang Inggeris yang bekerjasama dengan para penyeludup Cina. Pada tahun 1875, eksport candu dari India ke China berjumlah sebanyak 85 454 peti bernilai $10 000 sejumlah 8 443 peti dikirimi ke Melaka. Pada tahun yang sama, pemakaian candu untuk keperluan pengubatan di Britain berjumlah 165 peti.[5]

Candu benar-benar dikembangkan oleh Inggeris juga di Negeri-negeri Selat dan Tanah Melayu. Begitu juga di Sarawak dan Brunei. Antara tahun 1918 dan 1921, seluruh Tanah Melayu Inggeris yang mencakupi tiga Negeri-negeri Selat (satu daripadanya Singapura) dan sembilan kesultanan Melayu, berpenghasilan daripada candu sebesar 25 peratus hingga 60 peratus daripada seluruh pendapatan. Pada tahun 1918, penghasilan candu di Negeri-negeri Selat 60 peratus daripada seluruh pendapatan dan hampir sama dengan pengeluarannya. Pada tahun 1918, penghasilan candu di negeri Johor sebesar 46 peratus daripada jumlah pendapatan dan menutup 72 peratus daripada seluruh pengeluaran.[6] Di Filipina, sebelum penggabungannya dengan Amerika Syarikat pada tahun 1898, sejumlah besar pendapatan diperolehi daripada penyerahan sebahagian hak menjual candu. Amerika Syarikat menghapuskan ini dan sebaliknya diizinkan pengimportan candu dengan bea cukai yang tinggi.[7] Perbezaan antara dasar pemerintah dinyatakan dengan perbandingan angka-angka import. Pada tahun 1899 Filipina secara keseluruhan mengimport kira-kira 120 000 Ib. candu, sepuluh tahun sebelum itu Negeri-negeri Selat mengimport dari Benggala lebih daripada 1 924 000 Ib. (13.749 peti memuat 140 Ib).[8] Di Negeri-negeri Selat, pengguna terbesarnya orang Cina, yang melakukan kebiasaan tersebut setelah kedatangan mereka di negeri tersebut. Terdapat bukti yang cukup banyak, baik secara statistik atau sumber lain, yang menunjukkan bahawa pemerintah kolonial di Filipina (sebelum Amerika), Indonesia, dan Malaysia, mengelakkan perdagangan candu, sehingga meletusnya Perang Dunia Kedua.

Penilaian tentang prinsip tanggungjawab yang disalahertikan, dilibatkan di sini. Kesalahan atas kecanduan yang meningkat terhadap

ubat bius, ditimpakan pada penduduk Asia. Meskipun gerakan anticandu di Barat muncul sejak Perang Candu di China (1839-1842) dan bahkan sebelumnya, namun pengaruhnya sedikit dibandingkan dengan mereka yang bersetuju dengan perdagangan candu. Alasan yang dikemukakan ialah: setiap bangsa memerlukan ubat: candu di Timur, alkohol di Barat. Penggunaan candu sekadarnya tidak merbahaya. Yang tidak baik ialah penyalahgunaannya dan demikian pula halnya dengan penyalahgunaan alkohol; jika kita menghilangkan candu, orang Timur akan menggunakan ubat yang lebih buruk, iaitu alkohol. Oleh kerana itu, memasuki tahun 1939, seorang ilmuwan Belanda membela perdagangan tersebut disamping memberi perhatian kepada kesan sampingannya. Ia menegaskan bahawa persoalan apakah seorang "pemadat candu sekadarnya" akan mengakibatkan rosaknya kesihatan melebihi perokok tembakau atau peminum arak, belum pernah dipecahkan dengan pesat. Jika ia menghisap candu yang baik secukupnya, maka tidak ada kekhuatiran terhadap kerosakan kesihatan selama bertahun-tahun. Namun sikapnya dan keraguannya diungkapkan sebagai berikut:

> Keadaan kerja yang buruk di beberapa negeri, yang menghisap candu merupakan kebiasaan, adalah salah satu sebab mengapa para pekerja menghidap candu, dan alasan untuk membeli candu yang bermutu rendah – yang juga mempunyai pengaruh yang tidak baik terhadap angka kematian. Lalu tersungguhlah kenyataan bahawa kebiasaan menghisap candu menimbulkan bahaya ketagihan yang hebat. Seorang peminum yang melebihi batas, sesekali benar-benar dapat kembali ke jalan yang lurus; tetapi seorang pemadat candu hampir tidak pernah mengalaminya. Oleh kerana itu segala sesuatunya harus dikatakan adanya penjajahan penuh dalam jangka panjang, tentang penghisapan candu olahan di dunia. Kiranya ini lebih mudah dikatakan daripada dilakukan. Hal ini tampak bahawa manusia tidak dapat berbuat tanpa adanya perangsang. Kalau seorang penghisap candu kehilangan pipanya, ia akan mencuba memenuhi idamannya lewat perdagangan gelap, atau dengan memakai bentuk kemewahan lain. Jika ia memilih hasis atau alkohol misalnya, maka akibatnya akan jauh lebih buruk, kerana itu penggantian candu dengan hasis atau alkohol mungkin merupakan pilihan terakhir yang diingini. Di samping itu harus juga diperhitungkan bahawa kurang syarat kesihatan penduduk di negeri itu – di mana menghisap candu masih merupakan kebiasaan – adalah satu sebab mengapa candu-olahan digunakan sebagai ubat,

suatu kenyataan yang juga membentuk hambatan bagi penghapusan kebiasaan tersebut setepat-tepatnya.[9]

Hal di atas mengungkap kecenderungan umum pemikiran dari abad ke-18 ke muka, tentang mereka yang melibatkan diri dalam perdagangan candu. Masyarakat peribumi dipersalahkan menggunakan candu sebagai ubat, tetapi tidak demikian halnya dengan masyarakat Barat yang melakukan hal sama. Penganjur ubat bius pada zaman gemilang, pemerintah kolonial, tidak pernah dipersalahkan. Pandangan kesihatan tentang akibat yang berbahaya daripada ketagihan, yang meskipun hanya sekadarnya, diabaikan; dan kenyataan bahawa meningkatnya penggunaan candu yang mendorong nafsu, dikesampingkan. Kenyataan bahawa para penghisap candu – baik yang kaya mahupun yang miskin – dipastikan menjadi kerempeng, tidak dipertimbangkan, sementara sistem kolonial yang menyerahkan perdagangan candu, atau menjualnya kepada para pedagang, yang mengakibatkan adanya kegiatan anjuran yang intensif oleh kelompok ini, tidak diakui sebagai faktor yang menyebabkan peningkatan masalah ini. Kejadian di Burma melukiskan masalah ini. Di beberapa daerah Indo-China, di Burma, tindakan jabatan pemerintah menganjurkan penjualan candu telah menjadi skandal umum. Sebelum Inggeris menjamah kekuasaannya di Arakan, hukuman terhadap penggunaan candu ialah hukuman mati. Pada tahun 1817, sebuah laporan yang diterbitkan menyatakan:

> Penduduk bekerja keras, sabar, dan lugu. Sayang sekali salah satu langkah yang paling awal dalam pemerintahan kita adalah berlakunya aturan Abkari oleh Jawatan Pajak Bengala. Tuan Hind yang telah melewati sebahagian besar hidupnya yang panjang di tengah penduduk Arakan menghuraikan kemerosotan akhlak. Berbagai-bagai usaha yang teratur telah dilakukan oleh para agen Benggala untuk memperkenalkan penggunaan ubat tersebut dan menimbulkan selera di kalangan generasi muda. Rancangan umumnya ialah membuka kedai, dengan beberapa batang candu dan mengajak anak-anak muda masuk serta mengedarkannya secara serampangan. Lalu, pada saat rasanya telah dibuktikan, candu dijual dengan harga rendah. Akhirnya, ketika candu telah tersebar luas ke seluruh lingkungan, harganya dinaikkan dan terwujudlah keuntungan yang besar.[10]

Di daerah ini, seorang peneliti menyaksikan "generasi yang baik,

sihat, terdiri daripada orang yang kuat, diganti oleh angkatan muda yang terdiri daripada kaum pemadat candu yang ceking, yang sedemikian jauhnya mensia-siakan kekuatan mental dan fizikal mereka."[11]

Daripada tumpukan laporan jawatankuasa yang menggunung, artikel suratkhabar, buku dan surat-surat peribadi, kiranya sangat jelas kekuasaan kolonial telah mendorong kebiasaan menghisap candu yang cakupannya hingga kini tidak diketahui. Bahkan para pembela perdagangannya tidak mempersoalkan hal ini. Mereka mendesak kesinambungannya, tetapi mereka menyangkal bahawa mereka telah mendorong penjualan candu, bahkan keadaan di sekitar urusan penjualan itu sesekali dipertahankan melawan suatu perubahan. Pada tahun 1924, jawatankuasa yang ditunjuk oleh pemerintah Malaya Inggeris untuk menyelidiki hal-hal yang berhubungan dengan penggunaan candu di Malaya Inggeris bertentangan dengan dasar percanduan yang telah ditentukan dengan dalih bahawa hal ini dapat mengakibatkan masuknya tenaga kerja Cina secara bebas ke Malaya. Ia mengatakan,

> Setiap pengawasan terhadap arus bebas tenaga kerja dari China akan memberi akibat yang berbahaya bagi kedudukan ekonomi Malaya Inggeris, dan wilayah ini akan dihadapkan dengan pendapatan yang terus berkurangan dan pengeluaran yang terus menjulang, kerana layanan dan tindakan pencegahan yang mahal yang diperlukan untuk membuat sistem menjadi berkesan.[12]

Willoughby, profesor ilmu politik Universiti John Hopkins pernah menjadi penasihat undang-undang kerajaan China, memberi komentar: "Jika seseorang menemui unsur ekonomi dan kewangan dalam persoalan candu tidak selalu diumumkan secara blak-blakan".[13] Seorang sarjana kolonial tulen bahkan lebih berterus-terang pada dua puluh tahun sebelumnya. Ia berkata:

> Sejauh yang saya ketahui, tidak seorang pun pernah mencuba meyakinkan penduduk bahawa berjudi dan menjual candu diizinkan oleh kebanyakan negeri Timur Jauh, kerana hal ini dimaksudkan untuk dapat menghapuskan perbuatan yang sesat itu; alasan diizinkannya hal itu adalah kerana penjualan monopoli tersebut memberi pendapatan yang baik. Tetapi meskipun penghapusan itu mustahil, tingkat pengawasan tertentu dapat dilakukan dengan memberi sebahagian atau memperkukuh monopoli candu dan perjudian kepada seseorang.[14]

Penulis ini dengan sikap tidak mempedulikan sejarah sama sekali mempersalahkan rakyat China. Tiga ratus tahun berhubungan dengan China telah cukup mengajarnya bahawa tidak ada perundangan atau penekanan yang dapat menjauhkan orang China daripada candu dan perjudian.[15]

Ia dan yang orang lain sepertinya telah gegabah membuat penilaian yang berdasarkan tanggungjawab yang keliru. Penilaian tersebut tidak dibatasi semata-mata pada penggunan candu, tetapi juga meluas hingga meliputi berbagai-bagai gejala lain dalam sejarah Asia Tenggara. Sebaliknya Sinibaldo de Mas, penulis kolonial Sepanyol yang disebut sebelum itu, yang pernah berkuasa penuh mewakili Sepanyol di China, pada tahun 1858 menegaskan bahawa masyarakat Filipina tidak menggunakan candu. Ia berkata:

> Saat ini candu ditanam terbatas di tempat lain, kerana candu dapat tumbuh dengan begitu murah di India. Filipina, penanamannya dilarang kerana adanya kekhuatiran, sebagaimana yang telah saya jelaskan sebelumnya, bahawa kaum peribumi akan menghisapnya dan kerana itu akan menjadi lebih malas melebihi kemalasannya sekarang. Bagi saya, ini merupakan dasar yang benar-benar keliru, kerana kemalasan peribumi Filipina bermula daripada ketidakinginan mereka terhadap apa pun; kerana itu kalau rasa candu dibiarkan tersibar di kalangan mereka, tentu sahaja mereka akan dipaksa bekerja, bagi memuaskan keinginan yang diperolehi itu.[16]

Maka peribumi dipersalahkan, tidak hanya kerana melakukannya tetapi juga kerana tidak mengerjakannya Ketika kekuasaan Eropah meluas dan dalam tempoh sebelumnya, kekuatan kolonial yang tidak menguntungkan cenderung ke arah golongan pedagang peribumi yang bersaingan. Kemudian mereka menghancurkan golongan pedagang ini seperti contoh yang ditunjukkan oleh Belanda. Sesudah itu masyarakat peribumi dipandang rendah kerana tidak menunjukkan nilai-nilai perdagangan. Generasi pengganti yang berideologi kolonial sering tidak menyedarinya, atau dengan sengaja mengubah sejarah masa lalu. Mereka menyalahkan beberapa keadaan masyarakat peribumi tanpa memperhitungkan bahawa keadaan tersebut diakibatkan oleh kolonialisme. Sementara mereka menyalahkan masyarakat peribumi kerana menyembunyikan keadaan ini, mereka memuji pemerintah kolonial yang menyalahkannya, sering hanya dalam teori, keadaan seperti ini

terjadi dengan sendirinya pada masa-masa sebelumnya. Kolonialisme tidak hanya dalam bentuk penerapan kekuasaan asing yang bertujuan memeras keuntungan ekonomi, tetapi juga penerapan kebudayaan, nilai-nilai, etika, sikap dan cara penalaran. Masyarakat peribumi diharapkan menerima penilaian ini berdasarkan tanggungjawab yang keliru. Jangkauan penilaian ini luas dan berbagai-bagai persoalan yang beranekaragam. Marilah kita ambil contoh lain, di samping candu.

Pertama, kita mulai dengan perhambaan yang dimaksudkan sebagai keadaan seseorang dijadikan hamba oleh orang lain yang bertujuan menyediakan tenaga kerja. Perhambaan di Asia Tenggara mempunyai pengertian tambahan yang berbeza daripada keadaan di Barat. Pada umumnya, seorang hamba di Asia Tenggara merupakan tenaga bantuan setempat atau pembantu ladang yang terkait dengan organisasi keluarga. Perlakuan kejam terhadap hamba yang ditemui di Hindia Barat dan di Amerika Syarikat sebelumnya belum pernah memberi ciri pada kebiasaan perhambaan di Asia Tenggara. Sebelum kedatangan orang-orang asing, baik orang Timur mahupun orang Eropah, sumber utama pengerahan hamba adalah perang dan hutang. Dengan kedatangan orang Eropah dengan kota dan pusat perdagangan mereka, hamba tersebut dikembangkan menjadi komoditi yang diperniagakan sebagai barang eksport. Serbuan hamba yang teratur meningkat sebagai sumber utama untuk pengerahan tersebut, diiringi pertambahan perlakuan yang tidak berperikemanusiaan. Dalam suratnya bertarikh 22 Jun 1821 kepada Duchess Somerset, Raffles menulis tentang perhambaan di Pulau Nias, yang berpenduduk sekitar 230 000 orang dengan luas daerah sekitar 1 500 batu persegi. Negeri tersebut dipenuhi berbagai-bagai tumbuhan, tanahnya subur, dan penduduknya rajin dan cergas.[17] Menurut Raffles, eksport hamba dari Nias melampaui 1 500 orang setiap tahun. Ia diberitahu oleh para raja bahawa eksport hamba yang menguntungkan itu berasal daripada orang asing. Banyak raja memanfaatkan kesempatan untuk menjadi pengeksport. Beberapa di antaranya, seperti catatan Raffles, menolak untuk bergabung dalam perdagangan hamba, bahkan menolak untuk memberi izin keluar bagi hamba-hamba dari negerinya melalui daerah mereka. Dalam surat yang lain tahun 1819, Raffles menyesali akan tenaga kerja VOC yang terdiri dari 200 hingga 300 orang hamba Negro di Sumatera. Di Indonesia, Belanda aktif berdagang hamba sejak abad ke-17. Cukai import dikenakan di Betawi pada tahun 1720. Angka yang ada menunjukkan 4 000 orang hamba setiap tahun

pada zaman Van der Parra. Mereka kebanyakannya diambil sebagai pembantu atau disewakan untuk meraih keuntungan bagi pihak pemiliknya. Pada tahun 1689, seorang wanita Belanda memiliki 59 orang hamba di rumahnya. Di rumah Van Riemsdijke pada tahun 1775 terdapat sekitar 200 orang hamba. Pada tahun 1782, hamba yang dimiliki oleh seorang almarhum ditaksir bernilai 33 000 *gulden*. Selama pemerintahan Inggeris pada tahun 1816, di Betawi dan daerah sekelilingnya terdapat sekitar 12 000 hamba. Angka tertinggi hamba yang dimiliki oleh seorang ialah 165. Pada abad ke-18, barangkali sebelum itu, jumlah hamba di Betawi jauh melebihi jumlah penduduk yang merdeka.[18]

Dibandingkan dengan keadaan masyarakat peribumi tradisional, dua faktor sosiologi baru diperolehi dalam wilayah kolonial. Pertama, dalam masyarakat peribumi tradisional, tidak ada contoh kota yang hambanya mewakili sejumlah besar penduduk. Kedua, hanya para penguasa dan pemimpin penting sahaja yang memiliki sejumlah besar hamba dalam cengkeramannya, bukan masyarakat umum. Di Betawi, kelas menengah Belanda mempunyai sejumlah besar hamba. Dengan penerapan sistem perhambaan yang komersial secara besar-besaran oleh orang Eropah pada abad ke-17, berkuatkauasa pulalah undang-undang yang berhubungan dengan perlakuan dan eksploitasi hamba, yang sebahagian besar daripadanya diperolehi melalui penggerebegan. Mengutip kata-kata Raffles tentang perhambaan ketika Inggeris mengambil-alih kekuasaan, "Hamba tersebut adalah kekayaan orang Eropah dan China sahaja; para pemimpin peribumi tidak pernah memerlukan perkhidmatan hamba, atau terlibat dalam lalu-lintas perhambaan."[19] Banci yang dilakukan Inggeris pada tahun 1812-1813 benar-benar membuka fikiran. Bahagian tunggal terbesar yang kedua daripada penduduk kota Betawi dari kalangan hamba. Dari seluruh penduduk yang berjumlah 47 083 orang, yang 1 928 orang Eropah dan 14 239 hamba. Di sekitar Betawi terdapat 5 244 orang hamba daripada penduduk 218 777 orang. Banci untuk seluruh Jawa dan Madura menunjukkan bahawa hamba berpusu-pusu di dalam dan di sekitar kota Betawi.[20] Menurut Raffles, terdapat lebih 30 000 orang hamba di seluruh Jawa. Perkiraan yang berikut menunjukkan bahawa di Surabaya dan Semarang merupakan pusat kegiatan yang lain. Jelaslah bahawa tingkat perhambaan sebanding dengan tingkat penguasaan orang Eropah terhadap daerah yang bersangkutan.

Banyak pengkaji Eropah yang melihat masyarakat peribumi pada

abad ke-19 dan ke-20, seperti yang disampaikan terdahulu, sering tidak menyedari akan adanya berbagai-bagai perubahan yang dibuat oleh kaum senegeri mereka pada abad-abad sebelumnya. Perubahan inilah yang telah menumbangkan berbagai-bagai institusi sosial tradisional dan menghasilkan apa yang tampak sebagai hal yang tidak diingini oleh para pengkaji itu pada abad-abad yang berikutnya. Perhambaan seperti yang di temui pada abad ke-19 kemudian dikaitkan dengan sifat kejam, yang pada hakikatnya ada dalam masyarakat tradisional. Sudah pasti ada beberapa pengecualian seperti Raffles. Hal yang sama dikatakan tentang perusahaan peribumi. Para pengkaji pada abad ke-19 dan sesudahnya, yang dengan memakai alat cetak menggambarkan masyarakat peribumi yang merosot dan mundur, tidak menyedari bahawa apa yang mereka amati adalah akibat daripada politik dagang bangsa Eropah sebelumnya yang merampas dan monopoli. Seperti pengamatan Braddell, pada abad ke-19, tidak ada satu pelabuhan dagang peribumi yang berjalan baik di Kepulauan Hindia pada abad ke-16, ke-17, dan ke-18 yang masih ada. Kebangkrupan telah menimpa mereka tanpa pandang bulu.[21] Inilah tindakan ganas dan tanpa hukum kekuatan Eropah masa lalu, yang mendorong banyak penguasa peribumi merompak dan menentang Braddell menyimpulkan keadaan tersebut sebagai:

> Orang Belanda dan Inggeris dulunya tampak bersaing satu sama lain dalam menjalankan kegiatan melalui hak perjanjian – monopoli berbagai-bagai pelabuhan; pengaruh mereka sangat kuat. Untuk mendapatkan suatu kekuasaan wilayah, dengan dalih yang sama mereka memaksakan pengeluaran dan penjualan tunggal hasil negeri tersebut kepada mereka sendiri. Sistem ini mengakibatkan bangkitnya perlawanan, dan akhirnya permusuhan yang mematikan, dari seluruh lapisan peribumi. Para pemimpin peribumi menyaksikan pelabuhan mereka ditinggalkan, penghasilan mereka dihancurkan, dan kekuasaan mereka dilunakkan oleh kesombongan dan kekejaman kaum pendatang Eropah, yang memuncak, sementara penduduk dihina sampai pada keadaan yang hanya sedikit lebih baik daripada hamba. Sumber alam bagi para pemimpin tersebut ialah pembajakan. Mereka hanya meniru contoh yang dilakukan oleh orang-orang Eropah sendiri, dalam merebut kekayaan apa sahaja, yang cukup kuat mereka lakukan untuk mempertahankannya. Sesudah itu, saat orang-orang Eropah telah memusnahkan seluruh pelabuhan dagang peribumi di Kepulauan tersebut, dan telah menutup seluruh perdagangan yang

> ada menjadi pemukiman yang dibentuk oleh mereka sendiri, mereka menjadi muak terhadap berbagai-bagai serangan, seperti yang telah dipaksakan dengan cara tersebut. Kemudian mereka memberi nama perompakan untuk cara yang persis dilakukannya itu, yang tidak di lihat adanya ketidakpantasan dalam mengikuti mereka sendiri.[22]

Maka begitulah sikap tidak memihak yang dituduh tentang kaum Melayu dan masyarakat lain seperti Filipina dan Jawa. Mereka memberi reaksi terhadap keadaan yang ditimbulkan oleh kekuasaan kolonial. Mereka dipaksa bekerja dan meniadakan berbagai-bagai hasil utuh daripada tenaga mereka. Baik orang Eropah pada awalnya dan penguasa peribumi yang ditakluki oleh orang Eropah, sibuk menumpuk kekayaan untuk diri mereka sendiri, tanpa meninggalkan sesen pun kepada yang lain, terus-menerus mengumpulkan kekayaan melebihi batas dan kehidupan yang enak bagi golongan atasan. Bagi sejumlah besar penduduk tidak ada motif rasional mahupun peluang yang cukup untuk memperolehi kekayaan melampaui yang diperlukan untuk hidup. Di Indonesia, sistem monopoli dan bekalan yang dipaksa, tanaman paksa, dan kemudian organisasi kapitalis tanaman wang dan berbagai-bagai industri yang berkaitan, yang dikuasai oleh para penanam modal Eropah, disokong oleh kerajaan yang berkuasa dengan sejumlah kekuasaan dan peraturannya yang dipersetujui pemerintah kolonial, memustahilkan orang Indonesia sendiri mendapatkan kekayaan dan wibawa, yang dapat dipersamakan dengan kejayaan industri dan perdagangan orang-orang Belanda dan Eropah. Apa yang sebenarnya tidak ada pada rakyat Indonesia, Malaysia dan Filipina, ialah kecilnya, kemahuan untuk bekerja, sebesar keinginan untuk memperolehi kekayaan yang lebih banyak dalam pengertian kapitalis Barat. Ada kelangkaan semangat kapitalisme moden yang agresif dan serakah. Ini ditafsirkan secara keliru sebagai kemalasan oleh banyak pengkaji. Kiranya merupakan kenyataan bahawa penduduk daerah tersebut pada masa kolonial tidak menunjukkan banyak perhatian pada jenis kegiatan ekonomi kapitalis yang diperkenalkan oleh kekuasaan kolonial. Persoalannya ialah, mengapa mereka harus ada di sana? Mengapa orang-orang Filipina harus meminati usaha yang akan memperkaya orang Sepanyol? Mengapa orang Jawa harus bekerja keras di ladang Belanda? Mengapa kaum Melayu harus bergegas ke lombong dan ladang padahal kehidupan mereka di desa memberi kepuasan yang lebih besar?

Hal ini hanya terjadi apabila mereka dinilai menurut kriteria kapitalisme kolonial bahawa mereka didapati berkekurangan. Ideologi kapitalisme kolonial menilai orang menurut kegunaannya dalam sistem pengeluaran dan tingkat keuntungan mereka. Jika suatu masyarakat tidak terlibat dengan kesibukan yang secara langsung berhubungan dengan usaha kapitalis kolonial, maka masyarakat itu dinyatakan dalam pengertian negatif.

Satu contoh terakhir tentang ideologi kapitalisme kolonial, telah diberi oleh seorang penulis sekitar peralihan abad. Contoh tersebut merupakan suatu ungkapan ideologi yang tidak mengenal malu, kasar, tidak sopan, dan jahat yang disertai dengan segenap pemutarbalikkan yang tidak bertanggungjawab. Kita sebutkan hal ini, kerana penulis tersebut bukanlah seorang awam yang buta huruf, seorang pelaut yang tengah singgah sebentar, seorang wartawan kota kecil, atau seorang pentadbir yang picik, tetapi ia dianggap sebagai seorang yang terpelajar. Ia ditugaskan oleh Universiti Chicago untuk meneliti pemerintahan tanah jajahan tropika pada tahun 1901. Selama kunjungannya ke Asia Tenggara ia menulis rangkaian karangan untuk berbagai-bagai majalah di London dan New York, yang kemudian diterbitkannya sebagai buku. Di sinilah watak penyimpangan ideologi menunjukkan dirinya dalam bentuk yang ekstrim. Keilmuan dalam buku ini menjadi sebuah lelucon; seluruh nalar hilang. Yang muncul dari buku tersebut ialah permusuhan dan kebencian terhadap kelompok khusus. Pendapat yang disogokkan hanyalah yang dapat dihuraikan secara benar-benar menggelikan.

Ideologi kolonial ini mengatakan tentang masyarakat Melayu sebagai berikut:

> Sejauh yang diperoleh dalam penyelidikan saya, harus dikatakan bahawa orang Melayu di Semenanjung adalah orang malas yang paling setia di atas permukaan bumi ini. Sifatnya dalam hal ini diakui oleh setiap orang yang berhubungan dengannya. Ia tidak akan bekerja baik untuk dirinya sendiri, pemerintah, mahupun majikan swasta. Ia membina sendiri rumah dari buluh dan atap, menanam padi secukupnya untuk dimakan – dengan sungai serta hutan yang mencukupinya – sedangkan 90 peratus jam kerjanya, sepanjang tahun yang silih berganti, di gunakan untuk duduk di atas bangku kayu di bawah teduhan dan memandang orang-orang Cina dan Tamil membina jalanraya dan rel keretapi, bekerja di

lombong, bercucuk tanam, memelihara ternak, dan membayar pajak.[23]

Bagaimanakan penulis tersebut menumpahkan khayalannya secara sembrono untuk memberi kesan suatu kemustahilan? Jika kaum Melayu menggunakan 90 peratus jam kerja mereka dengan duduk-duduk di bangku kayu, sepanjang tahun yang silih berganti, maka semestinya mereka semua akan mati.

Pendapat tentang masyarakat Melayu tersebut terlalu serampangan dan jahat, yang memerlukan sangkalan sungguh-sungguh di sini. Tetapi, yang menarik ialah akar ideologinya. Penulis buku tersebut menyandarkan diri pada pendapat seorang residen Jeneral dalam Laporan Tahunan 1901. Yang mengatakan:

> Pemerintah, dengan sistem perpajakan yang hampir tidak menyentuh orang Melayu, meningkatkan pendapatan yang besar dan mencipta pengeluaran yang besar dalam mengembangkan berbagai-bagai sumber asli negeri tersebut dengan menggunakan jalanraya, jalan keretapi, pengairan, dan sebagainya. Tetapi tenaga kerja yang berkaitan dengan pelaksanaan kesemuanya itu, hampir seluruhnya diperuntukkan kuli-kuli asing di bawah pengawasan juruteknik dan pemimpin asing. Orang Melayu, dengan keengganannya yang mengakar untuk tekun bekerja apa saja, tidak akan memberi tenaganya kepada agensi kerajaan atau pun perlombongan dan ladang.[24]

Seperti kenyataannya, masyarakat Melayu yang dinilai tidak bersetuju dengan kerja terus-menerus, adalah kerana mereka menghindari berbagai-bagai perusahaan kapitalis kolonial. Juga tentang persoalan pajak, mengungkapkan ketidakmampuan ideologi kolonial untuk menilainya kembali dalam pengertian yang berhubung dengan permasalahan itu. Sebahagian besar orang Melayu petani dan nelayan; penghasilan mereka sangat rendah. Jika mereka tidak membayar cukai yang banyak, maka mereka tidak boleh menikmati jalanraya dan keretapi. Kiranya jelas bahawa mereka terutama di pantai timur Malaya, benar-benar diabaikan oleh pemerintah kolonial. Mengapa kaum Melayu diwajibkan membayar cukai kepada pemerintah yang mengabaikannya dan hanya melayani kepentingan kepitalisme kolonial? Bandar-bandar yang diberi perhatian utama pada masa kolonial adalah daerah perlombongan timah dan ladang getah.

Telah cukup diketengahkan asal-usul citra tentang peribumi yang malas, untuk menunjukkan bahawa ini merupakan unsur penting dalam ideologi kapitalisme kolonial. Ini adalah pembenaran utama bagi penaklukan wilayah, kerana citra tentang peribumi yang dimerosotkan merupakan landasan bagi ideologi kolonial. Kaum imperialis dari zaman yang berbeza dan dari berbagai-bagai bangsa telah mempunyai bahagian dalam banyak gagasan bersama. Maka ahli falsafah sosial Amerika, Benjamin Kidd, imperialis menyamakan penduduk tropika dengan seorang anak, cara yang sama yang dilakukan sekelompok imperialis Belanda terhadap orang Jawa.[25] Demikian pula ia menegaskan di sana tidak akan pernah ada pemerintah peribumi yang baik.[26] Seperti para rahib Sepanyol yang menyalahkan orang Filipina lantaran keruntuhan moral orang Sepanyol, Kidd mengutuk kaum peribumi kerana memerosotkan orang kulit putih. Ini berfungsi sebagai pembenaran ideologi bagi pemerintah kolonial yang buruk. Kidd meluaskan pernyataannya bahawa kita tidak berhak mengharapkan pemerintah kolonial Eropah yang baik. Ia memberi alasannya sebagai berikut:

> Dalam keadaan iklim yang menjadi beban baginya; di tengah-tengah berbagai-bagai suku bangsa dalam tahap pembangunan yang berbeza dan lebih rendah; terlepas daripada pengaruh yang telah membentuknya, daripada lingkungan moral dan politik ketika ia dibesarkan, orang kulit putih pada akhirnya, dalam keadaan tersebut, tidak banyak berbuat untuk meningkatkan darjat suku bangsa tersebut, antara mereka yang telah diperlakukan pada tempat yang tidak wajar, kerana ia cenderung menenggelamkan diri perlahan-lahan ke tingkat sekililingnya.[27]

Para ideologi kolonial sering menekankan ketidakmampuan pemerintah peribumi memanfaatkan kekayaan alam negerinya. Oleh kerana itu kemampuan peribumi dipersoalkan, dan citra peribumi yang terkebelakang makin kuat. Penduduk Asia Tenggara seperti orang Melayu, Jawa dan Filipina, tidak termasuk masyarakat yang belum terpelajar, yang sederhana. Mereka harus dinilai tidak mampu, dengan penerapan yang surut, untuk mengembangkan berbagai-bagai sumber daya mereka. Oleh kerana mereka dianggap tidak mampu, mereka kehilangan hak kemerdekaannya. Kidd menyatakannya sebagai berikut:

> Kiranya akan diperjelas dan tidak dalam waktu yang lama, bahawa

> hal terakhir daripada peradaban kita yang mungkin akan bertahan selama-lamanya adalah pengabaian berbagai-bagai sumber daya daerah terkaya di bumi ini, kerana tidak ada mutu dasar yang mengangkut kecekapan sosial suku bangsa yang memiliki kesemuanya itu. Hak suku bangsa itu untuk tetap memiliki, akan diakui; tetapi hal ini tidak akan menjadi sebahagian daripada keadaan masa nanti, seperti pengakuan tersebut bahawa mereka akan dibenarkan menghalangi penggunaan sumber alam yang berlimpah-ruah yang dikuasai.[28]

Alternatif sejarah yang lain tidak dipertimbangkan bahawa masyarakat peribumi mampu mengembangkan sumber dayanya sendiri, memahami pengetahuan dan teknologi Barat. Negeri seperti Burma, Indocina, Malaya, Jawa, Sumatera dan Filipina, menurut sejarah tidaklah sederhana dan bukannya tidak terpelajar. Mereka telah mengembangkan organisasi sosial, teknologi dan kenegarawanan, sebagaimana yang telah dihuraikan. Tentu benar bahawa mereka juga terdiri daripada masyarakat sederhana, yang tidak terpelajar, tetapi ini tidak mengurangi kenyataan bahawa negeri ini telah diatur oleh masyarakat maju pada waktu itu ketika orang-orang Eropah datang sekitar permulaan abad ke-16. Para ideologi kolonial memperhitungkan pandangan bahawa kesenjangan ilmu pengetahuan dan teknologi antara masyarakat Barat dan masyarakat peribumi yang berlangsung hingga pecahnya Perang Dunia Kedua, dapat ditelusuri beberapa ratus tahun ke belakang, tetapi kenyataannya kesenjangan tersebut hampir tidak ada di sana semasa abad ke-16 dan 17. Seperti yang dihuraikan juga, perhambaan koloniallah yang merintangi arus perpaduan dari dunia Barat. Oleh kerana telah ada hubungan bebas antara Aceh merdeka dan dunia Barat dari abad ke-16 lagi dan seterusnya, Aceh dan daerah Indoesia yang lain telah mencapai tingkat pembangunan yang maju pada saat ini. Sebaliknya, Belanda telah menghancurkan Aceh dengan perang yang berterusan. Hingga sekarang, Aceh belum pulih. Seandainya Belanda tidak meruntuhkan negara Jawa, maka pada saat sekarang akan ada beberapa negara Jawa. Seperti Jepun, Rusia, Turki, dan Thailand pada abad ke-19 negara-negara ini akan mengakui manfaat ilmu pengetahuan dan teknologi Barat, sebagaimana mereka mengakui berbagai-bagai manfaat dari masyarakat lain pada masa lalu.

Gambaran tentang peribumi bahagian dari gembar-gembor ideologi yang utuh, yang dilakukan tanpa merujuk kepada jenis perintah. Ini

merupakan reaksi bersama kelompok yang digerakkan oleh suatu pandangan bersama dan kesedaran akan suatu kepentingan. Pemerosotan peribumi serta rentetannya berupa gejala yang sama – yang berkaitan dengan berbagai-bagai kegiatan peribumi. Mari kita ambil aspek ekonomi dari kehidupan peribumi.

Kajian ekonomi tentang tanah jajahan tersebut kebanyakan berpusat pada pokok masalah yang menggambarkan keuntungan bagi kapitalis Barat. Ini masih berlangsung hingga saat sekarang, misalnya di Malaysia dan Indonesia. Saya tidak mengetahui kajian tentang perdagangan di kota tersebut, tetapi terdapat ratusan kajian tentang perdagangan di Amsterdam atau Hamburg. Alasan untuk gejala ini dapat dilacak melalui pernyataan, bahawa masalah ekonomi yang tidak berhubungan dengan pengejaran keuntungan kapitalisme kolonial tidak diberi perhatian sama sekali. Kajian antara kawasan di Asia Tenggara diabaikan. Masalah ekonomi masyarakat peribumi tidak dikaji. Apa yang dikaji adalah eksport dan import dari Barat dan ke Barat, pengeluaran komoditi yang diperlukan di Barat, masuknya modal dari Barat, dan aliran keuntungan ke Barat. Definisi umum ekonomi bersandar pada konsep pemuasan keinginan dan cara memperolehinya; pendirian kapitalis kolonial terhadap masalah ekonomi memuaskan keuntungannya menurut kelompok yang berkepentingan kolonial dan cara-cara meraihnya.

Menurut sejarah, ideologi pada suatu masa jarang terungkap dengan sendirinya secara blak-blakan, secara sedar tampak seluruh wataknya. Tetapi hal ini juga tidak tersembunyi sama sekali; di sana-sini terungkap dengan sendirinya, seperti misalnya dalam karya seorang profesor ekonomi Belanda yang mendefinisikan sejarah ekonomi seluruhnya dalam pengertian kapitalisme Barat. "Sejarah ekonomi", katanya, "mensyaratkan perubahan ekonomi. Desa, kota dan negara dalam tahun yang silih berganti dan abad demi abad memenuhi keperluan dengan cara yang sama, tidak memiliki sejarah ekonomi."[29] Menurut definisi ini, China, Jepun dan India sebelum abad ke-19 tidak mempunyai sejarah ekonomi, Gonggrijp menunjuk masyarakat Indonesia tradisional. Desa-desa, katanya, juga ada di Eropah Tengah dan Barat, tetapi kehidupan desa Indonesia tidak ada individualisme sebagaimana di desa Eropah pada abad-abad terdahulu.[30] Di sini individualisme Eropah dianggap sebagai pathokan penting tentang apa yang merupakan sejarah ekonomi. Inilah imperialisme kebudayaan

dalam dunia konseptualisasi ilmiah. Akibatnya suatu proses ekonomi yang tidak sesuai dengan pengertian konsep tersebut ditinggalkan oleh keilmuan kolonial yang etnosentris.

Sebagaimana yang telah diutarakan dalam Pendahuluan, ideologi kolonial mempengaruhi keilmuan dalam pemilihan tema dan analisis serta kesimpulannya. Begitu pula dalam hal citra tentang peribumi, ciri-ciri negatif dibicarakan dengan intensif sementara aspek positifnya diabaikan. Oleh kerana itu, muncullah gambaran yang salah dan tidak seimbang. Akibatnya apa yang penting dalam sejarah peribumi juga diabaikan. Misalnya, belum pernah ada kajian tentang akibat kerosakan negara-negara peribumi terhadap peribumi sendiri, seperti adanya beberapa acuan tentang berbagai-bagai akibat tersebut terhadap kekuasaan kolonial. Salah satu alasannya adalah citra yang negatif tentang peribumi tidak membangkitkan keinginan untuk mengkaji peristiwa semasa. Ini menjelaskan kenyataan bahawa biasanya pada masa kolonial hanya antropologi dan penasihat koloniallah yang mempelajari berbagai-bagai keadaan peribumi, bukan ilmuwan dari disiplin lain seperti ekonomi, ilmuwan politik dan sosiologi. Beberapa kekecualian tentang Indonesia dapat disebutkan, seperti Schrieke, Boeke, Wertheim, dan Douwes Dekker. Di Malaysia, perhatian ilmiah terhadap peribumi ditunjukkan oleh beberapa orang pentadbir seperti Clifford, Swettenham, Maxwell dan Windstedt, tetapi perhatian mereka semata-mata ditujukan untuk memperkuat citra tentang peribumi yang malas, gemar bersantai, percaya pada tahyul dan suka meniru. Mereka menghimpun kamus, menerbitkan buku-buku kesusasteraan Melayu, menulis sejarah kaum Melayu, yang kebanyakan bergaya amatur tanpa mengindahkan ilmu pengetahuan dalam karya mereka. Karya mereka secara keseluruhan merupakan tiang ideologi kolonial berkaitan dengan masyarakat peribumi.

Dalam buku ini, kita tidak berupaya menilai kembali kolonialisme sebagai suatu gejala sejarah, atau sumbangan keilmuan kolonial kepada ilmu pengetahuan. Perhatian kita telah dipusatkan pada citra kolonial tentang peribumi dan fungsinya dalam ideologi kolonial. Kita juga telah mencatat pengaruh negatif ideologi terhadap keilmuan. Dalam Pendahuluan telah kita golongkan pengaruh ideologi menjadi negatif dan positif. Pengaruh negatif ideologi adalah menyimpang, sepihak, mengakibatkan tidak konsekuen, dan kedangkalan. Kadang-kadang diberikan suatu pandangan yang tampaknya objektif dan tidak memihak,

tetapi sebaliknya bersetuju dengan kolonialisme. Menurut penulis, ilmuwan yang benar-benar objektif akan menyatakan simpatinya lalu mendesakkannya dengan cara yang paling masuk akal. Menyamarkan pendirian dengan sikap yang objektif dan tidak memihak, sangat menghambat keilmuan daripada memajukannya. Kita ambil contoh berikut: "Apakah imperialisme itu baik atau suatu kejahatan tulen bukanlah hal yang penting. Penilaian tersebut bergantung pada kata hati individu. Di sini kita membicarakan imperialisme sebagai suatu kenyataan yang memerlukan penjelasan bukan kecaman atau pemaafan."[31] Oleh kerana itu, usaha untuk menilai kembali kolonialisme itu bermanfaat atau tidak bagi kaum yang dijajah, tidak dapat dianggap ilmiah. Ini adalah persoalan kata hati, tetapi imperialisme sebagai suatu "kenyataan" bukanlah persoalan kata hati, ini adalah laporan ilmiah.

Untuk mempertimbangkan penilaian kembali kolonialisme sebagai hal yang tidak ilmiah, memerlukan pertimbangan yang sama dengan penilaian kembali berbagai-bagai aspek kolonialisme, dalam hal ini adalah ideologi kolonial dan citra negatif peribumi. Apakah kita tidak dibenarkan mengatakan bahawa citra kolonial tentang peribumi tidak mendorong keserasian antarasuku bangsa, merupakan campuran prasangka, penghinaan yang tidak beralasan, dan pemutarbalikkan kenyataan; pendek kata ini merupakan sesuatu yang seharusnya tidak ada?[32] Menyetujui dua orang penulis tersebut bererti membenarkan berlakunya citra kolonial dan mempengaruhi keilmuan. Setiap usaha untuk menolak citra itu dianggap di luar bidang keilmuan. Menyingkap pemutarbalikan tersebut, ketidakbenaran, dan prasangka di sebalik citra itu, adalah cara lain untuk mengatakan bahawa citra tersebut buruk, meskipun kita tidak menggunakan kata "buruk." Laporan imperialisme dan kolonialisme yang dianggap sebagai "kenyataan" tanpa memasukkan pertimbangan nilai apa pun itu merupakan suatu khayalan. Tanpa sedar kita telah terpengaruh oleh nilai-nilai tersebut, atau memberi peluang nilai-nilai itu merasuki pengetahuan kita. Mari kita ambil gejala imperialisme dan kolonialisme sebagai suatu "kenyataan" (*fact*). Apakah yang dimaksudkan dengannya?

Imperialisme Barat moden menandai perluasan kekuatan dan kekuasaan Barat di bahagian terbesar dunia bukan Barat. Hal ini telah berakibat sangat besar bagi dunia Barat dan bukan Barat. Ini adalah "kenyataan". Tetapi ini suatu "kenyataan" yang hanya dalam pengertian

umum dan abstrak. Ketika kita mengarah pada percakapan yang konkrit tentang "kenyataan", kita memerlukan suatu orientasi nilai. Kita boleh tidak menggunakan istilah "baik" dan "buruk" dalam percakapan kita, tetapi sewaktu kita mengatakan bahawa kolonialisme telah memberi perdamaian dan kestabilan, memperkenalkan kebersihan yang moden, dan mengembangkan berbagai-bagai sumber daya alam, maka kita telah mengakuinya sebagai hal yang baik. Di pihak lain, kita dapat memilih pengaruh negatif kolonialisme dan kerana itu kita mengakuinya sebagai hal yang buruk. Bukanlah tujuan buku ini untuk menilai kembali seluruh akibat dari kolonialisme dan imperialisme. Seperti telah diisyaratkan oleh Moon.

> Pada akhirnya, beberapa kebaikan dan keburukan imperialisme tetap tidak akan dapat diperhitungkan, dan penilaian akhir akan lebih subjektif daripada ilmiah, sebagaimana tidak adanya perhitungan ilmiah yang dapat dilakukan untuk membandingkan kapal dengan sekolah, bahan baku dengan peperangan, keuntungan dengan patriotisme, peradaban dengan kanibalisme.[33]

Sudah pasti ada kesulitan untuk menilai ribuan peristiwa yang merupakan imperialisme; kejadian yang mengubah sifat dan akibat dalam waktu yang berbeza. Misalnya, orang Inggeris melawan malaria di Malaya. Tetapi mereka melakukannya setelah meningkat dalam skala yang besar, kerana ketergesaan mereka berkebun getah, pengumpulan tenaga kerja imigran yang secara fizikal lemah di daerah yang diduduki, dan pengabaian mereka terhadap perawatan kesihatan bagi tenaga kerja mereka. Untuk menilai kembali aspek kolonialisme ini kita seharusnya menyoal apakah yang terjadi pada penduduk Malaya seandainya pemerintah kapitalis kolonial Barat tidak pernah ada di sana? Tetapi kerana mereka benar-benar ada di sana, apa yang telah dilakukannya untuk mencegah malaria? Segala aspek persoalan harus dipertimbangkan. Di sinilah Moon dan yang lain yang percaya pada ketidakmungkinan penjelasan yang objektif, menjadi keliru. Menyatakan bahawa ilmu sosial dan sejarah tidak dalam kedudukan untuk memberi penilainan objektif, adalah sama sahaja dengan menyatakan ketidakmampuan alasan kemanusiaan. Kalau kita tidak dapat menilai kembali kolonialisme, kita tidak dapat menyatakan bahawa pemerintah ini dan itu. Kita tidak dapat menuding sistem ini-itu merosot. Kita tidak dapat menyanjung berbagai-bagai manfaat peradaban Barat. Kesulitan dalam menilai kem-

bali kolonialisme adalah masalah praktis, bukan teoritis.

Namun sementara Moon membuat kita bimbang untuk mengatakan kolonialisme sebagai kejahatan, ia dengan cepat mengutarakan kebaikannya. Ia berkata:

> Tatkala modal mengayunkan tongkat sihirnya di atas rimba dan belantara, muncullah jalan keretapi, perlombongan, ladang minyak, kota-kota, perkebunan, dermaga, kilang, pusat tenaga, telegraf, dan berbagai-bagai gudang. Tentang keuntungan, penduduk peribumi mula-mula dapat memperolehi bahagian yang sangat sedikit. Di pihak lain, kemajuan material tersebut dihubungkan dengan kejahatan, penyakit dan persoalan industrialisme moden. Negeri-negeri yang terkebelakang seperti India mengalami Revolusi Industri, dengan upah yang rendah, pekerja kanak-kanak, jam kerja yang berlebihan, daerah kumuh yang sesak; masyarakat yang menderita dengan tingkat kematian yang tinggi kerana keadaan kerja yang tidak sesuai dengan keadaan kesihatan peribumi. Medali tersebut memiliki dua sisi. Barangkali tidak terlalu optimis untuk berharap bahawa kejahatan eksploitasi yang berlebihan, dan masalah perubahan ekonomi akan melewati tahap yang pada saatnya akan diperbaiki, sebagaimana yang telah berlangsung – paling tidak sebahagian – di kebanyakan negeri yang maju, sementara manfaat dari kemajuan industri tersebut akan lebih kekal. Biarkan mereka meratapi penyerbuan ke Timur dengan memburuk-burukkan perusahaan dan mesin yang bising, atau pemusnahan kesukuan di Afrika.[34]

Di sinilah orientasi nilai masuk. Tidak seperti Hobson, ia tidak menentang imperialisme. Di situ juga terdapat rekaan alasan yang terkenal. Keadaan yang mencekam dan tidak manusiawi dilapisi dengan ungkapan "keadaan kerja yang tidak sesuai dengan keadaan fizikal peribumi." Di sini ada unsur tanggungjawab yang salah alamat. Keadaan fizikal peribumi dipersalahkan kerana tingginya tingkat kematian. Apa yang pasti tentang keadaan fizikal ini yang menyebabkan kematian yang tinggi tidak dijelaskan. Di sini kita temui ciri lain tentang kajian kolonial, kegemaran mereka akan penyamarataan apabila sampai pada hal-hal di luar kepentingan mereka, atau yang dapat memalukan. Hubungan manusia diperbincangkan dengan bahasa perdagangan. Tentang citra peribumi, telah kita catat, bahawa ini dibangun atas dasar penyamarataan tanpa landasan operasional apa pun. Kemalasan yang

dituduh kepada kaum Melayu tidak didefinisikan secara operasi, sebagaimana yang telah kita jelaskan sebelumnya, melainkan pada peristiwa yang jarang muncul. Dalam hubungan ini, kita harus menguji secara terperinci penggunaan ungkapan yang abstrak seperti yang dilukiskan dalam buku Moon, dan kemungkinan penilaian kembali yang objektif tentang kolonialisme. Kesan-kesan yang diberikan pengusaha perkebunan orang Inggeris di Malaya hanya ini.

Marilah kita menggunakan gagasan kemalasan, tenaga kerja kontrak dan keadaan fizik, sebagai punca produktiviti yang rendah. Tentang masyarakat Melayu, pengusaha perkebunan berkata:

> Pekerja Melayu diperkebunan sangat sedikit, kerana tidak ada alasan selain, kebencian mereka terhadap kerja, dan lebih penting lagi jenis kerja tersebut memerlukan tenaga yang kuat yang terus-menerus digabung dengan tugas sehari-hari yang berat. Bagi mereka pekerjaan yang membosankan itu adalah seperti racun. Oleh itu kita hanya dapat menyediakan pekerjaan yang berdasarkan kontrak kepada mereka seperti penebangan pokok dan pengangkutan atau penyewaan kereta; yang kedua-duanya mereka mahir, kerana orang Melayu mempunyai sedikit saingan dalam seni menebang hutan dan dalam menangani banteng dan kerbau.[35]

Di sini dia terus terang mengakui bahawa kaum Melayu tidak suka akan pekerjaan yang membosankan, sikap manusia yang benar-benar umum. Dia sendiri dan para pengusaha perkebunan lainnya tidak terlibat dalam pekerjaan seharian yang lazimnya berat. Kiranya tidak apa-apa bagi mereka jika tidak suka akan pekerjaan yang membosankan, tetapi berlainan halnya bagi kaum Melayu. Menebang hutan rupa-rupanya tidak dianggap sebagi pekerjaan yang membebaskan persoalan "malas". Ukuran kapitalis kolonial terhadap ketekunan benar-benar diungkapkan di sini. Hanya pekerjaan yang secara langsung mendatangkan keuntungan dapat menghapuskan persoalan "malas". Dokumen yang lebih mengungkap pemikiran adalah laporan tahunan yang rasmi. Tentang tenaga kerja Melayu dikatakan:

> Tenaga kerja ini tidak begitu penting. Tiada perkebunan besar yang bergantung kepada sejumlah besar orang Melayu, dan jumlah keseluruhannya pada suatu waktu di berbagai-bagai perkebunan di Persekutuan Tanah Melayu ialah kira-kira 3 500 orang. Alasan mengapa tidak banyak orang Melayu digunakan sebagai tenaga

> kerja ialah kerana mereka tidak berminat untuk bekerja secara tetap. Mereka semata-mata menggunakan perkebunan sebagai kemudahan untuk menambahkan apa sahaja mata pencarian yang dapat dilakukan di luar kampung mereka, dan mereka tidak dapat dijangkakan untuk tinggal tetap diperkebunan, ketika jasa mereka sangat diperlukan segera. Mereka, sebagaimana biasanya, tidak ingin mendapatkan wang yang lebih banyak kecuali cukup untuk menampong hidup mereka memadai asal dapat memenuhi keperluan mereka pada saat itu. Sebagaimana orang Jawa tempatan yang diikutsertakan, sejumlah kecil masyarakat Melayu menambahkan tenaga kerja tetap orang-orang India atau Cina di banyak perkebunan mereka, tetapi orang Melayu tersebut bekerja tidak menentu jika dibandingkan dengan orang Jawa tempatan yang digunakan.[36]

Di sini pekerjaan yang penting ialah pekerjaan perkebunan. Selain angka, dan tambahan satu ungkapan, alinea yang sama diulang dalam laporan tahunan. Namun pada tahun 1934, pengecualian dibuat untuk Kedah dan Kelantan, dua negeri Melayu; sedangkan sisa alinea selebihnya adalah sama. Pada tahun 1935 dan 1936 alinea ini diulang. Namun pada tahun 1937 tercatat nada yang berbeza. Menurut laporan tersebut.

> Pada tahun itu Petugas Pemeriksa dari Jabatan ini diperintah untuk mengadakan penyelidikan tentang tingkat dan keadaan tenaga kerja Melayu tempatan. Meskipun jumlah yang bekerja tidak besar, beberapa kenyataan yang disoroti menunjukkan bahawa kampung Melayu seperti dunia lainnya, sedang berubah dengan cara yang tidak diharapkan. Di Kelantan, seperti orang mengharapkannya, beberapa buah perkebunan digarap sepenuhnya oleh orang Melayu. Sistem yang berhasil diterapkan di sana ialah setiap keluarga melakukan satu tugas atau lebih, beberapa orang anggota keluarga menoreh batang pohon dan menyadapnya. Jika hanya dengan cara seperti itu baru mungkin menggunakkan tenaga kerja orang Melayu dengan berhasil. Kemudian ditemui bahawa di perkebunan milik orang Eropah di Melaka, telah dilakukan cara yang persis sama. Masyarakat Melayu telah belajar keperluan untuk hadir secara tetap, dan membuktikannya sendiri sebagai pekerja yang baik dan diupah dengan sewajarnya.[37]

Ketidaksenangan terhadap kerja, tetap tidak disebut-sebut.

Masyarakat Melayu telah berubah "baik"; mereka telah datang ke perkebunan. Unsur baru telah muncul, pekerjaan oleh keluarga dan pembayaran menurut upah semestinya. Sebelumnya, terdapat perbezaan nyata di kalangan orang Melayu. Setiausaha Kehormat Penempatan Melayu, Kuala Lumpur, menghuraikan keadaan tersebut pada tahun 1908.

> Pada masa ini calon orang Melayu untuk saluran kerja di jabatan kerajaan, secara keseluruhan, lebih jelek dibandingkan dengan orang Tamil atau Cina. Tentu sahaja dia terkenal sebagai pemalas, yang apakah dibenarkan atau tidak, selalu berpegang pada kebiasaannya. Lebih-lebih lagi, tingkat upah yang diberikan kepadanya dalam beberapa kenyataannya kurang daripada yang diberikan kepada orang Asia lainnya di Persekutuan Tanah Melayu. Baru-baru ini sahajalah polis Melayu diberi gaji tinggi selaras polis Sikh yang telah menikmatinya bertahun-tahun lamanya. Upah kepada kuli-kuli Cina masih lebih tinggi daripada upah kepada orang Melayu. Penolong guru Melayu memperoleh gaji yang lebih rendah daripada buruh Tamil. Para kerani Tamil Jaffna dibenarkan bercuti untuk menjengok tempat asal mereka dengan separuh gaji, manakala kerani Melayu yang ingin mengunjungi orang tuanya pada masa cuti tidak dibayar sama sekali. Untuk mendapat cuti setengah gaji dia harus ke luar negeri.[38]

Pada tahun 1938 disebutkan terdapat kaum Melayu yang mempunyai tanggapan yang lebih baik terhadap kerja perkebunan kerana sebahagian daripadanya diukur dengan sepeda. "Sepeda kelihatan memainkan peranan yang penting dalam mendekatkan jarak antara kampung dengan perkebunan atau perlombongan".[39]

Jika seluruh faktor sejarah dan sosiologi dianggap melingkungi sikap masyarakat Melayu terhadap kerja perkebunan, maka hubungan yang umum dan abstrak tentang kemalasan akan kelihatan sebagai penyimpangan yang tidak menentu. Beberapa faktor ini telah dijelaskan, seperti perbezaan upah, keadaan yang berat, jarak yang jauh dari rumah dan kehidupan perkebunan yang terputus daripada komuniti. Semua ini merupakan alasan manusia yang biasa untuk menghindari pekerjaan yang khusus. Seseorang tidak perlu mempercayai fikiran yang abstrak seperti "pada dasarnya malas" dan "tidak suka akan kerja terus-menerus", atau kebudayaan dan watak nasional, untuk menjelaskan pengelakan orang Melayu daripada kerja perkebunan. Sekiranya ciri ideologi ko-

loniallah yang mengandaikan fikiran samar-samar tersebut, sebagai dalih yang mendukung ke arah yang nyata di segenap keruwetannya, kecuali dalam hal yang mempunyai kepentingan ekonomi dan pentadbiran.

Pada anggapan pihak kolonial, tenaga kerja secara keseluruhan diperlakukan sebagai komoditi, proses yang abstrak dan statistis. Bagi mereka, pekerjaan bererti gejala orang yang bekerja untuk mendapatkan upah. Sejarah yang nyata tentang pekerjaan disembunyikan. Terhadap keadaan sejarah yang nyata itulah orang memberi reaksi. Jika suatu pokok pembicaraan seperti pekerjaan kontrak dibincangkan dengan penahanan kolonial, maka ia bererti ringgit dan sen, istilah dan keadaan rasmi tentang pekerjaan undang-undang yang melindunginya, hubungan dengan produktiviti, dengan imigrasi, dan dengan pelbagai keadaan umum yang mempengaruhi tenaga kerja. Laporan ilmuwan yang memuatkan huraian keadaan yang nyata tentang pekerjaan kontrak tersebut jarang dilakukan. Pekerjaan kontrak di Malaya hingga paling kurang menjelang abad ke-20 dalam kenyataannya berbentuk perhambaan. Ini diyakinkan oleh beberapa orang pemilik perkebunan. Di bahagian terdahulu daripada buku ini kita telah membincangkan penyalahgunaan tenaga kerja di pelbagai perlombongan dan perkebunan. Gambaran tentang pekerja kontrak di sebuah perkebunan di Kedah, diduga menjelang abad ke-20 – menunjukkan perlakuan yang bukan manusia terhadap pekerja kontrak tersebut. Pengawas, orang Indonesia, membawa senjata dan mandor Cina menentang pecut. Bila seorang kuli berhenti bekerja maka simandor akan membentaknya supaya meneruskan pekerjaannya; jika tidak segera dipatuhi dia akan merasakan lecutan di kakinya. Apabila dia memberikan isyarat kepada mandor tersebut sebagai dendam kerana hukuman tersebut, dia akan diteriaki oleh pengawas dan diancam oleh kawan-kawan.[40] Penulis yang baru datang dari England itu hairan melihat perlakuan seperti itu. Para pekerja kontrak dari China diikat kerja selama tiga tahun dan diupah sebanyak sepuluh sen setiap hari berturut-turut, ketika pasaran berkisar antara 35 sen dengan 50 sen. Mereka harus membayar hutang kira-kira 10 *pound sterling* untuk perjalanan mereka. Setelah bekerja, mereka diiring kembali ke tempat tinggal mereka dan diawasi oleh dua orang pengawas Sikh yang bersenjata senapang, untuk mencegah mereka daripada memberontak atau melarikan diri. Pemilik perkebunan kita yang baru datang, menganggap mereka sebagai hamba.[41]

Perebutan wanita juga berlaku tanpa henti di kalangan pekerja India

di perkebunan terutama laki-laki. Oleh sebab sangat terbatasnya jumlah wanita, dalam kehidupan komuniti terpencil di perkebunan, maka terdapat sejumlah wanita yang memiliki beberapa orang laki-laki. Ada pula yang homoseks.[42] Para pemilik perkebunan Eropah juga berhubungan dengan wanita perkebunan. Seorang India Bengali mengamuk membunuh dua orang kerana cemburu. Setiap pagi, pengelola dan dua orang pegawai Inggeris memeriksa perkampungan bagi memastikan semua telah bangun tepat pada waktunya. Jika seorang pekerja didapati masih tidur, pergelangan kakinya akan dicengkeram. Dengan renggutan yang cepat ia segera terjatuh dari dipan setinggi dua kaki dari tanah dengan bunyi yang kuat. Oleh sebab itu di perkebunan selalu terdapat penyakit yang kadang-kadang, dan malah sering, yang membawa maut. Keadaan seperti itu hampir meluas, khususnya kerana kemudahan yang buruk. Pekerja perkebunan terdiri daripada buruh kontrak India dan Cina. Yang banyak adalah orang India. Tentang pernyataan Moon "keadaan kerja yang tidak sesuai dengan keadaan fizikal bahang peribumi," apa yang menurut siratan sejarah sama sahaja dengan sikap yang tidak berperasaan dalam kehidupan manusia. Tiada naluri yang salah pada keadaan fizikal peribumi. Hanya serangan malarialah yang yang membunuh ribuan pekerja. Pada thun 1908, 21 buah perkebunan mempunyai jumlah kematian kira-kira melebehi 200 per seribu.[43]

Malaria adalah pembunuh pertama. Di empat buah negeri, Persekutuan Tanah Melayu, dengan jumlah penduduk sebanyak 1.16 juta pada tahun 1929 terdapat 85 000 penderita malaria yang tercatat yang terdapat di banyak rumah sakit dan 4 300 kematian berlalu pada tahun 1928 dan 1929. Pada masa ini terdapat kira-kira 72 orang tenaga kesihatan di daerah ini, 45 buah rumah sakit, 30 buah farmasi di kota dan 24 buah klinik bergerak. Wilayah tersebut adalah seluas 27 500 batu persegi. Kadar kematian akibat malaria di rumah sakit sahaja adalah 50.6 per seribu atau lima peratus. Perbandingan antara penduduk dengan doktor adalah 1: 16. Jumlah pesakit malaria dan penduduk yang mati akibatnya di daerah tersebut seluruhnya tentunya akan berlipat ganda daripada jumlah yang ada di rumah sakit. Pembunuh terbesar yang kedua adalah TBC paru-paru. Terdapat 4 600 kes dengan 2 100 kematian. Dengan itu kadar kematian ialah 45.6 peratus.[44] Lapan tahun kemudian, pada tahun 1937, dengan jumlah penduduk yang meningkat, penyakit malaria berkurangan. Terdapat 35 000 kes di rumah sakit kerajaan dan perkebunan dengan 800 kematian. Kadar kematian berku-

rangan hingga dua peratus. Pada tahun 1937, dari 1 994 penderita penyakit TBC paru-paru, 791 orang di antaranya mati dan kerana itu kadar kematian menjadi 39.8 peratus.[45] Terdapat sedikit pembaikan kerana kemajuan ilmu kedoktoran dunia secara umum tetapi perbezaan tetap menyolok antara negeri Inggeris dengan tanah jajahannya. Bagi seluruh Malaya pada tahun 1939, perbandingan antara doktor dengan penduduk adalah 1.4:10. Penyakit terbesar yang ketiga di Malaya ialah penyakit kelamin.[46] Pada tahun 1929, terdapat 6 000 penderita yang dirawat di rumah sakit Persekutuan Tanah Melayu. Pada tahun 1937, di Singapura sahaja terdapat 22 800 pesakit baru daripada 1.25 juta penduduk dan 185 000 pesakit lama. Di Negeri-negeri Selat itu kadar jumlah penderita siplis pada tahun 1937 adalah 49.4 bagi setiap 10 000 penduduk, sementara bagi Inggeris dan Wales pada tahun 1936 adalah 1.7 bagi setiap 10 000 penduduknya, Belanda 1.06 dan Sweden 0.67. Maka kadar di Negeri-negeri Selat itu ialah kira-kira 30 kali ganda daripada Inggeris dan Wales, 47 kali ganda daripada Belanda, atau 75 kali ganda daripada Sweden.[47] Pada tahun 1944, para pengarang buku tentang epidemiologi membuat kesimpulan berikut tentang keadaan kesihatan di Malaya:

> Kesihatan masyarakat, kemudahan rumah sakit dan perubatan di bawah pemerintahan Inggeris, meskipun organisasinya cukup efisien dan terpelihara, namun tidak memadai bagi syarat-syarat kesihatan dan perubatan di negeri Melayu tersebut.[48]

Penyakit utama di Malaya: malaria, kelamin, disentri, TBC paru-paru, beri-beri, cirit-birit, dan radang paru-paru, terkecuali dua pertama, masing-masing memiliki kadar kematian yang beragam dari 10 peratus hingga 50 peratus. Yang tertinggi adalah akibat TBC. Sebenarnya penyebarannya yang tertinggi adalah malaria. Daripada 70 000 orang yang dibawa ke rumah sakit pada tahun 1928 di Persekutuan Tanah Melayu, 48 500 orang di antaranya menderita akibat malaria. Kematian akibat semua penyakit tersebut berjumlah 6 800. Oleh sebab itu kadar kematian secara umum menjadi 9.7 peratus. Pertumbuhan kebanyakan penyakit ini seperti malaria, TBC, penyakit kelamin, disentri, merupakan akibat kapitalisme kolonial. Pembangunan pemukiman yang gegabah, penduduk yang padat, sanitasi dan saluran kotoran yang buruk, pelacuran, kebiasaan yang membahayakan kesihatan seperti menghisap candu dan meminum minuman keras di

antara yang sederhana, berlangsung sejak munculnya perlombongan dan perkebunan dengan urbanisasi pelayannya. Kita akan membatasi kajian kita dengan penyakit terbesar, malaria, berdasarkan pertemuan seorang doktor kolonial dengan hubungan ideologi kolonial yang tegas.

Faktor-faktor utama yang menyebabkan berjangkitnya malaria adalah merosakan tanah dan pembinaan jalan.

> Jalan dan berbagai-bagai pekerjaan umum lainnya, yang menimbulkan tempat-tempat berkembangbiaknya nyamuk, merupakan perantara penting dalam menyebarluaskan malaria dan filaria. Jalan di negeri yang datar, khususnya apabila sejajar dengan pantai, berbahaya dalam dua hal: pada masa pembinaannya terdapat banyak lubang dan ini kemudian akan menjadi sarang pembiakan nyamuk; apabila selesai, jalan-jalan tersebut mengganggu saluran yang ada di sisi jalan tersebut.[49]

Tempat tinggal pekerja terletak berdekatan jurang di perkebunan atau tanah tinggi yang meluaskan jangkitan malaria di kalangan pekerja. Jalan keretapi sepanjang 28 batu yang dirampungkan pada tahun 1914 mengakibatkan berjangkitnya malaria. Apabila sahaja malaria berjangkit di suatu daerah, ia akan menular lagi ke daerah yang sebelumnya telah dibersihkan daripada malaria. Pekerja perkebunan imigrasi terutama sekali merupakan mangsa yang mudah diserang. Mereka hidup di daerah-daerah yang banyak terdapat nyamuk malaria. Pekerja imigran yang baru sahaja datang tiba-tiba diserang penyakit ini. Di antara mereka tiada yang berasal dari wilayah yang dilanda kelaparan di India (1906). Merebaknya malaria dengan berleluasa tidak berhubungan sama sekali dengan keadaan fizikal mereka. Hal ini lebih berkaitan dengan keadaan ekonomi mereka. Yang miskin mati kerana sakit, tetapi tidak bagi yang mampu. Ketahanan jasmani orang miskin dan kemudahan perubatan adalah rendah dibandingkan dengan orang-orang yang kaya. Pada tahun 1909, daripada 29 orang Eropah yang menetap di sepuluh perkebunan di tanah bukit di Selangor, pada suatu ketika terdapat 25 orang yang menderita sakit malaria. Pada masa ini Watson dapat mengatakan bahawa tidak ada orang Eropah yang mati kerana malaria.[50] Pada masa ini ribuan pekerja, petani, dan penduduk desa yang miskin meninggal dunia kerana malaria. Namun jika kita membalikkan keadaan, iaitu orang Eropah menjadi pekerja ladang, dan berasal daripada kelompok yang miskin di tempatnya, maka ribuan orang daripada

mereka akan meninggal dunia. Kemudian dalam dasawarsa berikutnya kadar kematian semakin meningkat. Perawakan orang Timur sama sahaja. Hanya keadaannya yang telah berubah. Perubahan ini disebabkan adanya kenyatan bahawa malaria menyedut dana kapitalis. "Daripada seluruh keberhasilan dan dalam kenyataannya, bertahannya pertanian tropika bergantung kepada tenaga kerja yang sihat dan kuat."[51] Perkebunan tidak dapat berfungsi dengan cekap kerana biaya perubatan yang tinggi. Tenaga kerja berkurangan di bawah kadar pengeluaran yang optimum. Banyak pekerja meninggalkan perkebunan.

Inilah contoh sesungguhnya dan kenyataan yang seringkali diabaikan dalam telaah kolonial tentang jajahannya. Persoalannya pertama disebabkan kuasa kolonial, kemudian diusahakan pemecahannya, lalu mereka meminta penghargaan untuk hal tersebut. Malaria adalah salah satu contohnya. Seperti halnya Watson, Ketua Pegawai Perubatan Persatuan Rumah Sakit Ladang di Persekutuan Tanah Melayu berpendapat:

> Jika sejarah perusahaan tropika yang lain harus diambil sebagai petunjuk, maka pembukaan ladang khususnya yang dilakukan oleh pekerja yang didatangkan, berkemungkinan mengakibatkan berjangkitnya malaria yang boleh membunuh, dan kehidupan menjadi amat berharga bagi orang-orang Eropah dan Asia. Rumah sakit saya kembali menunjukkan betapa beratnya penderitaan pekerja ladang yang ada, dan saya memutuskan untuk mempelajari persoalan tersebut dengan lebih terperinci lagi.[52]

Belum pernah ada usaha untuk mengkaji penerapan kapitalisme kolonial di Malaya, yang berbentuk perlombongan dan perkebunan, dilihat dari segi biaya kehidupan manusia. Ribuan yang mati di bawah pohon getah dan di dalam terowong lombong, di sepanjang jalan dan rel keretapi, menyentuh perasaan dan perhatian kita. Mereka seharusnya tidak diremehkan dengan sinis sebagai angka-angka dalam neraca pembangunan kolonial. Namun tiada apa-apa dalam ilmu-ilmu sosial yang menghalang seorang ilmuwan sosial untuk berbicara terus-terang, membuktikan penghisapan yang benar-benar ada, melukiskan kesengsaraan, kebengisan, dan penindasan selama itu. Persoalannya di sini adalah pelukisan kenyataan yang tepat, bukan pembolehan usaha itu. Seorang pekerja perkebunan yang miskin menderita akibat disentri yang membawa maut, menunjukkan pengalaman betapa sengsaranya serangan

penyakit itu dan kesengsaraan tersebut adalah suatu kenyataan. Ilmu-ilmu sosial tidak menutup kenyataan yang ada. Begitu pula keadaan yang menyedihkan tentang kehidupan perkebunan di sekitar awal abad ke-20 di Malaya merupakan suatu kenyataan; satu-satunya perbezaan yang ada ialah bahawa keadaan lebih rumit dan sulit untuk dilukiskan, daripada contoh sederhana tentang disentri. Untuk membatasi tujuan teoretis sekitar kajian tentang berbagai-bagai kenyataan tersebut, sikap kolonial yang mengaburi kenyataan-kenyataan harus dibela. Oleh sebab itu gagasan tentang ilmu sosial bebas nilai, jika diterapkan ke daerah bekas jajahan, merupakan alat ideologi untuk mencegah pembongkaran kolonialisme. Sebuah tinjauan ilmu pengetahuan kolonial tentang wilayah tersebut akan memusatkan perhatian kepada daerah-daerah yang diabaikan hingga kesaat ini dan perspektifnya. Jika mungkin bagi para ilmuwan Belanda untuk menulis tentang beberapa orang Indonesia yang kejam, dan mereka benar-benar mengerjakannya dalam hal-hal yang diakuinya benar, mengapa harus tidak mungkin bagi para imluwan Indonesia untuk menulis tentang orang Belanda yang kejam seandainya mereka memang benar-benar ada, menurut definisi tentang tirani yang berlaku dan dapat dipertanggungjawabkan?

Sistem sosial selama masa kolonial telah cukup digambarkan dalam ideologi. Cerita tentang peribumi dan kedudukan mereka dalam banyak hal merupakan cerminan berbagai-bagai keadaan yang ada. Cerita tentang masyarakat Melayu yang malas mencerminkan sistem diskriminasi. Orang Melayu bergaji rendah. Kebiasaan yang membeza-bezakan bangsa menurut tinggi rendahnya darjat, dengan bangsa Eropah di puncak sama dengan kedudukan mereka di tengah-tengah masyarakat, di mana masyarakat Eropah tetap berada di puncak. Sistem status yang disentuh sebelum ini, adalah sistem yang didasarkan kepada pembezaan suku bangsa dan warna kulit. Perkauman diskriminasi dan warna kulit ini tidak sehebat di Afrika Selatan pada saat ini. Pemaksaan adanya pembezaan warna kulit tidak mengakibatkan hukuman penjara, namun yang demikian pembezaan tersebut benar-benar ada dalam pengertian sosial dan psikologi. Ini dinyatakan dalam ukuran pentadbiran. Misalnya, sistem rumah sakit di Negeri-negeri Selat menyediakan bangsal khusus bagi orang Eropah dan kamar bedah khusus bagi orang Eropah.[53] Bangsal tersebut luas dan tidak pernah penuh sesak. Statistik kesihatan memberikan angka-angka terpisah untuk orang-orang Eropah dan bukan-Eropah. Pada tahun 1906, satu-satunya pesakit yang diberi

perubatan gratis di Rumah Sakit Umum di Singapura adalah orang Eropah yang miskin.[54] Ideologi kolonial dengan perhatiannya terhadap kehebatan orang Eropah dan hak mereka untuk berkuasa, memaksakan sistem kedudukan tersebut di wilayah yang dikuasai. Masyarakat kolonial Eropah telah memiliki semua yang terbaik. Dalam pemerintahan dan dalam perniagaan mereka menduduki jabatan tertinggi. Dalam pertanian mereka memiliki perkebunan yang paling besar. Dalam kehidupan sosial mereka selalu pergi ke klub, hotel dan restoran yang terbaik, dan mereka tinggal di kawasan kediaman yang paling baik. Di jelajah tersebut mereka mencipta suatu dunia sosial yang menikmati segala manfaat kesihatan, kekayaan, kedudukan, tempat tinggal, kekuatan, gengsi, dan pengaruh. Di Indonesia, orang Eropah juga pergi ke penghakiman yang berasingan.

Kedudukan orang Eropah yang memiliki hak-hak istimewa, dan keadaan ekonomi yang unggul yang mereka ciptakan untuk diri mereka sendiri setelah memperoleh kuasa di tanah jajahan tersebut, telah mengakibatkan kadar kematian yang jauh lebih rendah di kalangan mereka berbanding dengan kaum peribumi dan para pendatang asing. Kadar kematian di rumah sakit menunjukkan bahawa orang Eropah memiliki kadar kecelakaan yang jauh lebih rendah. Pada tahun 1887, kematian orang Eropah di seluruh rumah sakit di daerah Negeri-negeri Selat (Singapura, Dinding, Melaka, Pulau Pinang, Province Wellesley) lebih kurang setengah daripada yang lain-lainnya (4.15 peratus-8.42 peratus).[55] Jumlah penduduk di Negeri-negeri Selat tersebut pada tahun 1907 ialah 611 796 yang terdiri daripada 5 436 orang Eropah, 8 114 orang Indonesia; 323 182 orang Cina, 216 469 orang Melayu, 59 651 orang India dan 6 954 orang bangsa lain.[56] Pada tahun 1907, kadar kematian orang Eropah ialah 15.45 setiap 1 000 penduduk. Orang Melayu, India dan Cina masing-masing dengan kadar 31.12; 43.49; dan 44.02.[57] Tentang kadar kelahiran hampir tidak ada perbezaan besar, tetapi orang Eropah melebihi orang Melayu, Cina dan India. Oleh itu manakala orang Eropah mempunyai kadar kelahiran yang lebih tinggi, kadar kematian bayi orang bukan Eropah adalah jauh lebih tinggi. Pada tahun 1907, kadar kematian orang Cina ialah 274.99 setiap 1 000 bayi, orang India 256.78, orang Melayu 218.93, manakala kadar kematian bayi Eropah ialah 37.04. Dalam jumlah keseluruhan terdapat 5.883 orang Mealyu yang lahir pada tahun 1907 dan 1.365 orang meninggal dunia, manakala 162 orang bayi Eropah lahir dan hanya 6 sahaja yang

mati.[58]

Pada tahun 1927 berlaku gejala yang sama. Seluruh penduduk di Negeri-negeri Selat pada tahun 1927 berjumlah 1 059 968 orang. Penduduk Eropah berjumlah 11 305 orang, Cina 615 149 orang, Melayu 270 552 orang, India 141 777 orang, dan bangsa lain 10 800 orang. Kadar kematian setiap 1 000 orang Eropah adalah 8.67 manakala orang Melayu 36.68, Cina 33.34 dan India 32.40. Maka kadar kematian orang bukan Eropah lebih daripada empat kali ganda orang Eropah.[59] Kadar kelahiran orang Eropah, menunjukkan perbezaan yang besar berbanding dengan kadar kelahiran orang Melayu yang 43.03. Kadar bayi orang Eropah ialah 19.37, Cina 35.27, dan India 22.08. Secara statistik, kadar bayi orang Eropah adalah yang paling cermat dengan mengambil kira ukurannya, tempatnya, dan kebiasaan pentadbiran penduduknya. Menyusul kemudian Cina dan India, sementara kadar orang Melayu adalah yang paling tidak cermat. Sudah tentu lebih banyak lagi berlahku kelahiran dan kematian di kalangan masyarakat Melayu yang lebih banyak terbesar di kawasan luar bandar. Kita membatasi angka-angka pada Negeri-negeri Selat kerana di daerah inilah pencacahan paling awal dilakukan dan yang statistiknya paling maju pada waktu itu. Lebih jauh lagi, merupakan daerah yang paling dikembangkan oleh kolonialisme, semenjak daerah itu berada di bawah kuasa langsung Inggeris. Tidak ada kesultanan Melayu di sana. Kadar kematian bayi bahkan sangat menyolok. Kadar bagi orang Eropah ialah 18.27 per 1 000 penduduk, manakala bagi kaum Melayu, Cina dan India masing-masing ialah 269.03; 188.45 dan 208.24. Oleh itu kadar kematian bayi bagi ketiga-tiga kelompok masyarakat tersebut rata-rata adalah 13 kali lebih tinggi daripada masyarakat Eropah.[60] Pada masa yang sama, kadar kematian bayi di England dan Wales adalah 70 bagi setiap 1 000 penduduk.[61]

Pada tahun 1937, penduduk Negeri-negeri Selat berjumlah 1 245 739 orang, terdiri daripada 14 397 orang Eropah, 770 645 orang Cina, 294 565 orang Melayu, 142 703 orang India, 12 402 orang Indonesia dan 11 657 orang bangsa lain.[62] Kadar kematian bayi Melayu masih sangat tinggi. Di Melaka sebesar 215.12 per 1 000. 30 tahun sebelumnya dapat dipastikan ada kemajuan, tetapi masih tetap ada perbezaan yang besar antara masyarakat Eropah dengan masyarakat lainnya. Ada kemajuan di beberapa daerah dan kemerosotan di daerah lainnya. Contoh yang menyolok adalah penyakit kelamin. Pada tahun 1887, terdapat

3 213 penderita yang menghidap penyakit kelamin dimasukkan ke rumah sakit.[63] Ini adalah 0.5 peratus daripada jumlah penduduk pada tahun 1907. Pernah 0.8 peratus daripada jumlah penduduk tahun 1887 tidak dicatatkan dalam laporan tahunan. Pada tahun 1937, setengah abad kemudian, peratus penduduk yang berpenyakit kelamin telah melebihi 20 peratus. Seluruh jumlah penduduk Negeri-negeri Selat antara tahun 1933 dengan 1937 berkisar antara 1.04 juta dan 1.25 juta orang. Pada masa ini, jabatan kesihatan menerima 110 000 pesakit baru yang menderita penyakit kelamin. Jumlah yang pernah dirawat sebelumnya ialah di sekitar 1.04 juta orang. Seandainya seorang pesakit kembali ke klinik atau rumah sakit sebanyak 15 kali, bererti telah ada 69 000 tambahan kes. Oleh itu jumlah kes yang ditangani akan menjadi kira-kira 179 000. Statistik tersebut tidak memasukkan kes pengiriman tenaga kesihatan dan berbagai-bagai layanan yang lain. Di samping itu masih ada kes yang peratusnya besar yang dirawat di luar klinik kerajaan. Dianggarkan 13.2 peratus kes diubati dengan cara tradisional. Oleh itu statistik kerajaan hanya menggemukkan kes-kes yang diubati secara perubatan moden. Berdasarkan itu sahaja, 14.3 peratus penduduk menderita penyakit kelamin. Kelompok ini, mereka yang terbatas daripada perawatan kerajaan hanya 86.8 peratus daripada mereka yang diubati dengan perubatan moden. Termasuk mereka yang dirawat secara tradisional, peratusnya seharusnya melebihi 20 peratus berdasarkan perkiraan yang sangat konservatif.[64]

Negeri-negeri Selat telah menjadi punca penyakit kelamin yang merisaukan. Pada tahun 1907, laporan tahunan menyebutkan jumlah rumah pelacuran dan pelacuran di Negeri-negeri Selat. Di sana terdapat 3 867 orang pelacur dan 541 rumah pelacuran. Ada 28 orang pelacur Eropah yang semuanya beroperasi di Singapura.[65] Rumah pelacuran itu sendiri diperkenalkan ke Malaya semasa pemerintahan kolonial. Pada tahun 1937, jumlah itu telah meningkat. Meluasnya penyakit kelamin tersebut bahkan lebih menggelisahkan lagi dalam hubungannya dengan penduduk dewasa di Negeri-negeri Selat. Banci tahun 1931 melaporkan, jumlah penduduk di Negeri-negeri Selat seramai 1 114 015 orang, yang 671 080 orang di antaranya adalah lelaki.[66] Penduduk dalam kelompok usia antara 20 dan 54 tahun berjumlah 638 000 orang.[67] Antara tahun 1933 dan 1937 terdapat 110 000 kes baru penyakit kelamin dan 69 000 orang dianggarkan memerlukan lagi perawatan di berbagai-bagai klinik kerajaan. Paling sedikit 179 000 orang pesakit berpenyakit kelamin

daripada jumlah penduduk dewasa yang sebanyak 638 000 orang, iaitu 26.3 peratus penduduk dewasa antara kelompok usia 20 dan 54 tahun. Mempertimbang juga kes-kes yang dirawat oleh doktor swasta dan tradisional, dengan mudah angkanya akan melebihi 30 peratus. Peratus tersebut bahkan menjadi lebih besar jika kita menghubungkannya dengan penduduk lelaki dalam kelompok ini, yang jumlahnya dua pertiga daripada keseluruhan jumlah penduduk. Korban penyakit tersebut terutamanya adalah kaum laki-laki.

Tidak dapat diketahui berapa besar usaha kerajaan untuk mengatasi penyakit ini. Belanjawan perubatan seluruhnya untuk tahun 1937 (semuanya yang berhubungan dengan ubat dan kesihatan) berjumlah 3.5 juta *dollar* Singapura. Dengan demikian, belanjawan perubatan bagi semua jenis penyakit dan berbagai-bagai tindakan pencegahannya adalah 8.3 peratus daripada seluruh belanjawan kerajaan. Belanjawan untuk polis ialah 2.9 juta dollar Singapura, manakala tentera 4 juta dollar Singapura. Dengan demikian daripada berjuta belanjawan untuk angkatan bersenjata, 3.36 juta di antaranya dibelanjakan di Negeri-negeri Selat. Seluruh penerimaan Negeri-negeri Selat pada tahun 1937 berjumlah 226.65 juta (216.04 ditambah baki awal). Jumlah 218.26 juta tersebut kemudian digunakan untuk penanaman modal, pinjaman, simpanan, yang menghasilkan saldo berjumlah 8.39 juta.[68] Sebahagian daripada baki ini, katakanlah 42 peratus jika diperuntukkan bagi kesihatan akan meningkatkan belanjawan kesihatan 100 peratus Pendapatan daripada minuman keras sahaja berjumlah 3.92 juta, sementara daripada candu sebanyak 9.65 juta.[69] Sekiranya hanya seluruh pendapatan daripada candu yang digunakan untuk hal-hal kesihatan, maka masa yang sangat panjang akan diperlukan untuk meringankan masalah kesihatan di Negeri-negeri Selat, khususnya pencegahan penyakit malaria dan perubatan penyakit kelamin selain penyakit yang lain.

Meluasnya penyakit yang membawa kematian di kalangan penduduk peribumi dan juga tingginya kadar kematian di kalangan orang Timur asing tersebut, merupakan kenyataan yang digunakan oleh ideologi kolonial untuk membuat kesimpulan bahawa kaum peribumi adalah lemah. Dalam hampir segala bidang, kecuali dalam hal kadar kelahiran, kaum peribumi dinyatakan lemah. Dari segi ekonomi, politik, teknologi, ketenteraan dan pendidikan, dinilai berdasarkan kapitalis moden, penduduk peribumi telah tertinggal di belakang. Ini

nyata sejak abad ke-18 ke hadapan. Hal tersebut juga dikaitkan dengan keterbelakangan moral, intelektual, budaya dan sosial. Seluruh masyarakat peribumi digolongkan dalam pengertian yang negatif, termasuk dorongan untuk bekerja. Ideologi kolonial yang memberi ciri yang negatif kepada golongan peribumi sebahagiannya disebabkan keadaan di sekeliling penduduk peribumi. Mereka memang benar-benar lemah sejak abad ke-18. Kelemahan ini diperluas oleh ideologi kolonial untuk menutup moral dan peradaban. Kecenderungan memerosotkan peribumi tersebut seterusnya diperkuat dengan perasaan keunggulan suku bangsa yang berkuasa di Eropah pada masa itu. Perasaan adanya keunggulan suku bangsa tersebut begitu besar, bahkan ia mempengaruhi para penganut Komunisme dan kaum revolusioner lainnya, yang dianggap menentang penghisapan dan mengkhutbahkan persaudaraan sesama manusia.

Kecenderungan untuk memandang enteng peradaban Asia tampak dalam Marx dan Engels. Sikap mereka yang merendahkan diri, kesembronoan mereka tentang berbagai-bagai kenyataan, salah tafsiran mereka terhadap adat kebiasaan Asia, dan kebanggaan suku bangsa mereka, diungkap dengan jelas dalam tulisan mereka. Marx mengatakan dasar tertutup China sebagai hal yang kejam, mengabaikan kenyataan bahawa dengan penutupan itulah China telah membangun suatu peradaban yang agung.[70] Dalam kegelisahan terhadap berbagai-bagai perubahan besar, orang Timur terbiasa menimbun kekayaan.[71] Pandangannya tentang petani dan kehidupan pedesaan India yang mengungguli pentadbiran Kolonial Inggeris diungkap dengan nada yang menghina dan tidak sebagaimana mestinya. Perosakan masyarakat desa, yang dianggap setengah-dibudayakan, disanjung olehnya sebagai "satu-satunya revolusi sosial yang pernah terdengar di Asia." Inilah apa yang dikatakan Marx tentang desa India:

> Kini, yang memuakkan sebagaimana ada pada perasaan manusia, untuk memberi saksi terhadap ribuan manusia yang bukan ketua keluarga yang rajin, dan organisasi sosial yang tidak mengganggu itu, dikacaukan dan dileburkan menjadi kesatuan yang kecil, terlempar ke dalam laut kesengsaraan; dan pada saat yang sama keanggotaan individu kehilangan bentuk peradaban nenek moyang mereka dan cara hidup mereka yang turun-temurun; kita tidak boleh lupa bahawa masyarakat desa yang indah ini, tidak mengganggu, meskipun sekali-sekala muncul garangnya selalu menjadi dasar

> yang kuat daripada kelaliman Timur, bahawa mereka mengendalikan perasaan manusia dalam batas terkecil yang memungkinkan, menjadikannya sebagai alat tahyul yang tangguh, memperbudak dengan cara tradisional, membuang segala kekuatan, keagungan dan sejarah. Kita tidak boleh lupa egoisme barbar yang, memusatkan perhatian kepada sepetak tanah yang kering, telah secara diam-diam menyaksikan jatuhnya kaisar, pelaksanaan kekejaman yang tiada tara, penindasan penduduk kota-kota besar, tanpa pertimbangan lain yang melandasinya kecuali kerana kejadian alam, sesiapa sahaja mangsa penyerang yang tidak berdaya itu sendiri, yang akhirnya berkenan memerhatikannya. Kita tidak boleh lupa bahawa kehidupan yang tidak pantas ini, begitu-begitu sahaja, dan seperti benalu, bahawa keadaan yang pasif ini telah menular ke bahagian lain, yang bertentangan dengan berbagai-bagai usaha yang liar, tidak bertujuan, tidak kenal kalah, dan memasukkan pembunuhan itu sendiri ke dalam upacara agama kaum Hindustan. Kita tidak boleh lupa bahawa kelompok kecil masyarakat ini telah dinodai oleh perbezaan kasta dan perhambaan, bahawa mereka telah menundukkan manusia terhadap keadaan diluarnya daripada mengangkat manusia menjadi penguasa keadaan, bahawa mereka mengubah keadaan sosial yang berkembang menjadi takdir alam yang tidak pernah berubah. Dan kerana itu menimbulkan pemujaan yang ngawur terhadap alam, memperlihatkan kemerosotannya sebagai manusia, si penguasa dunia, runtuh bersujud memuja Hanuman, sang monyet, dan Sabablah sang lembu.[72]

Karl Marx, orang yang tidak pernah menginjakkan kakinya di bumi Asia, yang tidak pernah mengunjungi pedesaan India, tidak pernah menjumpai dan berbicara dengan orang India atau Asia dalam hidupnya, telah berani mengemukakan penilaian yang mulia seperti itu, memerosotkan desa India, petani India, dan agama Hindu. Peranan Inggeris di India sebagai kekuatan kolonial dipuji.

> Inggeris, katanya kiranya benar, dalam menimbulkan revolusi sosial di Hindustan, hanya digerakkan oleh kepentingan yang sangat hina dan bodoh dalam caranya melaksanakan semua itu. Tetapi bukan itu persoalannya. Persoalannya ialah, dapatkah manusia mengatasi nasibnya tanpa suatu revolusi yang mendasar dalam negara sosial Asia? Jika tidak, dalam apa pun kejahatan Inggeris, tanpa disedari ia merupakan alat sejarah dalam menimbulkan revolusi itu.[73]

Ini adalah metode, bahawa dia tidak menyalahkan Inggeris di India. Engels berkata tentang ketidaktahuan orang Timur, ketidaksabarannya, prasangkanya, dan perubahan keberuntungan dan penganak-emasan yang selalu terdapat di istana-istana Timur.[74] Bagaimana ketidaktahuan orang Timur, ketidaksabarannya dan prasangkanya dibezakan daripada gejala Barat yang sama, tidak dijelaskan, tetapi yang berasal dari Timur pastilah jauh lebih buruk. Meskipun dia menyerang Inggeris semasa perang China-Inggeris, dia melukiskan perang tersebut menurut pandangan orang Cina sebagai "perang yang terkenal untuk mempertahankan bangsa Cina, dengan segala prasangkanya yang suka memaksa, kebodohannya, terpelajar dan kebiadabannya yang menonjol, sesuka Andalah, tetapi masih tetap sebuah perang yang terkenal."[75] Oleh itu, bangsa Cina dicirikan dengan prasangka yang memaksa, bodoh, terpelajar dan biadab, ciri-ciri yang menurut Engels tidak terdapat negara-negara Eropah Barat. Dalam huraian mereka tentang masyarakat mereka sendiri, Marx dan Engels menggunakan istilah "kelas", untuk masyarakat yang lain mereka sering menggunakan istilah "suku bangsa". Oleh sebab itulah Engels menganggap apa yang disebutnya kaum Moro di Aljazair sebagai suku bangsa yang mempunyai moral yang sangat rendah.[76]

Engels, penganjur persaudaraan antarbangsa yang disegani menunjukkan dengan jelas adanya anggapan tentang kehebatan suku bangsa. Dia berbicara tentang mudah tertipunya orang Seltik sehubungan dengan politik Irlandia.[77] Dalam suratnya kepada Bernstein, seorang Jerman terhadap orang-orang Perancis dan Itali.[78] Dia bersetuju dengan kolonialisme, meskipun seorang sosialis. Dalam suratnya kepada Karl Kautsky pada tahun 1882, dia menulis sebagai berikut:

> Menurut pendapat saya, koloni yang sebenarnya, iaitu negara yang dijajah oleh orang Eropah, Kanada, Tanjung Harapan, Australia, semuanya akan merdeka. Di pihak lain, negara yang dihuni oleh penduduk peribumi, yang dengan mudah ditundukkan, India, Aljazair, milik Belanda, Portugis dan Sepanyol, harus diambil alih untuk sementara waktu oleh kaum proletar dan diketuai secepat mungkin menuju kemerdekaan. Bagaimana proses ini akan berkembang adalah sulit untuk diperkatakan.[79]

Dalam hal ini, pandangan Engels sama dengan mereka yang melakukan tugas pembudayaan, dengan satu perbezaan sahaja iaitu tugas

tersebut harus berbentuk sosial. Pandangan kolonialisme inilah yang telah menguasai kaum sosialis selama puluhan tahun. Saudaranya, Bernstein, secara terbuka menganjur kolonialisme Jerman, dengan menggunakan alasan yang aneh dan tidak logik. Bernstein berkata:

> Andaipun tidak patut dicela kerana menikmati hasil daripada berbagai-bagai perkebunan tropika, kita tidak dapat melakukan sendiri penanaman tersebut. Bukan iklimnya, tetapi kunci persoalannya adalah masalah lain yang menentukan. Tidak perlu dipertimbangkan bahawa penguasaan tanah oleh orang Eropah akan merugikan kaum peribumi dalam menikmati hidupnya, dan hingga kini hal tersebut selalu tidak menjadi persoalan. Lebih-lebih lagi, hanya hak bersyarat kaum biadab atas tanah yang mereka kuasai yang dapat diakui. Peradaban yang lebih tinggi pada akhirnya dapat menuntut hak yang lebih tinggi.[80]

Bernstein melontarkan pandangan para ahli bahawa hal ini adalah metode, bukan prinsip kolonialisme yang salah. Bernstein pemikir sosialis Marxis yang berpengaruh di Jerman. Logikanya aneh. Jika orang Jerman suka pisang tropika, maka negeri tropika diharuskan menanam pohon tersebut. Namun jika orang Jepun menggemari kentang Belanda maka tidak ada hak bagi orang Jepun untuk memaksa Belanda. Dalam Kongres Antarabangsa Stuttgart Kedua pada tahun 1907, Bernstein meminta perkenan Marx dan Lassale bagi pandangan prokolonialisnya. Perwalian sampai ketahap tertentu daripada kelompok masyarakat berbudaya terhadap yang tidak berbudaya, telah dianggap sebagai keperluan.[81] Ada perdebatan yang menyeru antara mereka yang mendukung dan menentang kolonialisme menurut pendirian mereka. Kautsky salah seorang sosialis terkemuka yang menentang kolonialsime. Tetapi Pertemuan Antarabangsa II Sosialis mengambil pandangan kaum reformis tentang kolonialisme, hanya mengutuk bentuk kapitalisnya sahaja. Selama 20 tahun ia telah menjadi pandangan sebahagian besar kaum sosialis tentang kolonialisme. Antikolonialismenya telah dibatasi ke model kapitalis pada masa itu, yang dikutuknya. Pada tahun 1928, Kaum Sosialis Antarabangsa menggunakan kebijaksanaan dalam Kongresnya di Brussels yang menegaskan perlunya pemerintahan sendiri dan kemerdekaan.[82]

Kebanyakan kaum sosialis pada masa itu, termasuk Marx dan Engels, tidak bebas daripada pandangan yang berkiblat ke Eropah.

Terlepas daripada kutukan terhadap ketidakadilan kapitalis, mereka memberikan pandangan dasar yang dangkal tentang sejarah, kebudayaan, agama, dan masyarakat dunia bukan-Barat. Kecenderungan, sikap tidak tahu dan sangkaan mereka pada dasarnya sama. Engels mengatakan bahawa Islam agama yang palsu, tanpa memberi sebarang penjelasan.[83] Meskipun mereka menganggap agama pada pokoknya tidak benar, tetapi mereka tidak menjelaskan Kristian sebagai agama yang palsu. Pernyataan untuk melukiskan gejala yang sangat buruk sering dipilih dari sejarah Timur, seperti ketika Engels menunjuk Rusia sebagai negara "yang dikelilingi dengan berkesan oleh dinding intelektual Cina yang ditegakkan dengan kezaliman."[84]

Kesan tersebut menunjukkan bahawa terdapat ragam Timur tentang sikap tidak tahu, kebodohan, tiada tolak ansur, dan kezaliman. Ragam ini dianggap lebih buruk daripada yang berhubungan dengan Barat. Demikian pula ketika Marx berbicara tentang masyarakat Timur, nadanya mengejek dan menghina. Inilah apa yang dikatakanya tentang orang Turki, salah satu bangsa Timur yang paling ulung:

> Cara mereka memajukan perdagangan, ketika mereka masih dalam keadaan asli mengembara, tercapai kerana merampok kafilah; dan kini saat mereka telah sedikit lebih beradab kemajuan tersebut tercapai kerana segala bentuk pemerasan yang semena-mena dan menindas. Singkirkan bangsa Turki dari Eropah, maka perdagangan tidak akan mengalami kemunduran. Dan mengenai kemajuan dalam peradaban umum, siapakah mereka yang memberikan kemajuan itu di seluruh bahagian Turki Eropah? Bukan orang Turki, kerana mereka sangat jarang, dan hampir tidak dapat dikatakan bisa bertempat tinggal di mana saja kecuali Konstantinopel dan dua tiga daerah desa kecil lainnya. Golongan menengah Greek dan Slavonic diseluruh kota dan pusat perdaganganlah yang menjadi penyokong nyata peradaban apa pun yang didatangkan dengan sah ke negeri tersebut.[85]

Seorang ideologi kolonial tidak dapat berbuat lebih baik dalam memerosotkan bangsa lain. Ia memberi kesan bahawa kekuatan Turki seharusnya dihapuskan. Lebih lanjut Marx memutarbalikkan al-Quran dengan mengatakan bahawa al-Quran membuat seluruh orang asing menjadi musuh. Jika dia telah membaca al-Quran maka akan jelas kepadanya bahawa al-Quran membezakan antara orang kafir yang bersahabat dengan yang dimusuhi. Kaum Muslim harus berkawan

dengan yang bersahabat. Dia menyindir kepercayaan Islam sebagai agama yang fanatik, tidak toleran dan terbelakang.[86] Tentang kelaliman di Rusia, "yang tidak menentu, kita tidak dapat membayangkannya di Barat," Engels menyebutnya kelaliman Timur.[87] Engels membahagi bangsa Eropah sebagai Rakyat yang bersejarah agung," seperti orang Itali, Poland, Jerman, Hungar, Perancis, Sepanyol, England dan Skandinavia, dan bangsa-bangsa yang tidak konsekuen seperti orang-orang Serbian, Kroasia, Ruthenia, Slovakia, Czeko dan lain-lain. Hak untuk membentuk negara yang merdeka diakui olehnya hanya bagi rakyat yang bersejarah agung.[88]

Sikap yang merendahkan diri dan sekali-sekali menghina dalam berbagai-bagai keadaan orang Asia merupakan gejala yang secara umum terdapat di kalangan para pemikir Eropah dengan gaya yang berbeza-beza, kaum monarki, revolusioner, ateis, beragama, konservatif, radikal, rasialis dan bukan-rasialis. Kesemuanya anak-anak pada masa dan kebudayaan mereka. Seorang revolusioner Rusia yang benar, seorang humanis, seperti V.G. Belinsky (1811–48), ketika sampai pada keadaan orang Asia, hilang akal yang sihat. Ada ungkapan terkenal yang menggunakan masyarakat Asia sebagai cemeti bulanan. Ia berkata "Kebanggaan nasional adalah perasaan yang agung dan mulia, keunggulan yang senyata-nyatanya; tetapi kecongkakan dan kelemahan nasional hanyalah perasaan masyarakat Cina."[89] Seperti para pendeta Sepanyol yang menyalahkan orang Filipina atas merosotnya moral orang Sepanyol, Belinsky menyalahkan kaum Tartar untuk apa yang dianggapnya sebagai ciri-ciri negatif kehidupan orang Rusia.

> Pemingitan wanita, perhambaan menurut fikiran dan perasaan, penyelewengan, kebiasaan menyembunyikan wang dalam tanah dan sanggup tampil dengan compang-camping kerana takut diketahui dirinya sebagai orang kaya, rasuah dalam suasana keadilan, cara hidup keAsiaan, malas mental, bodoh, menghinakan diri – pendek kata, segala sesuatu yang telah dihapuskan Peter Agung, segala sesuatu di Rusia yang secara langsung bertentangan dengan keEropahan – seluruhnya ini bukan ciri-ciri asli kita, tetapi dicangkukkan kepada kita oleh kaum Tartar.[90]

Pemikir dan humanis revolusioner Rusia yang besar lainnya, sangat maju fikiran dan perasaan keadilan sosialnya, Alexander Herzen (1812–70), mengungkapkan kelemahan yang sama pada saat harus

menilai masyarakat Asia. Orang Cina tenggelam dalam tidurnya. Penduduk India "menikmati usia dengan sebaik-baiknya dan mensia-siakan ketidakmampuan kepikunannya."[91] Ini semua berlainan daripada penduduk Rusia yang tidak mencapai pertumbuhan yang sempurna, tetapi selalu dalam masa perubahan. Untuk menunjukkan kekuatan yang berkiblat ke Eropah, rasa keunggulan suku bangsa dan kebudayaannya, sangat baik untuk menunjukkan kelompok yang darinya seseorang paling kurang dapat mengharapkan iaitu para pemikir sosialis dan radikal yang revolusioner dari Eropah.

Hingga Perang Dunia Kedua kelihatan adanya kecenderungan yang kuat di Eropah yang memandang dunia Asia dan bukan Eropah sebagai dunia yang rendah, tidak hanya secara teknologi dan keilmuannya tetapi juga secara moral, budaya dan agama. Peradaban Asia yang besar seperti Hindu, Buddha dan Islam, dinilai menurut ukuran Eropah zaman sekarang tidak menunjukkan kerendahan apa pun, kecuali dalam hal teknologi dan ilmu pengetahuan yang akhirnya mengakibatkan sistem organisasi produksi dan ekonomi yang tidak berkembang. Keunggulan Barat dalam bidang ini membangkitkan tuntutan bahawa hal ini juga bererti keunggulan segala bidang, dan ini pun diterapkan berlaku surut ke dalam sejarah. Perasaan unggul dan besar inilah kiranya yang telah menyebabkan penyimpangan sejarah oleh para penulis kolonial, penguasaan prinsip tanggungjawab yang salah letak dalam penulisan sejarah, penempatan peristiwa di luar konteks, dan pembangunan cerita tentang peribumi yang dikelirukan. Usaha-usaha masyarakat Eropah itu sendiri yang bertujuan membetulkan cerita ini, bagi memperkenalkan ukuran objektiviti dalam kajian tentang kehidupan dan adat kebiasaan peribumi, dilakukan dari semasa ke semasa tetapi hanya berhasil sedikit. Setelah Perang Dunia Kedua, seorang penulis Belanda meringkaskan keadaan tersebut. Ia berkata:

> Menjadi Barat dalam pendidikan dan fikiran, kita dengan mudah mengkritik atau menyalahkan adat dan kebiasaan yang erat hubungannya dengan mentaliti orang Timur. Apa yang tampak ganjil atau patut dicela bagi kita, selama berabad-abad telah sering membuktikan tidak hanya dapat diterima, tetapi juga memang satu-satunya pemecahan yang dapat dilaksanakan. Kenyataan bahawa Timur berbeza daripada Barat, seharusnya tidak secara automatis bererti membuang adat-istiadat Timur. Selama berabad-abad, anggapan dan tidak adanya pengetahuan ini telah menimbul-

> kan kesan yang sangat buruk tentang penduduk peribumi. Orang Portugis telah memperingat orang Belanda bahawa kaum peribumi tidak dapat dipercayai. Kesan yang buruk ini telah bertahan selama VOC berkuasa, meskipun ada beberapa pengecualian yang nyata.[92]

Antara Perang Dunia Pertama dan Kedua, ada suatu kepentingan sejati di kalangan para pentadbir kolonial yang berpengaruh untuk memperbaiki keadaan penduduk peribumi, baik di Indonesia mahupun Malaysia. Tetapi dasar perbaikan ini berada dalam struktur hierarki kolonial. Sebagaimana yang telah kita sebutkan di muka, bukanlah maksud kita untuk menilai manfaat kolonialisme yang dapat dipertimbangkan hanya setelah Perang Dunia Pertama. Ada empat bidang yang menjelaskan persoalan manfaat tersebut, iaitu bidang pendidikan, bidang kesihatan, bidang mata pencarian, dan bidang kedudukan dan kekuasaan. Kita menilai tindakan kolonial itu berfaedah jika hal tersebut memperbaiki keadaan di keempat-empat bidang tersebut. Apakah penduduk peribumi telah memperoleh manfaat di bidang-bidang ini? Sebelum Perang Dunia Pertama pasti tidak. Setelah Perang Dunia Pertama, ada pembaikan di sana-sini, seperti apabila sebuah sekolah atau rumah sakit dibina. Tetapi tindakan ini, langkah kembali ini, harus dinilai dalam seluruh kaitan keuntungan dan manfaat yang diperoleh kuasa kolonial dari negeri jajahan tersebut, dan biaya sejarah dan sosial negeri yang berkaitan. Biaya sosial ini menghancurkan golongan pedagang, hilangnya kebebasan untuk bergaul dengan berbagai-bagai bangsa dan negara, hilangnya golongan penguasa peribumi, hilangnya mobiliti golongan peribumi dan kedudukan mereka yang akan berpengaruhan pada zaman moden yang semestinya tidak dilarang oleh kolonialisme. Kajian tentang kuasa kolonial menurut para penulis kolonial telah memusatkan perhatian kepada kolonialisme sebagai alat perubahan sosial, di samping ada juga sisi lainnya. Kolonialisme telah merintangi perubahan sosial. Kolonialisme telah mempertahan unsur-unsur feudal dalam masyarakat tradisional disamping mengubah tata feudal sehingga sesuai dengan tujuan mereka.

Cerita tentang peribumi yang dicipta oleh kolonialisme telah menjadi penghalang bagi suatu pemahaman yang mendalam dan sejati tentang kehidupan peribumi. Cerita ini, seperti yang telah kita tunjukkan terdahulu, masih berpengaruh hingga kesaat ini. Dengan demikian

berhubungan dengan pengamatan yang lebih dalam tentang asal dan fungsi cerita kolonial tentang peribumi. Penjelasan tentang akar ideologi cerita ini terpaksa, tidak ada cara lain, kecuali menganggapnya sebagi usaha untuk membangunkan cerita yang sebaliknya, cerita tentang kesempurnaan. Terdapat banyak kelemahan dalam masyarakat peribumi sekarang dan pada masa silam, dan salah satunya adalah tidak adanya komuniti intelektual yang berkesan dan berfungsi.[93] Sebelum kedatangan orang Eropah pada abad ke-16, tidak terdapat masyarakat intelektual yang berfungsi di Filipina, Indonesia dan Malaysia. Beberapa catatan tentang kegiatan intelektual di Pasai dan Melaka memang ada, tetapi tidak menunjukkan adanya komuniti intelektual yang berfungsi secara sosial seperti di Yunani kuno dan Itali pada abad ke-15. Ini hanya untuk menunjukkan bahawa tidak semua kelemahan masyarakat peribumi harus dihubungkan dengan kolonialisme, kerana ternyata adanya hal tersebut, seperti komuniti intelektual, merupakan hal yang diingini menurut pandangan pembangunan. Juga tidak dimaksudkan di sini untuk mencipta cerita yang umum dan serba sama tentang peribumi di Asia Tenggara. Kita tidak mencuba menelaah keperibadian yang lengkap dan terperinci serta kebudayaan peribumi, suatu kajian nasional. Ada perbezaan besar antara orang Jawa dengan orang Melayu, tetapi perbezaan ini dengan taraf yang berlainan. Kesemuanya tidak menunjukkan ciri yang dipilih menurut ideologi kolonial, seperti malas, licik, tidak memiliki keaslian, dan sebagainya. Namun yang demikian, ideologi kolonial telah mencuba menciptakan cerita yang serba sama dan negatif tentang peribumi. Penguasaan cerita ini ke akar ideologinya dan berbagai-bagai keadaan di sekelilingnya, merupakan tugas dewasa ini.

---

1 J.C. Baud, 1851. "Proeve van Eene Geschiedenis van den Handel en het Verbruik van Opium in Nederlandsch Indie," hlm. 91, BTLVNI, jil. 1.

2 *Ibid.*, hlm. 145.

3 J.F. van Bemmelen, 1919. "Opium," dlm. D.G. Stibbe (ed), *Encyclopaedie van Nederlandsch-Indie*, III. Leiden: Martinus Nijhoff, E.J. Brill, hlm. 158.

4 W.W. Willoughby, 1925. *Opium as an International Problem*, Baltimore John Hopkins Press, hlm. 112.

5 Theodore Christlieb, 1881. *The Indo-British Opium Trade and the Effect.*

David B. Croom, (pent). London: James Nisbet, hlm 22.

6 Ellen N. la Motte, *The Ethics of Opium*, hlm. 53, 62, *op. cit.*

7 W.W. Willoughby, *op.cit.*, hlm. 18.

8 Untuk angka-angka Filipina periksa *Use of Opium and Traffic Therein*, hlm. 160, Senate Document no. 265, 59th Congress, 1st Session, Government Printing Office, Washington. Untuk negeri-negeri Selat. Lihat M. van Geuns, *De Opium Cultuur in Nederlandsch-Indie, eene Nieuve Bron van Inkomsten*, hlm. 54, J.H. de Bussy, Amsterdam, 1903.

9 Tj. J. Addens, 1939. *The Distribution of Opium Cultivation and the Trade in Opium*, Haarlem: Enschede en Zonen. hlm. 85, 86.

10 Dari *Report, East Indian Finance*, 1871, no. 5097, dlam J.F.B. Tinling, *The Poppy-Plague and England's Crime*, hlm. 7, Elliot Stock, London.

11 *Ibid.*, hlm. 7.

12 Dikutip dlm. W.W.Willoughby, *op. cit.*, hlm. 85-86, dari *Proceedings of the Committee appointed by His Excellency the Governor and High Commissioner to enquire into Matters relating to the Use of Opium in British Malaya*, hlm. A54, Government Printing Office, Singapore, 1924.

13 W.W. Willughby, *op. cit.*, hlm. 86.

14 Alleyne Ireland, 1905. *The Far Eastern Tropics*, London: Archibald Coustabel, hlm. 47.

15 *Ibid.*, hlm. 47.

16 H.H. Sultzberger (ed.), 1884. *All about Opium*, London: (tidak disebutkan penerbitnya) hlm. 104-145. Ini berisi antara lain, intisari dari England, China, and India, oleh Sinibaldo de Mas, Paris, 1858.

17 T.S. Raffles, *Memoir*, jil. 2, hlm. 173.

18 F. de Haan, *Oud Betawi*, Bandoeng: A.G. Nix, hlm. 450-53.

19 T.S. Raffles, 1965. *The History of Java*, London: Oxford University Press, jil. 1, hlm. 76.

20 *Ibid.*, hlm. 63. Tentang perhambaan lihat juga D.G. Stibbe (ed.), 1919. Encyclopaedia van Nederlandsch-Indie, art. "Slavernij," Leiden: Nijhoff, Brill, The Hague, jil. 3.

21 T. Braddell, 1857. "The Europeans in teh Indian Archipelago in teh 16th and 17th centuries," JIAEA, New Series, Singapore, jil. 11, no.4 hlm.329.

22 *Ibid.*, hlm. 328-329.

23 Alleyne Ireland, *The Far Eastern Tropics*, hlm. 115-116, *op. cit.*

24 *Ibid.*, hlm. 116. Menurut sejarah, penjelasannya tidak tepat. Kaum Melayu benar-benar bekerja untuk pemerintah di Negeri-negeri Melayu, dan di Negeri-negeri Selat.

25 Benjamin Kidd, 52 *The Control of the Tropics*. New York: Macmillan, hlm. 52.

26 *Ibid.*, hlm. 51.

27 *Ibid.*, hlm. 50.

28 *Ibid.*, hlm. 96-97.

29 G. Gonggrijp, 1928. *Schets-eener Economicsche Geschiedenis van Nederlandsch-Indie*. Haarlem: Erven F. Bohn, hlm. 3. Terjemahan saya.

30 *Ibid.*, hlm. 5-6.

31 G.H. Nadel, P. Curtis (ed.), 1964. *Imperialism and Colonialism.* New York. Macmillan, hlm. 25.

32 Definisi paling singkat tentang prasangka adalah "berfikir buruk tentang yang lain tanpa cukup kebenaran." Lihat Garden W. Allport, *The Native of Prejudice*, hlm. 6, Addison-Wesley, Massachusetts, 1966.

33 Parker T. moon 1937. *Imperialism and World Politics.* New York, Macmillan, hlm. 525.

34 *Ibid.*, hlm. 537.

35 Leopold Ainsworth, 1933. *The Confessions of a Planter in Malaya.* London: Wither, hlm. 53—4.

36 C.D. Aheasne, 1932, *Annual Report of the Labour Department for the Year 1931.* Kuala Lumpur: Federated Malay States, hlm. 19-20.

37 C. Wilson 1938. *Annual Report of the Labour Department, Malaya, for the Year 1937.* Kuala Lumpur: Federated Malaya States Government Press, hlm. 72.

38 B.O. Stoney, "The Malays of British Malaya," dalam Arnold Wright (peny.), *Twentieth Century Impressions of British Malaya, op. cit.*,

39 C. Wilson 1939, hlm. 228. *Annual Report of the Labour Department, Malaya, for the Year 1938* Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Press, hlm. 76.

40 Leopold Ainsworth, *op. cit.*, hlm. 46-7. Tarikh kejadian ini tidak diberikan tetapi buku tersebut diterbitkan pada tahun 1933.

41 *Ibid.*, hlm. 47.

42 *Ibid.*, hlm. 71.

43 M. Watson, 1921 *The Prevention of Malaria in the Federated Malay States.* London: John Murray, hlm. 102.

44 Angka-angka dasar diolah dari *Handbook of British Malaya 1930*, Malayan Information Agency, London (tidak bertarikh). hlm. 189.

45 J.T. Simmons, T.F. Whayne, G.W. Anderson, H.M. Horacle, 1944. London: *Global Epidemiology*, vol. 1. hlm. 169, 171.

46 *Ibid.*, hlm. 164.

47 *Ibid.*, hlm. 169.

48 *Ibid.*, hlm. 173.

49 M. Watson, *op. cit.*, hlm. 39.

50 *Ibid.*, hlm. 94.

51 *Ibid.*, hlm. 48.

52 *Ibid.*, hlm. 42.

53 ADRESS 1907, Singapore: Government Printing Office, hlm. 455.

54 Arnold Wright, *op. cit.*, hlm. 247

55 SSAR 1887, Singapura: Government Printing Office, hlm. 163. Sayang sekali jumlah penduduk dan perincian mengikut tidak diberikan.

56 ADRSS 1907, *op. cit.*, hlm. 394.

57 *Ibid.*, hlm. 308.

58 *Ibid.*, hlm. 396, 400.

59 ADRSS 1927, hlm. 619, 623.

60 *Ibid.*, hlm. 625.

61 *Ibid.*, hlm. 733.

62 ADRSS 1937, jil. II (1939) hlm. 1002.

63 SSAR 1887, *op. cit.*, hlm. 136.

64 Untuk angka-angkanya teliti *ibid.*, hlm. 1033–4.

65 ADRSS 1907, *op. cit.*, hlm. 41.

66 C.A. Vlieland, 1932. *A Report of the 1931 Census and on certain Problems of Vital Statistics*. London: Malayan Information Agency, hlm 128, Jadual 10.

67 *Ibid.*, Disalin dari Jadual III, hlm. 232-3, dan dibulatkan hingga paling mendekati seribu.

68 Untuk angka-angka di atas, lihat ADRSS 1937, *op.cit.* jil. II, hlm. 104, 82, 87, 145, 31, 30, 32.

69 *Ibid.*, jil. I, hlm 243.

70 Karl Marx, 1968. Frederick Engels, *On Colonialism*. Moscow. hlm. 19.

71 *Ibid.*, hlm. 23.

72 *Ibid.*, Dari *New York Daily Tribune*, 25 Jun 1853. hlm. 40-41.

73 *Ibid.*, hlm. 41.

74 *Ibid.*, hlm. 122.

75 *Ibid.*, Dari *New York Daily Tribune*, 5 Jun 1857, hlm. 124.

76 *Ibid.*, hlm. 156.

77 *Ibid.*, hlm. 264.

78 *Ibid.*, "dalam segala persoalan tentang politik antara bangsa, suratkabar golongan sentimental Perancis dan Itali harus digunakan dengan ketidakpercayaan sepenuhnya, dan kita orang Jerman berkewajiban menjaga keunggulan teoretis kita melalui kritikan dalam bidang ini juga."

79 *Ibid.*, hlm. 341.

80 Eduard Bernstein, 1963. *Evolutionary Socialism*, Pent. E.C. Harvey. New York: Schocken Books, hlm. 178-9

81 H.C. D'Encasse, S.R. Schram (peny.) 1969. *Marxism and Asia*. London: Allen Lane/The Penguin Press, hlm. 130.

82 Julius Braunthal, 1966. *History of the International 1864–1914*, Pent. H. Collins, K. Mitchell, Thomas Nelson. London, hlm. 319.

83 Karl Marx dan Frederick Engels, *Selected Correspondence*, Moscow: Foreign Languages Publishing House, (tidak bertarikh setelah tahun 1953). Agama menurut Marx dan Engels adalah suatu khayalan. Agama lahir di luar batas manusia. Kebahagiaan yang diciptakannya hanyalah sama belaka. Agama merupakan candu bagi umat. Karl Marx dan Frederick Engels, 1966. *Religion*. Moscow: Progress Publishers.

84 *Ibid.*, hlm 561. Surat kepada Plekhanov, Februari 1895.

85 Karl Marx dan Frederick Engels, *The Russian Menace to Europe*, hlm. 137–8. Disunting dan dipilih oleh P.W. Blackstock, B.F. Hoselitz, 1952, Glencoe, Illinois. Free Press. Judulnya dipilih oleh para pepenyunting. Karya ini merupakan pilihan tulisan, pidato, dan warta berita. Petikan berasal dari *New York Tribune*, 19th April 1853.

86 *Ibid.*, *New York Tribune*, 15 April, 1854. hlm. 142–3.

87 *Ibid.*, hlm. 215. Tulisan dalam *Volkstaat*, Leipzig, 21 April 1875.

88 *Ibid.*, Tulisan dalam *Commonwealth*, 24, 31, March, 5 April 1866, hlm. 99–100.

89 V.G. Belinsky, *Selected Philosophical Works*. Moscow: Foreign Languages Publishing House, hlm. 125.

90 *Ibid.*, hlm. 127.

91 Alexander Herzen, 1956. *Selected Philosophical Works*, Pent. L. Navrozov. Moscow: Foreign Languages Publishing House. hlm. 481.

92 D.W. van Welderen Rengers, 1947. *The Failure of a Liberal Colonial Policy*. The Hague: Martinus Nijhoff. hlm. 41.

93 Saya telah membicarakan masalah ini dalam buku yang lain tentang kaum intelektual dalam masyarakat yang sedang berkembang. Di sana kekurangan masyarakat Asia dikaji. Dilakukan pemisahan antara yang muncul dari kolonialisme dengan yang dari sejarah peribumi. Lihat Syed Hussein Attas, 1977. *Intellectuals in Developing Societies*. London: Frank Cass.

Bibliografi

Abdul Rahman, S., 1971. *Revolusi Mental*. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu.

Abdullah, D.S.R., 1927. "The origin of pawang and berpuar ceremony" dlm *JMBRAS*, jil. V, bhg 2, November 1927.

Addens, Tj. J., 1939. *The Distribution of Opium Cultivation and the Trade in Opium*. Haarlem: Enschede en Zonen.

ADRSS 1907, 1908. Singapura: Government Printing Office.

ADRSS 1927, 1928. Singapura: Government Printing Office.

ADRSS 1937, 1939. Singapura: Government Printing Office, jil 1, 2.

Agoncillo, T.A, 1960. *Malolos*, Quezon City: University of the Philippines.

1963. "Rizal and the Philippine Revolution", dlm Leopoldo Y. Yabes (ed), *Jose Rizal on His Centenary*. Quezon City: University of the Philippines.

Agustin, Gaspar de San. "Letter on the Filipinos", dlm Blair E.H, Robertson J.A. (ed), *The Philippine Islands 1943–1989*, jil. XL, 1690–1691. Clark. A, Cleveland, Ohio, 1903–1909.

Ahearne, C.D., 1932 *Annual Report of the Labour Department for the Year 1931*. Kuala Lumpur: Federated Malay States.

Ainsworth, 1933. *The Confession of a Planter in Malaya*. London: Witherby.

Alatas, S.H., 1968. *The Sociology of Corruption*. Singapura: Donald Moore.

_________, 1971. *Thomas Stamford Raffles (1781–826): Schemer or Reformer?* Singapura/Sydney: Angus and Roberton.

_________, 1959. "Erti kemajuan masyarakat" dlm *Utusan Melayu*, 7 Oktober 1959, Kuala Lumpur.

_________, 1960. "Sekitar bahasa dan kebudayaan Melayu", dlm *Dewan Bahasa*, Februari 1960, Kuala Lumpur: DBP.

__________, 1965 *"Sejarah Melayu* berisi unsur-unsur yang tidak sihat dari segi falsafah perjuangan Islam" dlm *Angkatan Baru,* Oktober, 1965, Kuala Lumpur.

__________, 1965. "Collective representations and economic development", dlm. *Kajian Ekonomi Malaysia,* jil. II, no. 1. Kuala Lumpur.

__________, 1969. "Modernization and national consciousness', dlm Ooi Jin Bee, Chiang Hai Ding (ed), *Modern Singapore.* University of Singapura: Singapore. 1972. *The Second Malaysia Plan 1971–1975: A Critique* Singapura: Occasional Paper no. 15, Institute of Southeast Asian Studies ocassional Paper No. 15.

__________, 1972. *Siapa yang Salah.* Singapura: Pustaka Nasional. (In Malay).

__________, 1972. "Eliminate social greed", dlm. *PHP (Peace, Happiness, Prosperity).* Tokyo.

__________, 1968. "The grading of occupational prestige amongst the Malays in Malaysia", *JMBRAS,* jil. XLI, bhg. 1.

__________, 1963. "The Weber Thesis and Southeast Asia", dlm. *Archives de Sociologie des Religions,* no. 15. Paris.

__________, 1970 "Religion and Modernization in Southeast Asia", dalam *Archives Europeennes de Sociologie,* XI.

__________, 1969 "Some Comments on Islam and Social Change in Malaysia', dalam *International Yearbook for the Sociology of Religion,* Cologne: jil. 5.

__________, 1964, "Theoretical Aspects of Southeast Asian History', dalam *Asian Studies,* Manila: jil. 2, no. 2.

__________,1972, *Modernization and Social Change.* Sydney: Angus and Robertson.

D'Albequerque, Alfonso, 1880. *The Commentaries of the Great Alfonso D'Albequerque,* W. de Gray Birch (penterjemah, editor). London: Hakluyt Society, jil. III.

Ali Abdullah Yusuf, 1946. *The Holy Quran,* jil 1–2. New York: Khalil Al-Rawaf.

Allport, Gordon W., 1960. *The Nature of Prejudice.* Massachusetts: Addison-Wesley.

Allen, G.C., Donnithorne, A.G., 1957. *Western Enterprise in Indonesia and Malaya.* London: Allen and Unwin.

Andreski, Stanislav, 1964. *The Uses of Comparative Sociology.* Berkeley dan Los Angeles: University of California Press.

Andreski, Stanislav, 1966. *Parisitism and Subversion.* London: Weldenfeld dan Nicolson.

Angelino, A.D.A. de Kat, 1931. *Colonial Policy*. 2 jid, terjemahan G.J. Renier. The Hague: Martinus Nijhoff.

Anson, A.E.H., 1920 *About Others and Myself*. London: John Murray.

Alzona, E., 1964. *Selected Essays and Letters of Jose Rizal*. Manila: Rangel and Sons.

Arsalan, Shakib, 1952. *Our Decline and Its Causes*, terjemahan M.A. Shakoor. Lahore: Muhammad Ashraf.

Arsalan, Shakib, 1967. *Mengapa Kaum Muslimin Mundur dan Mengapa Kaum Selain Mereka Madju*, diterjemah ke dalam bahasa Indonesia oleh H. Moenawar Chalil. Jakarta: Bulan Bintang.

Balestier, J., 1848. "View of the States of Agriculture in the British possessions in the Straits of Malacca", dlm. *JIAEA*.

Ballard, G.A., 1927. *Rulers of the Indian Ocean*. London: Duckworth.

Barbosa, Duarte, 1921. *The Book of Duarte Barbossaa*, M.L. Dames (penterjemah, editor). London: Hakluyt Society, jil. 2, siri kedua no. 49.

Bastin, J., 1957. *The Native Policy of Sir Stamford Raffles in Jawa and Sumatra*. London: Oxford University Press.

Battuta, Ibn. 1929 *Travels in Asia and Africa 1325–1354*, terjemahan H.A.R. Gibb. London: George Routledge.

Baud, J.C., 1857. "Proeve van eene Geschiedenis van den Handel en het Verbruick van Opium in Nederlandsch Indie" dlm. *BTLVNI*, jil. 1.

Baumgarten, F.L, 1849. "Agriculture", dlm. *JIAEA*, jil 3.

Belinsky, V.G. 1956 *Selected Philosophical Works*. Moscow: Foreign Languages Publishing House.

Bemmelen, J.F. van., 1919. "Opium", dlm. D.G. Stibbe, (ed), *Encyclopaedie van Nederlandsch-Indie*, jil. III. The Hague: Martinus Nijhoff, E.J. Brill.

Benedetto, L.F., 1950. *The Travels of Marco Polo*, terjemahan Aldo Ricci. London: Routledge-Kegan Paul.

Benedict, Ruth, 1967. *The Chrysanthemum and the Sword*. London: Routledge dan Kegan Paul.

Bernstein, Eduard, 1963. *Evolutionary Socialism*, terjemahan E.C. Harvey. New York: Schoeken Books.

Bird. Isabella L., 1833. *The Golden Chersonese* Kuala Lumpur: Oxford University Press: cetak ulang daripada terbitan 1833.

Blagden, C.O., 1927. "Report of Governor Balthasar Bort on Malacca 1678", dlm. *JMBRAS*, 1927, jil V.

Blair, E.H., Robertson, J.A. (ed), 1903–1901 *The Philippine Islands 1493–*

1898. Ohio: A.H. Clark, Cleveland. jil XI.

Bleackley, J.T., 1928 *A Tour in Southern Asia*. London: John Lane.

Blythe, W.I., 1947. "Historical Sketches of Chinese Labour in Malaya", dlm. *JMBRAS*, Jun, jil. XX, bhg 1.

Boeke, J.H, 1961. "Dualistic Economics", dlm. *Indonesian Economics*. The Hague: W. van Hoeve.

1946. *The Evolution of the Netherland Indies Economy*. New York: Netherlands and Netherlands Indies Council/Institute of Pacific Relations.

1948. *The Interest to the Voiceless Far East*. Leiden: Universitaire Pers Leiden.

Bosch, J. van den., 1864. "Memorie van den Commissaris-General J. van den Bosch", dlm. *BTLVNI*. Amsterdam, jil. 7 no. 11.

Bowrey, Thomas, 1905. *A Geographical Account of Countries round the Bay of Bengal*, disunting oleh R.C. Temple. Cambridge: Hakluyt Society.

Bowring, Sir John, 1859. *A Visit to the Philippine Islands*. London: Smith, Elder.

Boxer, C.R., 1969. *The Portuguese Seaborne Empire*, London: Hutchison.

Braddell, T., 1856. 'Gambling and Opium Smoking in the Straits of Malacca', *JIAEA*, New Series, jil. 1. hlm 66–83.

1857. "The Europeans in the Indian Archipelago in the 16th and 17th Centuries", dlm *JIAEA*, New Series, jil. II. no. 4.

Braunthal, Julius, 1966. *History of the International 1864–1914*, terjemahan. H. Collins, K. Mitchel. London: Thomas Nelson.

Brooke, James, 1848. *Narrative of Events in Borneo and Celebes*, London: John Murray. jil, 1

Brown, J. Macmillan, 1914. *The Dutch East Indies*. London: Kegan Paul, Trench, Trubnber.

Boxer, C.R., 1969. *The Portuguese Seaborne Empire*. London: Hutchison.

Burger, H.D., 1939. *De Ontsluiting van Java's Binnenland voor het Wreldvekeer*. Wageningen: Veeman en Zonen.

Cabaton, A., 1911. *Java, Sumatra, and the Other Islands of the Dutch East Indies*, terjemahan B. Mall. London: Fischer Unwin.

Cadday, Florence, 1889. *To Siam and Malaya*. London: Hurst and Blackett.

Cameron, John, 1869. *Our Tropical Possessions in Malayan India*. London: Smith, Elder.

Campbell, D.M., 1915. *Java: Past and Present*. London: Heinemann, jil. 1, 2.

Careri, G.F.G., 1963. *A Voyage to the Philippines*. Manila: Filipiana Book Guild.

Careri, G.F.G., *A Voyage Round the World*. (Penterjemah dan penerbit tidak diketahui).

Carletti, Francesco., 1964. *My Voyage Round in the World*, terjemahan H. Weinstock. New York: Pantheon Books. (A 16th century account of a Florentine merchant who visited the East Indies.)

Caute, David., 1967. *Essential Writings of Karl Marx*. London MacGibbon and Kee.

Chernyak, Y. 1968. *Advocates of Colonialism*, terjemahan T. Kapustin. Moscow: Progress Publishers.

Chirino, Pedro., 1969. *The Philippines in 1600*, terjemahan Ramon Echevarria. Manila: Historical Conservation Society XV.

Chong-Yah, Lim, 1957. *Economic Development of Modern Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Christlieb, Theodore., 1881. *The Indo-British Opium Trade and The Effect*, terjemahan David B. Croom. London: James Nisbet.

Clifford, Hugh, 1891. 'A New Collection of Malay Proverb, dlm *JSBRAS*, no. 24.

1927. *In Court and Kampong*. London: The Richards Press.

1898. *Studies in Brown Humanity*. London: Grant Richards.

1903. "Rival Systems and the Malayan Peoples" dlm *North American Review*.

1928. *Heroes in Exile*, London: John Murray.

Colenbrander, H.T., 1916. Stokvis, J.E. (eds.), *Leven en Arbeid van Mr. C. Thvan Deventer*. Amsterdam: Van Kampen, jil. 2

Cool, W., 1934. *With the Dutch in the East*. London: Java Head Bookshop.

Coope, A.E., 1949. *The Voyage of Abdullah*. Singapura: Malaya Publishing House.

Costa, H. de la., 1961. *The Jesuits in the Philippines 1581–1768*. Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press.

Connolly, W.E. 1967. *Political Science and Ideology*. New York: Atherton Press.

Constantino, Renato, 1970. *Dissent and Counter-Consciousness*. Quezon City: Malaya Books.

Craig, Austin dan Benitez, Conrado, 1916. *Philippine Progress Prior to 1898*. Manila: Philippine Education.

Crawfurd, J., 1820. *History of the Indian Archipelago*. Edinburgh: Archibald Constable, jil 1.2.

1828. *Journal of an Embassy from the Governor General of India to the Courts of Siam and Cochin China exhibiting a view of the Actual State of those Kingdoms*. London: Henry Colburn.

Dampier. William. 1931. *Voyages and Discoveries*. London: Argonaut Press.

Dannenfelt, Karl H. (ed), 1959. *The Renaissance*. Boston: Heath.

Davidson, J.F., 1846. *Trade and Travel in the Far Eaast*. London: Madden and Malcolm.

Day. Clive, 1966. *The Dutch in Java*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

d'Encasse, H.C.; Schram, S.R. (eds.), 1969. *Marxism and Asia*. London: Allen Lane/The Penguin Press.

Deutsher, Isaac (ed), 1964. *The Age of Permanent Revolution: A Trotsky Anthology*. New York: Del.

Deventer. M.L. van. 1886, 1887 *Geschiedenis der Nederlanders op Java*. Haarlem: Tjeenk Willink, jil. 1, 2.

Deventer, M.L. Van (ed). 1891. *Het Nederlandsch Gezag over Java en Onderhoorigheden sedert 1811*. 's-Gravenhage: Martinus Nijhoff.

Dharmapala, Anagarika, 1965. *Return to Righteousness*, Ananda Guruge (ed). Ceylon: Ministry of Education and Cultural Affairs.

Dokumen senat no. 265, Kongres yang ke- 59, penggal pertama "Use of Opium and Traffic Therein", 1906. Washington: Government Printing Office.

Doornik, J.E, 1826. *Vrijmoedige Gedachten over Neerlands Indie en over de Regering van den Gaouverneur-Generaal van der Capellen*. .Amsterdan: Sulpke.

Doren, Charles Van, 1967. *The Idea of Progress*. New York: Praeger.

Drewes, G.W.J., 1961. De Biografie van een Minangkabause Peperhandelaar in de Lampongs' dalam *VKITLV*, 's-Gravenhage: Martinus Nijoff, jil. 36. Teks dalam bahasa Belanda dan Melayu.

Earl, G.W., 1851. "Steam Routes through the Indian Archipelago" dlm *JIAEA*, 441–450, jil. V. hlm 441–450,

Earl, G. Windsor, 1863. "Handbook for the Colonists in Tropical Australia", dalam *JIAEA*, New Series, jil IV.

Easton, L. D.; Guddat. K.H. (penterjemah, editor), 1967. *Writings of the Young Marx on Philosophy and Sociology*. New York: Double Day.

Eaton, B.J., 1923. "Agriculture", dlm. R.O. Windstedt, (ed), *Malaya*. London: Constable.

Eredia, E.G. de, 1930 "Description of Malacca and Meridonial India and Cathay', terjemahan J.V. Mills, dlm. *JMBRAS*. April 1930 jil VIII, bhg 1.

Evans, H., 1949. *Men in the Tropics*. London: William Hodge.

Fanfani, Amintore, 1938. *Catholicism, Protestantism and Capitalism*. London: Sheed and Ward.

Fanon, Frantz, 1959. *Studies in Dying Colonialism*, terjemahan H. Chevalier, New York: Monthly Review Press.

Fanon, Frantz, 1967. *Toward the African Revolution*, terjemahan H. Chevalier. New York: Monthly Review Press.

Fanon, Frantz, 1965. *Black Skin White Masks*, terjemahan C. Markmann. London: MacGibbon and Kee.

Fanon, Frantz, 1965. *The Wretched of the Earth*, terjemahan C. Farrington. London: MacGibbon and Kee.

Filet, P.W., 1895. *De Verhouding der Vorsten op Java tot de Nederlandscht Indische Regeering*. 's-Gravenhage: Martinus Nijhoff.

Final Report of the Rice Committee, 1956. Kuala Lumpur: Federation of Malaya Government Press.

Fores-Ganzon, Gudalupe, 1967. *La Solidaridad, vol. 1, 1889*. Diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris daripada bahasa Sepanyol. Quezon City: University of the Philippine Press.

Foster, William (ed.), 1943. *The Voyage of Sir Henry Middleton to the Moluccas 1604–1606*. London: Hakluyt Society, siri kedua LXXXVIII.

Fryke, C. dan Schweitzer, C., 1929. *Voyages to the East Indies*. London: Cassel.

Furnivall, J.S. 1939. Netherlands India. London: Cambridge University Press.

Furnivall, J.S., 1948. *Colonial Policy and Pratice*. London: Cambridge University Press.

Galaisiere, G.J. H.J.B. Le Gentil de la, 1963. *A Voyage to the Indian Seas*. Manila: Filipiana Book Guild.

Gatmaitan, M.S., 1965. *Marcelo H. del Pilar*. Quezon City: Munnoz Press.

Geuns, M. van, 1903. *De Opiumcultuur in Nederlandsch-Indie, eene Nieuwe Bron van Inkomsten*. Amsterdam: J.H. de Bussy.

Goens, Rijckloff van, 1856. 'Reijsbeschrijving van den Weg uijt Samarangh nae de Konincklijke Hoofdplaets Mataram'. *BTLVNI*, jil. 4 hlm. 307–350.

Goens, Ryckloff V. van, 1856. "Corte Beschrijvinge van't Eijland Java's", dlm *BTLVNI*, jil. 4.

Gonggrijp, G., 1928. *Schets eener Economische Geschiedenis van Nederlandsch-Indie*. Haarlem: Bohn.

Gonggrijp. G.L. 1944. *Brieven van Opheffer*. Maastrich: Leiter-Nypels.

Gonggrijp, G. 1961. 'Value Curves and the Lowest Level of the Indies Economy', dalam *Indonesian Economics*. The Hague: Van Hoeve.

Gorer, Geoffrey, 1936. *Bali and Angkor*. London: Michael Joseph.

Graaf, H.J. de., 1961, 1962. 'De Regering van Sunan Mangku-Rat I Tegal-Wangi, Vorst van Mataram', dlm *VITLV*, Martinus s-Gravenhage: Nijhoff, dua jilid, 33, 39.

Graaf, H.J. de, 1958. 'De Regering van Sultan Agung, Vorst van Mataram', dlm *VKITLV*, XXXIII, 's-Gravenhage: MartinusNijhoff.

Gras, N.S.B., 1953. "Capitalism – Concepts and History", dlm F.C. Lane, J.C. Riemersma, (ed), *Enterprise and Secular Change*. Illinois: Richard D. Irwin.

Groeneveldt, W.P., 1876. *Notes on the Malay Archipelago and Malacca compiled from Chinese Sources*. Batavia: W. Bruining.

Guerreiro, J.J. de Vllez, 1935. "A Portuguese Account of Johore", terjemahan T. D Hughes, dlm *JMBRAS*, jil. XIII, bhg 2, Oktober 1935.

Gullick, J.M., 1960. *A History of Selangor*. Singapura: Eastern University Press.

Gullick, J.M., 1956. *The Story of Early Kuala Lumpur*. Singapura: Donald Moore.

Haan, de, 1935. *Oud Batavia*. Bandung: A.G. Nix.

Haan, F. de, 1910–1912. *Priangan*, Batavia: Bataviasch Genootschap van Kunsten en Wetenschappen, jil 1–4.

Hamilton, Alexander, 1930. *A New Account of the East Indies*. London: Argonaut Press, dua jilid.

Handbook of British Malaya 1930. London: Malayan Information Agency. (tanpa tarikh).

Handbook of the Netherlands East-Indies 1930. 1930. Buitenzorg, Jawa: Department of Agriculture, Industry and Commerce.

Hasegawa, Nyozekan, 1965. *The Japanese Character*, terjemahan John Bester. Tokyo: Kodansha International.

Herrera, Fray Diego de. 1965. "Memoranda", dlm *The Colonization and Conguest of the Philippines by Spain*. Manila: Filipiniana Book Guild. (Dikumpulkan oleh sidang editor).

Herskovits, M.J., 1955. *Cultural Anthropology*. New York: A.A. Knopf.

Herzen, Alexander, 1856. *Selected Philosophical Works*, terjemahan L.

Navrozov. Moscow: Foreign Languages Publishing House.

Hill, A.H. 1955 "The Hikayat Abdullah", dlm *JMBRAS*, jil. XXVIII, bhg 3, Jun, 1955.

Hobson, J.S., 1938. *Imperialism*. London: Allen and Unwin.

Hoetink, H., 1961. "Colonial Psychology and Race", dlm *JEH*, jil. XXI, no. 4, 1961.

Hooker, M.B. (ed), 1970 *Readings in Malay Adat Laws*. Singapura: Singapore University Press.

Horowitz, I.L., 1961. *Philosophy, Science and the Sociology of Knowledge*.Illinois: C.C. Thomas,

Hourani, George F., 1963 *Arab Seafaring in the Indian Ocean in Ancient and Early Medieval Times*. Beirut: Khayats.

Huan, Ma, 1970. *Ying-Yai Sheng-Lan* (The Overall Survey of the Ocean's Shores), terjemahan Feng Cheng-Chun. (ed) J.V.G. Mills. London: Cambridge University Press.

Humphreys, J.L., 1914. "A Collection of Malay Proverbs" dlm *JSBRAS*, no. 67.

Husain, Zakir, 1967. *Capitalism*. London: Asia Publishing House.

Iongh, D. de, 1950. *Het Krijgswezen onder de Oostindische* Compagnie. 's-gravenhage: Stockum en Zoon.

Ireland, Alleyne, 1905. *The Far Eastern Tropics*. London: Archibald Constable.

Jakson, R.N., 1961 *Immigrant Labour anf the Development of Malaya*. Federation of Malaya: Government Printing Press.

Jagor, Feodor, 1916. "Travel in the Philippines", dalam Austin Craig, (ed), *The Former Philippines thru Foreign Eyes*. Manila: Philippine Education.

Jansen, M.H., 1849 "Gedachten over den Handel van den Indischen Archipel voor de komst de Europeanen", dlm *TNI* jil. 2, bhg. 1.

Johnson, Harry M., 1968. "Ideology"', dlm David L. Sills, (ed), *International Encyclopaedia of the Social Sciences*, jil. VII, Amerika Syarikat: Macmillan Free Press.

Jonge, J.K.J. de, 1864–1888. *De Opkomst van het Nederlandsch Gezag over Java*. 's-Gravenhage: Martinus Nijhoff, jil. 2–13.

Kato, Masuo, 1946. *The Lost War*. New York: Alfred A. Knopf.

Kawasaki, Ichiro, 1970. *Japan Unmasked*. Tokyo: Charles E. Tuttle.

Keddie, N.R., 1968. *An Islamic Response to Imperialism*. (Political and Religious Writings of Sayyid Jamaluddin al-Afghani.) Berkeley dan Los

Angeles: University of California Press.

Kennedy, Raymond, 1942. *The Angeless Indies*. New York: John Day.

Keppel, H., 1853. *A Visit to the Indian Archipelago*. London: Bentley, jil. 1, 2.

Khaldun, Abdul Rahman Ibn, 1958. *The Muqaddimah*, F. Rosenthal, (penterjemah dan ed). London: Routledge and Kegan Paul, 2 jil.

Kidd, Benjamin, 1898. *The Control of the Tropics*. New York: Macmillan.

Kiernan, V.C., 1969. *The Lords of Human Kind*. Weidenfeld and Nicolson.

Kluckhohn. C., 1957. "The Study of Culture", dlm D. Lerner, H. Lasswell (ed), *The Policy Sciences*. California: Stanford University Press.

Kohl, J.F. Halkema 1953/54. "Colonial Nationalism", dlm *Indonesie*, jil. VII, no. 1.

Kolakowski, Leszek, 1969. *Marxism and Beyond*, terjemahan J.Z. Peel. London: Pall Mall Press.

Kolff, G.H. van der, 1929. "European influence on native agriculture", dlm B. Shrieke (ed), *The Effect of Western Influence on Native Civilizations in the Malay Archipelago*. Batavia: Kolff.

Kyi, U Khin Maung, 1970. "Western enterprise and economic development in Burma", dlm *Journal of the Burma Research Society*, LIII. no. 1, Jun 1970.

La Mottte, Elen N., 1920. *The Opium Monopoly*. New York: Macmillan.

_________, Ellen N., 1924. *The Ethics of Opium*. New York: Century.

Lenin, V.I. (tanpa tarikh). *Imperialism, the Highest Stage of Capitalism*. Moscow: Foreign Languages Publishing House, (tanpa terbit), cetakan kedua.

Leur, J.C. van, 1955. *Indonesian Trade and Society*. The Hague: W. van Hoeve.

Lichtheim, G., 1971. *Imperialism*. London: Allen Lane Penguin Press.

1967. The *Concept of Ideology and Other Essays*. New York: Random House.

Linton, Ralph (ed), 1950. *The Science of Man in the World Crisis*. New York: Colombia University Press.

Little, R., 1848. "On the Habitual Use of Opium in Singapore", dlm *JIAEA*, jil. II. hlm. 1- 79.

Lodewycksz, illem, 1915. "D'Eerste Boeck", dlm G.P. Rouffaer, J.W. Ijzerman (ed), *De Eertse Schipvaart der Nederlanders naar Oost-Indie onder Cornelis de Houtman 1595–1957*. 's-Gravenhage: Martinus Nijhoff. jil 1.

Logan, J.R., 1848. "Memoirs of Malaya" (Che Solliman's narration), dlm. *JIAEA*, jil. II, no. VI, Jun 1848.

_________, 1847. "The present condition of the Indian Archipelago", dlm. *JIAEA*, jil. I, hlm 1–21.

Low, J., 1851. 'Notes on the progress of the nutmeg cultivation and trade from the early part of the 17th century up to the present', dlm *JIAEA*, jil. V, hlm 470–487.

Luthy, Herbert, 1961. "Colonization and the making of mankind", dlm *JEH*, jil. XXI, no. 4.

Luzzatto, G., 1961. *An Economic History of Italy from the Fall of the Roman Empire to the Beginning of the 16th Century*, terjemahan P. Jones. London: Routledge-Kegan Paul.

Mabini, Apolinario, 1969. *The Philippine Revolution*, terjemahan L.M. Guerrero. Manila: National Historical Commission.

MacMicking, Robert, 1957. *Recollections of Manila and the Philippines*. Manila: Filipiniana Book Guild,

Madariaga, de, 1949. *Englishmen, Frenchmen, Spaniards*. London: Oxford University Press.

Majul, Cesar A., 1971, "Social Background of Revolution", dlm *Asian Studies*, jil. IX, no. 1. April 1971, Manila.

1963, "A critique of Rizal's concept of a Filipino nation", dlm Leopoldo Y. Yabes (ed), *Jose Rizal in His Centenary*. Quezon City: University of the Philippines.

Malaya, 1970. Prosiding dan laporan suruhanjaya yang dilantik untuk menyiasat hal-hal tertentu yang berkaitan dengan kerajaan negeri Selangor yang baik tentang tuduhan menyalahgunakan dan penyelewengan kini di daerah pantai negeri Selangor Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Press.

_________, 1931. *Report of the Rice Cultivations Committee*. Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Press, jil I.

Malaysia, *Warta Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Penerangan dan Penyiaran, jil. 4. no 1, 5 Januari 1968, jil 4 no 11, 14 Mac 1968, jil 4 no 14, 4 April 1968, jil 4 no 17, 25 April 1968, jil 4 no 33, 15 Ogos 1968, jil 4 no 37, 12 September 1968, jil 4 no 43, 24 Oktober 1968, jil 4 no 52, 27 Disember 1968, jil 4 no 17, 24 April 1969.

Malaysian Digest, jil. 1, no 2, 14 Julai 1969. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Persekutuan.

Malcolm, George A., 1951. *First Malayan Republic*. Boston: Christopher.

Mannheim, Karl, 1948. *Ideology and Utopia*. London: Routledge-Kegan Paul.

Mannoni, O., *Prospero and Caliban*, terjemahan P. Powesland. London: Methuen.

Manrique, Sebastian. "The Travels of Fray Sebastian Manrique", dlm yang sama, G.F.G. Careri, *A Vogaye to the Philippines*. Manila: Filipiniana Book Guild.

Maquet J.J., 1951. *The Sociology of Knowledge*. Boston: Beacon Press.

Markham. C.R. (ed), 1877. *The Voyages of Sir James Lancaster to the East Indies*. London: Hakluyt Society.

Marsden, W., 1966. *The History of Sumatra*. London: Oxford University Press.

Marx, Karl, Engels, Friedrich, 1956. *The Holy Family*, terjemahan R. Dixon. Moscow: Foreign Languages Publishing House.

__________, 1970. *The German Ideology*. C.J. Arther Lawrence dan Wishart (ed), London.

__________, 1938. *The German Ideology*, R. Pascal Lawrence dan Wishart (ed), London.

__________, 1968. *On Colonialism*. Moscow: Progress Publisher.

__________, (t.t). *Selected Correspondence*. Moscow: Foreign Languages Publishing House.

__________, 1966. *On Religion*. Moscow: Progress Publishers.

__________, 1952. *The Russian Menace to Europe*. Dipilih dan disunting oleh P.W. Blackstock, B.F. Illinois Hoselitz. Free Press. Judulnya dibuat oleh penyunting.

__________, 1964. *The German Ideology*, S. Ryazanskaya (ed). Moscow: Progress Publisher.

Masselman, George, 1963. *The Cradle of Colonialism*. New Haven: Yale University Press.

__________, 1961. "Dutch colonial policy in the 17th century, dlm *JEH*, jil. XX, no. 4.

Mas, Sinibaldo de, 1963. *Report on the Conditions of the Philippines in 1842*. III. Terjemahan C. Botor, J. Palazon (ed). Manila: Historical Conservation Society.

__________, 1903–1909. "The character of friars", dlm E.H. Blair J.A. Robertson, *The Philippine Islands 1493-1898*. Ohio: Cleveland, jil XXVIII.

Maunier, Rene, 1949. *The Sociology of Colonies*. E.O. Lorimer (penterjemah dan ed). London: Routledge and Kegan Paul, jil. 1, 2.

Maxwell. W.E., "Malay Proverbs", dlm *JSBRAS*, no. 1, 2, 1878; no. 3,

1879; no. 11, 1883.

McNair, F., 1878. *Perak and the Malays*. London: Tinsley Brothers.

Mead. Margaret, 1953. "National Character", dlm A.L. Kroeber (ed), *Anthropology Today*. Chicago: University of Chicago Press.

1951. "The Study of National Character" dlm D. Lerner, H.D. Lasswell (ed) *The Policy Sciences*. California: Stanford University Press.

Maijer, R.P., 1960. *Max Havelar, 1860-1960*. Melbourne: University of Melbourne.

Meilink-Roelofsz, M.A.P., 1962. *Asian Trade and European Influence in the Indonesian Archipelago between 1500 and about 1630*. The Hague: Martinus Nijhoff.

Mendenhall, T.C., Henning, B.D. Foord, A.S. (ed), 1948. *The Quest for a Principle of Authority in Europe: 1715 to the Present*. New York: Henry Holt.bab X, "Imperialism".

Merton, Robert K., 1969. *Social Theory and Social Structure*. New York: Free Press.

Metzger, Walter P., "Generalization about national character: an analytical essay", dlm Louis Gottschalk (ed), *Generalization in the Writing of History*. Chicago: University of Chicago Press.

Middel, R.Brons, 1893. *Kesah Pelajaran Abdoellah bin Abdelkadir Moensji dari Singapoera sampai ke Negeri Kalantan*. Leiden: Brill.

Mohamad, Mahathir, 1970. *The Malay Dilemma*. Singapura: Asia Pasific Press.

Moon, P.T., 1937. *Imperialism and World Politics*. New York: Macmillan.

Moreland, W.H. (ed), 1934. *Peter Floris. His Voyage to the East Indies in the Globe (1611-1615)*. London: Hakluyt Society.

Morga, Antonio de, 1907. "History of the Philippine Islands". E.H. Blair J.A. Robertson (pent dan ed), dlm *The Philippine Islands 1493-1898*. Ohio: Cleveland, jil 1.

1962. *Historical Events of the Philippine Islands*, Jose Rizal (ed), E. Alzona (pent). Manila: Jose Rizal National Centennial Commission.

__________, 1971. *Sucesos de las Islas Filipinas*, terjemahan J.S. Cummins. London: Cambridge University Press (Hakluyt Society Series II jil. 140).

Muller, Hendrik P.N., 1914. "The Malay Peninsula in the past" terjemahan P.C.H. van Papendrecht, *JSBRAS*, no. 67, Disember 1914.

Multatuli (Douwes Dekker). *Over Vrije Arbeid in Nederlandsch Indie*. (Penerbit dan tahun terbit tidak diketahui.

__________, 1914. *Nog-eens Vrije-Arbeid*. Amsterdam: Cohen.

Muntinghe, H.W. 1864. "Rapport van H.W. Muntinghe, van 28 July, 1813" dlm *TNI*, jil. 2, Zaltbommel.

__________, 1851. "Het Stelsel van Regelmatige Belasting vergelijken met dat van Gedwongen Arbeid en Leverantien", dlm *TNI*. jil 13, bhg. 1.

Nadel, G.H. Curtis P. (ed), 1967 *Imperialism and Colonialism*. New York: Macmillan.

Narkswasdi, Udhis, Selvadurai, S., 1967 *Economic Survey of Padi Production in West Malaysia*. Laporan no 2, "Collective Padi Cultivation in Bachang Malacca". Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan syarikat kerjasama.

__________, 1967. *Economic Survey of Padi Productions in West Malaysia*. Laporan Selangor no. 1. Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Syarikat Kerjasama.

__________, 1967. *Economic Survey of Padi Production in West Malaysia*, Laporan Melaka no 3. Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Syarikat Kerjasama.

Netsher, E., 1870. *De Nederlanders in Djohorean Siak Bruijhiung en Wijt*. Batavia.

Newbold. T.J., 1839. *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*, London: John Murray, jil 1 dan 2.

Norris. Sir William, 1848. "Malay Amok Referred to Mahommedanism" dlm *JIAEA*, jil. III.

Parry, J. H., 1949. *Europe and a Wider World 1415-1715*. London: Hutchinson's University Library.

Patani, Haji Wan Mohammed, 1922. *Semangat Penghidupan*. Kelantan: Majlis Ugama Islam dan Istiadat Melayu. Kota Bahru, Kelantan (Bahasa Melayu dlm huruf Arab).

Penulis tidak diketahui, 1869. "Een Voorbeeld van Javaansche Luiheed", dlm *TNI*, bhg 3.

__________ (Inggeris). *Remarks on the Philippine Islands and on their Capital Manila, 1890-1822*. W. Thacker, 1828. Calcutta: St. Andrew's Library. Dicetak ulang dlm E.H. Blair, J.H. Robertson, (pent, ed), *The Philippine Islands 1493-1898*. jil. LI, 1801-1840. A.H. Clark, Cleveland, Ohio, 1903-1909.

Perron-de Roos, E. du, 1943. "Correspondentie van Dirk van Hogendorp met Zijn Broeder Gijsbert Karel", dlm *BTLVNI*, jil. 102.

Phelan, J.L., 1958/59. "Free versus compulsory labour: Mexico and the

Philippines, 1540-1648", dlm *Comparative Studies in Society and History*, jil 1 hlm 189-201.

_________, 1959. *The Hispanization of the Philippines*. Madison: University of Wisconsin Press.

Pierson, N.G., 1877. *Koloniale Politiek*. Amsterdan: P.N. van Kampen en Zoon.

Pilar, Marcelo H. del, 1958. *Monastic Supremacy in the Philippines*, Alzona (pent). Manila: Philippine Historical Association.

Pires, Tom, 1944. *The Oriental of Tom Pires*, Armando Cortesao (pent dan ed). London: Hakluyt Society, jil 2, siri kedua, no. 90.

Plamenatz, J., 1970. *Ideology*. London: Pal Mall.

Plekhanov, G.V., 1969. *Fundamental Problems of Marxism*. London: Lawrence and Wishart.

________, 1953. *Art and Social Life*, Rothstein (ed). London: Lawrence and Wishart.

Ponder, H. W., 1942. *Javanese Panorama*. London: Seeley Service.

Price, A. Grenfell,. *The Western Invasions of the Pacific and Its Continents*. London: Oxford University

Puthucheary, J.J, 1960. *Ownership and Control in the Malayan Economy*. Singapura: Eastern University Press.

Raffles, T.S., 1835 *Memoir*, Sophia Raffles (ed). London: James Duncan.

________, 1965. *The History of Java*. London: Oxford University Press, 2 jil.

Singapura, 1924. Prosiding jawatankuasa yang dipilih oleh yang terutama gabenor dan pesuruhjaya tinggi penyiasatan tentang hal yang berkaitan dengan penggunaan candu di Malaya di bawah British. Singapura: Government Printing Office.

Reed, Anthony, 1969. *The Contest for North Sumatra*. Oxford University/ University of Malaya Press.

Rengers, D.W. van Weldern, 1947. *The Failure of a Liberal Colonial Policy*. The Hague: Martinus Nijhoff.

Resink, G.J., 1968. *Indonesia's History between the Myths*. The Hague: W. van Hoeve.

Rizal, Jose 1964. "The indolence of the Filipinos", dlm. Alzona (pent dan ed), *Selected Essays and Letters of Jose Rizal*. Manila: Rangel and Sons.

Roff. W.R., 1967. *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur/New Havers: University of Malaya Press/Yale University Press.

Rose, J. Holland, 1935. *Man and the Sea*. Cambridge: Heffer and Sons.

Rowntree, Joshua, 1906. *The Imperial Drug Trade*. London: Methuen.

Roy, James A. Le, 1968. *Philippine Life in Town and Country*. Manila: Filipiniana Book Guild. *The Philippines Circa 1900*, XIII.

Rutter, Owen, 1937. *Triumphant Pilgrimage*, Harrap.

1922. *British North Borneo*. London: Constable.

Sande, Francisco de, 1965. "Relation of the Filipinos island's, dlm *The Colonization and the Conquest of the Philippines by Spain*. Manila: Filipiniana Book Guild, VIII (oleh sidang editor).

Sastri, V.S. Srinivasi, 1937. *Report on the Condition of Indian Labour in Malaya*. New Delhi: Government of India Press.

Schmalhausen, H.E.B., 1909. *Over Java en de Javanen*. Amsterdam: Van Kampen.

Schrieke, B. (ed), 1929. *The Effect of Western Influence on Native Civilizations in the Malay Archipelago*. Batavia: Kolff.

Schrieke, B., 1919. "Javanen als Zeen-en Handelsvolk", dlm *TITLV*, jil. LVIII.

_________, 1955. *Indonesian Sociological Studies*. The Hague: W. van Hoeve, bhg I.

_________, 1957. *Indonesian Sociological Studies*. The Hague: van Hoeve, bhg 2.

Schumpeter, Joseph 1958. *Imperialism*. H. Norden (terj). New York: Meridian Books.

Scrivenor, J., 1923. "Mining" dlm R.O. Windstedt. (ed). London: Malaya Constable.

See, Henri, 1928. *Modern Capitalism*, H.B. Vanderblue (terj). London: Noel Douglas.

Selvadurai. S., Arope, Ani, Mohammad Nik Hassani, 1969. "Socio-economic study of padi farms in the Kemubu area of Kelantan 1968". Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Syarikat Kerjasama.

Simmons, J.T., Wahyne, T.F., Anderson, G.W. Horacle, H.M., 1944. *Global Epidemiology*. London: Heinemann, jil. 1.

Snyder Louis L. (ed) 1962. *The Imperialism Reader*. New York: D van Nostrand.

Sombart, Werner 1967. *The Quintessence of Capitalism*, terjemahan M. Epstein. New York: Howard Fertig.

Stapel, F.W., 1936. *Cornelis Janszoon Speelman*. 's-Gravenhage M. Nijhoff.

_________, 1955. *Corpus Diplomaticum Neerlando-Indicum.* 's-Gravenhage M. Nijhoff, jil 6.

Stavorinus, J.S, 1798. *Voyages to the East-Indies.* Terjemahan S.H. Wilcocke, Robinson. London: Pater-Noster-Row, jil 1-3.

Stibbe, D.G. (ed), 1919. *Encyclopedia van Nederlandsch-Indie.* Art. "Slavernij". The Hague: Martinus Nijhoff E.J. Brill, jil 3.

_________, 1929. *Neerlands Indie.* Amsterdam: Elseiver.

Stockdale, J.J., 1811. *Sketches, Civil and Military of the Island of Java,* London (tanpa penerbit).

Stoney, B.O. 1908. "The Malays of British Malaya" dlm Arnold Wright (ed), *Twentieth Century Impresssions of British Malaya.* London: Lloyd's Greater Britain Publishing Company.

Singapura, 1887. *Straits Settlements Annual Report for the Year 1887.* Singapura: Government Printing Office, 1956.

Strausz-Hupe R. Hazard, H.W. (ed), 1956. *The Idea of Colonialism.* London: Atlantic Books.

Sultzberger. H.H., 1884. *All about Opium.* London, nama penerbit tidak tercatat.

Swettenham F.A., 1907. *The Real Malay.* London/New York: John Lane

_________, 1913. *Malay Sketches.* London/New York: John Lane.

_________, 1955. *British Malaya.* London: Allen and Unwin.

_________, 1967. *Stories ahd Sketches by Sir Frank Sweetenham,* disusun oleh W.R. Roff. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Sydney, R.J.H., 1926. *Malay Land.* London: Cecil Palmer.

Sze, S.A., 1926. *Geneva Opium Conferences.* Baltimore: John Hopkins Press.

Takizawa, Matsuyo, 1927. *The Penetration of Money Economy in Japan.* New York: AMS Press.

Thomson, J., 1875. *The Straits of Malacca, Indo-China and China.* London: Low, Marston and Searle.

Thomson, J.T., 1865. *Sequel to Some Glimpses of Life in the Far East.* London: Richardson.

_________, 1865. *Some Glimpses into Life in the Far East.* London: Richardson.

Tiele, P.A. "De Europeers in den Maleischien Archipel" dlm *BTLVNI*, jil. 25, 1877: 27, 1879, 28, 1880: 29, 1881; 30, 1882; 32, 1884; 35, 1886; 36, 1887.

_________, Heeres, J.E., 1890-95 *Bouwstoffen voor Geschiedenis der Ne-*

derlanders in den Indischen Archipel. M Nijhoff. 's-gravenhage: jil 1-3.

Tilman, R.O. (ed), 1969. *Man, State and Society in Contemporary South-east Asia.* New York: Prareger.

Tinling, J.F.B., 1876. *The Poppy-Plague and England's Crime.* London: Elliot Stock.

Torchiana, H.A. van Coenen, 1921. *Tropical Holland.* Chicago: University of Chicago Press.

Turner, F.S., 1876. *British Opium Policy and Its Result to India and China.* London: Low, Marston, Searle, Rivington.

Vaizey, J., 1971. *Revolutions of Our Time: Capitalism.* London: Weidenfeld and Nicolson.

Valentijn, F., 1884. "Description of Malacca", terjemahan D.F.A. Hervey, dlm *JSBRAS.* no. 18, Jun 1884.

Vandenbosch, A. 1933. *The Dutch East Indies.* Michigan Erdmans: Grand Rapids.

Vaughan, 1857. "Notes on the Malays of Pinang and Province Wellesley" dlm *JIAEA*, siri baru, jil II, no. 2.

Vetch, R.H., 1905. *Life of the Hon Lieut.-General Sir Andrew Clarke.* London: John Murray.

Veth, P.J. 1896/98. *Java*, Haarlem: Bohn, jil I dan II.

Vlieland, C.A., 1932. *A Report of the 1931 Census and on Certain Problems of Vital Statistics.* London: Malayan Information Agency.

Waal, E.de, 1860-61. *Nederlandsch India in de Staten-General sedert de Grondwet van 1814.* 's-Gravenhage: Nijhoff, jil 1-3.

Wallbank, T.W, Taylor, A.M. 1961. *Civilization.* U.S.A: Scott Foresman, edisi keempat.

Wanford Lock, C.G., 1907. *Mining in Malaya for Gold and Tin.* London: Crowther and Goodman.

Watson, M., 1921. *The Prevention of Malaria in the Federated Malay States.* London:John Murray.

Webwe, Max., 1968. *Economy and Society.* G. Roth, G. Roth. C. Wittich, (ed). New York: Besminster Press, tiga jilid.

Weber, Max 1958. *The Protestant Ethic and the Spirit of Capitalism.* terjemahan Talcott Parsons. New York: Charles Scribner.

Wertheim, F.W., 1965. *East West Parallels.* Chicago: Quadrangle Books.

Wertheim, W.F., 1969. *Indonsian Society in Transition.* The Hague: W. van Hoeve.

Westerhout, J.B. 1848. "Notes on Malacca" dlm *JIAFA*, jil. 11 no III, Mac 1848.

Wheeler, L.R., 1928. *The Modern Malay* London:Allen and Unwin,

White, Lynn, 1958. *Medieval Technology and Social Change*. London: Oxford University Press.

Wilughby, W.W., 1925. *Opium as an International Problem*. Baltimore: John Hopkins Press.

Wilson, C., 1939. *Annual Report of the Labour Department, Malaya, for the Year 1938*. Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Press.

_________, 1938. *Annual Report of the Labour Departement, Malaya, for the Year 1937*. Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Press.

Windstedt, R.O., 1956. *The Malays: A Cultural History*. London: Routledge and Kegan Paul.

_________, 1956. *Malaya and Its History*. London: Hutchinson University Library.

_________, 1958. "A History of Classical Malay Literature". dlm *JMBRAS* jil XXXI, bhg 3, monograf tentang Melayu, perkara 5.

_________, (ed), 1923. *Malaya*. London: Constable.

Jong P.E. de Josselin de, 1954. 'A Digest of The Customary Law of Sungai Ujong", dlm *JMBRAS*, jil. XXVII, bhg 3, Julai 1954.

_________, 1950. *Malay Proverbs*. London: John Murray.

Winks, Robin W.(ed), 1969. *The Age of Imperialism*. Printice-Hall Englewood Cliffs.

Winslow, E.M., 1948. *The Pattern of Imperialism*. New York: Columbia University Press.

Woodruff. W., 1966. *Impact of Western Man*. New York: Macmillan.

Wright, A. Reid. T.H., 1912. *The Malay Peninsula*. London: Fisher Unwin.

Wright, H.M. (ed), 1961. *The New Imperialism*. Boston: Heath.

Wright, H.R.C., 1952. "Muntinghe's Advise to Raffles on the land question in Java" dlm *BTLVNI*, jil. 108.

_________, 1961. *East-Indian Economic Problems of the Age of Cornwallis and Raffles*. London: Luzac.

Zaide, G.F., 1961. *Jose Rizal*. Manila: Villaneuva Book Store.

Zuniga, 1966. *Jaoquin Martinez de An Historical View of the Philippine Islands*, terjemahan J. Maver. Manila: Filipiniana Book Guild.

Indeks